



KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA




# MAKLUM BALAS KE ATAS LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

## SIRI 1 TAHUN 2013

MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN DAN  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN  
SERTA AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN  
DAN PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI





LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM LAPORAN KETUA  
AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN / JABATAN DAN  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN SERTA  
AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DAN  
PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI BAGI  
SIRI 1 TAHUN 2013



# **ISI KANDUNGAN**



**MAKLUM BALAS BAGI LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA SIRI 1 TAHUN 2013**  
**SENARAI KEMENTERIAN / JABATAN PERSEKUTUAN**

Perenggan	Kementerian / Jabatan	Muka Surat
2	<b>JABATAN PERDANA MENTERI</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pembinaan Kompleks Mahkamah Baru Kuantan, Pahang</li> </ul> </li> </ul>	3 – 11
3	<b>KEMENTERIAN KEWANGAN</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengurusan Cukai Petroleum</li> </ul> </li> </ul>	12 – 33
4	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Jabatan Kastam Diraja Malaysia</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengurusan Pangkalan Marin Kastam</li> </ul> </li> </ul>	34 – 44
5	<b>KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Projek Pembangunan Empangan Paya Peda, Besut, Terengganu</li> </ul>	45 - 65
6	<b>KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Program Transformasi Kedai Runcit (TUKAR)</li> </ul>	66 - 77

<b>Perenggan</b>	<b>Kementerian / Jabatan</b>	<b>Muka Surat</b>
7	<b>KEMENTERIAN KERJA RAYA</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Projek Membaik Pulih Dan Menaik Taraf Jalan Alor Setar – Kuala Nerang – Durian Burung, Kedah</li> </ul>	78 - 85
8	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Jabatan Kerja Raya</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pembinaan Politeknik Banting, Selangor</li> </ul> </li> </ul>	86 - 89
9	<b>KEMENTERIAN TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengurusan Skim Jaminan Dana Pembiayaan Teknologi Hijau</li> </ul>	90 - 99
10	<b>KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengurusan Program Skim Geran Penyelidikan Fundamental Di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)</li> </ul>	100 - 109
11	<b>KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengurusan Program Pemulihan Kanak-Kanak Kekurangan Zat Makanan</li> <li>- Pengurusan Perkhidmatan Kejuruteraan Peralatan Perubatan</li> <li>- Pengurusan Sajian Makanan Secara <i>Inhouse</i> Di Hospital</li> <li>- Pengurusan Klinik 1Malaysia</li> </ul>	110 - 121
12		122 - 142
13		143 - 162
14		163 - 171
15	<b>KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengurusan Perolehan Peralatan Pembelajaran Di Pusat Latihan Teknologi Tinggi Dan Institut Latihan Perindustrian</li> </ul>	172 - 183



Perenggan	Kementerian / Jabatan	Muka Surat
16	<b>KEMENTERIAN PERTAHANAN</b> - Pengurusan Perolehan Peralatan Perubatan Angkatan Tentera Malaysia	184 - 199
17	<b>KEMENTERIAN DALAM NEGERI</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Jabatan Sukarelawan Malaysia</b>                - Pengurusan Anggota Pasukan Sukarelawan Malaysia</li> </ul>	200 - 216
18	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Jabatan Penjara Malaysia</b>                - Pengurusan Perolehan Peralatan Dan Mesin Roti</li> </ul>	217 - 227

**MAKLUM BALAS BAGI LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA SIRI 1 TAHUN 2013  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN**

<b>Perenggan</b>	<b>Kementerian / Jabatan</b>	<b>Muka Surat</b>
20	Cradle Fund Sdn. Berhad	231 - 268
21	Malaysia Technology Development Corporation Sdn. Bhd	269 - 291

**MAKLUM BALAS BAGI LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA SIRI 1 TAHUN 2013  
PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN**

<b>Perenggan</b>	<b>Badan Berkanun Persekutuan</b>	<b>Muka Surat</b>
2	<b>Universiti Pendidikan Sultan Idris</b> - Pengurusan Pembinaan Kampus Sultan Azlan Shah	295 - 313
3	<b>Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional</b> - Pengurusan Sistem Pinjaman / Pembiayaan Pendidikan	314 - 321
4	<b>Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan</b> - Pengurusan Bekalan Makanan Di Institusi Pendidikan Dan Perlindungan	322 - 326
7	<b>Perbadanan Insurans Deposit Malaysia</b> - Pengurusan Perolehan	327 - 331

**MAKLUM BALAS BAGI LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA SIRI 1 TAHUN 2013  
PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN**

<b>Perenggan</b>	<b>Syarikat Subsidiari Badan Berkanun Persekutuan</b>	<b>Muka Surat</b>
9	<b>Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah</b> - Pengurusan RISDA Fleet Sdn. Berhad	335 - 340
10	<b>Majlis Amanah Rakyat</b> - Pengurusan F.I.T Center Sdn. Berhad	341 - 348
11	<b>Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia</b> - Pengurusan MAJUIKAN Forwarding Sdn. Berhad	349 - 351

**(AKTIVITI KEMENTERIAN / JABATAN)**



**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 1 TAHUN 2013**

**JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang**

**Perenggan 2 : Pembinaan Kompleks Mahkamah Baru Kuantan, Pahang**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
2.5.1.1.a	<p><b>Pencapaian Fizikal</b></p> <p>Berdasarkan kontrak, tempoh pembinaan yang ditetapkan bagi Kompleks ini adalah selama 546 hari (78 minggu) iaitu bermula daripada tarikh milik tapak oleh kontraktor pada 8 Julai 2009 hingga 4 Januari 2011. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati tarikh sebenar Kompleks tersebut disiapkan adalah pada 17 Julai 2012, tambahan selama 560 hari (80 minggu) menjadikan jumlah tempoh pembinaan adalah 1,106 hari (158 minggu) iaitu 102.6% melebihi tempoh sepatutnya disiapkan. Terdapat 4 kelulusan perlanjutan masa atau <i>Extension of Time</i> (EOT) telah diberikan kepada kontraktor. Semakan Audit terhadap ke semua 4 Perakuan EOT mendapati 487 daripada 560 hari (86.9%) telah diluluskan di bawah klausa 43.1(e) iaitu disebabkan arahan-arahan Pegawai Penguasa (PP); 38 hari (6.79%) di bawah klausa 43.1(b) disebabkan faktor cuaca yang luar biasa dan 35 hari (6.25%) di bawah klausa 43.1(i) disebabkan kelambatan di pihak lain yang ditugaskan oleh Kerajaan yang tidak terdapat dalam kontrak.</p> <p>Maklum Balas BHEUU Dan JKR Yang Diterima Pada 14 Februari 2014 Dan 3 Mac 2014</p> <p>Pelaksanaan projek ini di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua (PRE2) diputuskan selaras dengan ucapan YAB Timbalan Perdana Menteri/Menteri Kewangan semasa pembentangan Rang Undang-undang Perbekalan di Parlimen pada 10 Mac 2009. Projek ini menerima kelulusan daripada Kementerian Kewangan pada 29 April 2009 seterusnya ditenderkan pada 4 Mei 2009. Kontraktor dilantik pada 30 Jun 2009 dan tarikh projek dimulakan pada 8 Julai 2009 dan tarikh siap asal pada 4 Januari 2011 (18 bulan).</p> <p>Berdasarkan kepada kronologi di atas, tempoh perancangan seperti penyediaan reka bentuk dan dokumen kontrak adalah terlalu singkat iaitu 28 hari sahaja. Tambahan</p>	<p>Pelaksanaan projek ini di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua (PRE2) diputuskan selaras dengan ucapan YAB Timbalan Perdana Menteri/Menteri Kewangan semasa pembentangan Rang Undang-undang Perbekalan di Parlimen pada 10 Mac 2009. Projek ini menerima kelulusan daripada Kementerian Kewangan pada 29 April 2009 seterusnya ditender pada 4 Mei 2009. Kontraktor dilantik pada 30 Jun 2009 dan tarikh projek dimulakan pada 8 Julai 2009.</p> <p>Berdasarkan kepada kronologi di atas, tempoh perancangan seperti penyediaan reka bentuk dan dokumen kontrak adalah terhad dan terdapat keperluan untuk projek dimulakan segera, bagi tujuan merangsang aktiviti ekonomi negara. Sehubungan itu, agensi pelaksana telah menggunakan kaedah kontrak <i>provisional quantity</i> dengan <i>single line drawing</i> untuk memberi ruang kepada perincian kuantiti bahan/skop dan pengukuran semula semasa pelaksanaan projek. Faktor-faktor perancangan ini turut menyumbang kepada kelulusan-kelulusan lanjutan masa yang diberikan selain daripada faktor-faktor cuaca luar biasa yang melanda daerah Kuantan semasa tempoh pembinaan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>pula, terdapat keperluan untuk projek dimulakan segera, bagi tujuan merangsang aktiviti ekonomi negara dan perlu dibelanjakan dalam PRE2. Mengikut keadaan biasa, tempoh masa penyediaan reka bentuk, lukisan dan dokumen tender mengikut Sistem Pengurusan Kualiti JKR adalah di antara 6 hingga 9 bulan. Sehubungan itu, JKR telah menggunakan kaedah kontrak <i>provisional quantity</i> tanpa lukisan perincian yang lengkap untuk mempercepatkan pelaksanaan projek. Faktor-faktor seperti perubahan skop kerja atas permintaan pelanggan, faktor cuaca luar jangka turut menyumbang kepada kelulusan-kelulusan lanjutan masa yang diberikan.</p>	
<p><b>2.5.1.1.b</b></p>	<p>Berdasarkan klausa 44 syarat-syarat kontrak, kontraktor berhak untuk membuat tuntutan atas kerugian dan perbelanjaan disebabkan oleh kelambatan akibat daripada klausa 43.1(c), (d), (e), (f) dan (i). Semakan Audit mendapati Kontraktor telah membuat tuntutan berjumlah RM11.72 juta pada 15 Oktober 2012.</p> <p>Maklum Balas JKR Yang Diterima Pada 3 Mac 2014</p> <p>Pihak kontraktor telah menghantar notis tuntutan kepada JKR Negeri Pahang dalam tempoh yang telah ditetapkan pada 15 Oktober 2012. JKR Negeri Pahang telah mengadakan beberapa siri perbincangan dengan kontraktor dalam menentukan nilai tuntutan yang wajar. Permohonan tersebut akan dipanjangkan kepada Jawatankuasa Tuntutan di Ibu Pejabat JKR Kuala Lumpur setelah penilaian dibuat ke atas tuntutan tersebut. Permohonan tersebut dijangka dikemukakan pada pertengahan bulan Mac 2014.</p>	<p>JKR Pahang telah mengadakan beberapa siri perbincangan dengan kontraktor dalam menentukan nilai tuntutan yang wajar. Hasil perbincangan berhubung nilai tuntutan ini akan dikemukakan untuk perakuan Jawatan kuasa Tuntutan di peringkat ibu pejabat JKR Malaysia.</p> <p>Dalam hubungan ini, ibu pejabat JKR Malaysia akan memperakukan nilai tuntutan yang munasabah selewat-lewatnya sebelum 31 Mac 2014 bagi pertimbangan Kementerian Kewangan, berdasarkan penilaian teknikal yang dibuat oleh ibu pejabat JKR Malaysia sendiri dan nilai tuntutan yang akan dikemukakan oleh JKR Pahang sekiranya diperolehi.</p>
<p><b>2.5.1.1.c</b></p>	<p>Berdasarkan Buku Panduan Pentadbiran Kontrak Kerja Raya, PP perlulah meluluskan EOT sebelum berakhirnya tarikh penyiapan yang dibenarkan dalam kontrak. Semakan Audit mendapati kontraktor gagal menyiapkan pembinaan selepas tamat EOT ke-3 iaitu pada 12 Mei 2012 dan JKR telah mengeluarkan Perakuan Kerja Tidak Siap pada 14 Mei 2012. Kontraktor telah dikenakan bayaran ganti rugi tertentu dan ditetapkan (LAD) berjumlah RM1.06 juta iaitu RM25,804 sehari mulai 13 Mei hingga 22 Jun 2012 (41 hari) melalui bayaran interim no. 52. Bagaimanapun, Kontraktor telah membuat permohonan EOT ke-4 selama 66 hari pada 23 Jun 2012 iaitu selepas 42 hari daripada tarikh tamat EOT ke-3. EOT ke-4 tersebut hanya diluluskan oleh JKR pada 16 Julai 2012 iaitu satu hari sebelum ia tamat pada 17 Julai 2012. Sehubungan itu, LAD yang dikenakan dikembalikan kepada kontraktor melalui bayaran interim no. 53. Projek telah berjaya disiapkan dalam tempoh lanjutan masa yang diluluskan dan Perakuan Siap Kerja (CPC) telah dikeluarkan pada 17 Julai 2012.</p>	<p>Arahan Pegawai Penguasa (PP) yang dikeluarkan semasa pembinaan adalah disebabkan oleh keperluan semasa yang di luar jangka.</p> <p>Tempoh perancangan seperti penyediaan reka bentuk dan dokumen kontrak adalah terhad dan terdapat keperluan untuk projek dimulakan segera bagi tujuan merangsang aktiviti ekonomi negara. Sehubungan itu, agensi pelaksana telah menggunakan kaedah kontrak <i>provisional quantity</i> dengan <i>single line drawing</i> untuk memberi ruang kepada perincian kuantiti bahan/skop dan pengukuran semula semasa pelaksanaan projek. Faktor ini menyumbang kepada perubahan dalam skop kerja semasa pelaksanaan projek yang menyebabkan EOT di bawah klausa 43.1 (e).</p>



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
2.5.1.2.a	<p><b>Pencapaian Kewangan Projek</b></p> <p>Kementerian Kewangan telah meluluskan siling projek berjumlah RM190 juta di bawah PRE 2 termasuk bayaran bagi perunding. Semakan Audit mendapati sejumlah RM173.94 juta (91.55%) daripada peruntukan yang diluluskan bagi pembinaan Kompleks telah dibelanjakan setakat bulan November 2013.</p>	<p>Perubahan-perubahan kerja yang telah diluluskan seperti di Jadual 3 adalah melibatkan keperluan-keperluan teknikal serta pengukuran semula dan pelarasan harga yang perlu dibuat. Perubahan ini berlaku terutama kerana projek ini ditenderkan berasaskan <i>provisional quantity</i>. Kerja-kerja tambahan (VO) yang menyebabkan peningkatan kos sebanyak 12.4% ini perlu dilaksanakan untuk memastikan kesempurnaan projek.</p>
2.5.1.2.b	<p>Semakan Audit mendapati nilai kontrak asal yang dipersetujui oleh Kerajaan bagi pembinaan Kompleks tersebut adalah berjumlah RM157.34 juta. Bagaimanapun setakat tarikh pengauditan, nilai kontrak tersebut telah meningkat sejumlah RM19.56 juta (12.4%) disebabkan oleh 21 Arahan Perubahan Kerja (APK) dan 11 Pelarasan Harga Kontrak (PHK), menjadikan harga keseluruhan kontrak berjumlah RM176.90 juta.</p> <p>Maklum Balas JKR Yang Diterima Pada 14 Februari 2014 Dan 3 Mac 2014</p> <p>Perubahan-perubahan kerja yang telah diluluskan seperti di Jadual 2.3 adalah melibatkan keperluan-keperluan teknikal serta pengukuran semula dan pelarasan harga yang perlu dibuat. Perubahan ini berlaku terutama kerana projek ini ditenderkan berasaskan <i>provisional quantity</i>. Kerja-kerja tambahan (VO) yang menyebabkan peningkatan kos sebanyak 12.4% ini perlu dilaksanakan untuk mengikut keperluan semasa di tapak, reka bentuk, pelanggan serta PBT sebelum <i>Certificate of Completion and Compliance</i> dapat dikeluarkan.</p>	
2.5.2.1.b	<p><b>Pentadbiran Kontrak - Tempoh Tanggungan Kecacatan</b></p> <p>JKR Bahagian Senggara Fasiliti Bangunan, Cawangan Kejuruteraan Senggara, Ibu Pejabat JKR Malaysia dalam tempoh DLP telah mengeluarkan Laporan Pemeriksaan Dan Penilaian Keadaan Fasiliti Kompleks Mahkamah Kuantan Bandar Seri Indera Mahkota Pahang Bil. 1 Tahun 2013 terhadap hasil pemeriksaan fizikal yang dibuat antara 13 hingga 15 Mac 2013 melibatkan 275 kecacatan. Antaranya ialah ketidakpatuhan terhadap spesifikasi pemasangan siling yang telah diterbitkan pada tahun 2009 untuk memastikan setiap pemasangan siling dipasang dalam keadaan yang betul dan sempurna. Selain itu, terdapat kemudahan RC <i>gutter</i> tetapi tidak mempunyai sebarang saluran air keluar yang boleh mengakibatkan kegagalan sistem kalis air. Laporan tersebut menyatakan hasil pembinaan bangunan Mahkamah secara keseluruhannya adalah kurang memuaskan kerana terdapat 41 kecacatan kritikal yang boleh menjejaskan aspek keselamatan dan kebolehfungsi kompleks. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati tiada laporan tindakan pembaikan ke atas kecacatan/kerosakan yang dilaporkan.</p>	<p>Senarai kecacatan yang telah dilaporkan oleh JKR Bahagian Senggara Fasiliti Bangunan, Cawangan Kejuruteraan Senggara, Ibu Pejabat JKR Malaysia telah diambil tindakan oleh kontraktor.</p> <p>Mesyuarat Semakan Kecacatan telah diadakan secara berkala sepanjang tempoh DLP. Dari masa ke semasa, kontraktor telah menjalankan kerja-kerja pembaikan kecacatan berdasarkan laporan-laporan yang dibentangkan semasa mesyuarat tersebut. Namun begitu, terdapat juga masalah/kerosakan berulang sehingga tamat DLP.</p> <p>Berdasarkan maklumbalas semasa <i>exit conference</i>, pihak JKR dalam usaha mengurangkan risiko kerosakan berulang berlaku akan melaksanakan kerja-kerja pemeriksaan dan pembaikan menggunakan kaedah <i>random mapping</i> di keseluruhan mahkamah. Urusan pengeluaran notis</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Maklum Balas JKR Yang Diterima Pada 3 Mac 2014</p> <p>Semua 275 kecacatan termasuk 41 kecacatan kritikal telah diambil tindakan oleh kontraktor secara berperingkat dalam tempoh DLP yang berakhir pada bulan Oktober 2013. Pemasangan siling dan RC gutter telah diambil tindakan selepas exit conference pada 6 Februari 2014 dan selesai pada 20 Februari 2014. Semua tindakan pembaikan telah dilaporkan melalui Mesyuarat DLP yang diadakan sebanyak 13 kali bermula 17 Januari hingga 21 November 2013.</p>	<p>pemberitahuan kepada kontraktor akan diselesaikan sebelum 21 Februari 2014 dan tempoh pelaksanaan kerja <i>random mapping</i> diberi sehingga 7 Mac 2014.</p> <p>Pada masa yang sama, <i>Certificate of Making Good Defects</i> (CMGD) tidak dikeluarkan kepada kontraktor disebabkan kerja pembaikan kecacatan yang belum disempurnakan.</p> <p>Sekiranya pihak kontraktor masih gagal menyempurnakan kerja-kerja pembaikan sehingga 7 Mac 2014, pihak JKR akan melantik pihak ketiga bagi menyempurnakan kerja-kerja pembaikan tersebut dan seterusnya merampas baki bon pelaksanaan sebanyak RM7,866,941.90 yang sah laku sehingga 17 Julai 2014.</p>
<p><b>2.5.2.1.c</b></p>	<p>Pemeriksaan Audit selanjutnya yang dijalankan pada 17 hingga 21 Jun 2013 mendapati berlaku 144 jenis kerosakan pada siling, dinding, expansion joint, apron, tiang, cornice, parapet, rasuk, tembok dan lantai serta lain-lain kerosakan di beberapa lokasi. Bagaimanapun 103 daripada 144 kecacatan /kerosakan yang dilaporkan telah diambil tindakan pembaikan.</p> <p>Maklum Balas JKR Yang Diterima Pada 14 Februari 2014 Dan 3 Mac 2014</p> <p>Mesyuarat Semakan Kecacatan telah diadakan secara berkala sepanjang tempoh DLP. Dari semasa ke semasa, kontraktor telah menjalankan kerja-kerja pembaikan kecacatan berdasarkan laporan-laporan yang dibentangkan semasa mesyuarat tersebut. Namun begitu, terdapat masalah/kerosakan berulang sehingga tamat DLP.</p>	
<p><b>2.5.2.1.d</b></p>	<p>Pihak Audit mendapati kebanyakan kerosakan adalah melibatkan siling berkulat dan melendut. Perkara ini telah dibangkitkan pada 21 Jun 2013 dalam mesyuarat penutup lawatan Audit. Berdasarkan maklum balas pihak JKR semasa mesyuarat tersebut, pihak JKR akan mengambil tindakan dengan mengadakan perbincangan dengan kontraktor dan perunding bagi mengenalpasti punca siling berkulat dan melendut dan akan mengatasi isu tersebut sebelum tempoh DLP berakhir. Hasil daripada semakan susulan Audit pada 5 Februari 2014 mendapati tindakan telah diambil untuk menggantikan siling yang berkulat. Bagaimanapun pihak Audit mendapati ada tanda-tanda siling berkulat akan berulang dan tindakan bagi pembaikan siling melendut masih belum diambil.</p> <p>Maklum Balas JKR Yang Diterima Pada 14 Februari 2014</p> <p>Pihak perunding telah menjalankan siasatan terhadap kehadiran kulat di siling. Ianya berpunca daripada kelembapan udara di mana peratus RH didapati melebihi 70%. Sistem hawa dingin telah dipasang menepati kehendak reka bentuk mengikut <i>setting</i> pihak pembekal hawa dingin. Pihak perunding dan kontraktor telah menjalankan <i>running test</i> untuk mendapatkan peratus RH yang bersesuaian dengan <i>occupancy</i> semasa yang mana bangunan masih belum diduduki sepenuhnya. Dengan setting di AHU yang baru untuk disesuaikan bangunan yang tidak dipenuhi sepenuhnya, pihak kontraktor telah mendapat bacaan peratus RH yang lebih kering iaitu di antara 53% hingga 63%. Jika setting ini dapat dikekalkan dan diguna pakai untuk keseluruhan sistem hawa dingin berpusat, masalah kulat dapat diatasi.</p> <p>Berdasarkan maklum balas semasa <i>exit conference</i>, pihak JKR dalam usaha mengurangkan risiko kerosakan berulang berlaku akan melaksanakan kerja-kerja pemeriksaan dan pembaikan menggunakan kaedah <i>random mapping</i> di keseluruhan mahkamah. Urusan pengeluaran</p>	<p>Pihak perunding telah menjalankan siasatan terhadap kehadiran kulat di siling. Ianya berpunca daripada kelembapan udara di mana peratus RH didapati melebihi 70%. Sistem hawa dingin telah dipasang menepati kehendak reka bentuk mengikut <i>setting</i> pihak pembekal hawa dingin. Pihak perunding dan kontraktor telah menjalankan <i>running test</i> untuk mendapatkan peratus RH yang bersesuaian dengan <i>occupancy</i> semasa yang mana bangunan masih belum diduduki sepenuhnya. Dengan setting di AHU yang baru untuk disesuaikan bangunan yang tidak dipenuhi sepenuhnya, pihak kontraktor telah mendapat bacaan peratus RH yang lebih kering iaitu di antara 53% hingga 63%. Jika setting ini dapat dikekalkan dan diguna pakai untuk keseluruhan sistem hawa dingin berpusat, masalah kulat dapat diatasi.</p> <p>Berdasarkan maklum balas semasa <i>exit conference</i>, pihak JKR dalam usaha mengurangkan risiko kerosakan berulang berlaku akan melaksanakan kerja-kerja pemeriksaan dan pembaikan menggunakan kaedah <i>random mapping</i> di keseluruhan mahkamah. Urusan pengeluaran</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>pihak pembekal hawa dingin. Pihak perunding dan kontraktor telah menjalankan <i>running test</i> untuk mendapatkan peratus RH yang bersesuaian dengan <i>occupancy</i> semasa yang mana bangunan masih belum diduduki sepenuhnya. Dengan <i>setting</i> di AHU yang baru untuk disesuaikan bangunan yang tidak dipenuhi sepenuhnya, pihak kontraktor telah mendapat bacaan peratus RH yang lebih kering iaitu di antara 53% hingga 63%. Jika <i>setting</i> ini dapat dikekalkan dan diguna pakai untuk keseluruhan sistem hawa dingin berpusat, masalah kulat dapat diatasi.</p> <p>Berdasarkan maklum balas semasa <i>exit conference</i>, pihak JKR dalam usaha mengurangkan risiko kerosakan berulang berlaku dan akan melaksanakan kerja-kerja pemeriksaan dan pembaikan menggunakan kaedah <i>random mapping</i> di keseluruhan mahkamah sebelum 21 Februari 2014.</p> <p>Pada masa yang sama, <i>Certificate of Making Good Defects</i> (CMGD) tidak dikeluarkan kepada kontraktor disebabkan kerja pembaikan kecacatan yang belum disempurnakan.</p> <p>Sekiranya pihak kontraktor masih gagal menyempurnakan kerja-kerja pembaikan sehingga 7 Mac 2014, pihak JKR akan melantik pihak ketiga bagi menyempurnakan kerja-kerja pembaikan tersebut dan seterusnya merampas baki bon pelaksanaan sebanyak RM7,866,941.90 yang sah laku sehingga 17 Julai 2014.</p>	<p>notis pemberitahuan kepada kontraktor akan diselesaikan sebelum 21 Februari 2014 dan tempoh pelaksanaan kerja <i>random mapping</i> diberi sehingga 7 Mac 2014.</p> <p>Pada masa yang sama, <i>Certificate of Making Good Defects</i> (CMGD) tidak dikeluarkan kepada kontraktor disebabkan kerja pembaikan kecacatan yang belum disempurnakan.</p> <p>Sekiranya pihak kontraktor masih gagal menyempurnakan kerja-kerja pembaikan sehingga 7 Mac 2014, pihak JKR akan melantik pihak ketiga bagi menyempurnakan kerja-kerja pembaikan tersebut dan seterusnya merampas baki bon pelaksanaan sebanyak RM7,866,941.90 yang sah laku sehingga 17 Julai 2014.</p>
2.5.2.1.e	<p>Berdasarkan kontrak yang ditandatangani antara kontraktor dan Subkontraktor NSC, pihak yang bertanggungjawab untuk menyenggara peralatan yang dibekalkan dalam tempoh DLP adalah Subkontraktor NSC. Bagi memastikan tempoh jangka hayat peralatan/pembinaan dapat ditingkatkan, kerja penyenggaraan perlu dilaksanakan secara menyeluruh terhadap semua komponen sepanjang tempoh tersebut. Bagaimanapun, semasa lawatan Audit didapati set janakuasa tidak dapat berfungsi sebagai sokongan kepada terputus/gangguan bekalan elektrik. Setelah teguran Audit, pihak kontraktor telah mengambil tindakan pembaikan ke atas janakuasa tersebut pada 21 Jun 2013. Selain itu, terdapat juga beberapa unit penghawa dingin tidak berfungsi/rosak/memerlukan penyenggaraan. Bagi kerja penyenggaraan lif pula, berdasarkan rekod penyenggaraan yang disemak didapati kerja tersebut telah dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan. Bagaimanapun, berdasarkan maklum balas pihak Mahkamah, kerosakan lif masih kerap berlaku bagi beberapa unit lif terutamanya lif awam dan lif Orang Kena Tuduh (OKT) yang boleh menjejaskan kelancaran perkhidmatan Mahkamah.</p> <p>Maklum Balas JKR Yang Diterima Pada 14 Februari 2014 Dan 3 Mac 2014</p> <p>Kesemua unit lif telah dibaik pulih dan beroperasi seperti biasa mengikut rekod</p>	<p>Ke semua unit lif telah dibaik pulih dan beroperasi seperti biasa mengikut rekod senggara. Pihak kontraktor lif juga telah memberi kerjasama dalam melaksanakan penyenggaraan semasa selain mengelakkan risiko lif tidak berfungsi.</p> <p>Kontraktor penyenggaraan komprehensif bagi kerja-kerja mekanikal dan elektrik (M&amp;E) di Kompleks Mahkamah Baru Kuantan akan dilantik selewat-lewatnya pada 31 Mac 2014, yang turut meliputi kerja-kerja penyenggaraan lif secara berkala.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	senggara. Pihak kontraktor lif juga telah memberi kerjasama dalam melaksanakan penyenggaraan semasa selain mengelakkan risiko lif tidak berfungsi.	
2.5.2.1.f	<p>Selain itu, pemeriksaan Audit di <i>detention pond</i> mendapati ia tidak disenggarakan dengan sempurna/berkala sehingga rumput-rampai tumbuh dan sampah-sarap terkumpul di penapis kolam tersebut. Adalah didapati lampu penunjuk kebakaran pada <i>Clean Agent Control Panel</i> di bilik kawalan dan beberapa alat pengesan asap di dalam bilik fail sentiasa menyala. Ini menunjukkan bahawa sistem tersebut sedang mengesan asap/wap di dalam bilik fail. Bagaimanapun selepas teguran pihak Audit, tindakan penyenggaraan/pembaikan telah dibuat oleh kontraktor.</p> <p>Maklum Balas Mahkamah Yang Diterima Pada 14 Februari 2014</p> <p>Kontraktor penyenggaraan komprehensif bagi kerja-kerja mekanikal dan elektrik (M&amp;E) di Kompleks Mahkamah Baru Kuantan akan dilantik selewat-lewatnya pada 31 Mac 2014, yang turut meliputi kerja-kerja penyenggaraan lif secara berkala.</p> <p>Pada pendapat Audit, JKR/perunding perlu meningkatkan pemantauan terhadap kerja kontraktor dan memastikan kontraktor mematuhi kekerapan penyenggaraan yang ditetapkan dan membaiki kerosakan/kecacatan. Bagi menjamin peralatan/komponen yang dibina dapat berfungsi dengan baik secara berterusan, pihak Mahkamah/JKR hendaklah memastikan kontraktor yang dilantik menjalankan kerja-kerja penyenggaraan mengikut jadual yang telah ditetapkan.</p>	Kontraktor penyenggaraan komprehensif bagi kerja-kerja mekanikal dan elektrik (M&E) di Kompleks Mahkamah Baru Kuantan akan dilantik selewat-lewatnya pada 31 Mac 2014, yang turut meliputi kerja-kerja penyenggaraan lif secara berkala.
2.5.3.1	<p><b>Kualiti Pembinaan - Reka Bentuk Pembinaan Yang Tidak Sesuai/Praktikal</b></p> <p>Bagi memastikan setiap kerja dilaksanakan dengan sempurna dan mencapai objektif yang ditetapkan, perancangan perlu dilakukan pada peringkat awal reka bentuk pembinaan. Semakan Audit mendapati ada reka bentuk binaan Kompleks yang tidak sesuai/tidak praktikal.</p> <p>Maklum Balas JKR Yang Diterima Pada 14 Februari 2014 Dan 3 Mac 2014</p> <p>Pihak JKR mengambil maklum mengenai kelemahan pihak perunding yang dilantik JKR dalam melaksanakan tugas pemantauan sehingga mengakibatkan berlakunya kecacatan yang dilaporkan. Arahan telah diberikan kepada kontraktor semasa mesyuarat pada 6 Februari 2014 untuk melaksanakan kerja pembaikan kecacatan dan kerja pembaikan tersebut telah selesai pada 20 Februari 2014.</p>	Pihak JKR mengambil maklum mengenai kelemahan pihak perunding yang dilantik JKR dalam melaksanakan tugas pemantauan sehingga mengakibatkan berlakunya kecacatan yang dilaporkan. Arahan telah diberikan kepada kontraktor semasa mesyuarat pada 6 Februari 2014 untuk melaksanakan kerja pembaikan kecacatan. Urusan pengeluaran notis pemberitahuan kepada kontraktor akan diselesaikan sebelum 21 Februari 2014 dan tempoh menyelesaikan kerja pembaikan diberi sehingga 7 Mac 2014.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>2.5.3.2</b></p>	<p><b>Pembinaan Tidak Menepati Spesifikasi Kontrak/Lukisan</b></p> <p>Lawatan Audit mendapati beberapa kerja yang dilaksanakan tidak mengikut spesifikasi kontrak/lukisan yang ditetapkan. Contohnya, berdasarkan rekod material oleh perunding Ruj: AL-1107/Mahkamah Kuantan/192 bertarikh 11 Oktober 2010, bahan yang perlu digunakan bagi sistem gantungan siling adalah daripada jenis klip dan <i>iron rod</i> dengan ukuran diameter 4mm. Bagaimanapun, pemeriksaan Audit mendapati <i>iron rod</i> yang digunakan berukuran 3mm.</p> <p>Maklum Balas JKR Yang Diterima Pada 14 Februari 2014</p> <p>Pejabat ini telah memeriksa dan menyemak reka bentuk binaan Kompleks daripada pihak perunding dan mendapati ianya adalah bersesuaian. Namun begitu, percanggahan reka bentuk dengan binaan sebenar di tapak berlaku bergantung kepada keadaan semasa/kesesuaian serta keperluan semasa di tapak terutamanya yang melibatkan isu-isu keselamatan. Bagaimanapun, pejabat ini telah mengarahkan kontraktor supaya menjalankan kerja-kerja pembaikan ke atas setiap binaan yang tidak sesuai/tidak praktikal sebagaimana yang dilaporkan.</p> <p>Pihak kontraktor telah melaksanakan kerja pembaikan ke atas sebahagian daripada kecacatan yang dilaporkan. Namun begitu, JKR akan turut melaksanakan kaedah <i>random mapping</i> bagi memastikan spesifikasi klip dan <i>iron rod</i> yang dipasang di seluruh bangunan Mahkamah menepati spesifikasi yang ditetapkan di dalam kontrak. Arahan telah diberikan kepada kontraktor semasa mesyuarat pada 6 Februari 2014 untuk melaksanakan kerja pembaikan kecacatan. Urusan pengeluaran notis pemberitahuan kepada kontraktor akan diselesaikan sebelum 21 Februari 2014 dan tempoh menyelesaikan kerja pembaikan diberi sehingga 7 Mac 2014.</p>	<p>Pihak JKR telah memeriksa dan menyemak reka bentuk binaan Kompleks daripada pihak perunding dan mendapati ianya adalah bersesuaian. Namun begitu, percanggahan reka bentuk dengan binaan sebenar di tapak berlaku bergantung kepada keadaan semasa/kesesuaian serta keperluan semasa di tapak terutamanya yang melibatkan isu-isu keselamatan. Bagaimanapun, pihak JKR telah mengarahkan kontraktor supaya menjalankan kerja-kerja pembaikan ke atas setiap binaan yang tidak sesuai/tidak praktikal sebagaimana yang dilaporkan.</p> <p>Pihak kontraktor telah melaksanakan kerja pembaikan ke atas sebahagian daripada kecacatan yang dilaporkan. Namun begitu, JKR akan turut melaksanakan kaedah <i>random mapping</i> bagi memastikan spesifikasi klip dan <i>iron rod</i> yang dipasang di seluruh bangunan Mahkamah menepati spesifikasi yang ditetapkan di dalam kontrak. Arahan telah diberikan kepada kontraktor semasa mesyuarat pada 6 Februari 2014 untuk melaksanakan kerja pembaikan kecacatan. Urusan pengeluaran notis pemberitahuan kepada kontraktor akan diselesaikan sebelum 21 Februari 2014 dan tempoh menyelesaikan kerja pembaikan diberi sehingga 7 Mac 2014.</p>
<p><b>2.5.3.3.a</b></p>	<p><b>Kerja Pembinaan Tidak Memuaskan</b></p> <p>Kerja-kerja pembinaan perlu dilaksanakan dengan kemas dan pada tahap piawai yang boleh diterima serta memenuhi standard kualiti umum bagi menjamin keselamatan bangunan dan memastikan penggunaan secara optimum dapat dikekalkan secara berterusan. Bagaimanapun, pemeriksaan Audit mendapati beberapa bahan/kerja yang dilaksanakan di Kompleks adalah tidak berkualiti, tidak tahan lama atau tidak memuaskan.</p>	<p>Pihak JKR mengambil maklum mengenai kelemahan pihak perunding yang dilantik JKR dalam melaksanakan tugas pemantauan sehingga mengakibatkan berlakunya kecacatan yang dilaporkan. Arahan telah diberikan kepada kontraktor semasa mesyuarat pada 6 Februari 2014 untuk melaksanakan kerja pembaikan kecacatan. Di samping itu, tindakan susulan mengikut peraturan sedia ada akan diambil ke atas pihak perunding berdasarkan kepada kelemahan-kelemahan yang dilaporkan. Urusan pengeluaran notis pemberitahuan kepada kontraktor akan diselesaikan sebelum 21 Februari 2014 dan tempoh menyelesaikan kerja pembaikan</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>2.5.3.3.b</b></p>	<p>Lawatan Audit juga mendapati beberapa hasil kerja pembinaan yang tidak berkualiti/tidak memuaskan/tidak sempurna, antaranya melibatkan pintu, lantai, dinding, perabot dan siling. Didapati pintu dipasang terbalik, tidak boleh ditutup rapat, kecerunan permukaan lantai adalah tidak sesuai menyebabkan air bertakung pada konkrit <i>gutter</i> dan di bawah ruang tangga. Selain itu, terdapat juga kerja masih belum sempurna seperti kerja melepai/mengecat tidak siap, <i>netting</i> yang masih belum dipasang dan lubang pada dinding belum ditutup sepenuhnya.</p> <p>Maklum Balas JKR Yang Diterima Pada 14 Februari 2014 Dan 3 Mac 2014</p> <p>Pihak JKR mengambil maklum mengenai kelemahan pihak perunding yang dilantik JKR dalam melaksanakan tugas pemantauan sehingga mengakibatkan berlakunya kecacatan yang dilaporkan. Arahan telah diberikan kepada kontraktor semasa mesyuarat pada 6 Februari 2014 untuk melaksanakan kerja pembaikan kecacatan dan kerja pembaikan telah selesai pada 20 Februari 2014. Di samping itu, tindakan susulan mengikut peraturan sedia ada akan diambil ke atas pihak perunding berdasarkan kepada kelemahan-kelemahan yang dilaporkan.</p>	<p>diberi sehingga 7 Mac 2014.</p>
<p><b>2.5.3.4</b></p>	<p><b>Perbezaan Lukisan Siap Bina Dengan Binaan Sebenar</b></p> <p>Lukisan Siap Bina hendaklah dikemas kini sepanjang perjalanan projek dan hendaklah dikemukakan kepada PP secara berperingkat menurut aturan kerja. Semakan Audit mendapati Lukisan Siap Bina telah disediakan oleh kontraktor, bagaimanapun terdapat perbezaan dengan binaan sebenar.</p> <p>Maklum Balas JKR Yang Diterima Pada 14 Februari 2014 Dan 3 Mac 2014</p> <p>Pihak kontraktor telah membuat pindaan terhadap lukisan siap bina untuk disesuaikan kepada susun atur kepada bilik-bilik yang berkenaan dan penyerahan lukisan yang telah disahkan oleh perunding telah diserahkan kepada pihak pelanggan. Walau bagaimanapun, terdapat percanggahan dikesan di antara lukisan yang dikemukakan dengan binaan sebenar. Pihak JKR telah mengarahkan kontraktor untuk membuat pengemaskinian/ pindaan ke atas lukisan siap bina (<i>As Built Drawing</i>). Pihak JKR menetapkan supaya kontraktor mengemukakan semula lukisan yang telah dikemaskini selewat-lewatnya pada 7 Mac 2014.</p> <p>Pada pendapat Audit, pihak BHEUU hendaklah memastikan agar kerja yang tidak mematuhi spesifikasi, tidak sesuai, tidak berkualiti dan tidak memuaskan diambil tindakan pembaikan bagi memastikan Kerajaan mendapat <i>best value for money</i>.</p>	<p>Pihak kontraktor telah membuat pindaan terhadap lukisan siap bina untuk disesuaikan kepada susun atur kepada bilik-bilik yang berkenaan dan penyerahan lukisan yang telah disahkan oleh perunding telah diserahkan kepada pihak pelanggan. Walau bagaimanapun, terdapat percanggahan dikesan di antara lukisan yang dikemukakan dengan binaan sebenar. Pihak JKR telah mengarahkan kontraktor untuk membuat pengemaskinian/ pindaan ke atas lukisan siap bina (<i>As Built Drawing</i>). Pihak JKR menetapkan supaya kontraktor mengemukakan semula lukisan yang telah dikemaskini selewat-lewatnya pada 7 Mac 2014.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pihak Perunding perlu memastikan semakan menyeluruh dijalankan sebelum lukisan siap bina dimuktamadkan. Selain itu, JKR hendaklah memberi khidmat nasihat teknikal kepada BHEUU selain daripada memantau dan menyelia kemajuan kerja kontraktor serta memastikan kerja yang dilakukan oleh kontraktor sesuai/lengkap, mengikut spesifikasi dan berkualiti bagi projek akan datang.</p>	
<p><b>2.5.4</b></p>	<p><b>Perabot/Peralatan Tiada Di Lokasi Sepatutnya</b></p> <p>Lawatan Audit di beberapa kawasan Kompleks mendapati perabot/peralatan yang sepatutnya dibekalkan seperti syarat kontrak tiada/tidak mencukupi di lokasi. Bagaimanapun, berdasarkan maklum balas JKR pada 31 Disember 2013, pembekalan dan pemasangan perabot/peralatan adalah seperti dalam kontrak.</p> <p>Maklum Balas JKR Yang Diterima Pada 3 Mac 2014</p> <p>Memandangkan bangunan ini bukan reka bentuk piawai (yang boleh dianggarkan atau ditentukan kepada standard dan kos) penambahan atau pengurangan pada kuantiti yang dipasang adalah mengikut keperluan teknikal/pembinaan dan keselamatan pengguna. Peralatan yang dipasang adalah sebagaimana di dalam kontrak dan diserahkan kepada pelanggan surat rujukan NE/0909-079 yang bertarikh 21 Mei 2013. Pendaftaran peralatan ELV masih dalam tindakan Mahkamah Kuantan.</p> <p>Pada pendapat Audit, rekod harta modal perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini oleh pihak Mahkamah selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan. Ini bertujuan untuk memastikan perabot/peralatan fizikal adalah sama seperti yang ditunjukkan di dalam rekod dan siasatan perlu dijalankan bagi setiap perbezaan rekod dan fizikal.</p>	<p>Memandangkan bangunan ini bukan reka bentuk piawai (yang boleh dianggarkan atau ditentukan kepada standard dan kos) penambahan atau pengurangan pada kuantiti yang dipasang adalah mengikut keperluan teknikal / pembinaan dan keselamatan pengguna. Peralatan yang dipasang adalah sebagaimana di dalam kontrak dan diserahkan kepada pelanggan surat rujukan NE/0909-079 yang bertarikh 21 Mei 2013.</p> <p>Semakan pada Jadual 6 mendapati item no.1 hingga 10 yang disenaraikan adalah dibawah kategori <i>fixed furniture</i> yang tidak disediakan disebabkan perubahan rekabentuk. Baki bagi item no.11 hingga 30 yang dikategorikan sebagai aset alih, sememangnya diterima dan telah direkodkan dalam senarai inventori.</p> <p>Pihak JKR telah mengarahkan kontraktor untuk membuat pengemaskinian/pindaan ke atas lukisan terbina (<i>as built drawing</i>) dan menetapkan supaya kontraktor mengemukakan semula lukisan yang telah dikemaskini selewat-lewatnya pada 7 Mac 2014.</p> <p>Pendaftaran peralatan ELV masih dalam tindakan Mahkamah Kuantan dan tarikh di jangka selesai adalah sebelum atau pada 30 April 2014.</p>

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 1 TAHUN 2013**

**KEMENTERIAN KEWANGAN**

**Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

**Perenggan 3 : Pengurusan Cukai Petroleum**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																																																							
<p><b>3.5.1.1</b></p>	<p><b>Prestasi Bahagian Petroleum - Prestasi Pencapaian Sasaran Kerja Audit Bahagian Petroleum</b></p> <p>Semakan Audit mendapati Bahagian Petroleum telah berjaya mencapai sasaran yang ditetapkan antara 106% hingga 256% bagi tempoh tahun 2011 dan 2012. Bagaimanapun, bagi tahun 2013 iaitu untuk tempoh bulan Januari hingga Jun 2013, Bahagian Petroleum baru mencapai KPI antara 32% hingga 49%.</p> <p>Maklum Balas LHDNM Diterima Pada 21 Januari 2014 Dan 10 Februari 2014</p> <p>Pencapaian KPI 2013 Bahagian Petroleum adalah seperti yang telah ditetapkan oleh Jabatan Pematuhan Cukai melalui Memo bertarikh 7 Februari 2013. Pencapaian KPI pada tahun 2013 telah melebihi sasaran antara 137% hingga 150%. Bagaimanapun, sebab utama pencapaian KPI untuk tempoh bulan Januari hingga Jun 2013 antara 32% hingga 49% adalah disebabkan kelewatan pembayar cukai mengemukakan dokumen yang diperlukan.</p> <p>Justeru, Jabatan Pematuhan Cukai telah meningkatkan KPI 2014 di mana setiap Pegawai Audit Luar gred 41 dan 44 ditetapkan untuk menyelesaikan 1 kes PITA sebagai tambahan kepada kes CITA.</p> <p>Pada pendapat Audit, prestasi audit luar dan audit meja bagi syarikat petroleum pada tahun 2011 dan 2012 adalah baik kerana telah mencapai sasaran. Bagaimanapun, LHDNM perlu meningkatkan penetapan bilangan sasaran bagi audit luar dan audit meja yang dijalankan terhadap kes PITA dan kes CITA dalam tempoh satu tahun.</p>	<p>KPI bagi tahun 2013 adalah seperti yang telah ditetapkan oleh Jabatan Pematuhan Cukai melalui Memo bertarikh 7 Februari 2013.</p> <p>Sebab utama pencapaian KPI antara 32% hingga 49% bagi tempoh Januari - Jun 2013 adalah disebabkan kelewatan pembayar cukai mengemukakan dokumen yang diperlukan.</p> <p>Walau bagaimanapun, perbandingan yang dibuat bagi tahun 2011 dan 2012 dengan 2013 tidak menggambarkan keadaan sebenar memandangkan tempoh yang diambil kira dalam tahun 2013 hanya melibatkan tempoh enam bulan sahaja.</p> <p>Pencapaian sebenar KPI bagi tahun 2013 adalah seperti berikut:-</p> <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <thead> <tr> <th rowspan="3">JENIS AUDIT</th> <th colspan="3">TAHUN 2011</th> <th colspan="3">TAHUN 2012</th> <th colspan="3">TAHUN 2013</th> </tr> <tr> <th rowspan="2">Sasaran KPI (Bil. Kes)</th> <th colspan="2">Pencapaian KPI</th> <th rowspan="2">Sasaran KPI (Bil. Kes)</th> <th colspan="2">Pencapaian KPI</th> <th rowspan="2">Sasaran KPI (Bil. Kes)</th> <th colspan="2">Pencapaian KPI (setakat Jun 2013)</th> </tr> <tr> <th>Bil. Kes</th> <th>(%)</th> <th>Bil. Kes</th> <th>(%)</th> <th>Bil. Kes</th> <th>(%)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Audit Luar Kes PITA</td> <td>1</td> <td>2</td> <td>200</td> <td>5</td> <td>11</td> <td>220</td> <td>10</td> <td>14</td> <td>140</td> </tr> <tr> <td>Audit Luar Kes CITA</td> <td>5</td> <td>8</td> <td>160</td> <td>120</td> <td>127</td> <td>106</td> <td>107</td> <td>147</td> <td>137</td> </tr> <tr> <td>Audit Meja Kes CITA</td> <td>10</td> <td>16</td> <td>160</td> <td>25</td> <td>64</td> <td>256</td> <td>48</td> <td>72</td> <td>150</td> </tr> </tbody> </table> <p>Mulai Tahun 2014 semua Pegawai Audit Luar (PAL) di Bahagian Petroleum telah diperuntukkan fail PITA untuk dilaksanakan audit luar.</p>	JENIS AUDIT	TAHUN 2011			TAHUN 2012			TAHUN 2013			Sasaran KPI (Bil. Kes)	Pencapaian KPI		Sasaran KPI (Bil. Kes)	Pencapaian KPI		Sasaran KPI (Bil. Kes)	Pencapaian KPI (setakat Jun 2013)		Bil. Kes	(%)	Bil. Kes	(%)	Bil. Kes	(%)	Audit Luar Kes PITA	1	2	200	5	11	220	10	14	140	Audit Luar Kes CITA	5	8	160	120	127	106	107	147	137	Audit Meja Kes CITA	10	16	160	25	64	256	48	72	150
JENIS AUDIT	TAHUN 2011			TAHUN 2012			TAHUN 2013																																																		
	Sasaran KPI (Bil. Kes)	Pencapaian KPI		Sasaran KPI (Bil. Kes)	Pencapaian KPI		Sasaran KPI (Bil. Kes)	Pencapaian KPI (setakat Jun 2013)																																																	
		Bil. Kes	(%)		Bil. Kes	(%)		Bil. Kes	(%)																																																
Audit Luar Kes PITA	1	2	200	5	11	220	10	14	140																																																
Audit Luar Kes CITA	5	8	160	120	127	106	107	147	137																																																
Audit Meja Kes CITA	10	16	160	25	64	256	48	72	150																																																



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																																																																	
		<p>Sebelum tahun 2014 tindakan audit luar ke atas fail PITA hanya dijalankan oleh PAL Gred 48 sahaja. Jumlah bilangan pencapaian kes adalah bergantung kepada bilangan pegawai yang ada.</p> <p><b>Tindakan Penambahbaikan</b></p> <p>Mulai tahun 2014 Bahagian Petroleum telah meningkatkan sasaran Audit Luar (PITA dan CITA) dan Audit Meja CITA bagi setiap pegawai seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="1323 592 2011 970"> <thead> <tr> <th rowspan="2">GRED</th> <th colspan="5">KPI TAHUN 2013</th> <th colspan="5">KPI TAHUN 2014</th> </tr> <tr> <th>BILANGAN PEGAWAI</th> <th>PITA (KES)</th> <th>CITA (KES)</th> <th>AUDIT MEJA CITA</th> <th>JUMLAH</th> <th>BILANGAN PEGAWAI</th> <th>PITA (bilangan kes setiap pegawai)</th> <th>AUDIT MEJA CITA</th> <th>CITA (bilangan kes setiap pegawai)</th> <th>JUMLAH (Fail PITA + CITA)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Gred 48</td> <td>5</td> <td>2</td> <td>-</td> <td></td> <td>10</td> <td>4<sup>1</sup></td> <td>2</td> <td></td> <td>-</td> <td>8</td> </tr> <tr> <td>Gred 44</td> <td>3</td> <td>-</td> <td>10</td> <td></td> <td>30</td> <td>5<sup>2</sup></td> <td>1</td> <td></td> <td>10</td> <td>64</td> </tr> <tr> <td>Gred 41</td> <td>11</td> <td>-</td> <td>7</td> <td></td> <td>77</td> <td>8<sup>3</sup></td> <td>1</td> <td></td> <td>7</td> <td>78</td> </tr> <tr> <td>JUMLAH</td> <td>19</td> <td>-</td> <td>-</td> <td>48</td> <td>117</td> <td>20</td> <td></td> <td>60</td> <td></td> <td>150</td> </tr> </tbody> </table> <p>Nota :-  <sup>1</sup>Gred 48 – Jumlah pegawai Gred 48 pada ketika ini ialah seramai 4 orang setelah seorang pegawai ditukarkan tanpa pengganti.  <sup>2</sup> Gred 44 – KPI bagi seorang pegawai yang merupakan Pentadbir Sistem dibenarkan pengurangan fail sebanyak 20%. 80% dari 10 fail CITA diperuntukkan = 8 fail.  <sup>3</sup> Gred 41 –  Jumlah pegawai Gred 41 yang melakukan kerja-kerja Audit Luar ialah 10 orang oleh kerana:-</p> <p>i) Seorang pegawai Gred 41 menjadi Ketua Unit Pengesanan/Pendakwaan di mana tiada agihan fail kepada beliau.</p>	GRED	KPI TAHUN 2013					KPI TAHUN 2014					BILANGAN PEGAWAI	PITA (KES)	CITA (KES)	AUDIT MEJA CITA	JUMLAH	BILANGAN PEGAWAI	PITA (bilangan kes setiap pegawai)	AUDIT MEJA CITA	CITA (bilangan kes setiap pegawai)	JUMLAH (Fail PITA + CITA)	Gred 48	5	2	-		10	4 <sup>1</sup>	2		-	8	Gred 44	3	-	10		30	5 <sup>2</sup>	1		10	64	Gred 41	11	-	7		77	8 <sup>3</sup>	1		7	78	JUMLAH	19	-	-	48	117	20		60		150
GRED	KPI TAHUN 2013					KPI TAHUN 2014																																																													
	BILANGAN PEGAWAI	PITA (KES)	CITA (KES)	AUDIT MEJA CITA	JUMLAH	BILANGAN PEGAWAI	PITA (bilangan kes setiap pegawai)	AUDIT MEJA CITA	CITA (bilangan kes setiap pegawai)	JUMLAH (Fail PITA + CITA)																																																									
Gred 48	5	2	-		10	4 <sup>1</sup>	2		-	8																																																									
Gred 44	3	-	10		30	5 <sup>2</sup>	1		10	64																																																									
Gred 41	11	-	7		77	8 <sup>3</sup>	1		7	78																																																									
JUMLAH	19	-	-	48	117	20		60		150																																																									

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>ii) KPI bagi 2 orang pegawai yang merupakan Customer Care Officer (CCO) dan Pentadbir Sistem dibenarkan pengurangan fail sebanyak 20%.</p> <p>iii) 80% dari 7 fail CITA diperuntukkan = 6 fail.</p> <p><b>Audit Meja PITA</b></p> <p>Aktiviti Audit Meja PITA terbit dari pelarasan isu-isu penemuan dari aktiviti audit luar. Sebagai contoh, aktiviti audit luar meliputi tahun taksiran 2008 sehingga 2009. Apabila kes telah diselesaikan pegawai audit luar perlu membuat pelarasan baki bawa hadapan elaun modal bagi tahun-tahun taksiran berikutnya. Aktiviti pelarasan ini di ambilkira sebagai aktiviti audit meja. Dengan itu tiada sasaran yang dapat ditetapkan ke atas aktiviti Audit Meja PITA.</p>
3.5.1.2.a.i	<p><b>Penyelesaian Kes Audit Luar Dan Kes Audit Meja - Syarikat Petroleum Huluau (Kes PITA)</b></p> <p>Sebelum bulan April 2013, LHDNM tidak mengeluarkan Rangka Kerja Audit Cukai Petroleum untuk menetapkan tempoh penyelesaian kes audit luar dan kes audit meja terhadap syarikat PITA. Sehubungan ini, semakan Audit mendapati pelarasan perbelanjaan bagi satu syarikat PITA melibatkan 3 kes (Tahun Taksiran) audit luar diselesaikan dalam tempoh 363 hari dari tarikh akhir lawatan audit.</p> <p>Maklum Balas LHDNM Diterima Pada 11 Oktober 2013, 21 Januari 2014 Dan 10 Februari 2014</p> <p>Antara sebab kelewatan penyelesaian kes audit luar terhadap syarikat petroleum huluau (PITA) adalah kerana pihak pembayar cukai memberi maklum balas kepada LHDNM melebihi tempoh masa yang diberikan. Selain itu, kelewatan juga disebabkan pihak pembayar cukai tidak bersetuju dengan isu yang dibangkitkan serta tidak memberi maklum balas dan maklumat lanjut kepada LHDNM walaupun peringatan telah dikeluarkan.</p> <p>Kelewatan juga disebabkan pembayar cukai tidak bersetuju dengan isu yang dibangkitkan. Pembayar cukai akan mengambil masa yang lama untuk mengemukakan dokumen sokongan disebabkan masalah “<i>complexity &amp; voluminous of data</i>”.</p>	<p>Bahagian Petroleum (BP) melakukan lawatan audit bagi kes PITA yang meliputi kedua-dua peringkat eksplorasi dan produksi.</p> <p>Kes yang disemak adalah yang melibatkan kes di peringkat eksplorasi. Pada peringkat eksplorasi kerja-kerja audit yang dijalankan adalah untuk mengesahkan tuntutan perbelanjaan eksplorasi yang layak. Penemuan dari lawatan audit bagi kes eksplorasi tidak menerbitkan sebarang taksiran cukai atau taksiran cukai tambahan.</p> <p>Data yang perlu disemak bagi industri ini adalah amat besar dan memerlukan masa yang lama untuk mengesahkan amaun tuntutan.</p> <p>Kelewatan penyelesaian kes ini adalah disebabkan pihak pembayar cukai memberi maklum balas kepada LHDNM melebihi tempoh masa yang diberikan. Ini disebabkan syarikat mempunyai bilangan data yang terlalu besar (<i>complexity &amp; voluminous of data</i>) yang menyebabkan kelewatan pengemukaan maklumat oleh pembayar cukai (PC). Lanjutan dari itu Pegawai Audit Luar memerlukan tempoh yang lebih lama dari tempoh yang ditetapkan bagi menyemak dokumen yang dikemukakan.</p> <p>Kelewatan disebabkan juga pembayar cukai tidak bersetuju dengan isu yang</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>dibangkitkan dan tidak mengemukakan dokumen sokongan sehingga kes ditutup tanpa persetujuan.</p> <p><b>Tindakan Penambahbaikan</b></p> <p>Satu jawatankuasa telah ditubuhkan di Bahagian Petroleum pada 23 Disember 2013 bagi memantau kes-kes tunggakan.</p> <p>Jawatankuasa akan bermesyuarat setiap bulan bagi menyemak kes-kes yang tidak dapat diselesaikan dalam tempoh seperti yang ditetapkan dalam Rangka Kerja Audit Cukai (RKAC).</p> <p>Pemantauan tempoh bagi penyelesaian kes akan dibuat oleh jawatankuasa ini.</p>
<p><b>3.5.1.2.a.ii</b></p>	<p>LHDNM telah mengeluarkan Rangka Kerja Audit Cukai Petroleum berkuat kuasa mulai 1 April 2013 yang menetapkan setiap kes audit luar terhadap syarikat petroleum hulu (kes PITA) perlu diselesaikan dalam tempoh 240 hari daripada tarikh akhir lawatan audit luar. Bagaimanapun, Rangka Kerja Audit Cukai tersebut tidak menetapkan secara khusus tempoh penyelesaian bagi kes audit meja terhadap kes PITA. Pada pendapat Audit, Rangka Kerja Audit Cukai Petroleum juga perlu menetapkan tempoh penyelesaian bagi kes audit meja terhadap kes PITA.</p> <p>Maklum Balas LHDNM Diterima Pada 21 Januari 2014 Dan 10 Februari 2014</p> <p>Berdasarkan kepada perbincangan bersama Pengarah Jabatan Pematuhan Cukai, satu perbincangan bersama Bahagian Petroleum akan diadakan pada 23 Februari 2014 untuk penentuan penyelesaian kes audit meja bagi kes PITA.</p> <p>Bahagian Petroleum perlu menyediakan carta aliran kerja dan jangka masa yang diambil bagi menyelesaikan kes audit meja PITA. Disamping itu, Manual Prosedur Kerja Audit yang menetapkan tempoh penyelesaian kes audit meja PITA akan disediakan.</p>	<p>Aktiviti Audit Meja PITA terbit dari pelarasan isu-isu penemuan dari aktiviti audit luar. Sebagai contoh, aktiviti audit luar meliputi tahun taksiran 2008 sehingga 2009. Apabila kes telah diselesaikan pegawai audit luar perlu membuat pelarasan baki bawa hadapan elaun modal bagi tahun-tahun taksiran berikutnya. Aktiviti pelarasan ini di ambilkira sebagai aktiviti audit meja. Dengan itu tiada sasaran yang dapat ditetapkan ke atas aktiviti Audit Meja PITA.</p> <p>Walaupun tiada sasaran yang ditetapkan, Bahagian Petroleum mengambil maklum saranan dari Jabatan Audit Negara (JAN) di mana satu perbincangan telah diadakan bersama dengan Jabatan Pematuhan Cukai pada 27 Januari 2014 untuk menetapkan tempoh penyelesaian kes Audit Meja PITA.</p> <p>Jabatan Pematuhan Cukai tidak bersetuju dengan pandangan Jabatan Audit Negara (JAN) memandangkan tindakan audit meja kes PITA yang dibuat merupakan tindakan susulan ekor daripada aktiviti audit luar. Oleh yang demikian, tempoh penyelesaian audit meja yang dimaksudkan merupakan sebahagian daripada tindakan penyelesaian kes audit luar PITA di mana tempoh penyelesaian adalah 240 hari dari tarikh akhir lawatan audit.</p> <p>Sehubungan itu, Jabatan Pematuhan Cukai telah mengadakan satu perbincangan dengan Bahagian Petroleum pada 27 Januari 2014 (Isnin) untuk penentuan penyelesaian kes Audit Meja bagi kes PITA. Bahagian Petroleum sedang menyediakan carta aliran kerja dan jangka masa yang</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>akan diambil bagi menyelesaikan kes audit meja PITA.</p> <p>Disamping itu, Manual Prosedur Kerja Audit yang menetapkan tempoh penyelesaian kes audit meja PITA akan disediakan</p> <p><b>Tindakan Penambahbaikan</b></p> <p>Jabatan Pematuhan Cukai telah mengadakan satu perbincangan bersama Bahagian Petroleum pada 27 Januari 2014 (Isnin) untuk penentuan tempoh penyelesaian kes Audit Meja bagi kes PITA.</p> <p>Bahagian Petroleum diarah untuk menyediakan carta aliran kerja dan jangka masa yang diambil bagi menyelesaikan kes audit meja PITA.</p> <p>Ini akan dimasukkan ke dalam Manual Prosedur Kerja Audit yang akan disediakan oleh Jabatan Pematuhan Cukai.</p> <p>Jabatan Pematuhan Cukai juga akan mengkaji tempoh penyelesaian bagi fail PITA dan CITA kerana ia melibatkan pengendalian fail yang memerlukan masa yang panjang dan lebih rumit. Kajian ini akan dimasukkan dalam Manual Prosedur Kerja Audit Luar Bahagian Petroleum.</p> <p>Manual Prosedur Kerja Audit Meja bagi menetapkan tempoh penyelesaian kes audit meja PITA akan disediakan dan dijangka selesai dalam bulan Ogos 2014.</p>
3.5.1.2.b.ii	<p><b>Syarikat Petroleum Hiliran (Kes CITA)</b></p> <p>Semakan Audit mendapati 31 kes audit luar syarikat kes CITA melibatkan cukai tambahan dan penalti berjumlah RM8.83 juta telah lewat diselesaikan oleh LHDNM antara 35 hari hingga 1,253 hari (3 tahun 5 bulan) selepas mengambil kira tempoh 3 bulan daripada tarikh lawatan audit.</p>	<p>Berdasarkan Arahan Operasi Bil. 4 Tahun 2013 – Program Operasi Percukaian 2013:-</p> <p>Semua kes audit hendaklah diselesaikan dalam tempoh 3 bulan daripada permulaan audit berdasarkan Rangka Kerja Audit Cukai.</p>
3.5.1.2.b.iii	<p>Selain itu, satu kes audit meja syarikat kes CITA melibatkan cukai tambahan dan penalti berjumlah RM971,005 telah lewat diselesaikan oleh LHDNM selama 312 hari selepas mengambil kira tempoh 3 bulan daripada tarikh permulaan audit.</p> <p>Maklum Balas LHDNM Diterima Pada 11 Oktober 2013, 21 Januari 2014 Dan 10 Februari 2014</p>	<p>Justifikasi bagi kes yang tidak dapat diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan adalah seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kes rumit/besar.</li> <li>• Kes mempunyai dokumen perniagaan yang banyak.</li> </ul>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Antara sebab kelewatan penyelesaian kes audit luar dan kes audit meja terhadap syarikat petroleum hiliran (CITA) adalah kerana syarikat kurang memberi kerjasama, lewat mengemukakan dokumen sokongan/rayuan lanjutan masa dan kes melibatkan isu-isu teknikal yang kompleks, rumit dan besar untuk diselesaikan. Selain itu, terdapat kes diambil alih oleh pegawai yang baru dipindahkan ke Bahagian Petroleum dan memerlukan lebih masa untuk memahami kes dan industri. Bagaimanapun, pihak LHDNM berpendapat tiada unsur sengaja melengah-lengahkan penyelesaian kes kerana kebanyakan kes adalah kompleks dan rumit. Bagi memperketat kawalan dalaman, lawatan pemantauan ke Bahagian Petroleum oleh Jabatan Pematuhan Cukai akan dimasukkan dalam perancangan lawatan pemantauan bagi tahun 2014.</p> <p>LHDNM juga akan mengeluarkan memo kepada Pengurus Audit dan Pengarah Bahagian Petroleum untuk memantau kes dalam kemajuan bagi diselesaikan dalam tempoh 240 hari dari tarikh akhir lawatan audit bagi kes audit luar PITA dan 3 bulan bagi kes CITA. Perkara ini perlu diambil kira dalam agenda mesyuarat pengurusan cawangan.</p> <p>Pada pendapat Audit, kelewatan menyelesaikan kes menyebabkan LHDNM lewat mengeluarkan notis taksiran tambahan dan seterusnya lewat mengutip cukai. Sehubungan ini, pemantauan terhadap kemajuan kerja bagi setiap kes syarikat/kes CITA perlu dipertingkatkan untuk memastikan ia diselesaikan dalam tempoh masa yang ditetapkan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kes di mana pembayar cukai tidak memberi kerjasama.</li> </ul> <p>Objektif utama audit luar adalah untuk menggalakkan pematuhan secara sukarela terhadap undang-undang dan peraturan percukaian dan memastikan kadar pematuhan cukai yang lebih tinggi dicapai di bawah STS. Sehubungan dengan itu, pegawai audit perlu memastikan bahawa pendapatan yang betul telah dilaporkan dan cukai telah dibayar mengikut undang-undang dan peraturan percukaian.</p> <p>Bagi mencapai matlamat pematuhan cukai secara sukarela aktiviti audit cukai adalah salah satu pendekatan LHDNM untuk memberi pendidikan serta pendedahan kepada pembayar cukai terhadap tanggungjawab dan kewajipan mereka di bawah ACP 1967.</p> <p>Peningkatan pematuhan cukai menggambarkan pengurangan kepada taksiran tambahan dan penalti (RM). Cukai yang perlu dibayar atas pendapatan yang dilaporkan untuk setiap tahun taksiran telah pun dibayar oleh PC melalui Sistem Taksiran Sendiri. Ini bermakna isu kelewatan kutipan cukai tidak timbul.</p> <p>Bahagian telah berjaya mencapai objektif utama audit iaitu meningkatkan pematuhan cukai.</p> <p>Merujuk kepada kes audit meja CITA, kelewatan adalah disebabkan pegawai asal yang mengendalikan kes telah melanjutkan pelajaran. Pegawai baru yang mengambil alih kes, memerlukan lebih masa untuk memahami kes dan industri sebelum tindakan penyelesaian kes dibuat. Tambahan pula, pembayar cukai mengambil masa yang lama untuk mengemukakan dokumen sokongan. Di dalam kes ini, ia melibatkan sembilan (9) tahun taksiran.</p> <p><b>Tindakan Penambahbaikan</b></p> <p>Bagi memperketatkan kawalan dalaman, Jabatan Pematuhan Cukai akan mengeluarkan memo-memo berikut kepada Bahagian Petroleum:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Memo yang menyatakan Pengurus Audit dikehendaki memantau kes dalam kemajuan untuk diselesaikan dalam tempoh 240 hari dari tarikh akhir lawatan audit bagi kes audit luar PITA sebagaimana yang dinyatakan dalam RKAC Petroleum. Pengarah Bahagian Petroleum juga</li> </ol>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>dikehendaki memantau kes dalam kemajuan yang melebihi tempoh penyelesaian 240 hari untuk dimasukkan dalam agenda mesyuarat pengurusan cawangan.</p> <p>ii. Memo yang menyatakan Pengurus Audit dikehendaki memantau kes dalam kemajuan untuk diselesaikan dalam tempoh 3 bulan dari permulaan audit bagi kes audit luar CITA sebagaimana yang dinyatakan dalam RKAC. Pengarah Bahagian Petroleum juga dikehendaki memantau kes dalam kemajuan yang melebihi tempoh penyelesaian 3 bulan untuk dimasukkan dalam agenda mesyuarat pengurusan cawangan.</p> <p><b>Tarikh/Tempoh Jangkaan Selesai Tindakan (Jika Berkaitan)</b></p> <p>Mac 2014</p>
<p><b>3.5.1.3.a</b></p>	<p><b>Kes Rayuan Mengenai Taksiran (Borang Q)</b></p> <p>Empat syarikat petroleum telah mengemukakan rayuan melibatkan 4 kes PITA. Kes rayuan tersebut telah dikemukakan antara 2.5 hingga 19 bulan setakat Julai 2013 tetapi belum diselesaikan.</p>	<p>Kes-kes penemuan JAN telah diselesai diperingkat Bahagian Petroleum.</p> <p>Sembilan (9) rayuan oleh syarikat petroleum yang masih belum selesai seperti yang dinyatakan di Lampiran M telah dikemukakan kepada PKCP dalam tempoh yang ditetapkan iaitu 12 bulan dari tarikh penerimaan rayuan oleh pembayar cukai. Tempoh 12 bulan yang ditetapkan di bawah subseksyen 102(1) Akta Cukai Pendapatan 1967 tersebut membolehkan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) membuat semakan semula ke atas taksiran yang dibangkitkan terhadap pembayar cukai. Dalam tempoh tersebut, semakan semula telah dibuat di pelbagai peringkat bermula daripada peringkat cawangan sehinggalah ke peringkat Jawatankuasa Rayuan di ibu pejabat. Sekiranya tiada penyelesaian dicapai, barulah rayuan pembayar cukai dikemukakan kepada PKCP untuk keputusan.</p>
<p><b>3.5.1.3.b</b></p>	<p>Tujuh syarikat petroleum mengemukakan rayuan melibatkan 14 kes CITA. Analisis Audit mendapati 2 kes rayuan telah diselesaikan. Manakala 12 kes rayuan lain yang dikemukakan antara satu hingga 18 bulan setakat Julai 2013 masih belum diselesaikan.</p> <p>Pada pendapat Audit, tindakan penyelesaian terhadap kes rayuan perlu disegerakan. Selain itu, sebab-sebab rayuan perlu dikaji untuk membolehkan pendekatan audit cukai yang lebih telus dan berkesan terhadap syarikat petroleum dapat dilaksanakan.</p> <p>Maklum Balas LHDNM Diterima Pada 28 Oktober 2013, 21 Januari 2014 Dan 10 Februari 2014</p> <p>Kes telah diselesaikan oleh Pegawai Audit Luar dalam tempoh yang ditetapkan tetapi masih belum selesai di peringkat Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan (PKCP). Bagi 9 rayuan yang masih belum selesai daripada 9 syarikat petroleum yang melibatkan 14 kes, taksiran telah dikemukakan kepada PKCP dalam tempoh</p>	<p>Keputusan PKCP boleh dirayu seterusnya ke Mahkamah Tinggi oleh pihak pembayar cukai atau KPHDN sekiranya tidak berpuas hati dengan keputusan yang dibuat. Peruntukan undang-undang juga membenarkan keputusan Mahkamah Tinggi dirayu ke Mahkamah Rayuan. Sehubungan dengan itu, penyelesaian kes rayuan pembayar cukai boleh mengambil tempoh yang agak panjang selepas rayuan dikemukakan kepada pihak PKCP atau dirayu selanjutnya ke Mahkamah.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																																																
	<p>yang ditetapkan di bawah seksyen 102(1) Akta Cukai Pendapatan 1967 iaitu 12 bulan daripada tarikh penerimaan rayuan oleh pembayar cukai.</p> <p>Bermula 1 Julai 2013, Jabatan Resolusi Percukaian (JRP), telah ditubuhkan untuk mengendalikan kesemua rayuan oleh pembayar cukai. Proses ini telah dapat disingkatkan dimana JRP akan terus memutuskan sama ada untuk bersetuju dengan rayuan pembayar cukai ataupun mengemukakan rayuan kepada PKCP.</p> <p>Pada dasarnya sebab utama rayuan difailkan ialah kerana perbezaan takrifan undang-undang antara pembayar cukai dan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN). Mahkamah akan memutuskan takrifan perkara tersebut. Takrifan tersebut akan dijadikan asas kepada keputusan pada masa hadapan.</p>	<p>Di peringkat PKCP ataupun Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan, pihak-pihak perlu mematuhi arahan-arahan dan prosedur mahkamah sebagaimana yang ditetapkan di bawah Jadual 5 Akta cukai Pendpaatan 1967 ataupun Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 seperti penyediaan petisyen rayuan, isu, fakta serta ikatan dokumen, hujahan dan lain-lain lagi yang diberikan oleh mahkamah dari semasa ke semasa. Manakala perbicaraan di semua peringkat PKCP dan Mahkamah adalah bergantung kepada kesesuaian tarikh oleh PKCP dan Mahkamah selepas kesemua prosedur di atas dipatuhi.</p> <p>Pada dasarnya sebab utama rayuan difailkan ialah kerana terdapat perbezaan takrifan undang-undang cukai antara pembayar cukai dan pihak KPHDN. Keputusan kes mahkamah akan dikaji untuk pindaan undang-undang sekiranya terdapat kekaburan kepada peruntukan sedia ada atau jika undang-undang sedia ada tidak mencapai maksud polisi yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan. Pada dasarnya keputusan kes PKCP dan mahkamah boleh membantu menyelesaikan pertikaian pembayar cukai dan KPHDN pada kadar yang segera. Ini adalah kerana setiap keputusan kes PKCP dan Mahkamah akan dijadikan rujukan oleh pegawai LHDNM serta pembayar cukai sekiranya kes yang diputuskan mempunyai isu dan fakta yang serupa dengan kes lain yang dipertikaikan.</p> <p>Pemantauan kes-kes PITA yang telah diaudit adalahsepertiberikut :-</p> <table border="1" data-bbox="1265 954 2069 1300"> <thead> <tr> <th>Lampiran M (PITA) Bil.</th> <th>Bil. Sykt</th> <th>Bil. Kes</th> <th>Bil. Sykt Selesai</th> <th>Bil. Kes Selesai</th> <th>Baki Sykt</th> <th>Baki Kes</th> <th>Catatan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td> <td>1</td> <td>1</td> <td>0</td> <td>0</td> <td>1</td> <td>1</td> <td>Menunggu tarikh sebutan semula</td> </tr> <tr> <td>5</td> <td>1</td> <td>1</td> <td>0</td> <td>0</td> <td>1</td> <td>1</td> <td>Menunggu tarikh perbicaraan</td> </tr> <tr> <td>6</td> <td>1</td> <td>1</td> <td>0</td> <td>0</td> <td>1</td> <td>1</td> <td>Menunggu tarikh perbicaraan</td> </tr> <tr> <td>10</td> <td>1</td> <td>1</td> <td>0</td> <td>0</td> <td>1</td> <td>1</td> <td>Menunggu tarikh sebutan semula</td> </tr> <tr> <td><b>JUMLAH</b></td> <td><b>4</b></td> <td><b>4</b></td> <td><b>0</b></td> <td><b>0</b></td> <td><b>4</b></td> <td><b>4</b></td> <td></td> </tr> </tbody> </table>	Lampiran M (PITA) Bil.	Bil. Sykt	Bil. Kes	Bil. Sykt Selesai	Bil. Kes Selesai	Baki Sykt	Baki Kes	Catatan	1	1	1	0	0	1	1	Menunggu tarikh sebutan semula	5	1	1	0	0	1	1	Menunggu tarikh perbicaraan	6	1	1	0	0	1	1	Menunggu tarikh perbicaraan	10	1	1	0	0	1	1	Menunggu tarikh sebutan semula	<b>JUMLAH</b>	<b>4</b>	<b>4</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>4</b>	<b>4</b>	
Lampiran M (PITA) Bil.	Bil. Sykt	Bil. Kes	Bil. Sykt Selesai	Bil. Kes Selesai	Baki Sykt	Baki Kes	Catatan																																											
1	1	1	0	0	1	1	Menunggu tarikh sebutan semula																																											
5	1	1	0	0	1	1	Menunggu tarikh perbicaraan																																											
6	1	1	0	0	1	1	Menunggu tarikh perbicaraan																																											
10	1	1	0	0	1	1	Menunggu tarikh sebutan semula																																											
<b>JUMLAH</b>	<b>4</b>	<b>4</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>4</b>	<b>4</b>																																												

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																																																																								
		<p data-bbox="1249 258 1989 284">Pemantauan kes-kes CITA yang telah diaudit adalah seperti berikut:-</p> <table border="1" data-bbox="1279 316 2078 823"> <thead> <tr> <th data-bbox="1279 316 1384 469">Lampiran M (CITA) Bil.</th> <th data-bbox="1384 316 1458 469">Bil. Sykt</th> <th data-bbox="1458 316 1514 469">Bil. Kes</th> <th data-bbox="1514 316 1570 469">Bil. Sykt Selesai</th> <th data-bbox="1570 316 1644 469">Bil. Kes Selesai</th> <th data-bbox="1644 316 1718 469">Baki Sykt</th> <th data-bbox="1718 316 1787 469">Baki Kes</th> <th data-bbox="1787 316 2078 469">Catatan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="1279 469 1384 493">2</td> <td data-bbox="1384 469 1458 493">1</td> <td data-bbox="1458 469 1514 493">1</td> <td data-bbox="1514 469 1570 493">1</td> <td data-bbox="1570 469 1644 493">1</td> <td data-bbox="1644 469 1718 493">0</td> <td data-bbox="1718 469 1787 493">0</td> <td data-bbox="1787 469 2078 493">Kes selesai</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1279 493 1384 539">3</td> <td data-bbox="1384 493 1458 539">1</td> <td data-bbox="1458 493 1514 539">1</td> <td data-bbox="1514 493 1570 539">0</td> <td data-bbox="1570 493 1644 539">0</td> <td data-bbox="1644 493 1718 539">1</td> <td data-bbox="1718 493 1787 539">1</td> <td data-bbox="1787 493 2078 539">Menunggu tarikh perbicaraan pada 13-14.05.2014</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1279 539 1384 585">4</td> <td data-bbox="1384 539 1458 585">1</td> <td data-bbox="1458 539 1514 585">2</td> <td data-bbox="1514 539 1570 585">0</td> <td data-bbox="1570 539 1644 585">0</td> <td data-bbox="1644 539 1718 585">1</td> <td data-bbox="1718 539 1787 585">2</td> <td data-bbox="1787 539 2078 585">Menunggu tarikh perbicaraan pada 3-4.06.2014</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1279 585 1384 632">7</td> <td data-bbox="1384 585 1458 632">1</td> <td data-bbox="1458 585 1514 632">2</td> <td data-bbox="1514 585 1570 632">0</td> <td data-bbox="1570 585 1644 632">0</td> <td data-bbox="1644 585 1718 632">1</td> <td data-bbox="1718 585 1787 632">2</td> <td data-bbox="1787 585 2078 632">Menunggu tarikh sebutan semula</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1279 632 1384 678">8</td> <td data-bbox="1384 632 1458 678">1</td> <td data-bbox="1458 632 1514 678">4</td> <td data-bbox="1514 632 1570 678">0</td> <td data-bbox="1570 632 1644 678">0</td> <td data-bbox="1644 632 1718 678">1</td> <td data-bbox="1718 632 1787 678">4</td> <td data-bbox="1787 632 2078 678">Menunggu tarikh sebutan semula</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1279 678 1384 724">9</td> <td data-bbox="1384 678 1458 724">1</td> <td data-bbox="1458 678 1514 724">1</td> <td data-bbox="1514 678 1570 724">1</td> <td data-bbox="1570 678 1644 724">1</td> <td data-bbox="1644 678 1718 724">0</td> <td data-bbox="1718 678 1787 724">0</td> <td data-bbox="1787 678 2078 724">Menunggu tarikh sebutan semula</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1279 724 1384 770">11</td> <td data-bbox="1384 724 1458 770">1</td> <td data-bbox="1458 724 1514 770">2</td> <td data-bbox="1514 724 1570 770">0</td> <td data-bbox="1570 724 1644 770">0</td> <td data-bbox="1644 724 1718 770">1</td> <td data-bbox="1718 724 1787 770">2</td> <td data-bbox="1787 724 2078 770">Menunggu tarikh sebutan semula</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1279 770 1384 823"><b>JUMLAH</b></td> <td data-bbox="1384 770 1458 823"><b>7</b></td> <td data-bbox="1458 770 1514 823"><b>13</b></td> <td data-bbox="1514 770 1570 823"><b>2</b></td> <td data-bbox="1570 770 1644 823"><b>2</b></td> <td data-bbox="1644 770 1718 823"><b>5</b></td> <td data-bbox="1718 770 1787 823"><b>11</b></td> <td data-bbox="1787 770 2078 823"></td> </tr> </tbody> </table> <p data-bbox="1249 880 1563 906"><b>Tindakan Penambahbaikan</b></p> <p data-bbox="1249 938 2083 1050">Pada 1.7.2013, Jabatan Resolusi Pertikaian (JRP) telah ditubuhkan. Fungsi utama JRP ini adalah bagi mengendalikan kesemua rayuan oleh pembayar cukai yang dibuat melalui Borang Q. Jabatan ini mempunyai dua bahagian iaitu Bahagian Resolusi Cukai dan juga Bahagian Litigasi Cukai.</p> <p data-bbox="1249 1082 2083 1327">Melalui penubuhan JRP , proses pengendalian Borang Q telah dapat dilakukan dengan lebih cepat dan efisien di mana sebelum penubuhan JRP, setiap Borang Q akan melalui 3 Jabatan yang berasingan sebelum keputusan dibuat sama ada untuk mengemukakan rayuan kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan (PKCP) ataupun tidak. Dengan penubuhan JRP, proses ini dapat disingkatkan di mana kesemua Borang Q yang difailkan akan terus dikendalikan oleh JRP sahaja yang kemudian akan memutuskan sama ada untuk bersetuju dengan rayuan pembayar cukai ataupun untuk mengemukakan rayuan kepada PKCP.</p>	Lampiran M (CITA) Bil.	Bil. Sykt	Bil. Kes	Bil. Sykt Selesai	Bil. Kes Selesai	Baki Sykt	Baki Kes	Catatan	2	1	1	1	1	0	0	Kes selesai	3	1	1	0	0	1	1	Menunggu tarikh perbicaraan pada 13-14.05.2014	4	1	2	0	0	1	2	Menunggu tarikh perbicaraan pada 3-4.06.2014	7	1	2	0	0	1	2	Menunggu tarikh sebutan semula	8	1	4	0	0	1	4	Menunggu tarikh sebutan semula	9	1	1	1	1	0	0	Menunggu tarikh sebutan semula	11	1	2	0	0	1	2	Menunggu tarikh sebutan semula	<b>JUMLAH</b>	<b>7</b>	<b>13</b>	<b>2</b>	<b>2</b>	<b>5</b>	<b>11</b>	
Lampiran M (CITA) Bil.	Bil. Sykt	Bil. Kes	Bil. Sykt Selesai	Bil. Kes Selesai	Baki Sykt	Baki Kes	Catatan																																																																			
2	1	1	1	1	0	0	Kes selesai																																																																			
3	1	1	0	0	1	1	Menunggu tarikh perbicaraan pada 13-14.05.2014																																																																			
4	1	2	0	0	1	2	Menunggu tarikh perbicaraan pada 3-4.06.2014																																																																			
7	1	2	0	0	1	2	Menunggu tarikh sebutan semula																																																																			
8	1	4	0	0	1	4	Menunggu tarikh sebutan semula																																																																			
9	1	1	1	1	0	0	Menunggu tarikh sebutan semula																																																																			
11	1	2	0	0	1	2	Menunggu tarikh sebutan semula																																																																			
<b>JUMLAH</b>	<b>7</b>	<b>13</b>	<b>2</b>	<b>2</b>	<b>5</b>	<b>11</b>																																																																				



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p><b>Tarikh / Tempoh Jangkaan Selesai Tindakan (Jika Berkaitan)</b></p> <p>Pemantauan kes sehingga selesai.</p>
<p><b>3.5.2.1</b></p>	<p><b>Pematuhan Kepada Prosedur Kerja - Senarai Semakan Audit (Audit Checklist) Tidak Diisi Bagi Kes CITA</b></p> <p>Mengikut Manual Prosedur Kerja Audit Luar, senarai semakan audit (<i>audit checklist</i>) hendaklah digunakan bagi syarikat yang mempunyai rekod perakaunan yang lengkap untuk memastikan prosedur pengauditan dijalankan dengan teratur dan seterusnya menentukan amaun cukai pendapatan yang betul dilaporkan. Pemeriksaan Audit mendapati senarai semakan Audit tidak diisi bagi 8 syarikat CITA melibatkan 23 kes audit luar di mana cukai tambahan dan penalti telah dikenakan berjumlah RM2.57 juta. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan ketepatan jumlah cukai tambahan dan penalti yang telah dikenakan.</p> <p>Maklum Balas LHDNM Diterima Pada 11 Oktober 2013, 21 Januari 2014 Dan 10 Februari 2014</p> <p>LHDNM akan memastikan senarai semakan Audit disediakan bagi syarikat yang mempunyai rekod perakaunan yang lengkap. Seiring dengan Kertas Kerja Audit <i>Case Management System</i> (KKA CMS) yang diguna pakai pada tahun 2008, Bahagian Polisi &amp; Penyeliaan Audit, Jabatan Pematuhan Cukai berpandangan langkah kawalan dengan menggunakan KKA CMS di mana setiap peringkat disemak dan diluluskan oleh Ketua Unit dan Pengurus Audit/Pengarah Cawangan adalah lebih praktikal berbanding dengan langkah kawalan yang lama iaitu dengan menggunakan Senarai Semak Audit (SSA). Sehubungan dengan itu, langkah penambahbaikan telah dibuat dengan membuat pindaan kepada Manual Prosedur Kerja Audit yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2014 di mana SSA boleh digunakan sebagai panduan dalam kerja pengauditan.</p> <p>Pada pendapat Audit, senarai semakan audit merupakan <i>Standard Operating Procedures</i> (SOP) bagi memastikan segala tatacara pemeriksaan telah dijalankan untuk menentukan ketepatan jumlah cukai tambahan dan penalti yang dikenakan. Sehubungan ini, bagi kes CITA yang mempunyai rekod perniagaan yang lengkap, senarai semakan audit hendaklah diisi.</p>	<p>Penggunaan Senarai Semakan Audit (SSA) tidak menjurus kepada ketepatan jumlah cukai dan penalti yang dikenakan keatas lapan (8) kes CITA yang melibatkan 23 kes audit luar. Sebelum lawatan audit dilaksanakan, setiap kes audit yang diambil akan dilakukan analisis secara terperinci berdasarkan penyata kewangan dan transaksi lejer secara <i>'softcopy'</i> (jika ada) bagi menentukan isu yang akan disemak dan berisiko tinggi. Di samping itu, tatacara penyelesaian kes audit yang dikemukakan oleh pegawai audit samada fail fizikal dan sistem CMS juga telah disemak oleh ketua kumpulan dan diluluskan oleh pengurus audit.</p> <p>Mulai tahun 2008, Jabatan Pematuhan Cukai memperkenalkan Kertas Kerja Audit Case Management System (KKA CMS) bagi memastikan prosedur pengauditan dijalankan dengan teratur dan seterusnya menentukan amaun cukai pendapatan yang dilaporkan adalah betul. Dengan menggunakan KKA CMS, setiap peringkat disemak dan diluluskan oleh Ketua Unit dan Pengurus Audit/Pengarah Cawangan. Ianya adalah lebih praktikal berbanding dengan langkah kawalan yang lama iaitu dengan menggunakan SSA. Sehubungan dengan itu, langkah penambahbaikan telah dibuat dengan membuat pindaan kepada Manual Prosedur Kerja Audit yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2014 di mana SSA boleh digunakan sebagai panduan sahaja dalam kerja pengauditan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini												
<p><b>3.5.2.2</b></p>	<p><b>Taksiran Anggaran Dan Penalti Tidak Dikeluarkan Bagi Kes CITA</b></p> <p>Sekiranya syarikat petroleum hiliran tidak mengemukakan Borang C tetapi syarikat membayar cukai/mengemukakan Borang Anggaran Cukai CP 204, LHDNM perlu mengeluarkan taksiran anggaran di bawah subseksyen 90(3) ACP 1967 berserta penalti di bawah subseksyen 112(3) ACP 1967. Sehubungan ini, semakan Audit mendapati LHDNM tidak mengeluarkan taksiran anggaran berserta penalti berjumlah RM1.94 juta terhadap 3 syarikat melibatkan 3 kes yang tidak mengemukakan Borang C.</p> <p>Maklum Balas LHDNM Diterima Pada 11 Oktober 2013, 21 Januari 2014 Dan 10 Februari 2014</p> <p>Taksiran anggaran dan penalti tidak dikeluarkan kerana Bahagian Petroleum tidak mendapat maklumat Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) yang tidak dibangkitkan. Selain itu, tiada arahan di dalam bentuk agihan fail melalui Case Management System (CMS) kepada pegawai di Bahagian Petroleum untuk membangkitkan taksiran anggaran berserta penalti. Semakan telah dibuat ke atas memo yang dikeluarkan oleh Jabatan Operasi Cukai (JOC) pada tahun 2013 (Kes yang disenaraikan oleh JAN iaitu bagi TT2011) dan didapati ia tidak memasukkan Bahagian Petroleum sebagai penerima memo. Oleh itu untuk masa hadapan, JOC akan memastikan pemakluman ke Bahagian Petroleum juga dibuat berkaitan perkara ini. Sebelum Bahagian Petroleum dipisahkan daripada Jabatan Cukai Korporat (JCK) pada 1 Januari 2012, tugas membangkitkan taksiran anggaran ini dijalankan oleh pegawai Audit Meja JCK. Pemakluman semula melalui e-mel kepada Pegawai Bahagian Petroleum telah dibuat pada 15 Januari 2014 berkaitan tindakan yang boleh diambil oleh Bahagian Petroleum. Pada Oktober 2013 dan bermula dengan kes-kes TT2012, JOC telah mengeluarkan taksiran anggaran berserta penalti secara automatik kepada kes-kes syarikat termasuk kes-kes CITA mengikut kriteria yang ditetapkan.</p> <p>Memo pemakluman taksiran secara auto dan CMS telah dipanjangkan kepada Bahagian Petroleum. Satu perbincangan bersama Jabatan Teknologi Maklumat dan Jabatan Pengeluaran dan Pemprosesan Maklumat (JPPM) akan diadakan untuk mengkaji prosedur sedia ada bagi memantau kes-kes yang gagal dimuatnaik ke kerangka utama setelah diproses oleh JPPM.</p> <p>Pada pendapat Audit, pemantapan proses taksiran anggaran berserta penalti terhadap syarikat petroleum hiliran (kes CITA) yang tidak mengemukakan Borang C perlu dititikberatkan bagi mengelakkan kehilangan hasil. Sehubungan ini, LHDNM</p>	<p>Tindakan mengeluarkan taksiran anggaran di bawah subseksyen 90(3) ACP 1967 telah dibuat seperti berikut:-</p> <table border="1" data-bbox="1435 395 1899 635"> <thead> <tr> <th>BIL</th> <th>NO FAIL</th> <th>TARIKH NOTIS</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td> <td>KES 1</td> <td>27/12/2013</td> </tr> <tr> <td>2</td> <td>KES 2</td> <td>27/12/2013</td> </tr> <tr> <td>3</td> <td>KES 3</td> <td>20/09/2013</td> </tr> </tbody> </table> <p>Taksiran anggaran dan penalti tidak dikeluarkan kerana Bahagian Petroleum tidak menerima maklumat mengenai Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) yang tidak dibangkitkan. Selain itu, tiada arahan di dalam bentuk agihan fail melalui <i>Case Management System</i> (CMS) kepada pegawai di Bahagian Petroleum untuk membangkitkan taksiran anggaran berserta penalti.</p> <p>Semakan telah dibuat ke atas memo yang dikeluarkan oleh Jabatan Operasi Cukai (JOC) pada tahun 2013 (Kes yang disenaraikan oleh JAN iaitu bagi Tahun Taksiran 2011) dan didapati ia tidak memasukkan Bahagian Petroleum sebagai penerima memo. Oleh itu untuk masa hadapan, JOC akan memastikan pemakluman ke Bahagian Petroleum juga dibuat berkaitan perkara ini.</p> <p>Sebelum Bahagian Petroleum dipisahkan daripada Jabatan Cukai Korporat (JCK) pada 1 Januari 2012, tugas membangkitkan taksiran anggaran ini dijalankan oleh pegawai Audit Meja JCK. Pemakluman semula melalui e-mel kepada Pegawai Bahagian Petroleum telah dibuat pada 15 Januari 2014 berkaitan tindakan yang boleh diambil oleh Bahagian Petroleum.</p> <p>Pada Oktober 2013 dan bermula dengan kes-kes Tahun Taksiran 2012, JOC telah mengeluarkan taksiran anggaran berserta penalti secara automatik kepada kes-kes syarikat termasuk kes-kes CITA mengikut kriteria yang ditetapkan. Memo bertarikh 5 Februari 2014 telah dikemukakan kepada Bahagian Petroleum bagi pemakluman taksiran secara auto dan <i>Case Management System</i> (CMS).</p>	BIL	NO FAIL	TARIKH NOTIS	1	KES 1	27/12/2013	2	KES 2	27/12/2013	3	KES 3	20/09/2013
BIL	NO FAIL	TARIKH NOTIS												
1	KES 1	27/12/2013												
2	KES 2	27/12/2013												
3	KES 3	20/09/2013												

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>perlu memastikan Sistem Taksir Sendiri Syarikat (STSC) yang sedia ada berupaya secara sepenuhnya mengeluarkan taksiran anggaran berserta penalti tersebut secara automatik.</p>	<p>Satu sistem pemantauan telah dibangunkan oleh Jabatan Teknologi Maklumat (JTM) bagi memantau kes-kes yang gagal dimuat naik untuk Tahun Taksiran 2013. Satu perbincangan telah diadakan pada 11 Februari 2014 bersama JTM dan Jabatan Pengeluaran dan Pemprosesan Maklumat (JPPM) untuk mengkaji prosedur sedia ada bagi memantau kes-kes yang gagal dimuat naik ke kerangka utama setelah diproses oleh JPPM. Bagi Tahun Taksiran kebelakangan tindakan pemantauan secara manual akan dilakukan antara JTM dan JPPM bagi memastikan semua kes dapat dimuat naik setelah diproses.</p>
<p><b>3.5.2.3.b</b></p>	<p><b>Cukai Sebenar Belum Diambil Kira Dalam Lejar</b></p> <p>Semakan Audit mendapati 2 syarikat petroleum hulu (kes PITA) telah mengemukakan 3 Borang Nyata CPP dalam tempoh yang ditetapkan. Selain itu, semakan Audit mendapati 2 syarikat petroleum hiliran (kes CITA) telah mengemukakan 2 Borang C dalam tempoh yang ditetapkan. Bagaimanapun, LHDNM belum menandatangani taksiran cukai (taksiran disifatkan) di lejar keempat-empat syarikat mengikut jumlah cukai kena dibayar yang dikira oleh syarikat petroleum tersebut, walaupun Borang tersebut telah diterima antara satu hingga 13 bulan yang dikira setakat 31 Ogos 2013. Kesannya kedudukan cukai tidak dapat ditentukan dan kenaikan cukai tidak dapat dikenakan jika terdapat tunggakan cukai serta kegagalan mematuhi skim anggaran cukai.</p> <p>Maklum Balas LHDNM Diterima Pada 11 Oktober 2013, 21 Januari 2014 Dan 10 Februari 2014</p> <p>Bagi syarikat petroleum hulu (kes PITA), Sistem Taksir Sendiri Syarikat yang dibangunkan tidak dapat menetapkan 50% bahagian cukai yang dikenakan ke atas syarikat. Selain itu, sistem ini juga tidak dapat menerima amaun negatif yang diisi oleh syarikat dalam Borang CPP. Oleh itu, LHDNM akan membuat pindaan dan penambahbaikan terhadap Sistem Taksir Sendiri Syarikat bersekali dengan Borang CPP. Seterusnya bagi syarikat petroleum hiliran (kes CITA), taksiran disifatkan adalah dikendalikan oleh Pusat Pemprosesan.</p> <p>Bagi kes PITA, taksiran telah dibuat pada bulan Oktober 2013 selepas pembayar cukai membuat pindaan terhadap Borang Nyata yang dikemukakan. Kelewatan dalam menandatangani taksiran cukai kes PITA juga disebabkan oleh Cawangan Pungutan Kuala Lumpur, Unit Petroleum baru dipancarkan ke Jabatan Cukai Korporat, di mana tindakan untuk mewujudkan kod remission perlu mendapat kelulusan Jabatan</p>	<p>Bagi syarikat petroleum hiliran (kes CITA), taksiran disifatkan adalah dikendalikan oleh Jabatan Pengeluaran dan Pemprosesan Maklumat. Taksiran disifatkan bagi kes CITA telah dibuat pada bulan September 2013.</p> <p>Bagi syarikat petroleum hulu (kes PITA), Sistem Taksir Sendiri Syarikat yang dibangunkan tidak dapat menetapkan 50% bahagian cukai yang dikenakan ke atas syarikat. Selain itu, sistem ini juga tidak dapat menerima amaun negatif yang diisi oleh syarikat dalam Borang CPP. Oleh itu, LHDNM akan membuat pindaan dan penambahbaikan terhadap Sistem Taksir Sendiri Syarikat bersekali dengan Borang CPP. Seterusnya bagi syarikat petroleum hiliran (kes CITA), taksiran disifatkan adalah dikendalikan oleh Pusat Pemprosesan, Jabatan Pemprosesan Maklumat (JPPM)</p> <p>Bagi kes PITA, taksiran telah dibuat pada bulan Oktober 2013 selepas pembayar cukai membuat pindaan terhadap Borang Nyata yang dikemukakan. Kelewatan dalam menandatangani taksiran cukai kes PITA juga disebabkan oleh Cawangan Pungutan Kuala Lumpur, Unit Petroleum baru dipancarkan ke Jabatan Cukai Korporat, di mana tindakan untuk mewujudkan kod remission perlu mendapat kelulusan Jabatan Pungutan Hasil.</p> <p><b>Tindakan Penambahbaikan</b></p> <p>a) Borang CPP Tahun Taksiran (TT) 2013 telah ditambah baik dengan memasukkan ruangan C 2: Tolakan Bagi Peremitan Di Bawah Seksyen 65 Akta Cukai Pendapatan Petroleum 1967.</p> <p>b) Sistem Taksir Sendiri Syarikat (STSC) sedang dalam proses</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pungutan Hasil.</p> <p>Manakala bagi kes CITA, taksiran disifatkan telah dibuat pada bulan September 2013. Disamping itu, tindakan penambahbaikan telah dilaksanakan seperti berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Borang CPP tahun Taksiran 2013 telah ditambahbaik dengan memasukkan ruangan C2 iaitu tolakan bagi peremitan di bawah Seksyen 65, Akta Cukai Pendapatan Petroleum 1967.</li> <li>ii. Sistem Taksir Sendiri Syarikat(STSC) sedang dalam proses penambahbaikan selaras dengan pindaan/tambahan maklumat dalam borang taksiran boleh dibangkitkan.</li> <li>iii. Memo Jabatan Pungutan Hasil (JPH) bertarikh 27 Januari 2014 telah menggariskan tindakan untuk remitan cukai pendapatan petroleum (PITA) melalui skrin penyesuaian akaun dalam alasan remitan.</li> </ol>	<p>penambahbaikan selaras dengan pindaan/tambahan maklumat dalam borang supaya taksiran boleh dibangkitkan.</p> <p>c) Memo Jabatan Pungutan Hasil bertarikh 27/01/2014 menggariskan tindakan yang perlu diambil oleh Jabatan Cukai Korporat untuk remitan cukai pendapatan Petroleum (PITA). Tindakan remitan tersebut melalui skrin Penyesuaian Akaun dan alasan Remitan di bawah subseksyen 65(1) Akta Cukai Pendapatan Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 telah diselesaikan.</p> <p><b>Tarikh/Tempoh Jangkaan Selesai Tindakan (Jika Berkaitan)</b></p> <p>a) Borang CPP TT 2013 yang ditetapkan telah dimuat naik ke Laman Sesawang LHDNM pada 21 Januari 2014.</p> <p>b) Penambahbaikan Sistem Taksir Sendiri Syarikat untuk membangkitkan taksiran ke atas Borang CPP 2013 di jangka siap pada Jun 2014.</p>
3.5.2.4	<p><b>Pemantauan Kerja Audit Luar Di Premis Syarikat Petroleum</b></p> <p>Pemantauan integriti pasukan audit luar adalah bertujuan memastikan aktiviti audit cukai yang dijalankan di premis syarikat petroleum dilaksanakan dengan telus, amanah dan beretika. Mengikut Manual Prosedur Kerja Audit Luar/Manual Prosedur Kerja Fokus Audit, lawatan mengejut oleh Pengarah Cawangan/Pengurus Audit terhadap integriti pasukan audit luar kes CITA hendaklah direkodkan dalam format Buku Daftar Lawatan Mengejut. Sehubungan ini, pemeriksaan Audit pada 6 September 2013 di Bahagian Petroleum LHDNM mendapati tiada bukti menunjukkan Pengarah dan Pengurus Audit Bahagian Petroleum LHDNM telah menjalankan lawatan mengejut terhadap pasukan Pegawai Audit Luar kes CITA pada tahun 2012 dan bagi tempoh setakat 5 September 2013.</p> <p>Maklum Balas LHDNM Diterima Pada 6 September 2013, 21 Januari 2014 Dan 10 Februari 2014</p> <p>Pengarah dan Pengurus Audit Bahagian Petroleum akan turut serta dalam semua lawatan audit luar. Pada tahun 2012, Pegawai Audit Luar telah bertambah dari 4 orang kepada 23 orang. Memandangkan tahun 2012 merupakan tahun pembelajaran bagi Pegawai Audit Luar yang baru, Pengarah dan Pengurus Audit Bahagian Petroleum telah turut serta dalam lawatan audit luar tersebut.</p>	<p>Pada tahun 2012, Pegawai Audit Luar telah bertambah dari 4 orang kepada 23 orang. Memandangkan tahun 2012 merupakan tahun pembelajaran bagi Pegawai Audit Luar yang baru, Pengarah dan/atau Pengurus Audit Bahagian Petroleum turut serta dalam kebanyakan lawatan audit luar tersebut.</p> <p>Mulai tahun 2014, Bahagian ini akan memastikan semua laporan akan dimasukkan nama Pengarah dan Pengurus Audit dalam kes-kes yang disertai.</p> <p><b>Tindakan Penambahbaikan</b></p> <p>Mulai tahun 2014 Buku Daftar Lawatan Mengejut telah disediakan. Pengurus Audit akan membuat lawatan mengejut sebanyak 6 kes dan Pengarah Bahagian sebanyak 4 kes.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Bagaimanapun, semakan Audit selanjutnya terhadap Laporan Awal/Laporan Temuduga Dan Lawatan bagi semua fail audit luar kes CITA dan kes PITA menunjukkan nama pegawai LHDNM yang terlibat dalam lawatan audit luar tidak termasuk nama Pengarah dan Pengurus Audit Bahagian Petroleum LHDNM. Pada pendapat Audit, nama mereka yang turut serta dalam lawatan audit luar juga perlu dinyatakan dalam Laporan Awal/Laporan Temuduga Dan Lawatan sebagai bukti lawatan telah dijalankan.</p> <p>Maklum Balas LHDNM Diterima Pada 21 Januari 2014 Dan 10 Februari 2014</p> <p>Mulai tahun 2014, Bahagian Petroleum akan memastikan semua laporan dimasukkan nama Pengarah dan Pengurus Audit dalam kes-kes yang disertai. Buku Daftar Lawatan Mengejut telah disediakan. Pengurus Audit akan membuat lawatan mengejut sebanyak 6 kes dan Pengarah Bahagian sebanyak 4 kes.</p>	
<p><b>3.5.3.1.b</b></p>	<p><b>Penguatkuasaan Pemungutan Cukai - Tunggakan Cukai</b></p> <p>Semakan Audit terhadap data dan rekod pungutan melibatkan 25 syarikat kes PITA mendapati ianya tidak mempunyai tunggakan cukai. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap 242 kes CITA mendapati 18 syarikat (7.43%) daripada 242 syarikat mempunyai tunggakan cukai berjumlah RM27.05 juta melibatkan 31 kes. Tempoh tunggakan cukai yang paling lama adalah 7 tahun 10 bulan.</p>	<p>Tindakan pemungutan telah diambil selepas teguran Audit seperti mengeluarkan surat peringatan, membenarkan kemudahan bayaran tunggakan cukai secara ansuran dan mengambil tindakan guaman sivil. Selain itu, tindakan susulan terhadap kes-kes mengambil tempoh masa yang lama kerana kesukaran mengesan pembayar cukai, pembayar cukai kurang memberi kerjasama dan keutamaan diberikan kepada kes-kes besar dan semasa. LHDNM sentiasa berusaha untuk mengurangkan tunggakan hasil sebagaimana digariskan dalam arahan dan program percukaian tahunan.</p>
<p><b>3.5.3.1.c</b></p>	<p>Antara faktor yang menyebabkan bayaran cukai tertunggak adalah tindakan penguatkuasaan tidak diambil sepenuhnya terhadap syarikat yang terlibat seperti mana yang diperuntukkan di dalam Akta Cukai Pendapatan 1967.</p> <p>Pada pendapat Audit, kelewatan tindakan pemungutan akan melambatkan dan boleh menyukarkan pungutan cukai. Sehubungan ini, bagi kes tunggakan cukai, tindakan pemungutan hendaklah disegerakan.</p> <p>Maklum Balas LHDNM Diterima Pada 23 September 2013, 21 Januari 2014 Dan 10 Februari 2014</p> <p>Tindakan pemungutan telah diambil selepas teguran Audit seperti mengeluarkan surat peringatan, membenarkan kemudahan bayaran tunggakan cukai secara ansuran dan mengambil tindakan guaman sivil. LHDNM sentiasa berusaha untuk mengurangkan tunggakan hasil sebagaimana digariskan dalam arahan dan</p>	<p>Arahan Operasi Bil 4 Tahun 2013 telah menetapkan amaun tunggakan hasil dikurangkan sebanyak 52% daripada tunggakan keseluruhan dan bilangan kes diambil tindakan adalah 70% daripada jumlah kes keseluruhan dan keutamaan diberi ke atas kes-kes besar. Sasaran untuk mengambil tindakan sebanyak 70% ke atas kes keseluruhan telah dicapai.</p> <p><b>Tindakan Penambahbaikan</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pada bulan Disember 2013, LHDNM telah mengautomasikan pengeluaran surat pemberitahuan tindakan mahkamah (CP91) yang merupakan satu inisiatif baru dalam usaha mempercepatkan proses kerja dan mengurangkan tunggakan hasil. Surat ini dikeluarkan kerana</li> </ol>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini												
	<p>program percukaian tahunan. Namun kekangan pegawai dan beban kerja yang dihadapi menyebabkan terdapat kes lewat diambil tindakan. Selain itu, tindakan susulan terhadap kes-kes mengambil tempoh masa yang lama kerana kesukaran mengesan pembayar cukai, pembayar cukai kurang memberi kerjasama dan keutamaan diberikan kepada kes-kes besar dan semasa.</p> <p>Pada bulan Disember 2013, LHDNM telah mengautomasikan pengeluaran surat pemberitahuan tindakan mahkamah (CP91) yang merupakan satu inisiatif baru dalam usaha mempercepatkan proses kerja dan mengurangkan tunggakan hasil. Pihak Ibu Pejabat LHDNM juga telah mengarahkan semua cawangan memantau dengan lebih kerap bagi kes debit akhir tahun dan debit semasa yang mempunyai tunggakan yang besar kerana kes ini akan menghasilkan kutipan yang besar untuk Kerajaan di samping mengambil tindakan pemungutan ke atas kes tunggakan kecil.</p>	<p>tiada bayaran dibuat selepas surat peringatan dikeluarkan.</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>2. Cawangan perlu menggunakan modul 'Simpan Dalam Perhatian (SDP)' yang telah dibangunkan dalam ReMS. Pada masa ini modul ini tidak digunakan sepenuhnya. Memo peringatan akan dikeluarkan kepada cawangan selewat-lewat bulan Mac 2014.</li> <li>3. Pemantauan akan dilakukan dari semasa ke semasa atas kes tunggakan hasil. Satu unit baru telah diwujudkan dalam bulan Februari tahun 2014 di Jabatan Pungutan Hasil. Salah satu daripada aktivitiinya adalah pemantauan dan lawatan ke cawangan. Pegawai di Unit ini telah diberi tanggungjawab memantau mengikut fail Pengarah Negeri. Kawalan dan proses pemantauan akan dikaji dari semasa ke semasa.</li> <li>4. Pihak Ibu Pejabat LHDNM juga telah mengarahkan semua cawangan memantau dengan lebih kerap bagi kes debit akhir tahun dan debit semasa yang mempunyai tunggakan yang besar kerana kes ini akan menghasilkan kutipan yang besar untuk Kerajaan di samping mengambil tindakan pemungutan ke atas kes tunggakan kecil</li> </ol> <p>Pemantauan kes-kes yang telah diaudit adalah seperti berikut:-</p> <p>Kes telah selesai diambil tindakan antaranya pengeluaran surat tunggakan cukai, surat pemberitahuan tindakan mahkamah ke atas syarikat, surat pemberitahuan tindakan mahkamah ke atas pengarah, penyediaan doket saman, carian SSM dan pengeluaran sekatan perjalanan dibawah Seksyen 104 ke atas pengarah yang layak. Pemantauan kes dilakukan secara mingguan bagi memastikan keseluruhan tunggakan dapat dikutip.</p> <table border="1" data-bbox="1339 1091 2000 1257"> <thead> <tr> <th>Bil. Syarikat</th> <th>Bil Kes</th> <th>Selesai Tindakan</th> <th>Tidak Selesai Tindakan</th> <th>Selesai</th> <th>Tidak Selesai</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>24</td> <td>40</td> <td>40</td> <td>0</td> <td>10</td> <td>30</td> </tr> </tbody> </table>	Bil. Syarikat	Bil Kes	Selesai Tindakan	Tidak Selesai Tindakan	Selesai	Tidak Selesai	24	40	40	0	10	30
Bil. Syarikat	Bil Kes	Selesai Tindakan	Tidak Selesai Tindakan	Selesai	Tidak Selesai									
24	40	40	0	10	30									

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini						
		<table border="1"> <thead> <tr> <th data-bbox="1279 296 1529 368">Amaun Tunggakan Keseluruhan RM</th> <th data-bbox="1529 296 1780 368">Amaun Tunggakan Selesai RM</th> <th data-bbox="1780 296 1995 368">Baki Tunggakan RM</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="1279 368 1529 456">27,320,788.21</td> <td data-bbox="1529 368 1780 456">313,477.12</td> <td data-bbox="1780 368 1995 456">27,007,311.09</td> </tr> </tbody> </table>	Amaun Tunggakan Keseluruhan RM	Amaun Tunggakan Selesai RM	Baki Tunggakan RM	27,320,788.21	313,477.12	27,007,311.09
Amaun Tunggakan Keseluruhan RM	Amaun Tunggakan Selesai RM	Baki Tunggakan RM						
27,320,788.21	313,477.12	27,007,311.09						
<b>3.5.3.2.b</b>	<p><b>Kenaikan Cukai Di Bawah Seksyen 103 ACP 1967 Terhadap Tunggakan Cukai Kes CITA</b></p> <p>Semakan Audit mendapati perkara berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. kenaikan cukai berjumlah RM404,656 tidak dikenakan terhadap 7 syarikat melibatkan 13 kes;</li> <li>ii. kenaikan cukai tidak patut dikenakan berjumlah RM53,889 terhadap 2 syarikat melibatkan 2 kes; dan</li> <li>iii. kenaikan cukai terlebih dikenakan sejumlah RM13,186 terhadap satu kes.</li> </ol>	<p>Kenaikan cukai telah dikenakan sama ada selepas teguran Audit atau selepas tarikh semakan Audit. Tindakan pengenaan dilakukan secara manual di STSC. Kes ini tidak dapat dikenakan secara automatik kerana tidak termasuk dalam kriteria kes yang dipilih.</p> <p>Kenaikan seksyen 103 dikeluarkan secara automatik dari STSC bagi syarikat, koperasi dan badan amanah yang dikenal pasti betul bagi kes taksiran disifatkan tanpa bayaran. Kenaikan seksyen 103 tidak dapat dikenakan sepenuhnya secara automatik terhadap semua kes kerana:-</p>						
<b>3.5.3.2.c</b>	<p>Antara sebab kenaikan cukai tidak dikenakan adalah pengiraan kenaikan cukai secara manual belum dibuat kerana fail tidak terpilih untuk semakan Cawangan Pungutan. Sehubungan ini, kenaikan cukai tidak dapat dikenakan secara automatik terhadap semua kes kerana terdapat kekangan seperti kod transaksi dan tahun bayaran yang tidak tepat diisi oleh syarikat, mengetepikan kes diberi kemudahan bayaran cukai secara ansuran, masalah pengenalpastian dan penggunaan baki kredit.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kod transaksi dan tahun bayaran yang diberikan oleh syarikat tidak tepat mengakibatkan baki lejer juga tidak tepat.</li> <li>• Perlu mengeneipkan kes yang ada ansuran.</li> <li>• Mengenal pasti tarikh kredit wujud apabila berlakunya taksiran kurangan.</li> <li>• Peraturan penggunaan kredit hendaklah betul jika dibuat melalui sistem.</li> </ul>						
<b>3.5.3.2.d</b>	<p>Keadaan tersebut akan menyebabkan Akaun Belum Terima (ABT) LHDNM terkurang nyata di Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan. Ini adalah kerana kegagalan pembayar cukai membayar cukai secara ansuran (lewat/kurang/tidak dibayar) mengakibatkan semua jumlah ansuran yang perlu dibayar dianggap sebagai tunggakan cukai yang perlu dikenakan kenaikan cukai di bawah seksyen 103 ACP 1967. Bagaimanapun, kenaikan cukai belum dikira secara manual untuk mendebit lejer pembayar cukai.</p> <p>Pada pendapat Audit, bagi menjamin Kerajaan tidak kehilangan hasil, LHDNM perlu mencari jalan penyelesaian terhadap kekangan kenaikan cukai secara automatik bagi mengurangkan penggantungan kepada tenaga manusia dalam tindakan kenaikan cukai. Sehubungan itu, LHDNM perlu memastikan aplikasi Sistem</p>	<p>Walaubagaimanapun, pengenaan kenaikan cukai secara automatik dibuat berperingkat dan dalam perancangan akan diperluaskan selaras dengan hasrat mengautomasi semua proses kerja pungutan yang berulang.</p> <p>Pemantauan kes-kes yang telah diaudit adalah seperti berikut:-</p>						

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																																																
	<p>Pengurusan Hasil (ReMS) dan Sistem Taksir Sendiri Syarikat (STSC) yang telah dibangunkan berupaya mengenakan kenaikan cukai di bawah seksyen 103 ACP 1967 secara automatik terhadap semua syarikat yang gagal membayar tunggakan cukai dalam tempoh yang ditetapkan.</p> <p>Maklum Balas LHDNM Diterima Pada 23 September 2013, 21 Januari 2014 Dan 10 Februari 2014</p> <p>Sistem Pengurusan Hasil (ReMS) dibangunkan untuk pemantauan debit akhir tahun mulai tahun 2008 dan mulai bulan Ogos 2009 untuk pemantauan debit semasa. Bagi mempercepatkan tindakan, ReMS telah menjana kes untuk dikenakan kenaikan di bawah seksyen 103 secara automatik. Data akan dimuat naik ke STSC/STSNC untuk semakan kali kedua dan notis kenaikan dikeluarkan melalui STS. Bagaimanapun, mulai tahun 2013, kenaikan seksyen 103 dikeluarkan terus dari STS bagi syarikat, koperasi dan badan amanah yang dikenal pasti betul bagi taksiran disifatkan dan taksiran formal.</p> <p>Sehubungan dengan itu, kenaikan tidak dapat dikenakan secara automatik terhadap semua kes kerana kod transaksi dan tahun bayaran yang diberikan oleh syarikat tidak tepat mengakibatkan baki lejar juga tidak tepat, keperluan untuk mengetepikan kes yang ada ansuran, mengenal pasti tarikh kredit wujud apabila berlakunya taksiran kurangan dan peraturan penggunaan kredit hendaklah betul jika dibuat melalui sistem.</p> <p>Tindakan pengenaan kenaikan cukai bagi kes yang terlibat sama ada selepas teguran Audit atau selepas tarikh semakan Audit telah dikenakan secara manual di STSC dan tidak dapat dikenakan secara automatik kerana tidak termasuk dalam kriteria yang dipilih oleh LHDNM.</p> <p>Pengenaan kenaikan cukai secara automatik dibuat secara berperingkat dan dalam perancangan akan diperluaskan selaras dengan hasrat mengautomatiskan semua proses kerja pungutan yang berulang.</p>	<p><u>Kenaikan tidak dikenakan</u></p> <table border="1" data-bbox="1279 341 1935 475"> <thead> <tr> <th>Bil. Syarikat</th> <th>Bil Kes</th> <th>Selesai Tindakan</th> <th>Tidak Selesai Tindakan</th> <th>Selesai</th> <th>Tidak Selesai</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>10</td> <td>17</td> <td>17</td> <td>0</td> <td>12</td> <td>5</td> </tr> </tbody> </table> <table border="1" data-bbox="1279 504 1935 689"> <thead> <tr> <th>Amaun Tunggakan Keseluruhan RM</th> <th>Amaun Tunggakan Selesai RM</th> <th>Baki Tunggakan RM</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>937,760.61</td> <td>597,052.86</td> <td>340,707.75</td> </tr> </tbody> </table> <p><u>Kenaikan cukai tidak patut dikenakan</u></p> <table border="1" data-bbox="1279 772 1935 922"> <thead> <tr> <th>Bil. Syarikat</th> <th>Bil Kes</th> <th>Selesai Tindakan</th> <th>Tidak Selesai Tindakan</th> <th>Selesai</th> <th>Tidak Selesai</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>2</td> <td>2</td> <td>2</td> <td>0</td> <td>2</td> <td>0</td> </tr> </tbody> </table> <table border="1" data-bbox="1279 963 1935 1133"> <thead> <tr> <th>Amaun Tunggakan Keseluruhan RM</th> <th>Amaun Tunggakan Selesai RM</th> <th>Baki Tunggakan RM</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>53,889.43</td> <td>53,889.43</td> <td>0</td> </tr> </tbody> </table> <p><u>Kenaikan cukai terlebih dikenakan</u></p> <table border="1" data-bbox="1279 1219 1935 1369"> <thead> <tr> <th>Bil. Syarikat</th> <th>Bil Kes</th> <th>Selesai Tindakan</th> <th>Tidak Selesai Tindakan</th> <th>Selesai</th> <th>Tidak Selesai</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td> <td>1</td> <td>1</td> <td>0</td> <td>1</td> <td>0</td> </tr> </tbody> </table>	Bil. Syarikat	Bil Kes	Selesai Tindakan	Tidak Selesai Tindakan	Selesai	Tidak Selesai	10	17	17	0	12	5	Amaun Tunggakan Keseluruhan RM	Amaun Tunggakan Selesai RM	Baki Tunggakan RM	937,760.61	597,052.86	340,707.75	Bil. Syarikat	Bil Kes	Selesai Tindakan	Tidak Selesai Tindakan	Selesai	Tidak Selesai	2	2	2	0	2	0	Amaun Tunggakan Keseluruhan RM	Amaun Tunggakan Selesai RM	Baki Tunggakan RM	53,889.43	53,889.43	0	Bil. Syarikat	Bil Kes	Selesai Tindakan	Tidak Selesai Tindakan	Selesai	Tidak Selesai	1	1	1	0	1	0
Bil. Syarikat	Bil Kes	Selesai Tindakan	Tidak Selesai Tindakan	Selesai	Tidak Selesai																																													
10	17	17	0	12	5																																													
Amaun Tunggakan Keseluruhan RM	Amaun Tunggakan Selesai RM	Baki Tunggakan RM																																																
937,760.61	597,052.86	340,707.75																																																
Bil. Syarikat	Bil Kes	Selesai Tindakan	Tidak Selesai Tindakan	Selesai	Tidak Selesai																																													
2	2	2	0	2	0																																													
Amaun Tunggakan Keseluruhan RM	Amaun Tunggakan Selesai RM	Baki Tunggakan RM																																																
53,889.43	53,889.43	0																																																
Bil. Syarikat	Bil Kes	Selesai Tindakan	Tidak Selesai Tindakan	Selesai	Tidak Selesai																																													
1	1	1	0	1	0																																													



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini								
		<table border="1" data-bbox="1279 284 1933 443"> <thead> <tr> <th data-bbox="1279 284 1514 384">Amaun Tunggakan Keseluruhan RM</th> <th data-bbox="1514 284 1693 384">Amaun Tunggakan Selesai RM</th> <th data-bbox="1693 284 1933 384">Baki Tunggakan RM</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="1279 384 1514 443">13,186.58</td> <td data-bbox="1514 384 1693 443">13,185.58</td> <td data-bbox="1693 384 1933 443">0</td> </tr> </tbody> </table>			Amaun Tunggakan Keseluruhan RM	Amaun Tunggakan Selesai RM	Baki Tunggakan RM	13,186.58	13,185.58	0
Amaun Tunggakan Keseluruhan RM	Amaun Tunggakan Selesai RM	Baki Tunggakan RM								
13,186.58	13,185.58	0								
3.5.3.3.b	<p data-bbox="331 480 1232 512"><b>Sekatan Ke Luar Negara Terhadap Pengarah Syarikat</b></p> <p data-bbox="331 536 1232 619">Semakan Audit mendapati sekatan ke luar negara tidak diambil terhadap 5 pengarah syarikat melibatkan 9 kes yang tunggakan cukai syarikatnya berjumlah RM500,573.</p> <p data-bbox="331 675 1232 730">Maklum Balas LHDNM Diterima Pada 23 September 2013, 21 Januari 2014 Dan 10 Februari 2014</p> <p data-bbox="331 754 1232 978">Untuk melaksanakan tindakan sekatan perjalanan di bawah seksyen 104 ACP 1967, pengesahan pegangan saham pengarah syarikat yang memiliki saham biasa syarikat melebihi 50% mengikut seksyen 75A ACP 1967 adalah diperlukan daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Dengan itu, tindakan sekatan ke luar negara terhadap pengarah syarikat akan diambil selepas semakan dengan SSM untuk pengesahan kedudukan pegangan saham pengarah dalam syarikat. Tindakan penguatkuasaan sekatan perjalanan akan dilaksanakan apabila pegangan saham disahkan melebihi 51% dalam maklumat SSM.</p> <p data-bbox="331 1002 1232 1169">LHDNM akan mengambil tindakan terhadap 3 pengarah syarikat melibatkan 6 kes tunggakan cukai melalui Jabatan Cukai Korporat lanjutan dari pemencaran fail pungutan syarikat. Tindakan juga akan diambil terhadap seorang pengarah syarikat dengan dua kes tunggakan cukai setelah pindaan taksiran dibuat oleh Bahagian Petroleum atas rayuan pembayar cukai. Satu lagi kes tunggakan cukai diselesaikan melalui pindahan kredit yang akan dilakukan oleh Jabatan Cukai Korporat.</p>	<p data-bbox="1249 536 2083 786">Untuk melaksanakan tindakan sekatan perjalanan di bawah seksyen 104 ACP, pengesahan pegangan saham pengarah syarikat yang memiliki saham biasa syarikat melebihi 50% mengikut seksyen 75A ACP 1967 adalah diperlukan daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Dengan itu, tindakan sekatan ke luar negara terhadap pengarah syarikat akan diambil selepas semakan dengan SSM untuk pengesahan kedudukan pegangan saham pengarah dalam syarikat. Tindakan penguatkuasaan sekatan perjalanan akan dilaksanakan apabila pegangan saham disahkan melebihi 51% dalam maklumat SSM.</p> <p data-bbox="1249 842 1568 866"><b>Tindakan Penambahbaikan</b></p> <ol data-bbox="1249 898 2083 1169" style="list-style-type: none"> <li data-bbox="1249 898 2083 1034">1. Bagi kes berbaki debit, surat peringatan dan tindakan mendapatkan maklumat SSM akan diambil. Sebaik menerima maklumat, tindakan serentak iaitu sekatan perjalanan atas pengarah yang layak dan guaman sivil akan diambil jika tiada bayaran atau aturan bayaran diterima daripada pembayar cukai.</li> <li data-bbox="1249 1066 2083 1169">2. Cawangan perlu menggunakan modul 'Simpan Dalam Perhatian (SDP)' yang telah dibangunkan dalam ReMS. Pada masa ini modul ini tidak digunakan sepenuhnya. Memo peringatan akan dikeluarkan kepada cawangan selewat-lewat bulan Mac 2014.</li> </ol>								

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																		
		<p>Pemantauan kes-kes yang telah diaudit adalah seperti berikut:-</p> <table border="1" data-bbox="1256 347 1944 483"> <thead> <tr> <th>Bil. Syarikat</th> <th>Bil Kes</th> <th>Selesai Tindakan</th> <th>Tidak Selesai Tindakan</th> <th>Selesai</th> <th>Tidak Selesai</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>7</td> <td>15</td> <td>13</td> <td>2</td> <td>1</td> <td>14</td> </tr> </tbody> </table> <table border="1" data-bbox="1256 518 1944 678"> <thead> <tr> <th>Amaun Tunggakan Keseluruhan RM</th> <th>Amaun Tunggakan Selesai RM</th> <th>Baki Tunggakan RM</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>625,982.08</td> <td>39,550.68</td> <td>586,431.40</td> </tr> </tbody> </table>	Bil. Syarikat	Bil Kes	Selesai Tindakan	Tidak Selesai Tindakan	Selesai	Tidak Selesai	7	15	13	2	1	14	Amaun Tunggakan Keseluruhan RM	Amaun Tunggakan Selesai RM	Baki Tunggakan RM	625,982.08	39,550.68	586,431.40
Bil. Syarikat	Bil Kes	Selesai Tindakan	Tidak Selesai Tindakan	Selesai	Tidak Selesai															
7	15	13	2	1	14															
Amaun Tunggakan Keseluruhan RM	Amaun Tunggakan Selesai RM	Baki Tunggakan RM																		
625,982.08	39,550.68	586,431.40																		
3.5.3.4	<p><b>Penguatkuasaan Guaman Sivil Terhadap Syarikat</b></p> <p>Arahan Operasi Bil. 6 Tahun 2007 menetapkan sekiranya syarikat masih enggan menjelaskan tunggakan cukai berjumlah RM5,000 dan ke atas, LHDNM boleh mengambil tindakan guaman sivil terhadap syarikat di bawah seksyen 106 ACP 1967. Semakan Audit mendapati tindakan guaman sivil tidak diambil terhadap 5 syarikat melibatkan 8 kes yang tunggakan cukainya berjumlah RM309,887.</p> <p>Maklum Balas LHDNM Diterima Pada 23 September 2013, 21 Januari 2014 Dan 10 Februari 2014</p> <p>Tindakan guaman sivil akan diambil terhadap syarikat sekiranya tiada bayaran dibuat dalam tempoh 14 hari selepas Surat Pemberitahuan Tindakan Guaman Sivil Akan Diambil dikeluarkan. Selain itu, surat peringatan tunggakan cukai telah dikeluarkan kepada syarikat. Sehubungan dengan itu, tindakan guaman sivil telah diambil pada bulan Oktober 2013 terhadap sebuah syarikat dengan 2 kes tunggakan cukai. LHDNM akan mengambil tindakan guaman sivil melalui Jabatan Cukai Korporat terhadap 3 buah syarikat yang melibatkan 5 kes tunggakan cukai manakala sebuah syarikat dengan satu kes tunggakan akan diselesaikan menerusi pindahan kredit cukai.</p>	<p>Tindakan guaman sivil akan diambil terhadap syarikat sekiranya tiada bayaran dibuat dalam tempoh 14 hari selepas Surat Pemberitahuan Tindakan Guaman Sivil Akan Diambil dikeluarkan. Selain itu, surat peringatan tunggakan cukai telah dikeluarkan kepada syarikat.</p> <p><b>Tindakan Penambahbaikan</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bagi kes berbaki debit, surat peringatan dan tindakan mendapatkan maklumat SSM akan diambil. Sebaik menerima maklumat, tindakan serentak iaitu sekatan perjalanan atas pengarah yang layak dan guaman sivil akan diambil jika tiada bayaran atau aturan bayaran diterima daripada pembayar cukai.</li> <li>2. Cawangan perlu menggunakan modul 'Simpan Dalam Perhatian (SDP)' yang telah dibangunkan dalam ReMS. Pada masa ini modul ini tidak digunakan sepenuhnya. Memo peringatan akan dikeluarkan kepada cawangan selewat-lewat bulan Mac 2014.</li> </ol>																		

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																		
		<p>Pemantauan kes-kes yang telah diaudit adalah seperti berikut:-</p> <table border="1" data-bbox="1256 341 1917 507"> <thead> <tr> <th>Bil. Syarikat</th> <th>Bil Kes</th> <th>Selesai Tindakan</th> <th>Tidak Selesai Tindakan</th> <th>Selesai</th> <th>Tidak Selesai</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>9</td> <td>16</td> <td>16</td> <td>0</td> <td>3</td> <td>13</td> </tr> </tbody> </table> <table border="1" data-bbox="1256 544 1917 735"> <thead> <tr> <th>Amaun Tunggakan Keseluruhan RM</th> <th>Amaun Tunggakan Selesai RM</th> <th>Baki Tunggakan RM</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>2,634,175.78</td> <td>139,632.34</td> <td>2,494,543.44</td> </tr> </tbody> </table>	Bil. Syarikat	Bil Kes	Selesai Tindakan	Tidak Selesai Tindakan	Selesai	Tidak Selesai	9	16	16	0	3	13	Amaun Tunggakan Keseluruhan RM	Amaun Tunggakan Selesai RM	Baki Tunggakan RM	2,634,175.78	139,632.34	2,494,543.44
Bil. Syarikat	Bil Kes	Selesai Tindakan	Tidak Selesai Tindakan	Selesai	Tidak Selesai															
9	16	16	0	3	13															
Amaun Tunggakan Keseluruhan RM	Amaun Tunggakan Selesai RM	Baki Tunggakan RM																		
2,634,175.78	139,632.34	2,494,543.44																		
3.5.3.5	<p><b>Penguatkuasaan Guaman Sivil Terhadap Pengarah Syarikat</b></p> <p>Tindakan guaman sivil terhadap syarikat dan pengarah syarikat boleh diambil dalam satu tindakan yang sama. Bagi tujuan ini, tunggakan cukai syarikat perlulah berjumlah RM10,000 dan ke atas sementara dalam waktu yang sama, pengarah syarikat itu memiliki modal syer syarikat melebihi 50% mengikut seksyen 75A ACP 1967 dan di mana beliau adalah pengarah semasa tempoh hutang itu kena dibayar oleh syarikat itu. Oleh yang demikian, LHDNM boleh mengambil tindakan guaman sivil terhadap pengarah syarikat berkenaan di bawah seksyen 106 ACP 1967. Semakan Audit mendapati tindakan guaman sivil tidak diambil terhadap 7 pengarah syarikat melibatkan 15 kes yang tunggakan cukai syarikat berjumlah RM0.62 juta.</p> <p>Maklum Balas LHDNM Diterima Pada 23 September 2013, 21 Januari 2014 Dan 10 Februari 2014</p> <p>Tindakan guaman sivil terhadap pengarah akan diambil selepas semakan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk pengesahan pegangan saham. Tindakan guaman sivil akan dilaksanakan apabila pegangan saham disahkan melebihi 51% dalam maklumat SSM.</p> <p>LHDNM akan mengambil tindakan guaman sivil melalui Jabatan Cukai Korporat terhadap 6 pengarah syarikat yang melibatkan 11 kes tunggakan cukai manakala</p>	<p>Tindakan guaman sivil terhadap pengarah akan diambil selepas semakan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk pengesahan pegangan saham. Tindakan guaman sivil akan dilaksanakan apabila pegangan saham disahkan lebih 51% dalam maklumat SSM.</p> <p><b>Tindakan Penambahbaikan</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bagi kes berbaki debit, surat peringatan dan tindakan mendapatkan maklumat SSM akan diambil. Sebaik menerima maklumat, tindakan serentak iaitu sekatan perjalanan atas pengarah yang layak dan guaman sivil akan diambil jika tiada bayaran atau aturan bayaran diterima daripada pembayar cukai.</li> <li>2. Cawangan perlu menggunakan modul 'Simpan Dalam Perhatian (SDP)' yang telah dibangunkan dalam ReMS. Pada masa ini modul ini tidak digunakan sepenuhnya. Memo peringatan akan dikeluarkan kepada cawangan selewat-lewat bulan Mac 2014.</li> </ol>																		

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																		
	<p>sebuah syarikat dengan 4 kes tunggakan telah membuat pembayaran tunggakan cukai secara ansuran.</p>	<table border="1" data-bbox="1256 284 1928 451"> <thead> <tr> <th>Bil. Syarikat</th> <th>Bil Kes</th> <th>Selesai Tindakan</th> <th>Tidak Selesai Tindakan</th> <th>Selesai</th> <th>Tidak Selesai</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>7</td> <td>15</td> <td>13</td> <td>2</td> <td>1</td> <td>14</td> </tr> </tbody> </table> <table border="1" data-bbox="1256 475 1928 643"> <thead> <tr> <th>Amaun Tunggakan Keseluruhan RM</th> <th>Amaun Tunggakan Selesai RM</th> <th>Baki Tunggakan RM</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>625,982.08</td> <td>39,550.68</td> <td>586,431.40</td> </tr> </tbody> </table>	Bil. Syarikat	Bil Kes	Selesai Tindakan	Tidak Selesai Tindakan	Selesai	Tidak Selesai	7	15	13	2	1	14	Amaun Tunggakan Keseluruhan RM	Amaun Tunggakan Selesai RM	Baki Tunggakan RM	625,982.08	39,550.68	586,431.40
Bil. Syarikat	Bil Kes	Selesai Tindakan	Tidak Selesai Tindakan	Selesai	Tidak Selesai															
7	15	13	2	1	14															
Amaun Tunggakan Keseluruhan RM	Amaun Tunggakan Selesai RM	Baki Tunggakan RM																		
625,982.08	39,550.68	586,431.40																		
<p><b>3.5.3.6</b></p>	<p><b>Tindakan Kaveat Hartanah Terhadap Syarikat</b></p> <p>Arahan Operasi Bil. 2 Tahun 2009 menghendaki tindakan kaveat hartanah diambil di bawah peruntukan seksyen 320(1)(ba) Kanun Tanah Negara atau mengikut peruntukan perundangan tanah di negeri terhadap syarikat yang memiliki tanah dan bangunan di mana tunggakan cukai melebihi RM50,000. Semakan Audit mendapati tindakan kaveat hartanah tidak diambil terhadap 4 syarikat yang memiliki tanah dan bangunan melibatkan 5 kes di mana tunggakan cukai berjumlah RM2.49 juta.</p> <p>Maklum Balas LHDNM Diterima Pada 23 September 2013, 21 Januari 2014 Dan 10 Februari 2014</p> <p>Memo pertanyaan maklumat aset telah dikeluarkan kepada Pengarah Bahagian Petroleum pada 9 September 2013. LHDNM akan mengambil tindakan susulan berkaitan kaveat melalui Jabatan Cukai Korporat terhadap 4 syarikat yang melibatkan 4 kes tunggakan cukai, manakala satu kes tidak diklasifikasikan sebagai tunggakan kerana ianya merupakan kenaikan cukai yang baru dikenakan pada bulan September 2013.</p> <p>Tindakan sekatan perjalanan dan guaman sivil terhadap pengarah syarikat memerlukan pengesahan pegangan saham daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Manakala bagi tindakan kaveat, maklumat pemilikan hartanah perlu diperolehi melalui carian nombor hak milik dan mengesahkan harta tidak dicagarkan. Kedua-dua proses ini akan mengambil masa yang lama.</p>	<p>Memo pertanyaan maklumat aset telah dikeluarkan kepada Pengarah Bahagian Petroleum pada 9 September 2013. LHDNM akan mengambil tindakan susulan berkaitan kaveat melalui Jabatan Cukai Korporat terhadap 4 syarikat yang melibatkan 4 kes tunggakan cukai manakala satu kes tidak diklasifikasikan sebagai tunggakan kerana ianya merupakan kenaikan cukai yang baru dikenakan pada bulan September 2013.</p> <p>Tindakan sekatan perjalanan dan guaman sivil terhadap pengarah syarikat memerlukan pengesahan pegangan saham daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Manakala bagi tindakan kaveat, maklumat pemilikan hartanah perlu diperolehi melalui carian nombor hak milik dan mengesahkan harta tidak dicagarkan. Kedua-dua proses ini akan mengambil masa yang lama.</p> <p>Pemantauan kes-kes yang telah diaudit adalah seperti berikut:-</p> <table border="1" data-bbox="1256 1145 1928 1313"> <thead> <tr> <th>Bil. Syarikat</th> <th>Bil Kes</th> <th>Selesai Tindakan</th> <th>Tidak Selesai Tindakan</th> <th>Selesai</th> <th>Tidak Selesai</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>4</td> <td>5</td> <td>3</td> <td>2</td> <td>3</td> <td>2</td> </tr> </tbody> </table>	Bil. Syarikat	Bil Kes	Selesai Tindakan	Tidak Selesai Tindakan	Selesai	Tidak Selesai	4	5	3	2	3	2						
Bil. Syarikat	Bil Kes	Selesai Tindakan	Tidak Selesai Tindakan	Selesai	Tidak Selesai															
4	5	3	2	3	2															

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini								
	<p>Beban kerja berbanding dengan bilangan pegawai adalah tidak setimpal ditambah dengan proses kerja guaman sivil/kaveat yang mengambil masa yang lama untuk penyediaan lanjut.</p> <p>Pada pendapat Audit, bagi menjamin Kerajaan tidak kehilangan hasil, LHDNM perlu menguatkuasakan pemungutan tunggakan cukai secara tegas melalui sekatan ke luar negara terhadap pengarah syarikat, tindakan guaman sivil dan kaveat hartanah.</p>	<table border="1"> <thead> <tr> <th data-bbox="1256 280 1500 379">Amaun Tunggakan Keseluruhan RM</th> <th data-bbox="1500 280 1704 379">Amaun Tunggakan Selesai RM</th> <th data-bbox="1704 280 1919 379">Baki Tunggakan RM</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="1256 379 1500 472">2,490,026.26</td> <td data-bbox="1500 379 1704 472">175,964.94</td> <td data-bbox="1704 379 1919 472">2,314,061.32</td> </tr> </tbody> </table>			Amaun Tunggakan Keseluruhan RM	Amaun Tunggakan Selesai RM	Baki Tunggakan RM	2,490,026.26	175,964.94	2,314,061.32
Amaun Tunggakan Keseluruhan RM	Amaun Tunggakan Selesai RM	Baki Tunggakan RM								
2,490,026.26	175,964.94	2,314,061.32								

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 1 TAHUN 2013**

**KEMENTERIAN KEWANGAN**

**Jabatan Kastam Diraja Malaysia**

**Perenggan 4 : Pengurusan Pangkalan Marin Kastam**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
4.5.1.1.a	<p><b>Prestasi Unit Marin</b></p> <p>Daripada 6 PMK yang diaudit, PMK Tanjung Gemok tidak mempunyai anggota mahupun bot jabatan. Oleh itu, tiada sasaran rondaan ditetapkan.</p>	Maklumbalas seperti di para 4.5.1.1.c
4.5.1.1.b	<p>Secara keseluruhannya, prestasi bagi Unit Marin di 5 PMK yang lain adalah baik di mana sasaran sebanyak 3,072 rondaan untuk tempoh 3 tahun (2011 hingga 2013) telah tercapai dengan sebanyak 3,295 rondaan (107.3%) untuk tempoh tahun 2011 hingga bulan Oktober 2013.</p>	
4.5.1.1.c	<p>Analisis audit selanjutnya mendapati Unit Marin di 3 PMK (Pengkalan Kubor, Sungai Pulai dan Weld Quay) mencapai dan juga telah melebihi sasaran rondaan untuk tempoh 3 tahun tersebut. Bagaimanapun, Unit Marin PMK Lumut dan Kuala Perlis tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Untuk tempoh yang sama, Unit Marin di PMKLumut hanya dapat melaksanakan sebanyak 306 rondaan (56.7%) daripada 540 rondaan yang disasarkan. Manakala Unit Marin di PMK Kuala Perlis hanya dapat melaksanakan sebanyak 436 rondaan (80.7%) daripada 540 rondaan yang disasarkan.</p> <p>Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Yang Diterima Pada 18 Februari 2014</p> <p>Bagi PMK Lumut, rondaan laut yang dilaksanakan sehingga bulan Disember 2013 adalah sebanyak 69 (38.3%) daripada 180 kali yang disasarkan. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh kerosakan bot, bilangan anggota yang terhad dan penglibatan anggota dalam operasi-operasi khas di luar kawasan. Manakala bagi PMK Kuala Perlis, sasaran rondaan tidak tercapai hanya pada tahun 2011 dan 2012 sahaja disebabkan oleh anggota Unit Marin turut terlibat dengan rondaan dan operasi-operasi darat, faktor cuaca yang menghalang aktiviti rondaan, kekurangan bot Kastam serta ketidakseimbangan anggota Unit Marin. Bagi Tahun 2013 Unit Marin Kuala Perlis telah mencapai sasaran rondaan sehingga 139.4%.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
4.5.1.2.a.iii	<p><b>Bilangan Bot Kastam</b></p> <p>Semakan Audit mendapati kerosakan bot Kastam telah menyebabkan operasi rondaan laut/sungai terjejas. Semasa lawatan Audit ke 6PMK berkenaan, adalah didapati sebanyak 11 bot Kastam daripada 31 bot di PMK mengalami pelbagai jenis kerosakan.</p>	Maklumbalas seperti di para 4.5.1.2.a.iv
4.5.1.2.a.iv	<p>Apabila bot Kastam menghadapi masalah kerosakan, satu laporan mengenainya telah disediakan oleh Unit Marin Negeri dan dihantar ke Unit Marin, Cawangan Pencegahan dan Rampasan Ibu Pejabat JKDM. Setelah mendapat kelulusan untuk pembaikan bot daripada Panel Pembaikan Bot Jabatan, bot tersebut akan dihantar ke limbungan. Semakan Audit mendapati tempoh yang diambil oleh Ibu Pejabat JKDM untuk meluluskan beberapa permohonan pembaikan bot adalah di antara 2 minggu hingga setahun 6 bulan. Ini menyebabkan bot tidak dapat digunakan bagi tempoh tersebut.</p> <p>Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Yang Diterima Pada 18 Februari 2014</p> <p>Diakui bahawa terdapat beberapa permohonan daripada pihak stesen lewat diberi kelulusan oleh Ibu Pejabat. Kelewatan kelulusan permohonan ini selalunya berkait dengan permohonan pembaikan kerosakan enjin. Sebagai makluman, semua permohonan pembaikan bot dari stesen akan diluluskan oleh Panel Pembaikan Bot Jabatan yang bersidang dari semasa ke semasa kecuali bagi permohonan kecemasan. Panel perlu mengambil masa untuk meluluskan setiap permohonan yang melibatkan pembaikan enjin kerana ia melibatkan kos yang tinggi dan memerlukan penelitian dan kajian terperinci. Prosedur yang perlu dipatuhi sebelum kebenaran pembaikan diberi adalah menilai tahap kerosakan dengan mendapatkan kelulusan dan nasihat daripada Jabatan Laut Malaysia atau Pasukan Teknikal Jabatan bagi menentukan kerosakan dan bahagian yang perlu dibaiki serta menilai kos sebenar pembaikan. Setelah kelulusan diterima barulah jawatankuasa akan bersidang dan memberi kelulusan.</p>	
4.5.1.2.b.ii	<p><b>Ketidakseimbangan Anggota Unit Marin</b></p> <p>Disebabkan penyerahan bot Kastam dan penyerapan jawatan anggota Marin Kastam ke APMM pada tahun 2011, wujud ketidakseimbangan antara bilangan baki bot Kastam dan jawatan yang diluluskan untuk Unit Marin di PMK yang diaudit. Berdasarkan PTP Bil. 16, sebanyak 133 jawatan anggota adalah diperlukan bagi mengendalikan 31 bot Kastam yang terdapat di PMK berkenaan. Bagaimanapun, bilangan jawatan yang diluluskan adalah sebanyak 151, iaitu lebih 18 jawatan yang diperlukan. Semakan Audit selanjutnya mendapati:-</p>	JKDM telah merombak semula penempatan bot-bot yang berbaki iaitu 90 buah bot dan 26 buah sampan di negeri-negeri bagi menyesuaikan fungsi baharu Cawangan Marin. Selain itu, JKDM juga menyusun semula secara <i>redeployment</i> baki perjawatan marin berjumlah 667 jawatan berdasarkan penempatan baharu bot-bot. Permohonan untuk <i>redeployment</i> perjawatan marin telah dikemukakan ke JPA pada 29 Januari 2013 dan telah lulus pada 9 Oktober 2013 melalui Waran Perjawatan Bil. A238 Tahun 2013.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• tiada jawatan khusus diwujudkan bagi PMK Sungai Pulai. Bagaimanapun, sebanyak 67 jawatan daripada 183 jawatan yang diluluskan untuk Unit Marin JKDM Negeri Johor telah ditempatkan secara pentadbiran di PMK Sungai Pulai. Ini mengakibatkan lebih sebanyak 29 jawatan jika dibandingkan dengan bilangan bot yang sedia ada.</li> <li>• berlakunya lebih sebanyak 31 jawatan yang diluluskan bagi anggota Unit Marin di PMK WeldQuay.</li> <li>• jawatan yang diluluskan bagi PMK Lumut, Kuala Perlis dan Pengkalan Kubor adalah kurang daripada yang sepatutnya.</li> </ul>	<p>Satu Perintah Pertukaran Pegawai Marin mengikut waran perjawatan yang diluluskan akan dikeluarkan pada minggu pertama bulan Mac 2014.</p>
<p><b>4.5.1.2.b.iii</b></p>	<p>Untuk menyelesaikan masalah ketidakseimbangan anggota Unit Marin, JKDM telah melaksanakan <i>redeployment</i> anggota yang telah mengakibatkan lebih 27 anggota Unit Marin di 5 PMK (tidak termasuk PMK Tanjung Gemok) jika dibandingkan dengan anggota yang diperlukan mengikut PTP Bil. 16. Bagaimanapun, semasa lawatan Audit anggota sedia ada bagi Unit Marin di PMK Lumut, Kuala Perlis dan Pengkalan Kubor adalah tidak mencukupi berbanding bilangan bot Kastam yang ditempatkan di PMK berkenaan. Ini secara langsung telah menyebabkan ketidakcapaian sasaran rondaan yang disasarkan oleh PMK Lumut dan PMK Kuala Perlis. Sehubungan dengan itu, <i>redeployment</i> juga menunjukkan bahawa bilangan anggota sedia ada seramai 160 anggota adalah melebihi 151 jawatan yang diluluskan.</p>	
<p><b>4.5.1.2.b.iv</b></p>	<p>Bagi menyelesaikan masalah keanggotaan Unit Marin, JKDM telah memohon untuk menyelaraskan jawatan mengikut risiko penyeludupan dan bilangan bot sedia ada di PMK. Adalah didapati waran perjawatan tambahan untuk Unit Marin di seluruh negara telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan pada 9 Oktober 2013. Semakan Audit selanjutnya mendapati perkara berikut:-</p> <p>Tiada jawatan diwujudkan bagi PMK Tanjung Gemok dan bilangan jawatan untuk PMK Sungai Pulai adalah ditempatkan secara pentadbiran. Memandangkan waran perjawatan tambahan untuk Unit Marin di Negeri Johor adalah secara keseluruhan, kedudukan anggota Unit Marin di PMK berkenaan tidak dapat ditentukan.</p>	
<p><b>4.5.1.2.b.v</b></p>	<p>Selain itu, adalah didapati anggota Unit Marin juga ditugaskan untuk membuat awasan selama 24 jam secara bergilir di pangkalan/pondok awasan. Anggota Marin turut dikehendaki untuk mengawas bot yang sedang dibaiki di limbungan. Bagi negeri yang kekurangan anggota, pegawai yang sama ditugaskan untuk mengendalikan lebih daripada 1 bot seperti yang ditetapkan dalam jadual bertugas secara giliran.</p> <p>Pada pendapat Audit, bilangan bot (termasuk kelewatan meluluskan permohonan</p>	



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>pembaikan) dan ketidakseimbangan anggota Unit Marin berdasarkan bilangan bot sedia ada secara langsung telah memberi impak kepada prestasi rondaan Unit Marin di PMK yang diaudit.</p> <p>Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Yang Diterima Pada 18 Februari 2014</p> <p>JKDM telah menyusun semula baki perjawatan Marin secara <i>redeployment</i> berdasarkan jumlah bot dan sampan yang dirombak semula penempatannya di negeri-negeri terlibat. Selain itu, JKDM sedang mengatur dan merancang pengisian kekosongan jawatan berdasarkan penyusunan semula/<i>redeployment</i> perjawatan Marin di seluruh negara.</p>	
4.5.2.2	<p>Bagaimanapun, lawatan Audit pada 24 hingga 27 September 2013 ke PMK Tanjung Gemok mendapati perkara berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Tiada waran perjawatan dimohon untuk melengkapkan PMK ini.</li> <li>b. Selain itu, pembinaan jeti dengan kos berjumlah RM458,135 tidak mempunyai infrastruktur yang lengkap seperti pontun. Oleh itu, tiada bot Kastam disediakan untuk menjalankan aktiviti rondaan.</li> <li>c. PMK ini telah ditukarkan menjadi sebuah pejabat Penguatkuasaan Kastam tanpa ada anggota Unit Marin.</li> </ol> <p>Pada pendapat Audit, jika bot dan anggota marin tidak ditempatkan di PMK Tanjung Gemok, objektif pembinaan jeti ini tidak dapat dicapai.</p> <p>Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Yang Diterima Pada 18 Februari 2014</p> <p>Penempatan bot dan anggota Unit Marin telah dilaksanakan pada bulan Februari 2014. Pontun akan disediakan setelah Unit Marin dan ditempatkan di PMK Tanjung Gemok. Bagaimanapun, bot-bot JKDM masih boleh berlabuh di jeti tersebut memandangkan getah <i>fender</i> disediakan.</p>	Maklumbalas seperti di para 4.5.2.2
4.5.3.1.a	<p><b>Fasiliti PMK Yang Tidak Digunakan - Tangki Simpanan Minyak</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Tangki simpanan minyak (diesel) telah dibina di PMK Lumut (<i>skid tank</i> berkapasiti 15,000 liter) dan PMK Pengkalan Kubor (tangki bawah tanah berkapasiti 20,000 liter petrol dan 20,000 liter diesel). Adalah didapati fasiliti tangki simpanan minyak ini adalah termasuk dalam pakej pembinaan PMK semasa RMKe-9 (tahun 2006 hingga 2010) iaitu sebelum penyerahan bot</li> </ol>	Maklumbalas seperti di para 4.5.3.1.a

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Kastam yang besar dibuat kepada APMM pada tahun 2011.</p> <p>ii. Semakan Audit mendapati purata penggunaan diesel daripada bulan Januari hingga Oktober tahun 2013 adalah sebanyak 231 liter sebulan di PMK Lumut dan 530 liter sebulan di PMK Pengkalan Kubor. Oleh itu, kedua-dua PMK tidak menggunakan tangki simpanan minyak. Maklum balas yang diterima daripada anggota Unit Marin berkenaan adalah seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Bagi PMK Lumut, tangki simpanan minyak masih belum digunakan kerana belum mendapatkan kelulusan daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan. Dengan itu, Unit Marin di PMK Lumut mengisi diesel melalui <i>barge</i> swasta yang berdekatan.</li> <li>- Bagi PMK Pengkalan Kubor, Unit Marin menggunakan tangki minyak mudah alih bagi mengisi diesel kerana penggunaannya adalah minimum. Diesel yang terlalu lama disimpan dalam tangki simpanan minyak bawah tanah akan rosak dan tidak boleh digunakan. Kesannya minyak lama terpaksa dibuang.</li> </ul> <p>Pada pendapat Audit, tangki simpanan minyak untuk PMK Lumut dan PMK Pengkalan Kubor yang dibuat sebelum Kerajaan memutuskan untuk menyerah kapal/bot Kastam kepada APMM merupakan satu pembaziran sekiranya ia tidak digunakan. Oleh itu, pihak JKDM perlu mengambil tindakan yang proaktif seperti berkongsi kegunaan tangki tersebut dengan agensi penguat kuasa yang lain bagi memastikan aset Kerajaan digunakan sepenuhnya.</p> <p>Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Yang Diterima Pada 18 Februari 2014</p> <p>Pihak JKDM Kelantan tidak mempunyai halangan untuk berkongsi penggunaan tangki minyak bawah tanah. Bagaimanapun, ia tertakluk kepada keperluan dan permohonan daripada pihak APMM. Manakala JKDM Perak akan membuat tawaran kepada agensi lain untuk berkongsi penggunaan tangki minyak bawah tanah.</p> <p>Maklum Balas Jabatan Kerja Raya Yang Diterima Pada 13 Februari 2014</p> <p>Pembinaan PMK Lumut dan PMK Pengkalan Kubor adalah berdasarkan spesifikasi kontrak dan dipersetujui oleh JKDM.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
4.5.4.1.a	<p><b>Komponen Pembinaan Yang Kurang Sempurna - PMK Pengkalan Kubor</b></p> <p>Satu <i>ramp</i> bernilai RM200,000 telah dibina sepanjang 30 kaki melalui sebut harga yang berasingan. Bagaimanapun, <i>ramp</i> tersebut tidak dapat digunakan kerana pembinaannya tidak sampai ke dasar sungai/tergantung mengakibatkan bot jabatan tidak dapat dinaikkan. Selain itu, kedudukan <i>ramp</i> juga terpaksa diubah kerana kedudukan asalnya tidak sesuai untuk kenderaan berat mengangkut bot keluar/masuk. Bagaimanapun, tindakan telah diambil untuk membina <i>slipway</i> yang baru pada tahun 2013. Mengikut surat cadangan pembinaan <i>slipway</i> yang baru, waran peruntukan berjumlah RM25,760 telah dikeluarkan bagi kerja pengukuran tapak dan kerja penyiasatan tanah pada bulan Mei 2013.</p> <p>Pada pendapat Audit, perkara ini berlaku kerana perancangan dan pemantauan yang kurang teliti semasa di awal pembinaan. Akibatnya sejumlah wang terpaksa dibelanjakan untuk menganjakkan kedudukan <i>ramp</i>.</p> <p>Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Yang Diterima Pada 18 Februari 2014</p> <p>Pembinaan <i>ramp</i> yang sedia ada telah dibina oleh kontraktor yang telah dilantik oleh JKR. Ianya merupakan kerja-kerja tambahan yang mana asalnya tidak termasuk di dalam kos pembinaan bangunan tersebut. Bagaimanapun, JKDM Kelantan telah mengambil tindakan membuat permohonan untuk pembinaan <i>slipway</i> baru kepada JKR Ibu Pejabat.</p> <p>Maklum Balas Jabatan Kerja Raya Yang Diterima Pada 13 Februari 2014</p> <p>Pembinaan <i>ramp</i> tidak termasuk dalam skop asal projek. Kerja-kerja pembinaan <i>ramp</i> telah dibuat melalui sebut harga oleh JKR Tumpat dengan kos tidak melebihi RM 200,000. Dengan kos yang minimum, reka bentuk <i>ramp</i> telah dibuat hanya sesuai digunakan semasa air pasang sahaja. Bagaimanapun, JKR telah memberi anggaran kos kepada pihak pelanggan untuk menaiktaraf <i>ramp</i> sedia ada dengan anggaran kos RM3 juta.</p>	Maklumbalas seperti di para 4.5.4.1.a

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
4.5.4.1.b.i	<p><b>PMK Sungai Pulai - Jeti</b></p> <p>Bagi keselamatan pengguna, jeti hendaklah mempunyai penghadang sepanjang jeti yang dibina. Bagaimanapun, terdapat laluan jeti yang tiada penghadang. Pihak Audit dimaklumkan bahawa semasa kerja-kerja pembinaan dilaksanakan ruang di lokasi cadangan pembinaan pontun tambahan telah dibiarkan tanpa penghadang oleh pihak kontraktor.</p> <p>Pada pendapat Audit, penghadang yang tidak dipasang di laluan jeti yang pada asalnya cadangan untuk pembinaan pontun kedua boleh membahayakan pengguna.</p> <p>Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Yang Diterima Pada 18 Februari 2014</p> <p>JKR telah mengarahkan pihak kontraktor untuk memasang penghadang di jeti dan akan dilaksanakan pada Januari 2014.</p> <p>Maklum Balas Jabatan Kerja Raya Yang Diterima Pada 13 Februari 2014</p> <p>Lokasi pondok awasan telah dipersetujui oleh pelanggan semasa pembentangan reka bentuk konsep. Manakala penghadang di jeti tidak dibina untuk pembinaan pontun pada masa akan datang. Namun, pihak kontraktor telah memasang penghadang tersebut.</p>	Maklumbalas seperti di para 4.5.4.1.b.i
4.5.5.1	<p><b>Penyenggaraan Pangkalan Marin Kastam</b></p> <p>Mengikut Manual Pengurusan Aset Menyeluruh, JKDM hendaklah menyediakan Pelan Operasi Penyelenggaraan Aset (POPA) yang komprehensif dengan mengambil kira perspektif pengguna dan faktor kapasiti organisasi. POPA yang komprehensif hendaklah antara lain menetapkan unjuran kos penyelenggaraan pembaikan (<i>corrective</i>) dan pencegahan (<i>preventive</i>) serta penggantian komponen utama.</p>	Maklumbalas seperti di para 4.5.5.3.a
4.5.5.2	<p>Semakan Audit terhadap kerja-kerja penyelenggaraan 6 PMK yang diaudit mendapati perkara berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Secara umumnya, kerja-kerja penyelenggaraan PMK hanya tertumpu kepada kerja-kerja pembersihan pejabat dan kawalan keselamatan sahaja.</li> <li>b. Bajet yang disediakan tidak mengambil kira kerja penyelenggaraan PMK secara berkala atau penyelenggaraan pencegahan bagi tujuan memanjangkan jangka</li> </ol>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>hayat aset tersebut seperti menyapu syelek ke atas pelantar dan membuang teritip. Bagaimanapun, kerja-kerja pembersihan teritip telah dilakukan sendiri oleh anggota Unit Marin di PMK berkaitan.</p> <p>c. Hanya penyenggaraan pembaikan dilakukan apabila berlaku kerosakan.</p> <p>d. Semasa pengauditan dijalankan, hanya 2 PMK yang memohon peruntukan bagi penyenggaraan jeti. Adalah didapati PMK Kuala Perlis telah memohon peruntukan untuk penyenggaraan pelantar kayu dan pontun pada pertengahan tahun 2013. Manakala kerja penyenggaraan jeti dan pembersihan pontun PMK Sungai Pulai telah dilakukan oleh syarikat yang dilantik melalui sebut harga atas nasihat pihak JKR pada 30 Julai 2013.</p>	
4.5.5.3.a	<p><b>PMK Sungai Pulai, Johor</b></p> <p>i. Projek ini merangkumi bangunan pentadbiran, bengkel, jeti, tangki simpanan minyak bawah tanah, kuarters, surau dan tangki air. PMK ini telah diserahkan secara rasmi kepada JKDM Negeri Johor pada 27 April 2011 dan tempoh kecacatan tamat pada bulan Julai 2013. Bagaimanapun, penyenggaraan dan pembaikan PMK masih di bawah tanggung jawab kontraktor dan pengawasan JKR Negeri Johor sehingga akhir bulan Disember 2013 kerana ia merupakan 'projek sakit' yang masih di bawah pengawasan JKR.</p> <p>ii. Tanah di kawasan projek pembinaan PMK ini telah mendap. Pemendapan tanah ini telah mengakibatkan struktur bangunan terutamanya bangunan pentadbiran dan kuarters mengalami keretakan dan kerosakan.</p> <p>iii. Pelantar jeti juga rosak dan reput semasa lawatan Audit pada bulan Oktober 2013.</p> <p>iv. Pam untuk tangki simpanan minyak bawah tanah sudah tidak dapat digunakan sejak tahun 2012 lagi kerana terdapat kotoran keladak (<i>sediment</i>) dan beberapa kerosakan lain pada tangki tersebut. Walaupun perkara ini telah dimaklumkan kepada JKR dan pihak kontraktor, tindakan masih belum diambil lagi. Buat sementara waktu, minyak diisi menggunakan lori tangki melalui pembekal yang telah dilantik oleh JKR.</p> <p>v. Beberapa kerosakan/kecacatan telah dilaporkan oleh JKDM melalui Laporan Kerosakan/Kecacatan tetapi masih belum diambil tindakan semasa lawatan Audit pada bulan Oktober 2013.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pada pendapat Audit, pihak JKDM hendaklah mengaturkan satu mesyuarat dengan JKR dan kontraktor dengan kadar segera supaya kerosakan yang berlaku dapat diperbaiki agar tidak menjadi lebih serius dan juga mengakibatkan kos pembaikan yang lebih besar terpaksa ditanggung oleh Jabatan.</p> <p>Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Yang Diterima Pada 18 Februari 2014</p> <p>Pihak kontraktor telah membaiki kerosakan-kerosakan yang dilaporkan. Walau bagaimanapun kerosakan yang telah dibaiki berlaku semula di samping itu berlaku kerosakan baru.</p> <p>Maklum Balas Jabatan Kerja Raya Yang Diterima Pada 13 Februari 2014</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pihak JKR memaklumkan kontraktor mengalami masalah kewangan yang kritikal. Keadaan ini menyebabkan kerja penyenggaraan dan pembaikan tidak dapat dilaksanakan secara sempurna dan menyeluruh.</li> <li>2. Pada bulan Oktober 2013 sejumlah wang telah dibayar oleh pihak JKR kepada kontraktor atas kelulusan kerja-kerja tambahan. Dengan pembayaran tersebut pihak kontraktor telah menjalankan pembaikan secara berperingkat bermula dari Disember 2013 dan dijangka selesai pada Januari 2014.</li> </ol>	
4.5.5.3.b	<p><b>PMK Kuala Perlis, Perlis</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Penyenggaraan jeti secara berkala seperti membuang teritip tidak dilaksanakan dan ini telah mengakibatkan tiang dan pontun dipenuhi teritip.</li> <li>ii. Kabel elektrik yang dipasang dibawah bangunan telah terjatuh kerana klip pemegang kabel telah berkarat dan tercabut daripada pengaruh air laut. Keadaan ini adalah membahayakan kerana boleh mengakibatkan litar pintas dan renjatan elektrik. Unit Marin, Kuala Perlis telah membuat laporan kerosakan dan permohonan pembaikan ke Bahagian Pengurusan JKDM Negeri pada 15 Mei 2013.</li> </ol> <p>Pada pendapat Audit, penyenggaraan jeti secara berkala hendaklah dilaksanakan dengan kadar segera supaya dapat memanjangkan jangka hayat jeti. Selain itu, klip pengikat kabel elektrik sepatutnya diperbuat daripada bahan berkualiti yang tahan karat atau kabel elektrik dipasang di tepi bangunan/jeti dan bukan digantung di bawah</p>	Maklumbalas seperti di para 4.5.5.3.b

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>bangunan.</p> <p>Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Yang Diterima Pada 18 Februari 2014</p> <p>Kerja-kerja penyenggaraan pontun dan jeti telah selesai dilaksanakan pada 23 Julai 2013 oleh pihak kontraktor. Manakala kerja penyenggaraan kabel elektrik telah selesai dilaksanakan pada 23 September 2013.</p> <p>Maklum Balas Jabatan Kerja Raya Yang Diterima Pada 13 Februari 2014</p> <p>Tempoh tanggungan kecacatan bagi projek PMK Kuala Perlis telah tamat pada 8 Jun 2011 dan kerja-kerja penyenggaraan adalah di bawah tanggungjawab pihak JKDM.</p>	
4.5.5.3.c	<p><b>PMK Pengkalan Kubor, Kelantan</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Pontun sebelah kiri jeti telah mengalami kerosakan ekoran daripada pelampung pontun yang bocor. Kerosakan pontun berlaku pada bulan Januari 2012 dan telah dibaiki oleh pihak kontraktor (Ibsul Holding Sdn. Bhd.) kerana masih dalam tempoh tanggungan kecacatan (15.08.2010 hingga 14.08.2012).</li> <li>ii. Selepas dibaiki oleh kontraktor, pelampung pontun masih bocor pada bulan Ogos 2012 dan tenggelam sepenuhnya pada bulan September 2012. Walaupun pihak JKDM telah melaporkan kerosakan tersebut kepada kontraktor pada bulan Ogos 2012, namun pihak kontraktor enggan mengambil tindakan pembaikan kerana tempoh tanggungan kecacatan projek pembinaan PMK ini telah tamat pada 14 Ogos 2012.</li> <li>iii. Semasa lawatan Audit pada 26 Jun 2013, pontun telah tenggelam sepenuhnya dan kayu pelantar telah diangkat ke atas jeti untuk tujuan kerja pembaikan.</li> <li>iv. Semakan Audit selanjutnya mendapati pelampung pontun dibekalkan oleh Syarikat Pembinaan Megah Mutiara (pembekal <i>floating dock materials</i>). Berdasarkan surat jaminan bertarikh 22 Mac 2010 yang dikeluarkan oleh pembekal tersebut, tempoh jaminan ialah 3 tahun dari tarikh ianya dipasang (<i>under normal conditions of use and exposure, provided the product is properly installed and maintained</i>). Walaupun pelampung pontun mulai bocor pada bulan Januari 2012 (berlaku lagi pada bulan Ogos 2012) dan tempoh</li> </ol>	Maklum balas seperti di para 4.5.5.3.c

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>jaminan pelampung pontun telah tamat pada bulan Mac 2013, namun tiada kerja-kerja pembaikan dilaksanakan sama ada oleh kontraktor pembinaan mahupun pembekal pontun. Oleh itu, JKDM Negeri Kelantan telah mengeluarkan pesanan tempatan berjumlah RM12,300 pada bulan Jun 2013 untuk kerja-kerja pembaikan.</p> <p>Maklum Balas Jabatan Kastam Diraja Malaysia Yang Diterima Pada 18 Februari 2014</p> <p>Pontun sebelah kiri di PMK Pengkalan Kubor telah siap dibaiki pada 29 November 2013 dengan kos berjumlah RM17,700 dan masih dalam tempoh pemerhatian.</p>	
4.5.5.3.d	<p><b>PMK Weld Quay, Pulau Pinang</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Jejari pontun sudah terputus.</li> <li>ii. Siling di bangunan pejabat telah rosak beberapa kali akibat atap bocor. Kerja-kerja pembaikan telah dibuat semasa tempoh jaminan kecacatan tetapi kebocoran masih berlaku di bilik gerakan dan ruang kerja bahagian operasi. Kebocoran tersebut juga menyebabkan berlaku kerosakan pada lantai bangunan.</li> </ul>	<p><u>Jejari Pontun Terputus:-</u></p> <p>lanya terjadi disebabkan oleh laut yang bergelora dan memandangkan bahagian pontun berkenaan berada paling luar, ianya menerima pukulan gelombang yang kuat sehingga putus. Teguran audit atas kerosakan berkenaan telah siap dibaiki sepenuhnya oleh syarikat Green Island Engineering.</p> <p><u>Atap Bocor Dan Siling Rosak:-</u></p> <p>Masalah atap/bumbung bocor sehingga menyebabkan siling di Bilik Gerakan rosak yang ditegur oleh pihak audit telah diambil tindakan melalui pembaikan yang dilakukan oleh syarikat Agave Enterprise. Masalah kebocoran tidak berlaku lagi sehingga kini walaupun selepas hujan lebat yang berterusan.</p>



**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 1 TAHUN 2013**

**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

**Perenggan 5 : Projek Pembangunan Empangan Paya Peda, Besut, Terengganu**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
5.5.1.1.a	<p><b>Prestasi Projek - Pencapaian Fizikal Projek</b></p> <p>Berdasarkan jadual dalam kontrak, kemajuan kerja yang ditetapkan pada Julai 2013 adalah 83.61%. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap laporan bulanan No.38 perunding projek mendapati kemajuan kerja pada 25 Julai 2013 adalah hanya 65.12% iaitu lewat 18.49%. Antara faktor utama kelewatan pelaksanaan projek ini sehingga bulan Julai 2013 adalah:-</p> <p>Pengurusan kerja pembinaan yang tidak sistematik dan menyeluruh kerana kontraktor kurang pengalaman dan pengetahuan dalam pembinaan empangan <i>hydro mechanical gate system</i>, tidak mematuhi garis panduan antarabangsa dan <i>incomplete submission</i> seperti tidak mengemukakan <i>preliminary drawings</i> dan perkiraan komponen yang tidak tepat.</p>	<p><u>Tambahan Maklumat:-</u></p> <p>Kemajuan terkini berdasar kepada Laporan Kemajuan No.43 (Disember 2013) <i>Revision</i> No.3 selepas mendapat kelulusan EOT No.1 adalah seperti berikut:-</p> <p>Tarikh Siap Baru : 16 Jun 2014                      Jadual : 79.27%                      Sebenar : 74.54%                      Lewat : -4.72%</p> <p>Kontraktor telah mengambil tindakan menambah bilangan jentera dan loji untuk mempertingkatkan kemajuan kerja. Walau bagaimanapun ia masih belum mencukupi.</p>
5.5.1.1.b	<p>Kontraktor tidak memiliki bilangan aset pembinaan (jentera) yang mencukupi seperti <i>excavator, bulldozer, compactor, drilling machines</i> dan <i>dump truck</i>. Sebagai contoh bagi bulan Julai 2013, jumlah bilangan jentera yang sepatut digunakan dalam kerja pembinaan Empangan Paya Peda adalah 215 unit jentera tetapi kontraktor hanya menggunakan sebanyak 151 unit jentera sahaja.</p> <p>Maklum Balas MOA Yang Diterima Pada 8 Januari 2014 Dan 10 Februari 2014</p> <p>BPSP dan perunding telah memberi beberapa teguran kepada kontraktor mengenai kelewatan yang disebabkan oleh kelemahan dalam pengurusan projek. Berdasarkan kepada keperluan menyiapkan projek mengikut jadual asal, pihak perunding telah mengesyorkan pertambahan jentera, tenaga kerja dan jam bekerja. Kemajuan terkini berdasarkan Laporan Kemajuan No.43 (Disember 2013) <i>Revision</i> No.3 adalah 74.54% iaitu lewat 4.72% daripada tarikh siap kerja yang baru iaitu 16 Jun 2014. Kontraktor telah mengambil tindakan menambah bilangan jentera dan loji untuk mempertingkatkan kemajuan kerja. Bagaimanapun ia masih belum mencukupi.</p>	<p><u>Tambahan Maklumat:-</u></p> <p>Pengawasan dan pemantauan harian projek dibuat oleh Juruperunding yang dilantik Kerajaan dan BPSP berpandukan kepada <i>Critical Path Method</i> (CPM) yang menunjukkan perancangan keperluan jentera, loji dan tenaga kerja bagi menyiapkan projek dalam tempoh yang ditetapkan.</p> <p>Oleh yang demikian, Juruperunding dan BPSP dari masa ke semasa memantau kemajuan kerja dan mengesyorkan kepada pihak kontraktor langkah-langkah untuk mengatasi kelewatan kemajuan yang berlaku melalui peningkatan bilangan loji, jentera, tenaga kerja, waktu kerja serta telah memberi Surat Teguran dan juga telah membangkitkan perkara ini pada setiap mesyuarat. Walau bagaimanapun pihak kontraktor mempunyai pertimbangannya sendiri bagi melaksanakan kerja-kerja mengikut program yang dipersetujui.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Selain itu, antara perkara lain yang juga menyumbang kepada kelewatan adalah tempoh masa yang panjang diambil oleh kontraktor untuk memberi maklum balas terhadap ulasan perunding mengenai <i>Method of Statement</i> dan <i>Shop Drawing</i> yang disediakan semasa tempoh kontrak berjalan. Ada kalanya semakan yang berulang-kali dan terperinci perlu dilaksanakan untuk memastikan tiada kesilapan pada rekabentuk yang kritikal dan kompleks.</p> <p>Pengawasan dan pemantauan harian projek dibuat oleh perunding berpandukan kepada <i>Critical Path Method</i> (CPM). Oleh yang demikian, perunding dan BPSP dari masa ke semasa mengesyorkan kepada kontraktor langkah-langkah untuk mengatasi kelewatan kemajuan yang berlaku serta memberi surat teguran dan juga membangkitkan dalam setiap mesyuarat. Bagaimanapun pihak kontraktor mempunyai pertimbangannya sendiri bagi melaksanakan kerja-kerja mengikut program yang dipersetujui.</p>	
5.5.1.1.c	<p>Hujan melebihi paras biasa telah menyebabkan sebahagian <i>Upstream Coffe Dam</i> roboh pada 24 Disember 2012 kerana takungan air hujan telah melebihi paras ketinggian <i>coffer dam</i>. Perkara ini telah menyebabkan pihak kontraktor terpaksa melaksanakan kerja-kerja pembersihan dan pembaikan lain yang telah menjejaskan kemajuan kerja.</p> <p>Maklum Balas MOA Yang Diterima Pada 8 Januari 2014</p> <p>Rekabentuk Benteng Sementara (<i>Coffe Dam</i>) telah direkabentuk mengikut piawai antarabangsa 1:25 tahun, tetapi hujan yang berlaku pada masa tersebut adalah luar biasa yang melebihi 1:50 tahun.</p> <p>Kelewatan ini akan menjejaskan tempoh pencapaian <i>outcome</i> Empangan Paya Peda iaitu bermula bulan Disember 2013 (tempoh kontrak 42 bulan mulai bulan Jun 2010). Antara <i>outcome</i> yang akan terjejas mulai bulan Disember 2013 sehingga projek disiapkan sepenuhnya adalah:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. unjuran penanaman padi 2 kali setahun;</li> <li>ii. peningkatan hasil padi; dan</li> <li>iii. tebatan banjir.</li> </ul> <p>Selain itu, kelewatan ini akan menyebabkan Kerajaan menanggung tambahan kos perkhidmatan perunding sejumlah RM454,899 sebulan atau sejumlah RM2.96 juta berdasarkan surat permohonan perunding bertarikh 30 Mei 2013 untuk tempoh</p>	<p><b>Tambahan Maklumat :</b></p> <p>Pemilihan kontraktor adalah daripada Kementerian Kewangan (Surat rujukan S/K.KEW/PK/KS/509000000/1716/SJ.3(21) bertarikh 12 September 2008). BPSP hanya diberikan satu (1) nama kontraktor sahaja untuk mengambil bahagian dalam projek ini. Memandangkan projek ini sebuah projek yang kompleks dan melibatkan kos yang tinggi dan hanya satu kontraktor sahaja yang disenaraikan maka pihak BPSP berpandangan bahawa pemilihan oleh Kementerian Kewangan telah mengambil kira pelbagai faktor termasuk kelayakan kontraktor, kemampuan teknikal, kewangan, peralatan, prestasi, pengetahuan dan pengalaman.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Disember 2013 hingga Jun 2014.</p> <p>Pada pendapat Audit, kelewatan ini dapat dielakkan jika kontraktor telah berusaha untuk melaksanakan projek seperti mana yang telah ditetapkan dalam kontrak. Pemilihan kontraktor yang berwibawa dari segi pengalaman, pengetahuan serta memiliki sumber pengurusan pembinaan yang mencukupi terutama sekali bagi projek berskala besar dan memerlukan kepakaran teknikal yang tinggi.</p> <p>Maklum Balas MOA Yang Diterima Pada 8 Januari 2014 Dan 10 Februari 2014</p> <p>Pemilihan kontraktor adalah daripada Kementerian Kewangan mengikut surat bertarikh 12 September 2008. BPSP hanya diberi satu (1) nama kontraktor. Memandangkan projek ini sebuah projek yang kompleks dan melibatkan kos yang tinggi dan hanya satu (1) kontraktor sahaja yang disenaraikan maka BPSP berpandangan bahawa pemilihan oleh Kementerian Kewangan telah mengambil kira pelbagai faktor termasuk kelayakan kontraktor, kemampuan teknikal, kewangan, peralatan, prestasi, pengetahuan dan pengalaman.</p>	
5.5.1.2	<p><b>Pencapaian Kewangan Projek</b></p> <p>Peruntukan yang diluluskan bagi Projek Pembangunan Empangan Paya Peda mulai tahun 2007 hingga 2013 adalah berjumlah RM356.49 juta. Amaun ini melibatkan kerja-kerja awalan seperti kajian tanah, pengambilalihan tanah, khidmat perunding dan pembinaan empangan. Bagi tujuan pembinaan empangan satu kontrak telah dimeterai iaitu perjanjian Projek Pembangunan Empangan Paya Peda, Besut, Terengganu Darul Iman bertarikh 23 November 2010 dengan kos berjumlah RM333.10 juta. Bagaimanapun berlaku tambahan kos kontrak berjumlah RM10.45 juta setelah pelarasan harga dibuat pada kos asal bagi kerja-kerja pembinaan empangan dan struktur <i>appurtenant</i>. Pelarasan harga ini dimeterai melalui <i>Supplementary Agreement</i> bertarikh 12 September 2012. Kos kontrak yang baru adalah berjumlah RM343.55 juta iaitu peningkatan sebanyak 3.14%. Selain itu, berlaku 2 Arahan Perubahan Kerja (APK) iaitu APK No.1 berjumlah RM6.88 juta (tambahan) dan APK No. 2 berjumlah RM1.55 juta (penolakan). Kedua-dua APK ini menyebabkan kos keseluruhan kontrak telah meningkat sehingga RM348.88 juta (1.55%).</p> <p>Kos perunding projek pada asalnya berjumlah RM5.21 juta untuk tempoh Februari 2007 hingga April 2008. Kementerian Kewangan selanjutnya telah meluluskan 3 kos tambahan perkhidmatan perunding menjadikan kos keseluruhan berjumlah RM24.01</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>juta bagi tempoh sehingga 30 November 2013.</p> <p>Maklum Balas MOA Yang Diterima Pada 10 Februari 2014</p> <p>Kos perunding projek asal hanyalah untuk reka bentuk. Oleh kerana pembinaan empangan melibatkan struktur yang kompleks dan berisiko maka khidmat juruperunding diperlukan untuk penyeliaan. Justeru tambahan kos perkhidmatan perunding adalah untuk tujuan penyeliaan.</p>	
5.5.2.2.a	<p><b>Pelantikan Kontraktor Dan Perunding - Proses Perolehan Lewat Dilaksanakan</b></p> <p>Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 31 Julai 2007 telah memutuskan Projek Pembangunan Empangan Paya Peda, Besut, Terengganu dilaksanakan secara tender terbuka. Bagaimanapun, Kementerian Kewangan melalui suratnya bertarikh 12 September 2008 pula telah bersetuju supaya pemilihan kontraktor dibuat secara rundingan terus dengan melantik JAKS Resources Berhad dan Pembinaan Sujaman Sdn. Bhd. (secara usaha sama) sebagai kontraktor utama. Dengan itu, satu surat niat bertarikh 11 November 2008 telah dikeluarkan oleh MOA agar kontraktor mengemukakan harga tawaran berasaskan dokumen tender dalam tempoh masa 14 hari. Jawatankuasa Rundingan Harga MOA telah mengadakan 3 kali mesyuarat untuk membincangkan dan mempersetujui harga tawaran syarikat berjumlah RM464.35 juta. Mengikut minit mesyuarat Jawatankuasa Rundingan Harga yang diadakan pada 22 Jun 2009, MOA telah bersetuju untuk menawarkan nilai kontrak berjumlah RM280 juta berdasarkan nilai kadar harga semasa, perbandingan dengan nilai kontrak sedia ada dan mengambil kira tempoh penyediaan selama 42 bulan. Semakan Audit mendapati perkara berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. pihak MOA mengambil masa selama 9 bulan mulai dari 11 November 2008 hingga 14 Julai 2009 untuk menyelesaikan rundingan harga berbanding dengan 14 hari seperti kehendak surat Kementerian Kewangan bertarikh 26 Mac 2008; dan</li> <li>ii. pihak MOA juga mengambil masa selama 13 bulan mulai dari 11 November 2008 hingga tarikh Surat Setuju Terima (SST) pada 11 November 2009 untuk memuktamadkan rundingan mengenai skop kerja, reka bentuk, harga, tempoh siap dan lain-lain. Ini adalah bertentangan dengan kehendak surat Kementerian Kewangan bertarikh 2 Julai 2003 yang menyatakan tempoh memuktamadkan rundingan selepas Surat Niat dikeluarkan adalah 6 bulan bagi projek bernilai melebihi RM10 juta.</li> </ol>	<p><u>Tambahan Maklumat:-</u></p> <p>Pihak BPSP sentiasa memberi perhatian dan telah mengambil tindakan sedaya upaya untuk menyelesaikan perolehan secepat mungkin. Projek ini melibatkan kos yang besar dan senarai kuantiti (BQ) yang banyak dan memerlukan tempoh masa yang sesuai untuk penelitian secara mendalam oleh pihak perunding yang dilantik oleh kerajaan, BPSP dan juga pihak kontraktor sebelum persetujuan harga dapat dicapai.</p> <p>Semasa surat kelulusan oleh MOF untuk pelaksanaan projek ini (12/9/2008) diterima, dokumen tender termasuk lukisan dan senarai kuantiti (BQ) masih belum siap sepenuhnya oleh Perunding JPZ. Dokumen yang lengkap perlu ada terlebih dahulu untuk tujuan tender. Ia hanya disiapkan dan diterima oleh BPSP pada Mac 2009. BPSP menyerahkan Dokumen Tender kepada Kontraktor pada 3 Mac 2009 untuk kontraktor mengemukakan tawaran harga tender pada atau sebelum 3 April 2009 melalui surat Ruj (8) BPSP/S/(PP)/527/N11/1 bertarikh 3 Mac 2009. Tarikh tutup tender dilanjutkan ke 30 April 2009 atas permohonan pihak kontraktor. Bagi tujuan rundingan harga, Pengerusi Rundingan Harga perlu mendapat kelulusan Pegawai Pengawal. Perlantikan Pegawai Penguasa dan Pengerusi Rundingan Harga telah diluluskan pada 19 Mei 2009.</p> <p>Setelah tawaran kontraktor diterima rundingan harga dilaksanakan dan proses rundingan harga ini hanya mengambil masa selama (22 Hari) untuk mencapai persetujuan antara pihak kerajaan dan pihak kontraktor. Tiga (3) kali rundingan harga telah dilaksanakan iaitu pada 22 Jun 2009, 6 Julai 2009 dan 14 Julai 2009.</p> <p>Setelah harga kontrak dimuktamadkan oleh Jawatan Kuasa Rundingan</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pada pendapat Audit, tempoh masa yang panjang untuk menyelesaikan rundingan harga iaitu selama 9 bulan telah melewati tarikh penyiapan projek. Jika tempoh masa ini dihadkan mengikut peraturan iaitu dalam masa 14 hari, maka tarikh siap projek sepatutnya adalah 15 Mac 2013 dan bukannya 30 November 2013 setelah mengambil kira tempoh kontrak selama 42 bulan. Perkara ini seterusnya telah melewati manfaat kepada industri pertanian kerana sistem pengairan sawah padi tidak dapat dilaksanakan mengikut tempoh masa yang ditetapkan.</p> <p>Maklum Balas MOA Yang Diterima Pada 8 Januari 2014 Dan 10 Februari 2014</p> <p>Pihak BPSP sentiasa memberi perhatian dan telah mengambil tindakan sedaya upaya untuk menyelesaikan perolehan secepat mungkin. Projek ini melibatkan kos yang besar dan senarai kuantiti (BQ) yang banyak dan memerlukan penelitian secara mendalam oleh pihak Kerajaan dan juga pihak kontraktor sebelum persetujuan harga dapat dicapai. Semasa surat kelulusan oleh Kementerian Kewangan diperolehi untuk pelaksanaan projek ini, dokumen tender termasuk lukisan dan senarai kuantiti (BQ) masih belum siap sepenuhnya. Dokumen yang lengkap perlu ada terlebih dahulu untuk tujuan tender. Ia hanya disiapkan pada Mac 2009. BPSP menyerahkan Dokumen Tender kepada kontraktor pada 3 Mac 2009 untuk kontraktor mengemukakan tawaran harga tender pada atau sebelum 3 April 2009 melalui surat bertarikh 3 Mac 2009. Tarikh tutup tender dilanjutkan ke 30 April 2009 atas permohonan pihak kontraktor.</p> <p>Bagi tujuan Rundingan Harga, Pengerusi Rundingan Harga perlu mendapat kelulusan Pegawai Pengawal. Pelantikan Pegawai Penguasa dan Pengerusi Rundingan Harga telah diluluskan pada 19 Mei 2009. Setelah tawaran kontraktor diterima, sebanyak 3 kali rundingan harga dilaksanakan dan mengambil masa selama 22 hari. Setelah rundingan harga kontrak dimuktamadkan oleh Jawatankuasa Rundingan Harga, ia seterusnya dibawa ke Mesyuarat Lembaga Perolehan (LPA) A Kementerian untuk persetujuan. Mesyuarat LPA telah diadakan pada 14 Ogos 2009. Selepas mendapat persetujuan LPA, ia dimajukan kepada MOF untuk kelulusan. Surat Setuju Terima telah dikeluarkan pada 11 November 2009. Jika mengambil kira proses-proses yang terlibat dari pelantikan Pengerusi Rundingan Harga sehingga keluarnya Surat Setuju Terima, tempoh yang diambil lebih kurang 5 bulan adalah munasabah dan tempoh rundingan harga hanyalah selama 22 hari sahaja.</p>	<p>Harga, ia seterusnya dibawa ke Mesyuarat Lembaga Perolehan A (LPA) Kementerian untuk persetujuan. Mesyuarat LPA telah diadakan pada 14 Ogos 2009. Selepas mendapat persetujuan LPA, ia dimajukan kepada MOF untuk kelulusan. Surat kepada pihak MOF untuk mendapatkan kelulusan telah dikemukakan pada 21 Ogos 2009 dan kelulusan diperolehi melalui surat MOF bertarikh 20 Oktober 2009. Surat Setuju Terima telah dikeluarkan pada 11 November 2009 dengan tarikh milik tapak pada 19 November 2009. Jika mengambil kira proses-proses yang terlibat dari pelantikan Pengerusi Rundingan Harga (22 Jun 2009) sehingga keluarnya Surat Setuju Terima (30 November 2009) yang melibatkan:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pelantikan Pengerusi dan Rundingan Harga (2 Bulan)</li> <li>ii. Persetujuan Lembaga Perolehan Kementerian (1 Bulan)</li> <li>iii. Kelulusan Kementerian Kewangan (MOF) (2 Bulan 8 Hari)</li> </ul> <p>Tempoh yang diambil selama lebih kurang 5 bulan adalah munasabah dan tempoh rundingan harga hanyalah selama 22 hari sahaja.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
5.5.2.2.b	<p><b>Kontrak Lewat Ditandatangani</b></p> <p>Kementerian Kewangan telah bersetuju melantik JAKS Resources Berhad dan Pembinaan Sujaman Sdn. Bhd. secara usaha sama untuk menyiapkan kerja-kerja pembangunan Empangan Paya Peda bagi tempoh selama 42 bulan dengan nilai kontrak berjumlah RM333.10 juta. Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, perjanjian kontrak hendaklah ditandatangani selepas semua terma dan syarat dipersetujui oleh kedua-dua pihak selewat-lewatnya empat (4) bulan daripada tarikh SST dikeluarkan.</p> <p>Semakan Audit mendapati SST dikeluarkan pada 11 November 2009, manakala kontrak ditandatangani pada 23 November 2010 iaitu 12 bulan dari tarikh SST dikeluarkan dan telah berlaku kelewatan selama 8 bulan.</p> <p>Pada pendapat Audit, pemeteraian kontrak pada awal projek akan memastikan kesemua obligasi pihak kontraktor dan Kerajaan dinyatakan dengan tepat dan menyeluruh seterusnya menjamin kepentingan Kerajaan.</p> <p>Maklum Balas MOA Yang Diterima Pada 8 Januari 2014 Dan 10 Februari 2014</p> <p>Kelewatan kontrak ditandatangani adalah disebabkan kelewatan untuk mendapatkan persetujuan mengenai Pelarasan Kadar Harga (<i>Rationalised</i>) dengan kontraktor dan masa yang diambil oleh perunding projek untuk membuat pembetulan kepada dokumen kontrak selaras dengan Akta Kontrak Kerajaan 1949 bagi Harga Kontrak yang bernilai RM 100 juta ke atas, Kontrak perlu ditandatangani oleh Menteri Pertanian Dan Industri Asas Tani Malaysia.</p> <p>Setelah Surat Setuju Terima dikeluarkan, BPSP telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi memastikan perjanjian kontrak ditandatangani dalam tempoh 4 bulan seperti yang ditetapkan. Kelewatan menandatangani dokumen kontrak antara lain adalah berikutan pindaan tarikh milik tapak daripada 19 November 2009 kepada 1 Jun 2010 kerana <i>Detailed Environmental Impact Assessment</i> (DEIA) belum diluluskan. Notis pindaan telah dikeluarkan pada 10 Mac 2010. Pindaan tarikh ini melibatkan tempoh selama 6 bulan 12 hari.</p> <p>Proses menandatangani dokumen kontrak ini juga melibatkan proses yang berulang khususnya semasa pelarasan harga dan juga penyediaan draf dokumen kontrak. Pihak kontraktor perlu mengemukakan pelarasan kadar harga bagi setiap item kerja berdasarkan harga kontrak yang telah dipersetujui untuk pertimbangan Kerajaan. Dalam masa yang sama juga perunding juga menyediakan pelarasan kadar harga.</p>	<p><u>Tambahan Maklumat:-</u></p> <p>Setelah surat setuju terima dikeluarkan, BPSP telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi memastikan perjanjian Kontrak ditandatangani dalam tempoh empat (4) bulan seperti yang ditetapkan. Kelewatan menandatangani dokumen kontrak antara lain adalah berikutan pindaan tarikh milik tapak daripada 19 November 2009 kepada 1 Jun 2010 kerana <i>Detailed Environmental Impact Assessment</i> (DEIA) belum diluluskan. Notis pindaan telah dikeluarkan pada 10 Mac 2010. Pindaan tarikh ini melibatkan tempoh selama 6 bulan 12 hari.</p> <p>Proses menandatangani Dokumen Kontrak ini juga melibatkan proses yang berulang khususnya semasa pelarasan kadar harga dan juga penyediaan draf dokumen Kontrak. Sebelum Kontrak ditandatangani, proses pelarasan kadar harga dilaksanakan oleh pihak Kontraktor dan pihak perunding. Pihak Kontraktor perlu mengemukakan pelarasan kadar harga bagi setiap item kerja berdasarkan Harga Kontrak yang telah dipersetujui untuk pertimbangan Kerajaan. Dalam masa yang sama juga pihak Perunding JPZ juga menyediakan pelarasan kadar harga. Pelarasan Kadar harga ini disiapkan dan dikemukakan oleh perunding kepada BPSP untuk semakan dan persetujuan pada bulan Ogos 2010 (Surat JPZ/5088/10/HH/LTR/84 (Vol.1) bertarikh 6 Ogos 2010). Seterusnya Dokumen Kontrak disediakan oleh Pihak Juru perunding JPZ dan Jilid I dokumen ini telah dikemukakan menerusi surat bertarikh 27 Ogos 2010 untuk semakan BPSP. Dokumen kontrak yang lengkap masih tidak dapat disediakan oleh perunding kerana sebahagian lukisan kontrak yang disediakan oleh perunding MECIP belum siap dan pihak kontraktor belum mengemukakan anggaran kuantiti bahan digunakan yang terlibat dengan <i>Variation of Price</i> (V.O.P). Maklumat ini adalah sebahagian daripada dokumen kontrak. Lukisan kontrak diterima pada 25 Oktober 2010 manakala dokumen kuantiti V.O.P tersebut hanya diterima oleh pejabat BPSP pada November 2010. Proses yang berulang ini dilaksanakan bagi memastikan kesilapan dielakkan. Perunding JPZ menyerahkan semula dokumen kontrak yang lengkap pada November 2010 untuk proses tandatangan. Seterusnya BPSP mengambil tindakan selanjutnya untuk menguruskan tandatangan dokumen kontrak yang disiapkan pada 30 November 2010.</p> <p>Kesimpulannya, BPSP telah mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk menyiapkan dokumen kontrak dalam tempoh yang ditetapkan. Walau</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pelarasan kadar harga ini disiapkan dan dikemukakan oleh perunding kepada BPSP untuk semakan dan persetujuan pada bulan Ogos 2010. Seterusnya dokumen kontrak disediakan oleh perunding dan Jilid I dokumen ini telah siap dikemukakan menerusi surat bertarikh 27 Ogos 2010 untuk semakan BPSP. Dokumen kontrak yang lengkap masih tidak dapat disediakan oleh perunding kerana sebahagian lukisan kontrak yang disediakan oleh perunding MECIP belum siap dan kontraktor belum mengemukakan anggaran kuantiti bahan digunakan yang terlibat dengan V.O.P. (<i>Variation Of Price</i>). Maklumat ini adalah sebahagian daripada dokumen kontrak. Lukisan kontrak diterima pada 25 Oktober 2010 manakala dokumen kuantiti V.O.P. tersebut hanya diterima oleh BPSP pada November 2010. Proses yang berulang ini dilaksanakan bagi memastikan kesilapan dapat dielakkan. Perunding menyerahkan semula dokumen kontrak yang lengkap pada November 2010 untuk proses tandatangan. Dokumen kontrak yang siap disediakan telah pun dimajukan kepada Cawangan Kewangan MOA untuk mendapatkan tandatangan YB Menteri melalui memo bertarikh 23 November 2010 dan telah ditandatangani pada 30 November 2010.</p> <p>Kesimpulannya, BPSP telah mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk menyiapkan dokumen kontrak dalam tempoh yang ditetapkan. Kelewatan adalah sebenarnya disebabkan oleh dokumen kontrak yang lengkap lewat diterima dari perunding.</p>	<p>bagaimanapun disebabkan dokumen kontrak yang lengkap lewat diterima dari perunding maka, tandatangan dokumen kontrak hanya dapat dimeterai pada 30 November 2010.</p>
5.5.2.2.c	<p><b>Lantikan Subkontraktor Tanpa Kebenaran</b></p> <p>Mengikut Fasal 27 (a) Syarat-syarat Kontrak Projek Pembangunan Empangan Paya Peda, kontraktor hendaklah melaksanakan <i>builder's works</i> seperti mana di dalam Jadual Kadar Harga (<i>Bills of Quantities</i>) dan tidak dibenarkan memberi keseluruhan atau mana-mana bahagian kerja kepada kontraktor lain tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pegawai Penguasa. Semasa lawatan Audit ke tapak, adalah didapati, <i>builder's works</i> iaitu <i>Access Road And Buildings</i> (Bahagian A) bernilai RM38.42 juta dan <i>Dam And Appurtenant Structures</i> (Bahagian B) bernilai RM249.11 juta dilaksanakan oleh 16 subkontraktor yang dilantik oleh JAKS Resources Berhad tanpa kelulusan secara bertulis daripada Pegawai Penguasa.</p> <p>Berdasarkan senarai pekerja yang dikemukakan kepada pihak Audit pada 2 Julai 2013 adalah didapati seramai 271 pekerja yang terdiri daripada <i>Project Engineer, Supervisor, Projek Manager, Surveyor, Technician, Chainman, Operator Machine, Clerk, Field Assistant, Driver</i> dan Pekerja Am di tapak pembinaan adalah merupakan pekerja dari 8 subkontraktor.</p> <p>Pada pendapat Audit, pekerja yang bertauliah dan berpengalaman akan dapat</p>	<p><u>Tambahan Maklumat:-</u></p> <p>Kerajaan telah melantik Perunding JPZ untuk penyeliaan pelaksanaan kerja-kerja pembinaan. Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab pihak perunding untuk memaklumkan kepada Pegawai Penguasa jika pihak kontraktor memberikan mana-mana bahagian kerja kepada subkontraktor. Sehingga kini, BPSP tidak ada menerima apa-apa permohonan daripada kontraktor dan daripada pihak perunding (penyeliaan) untuk menyerah apa-apa komponen kerja kepada sub-kontraktor.</p> <p>Oleh itu BPSP berpendirian bahawa semua kerja-kerja dilaksanakan oleh kontraktor melalui wakill-wakilnya. BPSP juga tidak ada berurusan terus dengan sub-kontraktor yang ada ditapak kerja. Walau bagaimanapun, jika ada permohonan daripada kontraktor, BPSP akan mempertimbangkan perantikan sub-kontraktor tempatan selaras Klausula 27 (c) Syarat-syarat Kontrak.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>melaksanakan kerja dengan lebih berkualiti dan mengikut standard yang ditetapkan. Untuk itu, pelantikan subkontraktor mestilah memperolehi kelulusan daripada Pegawai Penguasa supaya pekerja di bawah subkontraktor adalah dari kalangan yang bertauliah dan berpengalaman. Bagaimanapun, sebole-bolehnya sebahagian besar <i>builder's works</i> sepatutnya dilaksanakan oleh kontraktor utama sebagai kepastian kakitangan atau tenaga kerja teknikal syarikat berkeupayaan dan berpengalaman dalam bidang pembinaan dan pengkhususan.</p> <p>Maklum Balas MOA Yang Diterima Pada 8 Januari 2014 Dan 10 Februari 2014</p> <p>BPSP tidak ada menerima apa-apa permohonan daripada kontraktor dan daripada pihak perunding untuk menyerahkan apa-apa komponen kerja kepada subkontraktor. Oleh itu BPSP berpendirian bahawa semua kerja-kerja dilaksanakan oleh kontraktor melalui wakil-wakilnya. BPSP mengambil maklum berhubung teguran Audit dan telah mengambil tindakan mendapat pengesahan senarai nama-nama subkontraktor yang terlibat daripada perunding.</p>	<p>BPSP mengambil maklum berhubung teguran ini dan bagi projek ini pihak BPSP telahpun mengambil tindakan mendapat pengesahan senarai nama-nama sub-kontraktor yang terlibat daripada pihak perunding (Penyeliaan).</p> <p>Pengesahan nama-nama Sub Kontraktor daripada pihak perunding telah diterima dan BPSP sedang membuat semakan sebelum diluluskan.</p>
5.5.2.2.d	<p><b>Lebih Bayaran Bagi Kerja <i>Engineering Survey</i></b></p> <p>Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 13 Tahun 2008 - Tafsiran <i>Improper Payment</i> yang boleh membawa maksud kepada Pembayaran Tanpa Kuasa/Salah/Pembayaran Tidak Sepatutnya ialah pembayaran yang dibuat dengan tidak sewajar sama ada dari segi bertentangan dengan peruntukan undang-undang, peraturan atau tidak mengikut syarat-syarat, kaedah atau tatacara yang ditetapkan bagi sesuatu pembayaran.</p> <p>Semakan Audit mendapati berlaku lebih bayaran kepada Jurukur Jitu Runding sejumlah RM496,251 bagi kerja <i>engineering survey</i> (ukur tanah). Kronologi perkiraan lebih bayaran adalah seperti berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Kelulusan Kementerian Kewangan yang pertama pada 16 Ogos 2007 untuk kerja pengukuran kejuruteraan adalah sejumlah RM496,251.</li> <li>ii. Tuntutan Jurukur Jitu Runding bagi kerja pengukuran kejuruteraan adalah sejumlah RM852,846. Bagaimanapun, perunding projek hanya mengesahkan sejumlah RM617,503 yang boleh dituntut oleh Jurukur Jitu Runding. Dengan itu, bayaran yang sepatutnya dibuat oleh MOA adalah RM617,503.</li> <li>iii. Pihak MOA telah membuat bayaran melalui bayaran interim pertama berjumlah</li> </ol>	<p><u>Tambahan Maklumat:-</u></p> <p>BPSP telah membuat siasatan dan mendapati berlakunya lebih bayaran berjumlah RM526, 026.40. Lebih bayaran ini berlaku disebabkan jangka masa yang panjang antara bayaran pertama dan kedua (tahun 2007) manakala bayaran terakhir dibuat pada tahun 2011. Pada jangka masa tersebut pegawai yang mengurus pembayaran juga telah bertukar. Terdapat kekeliruan pada kos tambahan seperti yang terkandung dalam perjanjian tambahan.</p> <p>Pihak juru ukur juga telah membuat tuntutan yang salah dengan menghantar invois tuntutan sebanyak RM756, 717.95 yang sepatutnya berjumlah hanya RM260, 466.62. Selepas dibayar, pihak juru ukur tidak memaklumkan semula kepada pihak BPSP tentang lebih bayaran yang diterima. Ini juga telah menyebabkan BPSP tidak menyedari telah berlakunya lebih bayaran tersebut. Lanjutan daripada kejadian tersebut, BPSP telah mengadakan mesyuarat bersama Audit Negara, Audit Dalaman, Bahagian Undang-Undang, Jurukur pada 20 Disember 2013. Jurukur telah bersetuju untuk membayar balik bayaran yang terlebih bayar Rujuk Surat Jurukur Jitu Runding: JJR.27/E/2007 bertarikh 12/12/2013). Pada</p>



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>RM424,863 melalui baucar bernombor D1222 bertarikh 10 Disember 2007 dan bayaran interim kedua berjumlah RM71,388 melalui baucar bernombor D1741 bertarikh 27 Disember 2007. Jumlah yang telah dibayar melalui interim pertama dan kedua adalah sejumlah RM496,251 iaitu bersamaan dengan amaun peruntukan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan pada 16 Ogos 2007. Dengan itu, baki yang belum dibayar kepada Jurukur Jitu Runding adalah sejumlah RM121,252 (RM617,503 - RM496,251).</p> <p>iv. Jurukur Jitu Runding telah melaksanakan kerja tambahan iaitu penyediaan pelan pengambilan balik tanah pada Mei 2010. Bagi pelaksanaan kerja tambahan ini, MOA telah mengesahkan kos yang terlibat adalah sejumlah RM139,215.</p> <p>v. Dengan itu, MOA hanya perlu membayar sejumlah RM260,467 merangkumi baki yang belum dibayar sejumlah RM121,252 dan kos kerja pelan pengambilan balik tanah sejumlah RM139,215 kepada Jurukur Jitu Runding.</p> <p>vi. Bagaimanapun, MOA melalui surat bertarikh 11 November 2010 telah memohon kelulusan pertambahan skop dan pertambahan kos perkhidmatan perunding kerja ukur kepada Kementerian Kewangan sejumlah RM826,425 (tidak termasuk 5% cukai perkhidmatan). Berdasarkan permohonan ini, Kementerian Kewangan telah meluluskan peruntukan tambahan ini iaitu sejumlah RM756,718 bagi menyelesaikan baki bayaran iaitu sejumlah RM617,503 sebagai tambahan kuantiti dan sejumlah RM139,215 sebagai kos pelan pengambilan balik tanah melalui surat bertarikh 28 November 2010.</p> <p>vii. Jurukur Jitu Runding telah menuntut bayaran sejumlah RM756,718 pada 21 April 2011. Dengan itu, pihak MOA telah membuat bayaran melalui bayaran interim ketiga (terakhir) pada 18 Mei 2011 berjumlah RM756,718 melalui baucar bernombor B0307.</p> <p>viii. Amaun peruntukan tambahan yang sepatutnya dimohon oleh MOA adalah hanya sejumlah RM260,467 (RM121,252 + RM139,215). Ini adalah kerana MOA telah membuat pembayaran kepada Jurukur Jitu Runding sejumlah RM496,251 pada tahun 2007.</p> <p>Berdasarkan perkiraan di atas, pihak Audit mendapati berlaku lebihan bayaran sejumlah RM496,251 (RM756,718 - RM260,467) kepada Jurukur Jitu Runding oleh MOA.</p> <p>Akibat lebihan bayaran ini juga, berlaku lebihan bayaran taksiran cukai berjumlah RM29,775. Perkiraan lebihan bayaran cukai adalah seperti berikut:-</p>	<p>mesyuarat tersebut, juru ukur telah mengemukakan surat pengakuan persetujuan pembayaran balik bayaran lebihan tersebut serta membuat rayuan agar bayaran dibuat secara ansuran (Rujuk Surat Jurukur Jitu Runding: JJR.27/E/2007 bertarikh 2/1/14). Surat rayuan ansuran tersebut, telah diterima pada 6 Januari 2014.</p> <p>Selanjutnya BPSP telah mengadakan satu perbincangan susulan bersama Juru ukur Jitu Runding pada 27 Januari 2014. Perbincangan tersebut dipengerusikan oleh Y.Bhg Datuk KSU dan turut hadir sama adalah pegawai-pegawai BPSP dan wakil penasihat Undang-undang Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia. Dalam perbincangan tersebut pihak jurukur sekali lagi bersetuju untuk membayar lebihan bayaran berjumlah RM526, 026.40 secara ansuran selama 18 bulan. Bayaran pertama sebanyak RM150,000.00 pada bulan Januari 2014 diikuti bayaran sebanyak RM22,120.00 bagi bulan Februari 2014 sehingga Mei 2015 dan bayaran akhir sebanyak RM22,106.40 pada Jun 2015.</p> <p>Pihak Juru ukur Jitu Runding telahpun menjelaskan bayaran pertama seperti dijanjikan. Dilampirkan salinan cek bayaran pertama dari Jurukur Jitu Runding sejumlah RM150,000.00 (No. Cek Hong Leong Bank: 285457 bertarikh 6 Februari 2014) dan akan dimasukkan ke akaun Hasil Lebihan Bayaran.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>i. jumlah bayaran cukai oleh MOA kepada Jurukur Jitu Runding melalui bayaran interim pertama, kedua dan ketiga adalah sejumlah RM70,216; dan</p> <p>ii. jumlah bayaran cukai yang sepatutnya dibayar adalah sejumlah RM40,441.</p> <p>Dengan itu, jumlah keseluruhan lebihan bayaran termasuk cukai adalah RM526,026 (RM496,251 + RM29,775).</p> <p>Pada pendapat Audit, lebihan bayaran berjumlah RM526,026 berlaku bermula daripada tuntutan Jurukur Jitu Runding, kecuaihan/kurang penelitian oleh pegawai BPSP dalam pengesahan tuntutan oleh juruukur. Adalah disyorkan supaya satu siasatan dijalankan bagi mengesahkan lebihan bayaran ini serta mengenal pasti punca masalah. Jika didapati berlaku lebihan bayaran, MOA hendaklah menuntut kembali lebihan bayaran daripada Jurukur Jitu Runding dengan segera.</p> <p>Maklum Balas MOA Yang Diterima Pada 8 Januari 2014 Dan 10 Februari 2014</p> <p>BPSP telah membuat siasatan dan mendapati berlakunya lebihan bayaran berjumlah RM526,026. Lebihan bayaran ini berlaku disebabkan jangka masa yang panjang antara bayaran pertama dan kedua (tahun 2007) manakala bayaran ketiga (terakhir) dibuat pada tahun 2011. Pada jangka masa tersebut pegawai yang mengurus pembayaran juga telah bertukar. Terdapat kekeliruan pada kos tambahan seperti yang terkandung dalam perjanjian tambahan.</p> <p>Jurukur juga telah membuat tuntutan yang salah dengan menghantar invois tuntutan sejumlah RM756,718 yang sepatutnya hanya berjumlah RM260,467. Selepas dibayar, pihak jurukur tidak memaklumkan semula kepada BPSP tentang lebihan bayaran yang diterima. Ini juga telah menyebabkan BPSP tidak menyedari telah berlakunya lebihan bayaran tersebut.</p> <p>Lanjutan daripada kejadian tersebut, BPSP telah mengadakan mesyuarat bersama Jabatan Audit Negara, Unit Audit Dalam MOA, Bahagian Undang-Undang MOA dan Jurukur Jitu Runding pada 20 Disember 2013. Jurukur Jitu Runding telah bersetuju untuk membayar balik bayaran yang terlebih bayar dan mengemukakan surat pengakuan persetujuan pembayaran balik bayaran lebihan tersebut serta membuat rayuan agar bayaran dibuat secara ansuran. Surat rayuan ansuran tersebut telah diterima pada 6 Januari 2014.</p> <p>Selanjutnya BPSP telah mengadakan satu perbincangan susulan bersama Jurukur</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>pada 27 Januari 2014. Perbincangan tersebut dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Ketua Setiausaha Kementerian dan turut hadir sama adalah pegawai-pegawai BPSP dan wakil penasihat undang-undang MOA. Dalam perbincangan tersebut pihak Jurukur sekali lagi bersetuju untuk membayar lebihan bayaran secara ansuran selama 18 bulan. Bayaran pertama sebanyak RM150, 000 telahpun diterima MOA.</p>	
<p><b>5.5.2.3.a</b></p>	<p><b>Prestasi Kontraktor - Pengalaman Teknikal Kontraktor Tidak Mencukupi</b></p> <p>Mengikut rekod JAKS Resources Berhad bagi tempoh tahun 2005 hingga 2009, syarikat ini telah siap melaksanakan sebanyak 9 projek dengan nilai projek berjumlah RM569.26 juta.</p> <p>Daripada 9 projek tersebut, hanya satu projek iaitu <i>Construction and Completion of Water Reticulation/Reservoir and Main Pipe at Telibong and Telipok</i> bernilai RM197 juta adalah merupakan nilai kerja terbesar yang pernah disiapkan. Bagaimanapun, syarikat JAKS Resources Berhad tidak pernah terlibat dalam projek pembinaan empangan. Ini menunjukkan syarikat tidak ada pengalaman dalam pembinaan empangan. Manakala maklumat berkaitan kerja-kerja yang pernah dilaksanakan oleh syarikat Pembinaan Sujaman Sdn. Bhd. tidak dapat diperolehi. Bagaimanapun, syarikat Pembinaan Sujaman Sdn. Bhd. tidak terlibat secara aktif dalam pembinaan Empangan Paya Peda.</p>	
<p><b>5.5.2.3.b</b></p>	<p><b>Keupayaan Kakitangan Teknikal Kontraktor Tidak Mencukupi</b></p> <p>Kriteria penilaian keupayaan kakitangan teknikal kontraktor perlulah mengikut anggaran keperluan minimum bilangan kakitangan teknikal dan juga pengalaman. Semakan Audit mendapati MOA tidak mendapatkan senarai dan profil kakitangan teknikal JAKS Resources Berhad dan Pembinaan Sujaman Sdn. Bhd. bagi tujuan semakan dan penilaian sebelum Surat Setuju Terima dikeluarkan. Mengikut ulasan pihak perunding projek melalui surat bertarikh 13 Disember 2011, kontraktor utama kurang berpengalaman dalam bidang teknikal <i>Service Gates Schedule of Particular and Design Calculation</i>.</p> <p>Pada pendapat Audit, oleh kerana struktur empangan adalah bersifat kompleks maka kepakaran yang spesifik perlu dimiliki oleh kontraktor bagi memastikan objektif pembinaan empangan dapat dicapai secara berkesan. Dengan itu, Kerajaan Persekutuan hendaklah memastikan keupayaan dan pengalaman teknikal kontraktor adalah setanding dengan keperluan pembinaan projek yang ditender.</p> <p>Maklum Balas MOA Yang Diterima Pada 8 Januari 2014</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Oleh kerana jenis perolehan bagi projek ini adalah Konvensional Rundingan Terus, dengan pemilihan kontraktor daripada Kementerian Kewangan maka MOA tidak membuat penilaian keupayaan kewangan dan juga keupayaan teknikal kontraktor sebagaimana amalan bagi perolehan secara biasa. MOA dikehendaki untuk membuat rundingan terus dengan kontraktor ini seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan menerusi surat bertarikh 12 September 2008. Memandangkan projek ini sebuah projek yang kompleks dan melibatkan kos yang tinggi maka pihak BPSP berpandangan bahawa pemilihan oleh Kementerian Kewangan telah mengambil kira pelbagai faktor termasuk kemampuan teknikal, kewangan, peralatan, prestasi, pengetahuan dan pengalaman.</p>	
5.5.2.3.c	<p><b>Loji Dan Peralatan Asas Tidak Mencukupi</b></p> <p>Antara kriteria pengukuran tahap kecekapan pelaksanaan kerja, faktor pemilihan bilangan loji dan peralatan asas perlulah sama atau melebihi daripada keperluan minima yang ditetapkan. Semakan Audit terhadap laporan bulanan No. 38 perunding projek mendapati maklumat loji dan peralatan yang dimiliki oleh kontraktor utama tidak diperolehi dan pemeriksaan Audit fizikal di tapak projek pada 3 Julai 2013 juga mendapati rekod pemilihan loji dan peralatan tidak dapat dikemukakan oleh pihak kontraktor utama. Berdasarkan Laporan Kemajuan Bulan Julai 2013, sebanyak 151 bilangan loji dan peralatan dinyatakan berbanding dengan anggaran keperluan sebanyak 215 yang ditetapkan mengikut Section 2.4 <i>Construction and Plant Machinery In Use and Layout</i>.</p> <p>Pada pendapat Audit, kekurangan peralatan loji dan jentera pengangkut di kawasan pembinaan menyebabkan kelewatan yang berlaku dalam pembinaan. Masalah ini perlu diatasi bagi memastikan projek kembali ke jadual asal.</p> <p>Maklum Balas MOA Yang Diterima Pada 8 Januari 2014 Dan 10 Februari 2014</p> <p>Pengawasan dan pemantauan harian projek dibuat oleh perunding yang dilantik dan BPSP berpandukan <i>Critical Path Method</i> (CPM) yang menunjukkan perancangan keperluan jentera, loji dan tenaga kerja bagi menyiapkan projek dalam tempoh yang ditetapkan. Oleh demikian, perunding dan BPSP dari semasa ke semasa memantau kemajuan kerja dan mengesyorkan kepada kontraktor langkah-langkah untuk mengejar kelewatan kemajuan yang berlaku melalui peningkatan bilangan loji, jentera, tenaga kerja, waktu kerja serta telah memberi surat teguran dan juga telah membangkitkan perkara ini pada setiap mesyuarat. Bagaimanapun, pihak kontraktor mempunyai pertimbangannya sendiri bagi melaksanakan kerja-kerja mengikut program yang dipersetujui.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
5.5.3.1	<p><b>Kualiti Pembinaan - Pemuatan Kepada Non-Compliance Report (NCR)</b></p> <p>Berdasarkan Klausa 5 Bahagian D <i>Conditions Of Contract</i>, Pegawai Penguasa berhak dengan budi bicaranya secara bertulis mengarahkan pelaksanaan perkara-perkara apabila terdapat percanggahan dalam dokumen kontrak, mengarahkan penyisihan material dan peralatan dari tapak projek, pembuangan atau pelaksanaan semula kerja oleh kontraktor, memeriksa semula kerja yang telah siap dan meminda atau membaiki kerosakan.</p> <p>Semakan Audit terhadap laporan fizikal No. 38 mendapati, sejak November 2010 sehingga Julai 2013 sebanyak 63 NCR telah dikeluarkan oleh perunding projek kepada kontraktor. Daripada 63 NCR yang dikeluarkan sebanyak 45 telah berjaya diselesaikan, 12 dalam pelaksanaan dan 6 masih belum mendapat maklum balas daripada kontraktor.</p> <p>Pada pendapat Audit, pemantauan yang berterusan hendaklah dilaksanakan bagi memastikan kontraktor mematuhi arahan Pegawai Penguasa supaya projek dilaksana secara berterusan dan mengikut kualiti yang ditetapkan.</p> <p>Maklum Balas MOA Yang Diterima Pada 8 Januari 2014 Dan 10 Februari 2014</p> <p>Pemantauan sememangnya dititikberatkan oleh wakil Pegawai Penguasa di tapak iaitu <i>Chief Resident Engineer</i> (CRE) Perunding. Dari semasa ke semasa Pegawai Penguasa ataupun wakil-wakil MOA juga akan memantau di tapak. IADA KETARA juga membantu MOA memantau keadaan kemajuan di tapak. Pihak penyelia di tapak akan mengeluarkan NCR dan arahan kepada kontraktor untuk memperbaiki ketidakakuran dan perkara ini juga dibincang dan dipantau dalam setiap mesyuarat tapak bulanan.</p> <p>Bahan binaan yang di stockpile di tapak bina akan dipastikan terlebih dahulu dari aspek kualiti, kekuatan dan spesifikasi oleh perunding sebelum digunakan. Sebelum kerja-kerja diteruskan oleh pihak kontraktor, pihak perunding akan melakukan pemeriksaan terhadap spesifikasi dan kualiti bahan. Kerja hanya akan dilaksanakan setelah diluluskan oleh wakil penyelia ditapak.</p>	<p><u>Tambahan Maklumat:-</u></p> <p>Pengawasan dan pemantauan sememangnya dititik beratkan. Oleh kerana itu, kerajaan melantik wakil Pegawai Penguasa di tapak iaitu <i>Chief Resident Engineer</i> (CRE) Perunding untuk menyelia dan memantau secara teliti. Pegawai Penguasa ataupun wakil-wakil MOA dan pegawai IADA KETARA juga sama-sama memantau pelaksanaan kerja di tapak.</p> <p>Kerja-kerja pembinaan ditapak sentiasa diawasi dan diselia oleh perunding bagi memastikan mutu dan kualiti kerja mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Sebarang ketidakpatuhan sama ada dari aspek cara kerja ataupun bahan akan dikeluarkan NCR dan arahan kepada kontraktor untuk memperbaiki ketidakakuran tersebut. Perkara ini juga dibincang dan dipantau dalam setiap mesyuarat tapak bulanan. Bahan binaan yang di stockpile di tapak bina akan dipastikan terlebih dahulu dari aspek kualiti, kekuatan dan spesifikasi oleh perunding sebelum digunakan. Sebelum kerja-kerja diteruskan oleh pihak kontraktor, pihak perunding akan melakukan pemeriksaan terhadap spesifikasi dan kualiti bahan. Kerja hanya akan dilaksanakan setelah diluluskan oleh wakil penyelia ditapak.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>5.5.3.2</b></p>	<p><b><i>Protection Of Materials And Completed Works</i></b></p> <p>Mengikut perkara 8.13 <i>Bill of Quantities: Preliminary And General Conditions</i>, kontraktor hendaklah memastikan bahan-bahan binaan disimpan, dijaga dan dilindungi bagi mengelakkan kerosakan akibat daripada cuaca, kecuaiian, kecurian dan sebagainya. Pelaksanaan projek pembangunan di antaranya bagi tujuan menyediakan kemudahan yang berkualiti tinggi. Setiap kerja pembinaan hendaklah dilaksanakan dengan kemas pada tahap piawaian yang diterima pakai supaya projek yang dibina boleh digunakan secara optimum, selamat dan kondusif.</p> <p>Lawatan Audit ke tapak pembinaan projek pada 2 dan 3 Julai 2013 mendapati, stok besi binaan yang akan digunakan dalam pembinaan bangunan tetap dan <i>intake tower</i> telah berkarat. Keadaan ini boleh menjejaskan kekuatan struktur konkrit.</p> <p>Pada pendapat Audit, pendedahan bahan-bahan binaan kepada air hujan dan embun pagi adalah antara faktor yang boleh menyebabkan besi berkarat. Besi berkarat yang digunakan sebagai asas pendokong boleh menjejaskan kekuatan struktur konkrit. Pihak kontraktor perlu menyimpan, menjaga dan melindungi bahan-bahan binaan terutama sekali besi binaan.</p> <p>Maklum Balas MOA Yang Diterima Pada 8 Januari 2014 Dan 10 Februari 2014</p> <p>Kerja-kerja pembinaan ditapak sentiasa diawasi dan diselia oleh perunding bagi memastikan mutu dan kualiti kerja mengikut spesifikasi yang ditetapkan. MOA telah memberi teguran kepada pihak Perunding supaya kualiti bahan binaan di tapak dijaga dengan rapi oleh kontraktor. Bagi setiap kerja-kerja yang hendak dilaksanakan perlu mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada pihak penyelia tapak dan justeru itu dari aspek kawalan kualiti bahan binaan, perunding adalah penyelia ditapak pembinaan dengan mempunyai pelbagai kepakaran untuk memastikan kualiti pembinaan mengikut amalan kejuruteraan yang baik.</p>	<p><u>Tambahan Maklumat:-</u></p> <p>Kerja-kerja pembinaan ditapak sentiasa diawasi dan diselia oleh perunding bagi memastikan mutu dan kualiti kerja mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Sebarang ketidakpatuhan sama ada dari aspek cara kerja ataupun bahan akan dikeluarkan NCR dan arahan kepada kontraktor untuk memperbaiki ketidak akuratan tersebut. Perkara ini juga dibincang dan dipantau dalam setiap mesyuarat tapak bulanan. Bahan binaan yang di <i>stockpile</i> di tapak bina akan dipastikan terlebih dahulu dari aspek kualiti, kekuatan dan spesifikasi oleh perunding sebelum digunakan. Sebelum kerja-kerja diteruskan oleh pihak kontraktor, pihak perunding akan melakukan pemeriksaan terhadap spesifikasi dan kualiti bahan. Kerja hanya akan dilaksanakan setelah diluluskan oleh wakil penyelia ditapak.</p>
<p><b>5.5.4.1.a</b></p>	<p><b>Pematuhan Kepada Syarat Alam Sekitar - Kajian Alam Sekitar - Kesan Projek Kepada Geologi Dan Tanah</b></p> <p>Kajian geologi meliputi kawasan seluas 110km persegi yang mengandungi batu metamorfosis iaitu jenis batu kapur dan <i>carbonaceous</i>, batu enapan dan granit. Struktur geologi seperti lapisan (<i>bedding</i>), dedaunan (<i>foliation</i>), cantuman (<i>joint</i>) dan kegagalan (<i>fault</i>) menyumbang kepada ketidakstabilan curam dalam keadaan semulajadi. Tanah runtuh atau kegagalan cerun dalam kawasan tadahan boleh berlaku kerana ketidakstabilan batu di kawasan tersebut. Ujian terhadap 13 sampel</p>	<p><u>Tambahan Maklumat:-</u></p> <p>Kawalan tanah runtuh sememangnya terkandung dalam skop asal kontrak iaitu semua-cerun-cerun yang dipotong tidak akan dibiarkan terdedah dalam tempoh yang lama dan cerun-cerun tersebut ditanam rumput dengan sistem saliran yang bersesuaian.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>tanah (<i>topsoil</i>) menunjukkan komposisi kandungan pasir (42% - 89%), kelodak (6% - 28%), tanah liat (5% - 37%) dan bahan organik (2.28% - 9.74%). Kadar mendapan dianggarkan dalam 100m<sup>3</sup>/km<sup>2</sup> bagi setiap tahun. Akibat aktiviti pembangunan dan pembersihan di kawasan takungan, kadar mendapan semasa pelaksanaan empangan dianggarkan naik ke tahap 150m<sup>3</sup>/km<sup>2</sup> atau 11,550m<sup>3</sup> setahun.</p> <p>Pada pendapat Audit, pemantauan secara berterusan hendaklah dibuat bagi memastikan pihak kontraktor melaksanakan <i>regular flushing of accumulated sediment</i> di kawasan takungan air.</p> <p>Maklum Balas MOA Yang Diterima Pada 8 Januari 2014</p> <p>Pihak kontraktor telah melantik pihak ketiga iaitu ASIA Pacific Environmental Consultant Sdn. Bhd. (ASPEC) untuk membuat pemantauan dan memastikan pematuhan syarat-syarat kelulusan DEIA, EMP dan Jabatan Alam Sekitar Negeri Terengganu.</p> <p>Kawalan tanah runtuh sememangnya terkandung dalam skop asal kontrak iaitu semua cerun-cerun yang dipotong tidak akan dibiarkan terdedah dalam tempoh yang lama dan cerun-cerun tersebut ditanam rumput dengan sistem saluran yang bersesuaian.</p> <p>Untuk kawalan pemendapan, <i>Erosion and Sediment Control Plan</i> (ESCP) telah pun mendapat kelulusan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS). Ini termasuklah antara lain pembinaan beberapa siri kolam pemendapan untuk memerangkap mendapan. Perunding dari masa ke semasa akan mengarahkan pembuangan mendapan dari kolam tersebut. Keberkesanan kolam pemendapan adalah terbukti menerusi ujian kualiti air yang menunjukkan <i>Total Suspended Solid</i> (TSS) masih di bawah nilai yang dibenarkan.</p>	<p>Untuk kawalan pemendapan, <i>Erosion and Sediment Control Plan</i> (ESCP) telahpun mendapat kelulusan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS). Ini termasuklah Antara lain pembinaan beberapa siri kolam pemendapan untuk memerangkap mendapan. Perunding dari masa kesemasa akan mengarahkan pembuangan mendapan dari kolam tersebut. Keberkesanan kolam pemendapan adalah terbukti menerusi ujian kualiti air yang menunjukkan "<i>Total Suspended Solid</i>" (TSS) masih dibawah nilai yang dibenarkan.</p>
5.5.4.1.b	<p><b>Ujian Kewujudan Mineral Arsenik Tidak Dijalankan</b></p> <p>Mineral arsenik boleh memberi kesan negatif kepada kesihatan awam. Pada bulan Ogos 2007, Jabatan Mineral Dan Geosains Terengganu telah mencadangkan tambahan kepada <i>Terms Of Reference</i> (TOR) iaitu pemetaan geologi terperinci, ujian geokimia, sejarah perlombongan dan geoteknik di kawasan takungan air dijalankan bagi memastikan tiada kewujudan mineral arsenik. Syarikat G&amp;P Geotechnics Sdn. Bhd. juga menyarankan agar Kajian EIA perlu meliputi <i>Terrain and Geological Mapping</i> dan <i>Geological and Geotechnical Studies</i>. Semakan Audit mendapati ujian tersebut tidak dilakukan dan pihak MOA pula tidak dapat mengesahkan kewujudan</p>	<p><u>Tambahan Maklumat:-</u></p> <p>BPSP mengambil maklum tentang teguran pihak Audit dan telahpun mengarahkan pihak kontraktor menerusi ASIA Pacific Environmental Consultant Sdn Bhd (ASPEC) yang melaksanakan pemantauan dan pematuhan syarat-syarat yang ditetapkan dalam DEIA untuk menjalankan ujian kandungan arsenik. Sampel air untuk ujian ini telah pun diambil pada 23 Januari 2014 dan keputusan ujian mendapati tiada kandungan arsenik</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>mineral arsenik.</p> <p>Pada pendapat Audit, pihak Kerajaan hendaklah mempertimbangkan cadangan G&amp;P Geotechnics Sdn. Bhd. dan Jabatan Mineral Dan Geosains Terengganu untuk meneruskan kajian geokimia, kajian geoteknik dan geologi di kawasan takungan. Keputusan dan tindakan awal dapat mengelakkan penggunaan air minuman yang dicemari mineral arsenik.</p> <p>Maklum Balas MOA Yang Diterima Pada 10 Februari 2014</p> <p>BPSP mengambil maklum tentang teguran pihak Audit dan telah pun mengarahkan pihak kontraktor menerusi ASIA Pacific Environmental Consultant Sdn. Bhd. (ASPEC) yang melaksanakan pemantauan dan pematuhan syarat-syarat yang ditetapkan dalam DEIA untuk menjalankan ujian kandungan arsenik. Sampel air untuk ujian ini telah pun diambil pada 23 Januari 2014 dan keputusan ujian mendapati tiada kandungan arsenik dalam sampel air yang diuji.</p>	<p>dalam sampel air yang diuji.</p>
<p><b>5.5.4.1.c</b></p>	<p><b>Pengurusan Sisa Minyak Terpakai Tidak Memuaskan</b></p> <p>Di peringkat pelaksanaan projek Empangan Paya Peda, MOA dikehendaki mematuhi syarat-syarat kelulusan Laporan EIA yang telah ditetapkan oleh JAS melalui surat bertarikh 2 Jun 2010 mengenai pengurusan sisa minyak terpakai. MOA juga perlu mematuhi peruntukan-peruntukan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-peraturan di bawahnya.</p> <p>Berdasarkan laporan pemeriksaan yang dilakukan oleh pihak JAS Negeri Terengganu, pengurusan sisa minyak terpakai adalah tidak memuaskan dan telah meningkatkan tahap pencemaran persekitaran ekosistem yang sedia ada.</p> <p>Pada pendapat Audit, oleh kerana salah satu objektif Empangan Paya Peda adalah untuk membekalkan air minuman, maka semua pihak hendaklah memastikan tiada pencemaran air yang berlaku terutama sekali semasa pembinaan empangan. Jika perkara ini berlaku, ia tidak mudah dikesan kerana tumpahan minyak tersebut akan ditutupi dengan tanah atau air. Dengan itu, pemeriksaan fizikal terhadap pengurusan sisa minyak terpakai di tapak hendaklah dilakukan secara berterusan.</p> <p>Maklum Balas MOA Yang Diterima Pada 8 Januari 2014 Dan 10 Februari 2014</p> <p>BPSP mengambil berat berhubung pematuhan kualiti alam sekitar, oleh itu isu-isu</p>	



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>pematuhan tersebut dijadikan salah satu agenda tetap dalam Mesyuarat Tapak Bulanan. Pihak kontraktor telah melantik pihak ketiga iaitu Syarikat ASIA Pacific Environmental Consultant Sdn. Bhd. untuk membuat pemantauan dan memastikan pematuhan syarat-syarat kelulusan DEIA, EMP dan Jabatan Alam Sekitar Terengganu. Sebarang ketidakakuran oleh pihak kontraktor termasuk dari aspek tumpahan sisa-sisa minyak sentiasa dipantau dan dibincangkan dalam mesyuarat tapak bulanan berserta tindakan pembetulan yang dilaksanakan oleh kontraktor. BPSP juga telah mengeluarkan surat arahan kepada kontraktor untuk mengambil tindakan bagi memperbaiki pengurusan sisa minyak terpakai dan masih dalam tindakan kontraktor.</p>	
<p><b>5.5.4.2</b></p>	<p><b><i>Emergency Response Team (ERT) Tidak Ditubuhkan</i></b></p> <p>Mengikut Laporan EIA 2010, kontraktor adalah bertanggungjawab untuk menubuhkan ERT yang akan menyediakan <i>Emergency Response Plan (ERP)</i> untuk menghadapi setiap situasi kecemasan. ERP ini mengandungi proses pemberitahuan, prosedur tindakan, laluan pemindahan (<i>evacuation routes</i>) dan sebagainya. Semua kakitangan adalah bertanggungjawab untuk memahami ERP dengan jelas agar dapat mematuhi terutama sekali semasa berlaku situasi kecemasan.</p> <p>Semakan Audit mendapati ERT tidak ditubuhkan sebelum berlakunya banjir di Kg. Padang Bual pada 24 Disember 2012. Ketiadaan ERT mengakibatkan notis pemberitahuan maklumat keselamatan awam tidak dimaklumkan kepada agensi terlibat. Bagaimanapun, berdasarkan minit mesyuarat, pihak perunding projek telah mengadakan mesyuarat pada 20 Mac 2013 yang turut dihadiri oleh pihak KETARA, JPS Negeri, Pejabat Daerah Besut, Kontraktor Utama, Jabatan Bomba Dan Penyelamat dan Wakil Penduduk Kg. Padang Bual bagi membentuk dan memperkemaskan ERT serta membincangkan langkah-langkah yang perlu diambil ketika menghadapi tanda-tanda awal kehadiran banjir, semasa dan selepas kejadian banjir.</p> <p>Banjir yang berlaku pada 24 Disember 2012 telah menyebabkan kerugian harta benda kepada 159 keluarga di Kg. Padang Bual. Ini mengakibatkan Kerajaan Persekutuan membayar pampasan sejumlah RM477,000 kepada mangsa banjir (purata RM3, 000 sekeluarga).</p> <p>Pada pendapat Audit, ERP seharusnya dibentuk semasa penyediaan <i>Environmental Management Plan (EMP)</i> pada bulan September 2010 dan bukannya selepas tempoh selama 29 bulan. Ketiadaan ERP pada awal telah menyebabkan berlakunya kurang <i>engagement</i> di antara pihak yang terlibat dalam pelaksanaan projek bersama penduduk kawasan sekitar. Salah satu kesannya adalah penduduk setempat tidak</p>	<p><u>Tambahan Maklumat:-</u></p> <p><i>Emergency Response Plan (ERP)</i> merupakan syarat wajib Jabatan Alam Sekitar (JAS) untuk mendapat kelulusan <i>Detailed Environmental Impact Assessment (DEIA)</i>. Perkara ini telah dipatuhi. Penubuhan <i>Emergency Response Team (ERT)</i> adalah termasuk dalam skop asal kontrak.</p> <p>Pihak Juru perunding adalah bertanggungjawab untuk memantau di kawasan tapak projek dan adalah tanggungjawab Juru perunding untuk memberi nasihat dan cadangan kepada BPSP sekiranya ada keperluan untuk mengaktifkan <i>Emergency Response Team (ERT)</i></p> <p><i>Mock up ERP</i> telah diadakan beberapa siri iatu pada 18 September 2013 dan 10 Oktober 2013 yang juga melibatkan penduduk sekitar. Selain itu, satu bengkel pemurnian ERP telah diadakan pada 9 Oktober 2013 yang turut dihadiri wakil-wakil dari pihak PDRM, Jabatan BOMBA, Pejabat Tanah Daerah, Majlis Keselamatan Negara dan JPS Negeri bagi pengukuhan ERP projek ini. Keberkesanan ERP yang diwujudkan telah teruji pada musim tengkujuh yang berlaku pada penghujung November dan awal Disember 2013.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>membenarkan kontraktor untuk membuka saluran laluan air sebelum banjir berlaku kerana khuatir limpahan air akan membanjiri kawasan mereka.</p> <p>Maklum Balas MOA Yang Diterima Pada 8 Januari 2014 Dan 10 Februari 2014</p> <p>Setelah teguran Audit, ERT telah ditubuhkan. Perunding adalah bertanggungjawab untuk memantau di kawasan tapak projek dan adalah juga tanggungjawab perunding untuk memberi nasihat dan cadangan kepada BPSP sekiranya ada keperluan untuk mengaktifkan ERT.</p> <p><i>Mock up</i> ERP telah diadakan beberapa siri iaitu pada 18 September 2013 dan 10 Oktober 2013 yang juga melibatkan penduduk sekitar. Selain itu, satu bengkel pemurnian ERP telah diadakan pada 9 Oktober 2013 yang turut dihadiri wakil-wakil dari pihak PDRM, Jabatan Bomba, Pejabat Tanah Daerah, Majlis Keselamatan Negara dan JPS Negeri bagi pengukuhan ERP projek ini. Keberkesanan ERP yang diwujudkan telah teruji pada musim tengkujuh yang berlaku pada penghujung November dan awal Disember 2013.</p>	
5.5.5.1	<p><b>Tuntutan Insurans - Tuntutan Insurans Kerana Banjir</b></p> <p>Fasal 36(d) Syarat-syarat Kontrak Projek Pembangunan Empangan Paya Pedda memperuntukkan bahawa apabila berlakunya apa-apa kerugian atau kerosakan kepada kerja-kerja atau bahan-bahan atau barang-barang sebelum penyiapan kerja-kerja daripada apa-apa sebab sekalipun, kontraktor hendaklah, walaupun mana-mana tuntutan insurans belum selesai, dengan usaha yang wajar membaik pulih, mengganti atau membaiki kerja yang rosak, mengeluarkan dan melupuskan mana-mana serpihan dan meneruskan penyiapan kerja-kerja. Semua wang jika dan apabila diterima daripada syarikat insurans di bawah fasal ini hendaklah dibayar kepada Kerajaan dan kemudian (tolak hanya jumlah seperti dalam Appendix kepada Syarat-syarat ini atau mana-mana syarat dalam Dokumen Kontrak) dibayar kepada kontraktor secara ansuran mengikut sijil pembayaran yang dikeluarkan oleh Pegawai Penguasa, dikira dari tarikh penerimaan wang mengikut kadar kerja-kerja pemulihan, penggantian atau pembaikan dan pengeluaran dan pelupusan mana-mana serpihan sebelum ini dijalankan oleh kontraktor. Kontraktor tidak berhak menerima apa-apa bayaran mengenai kerja pemulihan, penggantian atau pembaikan dan pelupusan serpihan yang lain daripada wang yang diterima di bawah insurans itu.</p> <p>Kontraktor telah memperolehi satu polisi insurans <i>Contractor's All Risks</i> (No: 1062641-01-2) daripada Hong Leong Assurance dengan tempoh perlindungan mulai 1 Jun 2010 hingga 14 Mac 2015. Polisi insurans ini telah dikemukakan kepada MOA.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Semakan Audit mendapati kontraktor utama tidak menuntut wang pampasan daripada syarikat insurans ini. Sebaliknya kontraktor menuntut pampasan melalui <i>insurance adjuster</i> Maphilindo International Sdn. Bhd. seperti mana suratnya bertarikh 3 Januari 2013 yang meminta JAKS Resources Berhad menghantar dokumen-dokumen yang berkenaan bagi menilai kerosakan kerja kontrak, bahan-bahan, kabin-kabin, peralatan dan jentera di dalam kawasan tapak Empangan Paya Peda. Semakan Audit mendapati insurance adjuster ini bertindak bagi pihak MSIG Insurance (M) Berhad di bawah polisi insurans No. KL-95187030-CAR yang tidak pernah dikemukakan kepada MOA. Bagaimanapun, MOA telah mengeluarkan surat kepada MSIG Insurance (M) Berhad untuk tuntutan insurans ini.</p> <p>Audit, pihak Kerajaan hendaklah mendapatkan wang pampasan daripada syarikat insurans tentang kerosakan kerja kontrak, bahan-bahan, kabin-kabin, peralatan dan jentera akibat daripada banjir di dalam kawasan tapak Empangan Paya Peda selaras dengan kehendak syarat kontrak.</p> <p>Maklum Balas MOA Yang Diterima Pada 10 Februari 2014</p> <p>Pihak kontraktor telah menuntut wang pampasan daripada Syarikat insurans MSIG Insurance (M) (MSIG Malaysia) dan bukannya daripada syarikat Hong Leong Assurance kerana syarikat Hong Leong Assurance telah bergabung dengan syarikat MSIG Insurance (M) pada tahun 2010. Polisi insurans daripada MSIG Insurance (M) Berhad No.KL-95187030-CAR adalah polisi yang menggantikan polisi insurans <i>Contractor's All Risks</i> (No.1062641-01-2) daripada Hong Leong Assurance.</p>	
5.5.5.2	<p><b>Tuntutan Insurans Kebakaran</b></p> <p>Kontraktor utama telah mendirikan Pejabat Tapak Sementara yang terdiri daripada 6 buah kabin berukuran 6 m x 12 m, 2 buah kabin 3 m x 6 m, sebuah makmal dan tandas di kawasan Angga Barrage. Kesemua kabin tersebut adalah bagi menempatkan kakitangan juru perunding dan juga kakitangan kontraktor utama, sementara sebuah lagi kabin besar digunakan sebagai bilik mesyuarat. Mengikut Laporan Polis, 6 buah kabin besar dan sebuah kabin kecil telah terbakar pada 7 April 2011 jam 2.00 petang. Akibat daripada kebakaran tersebut, kesemua peralatan termasuk kabinet berserta dokumen dan laporan di dalam kabin telah musnah.</p> <p>Mengikut <i>Insurans Contractor's All Risks</i> (No: 1062641-01-2) yang diambil oleh kontraktor daripada Hong Leong Assurance untuk tempoh mulai 1 Jun 2010 hingga 14 Mac 2015, pihak yang diinsuranskan meliputi Kerajaan Malaysia, kontraktor</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>utama dan subkontraktor yang diluluskan. Mengikut <i>Discharge And Acceptance Form</i> dan surat daripada Crawford &amp; Company Adjusters (Malaysia) Sdn. Bhd. melalui rujukan: 1013850 (40C) bertarikh 26 Mac 2012, pihak kontraktor telah membuat tuntutan insurans ke atas kemusnahan pejabat tapak sementara berserta harta benda kepada MSIG Insurance (Malaysia) Berhad di bawah Polisi No: DL-07524168-FC2 dan telah bersetuju menerima sejumlah RM72, 195 sebagai penyelesaian penuh dan muktamad. Mengikut syarat kontrak, Fasal 36(d), semua wang jika dan apabila diterima daripada syarikat insurans di bawah fasal ini hendaklah dibayar kepada Kerajaan.</p> <p>Semakan Audit mendapati salinan asal Polisi No: DL-07524168-FC2 tidak pernah dikemukakan kepada MOA dan tuntutan insurans ke atas kemusnahan 7 buah kabin berserta dengan peralatan dan dokumen rasmi Kerajaan tidak dibuat oleh MOA.</p> <p>Pada pendapat Audit, syarat-syarat kontrak seperti yang dipersetujui hendaklah dipatuhi oleh kedua-dua pihak yang menandatangani. Bukti dokumen hendaklah disimpan secara sistematik bagi memudahkan traceability dan rujukan.</p> <p>Maklum Balas MOA Yang Diterima Pada 10 Februari 2014</p> <p>Tuntutan insurans ke atas kemusnahan 7 buah kabin berserta dengan peralatan dan dokumen rasmi Kerajaan telah dibuat oleh kontraktor. Pihak insurans telah mengambil masa yang agak lama bagi menyelesaikan tuntutan insurans kebakaran tersebut. Kontraktor telah pun memperbaiki kerosakan akibat kebakaran sebelum tuntutan insurans diperolehi. Pihak insurans telah membayar tuntutan terus kepada kontraktor sejumlah RM72,194.92 tanpa terlebih dahulu membayar kepada Kerajaan.</p> <p>BPSP mengambil maklum tentang teguran pihak Audit berhubung tuntutan pampasan insurans ini di mana sepatutnya dibayar kepada Kerajaan terlebih dahulu. Bagaimanapun disebabkan pihak kontraktor telah pun selesai memperbaiki kerosakan sebelum tuntutan pampasan insurans diperolehi maka tidak ada keperluan untuk mendapatkan semula pampasan tersebut daripada pihak Kontraktor.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
5.5.6.3	<p><b>Mesyuarat Penyelarasan</b></p> <p>Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Pengarah Bahagian Pengairan Dan Saliran Pertanian, sebagai wakil Pegawai Penguasa dan dihadiri oleh wakil KETARA, Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu, Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS), Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian, Pejabat Tanah Besut, Majlis Daerah Besut, perunding projek dan JAKS Resources Berhad - Pembinaan Sujaman Sdn. Bhd. Perkara yang dibincangkan meliputi kerja merobohkan 2 buah rumah kediaman JPS, peneroka haram, pengalihan balak dari kawasan takungan empangan, pengambilan balik tanah, penyerahan pelan bangunan kepada Majlis Daerah Besut, <i>Diversiion Tunnel</i> dan masalah banjir di Pasir Akar.</p> <p>Pada pendapat Audit, projek ini perlu disiapkan sepertimana yang ditetapkan dalam tempoh lanjutan masa nombor satu iaitu pada 16 Jun 2014 di samping mematuhi segala peraturan kewangan, standard, kualiti dan laporan EIA. Dengan itu, mekanisme pemantauan secara langsung terhadap pelaksanaan kerja di tapak hendaklah dipergiatkan. Kerjasama dan hubungan baik antara MOA dan agensi-agensi lain di peringkat pelaksanaan perlu diteruskan.</p> <p>Maklum Balas MOA Yang Diterima Pada 8 Januari 2014</p> <p>MOA telah mengambil maklum perkara ini dan sedang mengambil langkah-langkah yang sewajarnya selaras dengan syarat-syarat kontrak termasuk memantau dan memberikan peringatan secara berterusan khususnya dalam setiap kali mesyuarat tapak supaya pihak kontraktor mempergiatkan usaha dengan lebih tekun untuk menyiapkan projek ini seperti mana tarikh kelulusan EOT No. 1 iaitu pada 16 Jun 2014.</p>	

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 1 TAHUN 2013**

**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN**

**Perenggan 6 : Program Transformasi Kedai Runcit (TUKAR)**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<b>6.5.1.2.b</b>	<p><b>Pencapaian Prestasi Kewangan</b></p> <p>Semakan Audit selanjutnya mendapati sehingga 31 Disember 2013, dari sejumlah RM59 juta yang diterima oleh SKM, sejumlah RM35 juta atau 59% telah diagihkan kepada 5 koperasi khas iaitu KOJARIS, KOSURIA, KOKAS, KOJADI dan KOP-PUSAMAJU.</p>	<p>Sehingga 20 Februari 2014, sejumlah RM39 juta atau 66% telah diagihkan kepada 5 koperasi khas iaitu KOJARIS, KOSURIA, KOKAS, KOJADI dan KOP-PUSAMAJU.</p>
<b>6.5.1.2.c</b>	<p>Berdasarkan jadual di atas, hanya sejumlah RM99.84 juta (67%) telah dikeluarkan sebagai pinjaman kepada para peserta yang menyertai Program TUKAR. Sehingga 31 Disember 2013 baki dana tersebut masih berjumlah RM49.16 juta (33%).</p> <p>Maklum Balas Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan yang diterima Pada 29 November 2013</p> <p>Sehingga 8 November 2013, baki dana Tukar-I adalah berjumlah RM17.99 juta. Baki dana tersebut akan terus diuruskan oleh Bank Rakyat sebagai pinjaman untuk peserta seterusnya. Bagi SKM, dana tahun 2012 adalah berbentuk geran manakala pada tahun 2013 dana tersebut adalah berbentuk <i>revolving fund</i>.</p> <p>Pada pendapat Audit, proses penyaluran dana oleh pihak KPDNKK dan agensi pelaksana kepada peserta TUKAR yang berjaya adalah memuaskan. Namun begitu, penyaluran dana perlu dilakukan secara berperingkat dengan mengambil kira potensi bilangan pemilik kedai runcit yang akan diluluskan permohonannya untuk menyertai Program TUKAR.</p>	<p>Sehingga 20 Februari 2014 sejumlah RM103.97 (69.77%) telah dikeluarkan sebagai pinjaman kepada para peserta yang menyertai program TUKAR. Sehingga 20 Februari 2014 baki dana tersebut berjumlah RM45.03 juta (30.23%).</p>
<b>6.5.1.3.a.i</b>	<p><b>Prestasi Kedai Yang Menyertai Program TUKAR - Maklumat Nilai Jualan Kedai</b></p> <p>Berdasarkan kepada Kit Tukar Versi 1/2013, terdapat 4 peranan peserta yang telah ditetapkan seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• peserta dibenarkan memilih kontraktor sendiri dan menggunakan pembekal</li> </ul>	<p>KPDNKK akan mula menggunakan templat maklumat jualan bulanan yang perlu diisi oleh peserta bermula 1 Mac 2014. Setiap peserta dikehendaki mencatat serta mengesahkan nilai jualan bulanan mereka pada borang tersebut dan mengembalikannya kepada pegawai di Pejabat Negeri</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>sedia ada untuk menjalankan kerja pengubahsuaian dan pembekalan barangan dengan syarat harga yang dikenakan oleh kontraktor dan pembekal yang dipilih lebih murah dan mesti melalui konsultan;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• tidak dibenarkan menarik diri selepas menyertai Program TUKAR;</li> <li>• diwajibkan menghantar laporan jualan secara bulanan bagi setiap akhir bulan untuk rekod dan rujukan; dan</li> <li>• perlu menandatangani Aku Janji sebagai pengesahan menyertai program TUKAR.</li> </ul>	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.
6.5.1.3.a.ii	<p>Pihak Audit telah memilih 70 peserta yang menyertai Program TUKAR di 5 buah negeri untuk mendapatkan maklumat mengenai pencapaian nilai jualan. Bagaimanapun hanya 60 kedai peserta dapat dilawati oleh pasukan Audit kerana 10 kedai tidak beroperasi ketika lawatan. Memandangkan tiada dokumen secara bertulis mengenai laporan jualan disediakan oleh peserta, maka pihak Audit telah mengadakan temu bual untuk mendapatkan maklumat tersebut. Hasil temu bual dengan peserta, mendapati sebanyak 39 (56%) dari 70 kedai peserta yang di pilih untuk di Audit menunjukkan peningkatan jualan manakala 18 (26%) tidak menunjukkan perubahan serta mengalami penurunan penjualan antaranya disebabkan persaingan dengan pasar raya yang berdekatan. Di samping itu penurunan jualan antaranya adalah disebabkan kesukaran untuk mendapatkan stok barang jualan. Sebanyak 3 kedai peserta tidak mempunyai maklumat kerana keengganan memberi maklumat jualan kedai mereka.</p> <p>Bagi meningkatkan lagi prestasi jualan, pelbagai aktiviti telah dirancang dan di antaranya adalah setiap peserta TUKAR akan diwajibkan untuk menghadiri Sesi Latihan TUKAR Fasa 1, Fasa 2 dan POS yang dianjurkan oleh KPDNKK dan konsultan. Bagi memastikan kehadiran peserta, KPDNKK bercadang untuk memberi insentif kehadiran seperti menanggung kos pengangkutan dan wang saku sebagai ganti rugi kepada peserta akibat terpaksa menutup perniagaan pada hari tersebut. Peserta TUKAR yang berjaya akan dijemput untuk berkongsi pengalaman dalam setiap siri latihan yang diadakan.</p>	
6.5.1.3.a.iii	<p>Analisis lanjut terhadap 39 kedai peserta yang menunjukkan peningkatan jualan mendapati 23 (59%) mencatat nilai jualan melebihi 50% dan sebanyak 16 (41%) mencatat nilai jualan antara 1% hingga 49%. Bagaimanapun, terdapat perbezaan maklumat prestasi nilai jualan yang diperolehi oleh pasukan Audit dengan maklumat yang dikemukakan oleh pihak KPDNKK.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
6.5.1.3.a.iv	<p>Di antara sebab berlakunya perbezaan maklumat ini adalah laporan jualan bulanan kedai peserta yang diperolehi itu hanya melalui temubual dengan peserta tanpa melalui dokumen yang direkod oleh peserta tersebut. Semakan Audit mendapati tiada bukti menunjukkan peserta yang dilawati itu ada mengemukakan dokumen laporan jualan bulanan kepada pihak PPDNKK Negeri dan pihak konsultan bagi tujuan rekod.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan Yang Diterima Pada 29 November 2013</p> <p>Sumber maklumat tersebut adalah melalui maklumat yang dikemukakan oleh Pejabat PPDNKK Negeri. Laporan Jualan Bulanan oleh pekedai diselenggara oleh semua PPDNKK Negeri. Laporan Jualan Bulanan direkodkan melalui temu bual dengan pekedai. Ketepatan sesuatu maklumat bergantung kepada kejujuran pekedai. Maklumat tersebut tidak direkodkan secara formal kerana tidak mahu menghalang penyertaan daripada peserta yang menganggap perniagaan mereka akan dipantau oleh Kerajaan. Bagi Koperasi, nilai perolehan koperasi perlu dilaporkan kepada SKM selaras dengan peraturan koperasi sedia ada. Bagi langkah jangka pendek, KPDNKK akan menyediakan templat untuk diisi oleh peserta sebagai bukti pengesahan jualan bulanan oleh peserta. Bagi langkah jangka panjang pula, jualan boleh dipantau melalui pelaksanaan GST.</p> <p>Pada pendapat Audit, peserta perlu digalakkan untuk mengemukakan maklumat secara bertulis bagi memastikan maklumat tersebut adalah tepat dan betul.</p>	
6.5.1.3.b.i	<p><b>Prestasi Kedai Yang Menyertai Program TUKAR - Status Kedai TUKAR</b></p> <p>Dari 70 buah kedai milik peserta yang dipilih untuk tujuan pengauditan, pihak Audit mendapati sebanyak 10 peserta tidak lagi menjalankan perniagaannya.</p>	
6.5.1.3.b.ii	<p>Berdasarkan temu bual dengan para peniaga lain yang menyertai program TUKAR, antara punca jualan barangan di kedai peserta kurang mendapat sambutan sehingga ada yang terpaksa ditutup atau bertukar milik adalah disebabkan persaingan dengan pasaraya berdekatan; kesukaran mendapat stok barang jualan serta keengganan pembekal menerima kembali barang-barang yang rosak serta tamat tempoh; lokasi kedai tidak sesuai; dan keutamaan Program TUKAR kepada kerja-kerja naik taraf kedai berbanding bantuan modal bagi menambah stok barangan jualan.</p>	



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
6.5.1.3.b.iii	<p>Selain itu, temu bual dengan pegawai-pegawai KPDNKK menyatakan masalah perniagaan ditutup dan berpindah milik berlaku disebabkan peniaga menghadapi kekurangan modal dan klausa dalam perjanjian pinjaman tidak terdapat larangan kepada peserta TUKAR untuk menjual dalam tempoh perjanjian berkuat kuasa.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan Yang Diterima Pada 29 November 2013</p> <p>Maklumat adalah seperti di Lampiran No.4. Kit TUKAR merupakan garis panduan kepada semua pihak yang terlibat dalam pelaksanaan program TUKAR. Kit tersebut tidak menggariskan sebarang kaedah pengoperasian yang perlu dipatuhi seperti masa operasi, pindah milik dan sebagainya.</p> <p>Bersetuju dengan syor Audit supaya perjanjian penyertaan program ini perlu meletakkan syarat bahawa pekedai tidak boleh menukar milik atau menjual kedai mereka kepada pihak lain tanpa persetujuan KPDNKK terlebih dahulu. KPDNKK berpandangan bahawa syarat tersebut boleh diguna pakai dengan memadai peserta memaklumkan dan bukannya memohon persetujuan PPDNKK Negeri mengenai penukaran tersebut. KPDNKK akan mendapatkan pengesahan maklumat pindah milik syarikat daripada SSM.</p> <p>Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kebanyakan peserta kedai runcit yang menyertai Program TUKAR adalah memuaskan walaupun terdapat beberapa kedai yang tidak beroperasi dan menghadapi kemerosotan nilai jualan.</p>	<p>KPDNKK telah menyediakan kertas cadangan untuk mengubah struktur pinjaman peserta sedia ada iaitu dari RM50,000 (ubahsuai) : RM30,000 (stok) kepada RM40,000 (ubahsuai) : RM40,000 (stok). Perubahan struktur ini akan memberikan peserta lebih banyak pembiayaan modal pusingan untuk operasi perniagaan mereka. Kertas ini akan dibentangkan kepada Mesyuarat Jawatan Kuasa Pemandu NKEA Borong dan Runcit yang akan dipengerusikan oleh YB Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.</p>
6.5.2.1.a	<p><b>Pengurusan Pinjaman Membiayai Program TUKAR - Surat Perjanjian Pinjaman</b></p> <p>Surat tawaran pinjaman oleh Bank Rakyat, hendaklah ditandatangani dalam tempoh 14 hari dari tarikh surat tawaran tersebut sebagai tanda persetujuan dan dokumen perjanjian hendaklah ditandatangani dalam tempoh 30 hari dari tarikh persetujuan. Pihak konsultan hanya boleh menjalankan kerja-kerja ubahsuai selepas perjanjian tersebut ditandatangani.</p>	<p>Pada tahun 2011, semua konsultan dibenarkan untuk menjalankan kerja-kerja pengubahsuaian sebelum perjanjian pinjaman. Langkah ini bagi mempercepatkan pelaksanaan program. Walau bagaimanapun, mulai tahun 2012 kerja pengubahsuaian hanya boleh dilaksanakan setelah perjanjian ditandatangani oleh peserta. Sehingga kini, tiada lagi kes sedemikian dilaporkan.</p>
6.5.2.1.b	<p>Semakan Audit mendapati 3 kedai peserta telah diubahsuai yang berjumlah RM138,572 dan diberi perkhidmatan susun atur oleh konsultan yang dilantik walaupun perjanjian pinjaman belum ditandatangani antara peserta dengan Bank Rakyat.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Kepenggunaan Yang Diterima Pada 29 November 2013</p> <p>Pada tahun 2011, semua konsultan dibenarkan untuk menjalankan kerja-kerja pengubahsuaian sebelum perjanjian pinjaman. Langkah ini bagi mempercepatkan pelaksanaan program. Walau bagaimanapun, penambahbaikan telah dibuat setelah mendapati wujudnya risiko peserta tidak menandatangani perjanjian pinjaman setelah kerja pengubahsuaian dilaksanakan seperti yang terdapat dalam Kit TUKAR Versi 2.1/2011 dan Kit TUKAR Versi 3/2013.</p> <p>Pada pendapat Audit, perjanjian pinjaman adalah ikatan perundangan di antara peminjam dengan pemberi pinjam. Ianya hendaklah ditandatangani dan didokumenkan agar menjadi satu ikatan yang sah di sisi undang-undang dan syarat-syarat pinjaman dapat dikuatkuasakan.</p>	
<b>6.5.2.2.a</b>	<p><b>Bayaran Balik Pinjaman</b></p> <p>Berdasarkan dokumen perjanjian, tempoh bayaran balik pinjaman adalah tidak melebihi 15 tahun atau umur peminjam tidak melebihi 60 tahun. Surat perjanjian juga menetapkan bahawa peminjam perlu menjelaskan bayaran pertama selepas 3 hingga 6 bulan dari tarikh dokumen perjanjian ditandatangani.</p>	Maklum balas terkini mengenai tindakan yang telah diambil terhadap peserta TUKAR boleh dirujuk di halaman 79.
<b>6.5.2.2.b</b>	<p>Didapati pada 31 Disember 2013, sebanyak 11 peserta kedai TUKAR mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman antara 6 hingga 21 bulan yang secara keseluruhannya berjumlah RM76,875.</p>	
<b>6.5.2.2.c</b>	<p>Berdasarkan kepada perenggan 5 (Obligasi Bank Rakyat) klausa 5.8 dalam Perjanjian Kerjasama Transformasi Kedai Runcit Dan Pemodenan Bengkel Automotif antara Kerajaan dan Bank Rakyat, Bank Rakyat memaklumkan akan melaksanakan tindakan undang-undang ke atas pelanggan yang gagal menjelaskan pinjaman tersebut atau gagal membuat ansuran bulanan sehingga ke peringkat sepatutnya. Di samping itu, pihak Audit juga dimaklumkan bahawa Bank Rakyat dibenarkan mengeluarkan Surat Peringatan Pertama kepada peserta yang mempunyai tunggakan bayaran balik setelah melebihi tempoh 6 bulan pinjaman tak dibayar. Manakala tindakan lain seperti amaran dan penyitaan hanya boleh dibuat atas kebenaran pihak KPDNKK.</p>	
<b>6.5.2.2.d</b>	<p>Semakan Audit mendapati dari 11 senarai peserta TUKAR yang mempunyai tunggakan melebihi 6 bulan, tiada bukti menunjukkan sebarang tindakan undang-undang diambil ke atas 3 peserta seperti di jadual di atas.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Maklum Balas Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan Yang Diterima Pada 29 November 2013</p> <p>Agensi pembiaya boleh mengambil tindakan undang-undang kepada pekedai yang gagal menjelaskan bayaran balik pinjaman. Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Bil. 7/2012 (Perkara 3.1.1. (v)) pada 27 September 2012 bersetuju supaya Bank Rakyat perlu mengeluarkan notis tuntutan bayaran sebelum tindakan diambil. Manakala Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu NKEA Bil. 8/2012 (Perkara 3.1.1 (vi)) pada 1 November 2012 telah bersetuju supaya tempoh bagi NPL pinjaman ialah selepas 6 bulan. Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Bil. 1/2013 (Perkara 3.1.1 (vii)) pada 10 Januari 2013 bersetuju supaya cadangan pembayaran secara mingguan akan dilaksanakan kepada peserta NPL sebagai langkah alternatif untuk mengutip bayaran balik pinjaman secara <i>case by case</i>. Peserta yang telah dikategorikan sebagai pinjaman tidak berbayar (lebih 6 bulan) perlu diselidik terlebih dahulu mengenai alasan ansuran pinjaman tidak boleh dibayar sebelum tindakan undang-undang diambil.</p>	
6.5.3.2.a.ii	<p><b>Peranan Konsultan - Kesukaran Mendapat Stok Barang Jualan</b></p> <p>Semasa lawatan pihak Audit mendapati beberapa peserta menghadapi kekurangan bekalan barangan jualan disebabkan kesukaran mendapat stok bekalan barang-barang pada harga yang berpatutan. Pihak Audit tidak dapat memastikan sama ada peserta mendapat bimbingan atau nasihat dari pihak konsultan secara berterusan memandangkan tiada maklumat mengenainya dikemukakan oleh peserta. Pihak Audit juga dimaklumkan terdapat sebilangan peserta tidak memaksimumkan pulangan yang diperolehi, hasil dari jualan stok awal untuk dijadikan modal pusingan bagi pembelian stok seterusnya.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan Yang Diterima Pada 29 November 2013</p> <p>Peserta dibenarkan menggunakan RM30,000 daripada keseluruhan pinjaman bagi tujuan pembelian stok perniagaan. Dalam hal ini, para peserta sepatutnya memaksimumkan pulangan ke atas jualan stok terbabit sebagai modal pusingan untuk pembelian stok seterusnya. Peserta diberi pilihan untuk mendapatkan bekalan stok daripada pembekal sedia ada ataupun konsultan masing-masing. Konsultan boleh memberi khidmat nasihat bagi mendapatkan bekalan barangan yang berterusan tanpa sebarang caj. Jika sekiranya peserta memerlukan modal tambahan, para peserta juga boleh mendapatkan pembiayaan daripada agensi pembiaya yang lain untuk membeli stok barangan. Namun begitu, urusan pembelian stok adalah</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	berdasarkan persetujuan <i>business to business</i> antara peserta dengan pembekal.	
6.5.3.2.b.ii	<p><b>Peniaga Tidak Menjalani Latihan</b></p> <p>Temu bual dengan peserta TUKAR mendapati daripada 60 kedai peserta yang dilawati, seramai 15 (25%) peserta telah menjalani latihan manakala seramai 45 (75%) peserta lagi tidak mendapat latihan yang sewajarnya disebabkan masalah ketiadaan pembantu untuk menguruskan perniagaan ketika menghadiri latihan, lokasi latihan yang jauh, masalah pengangkutan serta masalah kesihatan.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan Yang Diterima Pada 29 November 2013</p> <p>Semua peserta TUKAR telah diminta untuk menghadiri latihan TUKAR yang dianjurkan oleh KPDNKK dan konsultan. Kebanyakan peserta tidak dapat menghadiri latihan TUKAR yang dianjurkan antara lain adalah kerana peserta perlu menutup perniagaan disebabkan tiada pembantu dalam menguruskan kedai, lokasi latihan yang jauh, masalah pengangkutan untuk menghadiri latihan serta masalah kesihatan. Sebagai tindakan pembaikan setiap peserta TUKAR akan diwajibkan untuk menghadiri Sesi Latihan TUKAR Fasa 1, Fasa 2 dan <i>Point of Sale</i> yang dianjurkan oleh KPDNKK dan konsultan. Bagi memastikan kehadiran peserta, KPDNKK bercadang untuk memberi insentif kehadiran seperti menanggung kos pengangkutan dan wang saku sebagai ganti rugi kepada peserta akibat terpaksa menutup perniagaan pada hari tersebut. Peserta TUKAR yang berjaya akan dijemput untuk berkongsi pengalaman dalam setiap siri latihan yang diadakan.</p> <p>Pada pendapat Audit, pihak konsultan perlu memantau masalah bekalan barang-barang di kalangan peserta-peserta TUKAR. Pendekatan pihak konsultan dalam menyediakan latihan perlu dikaji semula agar bersesuaian dengan keadaan persekitaran peserta. Di samping itu bimbingan dan latihan yang berterusan perlu diberi kepada peserta.</p>	<p>Bagi perancangan latihan TUKAR tahun 2014, kaedah pelaksanaan latihan telah ditambah baik dengan menggabungkan sesi latihan Sistem POS supaya diadakan bersekali dengan latihan asas peruncitan. Melalui pelaksanaan ini, peserta hanya perlu menghadiri satu sesi latihan yang komprehensif. Bagi tahun 2014, sesi latihan TUKAR akan diadakan sebanyak 12 Siri bagi Sesi Latihan Fasa 1 dan 6 Siri bagi Sesi Latihan Fasa 2 yang akan bermula pada 15 Mac 2014.</p>
6.5.4.1.a.i	<p><b>Pengurusan Program TUKAR - Skop Pembiayaan Program TUKAR - Pembekalan Mesin Dan Peralatan - Sistem Point Of Sales (POS)</b></p> <p>Sistem POS adalah peralatan wajib yang perlu ada di kedai-kedai yang menyertai Program TUKAR. Sistem ini membantu pemilik kedai memantau nilai jualan dan stok barang dengan lebih cekap, sistematik dan teratur. Sistem ini meliputi sistem <i>bar code</i> dan pangkalan data inventori yang boleh dihubungkan terus dengan pihak konsultan. Konsultan akan menentukan kontraktor yang akan membekal peralatan ini. Kos penyediaan sistem POS adalah antara RM4, 950 sehingga RM13, 000.</p>	<p>Bagi perancangan latihan TUKAR tahun 2014, kaedah pelaksanaan latihan telah ditambah baik dengan menggabungkan sesi latihan Sistem POS supaya diadakan bersekali dengan latihan asas peruncitan. Melalui pelaksanaan ini, peserta hanya perlu menghadiri satu sesi yang komprehensif. Sewaktu sesi latihan ini, pembekal sistem POS akan mengendalikan latihan secara <i>hands-on</i> supaya peserta boleh membuat</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
6.5.4.1.a.ii	Lawatan Audit mendapati semua kedai peserta telah dibekalkan peralatan sistem POS seperti yang terdapat dalam pakej Program TUKAR. Semakan Audit seterusnya mendapati sebanyak 32 (53%) daripada 60 kedai peserta yang beroperasi semasa lawatan Audit tidak menggunakan sistem POS dalam operasi harian kedai runcit mereka.	latihan penggunaan sistem POS secara praktikal.
6.5.4.1.a.iii	<p>Temu bual dengan pemilik kedai menyatakan antara sebab sistem POS tidak digunakan adalah seperti faktor usia lanjut yang sukar untuk memahami dan menggunakan sistem ini serta pembekal tidak memberi latihan secukupnya. Ini mengakibatkan fungsi sistem POS seperti memantau nilai jualan dan stok barang, penggunaan sistem <i>bar code</i> serta pangkalan data inventori yang boleh dihubung terus dengan pihak konsultan tidak dapat digunakan.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan Yang Diterima Pada 29 November 2013</p> <p>Sistem POS yang dibekalkan mengandungi maklumat asas barang yang dijual di kedai peserta. Setiap peserta dikehendaki menjalani sesi latihan yang dijalankan oleh pembekal dan boleh menghubungi pembekal pada bila-bila masa sekiranya menghadapi masalah di dalam penggunaan sistem POS tersebut. Sistem POS bukanlah <i>ultimate goal</i> dalam pelaksanaan TUKAR. Ianya merupakan sebahagian daripada keseluruhan proses transformasi kedai dan peserta. Namun, sebagai langkah pembaikan, sesi latihan penggunaan sistem POS akan diteruskan kepada peserta. KPDNKK akan sentiasa menggalakkan peserta untuk menggunakan sistem POS tersebut dalam operasi harian kedai bagi membantu meningkatkan nilai jualan peserta TUKAR. KPDNKK juga akan mengadakan perbincangan dengan konsultan dan <i>service provider</i> bagi mencari mekanisme terbaik supaya sistem POS diguna pakai oleh peserta.</p> <p>Pada pendapat Audit, kaedah latihan yang berterusan sehingga peserta TUKAR benar-benar memahami cara penggunaan sistem POS boleh dilaksanakan agar peserta dapat menggunakan sistem tersebut sepenuhnya.</p>	
6.5.5.1.a	<p><b>Pengurusan Kedai Runcit TUKAR - Susun Atur Barangan Dan Kebersihan Kedai</b></p> <p>Susun atur barangan jualan yang kemas dan menarik adalah perkara yang menjadi keutamaan di semua kedai runcit. Adalah menjadi peranan konsultan memberi idea dan khidmat nasihat berterusan kepada peserta TUKAR supaya membuat susun atur barangan yang terbaik. Selain itu, kedai-kedai perlu sentiasa bersih untuk menarik</p>	Pemantauan secara berkala akan terus dilaksanakan oleh PPDNKK Negeri dan konsultan. Konsultan juga telah dimaklumkan mengenai pemantauan berkala yang perlu terus dilaksanakan sewaktu Mesyuarat Jawatankuasa Kerja TUKAR bil.5/2013 bertarikh 19 Disember 2013.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	minat pelanggan di samping menghalang pembiakan binatang perosak seperti tikus dan lipas.	
<b>6.5.5.1.b</b>	<p>Lawatan Audit di kedai-kedai TUKAR mendapati 22 peserta tidak mematuhi susunan atur barangan yang baik di kedai masing-masing. Selain itu, beberapa peserta didapati tidak menjaga kebersihan kedai. Pemerhatian Audit mendapati barangan dalam keadaan berselerak dan bercampur; terdapat kotoran; kesan-kesan habuk di rak, kaunter dan lantai; barang-barang tidak diletak di gondola dan kedai berbau kurang menyenangkan. Bagaimanapun selepas mendapat teguran, lawatan kali kedua oleh pihak Audit ke atas 2 kedai yang terlibat menunjukkan terdapat perubahan yang positif dari segi penyusunan barang-barang.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan Yang Diterima Pada 29 November 2013</p> <p>KPDNKK telah memasukkan elemen pengurusan inventori dan pemasaran perniagaan kepada peserta melalui Sesi Latihan TUKAR Fasa 1 dan 2 yang dianjurkan untuk meningkatkan daya saing dan komitmen para peserta dalam menguruskan perniagaan. Selain itu, pihak konsultan juga telah membekalkan cadangan planogram kepada peserta dan membantu menyusun atur barangan di kedai peserta. Namun begitu, perubahan minda dalam menguruskan perniagaan dengan lebih cekap adalah bergantung kepada kesediaan peserta untuk menerima dan melaksanakan perubahan. KPDNKK dan pihak konsultan akan menasihati peserta dan membuat naziran berkala ke atas kedai yang bermasalah.</p> <p>Pada pendapat Audit, pemantauan dan penyeliaan yang berterusan oleh pihak KPDNKK mahupun SKM diperlukan bagi memastikan kedai-kedai di bawah program TUKAR mempunyai susun atur yang baik di samping kebersihan dijaga untuk menarik minat pelanggan membeli di kedai TUKAR.</p>	
<b>6.5.5.2.a</b>	<p><b>Keselamatan Dan Kualiti Barangan Jualan</b></p> <p>Antara amalan baik yang sepatutnya diterapkan di kalangan peserta TUKAR adalah menjual barang-barang berkualiti bagi menjamin keselamatan dan kesihatan pengguna. Penjualan barang-barang yang tidak berkualiti, rosak serta tamat tempoh menjejaskan keyakinan pelanggan terhadap kedai mereka.</p>	Pemantauan secara berkala akan terus dilaksanakan oleh KPDNKK Negeri dan konsultan.
<b>6.5.5.2.b</b>	Lawatan Audit mendapati seramai 7 peserta menjual barangan tamat tarikh luput dan rosak.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
6.5.5.2.c	<p>Namun begitu, ada peserta yang mengasingkan barangan yang telah tamat tarikh luputnya di rak berasingan namun tidak dapat dikembalikan kepada pembekal disebabkan tiada perjanjian mengenai pengembalian barangan yang telah tamat tarikh luput disediakan.</p> <p>Pada pendapat Audit, pihak KPDNKK dengan bantuan konsultan perlu memantau kualiti dan tahap keselamatan barangan jualan di kedai TUKAR secara berkala.</p>	
6.5.6.1	<p><b>Status Hakmilik Kedai</b></p> <p>Pemilik kedai runcit yang layak menyertai Program TUKAR perlu memenuhi syarat yang telah ditetapkan. Tujuannya adalah untuk menjamin perniagaan tersebut berdaya maju dan beroperasi tanpa sebarang masalah. Bagaimanapun syarat permohonan pinjaman Program TUKAR tidak memasukkan status hak milik premis kedai runcit sebagai salah satu syarat kelayakan.</p>	<p>KPDNKK tidak meletakkan syarat pemilikan kedai sebagai salah satu daripada syarat wajib penyertaan TUKAR. Ini kerana sekiranya syarat pemilikan premis dijadikan syarat wajib, ianya akan membantutkan penyertaan peserta kerana kebanyakan peserta tidak mampu untuk memiliki premis sendiri.</p>
6.5.6.2	<p>Lawatan Audit ke 60 peserta kedai runcit yang menjalankan operasi mendapati sebanyak 32 (53%) kedai peserta yang menyertai Program TUKAR merupakan kedai yang disewa daripada pemilik bangunan seperti Pihak Berkuasa Tempatan, Pemaju Hartanah, orang perseorangan, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan sebagainya. Hasil temu bual mendapati pekedai-pekedai tersebut menyewa antara 1 hingga 3 tahun dan tempoh penyewaan boleh disambung atas persetujuan kedua-dua belah pihak.</p>	
6.5.6.3	<p>Kriteria hak milik kedai adalah penting memandangkan tempoh penyewaan kedai lebih singkat berbanding tempoh bayaran balik pinjaman kepada Bank Rakyat atau koperasi-koperasi khas iaitu KOP-PUSAMAJU dan KOSURIA. Selain itu, peserta TUKAR terdedah kepada risiko premis perniagaan diambil semula oleh pemilik asal seperti yang dibenarkan dalam perjanjian penyewaan mereka sebelum bayaran pinjaman dapat diselesaikan.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan Yang Diterima Pada 29 November 2013</p> <p>KPDNKK tidak menetapkan apa-apa syarat sama ada kedai milik sendiri atau disewa untuk menyertai program TUKAR. KPDNKK dan konsultan sentiasa menasihatkan peserta yang menyewa premis supaya memanjangkan tempoh sewaan sebelum menyertai program ini. Namun persetujuan untuk memanjangkan tempoh sewaan bergantung kepada perbincangan antara peserta dengan pemilik premis.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pada pendapat Audit, status hak milik premis kedai runcit perlu diletakkan sebagai salah satu daripada syarat permohonan pinjaman Program TUKAR. Ini adalah kerana tempoh pemilikan premis oleh peserta boleh memberi kesan kepada prestasi perniagaan.</p>	
<p><b>6.5.7.2.a</b></p>	<p><b>Pemantauan - Peringkat Negeri/Lapangan</b></p> <p>Pejabat KPDNKK negeri ada menghantar laporan status pencapaian bilangan kedai yang telah menyertai Program TUKAR setiap bulan kepada Unit DMO, KPDNKK. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati tiada laporan pemantauan dibuat terhadap kemajuan atau prestasi peserta Program TUKAR selepas mereka menyertai program ini. Adalah didapati juga mesyuarat penyelarasan antara Pejabat KPDNKK Negeri, SKM, Bank Rakyat, koperasi-koperasi khas dan konsultan di negeri-negeri tidak dilakukan secara berkala dan bergantung kepada Pejabat KPDNKK Negeri.</p>	<p>KPDNKK akan mula menggunakan templat maklumat jualan bulanan yang perlu diisi oleh peserta bermula 1 Mac 2014. Setiap peserta dikehendaki mencatat serta mengesahkan nilai jualan bulanan mereka pada borang tersebut dan mengembalikannya kepada pegawai di Pejabat Negeri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.</p>
<p><b>6.5.7.2.b</b></p>	<p>Selain itu, KPDNKK ada menyediakan Borang Penilaian Projek TUKAR yang mana pegawai-pegawai KPDNKK akan membuat pemantauan di kedai-kedai TUKAR dan membuat laporannya. Antara aspek yang dinilai adalah dari segi keterampilan fizikal, mesin dan peralatan, perkhidmatan konsultan/ kontraktor serta penilaian selepas pemodenan kedai TUKAR. Semakan Audit mendapati sungguhpun pemantauan ada dilakukan, namun ia tidak dibuat secara berterusan pada setiap bulan serta tidak semua borang penilaian diisi semasa pemantauan dilakukan.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan Yang Diterima Pada 29 November 2013.</p> <p>Langkah pemantauan yang dilaksanakan oleh KPDNKK adalah seperti berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Jawatankuasa Pemandu NKEA Borong dan Runcit dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri KPDNKK dan diadakan pada setiap 3 bulan.</li> <li>2. Jawatankuasa Kerja TUKAR dengan semua konsultan diadakan pada setiap bulan untuk membincangkan isu pelaksanaan program TUKAR.</li> <li>3. Jawatankuasa Kelulusan Pukal Program TUKAR dan ATOM diadakan setiap minggu dengan Bank Rakyat bagi membincangkan dan memberi kelulusan permohonan pembiayaan TUKAR dan ATOM. Selain itu, Bank Rakyat akan turut membentangkan prestasi NPL peserta yang terlibat.</li> <li>4. Laporan prestasi kemajuan program TUKAR dikemukakan setiap minggu oleh PPDNKK Negeri dan SKM kepada DMO.</li> </ol>	



6.5.2.2.a Maklum balas terkini mengenai tindakan yang telah diambil terhadap peserta TUKAR:-

BIL.	SENARAI KEDAI	AGEN PEMBIAYA PINJAMAN	JUMLAH PINJAMAN DILULUSKAN (RM)	BAKI TERTUNGGAK (RM)	BILANGAN BULAN TERTUNGGAK	STATUS TINDAKAN UNDANG-UNDANG
1	PPDNKK(M) 800-10/4/(10) (Melaka)	Bank Rakyat	60,000	4,878	11	Tindakan Guaman
2	PPDNKK(M) 800-10/4/(2) (Melaka)	Bank Rakyat	60,000	5,689	8	Tindakan Guaman
3	PPDNKK(M) 800-10/4/(12) (Melaka)	Bank Rakyat	57,237	4,122	9	Tindakan Guaman - <i>Notice of Demand</i> dan Saman
4	TUKAR/2012/008 (Sabah)	KOP-PUSAMAJU	80,000	7,733	12	Tindakan Guaman
5	TUKAR/2012/007 (Sabah)	KOP-PUSAMAJU	80,000	7,088	11	Surat amaran telah dikeluarkan pada 9 Januari 2014
6	KSMB/40/TUKAR/1(1) (Johor)	KOSURIA	69,399	8,232	17	Notis peringatan telah dikeluarkan pada 7 Januari 2014
7	PPDNKK.SGT-/ 26MHBN/490/ 04/15-04 (Johor)	Bank Rakyat	60,000	13,018	21	Tindakan Guaman - Penghakiman Ingkar
8	PPDNKK.J-JB (TUKAR)/05 (Johor)	Bank Rakyat	30,898	3,371	12	Tindakan Guaman - Penghakiman Ingkar
9	PPDNKK.Kaj. 800-1/10/1 (Selangor)	Bank Rakyat	60,000	12,723	16	Tindakan Guaman - <i>Notice of Demand</i>
10	KSMB/40/TUKAR/ 4(5) (Selangor)	KOSURIA	83,633	3,501	6	Notis peringatan telah dikeluarkan pada 22 Januari 2014
11	PPDNKK.SPG. 700-2/7/4/2012 (Selangor)	Bank Rakyat	80,000	6,520	12	Tindakan Guaman - <i>Notice of Demand</i>

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 1 TAHUN 2013**

**KEMENTERIAN KERJA RAYA**

**Perenggan 7 : Projek Membaik Pulih Dan Menaik Taraf Jalan Alor Setar - Kuala Nerang - Durian Burung, Kedah**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
7.5.1.1.a	<p><b>Prestasi Projek - Pencapaian Fizikal</b></p> <p>Mengikut syarat kontrak, tarikh siap asal projek ini adalah pada 17 September 2009. Bagaimanapun, projek ini hanya dapat disiapkan pada 28 Oktober 2012 iaitu selepas 4 lanjutan masa diluluskan kepada kontraktor melibatkan 1,137 hari atau 3 tahun. Tiada denda kelewatan dikenakan kepada kontraktor memandangkan projek telah dapat disiapkan dalam tempoh lanjutan masa yang diluluskan.</p>	<p>a. <u>Proses Pengambilan Balik Tanah</u></p> <p>Proses pengambilan balik tanah bermula daripada permohonan JKR kepada Pejabat Tanah Dan Galian (PTG) sehingga cek bayaran pampasan dikeluarkan melibatkan 3 daerah iaitu Daerah Kota Setar, Pokok Sena dan Padang Terap. Pengambilan balik tanah dilakukan secara berfasa iaitu:-</p> <p>i. Fasa I melibatkan segmen 1 dan 2; ii. Fasa II melibatkan segmen 3 dan 4; dan iii. Fasa III melibatkan segmen 2, 3 dan 4.</p> <p>Selain daripada itu, terdapat juga lot-lot yang terdicir yang hanya dikenal pasti semasa pembinaan. Pihak JKR juga bersetuju dengan pendapat Audit bahawa penyelesaian pengambilan balik tanah dalam tempoh 9 bulan adalah tidak praktikal memandangkan jajaran projek ini melibatkan 48 km dan sejumlah 830 lot tanah. Pihak JKR telah memaklumkan kepada Kerajaan Negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri Kedah agar mempercepatkan proses pengambilan balik tanah.</p>
7.5.1.1.b.i	<p><b>Kelewatan Untuk Menyelesaikan Proses Pengambilan Balik Tanah</b></p> <p>Mengikut syarat kontrak, HCM-MOLEK JV adalah bertanggungjawab untuk menyediakan pelan pengambilan balik tanah. Berdasarkan kepada program kerja yang telah diluluskan pada 21 November 2006, tempoh masa yang diambil bagi proses pengambilan balik tanah bagi Segmen 2, 3 dan 4 adalah selama 298 hari atau 9 bulan bermula daripada 18 September 2006. Proses pengambilan balik tanah sepatutnya diselesaikan antara bulan Februari hingga Julai 2007. Bagaimanapun, ia hanya dapat diselesaikan antara bulan Oktober 2010 hingga September 2011. Secara keseluruhannya, pihak Audit mendapati proses pengambilan balik tanah bagi projek ini (Segmen 2, 3 dan 4) telah mengambil masa sehingga 1,613 hari iaitu selama 4 tahun 4 bulan untuk diselesaikan. Kelewatan pengambilan balik tanah ini adalah disebabkan oleh kelewatan dalam proses pewartaan dan terdapat baki 54 lot tanah (Segmen 4) yang masih belum dapat diwartakan sepenuhnya.</p>	
7.5.1.1.b.ii	<p><b>Kelewatan Pengalihan Utiliti</b></p> <p>Pengalihan utiliti bagi projek ini melibatkan Tenaga Nasional Berhad, Telekom Malaysia Berhad dan Syarikat Air Negeri Kedah. Berdasarkan kepada Program Kerja yang telah diluluskan pada 21 November 2006, tempoh masa yang diambil bagi proses pengalihan utiliti bagi Segmen 2, 3 dan 4 adalah selama 176 hari mulai 8 Disember 2006. Proses pengalihan utiliti ini sepatutnya diselesaikan antara bulan Mei hingga Jun 2007. Bagaimanapun, ia hanya dapat diselesaikan sepenuhnya pada 30 September 2011 dan keseluruhan masa yang diambil adalah 1,593 hari</p>	
		<p>b. <u>Pengalihan Utiliti</u></p> <p>Pemantauan dan koordinasi telah dijalankan sebanyak 48 kali melalui beberapa siri mesyuarat (Mesyuarat teknikal, mesyuarat penyelarasan utiliti dan mesyuarat tapak) bagi memastikan proses pengalihan utiliti mengikut tempoh masa yang dijadualkan. Bagaimanapun, pihak utiliti menghadapi kekangan kerana terpaksa menanggung sendiri kos pengalihan tersebut. Bagi mengatasi masalah tersebut, Kerajaan telah</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	atau selama 4 tahun 3 bulan.	
7.5.1.1.c	<p>Mengikut Klausa 45.2, syarat-syarat kontrak, jika kemajuan kerja telah terjejas secara material oleh sebab-sebab sebagaimana yang dinyatakan di fasal 45.1(b), (c), (d), dan (h) dan bukannya oleh sebab lain di mana kontraktor telah menanggung kerugian secara langsung atau perbelanjaan yang dia tidak akan diganti bayar di bawah mana-mana peruntukan lain dalam kontrak ini, maka kontraktor adalah berhak untuk menuntut kerugian secara langsung atau perbelanjaan itu dengan satu anggaran tentang amaun kerugian dan atau perbelanjaan itu tertakluk kepada Fasal 48 syarat-syarat ini. Selaras dengan syarat ini, pihak Audit mendapati HCM-MOLEK JV telah mengemukakan tuntutan bayaran kerugian dan perbelanjaan kepada Kerajaan yang disebabkan oleh kelambatan berjumlah RM30.34 juta pada 22 Januari 2013. Bagaimanapun, tuntutan ini masih di peringkat penilaian oleh Bahagian Ukur Bahan JKR Negeri Kedah sebelum ia diangkat kepada Jawatankuasa Tuntutan.</p> <p>Pada pendapat Audit, penyelesaian pengambilan balik tanah dalam tempoh 9 bulan adalah tidak praktikal yang disebabkan oleh proses pengambilan tanah mengambil masa yang lama dan agak rumit untuk diselesaikan. Ini kerana ia melibatkan pelbagai pihak seperti Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Tanah Negeri Dan Pejabat Tanah Daerah. Proses pengalihan utiliti pula boleh diselesaikan dengan segera sekiranya wujud pemantauan dan koordinasi yang berkesan dengan pihak yang terlibat. Kelewatan menyelesaikan proses pengambilan balik tanah dan pengalihan utiliti telah menyebabkan projek ini mengalami <i>time over run</i> selama 3 tahun. Akibatnya, Kerajaan terpaksa menanggung kos tambahan disebabkan kelulusan lanjutan masa projek ini.</p> <p>Maklum Balas JKR Yang Diterima Pada 13 Februari 2014</p> <p>a. <u>Proses Pengambilan Balik Tanah</u></p> <p>Proses pengambilan balik tanah bermula daripada permohonan JKR kepada Pejabat Tanah Dan Galian (PTG) sehingga cek bayaran pampasan dikeluarkan melibatkan 3 daerah iaitu Daerah Kota Setar, Pokok Sena dan Padang Terap. Pengambilan balik tanah dilakukan secara berfasa iaitu:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Fasa I melibatkan segmen 1 dan 2;</li> <li>ii. Fasa II melibatkan segmen 3 dan 4; dan</li> <li>iii. Fasa III melibatkan segmen 2, 3 dan 4.</li> </ol>	<p>mengeluarkan Garis Panduan Pengalihan Semula Kemudahan Utiliti Dalam Pelaksanaan Program Dan Projek Kerajaan Bil. 2 Tahun 2010 pada 1 November 2010 melalui Unit Penyelarasan Dan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri supaya projek-projek dalam RMKe-10 dapat berjalan dengan lancar. Seterusnya JKR telah mengambil langkah untuk memastikan peruntukan disediakan untuk pengalihan utiliti bagi projek-projek akan datang.</p> <p>c. <u>Tuntutan Kerugian Dan Perbelanjaan Disebabkan Oleh Kelambatan</u></p> <p>Kontraktor telah mengemukakan tuntutan pada 22 Januari 2013 tetapi dokumen sokongan yang disediakan tidak lengkap. Pihak kontraktor hanya mengemukakan dokumen sokongan tambahan melalui surat bertarikh 9 Januari 2014.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Selain daripada itu, terdapat juga lot-lot yang tercicir yang hanya dikenal pasti semasa pembinaan. Pihak JKR juga bersetuju dengan pendapat Audit bahawa penyelesaian pengambilan balik tanah dalam tempoh 9 bulan adalah tidak praktikal memandangkan jajaran projek ini melibatkan 48 km dan sejumlah 830 lot tanah. Pihak JKR telah memaklumkan kepada Kerajaan Negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri Kedah agar mempercepatkan proses pengambilan balik tanah.</p> <p>b. <u>Pengalihan Utiliti</u></p> <p>Pemantauan dan koordinasi telah dijalankan sebanyak 48 kali melalui beberapa siri mesyuarat (Mesyuarat teknikal, mesyuarat penyelarasan utiliti dan mesyuarat tapak) bagi memastikan proses pengalihan utiliti mengikut tempoh masa yang dijadualkan. Bagaimanapun, pihak utiliti menghadapi kekangan kerana terpaksa menanggung sendiri kos pengalihan tersebut. Bagi mengatasi masalah tersebut, Kerajaan telah mengeluarkan Garis Panduan Pengalihan Semula Kemudahan Utiliti Dalam Pelaksanaan Program Dan Projek Kerajaan Bil. 2 Tahun 2010 pada 1 November 2010 melalui Unit Penyelarasan Dan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri supaya projek-projek dalam RMKe-10 dapat berjalan dengan lancar. Seterusnya JKR telah mengambil langkah untuk memastikan peruntukan disediakan untuk pengalihan utiliti bagi projek-projek akan datang.</p> <p>c. <u>Tuntutan Kerugian Dan Perbelanjaan Disebabkan Oleh Kelambatan</u></p> <p>Kontraktor telah mengemukakan tuntutan pada 22 Januari 2013 tetapi dokumen sokongan yang disediakan tidak lengkap. Pihak kontraktor hanya mengemukakan dokumen sokongan tambahan melalui surat bertarikh 9 Januari 2014.</p>	
7.5.2.1.a	<p><b>Pengurusan Projek - Pelantikan Kontraktor</b></p> <p>Pada 5 November 2003, Kementerian Kewangan bersetuju supaya projek Membaik Pulih Dan Menaik Taraf Jalan Alor Setar-Kuala Nerang-Durian Burung ditawarkan secara rundingan terus kepada HCM-MOLEK JV mengikut kaedah bayaran tertanggung. Bagaimanapun, Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 13 Mac 2004 telah memutuskan supaya kelulusan pelaksanaan projek secara rundingan terus kepada HCM-MOLEK JV ditarik balik. Oleh itu, surat bertarikh 5 November 2003 telah dibatalkan. Selanjutnya didapati Unit Perancang Ekonomi (UPE) melalui surat bertarikh 2 November 2004 kepada Kementerian Kewangan</p>	<p>Merujuk kepada surat kelulusan daripada Kementerian Kewangan bertarikh 10 November 2004 (rujukan S/K.KEW/PK/KS/1100/810000/18/07 Jld.2 Sj. 1/4). antaranya menyatakan kerja-kerja awalan dimulakan pada RMKe-8 manakala kerja-kerja pembinaan dilaksanakan pada RMKe-9 (2006 hingga 2010). Oleh yang demikian rundingan harga telah dilaksanakan pada bulan Mac 2006.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	telah bersetuju untuk meneruskan projek ini selaras dengan keputusan Kerajaan untuk melaksanakan projek Kompleks CIQ Sungai Burung. UPE telah memutuskan supaya projek ini ditawarkan kepada syarikat HCM-MOLEK JV secara rundingan terus mengikut kaedah <i>progress payment</i> dengan kerja-kerja awalan dimulakan dalam RMKe-8 dan pembinaannya diteruskan dalam RMKe-9.	<p><u>Pembetulan tarikh surat niat</u></p> <p>Surat niat telah dikeluarkan pada 24 November 2003 dan bukan pada 24 November 2013 sebagaimana yang dicatatkan.</p>
7.5.2.1.b	Selaras dengan keputusan tersebut, rundingan harga telah diadakan di antara JKR dengan kontraktor bagi memuktamadkan harga kontrak sebelum ia dikemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk kelulusan. Pada awalnya, kontraktor telah mengemukakan harga tawaran berjumlah RM253.83 juta berbanding dengan harga tawaran JKR berjumlah RM238.15 juta. Bagaimanapun, selepas beberapa rundingan harga diadakan, harga yang dipersetujui berjumlah RM246.20 juta dengan tempoh siap selama 36 bulan.	
7.5.2.1.c	<p>Mengikut Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 2 Julai 2003, bagi memastikan pelaksanaan projek secara rundingan terus tidak mengalami kelewatan, agensi hendaklah memastikan rundingan dengan kontraktor mengenai skop kerja, reka bentuk, harga dan tempoh siap serta lain-lain dimuktamadkan dalam tempoh 6 bulan selepas Surat Niat dikeluarkan bagi projek yang bernilai melebihi RM10 juta. Tawaran melaksanakan projek ini secara rundingan terus akan terbatal secara automatik jika tempoh tersebut dilangkaui. Semakan Audit mendapati Surat Niat telah dikeluarkan pada 24 November 2003. Tempoh sepatutnya memuktamadkan rundingan harga ialah pada bulan Mei 2004 (6 bulan dari tarikh Surat Niat dikeluarkan) memandangkan projek ini bernilai RM246 juta. Bagaimanapun, adalah didapati mesyuarat rundingan harga di antara JKR dan kontraktor hanya dimulakan pada 26 Mac 2006 dan telah dimuktamadkan pada 25 Mei 2006. Kelulusan Kementerian Kewangan telah diperolehi pada 2 Ogos 2006.</p> <p>Pada pendapat Audit, JKR mengambil masa yang lama untuk memuktamadkan harga rundingan dan telah melangkaui tempoh yang ditetapkan. Bagi projek lain di masa hadapan, JKR perlu memastikan harga rundingan dimuktamadkan dalam tempoh ditetapkan supaya pelaksanaan projek Kerajaan yang diluluskan secara rundingan terus tidak mengalami kelewatan.</p> <p>Maklum Balas JKR Yang Diterima Pada 13 Februari 2014</p> <p>Merujuk kepada surat kelulusan daripada Kementerian Kewangan bertarikh 10 November 2004 (rujukan S/K.KEW/PK/KS/1100/810000/18/07 Jld.2 Sj. 1/4), antaranya menyatakan kerja-kerja awalan dimulakan pada RMKe-8 manakala kerja-kerja pembinaan dilaksanakan pada RMKe-9 (2006 hingga 2010). Oleh yang</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	demikian rundingan harga telah dilaksanakan pada bulan Mac 2006.	
7.5.2.2.a.i	<p><b>Urusan Pengambilan Balik Tanah - Kelewatan Penguatkuasaan Terhadap Premis-premis Yang Ingkar</b></p> <p>Notis Pemberitahuan (Borang K) akan dikeluarkan oleh JKPTG Negeri untuk memaklumkan bahawa pemilikan tanah telah diambil secara rasmi dan pemilik tanah perlu mengosongkan tanah tersebut dengan segera. Pengosongan ini perlu bagi membolehkan kontraktor menjalankan kerja-kerja pembinaan dengan lancar tanpa sebarang halangan. Semakan Audit mendapati pembayaran pampasan kepada ke semua 106 pemilik struktur yang terlibat di Segmen 2, Segmen 3, Segmen 4 dan <i>Missing Link</i> telah dilakukan pada tahun 2007 (antara bulan April hingga Disember 2007). Bagaimanapun, pemilik struktur tersebut masih belum mengosongkan tapak selepas pembayaran dilakukan dan Borang K dikeluarkan.</p>	<p>Surat arahan mengosongkan premis adalah di bawah tanggung jawab Pentadbir Tanah Daerah (PTD) yang berkaitan di bawah Akta Kanun Tanah Negara (KTN) 1969. Mengikut KTN, hanya Pentadbir Tanah sahaja yang diberi kuasa untuk mengusir pemilik premis. Pada setiap kali mesyuarat tapak yang diadakan yang dihadiri oleh PTG dan PTD, pihak JKR telah mengingatkan pihak PTD agar mempercepatkan urusan pengeluaran notis pengosongan premis. Surat Arahan pihak JKR adalah merupakan inisiatif yang diambil secara pentadbiran untuk memberi peringatan kepada pemilik premis ke atas keperluan untuk mengosongkan premis tersebut. Sesalinan surat tersebut telah dipanjangkan kepada PTD.</p>
7.5.2.2.a.ii	<p>Semakan selanjutnya mendapati JKR Negeri Kedah tidak mengeluarkan Surat Arahan Untuk Mengosongkan Tapak dengan segera kepada pemilik struktur sebaik sahaja pembayaran pampasan dilakukan. Sebaliknya, JKR Negeri Kedah hanya mengeluarkan surat arahan tersebut antara bulan April hingga Disember 2008 iaitu antara 144 hingga 534 hari dari tarikh pembayaran pampasan dilakukan. Dengan pengeluaran Surat Arahan Untuk Mengosongkan Tapak ini, pemilik struktur dikehendaki mengosongkan tapak yang terlibat dalam tempoh 14 hari dari tarikh surat dikeluarkan. Bagaimanapun, pemilik struktur masih tidak mengosongkan tanah sebagaimana yang diarahkan. Semakan selanjutnya mendapati HCM-MOLEK JV telah mengemukakan senarai 112 struktur yang menghalang kerja pembinaan jalan kepada JKR Negeri Kedah pada 31 Disember 2008. JKR Negeri Kedah pula telah mengemukakan senarai tersebut kepada Pentadbir Tanah Kota Setar dan Pokok Sena pada 19 Januari 2009 untuk tindakan selanjutnya.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengeluaran Surat Arahan Untuk Mengosongkan Tapak sepatutnya dilakukan dengan lebih awal memandangkan pemilik struktur tersebut telah menerima pampasan. Kelewatan pengosongan struktur ini telah menyumbang kepada kelewatan kerja-kerja pembinaan.</p> <p>Maklum Balas JKR Yang Diterima Pada 13 Februari 2014</p> <p>Surat arahan mengosongkan premis adalah di bawah tanggung jawab Pentadbir Tanah Daerah (PTD) yang berkaitan di bawah Akta Kanun Tanah Negara (KTN) 1969. Mengikut KTN, hanya Pentadbir Tanah sahaja yang diberi kuasa untuk mengusir pemilik premis. Pada setiap kali mesyuarat tapak yang diadakan yang</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>dihadiri oleh PTG dan PTD, pihak JKR telah mengingatkan pihak PTD agar mempercepatkan urusan pengeluaran notis pengosongan premis. Surat Arahan pihak JKR adalah merupakan inisiatif yang diambil secara pentadbiran untuk memberi peringatan kepada pemilik premis ke atas keperluan untuk mengosongkan premis tersebut. Sesalinan surat tersebut telah dipanjangkan kepada PTD.</p>	
<p><b>7.5.2.3</b></p>	<p><b>Kerja Penyelenggaraan Tidak Dilaksanakan</b></p> <p>Tempoh Tanggungan Kecacatan adalah 24 bulan selepas Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Bagi projek ini, Tempoh Tanggungan Kecacatan bermula pada 29 Oktober 2012 dan akan berakhir pada 29 Oktober 2014. Dalam tempoh tanggungan kecacatan tersebut, kontraktor adalah bertanggungjawab terhadap penyelenggaraan jalan. Ini termasuklah memastikan semua longkang dan <i>culvert</i> berfungsi dengan baik dengan membersihkan dan <i>desilting</i> sekurang-kurangnya setiap 2 bulan serta menjalankan kerja pemotongan rumput sebulan sekali. Semasa lawatan Audit pada 18 Jun 2013 di sepanjang lokasi jalan yang diaudit, adalah diperhatikan kontraktor tidak menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan dengan sempurna. Bagaimanapun, kontraktor telah mengambil tindakan selepas teguran Audit.</p> <p>Pada pendapat Audit, penyelenggaraan yang tidak dijalankan dengan sempurna boleh mengakibatkan kemudahan yang dibina tidak dapat berfungsi dengan baik serta menjejaskan ketahanan dan kekuatan jalan. Pada akhirnya, Kerajaan terpaksa menanggung kos yang tinggi untuk kerja-kerja pembaikan di masa hadapan.</p>	<p>JKR akan memastikan kerja-kerja pembaikan dilaksanakan dengan berkualiti dalam tempoh tanggungan kecacatan.</p> <p><u>Penambahan</u></p> <p>Berdasarkan kepada peruntukan dalam kontrak bagi kerja-kerja penyelenggaraan rutin, pihak kontraktor bertanggungjawab sepenuhnya dalam tempoh tanggungan kecacatan selama 2 tahun (24 bulan) yang berakhir pada 27 Oktober 2014 untuk melaksanakan kerja-kerja berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Pembaikan <i>pot holes</i> dan kerosakan turapan;</li> <li>b. Memastikan longkang dan pembentung dicuci dan dibersihkan 2 bulan sekali;</li> <li>c. Pemotongan rumput sepanjang jalan secara notis pusingan sebulan;</li> <li>d. Membaikpulih cerun dantambahkan jika berlaku kerosakan; dan</li> <li>e. Penyelenggaraan terhadap struktur seperti jambatan, perobot jalan serta lain-lain keperluan yang diarahkan oleh Pegawai Penguasa dari masa ke semasa</li> </ol>
<p><b>7.5.2.4</b></p>	<p><b>Kualiti Kerja Yang Tidak Memuaskan</b></p> <p>JKR hendaklah menjalankan pemeriksaan terhadap kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi mengenal pasti ketidaksempurnaan dan kecacatan. Segala aduan yang dibuat perlu diambil tindakan pembaikan oleh kontraktor dalam tempoh yang ditetapkan. Selanjutnya pihak Audit mendapati laporan kerosakan dan kecacatan (<i>defects list</i>) ada disediakan dan tindakan telah diambil oleh kontraktor terhadap perkara yang dilaporkan. Bagaimanapun, lawatan fizikal Audit yang dijalankan pada 18 Jun 2013 mendapati masih terdapat kerja-kerja yang tidak memuaskan. Bagaimanapun, kontraktor telah mengambil tindakan selepas teguran Audit.</p> <p>Pada pendapat Audit, JKR Negeri Kedah perlu melaporkan kerosakan dan kecacatan kerja ini kepada kontraktor dengan segera dan memastikan kontraktor mengambil tindakan pembaikan sebelum tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Maklum Balas JKR Yang Diterima Pada 13 Februari 2014</p> <p>JKR akan memastikan kerja-kerja pembaikan dilaksanakan dengan berkualiti dalam tempoh tanggungan kecacatan.</p>	
7.5.2.6.a	<p><b>Pemantauan Projek - Mesyuarat Tapak</b></p> <p>Mengikut Buku Pentadbiran Kontrak Kerja (Tahun 1998), Mesyuarat Tapak hendaklah diadakan sekurang-kurangnya sekali sebulan bagi kontrak yang melebihi RM0.50 juta. Buku Pentadbiran Kontrak Kerja (Edisi 3) Tahun 2010 pula menetapkan Mesyuarat Tapak hendaklah diadakan sekurang-kurangnya sekali sebulan bagi kontrak kerja yang melebihi RM10 juta. Mesyuarat Tapak hendaklah diadakan dengan lebih kerap lagi bagi sesuatu kontrak jika keadaan memerlukan. Semakan Audit mendapati Mesyuarat Tapak bagi projek ini telah dipengerusikan oleh Pengarah JKR Negeri Kedah atau wakilnya dan dihadiri oleh wakil daripada Pejabat Tanah Dan Galian; pihak utiliti (TNB, Telekom, Petronas Gas dan Syarikat Air Darul Aman); kontraktor dan perunding. Pihak Audit mendapati Mesyuarat Tapak tidak dijalankan sekurang-kurangnya sekali sebulan seperti mana yang ditetapkan. Sepanjang tempoh pembinaan dari tahun 2008 hingga 2012, Mesyuarat Tapak hanya diadakan sebanyak 24 kali di mana mesyuarat pertama telah diadakan pada 6 Februari 2008 dan mesyuarat terakhir telah diadakan pada 15 Oktober 2012.</p>	<p>JKR mengambil maklum terhadap keperluan kekerapan mesyuarat tapak sebagaimana teguran oleh pihak Audit dan akan memastikan mesyuarat-mesyuarat tapak bagi projek yang akan datang diadakan sebulan sekali. Bagaimanapun, JKR telah mengambil inisiatif mengadakan pemantauan secara komprehensif setiap minggu melalui Mesyuarat Pemantauan Baki Kerja bermula dari bulan Jun 2012 sehingga siap pada 28 Oktober 2012.</p>
7.5.2.6.b	<p><b>Mesyuarat Utiliti</b></p> <p>Mesyuarat Utiliti diadakan bagi membincang kemajuan kerja-kerja utiliti bagi projek ini. Semakan Audit mendapati Mesyuarat Utiliti telah diadakan sebanyak 24 kali di mana mesyuarat utiliti pertama telah diadakan pada 7 Disember 2006 dan Mesyuarat Utiliti terakhir telah diadakan pada 5 April 2012. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Pengarah JKR Negeri Kedah atau wakilnya serta dihadiri oleh wakil kontraktor, jurutera perunding dan pihak Utiliti.</p>	
7.5.2.6.c	<p><b>Buku Harian Tapak</b></p> <p>Arahan Ketua Pengarah Kerja Raya Bil. 4 Tahun 1998 menetapkan Buku Harian Tapak Bina perlu dilengkapkan setiap kali kerja pembinaan dilakukan. Buku Harian Tapak Bina adalah dokumen penting yang perlu di selenggara dan direkodkan setiap hari. Surat Arahan ini juga menyatakan Buku Harian Tapak Bina hendaklah disemak oleh Pengarah Projek/Pegawai Penguasa dan lain-lain pegawai atasan setiap kali mereka membuat lawatan ke tapak bagi memastikan ia sentiasa diguna serta dijaga dengan teratur. Semakan Audit terhadap Buku Harian Tapak Bina mendapati ia ada</p>	



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>disediakan dan diselenggarakan dengan lengkap.</p> <p>Pada pendapat Audit, JKR secara amnya telah mewujudkan mekanisme pemantauan terhadap pelaksanaan projek ini. Namun begitu, keberkesanannya boleh dipertikaikan memandangkan projek tidak dapat disiapkan dalam tempoh asal kontrak, di samping terdapat kerja penyenggaraan dan kualiti kerja pembinaan yang kurang memuaskan. Oleh kerana projek ini telah mengalami kelewatan, Mesyuarat Tapak sepatutnya diadakan dengan lebih kerap.</p> <p>Maklum Balas JKR Yang Diterima Pada 16 Oktober 2013</p> <p>JKR mengambil maklum terhadap keperluan kekerapan mesyuarat tapak sebagaimana teguran oleh pihak Audit dan akan memastikan mesyuarat-mesyuarat tapak bagi projek yang akan datang diadakan sebulan sekali. Bagaimanapun, JKR telah mengambil inisiatif mengadakan pemantauan secara komprehensif setiap minggu melalui Mesyuarat Pemantauan Baki Kerja bermula dari bulan Jun 2012 sehingga siap pada 28 Oktober 2012.</p>	

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 1 TAHUN 2013**

**KEMENTERIAN KERJA RAYA**

**Jabatan Kerja Raya**

**Perenggan 8 : Pembinaan Politeknik Banting, Selangor**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<b>8.5.2.1.a</b>	<p><b>Pentadbiran Kontrak - Kelewatan Pembayaran Kepada Kontraktor Dan Bayaran Diperakukan Kurang</b></p> <p>Mengikut kontrak bagi kedua-dua Pakej, bayaran interim adalah berdasarkan penilaian kerja di tapak yang telah dilaksanakan oleh kontraktor. Mengikut lampiran kepada syarat-syarat kontrak fasal 50.3(c), bayaran hendaklah dibuat kepada kontraktor dalam tempoh 30 hari daripada tarikh Perakuan Bayaran Interim diperakukan. Mengikut prosedur JKR, Perakuan Bayaran Interim disediakan menggunakan Borang JKR 66. Perakuan Bayaran Interim hendaklah disyorkan dan ditandatangani oleh Pegawai Pengesyor yang dilantik oleh Pegawai Penguasa/Pengarah Projek (P.P.) setelah membuat penilaian kerja di tapak yang telah dilaksanakan oleh kontraktor. Perakuan tersebut seterusnya diperakukan dan ditandatangani oleh P.P./wakil P.P. kerja utama. Semakan Audit terhadap bayaran interim, Sijil Perakuan Bayaran dan baucar bayaran mendapati:-</p> <p>Bagi Pakej 1, sebanyak 23 perakuan bayaran interim telah disediakan. Adalah didapati 3 bayaran interim lewat dibuat kepada kontraktor dengan kelewatan antara 8 hingga 60 hari, manakala 4 bayaran diperakukan dan dibayar kepada kontraktor kurang daripada amaun yang disyorkan oleh Pegawai Pengesyor dengan perbezaan antara RM0.27 juta dan RM2.37 juta.</p>	<p>Kelewatan bayaran bagi Pakej 1 berlaku di awal tahun 2009 dan 2010 adalah kerana kelewatan menerima waran peruntukan dari Kementerian Pengajian Tinggi. Waran peruntukan diterima 4 kali setahun iaitu pada bulan Januari, April, Julai dan Oktober. Bagi bayaran yang kurang dari diperakukan adalah disebabkan baki peruntukan di JKR adalah kurang dari nilai kerja di tapak pada masa bayaran dibuat.</p>
<b>8.5.2.1.b</b>	<p>Bagi Pakej 2 pula, sebanyak 36 perakuan bayaran interim telah disediakan dan dibayar kepada kontraktor tanpa kelewatan. Bagaimanapun, 15 bayaran interim telah diperakukan dan dibayar kurang daripada amaun yang disyorkan oleh Pegawai Pengesyor dengan perbezaan antara RM0.11 juta dan RM14.77 juta.</p> <p>Pada pendapat Audit, kelewatan bayaran dan/atau kekurangan dalam bayaran daripada amaun yang disyorkan berdasarkan penilaian kerja di tapak boleh memberi kesan negatif kepada aliran tunai syarikat kontraktor yang seterusnya boleh menjejaskan kelancaran dalam kesinambungan kerja pembinaan.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Maklum Balas JKR Yang Diterima Pada 13 Februari 2014</p> <p>Kelewatan bayaran bagi Pakej 1 berlaku di awal tahun 2009 dan 2010 adalah kerana kelewatan menerima waran peruntukan dari Kementerian Pengajian Tinggi. Waran peruntukan diterima 4 kali setahun iaitu pada bulan Januari, April, Julai dan Oktober. Bagi bayaran yang kurang dari diperakukan adalah disebabkan baki peruntukan di JKR adalah kurang dari nilai kerja di tapak pada masa bayaran dibuat.</p>	
<p><b>8.5.3.1</b></p>	<p><b>Kualiti Pembinaan - Masalah Mendapan Tanah</b></p> <p>Lawatan Audit ke tapak projek mendapati berlaku mendapan tanah yang agak serius di Bangunan Politeknik Banting, Selangor. Mendapan tanah yang berlaku telah menyebabkan keretakan dinding, jalan mendap, kerosakan longkang, kecerunan longkang berubah dan air longkang tidak dapat mengalir.</p> <p>Pada pendapat Audit, masalah mendapan tanah ini telah menyebabkan kerosakan yang serius. Walaupun tindakan membaiki pulih telah diambil, pihak JKR hendaklah memastikan kontraktor membaiki segala kerosakan yang timbul secara penyelesaian jangka panjang dan memberi jaminan kualiti selepas kerja-kerja pembaikan dilaksanakan terutama jika berlaku kerosakan pada sistem utiliti bawah tanah antaranya sistem pembetungan dan sistem bekalan air.</p> <p>Maklum Balas JKR Yang Diterima Pada 13 Februari 2014</p> <p>Keseluruhan tapak bina merupakan tanah yang ditambak. Reka bentuk telah mengambil kira pemendapan dengan membina semua struktur bangunan di atas cerucuk. Sebagai contoh, struktur tiang pagar tidak mengalami pemendapan tanah di sekeliling tiang pagar tersebut. Manakala keretakan pada dinding tembok pagar STP merupakan binaan tambahan oleh pihak kontraktor untuk tujuan kecantikan dan melindungi daripada dimasuki oleh binatang dan binaan ini tiada di dalam lukisan pembinaan. Bagi jalan mendap pula, tindakan telah diambil untuk meratakan jalan. Mendapan tanah bagi tanah yang ditambak merupakan proses yang biasa berlaku <i>within the tolerance</i> dan akan stabil dalam tempoh 5 tahun. Kerosakan longkang telah dibaiki pada bulan November 2013 dan tidak mengganggu fungsi bangunan secara keseluruhan. Lawatan oleh pihak Audit pada bulan Disember 2013 dan lawatan oleh Cawangan Forensik Geoteknik, JKR Ibu Pejabat pada bulan Januari 2014 mendapati tiada mendapan baru dikesan. Mendapan yang berlaku tidak menjejaskan keselamatan bangunan. Jika berlaku kegagalan reka bentuk, pihak</p>	<p>Keseluruhan tapak bina merupakan tanah yang ditambak. Reka bentuk telah mengambil kira pemendapan dengan membina semua struktur bangunan di atas cerucuk. Sebagai contoh, struktur tiang pagar tidak mengalami pemendapan tanah di sekeliling tiang pagar tersebut. Manakala keretakan pada dinding tembok pagar STP merupakan binaan tambahan oleh pihak kontraktor untuk tujuan kecantikan dan melindungi daripada dimasuki oleh binatang dan binaan ini tiada di dalam lukisan pembinaan. Bagi jalan mendap pula, tindakan telah diambil untuk meratakan jalan. Mendapan tanah bagi tanah yang ditambak merupakan proses yang biasa berlaku <i>within the tolerance</i> dan akan stabil dalam tempoh 5 tahun. Kerosakan longkang telah dibaiki pada bulan November 2013 dan tidak mengganggu fungsi bangunan secara keseluruhan. Lawatan oleh pihak Audit pada bulan Disember 2013 dan lawatan oleh Cawangan Forensik Geoteknik, JKR Ibu Pejabat pada bulan Januari 2014 mendapati tiada mendapan baru dikesan. Mendapan yang berlaku tidak menjejaskan keselamatan bangunan. Jika berlaku kegagalan reka bentuk, pihak kontraktor/juruperunding akan dipertanggungjawabkan seperti di Klausa 2.2 <i>Contractor's Obligation – The Contractor shall be fully responsible for design, execution and maintenance of the Work/portion of the works for which his design/alternative design have been accepted by the Government, and shall absolutely guarantee the Government independent of fault that design, materials and workmanship for the Works or portion of the works is suitable for the known requirements of the Government.</i></p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>kontraktor/juruperunding akan dipertanggungjawabkan seperti di Klausu 2.2 <i>Contractor's Obligation – The Contractor shall be fully responsible for design, execution and maintenance of the Work/portion of the works for which his design/alternative design have been accepted by the Government, and shall absolutely guarantee the Government independent of fault that design, materials and workmanship for the Works or portion of the works is suitable for the known requirements of the Government.</i></p>	
<p><b>8.5.3.2</b></p>	<p><b>Keja Mekanikal Dan Elektrikal Yang Kurang Sempurna</b></p> <p>Keja Mekanikal adalah kerja yang antaranya melibatkan sistem penyaman udara dan pengudaraan, sistem pencegahan kebakaran, sistem lif, sistem paip air dalaman dan sanitari. Kerja Elektrikal pula adalah kerja yang antaranya melibatkan sistem voltan tinggi, sistem voltan rendah, sistem siaraya, sistem telekomunikasi dan sistem ICT. Lawatan Audit mendapati antara beberapa kelemahan dalam hasil kerja mekanikal dan elektrikal adalah seperti air bertakung, ruang servis yang terlalu sempit, tiada lukisan skematik dan <i>Earth Chamber</i> telah tenggelam.</p> <p>Pada pendapat Audit, kerja-kerja mekanikal dan elektrikal adalah asas pembinaan yang memberi kesan kepada kualiti projek seterusnya dapat menjimatkan kos penyenggaraan dalam jangka masa panjang serta menjamin keselamatan dan keselesaan pengguna.</p> <p>Maklum Balas JKR Yang Diterima Pada 13 Februari 2014</p> <p>Segala teguran Audit bagi kerja-kerja elektrikal dan kerja-kerja mekanikal telah dibaiki. Bagi teguran Audit berkaitan dengan ruang servis untuk papan suis utama sempit (Gambar 8.59), ruang servis yang disediakan adalah mencukupi berdasarkan Laporan Audit Teknikal Mei 2012 oleh Cawangan Pendidikan dan Pengajian Tinggi (Pakar), JKR. Penambahbaikan juga telah dilakukan dengan penggunaan <i>Hinge Door</i> yang boleh ditanggal untuk tujuan penyenggaraan.</p>	<p>Segala teguran Audit bagi kerja-kerja elektrikal dan kerja-kerja mekanikal telah dibaiki. Bagi teguran Audit berkaitan dengan ruang servis untuk papan suis utama sempit (Gambar 8.59), ruang servis yang disediakan adalah mencukupi berdasarkan Laporan Audit Teknikal Mei 2012 oleh Cawangan Pendidikan dan Pengajian Tinggi (Pakar), JKR. Penambahbaikan juga telah dilakukan dengan penggunaan <i>Hinge Door</i> yang boleh ditanggal untuk tujuan penyenggaraan.</p> <p><u>Penambahan</u></p> <p>Tindakan pembaikan untuk menaikkan <i>Earth Chambers</i> ke aras yang asal telah dilakukan pada November 2013. Walaupun <i>Earth Chambers</i> tenggelam (ditimbus tanah) disebabkan oleh pemendapan, namun ia masih berfungsi.</p>
<p><b>8.5.3.3</b></p>	<p><b>Penggunaan Jenis Siling Yang Tidak Sesuai</b></p> <p>Mengikut <i>Need Statement For Architectural Works</i> para 5.6.8, <i>suspended ceiling</i> tidak boleh digunakan di tempat terbuka atau <i>semi outdoor</i>. Lawatan Audit mendapati <i>suspended ceiling</i> telah dipasang di tempat terbuka/<i>semi outdoor</i> seperti di kantin dan koridor di luar Bilik Tangki Air, Jabatan Mekanikal. Penggunaan jenis siling yang tidak sesuai ini telah menyebabkan siling di tempat tersebut tertanggal apabila dilanda angin kuat.</p>	<p>Mengikut <i>Architectural Work Brief Clause 5.6.8, all external ceiling for soffits, porches, and link ways shall be fixed type covered, with approved ceiling finish. Weather resistant and damp resistant system/material shall be suitable to cater for weathering effect. No suspended ceiling system shall be used at outdoor and semi-outdoor areas eg. external corridors, open lobbies etc.</i> Dalam lukisan Tender Dokumen, jenis siling yang dicadangkan oleh</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pada pendapat Audit, spesifikasi dalam <i>need statement</i> hendaklah diambil kira setelah mengkaji pencapaian piawaiian spesifikasi tersebut. Siling yang sesuai harus dipasang supaya ia tidak tertanggal apabila ditiup angin. Pemasangan klip merupakan penyelesaian sementara dan siling berkemungkinan akan tertanggal lagi pada masa akan datang.</p> <p>Maklum Balas JKR Yang Diterima Pada 13 Februari 2014</p> <p>Mengikut <i>Architectural Work Brief Clause 5.6.8, all external ceiling for soffits, porches, and link ways shall be fixed type covered, with approved ceiling finish. Weather resistant and damp resistant system/material shall be suitable to cater for weathering effect. No suspended ceiling system shall be used at outdoor and semi-outdoor areas eg. external corridors, open lobbies etc.</i> Dalam lukisan Tender Dokumen, jenis siling yang dicadangkan oleh pihak kontraktor di kantin adalah jenis siling gantung sebagaimana yang dipasang di tapak. Tindakan pembetulan telah diambil oleh kontraktor pada 14 Disember 2013. Sekiranya ia masih gagal berfungsi dan tertanggal, pihak kontraktor masih bertanggungjawab untuk membaikinya dalam tempoh kecacatan serta tertakluk dalam klausa 2.2 <i>Contractor's Obligation – The Contractor shall be fully responsible for design, execution and maintenance of the Work/portion of the works for which his design/alternative design have been accepted by the Government, and shall absolutely guarantee the Government independent of fault that design, materials and workmanship for the Works or portion of the works is suitable for the known requirements of the Government.</i></p>	<p>pihak kontraktor di kantin adalah jenis siling gantung sebagaimana yang dipasang di tapak. Tindakan pembetulan telah diambil oleh kontraktor pada 14 Disember 2013. Sekiranya ia masih gagal berfungsi dan tertanggal, pihak kontraktor masih bertanggungjawab untuk membaikinya dalam tempoh kecacatan serta tertakluk dalam klausa 2.2 <i>Contractor's Obligation – The Contractor shall be fully responsible for design, execution and maintenance of the Work/portion of the works for which his design/alternative design have been accepted by the Government, and shall absolutely guarantee the Government independent of fault that design, materials and workmanship for the Works or portion of the works is suitable for the known requirements of the Government.</i></p>

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 1 TAHUN 2013**

**KEMENTERIAN TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR**

**Perenggan 9 : Pengurusan Skim Jaminan Dana Pembiayaan Teknologi Hijau**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<b>9.4.1.1.a</b>	<p><b>Sasaran Dan Pencapaian Dana Khas GTFS</b></p> <p>Kementerian Kewangan telah mewujudkan pembiayaan dana berjumlah RM1.5 bilion dan telah ditambah dengan RM2 bilion menjadikan keseluruhan dana berjumlah RM3.5 bilion bagi tempoh 2010 hingga 2015. Pembiayaan dana juga hanya tertakluk kepada kelulusan tawaran pinjaman bank berdasarkan amalan <i>Standard Operating Procedure</i> semasa walaupun syarikat pengguna dan syarikat pengeluar telah memperoleh Sijil Hijau.</p>	<p>Sehingga Januari 2014, sebanyak 124 projek dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM1.66 bilion telah ditawarkan. Sebanyak 1.9 juta tan pelepasan karbon setahun dapat dikurangkan dan 1,729 pekerjaan hijau dijana melalui pelaksanaan projek-projek tersebut.</p> <p>GreenTech Malaysia telah membuat perancangan promosi dalam mempromosi GTFS. Senarai perancangan adalah seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Program <i>outreach</i> kepada institusi kewangan dengan kerjasama dari Bank Negara Malaysia dan <i>Credit Guarantee Corporation</i> (CGC) di kawasan Utara (April), Tengah (Mei) dan Selatan Semenanjung (Jun) serta di Sabah (September);</li> <li>b) Program <i>outreach</i> kepada industri dengan kerjasama persatuan-persatuan perdagangan seperti <i>Federation of Malaysian Manufacturers</i> (FMM) dan lain-lain; dan</li> <li>c) Menyertai mana-mana seminar, bengkel dan persidangan sebagai penceramah di peringkat kebangsaan bagi mempromosikan GTFS.</li> </ul>
<b>9.4.1.1.b</b>	<p>Semakan Audit mendapati sehingga bulan Julai 2013, sebanyak 268 syarikat dengan kos TH berjumlah RM4.8 bilion telah mendapat Sijil Hijau. Jumlah ini telah melebihi peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan iaitu berjumlah RM3.5 bilion. Daripada 268 syarikat yang telah mendapat Sijil Hijau, hanya 102 atau 38.1% syarikat telah diberi pinjaman berjumlah RM1.69 bilion. Manakala baki syarikat yang tidak mendapat pinjaman menunjukkan 4.3% merupakan sijil tidak aktif; 9.7% tidak membuat permohonan pinjaman baru dan 11.9% merupakan pinjaman sedang diproses.</p> <p>Bagaimanapun, tindakan mempromosi dan memperkenalkan bidang TH telah dilaksanakan oleh pihak GreenTech Malaysia seperti mengadakan seminar dan persidangan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.</p> <p>Maklum Balas KeTTHA Yang Diterima Pada 17 Februari 2014</p> <p>Mengikut trend pinjaman yang diluluskan oleh institusi kewangan, jumlah syarikat yang diberi pensijilan adalah lebih tinggi berbanding jumlah syarikat yang mendapat tawaran pembiayaan oleh institusi kewangan. Daripada 268 syarikat yang telah mendapat Sijil Hijau, hanya 102 atau 38.1% syarikat telah diberi pinjaman berjumlah RM1.69 bilion. Skim ini mengaplikasikan konsep "<i>First Come First Serve Basis</i>" di mana tertakluk kepada "<i>availability</i>" peruntukan atau tarikh tamat program GTFS.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>9.4.1.2.b</b></p>	<p><b>Perbezaan Rekod GreenTech Malaysia Dan CGC</b></p> <p>Semakan Audit mendapati terdapat perbezaan rekod bagi 24 syarikat berjumlah RM669.84 juta antara rekod GreenTech Malaysia dan CGC. Ini adalah kerana GreenTech Malaysia menunjukkan rekod bilangan syarikat yang telah mendapat pinjaman manakala rekod CGC menunjukkan bilangan syarikat yang telah mendapat jaminan berdasarkan kelulusan pinjaman. Mengikut GreenTech Malaysia sebanyak 102 syarikat yang telah mendapat pinjaman manakala rekod CGC menunjukkan sebanyak 78 syarikat daripada 102 syarikat tersebut atau 77% telah mendapat jaminan berjumlah RM1.02 bilion.</p> <p>Maklum Balas GreenTech Malaysia Yang Diterima Pada 3 Disember 2013 Dan 6 Januari 2014</p> <p>Perbezaan rekod bilangan syarikat dan nilai pinjaman di antara GreenTech Malaysia dan CGC adalah kerana GreenTech Malaysia merekodkan jumlah bilangan syarikat dan jumlah nilai pinjaman yang telah ditawarkan oleh institusi kewangan di bawah GTFS. Setiap maklumat akan disertakan dengan surat tawaran daripada institusi kewangan berkenaan. Manakala, CGC pula merekodkan jumlah bilangan syarikat yang mendapat kelulusan jaminan daripada CGC dan ia sentiasa dilaporkan di dalam mesyuarat <i>Joint Action Committee</i> (JAC). Perbezaan ini disebabkan oleh pihak institusi kewangan masih belum menghantar atau sedang mendokumentasikan permohonan untuk kelulusan jaminan kepada CGC.</p> <p>Merujuk kepada maklum balas di atas, dalam proses pembiayaan GTFS, setelah pensijil berjaya mendapatkan pembiayaan dari institusi kewangan, pensijil akan melaporkan kepada GreenTech Malaysia dan GreenTech Malaysia akan merekodkan yang sewajarnya. Proses selanjutnya pula pihak institusi kewangan akan memohon kepada CGC untuk mendapat jaminan dan CGC akan merekodkan permohonan yang berjaya. Di sini memang ada perbezaan rekod di antara GreenTech Malaysia dan CGC disebabkan jurang masa di antara penerimaan surat tawaran institusi kewangan di GreenTech Malaysia dan proses permohonan jaminan di CGC. Walau bagaimanapun, kedua-dua GreenTech Malaysia dan CGC akan melaporkan rekod masing-masing di dalam mesyuarat bulanan JAC. Semenjak Januari 2013, kekerapan mesyuarat telah ditukarkan kepada 2 bulan sekali. Berkenaan laporan berkala, GreenTech Malaysia mengambil maklum perkara ini dan akan meminta CGC melaporkan secara berkala.</p>	<p>Mengikut rekod terbaharu (sehingga Januari 2014), institusi kewangan telah menawarkan pembiayaan RM1.66 billion manakala CGC pula merekodkan kelulusan pembiayaan sebanyak RM1.2 billion.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>9.4.1.2.c</b></p>	<p>Semakan Audit selanjutnya mendapati, perbezaan berjumlah RM31.35 juta bagi kos TH dengan jumlah pinjaman antara rekod GTFS <i>Project Technical Progress &amp; Financing Report</i> menunjukkan RM4,778.36 juta dan GTFS <i>Loan Application to Financial Institutions</i>, GreenTech Malaysia berjumlah RM4,809.71 juta. Perbezaan ini disebabkan oleh rekod-rekod tersebut dikendalikan oleh 2 bahagian yang berlainan. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan ketepatan jumlah pinjaman pengeluaran sijil yang diluluskan.</p> <p>Pada pendapat Audit, kawalan oleh agensi pelaksana melalui mesyuarat <i>Joint Action Committee</i> (JAC) perlu dimanfaatkan sepenuhnya oleh pihak yang terlibat bagi memastikan sasaran prestasi kewangan GTFS tercapai sebagaimana objektif yang ditetapkan.</p> <p>Maklum Balas GreenTech Malaysia Yang Diterima Pada 3 Disember 2013 Dan 6 Januari 2014</p> <p>GreenTech Malaysia telah mengambil maklum perbezaan ini berikutan kesilapan bagi jumlah kos teknologi hijau di dalam laporan GTFS <i>Loan Application to Financial Institutions</i> bertarikh 31 Julai 2013 dan perkara ini telah diperbetulkan di dalam laporan seterusnya iaitu pada laporan bulan Ogos 2013.</p> <p>Tindakan telah diambil seperti lampiran (laporan GTFS <i>Loan Application to Financial Institutions</i> bertarikh 31 Ogos 2013 yang telah dihantar melalui emel kepada Bank Negara Malaysia).</p>	<p>Pihak GreenTech Malaysia telah mengambil maklum perkara ini. GreenTech Malaysia telah mewujudkan satu sistem pemantauan dan pelaporan secara online di laman web GTFS (<a href="http://www.gtfs.my">www.gtfs.my</a>) pada Februari 2012 bagi memudahkan penyelarasan dan pelaporan. Pada masa ini, semua pelaporan akan merujuk/menggunakan data-data yang sama daripada sumber <i>online</i> ini.</p>
<p><b>9.4.1.3.b</b></p>	<p><b>Ketetapan <i>Key Performance Indicator</i> bagi Setiap Sektor</b></p> <p>Semakan Audit mendapati peratusan prestasi bagi 4 sektor berkenaan menunjukkan 64.2% adalah bagi Sektor Tenaga; 29.1% adalah bagi Sektor Sisa Dan Air; 4.1% adalah bagi Sektor Bangunan manakala 2.6% bagi Sektor Pengangkutan.</p>	<p>Selaras dengan Dasar Teknologi Hijau Negara yang dilancarkan pada 2009, 4 sektor utama dalam teknologi hijau adalah tenaga, air dan pengurusan sisa, bangunan dan pengangkutan. Prestasi bagi setiap sektor adalah bergantung kepada permintaan pasaran (<i>market driven</i>).</p>
<p><b>9.4.1.3.c</b></p>	<p>Semakan Audit selanjutnya mendapati GTFS memberi penekanan terhadap 4 sektor utama iaitu Sektor Tenaga, Sisa Dan Air, Pengangkutan Dan Bangunan. Bagaimanapun, sehingga 31 Julai 2013 didapati permohonan sebanyak 301 syarikat telah diproses di mana 268 syarikat atau 89% daripada bilangan tersebut telah disijilkan. Manakala 33 syarikat atau 11% telah ditolak disebabkan oleh permohonan tidak lengkap dan tidak memenuhi kategori yang ditetapkan.</p>	<p>Selaras dengan Dasar Teknologi Hijau Negara yang dilancarkan pada 2009, 4 sektor utama dalam teknologi hijau adalah tenaga, air dan pengurusan sisa, bangunan dan pengangkutan. Prestasi bagi setiap sektor adalah bergantung kepada permintaan pasaran (<i>market driven</i>).</p> <p>Peratusan komponen TH dalam sesuatu projek bergantung kepada spesifikasi dan keperluan projek berkenaan. GreenTech Malaysia hanya meluluskan jumlah kos hijau berdasarkan permohonan yang dikemukakan</p>



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
9.4.1.3.d	<p>Pihak Audit juga mendapati Sektor Sisa Dan Air memiliki peratusan komponen TH yang tinggi sebanyak 79.3% dengan kos berjumlah RM1.32 bilion berbanding RM1.67 bilion. Manakala industri Sektor Pengangkutan dan Sektor Bangunan menunjukkan 10.4% dan 26.3% masing-masing.</p> <p>Maklum Balas GreenTech Malaysia Yang Diterima Pada 3 Disember 2013</p> <p>GreenTech Malaysia dengan kerjasama Bank Negara Malaysia serta CGC secara berkala akan terus menjalankan pelbagai aktiviti promosi kesedaran dan latihan di kalangan institusi kewangan untuk meningkatkan keyakinan pihak institusi kewangan mengenai keupayaan TH di semua sektor tumpuan termasuk sektor pengangkutan.</p>	tertakluk kepada syarat dan kriteria GTFS.
9.4.2.1.a.iv	<p><b>Prestasi Syarikat - Pematuhan Terhadap Manual Prosedur Kerja GTFS - Pemberian Sijil Hijau</b></p> <p>Semakan Audit mendapati tempoh melebihi 48 hari bagi 6 syarikat daripada 9 syarikat berdasarkan sampel audit adalah tidak mematuhi MPK yang telah ditetapkan. Ketidakpatuhan terhadap MPK berkenaan adalah disebabkan oleh tempoh sasaran tidak dirancang semasa penyediaan MPK yang terdahulu. Bagaimanapun, pihak audit mendapati MPK telah disediakan dan sasaran tersebut telah ditetapkan dalam MPK berkenaan. Kelewatan pemberian Sijil Hijau akan memberi kesan terhadap kelewatan untuk mendapatkan pinjaman daripada institusi kewangan seterusnya.</p> <p>Pada pendapat Audit ketetapan pemberian Sijil Hijau perlu dirancang secara komprehensif bagi mengelakkan kelewatan pembiayaan GTFS daripada institusi kewangan secara keseluruhannya.</p> <p>Maklum Balas GreenTech Malaysia Yang Diterima Pada 6 Januari 2014</p> <p>GreenTech Malaysia telah mengambil maklum mengenai perkara ini dan telah melakukan beberapa penambahbaikan terhadap Manual Prosedur Kerja GTFS. Sebelum Manual Prosedur Kerja GTFS diterbitkan, terdapat manual yang ringkas iaitu hanya mengandungi carta aliran proses Pensijilan Hijau. Oleh yang demikian, pihak GreenTech Malaysia telah menambah baik dengan menerbitkan Manual Prosedur Kerja GTFS yang menjelaskan prosedur dan proses carta aliran secara terperinci bagi setiap pegawai yang bertugas dalam tempoh (KPI) yang ditetapkan berserta dengan hasil dapatan dan dokumen/rekod sebagai rujukan. Di dalam Manual ini juga, pihak GreenTech Malaysia telah melampirkan contoh borang dan</p>	GreenTech Malaysia telah mengambil maklum perkara ini. Semua kes yang dilaporkan adalah kes lama sebelum Manual Prosedur Kerja (MPK) ditambahbaik pada 23 April 2012.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>lampiran yang terlibat dalam permohonan GTFS.</p> <p>Maklum Balas KeTTHA Yang Diterima Pada 17 Februari 2014</p> <p>Semua kes yang dilaporkan adalah kes lama sebelum Manual Prosedur Kerja (MPK) ditambahbaik pada 23 April 2012.</p>	
<p><b>9.4.2.1.b.ii</b></p>	<p><b>Penyerahan Laporan Bulanan Kemajuan Projek</b></p> <p>Semakan Audit mendapati 9 sampel syarikat yang dipilih tidak mengemukakan laporan bulanan GMPR secara konsisten dan tidak mengikut MPK yang ditetapkan kepada GreenTech Malaysia setakat 31 Julai 2013. Adalah didapati syarikat QL Plantation Sdn. Bhd. dan QL Palm Pellet Sdn. Bhd. masing-masingnya hanya menghantar satu laporan bulanan GMPR dengan peratusan penghantaran sebanyak 2.9% dan 3.1%. Manakala, peratusan penghantaran laporan bulanan GMPR oleh Mistral Engineering Sdn. Bhd. sebanyak 61.5% daripada jumlah bulanan daripada tarikh penerimaan Sijil Hijau pada 15 April 2010 sehingga bulan Julai 2013.</p> <p>Pada pendapat Audit, kelewatan penyerahan laporan bulanan secara konsisten boleh menyukarkan pelaksanaan aktiviti pemantauan dan perkembangan projek secara rapi.</p> <p>Maklum Balas GreenTech Malaysia Yang Diterima Pada 3 Disember 2013 Dan 6 Januari 2014</p> <p>Walaupun peringatan dan tindakan susulan telah diambil, sesetengah syarikat sukar dan mengambil masa untuk mengemukakan perincian sokongan untuk laporan bulanan. GreenTech Malaysia akan membuat tindakan susulan secara berterusan bagi memastikan syarikat yang telah disijilkan mengemukakan laporan bulanan GMPR kepada GreenTech Malaysia secara konsisten.</p> <p>GreenTech Malaysia telah mula mendokumentasikan peringatan yang diberikan kepada syarikat. Status dan kemajuan sesuatu projek itu dapat dipantau melalui GMPR yang dihantar. Namun, untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci adalah melalui audit yang dilakukan. GMPR perlu dihantar sehingga sesuatu projek itu telah '<i>commissioning</i>'. Kemudian, ia akan dipantau melalui audit.</p>	<p>Sekiranya syarikat tidak mengemukakan laporan GMPR mengikut jadual, GreenTech Malaysia akan mengeluarkan surat peringatan mengenai <i>deadline</i> dan lain-lain tindakan susulan.</p> <p>Walaupun peringatan dikeluarkan, sesetengah syarikat sukar untuk mengemukakan laporan bulanan. Pada masa ini, GreenTech Malaysia telah mula mendokumentasikan segala peringatan bagi membolehkan pemantauan yang lebih berkesan berdasarkan jadual GMPR sehingga "<i>commissioning</i>".</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>9.4.2.1.c.ii</b></p>	<p><b>Penyediaan Laporan Aktiviti Pengesahan Kemajuan Projek</b></p> <p>Semakan Audit mendapati sehingga Julai 2013, <i>Final Project Close Out Report</i> dan Laporan Impak Projek masih belum boleh dilakukan oleh GreenTech Malaysia kerana 14 projek di bawah GTFS yang berjaya disiapkan masih belum mencapai tahap optimum berdasarkan definisi tahap optimum sesebuah projek adalah kurang jelas. Semakan selanjutnya mendapati Syarikat Logomas Packaging Sdn. Bhd., yang dilawati telah membuat pertukaran pembekal bahan mentah dan teknologi dari Amerika Syarikat kepada pembekal bahan mentah dan teknologi dari Indonesia tidak dimaklumkan kepada GreenTech Malaysia.</p> <p>Pada pendapat Audit, sebarang perubahan atau pengubahsuaian terhadap Projek Hijau di bawah GTFS hendaklah dimaklumkan dan mendapatkan persetujuan bertulis daripada pihak GreenTech Malaysia. Di samping itu, tindakan perlu diambil untuk mengeluarkan Laporan Impak Projek walaupun tahap optimum belum tercapai bagi setiap syarikat yang telah beroperasi mengikut tempoh GTFS sehingga tahun 2015.</p> <p>Maklum Balas GreenTech Malaysia Yang Diterima Pada 3 Disember 2013 Dan 6 Januari 2014</p> <p>Tahap optimum sesebuah projek adalah apabila sasaran parameter projek yang tercatat semasa permohonan GTFS adalah sama/hampir dengan <i>outcome</i> projek bila projek tersebut telah mula beroperasi. Setakat ini kemajuan projek-projek tersebut masih tidak mencapai paras yang disasarkan. Oleh kerana itu, GreenTech Malaysia masih belum boleh menyediakan Laporan Impak Projek untuk projek-projek tersebut.</p> <p>Pihak GreenTech Malaysia akan membuat pemantauan ke atas syarikat yang mendapat pembiayaan di bawah GTFS selepas 6 bulan beroperasi. Dalam tempoh tersebut, pihak syarikat sepatutnya telah mencapai tahap optimum seperti yang dicadangkan. Namun, sehingga kini masih tiada lagi syarikat yang telah mencapai tahap optimum. Pihak GreenTech Malaysia akan menetapkan <i>cut off date</i> sekiranya syarikat tersebut masih belum mencapai tahap optimum dalam tempoh yang sepatutnya dan pemantauan yang berterusan akan dibuat dari semasa ke semasa.</p> <p>Sebelum Manual Prosedur Kerja dikeluarkan pada 23 April 2012, pihak GreenTech Malaysia telah merujuk kepada GTFS <i>Procedure &amp; Guidelines</i> seperti yang dikemukakan.</p>	<p>GreenTech Malaysia akan membuat pemantauan ke atas syarikat yang mendapat pembiayaan selepas 6 bulan beroperasi. Dalam tempoh tersebut, pihak syarikat sepatutnya telah mencapai tahap optimum seperti yang dirancang. Namun, sehingga kini masih tiada lagi syarikat yang telah mencapai tahap optimum. Pihak GreenTech Malaysia akan menetapkan <i>cut off date</i> sekiranya syarikat sebegini masih belum mencapai tahap optimum dalam tempoh yang sepatutnya dan pemantauan yang berterusan akan dibuat dari semasa ke semasa.</p> <p>Berdasarkan syarat dan kriteria GTFS, sebarang perubahan terhadap spesifikasi projek hendaklah dimaklumkan dan mendapatkan persetujuan daripada pihak GreenTech Malaysia. Dalam hubungan ini, pematuhan kepada kriteria GTFS akan dipantau melalui proses <i>Monitoring &amp; Verification (M&amp;V)</i> Audit oleh GreenTech Malaysia. Jika penemuan Audit M&amp;V ini gagal memenuhi syarat-syarat dan kriteria yang ditetapkan, insentif GTFS kepada syarikat berkenaan boleh dibatalkan.</p> <p>Audit M&amp;V ke atas Syarikat Logomas Packaging Sdn Bhd akan diadakan pada 16 April 2014.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
9.4.2.2.b.i	<p><b>Prestasi Projek Syarikat - Syarikat Yang Kurang Berjaya (Belum Beroperasi Sepenuhnya) - QL Tawau Palm Pellet Sdn. Bhd.</b></p> <p>QL Tawau Palm Pellet Sdn. Bhd. adalah anak syarikat QL Resources Berhad yang menjalankan aktiviti penghasilan bio bahan api <i>pellet</i> daripada tandan kelapa sawit di mana ia boleh digunakan semula sebagai bahan bakar. Walau bagaimanapun, bio bahan api pellet tersebut telah disimpan di kilang kerana tidak dapat dijual kerana tiada pasaran.</p> <p>Pada pendapat Audit, pemasaran promosi produk TH boleh dilaksanakan dengan kerjasama dengan pelbagai agensi yang terlibat secara langsung dengan GTFS.</p> <p>Maklum Balas GreenTech Malaysia Yang Diterima Pada 3 Disember 2013 Dan 6 Januari 2014</p> <p>Berdasarkan maklumat yang diperoleh, pemasaran untuk pellet sedang giat dilaksanakan. Pada masa ini syarikat telah pun menjual <i>pellet</i> kepada kilang penapis minyak sawit tempatan di Sabah untuk kegunaan penajanaan wap dan tenaga. Syarikat juga telah menjual <i>pellet</i> melalui syarikat ESCO QL Sdn. Bhd. untuk pasaran tempatan (Semenanjung) dan di dalam proses bagi pemasaran ke luar negara.</p> <p>Pihak Audit GreenTech Malaysia telah membuat lawatan tapak terhadap syarikat QL Tawau Palm Pellet Sdn. Bhd. pada 20 November 2013 yang lalu. GreenTech Malaysia juga telah membangkitkan serta meminta pelan pemasaran '<i>marketing plan</i>' dari pihak syarikat untuk mendapat gambaran jelas tentang bagaimana strategi pihak syarikat akan memasarkan dan menjual <i>palm pellet</i> keluaran syarikat tersebut. Dalam masa yang sama pihak GreenTech Malaysia juga meminta beberapa dokumen tambahan seperti lampiran 'PO' <i>purchase order</i> jual beli <i>palm pellet</i> tersebut. Walau bagaimanapun pihak syarikat memohon lanjutan masa untuk menyediakan beberapa dokumen tambahan lain seperti bukti jual beli. Untuk makluman syarikat QL Plantation telah menghantar salinan <i>General Order</i> dan <i>Purchase Order</i> dari 2 syarikat yang membeli <i>palm pellet</i> sebagai bukti pembelian atau jual beli <i>pellet</i> dari Green Green Grass Sdn. Bhd. dan Kunak Refinery Sdn. Bhd.</p> <p>Maklum Balas KeTTHA Yang Diterima Pada 17 Februari 2014</p> <p>Syarikat QL Tawau Palm Pellet Sdn. Bhd. telah berjaya memasarkan produk kepada Syarikat Green Green Grass Sdn. Bhd. dan Kunak Refinery Sdn. Bhd. dan telah mengemukakan dokumen bukti penjualan.</p>	<p>Syarikat QL Tawau Palm Pellet Sdn Bhd telah berjaya memasarkan produk kepada Syarikat Green Green Grass Sdn Bhd. dan Kunak Refinery Sdn Bhd. dan telah mengemukakan dokumen bukti penjualan pada 24 Disember 2013.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>9.4.2.2.b.ii</b></p>	<p><b>Logomas Packaging Sdn. Bhd.</b></p> <p>Logomas Packaging Sdn. Bhd. merupakan sebuah syarikat pemprosesan produk pembungkusan seperti bekas makanan untuk industri makanan dan bahan pembungkus tegar untuk industri elektronik. Syarikat ini memohon GTFS untuk pembelian mesin baru yang akan menghasilkan produk bekas pembungkusan makanan biodegradasi. Lawatan tapak pada 22 Mei 2013 bersama Pasukan Audit Tenaga GreenTech Malaysia mendapati mesin baru untuk pemprosesan bekas pembungkusan makanan biodegradasi yang telah dibeli tidak digunakan. Pemprosesan bekas pembungkusan makanan ini ditangguhkan atas alasan tiada pasaran dan permintaan kerana harga bekas pembungkusan makanan biodegradasi adalah lebih tinggi berbanding dengan bekas pembungkusan makanan biasa atau bekas polistirena. Menurut wakil syarikat, projek ini masih dalam peringkat penyelidikan dan mengubahsuai mesin untuk menampung proses baru yang menggunakan bahan mentah baru. Syarikat ini juga sedang dalam proses menukar pembekal bahan mentah dan teknologi Amerika Syarikat yang didaftarkan sebelum ini dalam permohonan GTFS kepada pembekal bahan mentah dan teknologi dari Indonesia. Bagaimanapun, perubahan spesifikasi peralatan tersebut tidak dilaporkan kepada GreenTech Malaysia dan hanya dimaklumkan semasa lawatan tapak dilaksanakan.</p> <p>Pada pendapat Audit, koordinasi dan komunikasi antara pihak yang terlibat adalah penting bagi memastikan pelaksanaan GTFS berjalan lancar.</p> <p>Maklum Balas KeTTHA Yang Diterima Pada 17 Februari 2014</p> <p>Syarikat mula beroperasi pada Oktober 2013 dan telah mengemukakan bukti penjualan. Tentatif lawatan <i>Monitoring &amp; Verification</i> (M&amp;V) akan diadakan bulan April 2014.</p>	<p>Syarikat mula beroperasi pada Oktober 2013 dan telah mengemukakan bukti penjualan pada 14 Februari 2014 seperti invoice dan <i>deliver order</i> (DO). Tentatif lawatan audit <i>Monitoring &amp; Verification</i> (M&amp;V) dijadualkan bulan April 2014.</p>
<p><b>9.4.2.2.b.iii</b></p>	<p><b>Daya Clarimax Sdn. Bhd.</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Daya Clarimax Sdn. Bhd. adalah sebuah syarikat subsidiari di bawah Daya Berhad, yang menjalankan perniagaan kemudahan pembersihan, pembaikan dan penyenggaraan tangki ISO, mengitar semula sisa cecair dan pemprosesan bahan pelarut berketulenan tinggi untuk industri elektronik dan teknikal. Syarikat ini memohon GTFS untuk membiayai projek rawatan sisa cecair pelarut melalui sistem penyulingan dan penapisan. Melalui sistem rawatan tersebut, sisa cecair pelarut yang berbahaya dapat dikitar semula dan hasilnya iaitu minyak bahan api digunakan semula untuk industri seperti industri petrokimia. Syarikat</li> </ul>	<p>Sistem rawatan sisa dan sistem pengitaran semula haba telah mula beroperasi pada Oktober 2013. GreenTech Malaysia juga telah menjalankan audit <i>Monitoring &amp; Verification</i> (M&amp;V) pada 6 Januari 2014.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>ini dalam fasa kedua untuk membina sistem pengitaran semula haba yang akan diguna semula untuk memanaskan dandang untuk sistem penyulingan tersebut.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Projek tersebut merangkumi pemasangan sistem pengitaran semula haba dan sistem rawatan sisa cecair yang mempunyai kapasiti 300 kg/jam untuk sisa buangan dengan purata nilai kalori 16.8 MJ/kg. Semakan Audit terhadap dokumen <i>GTFS Evaluation Report Summary</i> (Nombor siri projek: GTFS/W/P016) mendapati syarikat tersebut menjangka pengurangan dapat dicapai untuk pelepasan gas hijau (GHG) sebanyak 1,470 tCO<sub>2</sub>-eq setahun kepada 4,380 tCO<sub>2</sub>-eq setahun daripada 5,850 tCO<sub>2</sub>-eq setahun. Di samping itu, pihak Audit juga mendapati bahawa penggunaan bahan api dijangka boleh dikurangkan kepada 1,640 m<sup>3</sup> diesel setahun selepas operasi sistem tersebut.</li> <li>• Lawatan Audit ke tapak projek telah dilaksanakan pada 30 Ogos 2013 bersama Pasukan Audit Tenaga GreenTech Malaysia. Bagaimanapun, didapati sistem rawatan sisa dan sistem pengitaran semula haba di bawah pembiayaan GTFS masih belum beroperasi kerana menghadapi masalah mendapatkan bekalan bahan mentah. Sehubungan itu, pihak syarikat sedang mengadakan perbincangan dengan beberapa buah syarikat pembekal tempatan dan luar negara untuk membekalkan bahan mentah dalam kuantiti yang lebih besar. Syarikat ini juga telah mendapat lesen memungut sisa cecair pelarut daripada Jabatan Alam Sekitar pada bulan April 2013.</li> </ul> <p>Pada pendapat Audit, strategi pembekalan bahan mentah perlu dirancang secara menyeluruh agar prestasi projek tidak terjejas.</p> <p>Maklum Balas GreenTech Malaysia Pada 6 Februari 2014</p> <p>Pihak Audit GreenTech Malaysia telah membuat M&amp;V Audit terhadap syarikat Daya Clarimax Sdn Bhd pada 7 Januari 2014. Hasil dari lawatan mendapati syarikat tersebut masih lagi tidak beroperasi kerana masalah bekalan mentah yang dihadapi masih lagi tidak selesai. Sehubungan itu pihak Audit GreenTech Malaysia telah memohon syarikat Daya Clarimax Sdn Bhd untuk menghantar satu surat tunjuk sebab tentang masalah yang dihadapi oleh pihak syarikat serta perancangan syarikat untuk beroperasi di masa hadapan.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>9.4.2.2.c.i</b></p>	<p><b>Syarikat Yang Tidak Berjaya (Tidak Beroperasi Dan Pinjaman Tidak Berbayar) - Syarikat Mushkin Sdn. Bhd.</b></p> <p>Mushkin Sdn. Bhd. adalah syarikat pembuatan modul memori komputer di mana ia berfungsi sebagai tempat penyimpanan sementara bagi pemindahan data di antara komponen komputer. Tujuan syarikat tersebut membuat pinjaman melalui GTFS adalah bagi menjalankan projek THRoboFlex III yang boleh mengurangkan penggunaan tenaga elektrik selain dapat meningkatkan produktiviti. Sebelum penggunaan RoboFlex III, Mushkin Sdn. Bhd. menggunakan tenaga pekerja bagi memeriksa dan menjalankan ujian ke atas modul memori komputer. Bagaimanapun, syarikat tersebut kini menghadapi isu pinjaman tidak berbayar (<i>non-performing loan</i>) sejak 1 April 2013.</p> <p>Pada pendapat Audit, tindakan undang-undang juga perlu diambil oleh agensi pelaksana terhadap syarikat bagi sebarang ketidakpatuhan terhadap GTFS supaya wang kerajaan dapat dilindungi bagi membayar jaminan 60% tersebut. Di samping itu, agensi pelaksana juga boleh membuat aduan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia berkaitan dengan perkara ini.</p> <p>Maklum Balas KeTTHA Yang Diterima Pada 17 Februari 2014</p> <p>Isu berkaitan pinjaman tidak berbayar/<i>Non Performing Loan</i> (NPL) adalah di bawah tanggungjawab pihak institusi kewangan yang membiayai projek tersebut dan pihak CGC membuat jaminan pembiayaan bagi pihak Kerajaan.</p>	<p>Tanggungjawab GreenTech Malaysia adalah sehingga pihak pemohon mendapat tawaran pembiayaan daripada institusi kewangan dan memastikan syarikat mematuhi kriteria teknologi hijau yang ditetapkan. Sepanjang tempoh pembiayaan sekiranya pihak syarikat tidak mematuhi syarat teknikal dan kriteria GTFS, GreenTech Malaysia akan membuat laporan institusi kewangan/CGC untuk tindakan selanjutnya.</p> <p>Walau bagaimanapun, isu berkaitan pinjaman tidak berbayar/<i>Non Performing Loan</i> (NPL) yang merupakan isu kewangan adalah di bawah tanggungjawab pihak institusi kewangan yang membiayai projek tersebut dan <i>Credit Guarantee Corporation</i> (CGC). Tanggungjawab CGC adalah seperti yang digariskan di dalam kontrak dengan MoF.</p>

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 1 TAHUN 2013**

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**Perenggan 10 : Pengurusan Program Skim Geran Penyelidikan Fundamental Di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
10.5.1.2	<p><b>Pencapaian Kewangan Projek</b></p> <p>Peruntukan kewangan perlu dibelanjakan seperti mana yang telah dirancang supaya projek penyelidikan FRGS dapat dilaksanakan dan mencapai sasaran serta objektif yang ditetapkan. Peruntukan bagi FRGS tahun 2010 dan 2011 masing-masing berjumlah RM106.39 juta dan RM43.06 juta. Semakan Audit mendapati perbelanjaan FRGS bagi tahun 2010 dan 2011 telah mencapai RM87.36 juta (82.1%) dan RM27.95 juta (64.9%) masing-masing. Bagi tahun 2012 dan 2013 prestasi kewangan belum dapat dinilai kerana projek sama ada sedang dilaksanakan atau masih dalam tempoh pelaksanaan penyelidikan yang dibenarkan iaitu 2 atau 3 tahun.</p> <p>Adalah didapati pencapaian prestasi kewangan dan fizikal projek kurang memuaskan kerana projek dan perbelanjaan bagi tahun 2010 sepatutnya telah ditamatkan dan selesai dibelanjakan tetapi terdapat 38.9% projek yang masih aktif dan peruntukannya masih berbaki 17.9%. Perkara ini antara lain disebabkan kurangnya pemantauan oleh BPKI. Bahagian ini menerima laporan prestasi projek 2 kali setahun daripada IPTA (bulan Februari dan Ogos), bagaimanapun tidak mengambil tindakan susulan walaupun projek tidak tamat dalam tempoh sepatutnya dan prestasi perbelanjaan kurang memuaskan. Selain itu, Kementerian kurang tegas dalam memantau pencapaian projek dan kewangan. Semakan Audit mendapati Kementerian masih memberikan geran kepada IPTA walaupun projek terdahulu gagal dilaporkan. Para penyelidik di IPTA pula kurang mengambil berat terhadap penyediaan laporan kemajuan projek penyelidikan serta tidak mematuhi tempoh yang ditetapkan bagi menyiapkan sesuatu projek. Kesannya hasrat Kementerian untuk memperteguhkan bidang penyelidikan kurang tercapai.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Pendidikan Malaysia Yang Diterima Pada 31 Disember 2013 Dan 18 Februari 2014</p> <p>Kementerian memaklumkan bahawa tempoh penyelidikan di bawah geran (FRGS) yang ditetapkan adalah satu hingga tiga tahun dan pelanjutan tempoh penyelidikan</p>	<p>Melalui Mesyuarat BPKI-RMC Bil. 3/2010 (23 September 2010) Perkara 3.1, Bil. 3/2011 (3 Oktober 2011) Perkara 2.1 dan Bil. 4/13 (10 Disember 2013) Perkara 3.2, pihak RMC telah diarahkan untuk memantau prestasi projek-projek penyelidikan, mengemukakan laporan dengan lengkap, mengesahkan projek penyelidikan terdahulu telah selesai sehingga 75% sebelum memohon projek penyelidikan yang baharu dan mengambil tindakan kepada penyelidik yang tidak mengemukakan laporan prestasi projek.</p> <p>Pihak RMC USM telah menghantar emel peringatan kepada penyelidik yang belum mengemukakan laporan prestasi penyelidikan pada 11 Disember 2013 dan selepas itu, telah menerima 9 laporan prestasi pada 27 Disember 2013.</p> <p>Pihak UNIMAS telah menghantar surat peringatan kepada penyelidik yang belum mengemukakan laporan prestasi pada 12 Januari 2014 dan selepas itu telah menerima 5 laporan prestasi pada 30 Januari 2014.</p> <p>Selain itu, BPKI juga menghadapi kekangan tenaga kerja untuk menguruskan geran-geran penyelidikan. Untuk tahun 2010 hingga 2012, BPKI telah menerima 14,539 permohonan untuk diproses. Dari jumlah ini, sebanyak 3,699 projek telah diluluskan dengan peruntukan RM217, 514, 005.20. Hanya dua (2) pegawai tetap diperuntukkan untuk menguruskan projek-projek yang diluluskan.</p>



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>tersebut akan dipertimbangkan berdasarkan justifikasi yang diberikan. Pelanjutan tempoh projek penyelidikan adalah disebabkan oleh berlakunya perkara yang tidak dijangka sepanjang tempoh penyelidikan. Antara kes pelanjutan adalah disebabkan perkara-perkara seperti masalah mendapatkan Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) yang sesuai kerana jadual penawaran geran FRGS tidak selaras dengan jadual akademik universiti; Penyelidik memerlukan spesimen tambahan untuk mendapatkan hasil dan keputusan yang lebih signifikan; masalah sampel/spesimen kajian yang diambil tidak memenuhi piawaian dan rosak disebabkan perkara yang tidak dijangka; pengumpulan data mengambil masa yang lebih lama kerana melibatkan pihak agensi/badan luar; masalah peralatan/mesin yang digunakan rosak dan memerlukan masa yang lama untuk dibaiki mengikut prosedur biasa; dan proses pembelian bahan/peralatan/ aset memerlukan masa yang lama.</p> <p>Prestasi perbelanjaan tahun 2010 belum mencapai 90% kerana walaupun kelulusan projek penyelidikan diperolehi pada tahun 2010, tetapi peruntukan diberi kepada Kementerian pada tahun 2011 dan disalurkan kepada IPTA pada tahun 2011. Pada tahun 2010, pihak KPM hanya dapat membuat pemilihan projek sahaja.</p> <p>Selain itu faktor yang menjejaskan pencapaian fizikal dan kewangan projek ialah jadual penawaran geran FRGS yang tidak selari dengan jadual akademik universiti; pengurusan kewangan di RMC juga telah dikenalpasti antara faktor penyebab kurang tenaga kerja, pekerja yang dilantik adalah pekerja sementara yang sering bertukar ganti serta skim perkhidmatan yang tidak memuaskan; dan BPKI juga menghadapi kekangan tenaga kerja untuk menguruskan permohonan geran yang diterima.</p> <p>Melalui Mesyuarat BPKI-RMC, RMC telah diarahkan untuk mengenakan tindakan pemberhentian projek, impak kepada sasaran kerja tahunan dan disenaraihitamkan untuk projek-projek akan datang bagi projek yang tidak tamat dalam tempoh sepatutnya dan mencatat prestasi perbelanjaan yang kurang memuaskan.</p> <p>Pihak Audit berpendapat prestasi pencapaian fizikal dan kewangan projek penyelidikan FRGS bagi tahun 2010 adalah kurang memuaskan. Ini adalah kerana masih terdapat sebanyak 38.9% projek yang menerima peruntukan tahun 2010 yang sepatutnya telah tamat tetapi masih aktif. Manakala peruntukan yang sepatutnya selesai dibelanjakan masih berbaki berjumlah RM19.03 juta (17.9%).</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>10.5.2.2</b></p>	<p><b>Pencapaian Hasil Penyelidikan</b></p> <p>Setiap projek penyelidikan digalakkan untuk menerbitkan hasil penyelidikan sama ada di peringkat tempatan atau antarabangsa. Selain itu, mengikut syarat yang telah ditetapkan oleh Kementerian bagi permohonan FRGS, penyelidik perlu melatih modal insan iaitu seorang pelajar PhD atau 2 pelajar Sarjana atau gabungan keduanya bagi projek 3 tahun seperti mana yang termaktub dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN). Manakala bagi projek 2 tahun disyaratkan dapat melatih sekurang-kurangnya seorang pelajar Sarjana. Mengikut rekod daripada BPKI berkenaan hasil projek penyelidikan FRGS bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012, output modal insan adalah seramai 4,041 orang, output penerbitan sebanyak 3,510 jurnal dan 5,021 persidangan dihadiri serta 55 harta intelek dihasilkan.</p> <p>Berdasarkan statistik di atas, bilangan hasil projek berkenaan modal insan yang sepatutnya dicapai bagi tempoh tersebut tidak dapat ditentukan. Pihak Kementerian didapati tidak membuat analisis perbandingan hasil projek yang sepatutnya dicapai berbanding dengan pencapaian sebenar. Semakan Audit selanjutnya terhadap pencapaian hasil penyelidikan berkenaan mendapati sebanyak 19 (65.5%) daripada 29 sampel projek penyelidikan tamat telah mematuhi syarat melatih sekurang-kurangnya seorang pelajar Sarjana. Bakinya 10 (34.5%) projek lagi tidak mematuhi syarat melatih pelajar yang telah ditetapkan iaitu minimum seorang pelajar Sarjana.</p> <p>Semakan lanjut mendapati, di USM ke semua 3 sampel projek penyelidikan yang tamat telah mematuhi syarat melatih pelajar. Di UNIMAS, 5 (71.4%) daripada 7 projek dan di UiTM, 11 (57.9%) daripada 19 projek penyelidikan pula telah berjaya melatih pelajar di peringkat Sarjana dan PhD.</p> <p>Projek penyelidikan tidak dapat melatih sepenuhnya para pelajar di peringkat Sarjana dan PhD seperti yang disyaratkan antara lain disebabkan pembantu penyelidik mempunyai pilihan lain untuk membiayai pengajian masing-masing walaupun dilatih di bawah pasukan penyelidik. Selain itu, kurangnya pemantauan oleh Kementerian terhadap ketidakpatuhan perjanjian antara penyelidik dan Kementerian telah menyebabkan hasrat projek penyelidikan untuk melatih pelajar tidak tercapai sepenuhnya. Mengikut penyelidik dan maklumat daripada laporan akhir projek penyelidikan juga menyatakan geran yang diluluskan bagi projek penyelidikan tertentu tidak mencukupi.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Pendidikan Malaysia Yang Diterima Pada 31 Disember 2013 Dan 18 Februari 2014</p>	<p>Kementerian mendapati projek penyelidikan yang diberi peruntukan RM30, 000 ke bawah tidak berupaya melatih graduan PhD dan sarjana. Ini adalah kerana keperluan minimum untuk pembiayaan GRA ialah RM18,000 setahun untuk seorang pelajar sarjana (sekurang-kurangnya RM36,000 dalam tempoh 2 tahun) dan RM24,000 setahun untuk pelajar PhD (sekurang-kurangnya RM72,000 dalam tempoh 3 tahun). Pada tahun 2010, jumlah peruntukan FRGS adalah minima mengikut kelulusan awal dalam RMK-9.</p> <p>Antara tindakan penambahbaikan yang sedang dilaksanakan adalah penggunaan sistem pemantauan secara atas talian (sistem MyGRANTS) yang telah bermula sejak FRGS fasa 2/2013. Modul pemantauan akan dilaksanakan pada 1 April 2014 kerana pihak urus setia sedang mengemaskini semua data-data penyelidikan yang telah diluluskan bagi RMK-10. Justeru, analisis perbandingan hasil projek yang sepatutnya dicapai berbanding dengan pencapaian sebenar akan dapat dilaporkan secara berterusan termasuk keperluan pemantauan projek penyelidikan yang lain.</p> <p>Dari segi perjawatan, BPKI telah beberapa kali membuat permohonan pertambahan perjawatan (kakitangan tetap). Permohonan terkini telah dibuat kepada pihak pengurusan atasan pada bulan April 2012 dan Julai 2013.</p> <p>Permohonan pertambahan waran jawatan tidak diluluskan pada 27 Disember 2013 oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Bagi pencapaian modal insan, Kementerian mendapati projek penyelidikan yang diberi peruntukan RM30,000 ke bawah tidak berupaya melatih graduan PhD dan sarjana. Ini adalah kerana keperluan minimum untuk pembiayaan GRA ialah RM18, 000 setahun untuk seorang pelajar sarjana dan RM24,000 setahun untuk pelajar PhD.</p> <p>Selain itu, mengikut maklum balas UiTM yang dikemukakan melalui maklum balas Kementerian sebagai usaha memastikan penyelidik mencapai KPI mereka, perkara ini telah diberi arahan bertulis dan dijadikan agenda dalam Mesyuarat Penyelidikan Universiti, Majlis Penyelidikan Universiti, Senat dan Lembaga Pengarah Universiti. Pihak RMI sedia maklum mengenai KPI yang tidak dicapai oleh penyelidik berikutan tiada mekanisme khusus untuk memantau hasil modal insan bagi setiap projek penyelidikan. Bermula pada September 2013, <i>Research Management Institute</i> (RMI) telah memperkenalkan sistem pendaftaran pembantu penyelidik secara atas talian (<i>online</i>). Justeru, sistem ini menyediakan platform untuk penyelidik mendaftar Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) yang semakin meningkat selaras dengan pertambahan jumlah geran di UiTM.</p> <p>Mengikut maklum balas UNIMAS yang dikemukakan melalui maklum balas Kementerian, projek penyelidikan hanya dapat melatih 1 pelajar sarjana kerana kekangan peruntukan.</p> <p>Antara tindakan penambahbaikan yang telah dan sedang dilaksanakan adalah BPKI telah menyemak semula kaedah perekodan dokumen pemantauan supaya lebih terurus; Penggunaan sistem pemantauan secara atas talian (sistem MyGRANTS) sedang dilaksanakan. Modul pemantauan akan dilaksanakan pada 1 April 2014 kerana pihak urus setia sedang mengemaskini data-data penyelidikan yang diluluskan bermula tahun 2006 hingga fasa 1/2013; mengambil tindakan tegas terhadap penyelidik yang gagal mencapai prestasi yang ditetapkan dengan menyenaraihitamkan penyelidik tersebut. Perkara ini telah diputuskan dalam Mesyuarat Penyelidikan BPKI bersama pihak RMC Universiti pada 10 Disember 2013; membuat lawatan audit secara rawak ke IPT sekurang-kurangnya sekali setahun; dan BPKI telah beberapa kali membuat permohonan pertambahan perjawatan (kakitangan tetap). Permohonan terkini telah dibuat pada bulan April 2012 dan Julai 2013.</p> <p>Pada pendapat Audit pencapaian hasil penyelidikan masih rendah kerana hasrat melatih pelajar melalui projek penyelidikan tidak tercapai sepenuhnya iaitu hanya mencapai 62.1%. Pencapaian perlu dipertingkatkan lagi bagi menggalakkan budaya penyelidikan dan peningkatan dalam modal insan.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
10.5.3	<p><b>Pengurusan Baki Dana Penyelidikan FRGS</b></p> <p>Geran hendaklah digunakan dengan sepenuhnya bagi tujuan projek penyelidikan. Sebelum tahun 2013, Kementerian tidak menyediakan mekanisme berkenaan pengurusan baki dana penyelidikan FRGS. Mengikut ketetapan minit Mesyuarat Jawatankuasa Induk Dana Penyelidikan pada 22 November 2012, baki peruntukan yang tidak dibelanja di IPTA hendaklah digunakan semula (<i>offset</i>) untuk kelulusan permohonan baru berkuat kuasa bagi fasa pembukaan tahun 2013. Semakan Audit mendapati baki terkumpul dana penyelidikan setakat akhir bulan Disember 2013 di USM, UiTM dan UNIMAS berjumlah RM1.76 juta, RM0.20 juta dan RM0.43 juta masing-masing. Manakala baki dana penyelidikan bagi 17 IPTA yang lain ialah sejumlah RM11.05 juta. Amaun tersebut merupakan baki terkumpul sejak tahun 2006. Sehingga bulan Disember 2013 Kementerian belum melaksanakan ketetapan berkenaan pengurusan dana permohonan geran penyelidikan FRGS sebagaimana yang telah diputuskan dalam mesyuarat pada 22 November 2012. Selain itu, garis panduan/prosedur terperinci pengurusan dana penyelidikan juga masih belum diwujudkan.</p> <p>Semakan lanjut Audit mendapati selain tiada garis panduan/prosedur dan mekanisme yang jelas berkenaan pengurusan baki dana program penyelidikan FRGS, Kementerian juga tidak menyelenggara rekod baki dana dan hanya menerima laporan baki dana daripada IPTA. Akibatnya IPTA mempunyai baki dana tidak bergerak sejumlah RM13.44 juta.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Pendidikan Malaysia Yang Diterima Pada 31 Disember 2013 Dan 18 Februari 2014</p> <p>BPKI mengambil maklum berkenaan teguran audit bagi pengurusan baki dana di universiti dan dalam perancangan bagi mewujudkan garis panduan pengurusan baki dana bagi projek-projek yang tamat dan tidak aktif. Pihak RMC dan BPKI telah melaksanakan pengumpulan data baki dana penyelidikan bagi projek-projek penyelidikan yang telah tamat. Surat pemakluman pelaksanaan kontra dana penyelidikan kepada IPT telah dikeluarkan pada 30 Januari 2014 dan sistem MyGRANTS digunakan untuk memantau prestasi kewangan secara berterusan. Baki tersebut akan dikontra bagi pembayaran geran FRGS fasa 1/2014.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan dana program FRGS masih kurang cekap kerana dana program masih berbaki dalam jumlah yang besar dan tatacara pengurusannya tidak disediakan.</p>	<p>Surat pemakluman pelaksanaan kontra dana penyelidikan kepada IPT telah dikeluarkan pada 30 Januari 2014. Baki terkumpul berjumlah RM13, 444,517.51 di kesemua 20 IPTA akan dikontra bagi pembayaran geran FRGS fasa 1/2014.</p> <p>Sebagai langkah jangka panjang, sistem MyGRANTS juga digunakan untuk memantau prestasi kewangan secara berterusan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
10.5.4.1	<p><b>Pemantauan Program FRGS</b></p> <p>Berdasarkan laporan kemajuan prestasi fizikal projek penyelidikan di peringkat IPTA bagi 3 universiti yang dilawati adalah didapati tidak semua penyelidik mematuhi penyerahan laporan prestasi projek penyelidikan masing-masing kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan IPTA. Mengikut laporan tersebut bagi tempoh tahun 2010 hingga bulan Februari 2013, sebanyak 50 (5.4%) daripada 934 projek penyelidikan masih belum mengemukakan laporan prestasi fizikal projek penyelidikan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan iaitu terdiri daripada masing-masing UNIMAS sebanyak 14 projek, USM 16 projek dan UiTM 20 projek. Bakinya sebanyak 884 (94.6%) penyelidikan telah dikemukakan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan IPTA. Selain itu didapati juga BPKI hanya menetapkan tarikh laporan dihantar tetapi tidak menetapkan tempoh yang diliputi bagi laporan kemajuan prestasi projek penyelidikan oleh IPTA.</p>	<p>Untuk laporan Prestasi 1/2014, BPKI telah mengeluarkan surat bertarikh 8 Januari 2014 kepada semua RMC yang menetapkan tempoh yang diliputi bagi laporan prestasi tersebut.</p>
10.5.4.2	<p>BPKI telah membuat analisis laporan prestasi dan menyediakan laporan prestasi FRGS keseluruhan serta dikemukakan kepada Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi/Ketua Setiausaha Kementerian sehingga bulan Ogos 2012. Bagaimanapun BPKI tidak membuat analisis laporan prestasi dan tidak menyediakan laporan prestasi FRGS keseluruhan bagi bulan Februari 2013. Selain itu, Kementerian tidak membuat analisis lanjut dan mengambil tindakan susulan walaupun projek penyelidikan tidak tamat dalam tempoh sepatutnya dan tidak mencapai hasil yang ditetapkan. Kementerian juga tidak membuat lawatan ke IPTA yang menerima geran penyelidikan FRGS bagi menentukan pengurusan dan penggunaannya mematuhi syarat yang ditetapkan.</p> <p>Adalah didapati antara lain kelemahan di atas disebabkan Ketua Penyelidik kurang memberi perhatian terhadap penyediaan laporan prestasi dan laporan kewangan projek penyelidikan FRGS berbanding memberi lebih tumpuan kepada kerja-kerja penyelidikan. Selain itu, Pusat Pengurusan Penyelidikan di IPTA kurang memberi kawalan terhadap pengurusan penyediaan rekod laporan prestasi dan kewangan projek penyelidikan FRGS. Adalah juga didapati BPKI menghadapi kekangan perjawatan yang mana pada permulaan program dana penyelidikan dilancarkan, tanggungjawab BPKI hanya mengurus satu program (FRGS) bernilai RM285 juta berbanding dengan beban tugas semasa mengurus 5 program penyelidikan bernilai RM1 bilion dengan bilangan perjawatan yang tidak bertambah. Kesannya ialah pemantauan tidak dilaksanakan dengan kerap dan lawatan serta tindakan susulan terhadap IPTA yang tidak mengemukakan laporan tidak dapat dijalankan dengan berkesan.</p>	<p>Bagi pelaporan pemantuan bulan Februari 2013, Bahagian ini telah mengemukakan laporan tersebut kepada Ketua Pengarah, JPT pada 2 Januari 2014. Kelewatan penghantaran adalah kerana kekangan masa dan tenaga kerja bagi menyediakan laporan tersebut.</p> <p>Sehingga Julai 2008, setiap projek penyelidikan di bawah FRGS dibentangkan melalui Seminar Pembentangan Projek-projek penyelidikan FRGS di IPTA mengikut zon. Walau bagaimanapun, seminar ini terpaksa diberhentikan kerana kekangan kewangan Jabatan pada ketika itu dan juga arahan mantan Ketua Pengarah JPT. Lanjutan dari itu, RMC telah diberi mandat untuk melaksanakan pemantauan setiap projek di bawah universiti masing-masing melalui mesyuarat berkala 4 kali setahun.</p> <p>Pihak Kementerian akan membuat lawatan audit secara rawak ke IPT sekurang-kurangnya sekali setahun.</p> <p>Sistem MyGRANTS telah digunapakai bagi permohonan FRGS fasa 2/2013 yang merangkumi urusan permohonan, penilaian dan pemantauan. Maklumat dan data-data penyelidikan dalam RMK-10 sedang dikemaskini ke dalam sistem MyGRANTS bagi melengkapkan proses penyediaan analisis serta laporan prestasi dengan lebih mantap dan modul pemantauan akan digunakan pada 1 April 2014.</p> <p>Melalui Mesyuarat BPKI-RMC Bil. 1/14 pada 20 Mac 2014, pihak RMC akan diarahkan supaya mengenakan tindakan pemberhentian projek, impak kepada sasaran kerja tahunan dan disenaraihitamkan untuk projek-projek</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Maklum Balas Kementerian Pendidikan Malaysia Yang Diterima Pada 31 Disember 2013 Dan 18 Februari 2014</p> <p>BPKI telah membuat laporan analisis dan mengemukakannya kepada Ketua Pengarah bagi pelaporan pemantuan bulan Februari 2013 pada 2 Januari 2014. Kelewatan penghantaran kerana kekangan masa dan tenaga kerja bagi menyediakan laporan tersebut.</p> <p>Sehingga Julai 2008, setiap projek penyelidikan di bawah FRGS dibentangkan melalui Seminar Pembentangan Projek-projek penyelidikan FRGS IPTA. Walau bagaimanapun, seminar ini terpaksa diberhentikan kerana kekangan kewangan Jabatan pada ketika itu dan juga arahan mantan Ketua Pengarah JPT. Lanjutan dari itu, RMC telah diberi mandat untuk melaksanakan pemantauan setiap projek di bawah universiti masing-masing melalui mesyuarat berkala 4 kali setahun.</p> <p>Sistem MyGRANTS telah digunapakai bagi permohonan FRGS fasa 2/2013 yang mencakupi urusan permohonan dari penyelidik, penilaian peringkat jabatan/fakulti/RMC/BPKI, <i>progress tracking</i>, analisis dan pelaporan projek. Maklumat dan data-data penyelidikan sejak tahun 2006 akan dimuatnaik ke dalam sistem MyGRANTS bagi melengkapkan proses penyediaan analisis serta laporan prestasi dengan lebih mantap.</p> <p>Perjawatan sedia ada di bawah Unit Penyelarasan Penyelidikan iaitu hanya seorang pegawai M52 dan seorang pegawai M41 (mengikut waran perjawatan Bil. S.236 tahun 2008 berkuatkuasa 1/12/2008) menghadkan keupayaan BPKI untuk melaksanakan proses pemantauan secara lebih berkesan.</p> <p>Langkah-langkah berikut telah dikenalpasti bagi penambahbaikan proses pemantauan seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• memastikan pihak universiti menghantar Laporan Pemantauan dua kali setahun iaitu pada setiap 15 Februari dan 15 Ogos (telah dilaksanakan bermula tahun 2009);</li> <li>• data-data penyelidikan yang diluluskan bermula tahun 2006 sedang dikemaskini ke dalam sistem MyGRANTS dan modul pemantauan akan digunakan pada 1 April 2014; dan</li> <li>• mengambil tindakan tegas terhadap penyelidik yang gagal mencapai prestasi yang ditetapkan dengan menyenaraihitamkan penyelidik tersebut. Perkara ini telah diputuskan dalam Mesyuarat Penyelarasan BPKI bersama pihak RMC</li> </ul>	<p>akan datang bagi projek yang tidak tamat dalam tempoh sepatutnya serta mencatat prestasi perbelanjaan yang kurang memuaskan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Universiti pada 10 Disember 2013.</p> <p>Selain itu, pihak IPTA yang terlibat telah memberi peringatan kepada penyelidik dan akan membekukan peruntukan seterusnya bagi penyelidik yang tidak mengemukakan Laporan Prestasi.</p> <p>Pada pendapat Audit, langkah-langkah yang dicadangkan perlu dilaksanakan dengan teratur bagi memastikan aktiviti penyelidikan dilaksanakan dengan berkesan. Selain itu lawatan ke IPTA bagi melihat pelaksanaan program perlu juga dilaksanakan.</p>	
<p><b>10.5.5.1</b></p>	<p><b>Pengurusan Aset Program Penyelidikan FRGS</b></p> <p>Sebanyak 37 aset/inventori bernilai RM68,001 bagi tujuan penyelidikan tidak dikembalikan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan oleh penyelidik. Aset/inventori tersebut antara lainnya terdiri daripada laptop, Ipad, printer dan projektor. Sebanyak 27 peralatan bernilai RM51, 796 di UiTM tidak dikembalikan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan oleh penyelidik setelah projek tamat. Manakala 10 lagi peralatan bernilai RM16,205 di UiTM (1 projek dan 7 peralatan) dan UNIMAS ( 2 projek dan 3 peralatan) tidak dikembalikan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan oleh penyelidik semasa bercuti belajar.</p>	<p>Merujuk kepada Garis Panduan Permohonan Geran Penyelidikan Fundamental IPTA (FRGS) 2010, tatacara pengurusan aset telah dijelaskan yang mana pengurusan aset adalah di bawah tanggungjawab pihak pengurusan penyelidikan setiap IPT. Aset adalah menjadi hak milik bersama Kerajaan Malaysia dan IPT. Sebarang pelupusan aset hendaklah mengikut prosedur yang telah ditetapkan.</p>
<p><b>10.5.5.2</b></p>	<p>Perolehan bagi 5 aset/inventori bagi 3 projek bernilai RM7,882 di UNIMAS dibuat secara tunai bagi keperluan segera peralatan geran penyelidikan FRGS tanpa melalui Pusat Pengurusan Penyelidikan. Ini boleh menyebabkan Pusat Pengurusan Penyelidikan tidak dapat melakukan pemantauan dan kurang kawalan terhadap perolehan aset berkaitan. Ketua Penyelidik akan membuat tuntutan bayaran balik kepada pihak Bendahari UNIMAS dengan menyertakan resit pembelian peralatan tersebut yang telah disahkan oleh pihak Fakulti.</p>	<p>Pihak Kementerian akan memastikan aset yang dibeli di bawah dana penyelidikan FRGS dikawal dengan berkesan oleh pihak RMC universiti. Sebagai permulaan, pihak universiti akan diminta untuk mengemukakan laporan aset kepada pihak BPKI secara berkala iaitu dua kali setahun mulai 1 Jun 2014. Pihak BPKI juga meminta pihak universiti merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan berkaitan Perolehan Aset Kerajaan. Pemantauan aset akan dilaksanakan di IPT dengan bantuan Unit Audit Dalam, Sektor Pengajian Tinggi.</p>
<p><b>10.5.5.3</b></p>	<p>Pemeriksaan terhadap 90 projek penyelidikan mendapati 48 unit aset/inventori bernilai RM81,118 bagi 17 projek penyelidikan di 3 IPTA tidak didaftarkan di dalam KEW.PA-2 dan KEW.PA-3. Selain itu aset/inventori tersebut juga tidak diberi nombor rujukan kawalan dan tidak dilabelkan nombor rujukan serta 'Hak Milik Kerajaan/IPTA'.</p> <p>Adalah didapati kelemahan pengurusan aset FRGS ini antara lainnya disebabkan Pusat Pengurusan Penyelidikan kurang memberi perhatian terhadap perolehan/pendaftaran/penyimpanan serta penggunaan aset yang dibeli dengan menggunakan peruntukan geran. Manakala para penyelidik pula menganggap aset</p>	<p>Mengikut maklum balas UiTM yang dikemukakan melalui maklum balas Kementerian, UiTM membenarkan aset dan inventori terus digunakan dan penyelidik sebagai custodian. Oleh itu, mereka akan bertanggungjawab di atas keselamatan aset tersebut. Penjagaan dan penggunaan aset dan inventori diberikan untuk penyelidik meneruskan aktiviti projek seperti menulis. Oleh yang demikian, aset dan inventori dapat digunakan secara optimum. Sebagai kawalan, kerja-kerja verifikasi aset sentiasa dilakukan setiap tahun untuk memastikan semua aset dalam keadaan baik dan selamat untuk digunakan. Mengikut UiTM lagi, bagi penyelidik yang akan cuti belajar, mereka dikehendaki memulangkan semua aset kepada Ketua</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>yang digunakan oleh mereka semasa menjalankan kerja penyelidikan sebagai aset yang diguna habis dan tidak perlu dipulangkan ke IPTA. Penyelidik juga kurang jelas berkenaan peraturan perolehan aset. Ekoran itu, risiko kepada kehilangan aset dan penyalahgunaannya boleh berlaku. Pembaziran perolehan aset juga berlaku kerana IPTA terpaksa membuat perolehan aset bagi setiap kali projek penyelidikan hendak dilaksanakan.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Pendidikan Malaysia Yang Diterima Pada 31 Disember 2013 Dan 18 Februari 2014</p> <p>Merujuk kepada Garis Panduan Permohonan Geran Penyelidikan Fundamental IPTA (FRGS) pindaan tahun 2010, tatacara pengurusan aset telah dijelaskan yang mana pengurusan aset adalah di bawah tanggungjawab pihak pengurusan penyelidikan setiap IPT. Aset adalah menjadi hak milik bersama Kerajaan Malaysia dan IPT. Sebarang pelupusan aset hendaklah mengikut prosedur yang telah ditetapkan.</p> <p>Pihak Kementerian akan memastikan aset yang dibeli di bawah dana penyelidikan FRGS dikawal dengan berkesan oleh pihak RMC universiti. Sebagai permulaan, pihak universiti akan diminta untuk mengemukakan laporan aset kepada pihak BPKI secara berkala iaitu dua kali setahun. Pihak BPKI juga meminta pihak universiti merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan Berkaitan Perolehan Aset Kerajaan. Pihak BPKI telah melaksanakan proses pembaziran terhadap setiap RMC dalam memproses permohonan geran FRGS mulai Fasa 1/2013. Pemantauan aset akan dilaksanakan bermula tahun 2015 dengan bantuan Unit Audit Dalam, Sektor Pengajian Tinggi. Aset/Inventori yang dibangkitkan dalam penemuan Audit telah didaftar dan dilabel selepas teguran Audit.</p> <p>Selain itu, mengikut maklum balas UiTM yang dikemukakan melalui maklum balas Kementerian, UiTM membenarkan aset dan inventori terus digunakan dan penyelidik sebagai custodian. Oleh itu, mereka akan bertanggungjawab di atas keselamatan aset tersebut. Penjagaan dan penggunaan aset dan inventori diberikan untuk penyelidik meneruskan aktiviti projek seperti menulis. Oleh yang demikian, aset dan inventori dapat digunakan secara optimum. Sebagai kawalan, kerja-kerja verifikasi aset sentiasa dilakukan setiap tahun untuk memastikan semua aset dalam keadaan baik dan selamat untuk digunakan. Mengikut UiTM lagi, bagi penyelidik yang akan cuti belajar, mereka dikehendaki memulangkan semua aset kepada Ketua Projek atau kepada Fakulti/Bahagian di mana Ketua Projek berada. Sekiranya mereka membawa aset tersebut, itu adalah di luar kawalan <i>Research Management Institute</i>.</p> <p>Mengikut maklum balas UNIMAS yang dikemukakan melalui maklum balas</p>	<p>Projek atau kepada Fakulti/Bahagian di mana Ketua Projek berada. Sekiranya mereka membawa aset tersebut, itu adalah di luar kawalan <i>Research Management Institute</i>, UiTM.</p> <p>Mengikut maklum balas UNIMAS yang dikemukakan melalui maklum balas Kementerian, pihak fakulti mengawal pergerakan aset/inventori dan penyelidik telah mendapatkan kelulusan fakulti bagi menggunakan aset semasa cuti belajar. Manakala pembelian peralatan bagi projek FRGS/03(04)/772/2010(53) dan FRGS/03(07)/839/2012(79) adalah berdasarkan kelulusan asal dalam permohonan. Bagi projek FRGS/03(07)/839/2012(79) pembelian adalah melalui kelulusan fakulti. Bagi perolehan aset melebihi peruntukan, kelulusan pembelian adalah melalui institusi.</p>



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Kementerian, pihak fakulti mengawal pergerakan aset/inventori dan penyelidik telah mendapatkan kelulusan fakulti bagi menggunakan aset semasa cuti belajar. Manakala pembelian peralatan bagi projek FRGS/03(04)/772/2010(53) dan FRGS/03(07)/839/2012(79) adalah berdasarkan kelulusan asal dalam permohonan. Bagi projek FRGS/03(07)/839/2012(79) pembelian adalah melalui kelulusan fakulti. Bagi perolehan aset melebihi peruntukan, kelulusan pembelian adalah melalui institusi.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan aset/inventori projek penyelidikan adalah kurang memuaskan terutamanya aspek kawalan terhadap pergerakan dan pendaftaran aset menyebabkan aset tidak dikembalikan oleh penyelidik setelah projek tamat atau penyelidik bercuti belajar. Aset/inventori tersebut juga berisiko tinggi kepada kehilangan dan mudah disalahgunakan disebabkan kelemahan kawalan dalaman. Aset/inventori yang masih boleh digunakan perlu diagihkan semula kepada projek penyelidikan yang lain bagi tujuan penjimatan.</p>	

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 1 TAHUN 2013**

**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**Perenggan 11 : Pengurusan Program Pemulihan Kanak-Kanak Kekurangan Zat Makanan**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<b>11.5.2.1.b</b>	<p><b>Pelaksanaan Program - Pulih KPI Tidak Menunjukkan Gambaran Sebenar</b></p> <p>Analisis lanjut terhadap Pulih KPI di PKD/PKK yang dilawati mendapati hanya 94 atau 40.2% daripada 234 kanak-kanak KBB yang benar-benar pulih selepas menerima 6 bakul makanan dan diberhentikan pemberian bakul makanan. Manakala 114 kanak-kanak pulih dalam tempoh 7 hingga 48 bulan dan 26 kanak-kanak masih belum pulih.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 8 Januari 2014 Dan 7 Februari 2014</p> <p>Berdasarkan maklum balas Kementerian, penggunaan istilah pulih dalam KPI KPK lebih menggambarkan kadar peningkatan berat badan menuju ke arah pulih. Pengurusan kes yang dijalankan secara lebih agresif pada awal pemberian bakul makanan (dalam tempoh ≤ 6 bakul) dapat meningkatkan kebarangkalian kes tersebut untuk pulih melalui latihan kepada anggota kesihatan yang terlibat dengan pengendalian Program PKKZM.</p> <p>Pada pendapat Audit, latihan berterusan perlu dilaksanakan bagi memastikan kadar pemulihan KBB dapat dipertingkatkan terutamanya Pulih Pengurusan.</p>	<p>Indikator PULIH bagi KPI KPK telah ditukar kepada indikator PENINGKATAN BERAT BADAN selepas ≤ 6 bulan penilaian. Penetapan sasaran KPI KPK telah dinaikkan daripada 25% pada tahun 2013 kepada 30% di tahun 2014. Kedua- dua indikator ini telah dipersetujui oleh Ketua Pengarah Kesihatan di dalam Mesyuarat Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Ketua Pengarah Kesihatan 2013 pada 29 Januari 2014.</p>
<b>11.5.2.2.b</b>	<p><b>Kanak-Kanak KBB Tidak Pulih Berdasarkan Objektif Program</b></p> <p>Semakan lanjut di PKD/PKK yang dilawati mendapati bilangan kes kanak-kanak pulih yang diperolehi dari data KZM 201 kumulatif adalah berbeza sebanyak 594 kes dengan data KZM 201 A.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 8 Januari 2014 Dan 7 Februari 2014</p> <p>Berdasarkan maklum balas Kementerian, pelbagai faktor luar kawalan yang menyumbang kepada kelewatan pemulihan kes dalam tempoh ditetapkan.</p>	<p>Bilangan khidmat kaunseling pemakanan atau Runding Cara Pemakanan oleh Pegawai Sains Pemakanan (PSP) telah dipertingkatkan seperti berikut:-</p> <p>(i) 17,217 (2011);</p> <p>(ii) 22,107 (2012); dan</p> <p>(iii) 27,332 (2013)</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Bagaimanapun, perbezaan data yang dilaporkan pula adalah berpunca daripada data yang tidak dikemas kini. Pengurusan data PPKZM telah dipertingkatkan melalui pelaksanaan Registri Kebangsaan PPKZM secara <i>web-based</i>.</p> <p>Pada pendapat Audit, runding cara pemakanan, lawatan ke rumah kanak-kanak KBB dan pemantauan perlu dipertingkatkan bagi memastikan objektif program tercapai. Selain itu, pengurusan data PPKZM perlu dipantau dari semasa ke semasa bagi memastikan data yang dikumpul adalah terkini dan tepat.</p>	<p>Manakala itu, pengurusan data PPKZM telah dipantau di peringkat Bahagian Pemakanan melalui Unit Pengawasan Pemakanan dan Data dipantau setiap bulan. Penggunaan sepenuhnya Sistem Registri Kebangsaan PPKZM yang bermula pada Januari 2014 akan dapat memastikan data yang dikumpul adalah terkini dan tepat.</p>
<p><b>11.5.2.3.a</b></p>	<p><b>Pengurusan Peruntukan Dan Perbelanjaan - Peruntukan Bakul Makanan Digunakan Untuk Tujuan Lain</b></p> <p>Bagi menjayakan PPKZM, Bahagian Pemakanan Kementerian pada tahun 2011 hingga 2013 telah menerima peruntukan sejumlah RM66.51 juta daripada peruntukan mengurus, peruntukan <i>One-Off NKRA</i> bagi kanak-kanak KBB dari kalangan keluarga miskin dan mudah miskin serta untuk PCF di kalangan OA. Peruntukan kewangan tersebut diagihkan oleh Kementerian kepada Jabatan Kesihatan Negeri (JKN), seterusnya JKN menyalurkan peruntukan tersebut berdasarkan bilangan kes yang terdapat di sesebuah daerah/kawasan. Semakan Audit terhadap rekod kewangan di Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Jerantut; Pejabat Kesihatan Kawasan (PKK) Kota Kinabalu; PKD Gua Musang Kelantan mendapati peruntukan yang diterima bagi perolehan bakul makanan khususnya peruntukan <i>One-Off NKRA</i> tidak digunakan sepenuhnya bagi tujuan asal peruntukan, sebaliknya digunakan untuk pembelian lain seperti aset dan peralatan; perolehan tikar, perabot, langsir, penghadang, bantal dan keperluan bilik penyusuan susu ibu; hamper program larian dan peserta pertandingan memasak; perbelanjaan makan dan minum mesyuarat; menyediakan cenderahati dan hadiah serta mencetak <i>t-shirt</i>. Antara faktor yang menyebabkan perkara ini berlaku ialah tiada pemantauan daripada Pegawai Sains Pemakanan (PSP) Daerah terhadap perbelanjaan semasa; Buku <i>Vot dummy</i> tidak disediakan oleh PSP Daerah bagi mengawal perbelanjaan seperti kehendak garis panduan dan PSP Daerah kurang arif berkaitan peraturan kewangan.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 8 Januari 2014 Dan 7 Februari 2014</p> <p>Berdasarkan maklum balas Kementerian, skop perbelanjaan peruntukan meliputi aktiviti berkaitan PPKZM dan pemakanan seperti penyusuan susu ibu, pencegahan dan kawalan obesiti serta program pemakanan komuniti. Jawatankuasa Siasatan Dalaman telah ditubuhkan pada 27 Januari 2014 dan siasatan dijangka akan selesai</p>	<p>KKM telah menjalankan latihan yang berterusan kepada pegawai-pegawai yang berkaitan seperti Pegawai Sains Pemakanan dan anggota kesihatan yang baru dilantik mengenai tatacara kewangan di peringkat negeri dan daerah seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) 27 Disember 2013 di Negeri Pahang;</li> <li>(ii) 19 Januari 2014 di Negeri Kelantan; dan</li> <li>(iii) 19 Feb 2014 di Negeri Sabah</li> </ul>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>pada akhir bulan Februari 2014.</p> <p>Pada pendapat Audit, pemantauan ke atas peruntukan dan pengetahuan pegawai berhubung peraturan kewangan perlu dipertingkatkan bagi memastikan peruntukan dibelanjakan mengikut peraturan.</p>	
11.5.2.4.a	<p><b>Pengurusan Perolehan Dan Pengagihan Bakul Makanan - Harga Bakul Makanan Tidak Berdasarkan Garis Panduan</b></p> <p>Semakan Audit terhadap Laporan Kanak-Kanak KBB Menerima Bantuan (KZM 201); sebut harga pembekal dan baucar bayaran di PKD Kinta Perak; PKK Kota Kinabalu dan Tawau Sabah; PKD Jerantut dan Kuala Lipis Pahang serta PKD Gua Musang Kelantan mendapati nilai perolehan setiap bakul makanan melebihi kadar RM150 yang ditetapkan dalam garis panduan. Antara faktor yang menyebabkan perkara ini berlaku ialah kenaikan harga bagi barang terlibat dan perbezaan harga item dalam bakul yang tinggi khususnya di kawasan pedalaman. Ini mengakibatkan berlaku pertambahan perbelanjaan sebanyak RM4.70 hingga RM88.80 bagi setiap bakul makanan dengan nilai keseluruhan berjumlah RM0.24 juta.</p>	<p>KKM telah melaksanakan penambahbaikan kepada Garis Panduan Program Pemulihan Kanak-kanak Kekurangan Zat Makanan 2008 dan akan mula digunapakai pada bulan Mac 2014. Pada masa ini, harga bakul makanan yang ditetapkan adalah sama di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak iaitu RM150.00 – RM180.00. Manakala itu, taklimat penggunaan Garis Panduan Program Pemulihan Kanak-kanak Kekurangan Zat Makanan 2014 akan diadakan pada 6 Mac 2014 kepada semua negeri.</p>
11.5.2.4.b	<p><b>Kandungan Bakul Makanan Tidak Berdasarkan Garis Panduan</b></p> <p>Kandungan dan kuantiti makanan tidak berdasarkan 13 pilihan pakej makanan ditetapkan di semua Pejabat Kesihatan Daerah/Kawasan yang dilawati. Antara faktor yang menyebabkan perkara ini berlaku ialah kandungan bakul diubahsuai oleh PSP mengikut permintaan penerima bantuan, pengubahsuaian dibuat mengikut bajet yang diperuntukkan dan lain-lain. Ini mengakibatkan keperluan kalori dan protein harian kanak-kanak KBB tidak mencukupi dan boleh melambatkan kenaikan berat badan kanak-kanak serta bertentangan dengan garis panduan yang ditetapkan.</p>	
11.5.2.4.c	<p><b>Butiran Pesanan Kerajaan Tidak Lengkap Dan Perolehan Item Berbeza Daripada Sebut Harga Pembekal</b></p> <p>Arahan Perbendaharaan (AP) 176.1 (a) dan (b) menetapkan perhatian khusus hendaklah diberikan kepada maklumat penuh mengenai perolehan, harga seunit yang dipersetujui, kuantiti yang dikehendaki, tarikh, masa dan tempat serahan dan lain-lain yang berkenaan. Selain itu, bagi perolehan yang tidak melebihi RM50, 000 Pesanan Kerajaan perlu dikeluarkan bagi menjamin kepentingan Kerajaan. Semakan Audit mendapati Pesanan Kerajaan yang dibuat bagi tujuan perolehan bakul makanan tidak lengkap diisi di ruangan jenis, kuantiti dan harga sebaliknya hanya dicatat dengan bilangan bakul makanan yang diperlukan sahaja menyebabkan pengesahan barangan tidak dapat dilakukan. Pihak Audit turut dimaklumkan, item</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>bakul makanan yang diterima berbeza dengan item yang disenaraikan dalam sebut harga pembekal kerana PSP yang bertanggungjawab telah membuat perubahan pesanan melalui panggilan telefon kepada pembekal mengikut permintaan dan kesesuaian penerima bakul makanan ketika itu.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 8 Januari 2014 Dan 7 Februari 2014</p> <p>Berdasarkan maklum balas Kementerian, harga bakul makanan yang ditetapkan adalah pada kadar RM150. Bagaimanapun, mulai 2 April 2013 harga bakul makanan telah dinaikkan kepada RM180 yang melibatkan kawasan pedalaman di mana kos barang makanan tersebut adalah lebih tinggi. Kadar dan kandungan bakul makanan akan dikaji semula apabila penambahbaikan kepada Garis Panduan Program Pemulihan Kanak-kanak Kekurangan Zat Makanan 2008. Jawatankuasa Siasatan Dalaman telah ditubuhkan pada 27 Januari 2014 bagi menyiasat perubahan yang telah dibuat ke atas item bakul makanan yang berbeza dengan sebut harga pembekal. Selain itu pegawai berkenaan telah diberi teguran dan peringatan supaya mematuhi peraturan. Tindakan yang diambil dijangka selesai pada akhir bulan Februari 2014.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan perolehan dan pengagihan bakul makanan perlu berpandukan garis panduan yang berkuat kuasa dan peraturan kewangan yang ditetapkan.</p>	
11.5.2.5.b	<p><b>Program <i>Community Feeding (PCF)</i> - Pemberian Elaun Sukarelawan OA Tanpa Kelulusan</b></p> <p>Pemberian elaun sukarelawan perlu mendapat kelulusan khas daripada Pihak Berkuasa Kewangan seperti Perbendaharaan. Semakan Audit mendapati elaun sukarelawan berjumlah RM28, 350 telah dibayar. Bagaimanapun tiada bukti menunjukkan kelulusan khas telah diperolehi oleh Kementerian berhubung perkara ini. Ia berlaku disebabkan Kementerian tidak maklum berhubung keperluan kelulusan khas bagi pembayaran elaun tersebut dan mengakibatkan perbelanjaan dibuat tanpa kelulusan daripada Pihak Berkuasa.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 8 Januari 2014 Dan 7 Februari 2014</p> <p>Berdasarkan maklum balas Kementerian, pembayaran dibuat sebagai kesinambungan program yang telah dijalankan oleh pihak JAKOA sebelum ini. Surat</p>	Maklumbalas adalah seperti di perenggan 11.5.2.5.b

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>permohonan kelulusan pembayaran telah dikemukakan kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan pada 31 Disember 2013 dan Kementerian telah pun memperolehi kelulusan daripada Kementerian Kewangan, melalui surat KK/BP/WAI 09/547/1 Jld.8 s.k5/2013 (5) bertarikh 23 Januari 2013.</p>	
<p><b>11.5.2.5.c</b></p>	<p><b>Menu Makanan Harian Berbeza Antara Negeri</b></p> <p>Aktiviti utama dalam PCF ialah semua kanak-kanak OA berumur 6 tahun ke bawah diberikan makanan harian 5 atau 6 kali seminggu termasuk makanan berkalori dan berprotein tinggi iaitu <i>Ready to Use Therapy Food</i> (RUTF) sebanyak 2 - 3 kali seminggu bagi meningkatkan berat badan. Semakan Audit di PKD Jerantut dan Kuala Lipis di Pahang serta PKD Gua Musang di Kelantan mendapati menu makanan harian dan jadual waktu harian pemberian makanan adalah berbeza antara negeri. Ini disebabkan garis panduan khusus masih belum diwujudkan bagi program ini memandangkan ia baru dilaksanakan pada tahun 2013.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 8 Januari 2014 Dan 7 Februari 2014</p> <p>Berdasarkan maklum balas Kementerian, jenis makanan selain RUTF adalah mengikut kesesuaian dan cita rasa kanak-kanak. Menu yang disediakan adalah mengikut kreativiti pihak Jabatan Kesihatan Negeri berdasarkan harga yang telah ditetapkan. Draf Garis Panduan <i>Program Community Feeding</i> sedang dimurnikan dan akan diguna pakai pada Mac 2014.</p>	<p>Garis Panduan Program <i>Community Feeding</i> yang telah ditambahbaik akan diguna pakai pada bulan Mac 2014.</p>
<p><b>11.5.2.5.d</b></p>	<p><b>Tiada Rekod Kawalan Bagi Stok RUTF</b></p> <p><i>Ready to Use Therapeutic Food</i> (RUTF) merupakan makanan harian yang diberikan kepada kanak-kanak OA 2-3 kali seminggu. RUTF mengandungi tenaga padat diperkaya dengan mikronutrien yang diperbuat daripada kacang tanah, minyak, gula dan susu tepung. Pemeriksaan Audit mendapati PKD Jerantut Pahang ada membuat perolehan stok RUTF sebanyak 900 paket bernilai RM4,320 (RM4.80 seunit) pada tahun 2013 bagi kegunaan harian kanak-kanak OA selama 6 bulan di Kg. Sungai Tiang, Kg. Sg. Mai dan Kg. Sungai Koi. Bagaimanapun didapati rekod kawalan stok tidak diwujudkan bagi mengawal stok RUTF. Selain itu pemeriksaan fizikal Audit mendapati stok RUTF tidak disimpan di stor khas, sebaliknya ia disimpan di ruang makan (<i>pantry</i>) Unit Pemakanan PKD Jerantut. Ini mengakibatkan baki semasa stok tidak dapat disahkan dan stok RUTF yang disimpan di <i>pantry</i> terdedah kepada ancaman makhluk perosak seperti tikus, semut dan cicak.</p>	<p>Pemantauan keberkesanan PCF dibuat melalui dua indikator iaitu Peratus liputan kanak-kanak Kekurangan Zat Makanan Orang Asli/ Penan yang terlibat di dalam Program <i>Community Feeding</i> sebanyak 95% dan Peratus pulih kanak-kanak Kekurangan Zat Makanan Orang Asli/ Penan sebanyak 25%. Indikator ini diputuskan di dalam <i>Lab GTP2.0</i> pada 23 April – 31 Mei 2012 melalui <i>stakeholder sign-off</i> oleh YB Menteri Kesihatan, Ketua Setiausaha dan Ketua Pengarah Kesihatan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 8 Januari 2014 Dan 7 Februari 2014</p> <p>Berdasarkan maklum balas Kementerian, stok RUTF telah disimpan ke dalam almari besi dan borang KEW-PS4 telah digunakan mulai bulan September 2013. Penggunaan bilik stor yang lebih sesuai akan digunakan oleh Unit Pemakanan apabila Klinik Kesihatan Jerantut siap pada pertengahan tahun 2014.</p> <p>Pada pendapat Audit, pihak Kementerian perlu memantau keberkesanan PCF dan memastikan program ini dilaksanakan mengikut semua peraturan yang ditetapkan.</p>	
11.5.2.6.a	<p><b>Perjanjian Kontrak - Klausu Kontrak Tidak Dipatuhi</b></p> <p>Kontrak pembekalan susu formula khas bagi kanak-kanak kekurangan zat makanan di antara Tuah Cempaka Enterprise dengan PKD Kuala Lipis dimeterai pada bulan Mac 2013 bagi tempoh 11 bulan dengan nilai RM179,388. Antara klausa yang terdapat dalam perjanjian tersebut ialah pesanan Kerajaan akan dibuat oleh pegawai bertanggungjawab secara rasmi serta bertulis kepada Kontraktor dan Kerajaan tidak bertanggungjawab ke atas pesanan yang dibuat selain daripada rasmi dan bertulis. Kerajaan boleh mengambil tindakan bagi kelewatan bekalan barang makanan dengan menamatkan kontrak dan merampas cagaran, membeli barang makanan daripada sumber lain dan perbezaan harga dibayar oleh Kontraktor serta mengenakan denda pada kadar 5% atau 10% bergantung kepada keadaan. Semakan Audit mendapati Pesanan Kerajaan secara rasmi dan bertulis tidak dibuat kepada Kontraktor bagi 4 inbois iaitu pada 10 Jun, 8 Julai, 5 dan 22 Ogos 2013. Setiap inbois bernilai RM15, 552 dengan jumlah keseluruhan bernilai RM62, 208, sebaliknya pesanan hanya dibuat melalui telefon oleh PSP kepada Kontraktor. Akibatnya tindakan denda atau penamatan kontrak sukar diambil kerana tiada bukti pesanan dibuat terhadap pembekal walaupun surat amaran ada dikeluarkan pada 1 Ogos 2013 terhadap kelewatan pembekalan bakul makanan bagi bulan Mei hingga Julai 2013. Antara faktor yang menyebabkan perkara ini berlaku adalah kerana PKD Kuala Lipis tidak memberi perhatian terhadap keperluan syarat-syarat kontrak dan kontrak tidak disemak oleh Penasihat Undang-Undang (PUU) Kementerian. Keadaan ini menyebabkan bekalan bakul makanan lewat diterima dan tidak dapat diagihkan kepada penerima pada masa yang ditetapkan sekali gus menjejaskan aktiviti PPKZM.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 8 Januari 2014 Dan 7 Februari 2014</p> <p>Berdasarkan maklum balas Kementerian, penambahbaikan akan dibuat pada</p>	<p>Perjanjian bagi kontrak yang baru 2014 telah dibuat dan disemak oleh Penasihat Undang-Undang. Perjanjian kontrak yang baru telah dimuktamadkan pada 31 Jan 2014 kepada dua syarikat iaitu:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) AYID Enterprise – untuk kawasan pendalaman</li> <li>(ii) JR MULTITASK enterprise – untuk luar pendalaman</li> </ul> <p>Jawatankuasa Siasatan Dalaman telah ditubuhkan pada 27 Januari 2014 dan siasatan dijangka akan selesai pada akhir bulan Februari 2014.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>perjanjian kontrak yang baru bagi tahun 2014 serta disemak oleh Penasihat Undang-Undang.</p> <p>Pada pendapat Audit, kegagalan pegawai mengeluarkan Pesanan Kerajaan yang menyebabkan denda tidak dapat dikenakan perlu diambil tindakan sewajarnya.</p>	
<p><b>11.5.2.6.b</b></p>	<p><b>Kontrak Tidak Disediakan</b></p> <p>Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan kontrak hendaklah ditandatangani secepat mungkin selepas semua terma dan syarat dipersetujui oleh kedua-dua pihak selewat-lewatnya empat (4) bulan dari tarikh keluarnya Surat Setuju Terima (SST). PKD Gua Musang, Kelantan ada melaksanakan perolehan susu tepung penuh krim pada bulan Jun 2013 dan pembekalan bakul makanan bagi PPKZM pada bulan Mac 2013 masing-masing secara sebut harga melalui <i>e-Bidding</i>. Semakan Audit mendapati sehingga 31 Oktober 2013 kontrak bernilai RM0.56 juta tersebut masih belum disediakan dengan kelewatan 13 hingga 112 hari.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 8 Januari 2014 Dan 7 Februari 2014</p> <p>Berdasarkan maklum balas Kementerian, perjanjian kontrak sedang disediakan oleh PKD dan dijangka siap pada bulan Februari 2014.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan kontrak bagi perolehan bakul makanan perlu dipertingkatkan bagi menjaga kepentingan Kerajaan.</p>	<p>Perjanjian kontrak telah disiapkan pada 20 Januari 2014.</p>
<p><b>11.5.2.7.a</b></p>	<p><b>Pengesahan Sumber Pendapatan - Tiada Bukti Kediaman Dilawati</b></p> <p>Tiada bukti lawatan fizikal dibuat oleh anggota kesihatan terlibat sebelum bantuan bakul makanan diberikan seperti yang ditetapkan dalam garis panduan. Selain itu, lawatan fizikal Audit bersama-sama PSP di PKD Batang Padang Perak dan Kota Kinabalu Sabah mendapati mereka menginap di kediaman sendiri, keadaan kediaman penerima bantuan agak selesa yang dilengkapi dengan perabot, peralatan elektrik seperti set <i>home theatre</i> dan memiliki kenderaan sendiri yang menimbulkan keraguan sama ada mereka ini boleh dikategorikan sebagai golongan miskin, seterusnya layak menerima bantuan daripada Kementerian.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 8 Januari 2014 Dan 7 Februari 2014</p>	<p>Garis Panduan Program Pemulihan Kanak-Kanak Kekurangan Zat Makanan 2014 yang akan digunapakai pada bulan Mac 2014 telah mengambil kira pengesahan lawatan ke rumah dan pengesahan pendapatan isi rumah.</p>



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Berdasarkan maklum balas Kementerian, Garis Panduan PPKZM 2008 tidak menyediakan sebarang borang atau format untuk pengesahan semasa lawatan dilakukan. Format khas bagi tujuan pengesahan lawatan ke rumah akan diperkenalkan dalam semakan Garis Panduan Program Pemulihan Kanak-kanak Kekurangan Zat Makanan.</p>	
<p><b>11.5.2.7.b</b></p>	<p><b>Tiada Pengesahan Sumber Pendapatan</b></p> <p>Semakan terhadap borang profail kes (KZM 102) dan rekod kanak-kanak yang berkaitan di daerah/kawasan yang dilawati mendapati butiran pendapatan isi rumah ada direkodkan dalam borang profail kes. Bagaimanapun tiada surat sokongan pengesahan pendapatan daripada pihak sepatutnya sebagai bukti bagi mengesahkan rekod tersebut adalah benar dan sah. Semakan lanjut Audit mendapati pengesahan pendapatan hanya dibuat secara lisan oleh ibu atau bapa kanak-kanak KBB ketika lawatan ke klinik berkaitan. Antara faktor yang menyebabkan perkara ini berlaku ialah tiada format disediakan oleh Kementerian bagi tujuan pengesahan dan kebanyakan ibu bapa kanak-kanak KBB bekerja sendiri serta tiada penyata pendapatan. Ini mengakibatkan maklumat mengenai pendapatan isi rumah di dalam borang profail kes kanak-kanak KBB boleh dimanipulasi dan diragui kesahihannya.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 8 Januari 2014 Dan 7 Februari 2014</p> <p>Berdasarkan maklum balas Kementerian, maklumat pendapatan isi rumah hanya diperolehi secara lisan daripada ibu bapa atau penjaga penerima ketika lawatan ke klinik atau lawatan ke rumah oleh anggota kesihatan. Tiada pengesahan pendapatan dibuat sekiranya tiada penyata gaji. Format khas bagi tujuan pengesahan sumber pendapatan akan diperkenalkan dalam semakan Garis Panduan Program Pemulihan Kanak-kanak Kekurangan Zat Makanan.</p> <p>Pada pendapat Audit, Kementerian perlu memastikan format khas yang akan diperkenalkan dapat mengenal pasti penerima yang benar-benar layak menerima bantuan.</p>	
<p><b>11.5.2.8.a</b></p>	<p><b>Penyenggaraan Stor - Pegawai Stor Dan Penerima Stok Tidak Dilantik</b></p> <p>Pegawai stor dan penerima stok tidak dilantik di stor klinik kesihatan dan pejabat kesihatan tempat penyimpanan stok vitamin, susu tepung, stok item bakul makanan dan stok RUTF di PKD Batang Padang Perak; PKK Kota Kinabalu dan PKK Tawau Sabah serta PKD Jerantut dan PKD Kuala Lipis Pahang.</p>	<p>Penyeliaan secara berterusan mengenai perkara ini telah dilaksanakan oleh KKM. Selain itu, latihan mengenai tatacara pengurusan stor telah dijalankan di setiap negeri seperti berikut:-</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
11.5.2.8.b	<p><b>Rekod Tidak Diselenggarakan</b></p> <p>Urusan penerimaan stok perlu menggunakan Kad Kawalan Stok (Kew.PS-3) dan Kad Petak (Kew.PS-4) serta Borang Pengeluaran Stok (Kew.PS-10) bagi proses pengeluaran. Pemeriksaan Audit mendapati rekod ada dibuat bagi mencatatkan penerimaan dan pengeluaran stok vitamin, susu tepung dan bakul makanan di PKD, bagaimanapun ia tidak menggunakan Kad Kew.PS-3 dan Kew.PS-4 seperti yang ditetapkan dalam peraturan. Selain itu didapati tiada Borang Pengeluaran Stok (Kew.PS-10) disediakan apabila stok dikeluarkan daripada stor.</p>	<p>(i) 27 Disember 2013 di Negeri Pahang;</p> <p>(ii) 19 - 20 Jan 2014 di Negeri Kelantan; dan</p> <p>(iii) 19 Feb 2014 di Negeri Sabah</p>
11.5.2.8.c	<p><b>Pemeriksaan Stok Tidak Dibuat</b></p> <p>Pengiraan stok dibuat apabila berlaku transaksi penerimaan dan pengeluaran oleh pegawai stor di Stor Unit dan Stor Utama, manakala pemeriksaan dan verifikasi stor perlu dilaksanakan sekurang-kurang setahun sekali oleh pegawai yang dilantik di Stor Utama. Pemeriksaan Audit mendapati pengiraan stok tidak dibuat dan pemeriksaan serta verifikasi stor juga tidak dibuat setahun sekali sebagaimana yang dikehendaki oleh peraturan. Bagaimanapun stok ada direkodkan dengan menggunakan buku log dan borang Kew300-J4.</p>	
11.5.2.8.d.i	<p><b>Stok Tidak Dapat Dikesan</b></p> <p>Pemeriksaan Audit terhadap rekod stok dan pengiraan fizikal stok di stor Klinik Kesihatan (KK) Padang Tengku Kuala Lipis, Pahang dan stor KK Bandar Gua Musang, Kelantan mendapati tiada pemeriksaan diadakan dari semasa ke semasa dan berlaku perbezaan baki stok Susu Pediasure dan bakul makanan pakej 8 berjumlah RM49,521.50.</p>	
11.5.2.8.d.ii	<p>Pemeriksaan Audit terhadap rekod pesanan tempatan, sebut harga pembekal, baucar bayaran, Laporan Bulanan/Tahunan Kanak-Kanak KZM Tidak dan Menerima Bantuan (KZM 201) di PKD Kinta, Perak mendapati bakul makanan dibeli melebihi jumlah penerima bantuan bakul setiap bulan dan tiada rekod kawalan stok diwujudkan bagi pengurusan penerimaan dan pengeluaran. Analisis lanjut Audit terhadap laporan KZM 201 berbanding dengan baucar bayaran mendapati sebanyak 360 unit pembelian stok bakul makanan berjumlah RM36, 000 melebihi keperluan dan tidak dapat dikesan.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
11.5.2.8.e	<p><b>Penyimpanan Stok Tidak Teratur Dan Ruang Penyimpanan Sempit</b></p> <p>Ruang stor hendaklah digunakan sepenuhnya dengan mengambil kira faktor keselamatan, kemudahan pengeluaran, verifikasi dan kekemasan. Selain itu stor perlu mempunyai susun atur yang sistematik dan praktik untuk membolehkan aktiviti pengurusan stor berjalan dengan lancar, selamat, mudah dan menjimatkan masa. Pemeriksaan fizikal Audit di PKD Kuala Lipis, Pahang, PKD Kinta, Perak dan PKD Gua Musang, Kelantan mendapati stok yang diterima ditumpangkan di beberapa lokasi sementara seperti di stor farmasi dan kuarters klinik kesihatan. Semakan juga mendapati penyusunan stok susu, vitamin dan bakul makanan tidak teratur dan kemas serta ruang penyimpanan stok kurang sesuai, sempit dan tidak selesa. Ini berlaku disebabkan ruang penyimpanan khas tidak disediakan bagi tujuan penyusunan stok dan pengasingan stok.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 8 Januari 2014 Dan 7 Februari 2014</p> <p>Berdasarkan maklum balas Kementerian, pegawai stor dan penerima stok telah dilantik manakala KEW-PS berkaitan telah disediakan dan digunakan serta pemeriksaan stok akan dijalankan. Pihak negeri dan daerah telah diperingatkan mengenai kepentingan kawalan dan pemeriksaan stok secara berkala seperti yang ditetapkan. Ketiadaan stor/ruang stor yang mencukupi berpunca daripada kekurangan peruntukan akan dibangkitkan dalam Mesyuarat Pengurusan Negeri dan pihak Kementerian.</p> <p>Pada pendapat Audit, PKD hendaklah memastikan Tatacara Pengurusan Stor yang ditetapkan dipatuhi dan stok PPKZM disimpan di tempat yang sesuai dan selamat.</p>	
11.5.2.9	<p><b>Rekod PPKZM Tidak Diselenggarakan Dengan Sempurna</b></p> <p>Semakan Audit di daerah/kawasan yang dilawati mendapati rekod dan laporan berkaitan tidak disediakan seperti yang ditetapkan dalam garis panduan. Ini menyebabkan data tidak dapat disediakan dengan tepat dan pemantauan sukar dilaksanakan. Antara faktor yang menyebabkan rekod/laporan tidak disediakan ialah tidak diminta oleh peringkat negeri/ibu pejabat; berlaku pertindihan data kerana ada di antara rekod/laporan mengandungi maklumat yang sama dan jururawat yang menyediakan data khususnya di pedalaman tidak diberi pendedahan penyediaan laporan dengan sewajarnya.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 8 Januari 2014 Dan 7 Februari 2014</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Berdasarkan maklum balas Kementerian, jumlah borang dan retan yang sedia ada telah dinilai semula dari aspek keperluan dan kegunaannya melalui semakan semula Garis Panduan Program Kanak-kanak Kekurangan Zat Makanan 2008 dan pelaksanaan Registri PPKZM.</p>	
<p><b>11.5.3.1.a</b></p>	<p><b>Pemantauan - Jawatankuasa Teknikal PPKZM - Pindaan Garis Panduan Tidak Dibuat</b></p> <p>Mesyuarat Teknikal Peringkat Kementerian yang dipengerusikan oleh Pengarah Pemakanan ada dilaksanakan pada setiap tahun seperti yang ditetapkan di dalam garis panduan. Mesyuarat yang diadakan di Hotel Promenade, Kota Kinabalu, Sabah pada 14 - 18 Oktober 2012 (Minit Bil. 1/2012) ada menyentuh tentang keputusan mesyuarat iaitu <i>'Kuantiti barangan dalam bakul makanan boleh dikurangkan mengikut bajet yang diperuntukkan'</i>. Bagaimanapun tiada pindaan garis panduan dan arahan bertulis dibuat dan diedarkan kepada semua negeri/daerah sebagai panduan serta rujukan atas perubahan dasar yang telah dibuat dalam mesyuarat tersebut. Selain itu didapati tahap minima bilangan kuantiti yang boleh dikurangkan daripada setiap bakul juga tidak dinyatakan dengan jelas dalam mesyuarat tersebut. Ini bertentangan dengan garis panduan dan perubahan dasar tidak dimaklumkan kepada kumpulan pelaksana.</p>	<p>Maklumbalas adalah sama seperti di perenggan 15.5.3.1.b</p>
<p><b>11.5.3.1.b</b></p>	<p><b>Jawatankuasa Teknikal Di Daerah Tidak Diwujudkan Dan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Di Peringkat Negeri Tidak Dipengerusikan Mengikut Ketetapan</b></p> <p>Semakan Audit mendapati, Jawatankuasa Teknikal tidak diwujudkan di daerah yang dilawati. Manakala semakan lanjut mendapati, Jawatankuasa Teknikal di peringkat negeri ada ditubuhkan, walau bagaimanapun Mesyuarat Teknikal hanya dipengerusikan oleh PSP Negeri dan tidak dipengerusikan oleh Pengarah Kesihatan Negeri seperti yang ditetapkan dalam garis panduan.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 8 Januari 2014 Dan 7 Februari 2014</p> <p>Berdasarkan maklum balas Kementerian, tiada pindaan dibuat ke atas garis panduan berkenaan harga bakul kerana keputusan mesyuarat adalah sementara sahaja sehingga isu peruntukan bagi kenaikan harga ditangani. Arahan bertulis mengenai pengurangan kuantiti barangan bakul makanan tidak dibuat dan diedarkan kerana mesyuarat tersebut dihadiri oleh pegawai sains pemakanan negeri. Selain itu, semakan semula garis panduan PPKZM telah dibuat di mana Jawatankuasa</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Teknikal Kekurangan Mikronutrien Kebangsaan dikekalkan dan Jawatankuasa Teknikal di peringkat negeri dan daerah tidak perlu diwujudkan memandangkan isu berkaitan sering dibincangkan dalam Mesyuarat Teknikal Pemakanan Negeri dan Daerah.</p> <p>Pada pendapat Audit, Garis Panduan sedia ada perlu dikemas kini mengikut keputusan mesyuarat.</p>	

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 1 TAHUN 2013**

**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**Perenggan 12 : Pengurusan Perkhidmatan Kejuruteraan Peralatan Perubatan**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																																																	
<b>12.5.1.2.a</b>	<p><b>Prestasi Pengurusan Perkhidmatan BEMS - Prestasi Perbelanjaan - Petunjuk Prestasi Utama</b></p> <p>Selaras dengan Program Transformasi Kerajaan, KPI hendaklah ditetapkan oleh Kementerian dengan mengambil kira pendekatan yang boleh diukur selaras dengan objektif sesuatu program yang ditetapkan. Ketua Pengarah Kesihatan pada 5 Julai 2011 telah menetapkan KPI bagi Perkhidmatan Sokongan Hospital termasuk peratusan perkhidmatan BEMS mencapai uptime atau kesediaan peralatan untuk diguna pada kadar 90%. Bagi meningkatkan kecekapan tahap perkhidmatan BEMS, Kementerian pada tahun 2012 dan 2013 telah meningkatkan sasaran tersebut kepada 92%. Berdasarkan maklumat yang diperolehi, didapati pencapaian KPI bagi program ini pada tahun 2011 melebihi sasaran yang ditetapkan tetapi bagi tahun 2012 didapati pencapaiannya adalah kurang daripada sasaran.</p>	<p>KKM telah mengeluarkan surat kepada pihak hospital dan syarikat konsesi pada 13 Januari 2014 untuk memastikan PPM kit disediakan bagi tujuan PPM dan untuk merekodkan pergerakan aset di hospital.</p> <p>Status terkini pencapaian QAP mengikut Syarikat Konsesi di hospital terlibat bagi tempoh 2011 hingga 2013 adalah seperti jadual di bawah:-</p> <p style="text-align: center;"><b>Sasaran Dan Pencapaian Qap Mengikut Syarikat Konsesi Bagi Tempoh Tahun 2011 Hingga 2013</b></p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th rowspan="3" style="text-align: center;">Lokasi</th> <th rowspan="3" style="text-align: center;">Syarikat Konsesi</th> <th rowspan="3" style="text-align: center;">Tahun</th> <th colspan="4" style="text-align: center;">Indikator</th> </tr> <tr> <th style="text-align: center;">Asset uptime (%)</th> <th style="text-align: center;">Asset uptime (%)</th> <th style="text-align: center;">PPM done (%)</th> <th style="text-align: center;">PPM done (%)</th> </tr> <tr> <th style="text-align: center;">Jan - Jun</th> <th style="text-align: center;">Jul - Dec</th> <th style="text-align: center;">Jan - Jun</th> <th style="text-align: center;">Jul - Dec</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td rowspan="3" style="text-align: center;">HTAR, Klang</td> <td rowspan="3" style="text-align: center;">Radicare (M) Sdn Bhd</td> <td style="text-align: center;">2011</td> <td style="text-align: center;">97.2</td> <td style="text-align: center;">93.7</td> <td style="text-align: center;">87.9</td> <td style="text-align: center;">83.2</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">2012</td> <td style="text-align: center;">94.6</td> <td style="text-align: center;">90.5</td> <td style="text-align: center;">80.0</td> <td style="text-align: center;">78.5</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">2013</td> <td style="text-align: center;">94.5</td> <td style="text-align: center;">89.3</td> <td style="text-align: center;">81.2</td> <td style="text-align: center;">74.4</td> </tr> <tr> <td rowspan="3" style="text-align: center;">HTF, Perlis</td> <td rowspan="3" style="text-align: center;">Faber Medi-Serve Sdn Bhd</td> <td style="text-align: center;">2011</td> <td style="text-align: center;">93.9</td> <td style="text-align: center;">90.3</td> <td style="text-align: center;">99.7</td> <td style="text-align: center;">97.5</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">2012</td> <td style="text-align: center;">93.4</td> <td style="text-align: center;">90.0</td> <td style="text-align: center;">97.1</td> <td style="text-align: center;">95.7</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">2013</td> <td style="text-align: center;">94.0</td> <td style="text-align: center;">89.7</td> <td style="text-align: center;">98.8</td> <td style="text-align: center;">98.6</td> </tr> </tbody> </table>	Lokasi	Syarikat Konsesi	Tahun	Indikator				Asset uptime (%)	Asset uptime (%)	PPM done (%)	PPM done (%)	Jan - Jun	Jul - Dec	Jan - Jun	Jul - Dec	HTAR, Klang	Radicare (M) Sdn Bhd	2011	97.2	93.7	87.9	83.2	2012	94.6	90.5	80.0	78.5	2013	94.5	89.3	81.2	74.4	HTF, Perlis	Faber Medi-Serve Sdn Bhd	2011	93.9	90.3	99.7	97.5	2012	93.4	90.0	97.1	95.7	2013	94.0	89.7	98.8	98.6
Lokasi	Syarikat Konsesi	Tahun				Indikator																																													
						Asset uptime (%)	Asset uptime (%)	PPM done (%)	PPM done (%)																																										
			Jan - Jun	Jul - Dec	Jan - Jun	Jul - Dec																																													
HTAR, Klang	Radicare (M) Sdn Bhd	2011	97.2	93.7	87.9	83.2																																													
		2012	94.6	90.5	80.0	78.5																																													
		2013	94.5	89.3	81.2	74.4																																													
HTF, Perlis	Faber Medi-Serve Sdn Bhd	2011	93.9	90.3	99.7	97.5																																													
		2012	93.4	90.0	97.1	95.7																																													
		2013	94.0	89.7	98.8	98.6																																													
<b>12.5.1.2.b</b>	<p>Bagi memudahkan pemantauan terhadap tahap prestasi perkhidmatan berbanding piawaian yang ditetapkan, Kementerian juga telah mewujudkan <i>Quality Assurance Program (QAP)</i>. QAP ini juga digunakan untuk mengenal pasti kelemahan dan memastikan penambahbaikan perkhidmatan yang berterusan dapat dilaksanakan. Sasaran QAP bagi indikator <i>Asset Uptime</i> dan <i>Plan Preventive Maintenance (PPM) Done</i> adalah 100%. Semakan Audit terhadap QAP bagi perkhidmatan BEMS mengikut syarikat konsesi bagi tempoh 3 tahun mendapati sasaran yang ditetapkan tidak tercapai bagi <i>Asset Uptime</i> antara 83.8% hingga 98.6%.</p>																																																		
<b>12.5.1.2.c</b>	<p>Antara penyebab utama kepada ketidakcapaian sasaran KPI dan QAP bagi perkhidmatan BEMS adalah <i>work order</i> bagi aktiviti pembaikan atau PPM lambat dibuat; peralatan <i>high end equipment</i> yang mengambil masa yang lama untuk dibaiki kerana menunggu alat ganti dari luar negara; peralatan yang melebihi 10 tahun (<i>wear and tear</i>) yang selalu mengalami kerosakan; peralatan dalam proses pelupusan masih diambil kira dalam pengiraan <i>uptime</i>; dan ketiadaan PPM kit untuk pembaikan dan pengujian.</p>																																																		

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																																			
	<p>Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 8 Januari 2014 Dan 13 Februari 2014</p> <p>Kementerian akan menambah baik sistem CMIS supaya berkebolehan untuk menyediakan laporan bulanan terperinci untuk KPI supaya tindakan pencegahan dapat diambil bagi memastikan KPI dapat dicapai secara keseluruhan; menambah baik <i>Deduction Formula Guidelines</i> untuk kontrak Perkhidmatan Sokongan Hospital (PSH) yang baru di mana Deduction Indicator bagi BEMS iaitu <i>Uptime</i> diwujudkan supaya pemantauan terhadap KPI lebih ditekankan; dan sedang dalam tindakan untuk mengeluarkan surat kepada pihak hospital untuk memastikan PPM kit disediakan bagi tujuan PPM.</p> <p>Kementerian mengambil maklum bahawa pencapaian QAP bagi indikator <i>Asset Uptime</i> dan PPM <i>Done</i> tidak tercapai. Ini kerana aset sedia ada telah bertambah dari segi usia dan terdapat sebahagian aset BEMS yang telah melebihi jangka hayat yang dicadangkan. Sebagai tindakan penambahbaikan, Kementerian sedang dalam proses untuk mengkaji semula sasaran QAP 100% bagi dua indikator utama yang ditetapkan iaitu PPM <i>done on schedule</i> dan <i>Asset meeting uptime target</i>.</p>	<table border="1"> <tr> <td data-bbox="1220 256 1391 384" rowspan="3">MKA JB, Johor</td> <td data-bbox="1391 256 1541 384" rowspan="3">Medivest Sdn Bhd</td> <td data-bbox="1541 256 1641 300">2011</td> <td data-bbox="1641 256 1742 300">87.8</td> <td data-bbox="1742 256 1843 300">80.0</td> <td data-bbox="1843 256 1944 300">81.8</td> <td data-bbox="1944 256 2078 300">81.9</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1541 300 1641 343">2012</td> <td data-bbox="1641 300 1742 343">95.7</td> <td data-bbox="1742 300 1843 343">91.2</td> <td data-bbox="1843 300 1944 343">95.5</td> <td data-bbox="1944 300 2078 343">95.5</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1541 343 1641 384">2013</td> <td data-bbox="1641 343 1742 384">96.4</td> <td data-bbox="1742 343 1843 384">93.6</td> <td data-bbox="1843 343 1944 384">97.1</td> <td data-bbox="1944 343 2078 384">92.5</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1220 384 1391 518" rowspan="3">HWKK, Sabah</td> <td data-bbox="1391 384 1541 518" rowspan="3">Faber Medi-Serve Sdn Bhd</td> <td data-bbox="1541 384 1641 427">2011</td> <td data-bbox="1641 384 1742 427">96.5</td> <td data-bbox="1742 384 1843 427">92.2</td> <td data-bbox="1843 384 1944 427">99.3</td> <td data-bbox="1944 384 2078 427">99.5</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1541 427 1641 470">2012</td> <td data-bbox="1641 427 1742 470">95.2</td> <td data-bbox="1742 427 1843 470">90.2</td> <td data-bbox="1843 427 1944 470">98.4</td> <td data-bbox="1944 427 2078 470">99.9</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1541 470 1641 518">2013</td> <td data-bbox="1641 470 1742 518">92.6</td> <td data-bbox="1742 470 1843 518">85.6</td> <td data-bbox="1843 470 1944 518">100.0</td> <td data-bbox="1944 470 2078 518">99.9</td> </tr> </table>	MKA JB, Johor	Medivest Sdn Bhd	2011	87.8	80.0	81.8	81.9	2012	95.7	91.2	95.5	95.5	2013	96.4	93.6	97.1	92.5	HWKK, Sabah	Faber Medi-Serve Sdn Bhd	2011	96.5	92.2	99.3	99.5	2012	95.2	90.2	98.4	99.9	2013	92.6	85.6	100.0	99.9	<p>Kajian semula sasaran QAP 100% bagi dua indikator utama yang ditetapkan akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal QA Peringkat KKM yang dijangka pada bulan April 2014.</p>
MKA JB, Johor	Medivest Sdn Bhd	2011			87.8	80.0	81.8	81.9																													
		2012			95.7	91.2	95.5	95.5																													
		2013	96.4	93.6	97.1	92.5																															
HWKK, Sabah	Faber Medi-Serve Sdn Bhd	2011	96.5	92.2	99.3	99.5																															
		2012	95.2	90.2	98.4	99.9																															
		2013	92.6	85.6	100.0	99.9																															
12.5.1.2.c.i	<p><b>Tahap Boleh Guna Peralatan Perubatan</b></p> <p>Tahap boleh guna peralatan atau had umur ekonomi yang diamalkan oleh Kementerian adalah berdasarkan garis panduan yang dikeluarkan oleh <i>American Society for Healthcare Engineering of The American Hospital Association</i>. Semakan Audit terhadap tahap boleh guna peralatan di HTAR, HTF dan HWKK mendapati sebahagian besar peralatan perubatan melebihi tahap boleh guna yang ditetapkan antara satu hingga 23 tahun. Mengikut Kementerian, ini disebabkan kos yang tinggi bagi perolehan peralatan baru dan peruntukan adalah terhad. Oleh kerana keperluan operasi, peralatan tersebut terpaksa digunakan walaupun sering mengalami kerosakan dan masalah alat ganti peralatan yang sukar dicari.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 8 Januari 2014 Dan 13 Februari 2014</p> <p>Kebanyakan peralatan perubatan yang melebihi had umur tersebut masih lagi</p>	<p>Maklumbalas adalah sama seperti di perenggan 12.5.1.2.c.i</p>																																			

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>berfungsi dan boleh digunakan. Selain itu, peruntukan yang terhad menyukarkan Kementerian untuk menggantikan peralatan mengikut tahap umur yang diamalkan oleh <i>American Society for Healthcare Engineering of The American Hospital Association</i>. Oleh itu, penggunaan dan penyenggaraan peralatan tersebut perlu diteruskan mengikut amalan terbaik sehingga penggantian peralatan dilaksanakan supaya perkhidmatan klinikal tidak terjejas. Sebagai tindakan penambahbaikan, Kementerian sedang membuat perancangan yang komprehensif mengenai peralatan yang dicadangkan untuk penggantian, termasuk melaksanakan program penggantian peralatan perubatan secara berperingkat.</p> <p>Kementerian sedang melaksanakan program yang dikenali sebagai <i>Managed Equipment Services (MES)</i> iaitu program penyewaan peralatan perubatan dari pihak swasta sebagai usaha untuk mengganti/menaik taraf peralatan perubatan yang telah melebihi had ekonomi/usang di hospital Kerajaan. Skop MES adalah meliputi pembelian dan penyenggaraan oleh pihak swasta. Selain itu, pemeriksaan secara berkala untuk menentukan tahap kebolehfungsian aset di peringkat hospital juga telah dilaksanakan di samping pematuhan terhadap Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan telah dipertingkatkan bagi memastikan pengurusan aset berada di tahap optimum.</p> <p>Pada pendapat Audit, Kementerian perlu memastikan peralatan yang melebihi had umur ekonomi sentiasa disenggara dengan baik dan selamat digunakan.</p>	
12.5.2.1.b	<p><b>Pengurusan Perjanjian - Perjanjian Tambahan Lewat Ditandatangani</b></p> <p>Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1995 menghendaki kontrak ditandatangani dalam tempoh 4 bulan selepas Surat Setuju Terima dikeluarkan. Semakan lanjut terhadap Perjanjian Konsesi Tambahan (PKT) ke 12 hingga 20 meliputi tempoh tahun 2010 hingga 2011 mendapati semua dokumen perjanjian lewat ditandatangani antara 123 hingga 2,286 hari. Menurut Kementerian, kelewatan menandatangani perjanjian tambahan tidak timbul kerana semua hospital terlibat merupakan hospital gantian kepada hospital sedia ada kecuali Hospital Queen Elizabeth II (HQE II). Bayaran yuran penyenggaraan bagi semua hospital terlibat diteruskan seperti dalam perjanjian asal pada tahun 1996 dan pelarasan yuran baru dibayar selepas perjanjian tambahan ditandatangani. Manakala bagi HQE II, tiada bayaran yuran dibuat sebelum perjanjian tambahan ditandatangani walaupun kerja-kerja penyenggaraan bermula semenjak tahun 2011.</p>	<p>KKM telah membuat permohonan kepada Kementerian Kewangan untuk mendapatkan pengecualian khas terhadap tempoh kontrak perjanjian bagi semua hospital gantian yang baru melalui surat yang dikeluarkan pada 21 Februari 2014.</p>



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 8 Januari 2014 Dan 13 Februari 2014</p> <p>Semua kontrak Perkhidmatan Sokongan Hospital (PSH) bagi hospital baru tidak akan dimasukkan dalam perjanjian konsesi yang sedia ada seperti yang diamalkan sebelum tahun 2012. Polisi ini dapat memastikan kontrak tersebut disediakan dalam tempoh 4 bulan oleh kerana urusan perolehannya adalah seperti projek konvensional yang lain. Bagi hospital gantian perolehan PSH adalah melalui perjanjian konsesi sedia ada. Oleh yang demikian perolehan seperti yang dibangkitkan tidak dapat dilaksanakan kerana melibatkan penyelarasan yuran penyenggaraan hospital baru dan hospital lama. Proses pendaftaran aset dan verifikasi aset perlu dilaksanakan dengan terperinci ke atas kedua-dua hospital. Selain itu, rundingan harga perlu dilaksanakan serta mendapatkan persetujuan bersama daripada syarikat konsesi sedia ada. Sehubungan itu, Kementerian akan membuat permohonan kepada Kementerian Kewangan untuk mendapatkan pengecualian khas terhadap tempoh kontrak perjanjian bagi semua hospital gantian yang baru.</p> <p>Hasil semakan Kementerian mendapati perjanjian tambahan lewat ditandatangani adalah disebabkan beberapa faktor seperti proses pendaftaran untuk aset yang dibeli memerlukan masa bagi mengumpul maklumat dan dokumen yang lengkap sebelum pengiraan yuran dibuat; proses <i>Testing And Commissioning</i> (T&amp;C) mengambil masa disebabkan masalah dokumentasi dan kelewatan penyediaan senarai aset lengkap daripada pihak Jabatan Kerja Raya (JKR). Sebagai tindakan penambahbaikan, pihak JKR telah dimohon untuk mengemukakan senarai aset dan sistem bagi projek <i>turnkey</i> bagi mempercepatkan penyediaan anggaran yuran perkhidmatan. Perkara ini telah dijelaskan di dalam mesyuarat koordinasi Kementerian bersama JKR yang telah diadakan pada 13 dan 14 Jun 2013. Selain itu, pemeriksaan aset dan sistem akan dilakukan dengan lebih awal supaya perjanjian tambahan dapat ditandatangani dalam tempoh yang ditetapkan.</p> <p>Pada pendapat Audit, pihak Kementerian perlu mempercepatkan proses menandatangani kontrak bagi memastikan syarat dan spesifikasi ditetapkan dapat dikuatkuasakan, pembayaran disahkan dengan wajar dan seterusnya menjaga kepentingan Kerajaan.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
12.5.2.2.a	<p><b>Penyambungan Perjanjian Penswastaan Belum Ditandatangani</b></p> <p>Mengikut Klausula 2.3 kepada perjanjian penswastaan, syarikat konsesi dikehendaki memaklumkan Kementerian sekiranya ingin melanjutkan tempoh perjanjian secara bertulis kepada pihak Kerajaan sekurang-kurangnya 2 tahun sebelum tarikh tamat perjanjian. Semakan Audit mendapati ketiga-tiga syarikat konsesi telah mengemukakan surat permohonan perlanjutan kepada Kementerian dalam tempoh yang ditetapkan.</p>	<p>Satu mesyuarat bersama pihak UKAS telah diadakan pada bulan Disember 2013 untuk membincangkan berkaitan <i>Deduction Formula Guideline</i>. Dokumen <i>Deduction Formula Guideline</i> telah dikemukakan kepada pihak UKAS pada 10 Februari 2014.</p>
12.5.2.2.b	<p>Perjanjian penswastaan bagi 3 syarikat konsesi telah tamat pada 27 Oktober 2011. Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) telah mengeluarkan surat kelulusan pada 27 Oktober 2011 membenarkan syarikat konsesi meneruskan perkhidmatan dalam tempoh interim selama 6 bulan bermula pada 28 Oktober 2011 atau sehingga perjanjian penswastaan baru perkhidmatan sokongan hospital ditandatangani, yang mana terdahulu. Bagaimanapun, pada 21 Mei 2012, UKAS sekali lagi mengeluarkan surat kelulusan bagi melanjutkan tempoh interim bermula pada 28 Oktober 2011 sehingga perjanjian baru ditandatangani. Semakan Audit mendapati sehingga bulan Oktober 2013 perjanjian perlanjutan masih belum ditandatangani iaitu dengan kelewatan selama 2 tahun.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 8 Januari 2014 Dan 13 Februari 2014</p> <p>Perjanjian penyambungan kontrak penyenggaraan yang baru diuruskan oleh pihak Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada 12 Disember 2012. Mengambil kira kepentingan untuk mempercepatkan proses menandatangani perjanjian tersebut, Kementerian telah terlibat dalam sesi perbincangan penyediaan dokumen serta mengemukakan dokumen dan maklum balas yang dimohon oleh pihak UKAS.</p> <p>Pada pendapat Audit, Kementerian perlu mengambil tindakan sewajarnya bagi mempercepatkan penyediaan dan menandatangani perjanjian baru yang akan mengambil kira syarat-syarat baru/tambahan bagi kepentingan Kerajaan.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
12.5.3.1	<p><b>Pengurusan Pembayaran - Yuran Perkhidmatan Penyenggaraan Dituntut Dua Kali</b></p> <p>Pekeliling Perbendaharaan Bil. 13 Tahun 2008 mengenai Pengurusan Kehilangan dan Hapus Kira Wang Awam antara lain menetapkan pembayaran tidak sepatutnya atau <i>improper payments</i> berlaku apabila bayaran yang disahkan mengakibatkan pembayaran lebih atau pembayaran 2 kali. Semakan Audit terhadap semua senarai <i>Variation Order</i> (VO) yang diluluskan mendapati yuran perkhidmatan BEMS bagi 19 peralatan di HWKK dan 37 peralatan di HTAR, Klang telah dituntut sebanyak 2 kali masing-masing bagi tempoh P209 dan P111 serta P106/P206 dan P211. Berdasarkan perkiraan Audit, jumlah yuran lebih dibayar bagi HWKK dan HTAR adalah RM43, 650.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 8 Januari 2014 Dan 13 Februari 2014</p> <p>Kementerian telah menubuhkan Jawatankuasa Siasatan Dalaman bagi menyasat perkara ini dan dijangka selesai pada hujung bulan Februari 2014. Sebagai tindakan penambahbaikan, senarai VO yang diluluskan dikemukakan kepada pihak hospital untuk tindakan dan rujukan pada setiap SST VO yang dikeluarkan; mengadakan perbincangan dengan pihak konsesi untuk tuntutan pembayaran balik bagi semua yuran aset yang terlibat; menyemak semula semua tuntutan bayaran yuran tambahan di semua hospital secara berperingkat dan dijangka dapat diselesaikan dalam masa 6 bulan; menyemak semula garis panduan pengurusan VO dan penyediaan SOP yang akan melibatkan jurutera di peringkat hospital dan negeri; menimbang keperluan melibatkan Juru Ukur Bahan bagi aktiviti semakan akhir VO; menggantikan CMIS sedia ada dengan sistem baru untuk perjanjian konsesi akan datang; dan pihak syarikat konsesi akan mengadakan latihan secara berterusan untuk meningkatkan lagi kemahiran serta ketepatan data dalam penyediaan laporan VO. Kementerian telah mengeluarkan surat arahan kepada pihak konsesi untuk tuntutan pembayaran balik bagi semua yuran aset yang terlibat. Sehingga 4 Februari 2014, sejumlah RM10,037.70 telah dikutip balik daripada syarikat Faber Medi-Serve Sdn. Bhd. Sebagai tindakan penambahbaikan, VO yang diluluskan akan disertakan dengan senarai lengkap aset dan diedarkan kepada semua hospital/institusi yang terlibat.</p> <p>Pada pendapat Audit, pihak Kementerian perlu memastikan yuran bulanan bagi peralatan yang dituntut dua kali dihentikan. Manakala bagi yuran yang lebih dibayar, tuntutan balik hendaklah dibuat dengan segera.</p>	<p>KKM telah mengadakan satu mesyuarat bersama syarikat konsesi pada 19 Februari 2014 untuk membincangkan mengenai perkara ini. Mesyuarat tersebut telah memutuskan agar yuran perkhidmatan bagi aset yang telah dituntut dua kali dihentikan pembayarannya dan dimasukkan di dalam tempoh VO P2.12. Penyelarasan semula yuran akan dikira bermula pada 1 Januari 2013 selepas diluluskan.</p> <p>Selain itu, Garis Panduan VO yang baru sedang disediakan di mana pelaksanaan semakan dan verifikasi aset serta pengiraan yuran perkhidmatan akan dilaksanakan di peringkat hospital dan negeri. Garis Panduan ini dijangka akan berkuatkuasa pada bulan April 2014.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
12.5.3.2.b.i	<p><b>Bayaran Yuran Kurang/Lebih Dibayar</b></p> <p>Bagi peralatan bernilai melebihi RM100,000 seunit di HTF, HTAR dan HWKK kecuali di MKAJB mendapati, sejumlah RM5.74 juta yuran tambahan bagi 482 peralatan telah kurang dibayar kepada pihak syarikat konsesi kerana tarikh mula pembayaran yuran <i>During Warranty</i> (DW) dan <i>Post Warranty</i> (PW) masing-masing lewat antara 4 hingga 278 bulan dan 6 hingga 206 bulan daripada tarikh sepatutnya. Selain itu, yuran DW bagi 2 peralatan di HTF telah dibayar awal 68 bulan daripada tarikh sepatutnya. Manakala pembayaran yuran DW dan PW bagi 25 peralatan di HWKK tidak dapat disahkan kerana tiada maklumat tempoh tamat waranti.</p>	Maklumbalas adalah sama seperti di perenggan 12.5.3.2.b.ii
12.5.3.2.b.ii	<p>Bagi peralatan bernilai melebihi RM100,000 seunit di HTAR dan semua peralatan yang ditempatkan di HTF, HWKK dan MKAJB mendapati, sejumlah RM1.49 juta yuran telah lebih dibayar oleh Kementerian bagi pembatalan/penamatan perkhidmatan 367 peralatan kerana tarikh mula yuran dihentikan lewat antara 6 hingga 72 bulan. Manakala pemberhentian bayaran yuran bagi 104 peralatan tidak dapat disahkan kerana tiada maklumat mengenai tarikh penamatan perkhidmatan (<i>Decommissioned Date</i>).</p> <p>Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 8 Januari 2014 Dan 13 Februari 2014</p> <p>Peruntukan dalam Perjanjian Tambahan yang ditandatangani pada tahun 2003 telah digubal untuk membolehkan pembayaran terhadap penambahan/pengurangan aset dibuat setiap 6 bulan sekali. Di samping itu, pengiraan yuran untuk penambahan aset dalam tempoh 6 bulan akan dibayar pada tempoh berikutnya. Yuran lebih/kurang dibayar yang berlaku disebabkan <i>Verification of Variations Form</i> (VVF) lewat dikemukakan oleh pihak konsesi dan dokumen sokongan bagi tuntutan yuran perkhidmatan tidak lengkap. Sebagai langkah penambahbaikan, Kementerian telah menetapkan supaya pihak konsesi perlu mengemukakan VVF untuk pengesahan pada bulan berikutnya iaitu selepas T&amp;C aset dalam tempoh VO yang sama untuk mengelakkan kelewatan atau ketidaktepatan semasa pembayaran. Perkara ini akan dijelaskan di dalam garis panduan VO yang baharu yang sedang disediakan oleh Kementerian. Selain itu, senarai aset yang telah dilaksanakan T&amp;C dan status aset akan dibentangkan setiap bulan di mesyuarat <i>Validation Committee Meeting</i> (VCM). Kementerian juga akan melaksanakan penambahbaikan ke atas sistem CMIS seperti bagi aset yang tidak digunakan dan telah dikeluarkan sijil perakuan pelupusan, borang SNF akan dijana secara automatik untuk persetujuan</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>pengarah hospital bagi penghentian perkhidmatan; SNF akan dihubungkan kepada VVF di mana Borang VVF yang dikeluarkan akan merangkumi semua SNF untuk mula/tamat perkhidmatan bagi tempoh VO yang sama; dan satu mekanisme alert system akan diwujudkan di mana aset yang telah dituntut tidak boleh diteruskan bagi permohonan mula/tamat perkhidmatan supaya tuntutan bertindih dapat dielakkan.</p> <p>Pada pendapat Audit, pihak Kementerian hendaklah memastikan tarikh mula pembayaran/penamatan yuran dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan dalam perjanjian bagi memudahkan pemantauan dan mengelak berlakunya yuran kurang/lebih dibayar dan dapat membantu Kementerian merancang peruntukan/perbelanjaan sebenar bagi setiap hospital/makmal.</p>	
12.5.3.3	<p><b>Potongan/Denda Dari Yuran Perkhidmatan Peralatan BEMS</b></p> <p><i>Guidelines For The Application Of The Deduction Formula</i> menetapkan denda bagi Indikator 1 akan dikenakan kepada pihak syarikat konsesi sekiranya peralatan yang diperlukan tidak dapat digunakan atau rosak sehingga peralatan tersebut dibaiki. Manakala Indikator 11 akan dikenakan sekali sebulan sekiranya tempoh pembaikan peralatan melebihi 15 hari sehingga peralatan berkenaan siap dibaiki. Semakan Audit mendapati, denda bagi Indikator 11 di HTF, MKAJB dan HWKK kurang dibayar berjumlah RM0.1 juta.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 8 Januari 2014 Dan 13 Februari 2014</p> <p><i>Guidelines For The Application of Deduction Formula</i> telah membenarkan penyelarasan semula pemotongan yuran oleh pengarah hospital di dalam VCM sekiranya konsesi memberi pinjam peralatan gantian sementara (<i>loaner unit</i>), aset yang telah diperakukan untuk pelupusan dan kesukaran untuk mendapatkan alat ganti. Sebagai tindakan penambahbaikan, pembangunan sistem CMIS baru yang akan mengambil kira penyelarasan pemotongan yuran perkhidmatan yang telah diputuskan dalam VCM di mana pengecualian denda akan diberikan secara automatik sekiranya aduan dapat diselesaikan pada masa yang sama atau aduan melibatkan peralatan yang telah diluluskan pelupusan tetapi masih digunakan; merekod dan memuat naik isu-isu yang telah diputuskan dalam mesyuarat validasi ke sistem CMIS; dan permohonan pengecualian pemotongan yuran perkhidmatan oleh pihak konsesi perlu dikemukakan kepada pihak hospital secara bersurat dan sebarang keputusan perlu direkodkan dengan teratur. Penyelarasan pengecualian pemotongan yuran</p>	Maklumbalas adalah sama seperti di perenggan 12.5.3.3

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>tidak akan dilakukan bagi sebarang aduan kerosakan atau pembaikan sekiranya tiada permohonan bertulis/bersurat dikemukakan. Surat arahan telah dikeluarkan kepada pihak hospital untuk memastikan pihak konsesi mengemaskini keputusan VCM dalam CMIS supaya jumlah pemotongan yang dipersetujui adalah sama dalam rekod CMIS.</p> <p>Pada pendapat Audit, pihak Kementerian hendaklah memastikan pengiraan denda yang dikenakan dibuat dengan tepat dan betul serta memastikan syarikat konsesi memenuhi semua obligasinya di bawah perjanjian yang dipersetujui.</p>	
12.5.3.4	<p><b>Yuran Aset Yang Ditambah/Dibatalkan Belum Dibayar/Dihentikan</b></p> <p>Peralatan yang ditambah/dilupakan hendaklah dibayar/dihentikan bayaran yuran perkhidmatannya mengikut tempoh yang ditetapkan. Semakan Audit terhadap senarai induk (<i>master list</i>) di HTF, HTAR, HWKK dan MKAJB yang disediakan oleh pihak syarikat konsesi mendapati sehingga 31 Ogos 2013, sebanyak 1,570 peralatan yang ditambah bernilai RM42.27 juta tidak dikenakan yuran perkhidmatan. Juga tiada bukti yuran dihentikan bagi 829 peralatan bernilai RM11.19 juta yang telah ditamatkan perkhidmatan penyenggaraannya.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 8 Januari 2014 Dan 13 Februari 2014</p> <p>Untuk peralatan yang ditambah/dibatalkan, yuran perkhidmatan peralatan tidak dituntut/dihentikan kerana faktor-faktor seperti pihak konsesi tidak memaklumkan kepada pihak hospital supaya melakukan SNF segera setelah T&amp;C atau KEW-PA16 dikeluarkan; borang VVF tidak dikemukakan kepada KKM dan SNF tidak dikeluarkan apabila alat yang tidak boleh digunakan lagi oleh pengguna. Pihak KKM sedang dalam proses menyemak semula status dan akan mengemas kini serta mengeluarkan SNF dan VVF dengan kadar segera. Di samping itu, latihan kesedaran berkenaan keperluan menyegerakan penambahan/penamatan yuran perkhidmatan peralatan kepada pihak hospital dan syarikat konsesi juga akan dipertingkatkan. Kementerian sedang menyelaraskan master list aset CMIS dengan KEW.PA-4 di setiap hospital.</p> <p>Pada pendapat Audit, pihak Kementerian hendaklah sentiasa memantau peralatan yang ditambah atau ditamatkan perkhidmatan penyenggaraannya bagi memudahkan pengurusan peruntukan kewangan dan perbelanjaan perkhidmatan senggaraan yang diperlukan. Selain itu, Kementerian perlu mengesahkan ketepatan data <i>master list</i> yang disediakan oleh pihak syarikat</p>	<p>KKM telah mengeluarkan surat kepada pihak hospital dan syarikat konsesi untuk mengemaskinikan <i>master list asset</i> di dalam CMIS dan senarai aset di dalam rekod hospital (KEW.PA) seperti kewujudan fizikal aset pada 19 Februari 2014.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	konsesi berbanding dengan kewujudan aset secara fizikal.	
12.5.3.5	<p><b>Work Order Dan Perakuan Kerja Siap</b></p> <p>Arahan Perbendaharaan (AP) 99 (e)(i) mengenai Perakuan Kesempurnaan Bekalan, Perkhidmatan atau Kerja telah menetapkan baucar bayaran hendaklah mengandungi perakuan bahawa perkhidmatan atau kerja telah dilaksanakan dengan sempurna. Semakan Audit terhadap <i>work order</i> mendapati, salinan <i>work order</i> tidak disimpan oleh pihak pengguna di HTF dan HWKK kerana pihak syarikat konsesi tidak menyediakan salinan <i>work order</i> kepada pengguna. Semakan lanjut mendapati, pegawai yang memperaku kerja siap bagi penyenggaraan peralatan perubatan tidak dilantik secara bertulis di semua tempat yang dilawati. Ini menyebabkan pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada pegawai yang memperaku kerja siap <i>di work order</i> adalah pegawai yang telah diberi kuasa atau tidak.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 8 Januari 2014 Dan 13 Februari 2014</p> <p>Bagi memperketat kawalan pengesahan <i>work order</i>, Kementerian pada 23 Disember 2013 telah mengeluarkan surat arahan kepada pihak hospital supaya melantik secara bertulis pegawai yang bertanggungjawab untuk memperaku kerja siap bagi penyenggaraan peralatan perubatan di mana pegawai yang dilantik hendaklah daripada Gred 22 dan ke atas. Selain itu, garis panduan yang diguna pakai tidak menetapkan salinan <i>work order</i> perlu disimpan oleh pengguna.</p> <p>Pada pendapat Audit, pegawai yang telah dilantik perlu mempunyai pengetahuan dalam mengendalikan peralatan berkaitan. Selain itu, pihak Kementerian perlu memastikan salinan <i>work order</i> disediakan oleh syarikat konsesi dan disimpan dengan sempurna oleh pengguna untuk rujukan terutama untuk pemantauan kerja yang dilaksanakan dan denda yang dikenakan.</p>	Maklumbalas adalah sama seperti di perenggan 12.5.3.5
12.5.3.6	<p><b>Senarai Peralatan Dan Yuran VO</b></p> <p>Pekeliling Perbendaharaan Bil. 13 Tahun 2008 mengenai Pengurusan Kehilangan dan Hapus Kira Wang Awam antara lain menetapkan pembayaran tidak sepatutnya atau improper payments berlaku apabila bayaran yang disahkan mengakibatkan pembayaran lebih atau pembayaran 2 kali. Semakan Audit terhadap surat tawaran mengenai nilai kelulusan yuran tambahan VO yang</p>	KKM telah mengadakan satu mesyuarat bersama syarikat konsesi pada 19 Februari 2014 dan mengarahkan supaya semakan semula dibuat ke atas semua tuntutan bayaran yuran tambahan di semua hospital bermula tahun 1997 hingga Jun 2012 (P1.12).

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>dikeluarkan oleh Bahagian Kewangan mendapati jumlah yang dinyatakan pada 2 daripada 5 VO adalah berbeza dengan senarai terperinci yang dikemukakan oleh BPKj. Pengiraan semula Audit terhadap senarai terperinci yang dikemukakan mendapati jumlah yuran sebenar adalah berbeza dengan jumlah yang diluluskan oleh Bahagian Kewangan. Sehingga 31 Ogos 2013 jumlah yuran yang diluluskan di HTAR (P205 dan P108) dan MKAJB (P205) lebih dibayar berjumlah RM109,934. Bagi HWKK (P208) pula, jumlah yuran yang diluluskan kurang dibayar berjumlah RM106,588. Selain itu, didapati tiada senarai aset terperinci bagi VO yang telah diluluskan disimpan oleh pihak HTF, HTAR, HWKK dan MKAJB untuk rujukan semasa pembayaran yuran penyenggaraan bulanan dibuat. Ini menyebabkan pihak terlibat sukar memantau/menyemak aset yang telah diluluskan yuran tambahan.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 8 Januari 2014 Dan 13 Februari 2014</p> <p>Laporan pengiraan dan pengesahan cadangan yuran bagi VO disediakan oleh Perunding (SIHAT) dan telah berlaku kesilapan formula pengiraan dalam laporan tersebut. Selain itu, pelaksanaan dan pengiraan VO pada tahun 2005 menggunakan <i>Excel</i> masih belum stabil sehingga mengakibatkan pengiraan VO tidak tepat. Semua pegawai yang terlibat masih belum mendapat latihan sepenuhnya dan banyak bergantung kepada pengiraan perunding. Laporan tersebut dikemukakan kepada Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan dan semakan akhir dilakukan oleh seorang pegawai yang juga perlu melakukan kerja-kerja teknikal yang lain. Sebagai tindakan penambahbaikan Kementerian sedang di peringkat perbincangan dengan pihak syarikat Medivest, Radicare dan Faber untuk tuntutan pembayaran balik atas yuran yang terlebih bayar; pengiraan cadangan yuran perkhidmatan dan semakan akan dibuat di peringkat negeri serta senarai VO yang diluluskan akan disertakan bersama dengan surat tawaran yuran baru; dan semakan yang lebih komprehensif akan dilaksanakan pada masa hadapan sebelum kelulusan sebarang VO dapat dijalankan. Kementerian juga telah menubuhkan Jawatankuasa Siasatan Dalaman bagi menyasat perkara ini dan dijangka selesai pada hujung bulan Februari 2014.</p>	



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>12.5.3.8</b></p>	<p><b>Yuran New Installed Facilities (NIF)</b></p> <p><i>Yuran New Installed Facilities</i> (NIF) adalah yuran tetap yang dibayar secara bulanan kepada syarikat konsesi untuk aset/peralatan yang sedia ada di hospital/makmal bagi tempoh tahun 1997 hingga 2002. Semakan Audit mendapati yuran NIF telah dibayar bagi HTAR dan HTF masing-masing berjumlah RM61,520 dan RM48,334 sebulan dan sehingga 31 Ogos 2013 sejumlah RM10.85 juta yuran NIF telah dibayar. Semakan lanjut mendapati, senarai aset NIF yang disediakan tidak mempunyai maklumat mengenai yuran terperinci bagi setiap aset/peralatan terlibat. Pihak Audit dimaklumkan oleh Bahagian Perolehan Dan Penswastaan, asas perkiraan yuran NIF bagi HTAR dan HTF adalah berdasarkan cadangan daripada Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan asas perkiraan yuran tersebut kerana tiada perkiraan terperinci mengenainya dikemukakan untuk rujukan.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 8 Januari 2014 Dan 13 Februari 2014</p> <p>Pihak Kementerian telah membuat semakan namun begitu maklumat mengenai yuran terperinci bagi setiap aset/peralatan seperti yang ditegur oleh pihak audit tiada dalam simpanan Kementerian. Pihak Kementerian juga akan menubuhkan Jawatankuasa Siasatan Dalaman bagi menyiasat perkara ini dan memastikan perkara ini tidak berulang di masa hadapan.</p> <p>Pada pendapat Audit, senarai yuran terperinci bagi setiap peralatan perlu disediakan bagi memastikan perbelanjaan sebenar peralatan tersebut dapat ditentukan dan dijadikan rujukan pihak pengurusan terutama bagi tujuan pelupusan.</p>	<p>Mulai Januari 2003, senarai terperinci aset bagi fasiliti baru dan gantian telah disediakan melalui <i>Supplementary Agreement</i>.</p>
<p><b>12.5.4.1</b></p>	<p><b>Pengurusan Aset - peralatan Tidak Digunakan</b></p> <p>Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, semua aset Kerajaan hendaklah digunakan dan dikendalikan dengan cekap, mahir dan teratur bagi tujuan mengurangkan pembaziran dan menjimatkan kos. Semakan Audit di MKAJB mendapati sebanyak 5 unit peralatan bernilai RM153,655 tidak digunakan sejak tahun 2008 namun yuran bagi satu peralatan berkenaan masih dibayar sejumlah RM152 sebulan. Manakala 4 daripadanya tidak mempunyai bukti sama ada yuran dikenakan atau dihentikan. Pihak Audit dimaklumkan bahawa peralatan tersebut tidak digunakan kerana <i>outdated</i> dan tidak sesuai</p>	<p>Pihak MKAJB telah menamatkan yuran perkhidmatan bagi peralatan yang tidak digunakan di dalam tempoh VO P1.12 dan telah dilupuskan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>digunakan. Manakala di HTF, 2 peralatan yang bernilai RM107,054 tidak digunakan selepas banjir pada tahun 2010 namun yuran bulanan masih dibayar masing-masing berjumlah RM58 dan RM340 sebulan. Yuran lebih dibayar bagi peralatan terlibat di MKAJB dan HTF berjumlah RM15, 770.64.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 8 Januari 2014 Dan 13 Februari 2014</p> <p>HTF sedang melakukan proses pemilihan hospital yang berminat untuk dilakukan pelupusan secara pindahan. MKAJB sedang membuat pelupusan kepada peralatan yang tidak ada keperluan lagi dalam bidang analisis berkaitan dan bagi peralatan <i>camera multi-image</i> telah dimasukkan semula di bawah penyenggaraan konsesi memandangkan alat masih diperlukan serta permohonan mula servis telah dihantar kepada pihak konsesi pada 18 Disember 2013.</p> <p>Pada pendapat Audit, yuran perkhidmatan bagi peralatan yang tidak digunakan hendaklah dihentikan dengan segera bagi mengelakkan berlaku pembaziran.</p>	
12.5.4.2.a	<p><b>Penyenggaraan Aset - Daftar KEW.PA-14 Tidak Dikemas Kini</b></p> <p>Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, setiap penyenggaraan yang dilaksanakan hendaklah direkodkan dalam Daftar Penyenggaraan Harta Modal (KEW.PA-14) bagi memastikan penyenggaraan dijalankan adalah bersesuaian dan munasabah dari segi kos dan masa. Semakan Audit mendapati maklumat penyenggaraan semua harta modal bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013 di semua lokasi yang dilawati tidak direkodkan/dikemas kini dengan nombor kontrak, jenis penyenggaraan dan kos penyenggaraan. Pihak Audit dimaklumkan, KEW.PA-14 tidak diisi kerana pengguna boleh merujuk maklumat sejarah penyenggaraan di <i>Central Management Information System (CMIS)</i> untuk tujuan pemantauan. Bagaimanapun, kos penyenggaraan di CMIS tidak menggambarkan perbelanjaan sebenar yang dikeluarkan oleh Kementerian kerana kos tersebut merupakan kos yang ditanggung/dikeluarkan oleh pihak syarikat konsesi.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 8 Januari 2014 Dan 13 Februari 2014</p> <p>Hasil semakan Kementerian mendapati kos yuran perbelanjaan sebenar yang</p>	<p>KKM telah membuat permohonan bagi pengecualian KEW.PA-9, 13 dan 14 kepada Kementerian Kewangan pada 10 Januari 2014 dan maklumbalas daripada Kementerian Kewangan telah diterima di mana pengecualian penggunaan borang tersebut diberikan kepada hospital, makmal dan institusi yang belum menggunakan Sistem Pengurusan Aset (SPA), Perbendaharaan Malaysia.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>diambil kira oleh pihak audit adalah yuran yang dibayar kepada syarikat konsesi yang merangkumi kos fasiliti, kos pengurusan, kos tenaga kerja, kos kapital dan bukan hanya kos penyenggaraan peralatan tersebut. Oleh yang demikian, kos yang dibayar kepada syarikat konsesi tidak boleh diambil kira sebagai kos penyenggaraan peralatan tersebut untuk dimuatkan ke dalam KEW.PA-14. Justeru, kos penyenggaraan tidak sepenuhnya diisi/dikemas kini di dalam KEW.PA-14. Pihak PTJ yang terlibat telah mengambil tindakan mengemas kini KEW.PA-14 bagi penyenggaraan yang dijalankan oleh pihak konsesi. Sebagai penambahbaikan, sistem yang akan dibangunkan di bawah kontrak baru perlu merekodkan kos penyenggaraan sepenuhnya dalam KEW.PA-14 oleh syarikat konsesi. Selain itu, Kementerian sedang dalam proses memohon pengecualian penggunaan KEW.PA-9, KEW.PA-13 dan KEW.PA-14 daripada Kementerian Kewangan.</p> <p>Pada pendapat Audit, daftar yang mengandungi maklumat berkaitan sejarah peralatan dan penyenggaraan hendaklah diwujudkan dan disediakan dengan lengkap dan kemas kini. Penyelenggaraan daftar ini akan memudahkan pihak pengurusan memantau rekod keluar/masuk peralatan untuk senggaraan, kos senggaraan dan seterusnya sebagai rujukan semasa proses pelupusan. Selain itu, nilai kos penyenggaraan sebenar perlu dikenal pasti bagi memudahkan perekodan oleh PTJ terlibat.</p>	
<p><b>12.5.4.2.b</b></p>	<p><b>Jumlah Yuran Penyenggaraan Melebihi Nilai Perolehan</b></p> <p>Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, sesuatu aset boleh dilupuskan sekiranya jumlah penyenggaraan aset menyamai atau melebihi nilai perolehan aset tersebut dan tidak ekonomi dibaiki. Semakan Audit mendapati jumlah yuran penyenggaraan bagi 18 peralatan yang disemak telah melebihi di antara 1% hingga 123.3% daripada nilai perolehan peralatan tersebut. Bagaimanapun, peralatan berkenaan masih disenggara dan pembayaran yuran masih diteruskan.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 8 Januari 2014 Dan 13 Februari 2014</p> <p>Peralatan yang mempunyai jumlah yuran penyenggaraan yang melebihi nilai perolehan tidak dapat dibuat pelupusan kerana kekangan peruntukan untuk penggantian peralatan baru. Aset yang masih berfungsi dan telah diperakukan untuk pelupusan masih terus digunakan dan disenggara sehingga mengalami kerosakan besar atau mendapat penggantian walaupun jumlah penyenggaraan</p>	<p>Maklumbalas adalah sama seperti di perenggan 12.5.4.2.b</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>melebihi kos perolehan peralatan. Sebagai tindakan penambahbaikan, Kementerian sedang membuat perancangan yang komprehensif mengenai peralatan yang dicadangkan untuk penggantian, termasuk melaksanakan program penggantian peralatan perubatan secara berperingkat. Kementerian sedang melaksanakan program yang dikenali sebagai <i>Managed Equipment Services</i> (MES) iaitu program penyewaan peralatan perubatan oleh Kerajaan dari pihak swasta sebagai usaha Kerajaan untuk mengganti/ menaik taraf peralatan perubatan yang telah melebihi had ekonomi/usang di hospital-hospital Kerajaan.</p> <p>Pada pendapat Audit, penyenggaraan yang berkesan dan penggantian secara sistematik peralatan terlibat perlu dilakukan bagi memastikan ia tidak membahayakan pesakit.</p>	
12.5.4.2.c	<p><b>Penyenggaraan Lewat Dilaksanakan</b></p> <p>Mengikut proses kerja penyenggaraan, sesuatu peralatan hanya akan disenggara selepas ujian dan pentauliahan (T&amp;C) dilakukan. Semakan Audit mendapati sebanyak 371 peralatan yang bernilai RM8.19 juta di HTF, HTAR, HWKK dan MKAJB lewat disenggara antara 343 hingga 10,091 hari daripada tarikh T&amp;C. Manakala sebanyak 287 peralatan bernilai RM5.16 juta telah disenggara antara 1 hingga 6,712 hari lebih awal daripada tarikh T&amp;C.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 8 Januari 2014 Dan 13 Februari 2014</p> <p>Pihak hospital yang terlibat akan memastikan proses pendaftaran penyenggaraan aset di bawah syarikat konsesi dilakukan dengan kadar segera supaya kejadian penyenggaraan lewat dilaksanakan dapat dielakkan. Hal ini akan ditekankan atau dibincangkan di dalam setiap mesyuarat VCM. Selain itu penambahbaikan sistem akan dilakukan di mana program/jadual penyenggaraan peralatan akan dijana secara automatik setelah peralatan baru didaftarkan. Penjanaan program/jadual penyenggaraan di dalam sistem juga akan dihentikan secara automatik setelah penamatan peralatan (SNF) dikeluarkan.</p> <p>Pada pendapat Audit, pihak Kementerian perlu memastikan setiap peralatan baru yang diterima disenggara dengan sewajarnya. Selain itu, pihak Kementerian juga perlu menetapkan norma tempoh penyenggaraan dimulakan</p>	Maklumbalas adalah sama seperti di perenggan 12.5.4.2.c

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	selepas tarikh T&C bagi menjamin aset tersebut berada dalam keadaan baik dan selamat digunakan.	
12.5.4.2.d	<p><b>Penyenggaraan Berjadual (PPM) Tidak Dilaksanakan</b></p> <p>Setiap peralatan perlu disenggara secara berjadual mengikut kalendar penyenggaraan yang telah ditetapkan dalam <i>Hospital Specific Implementation Plan</i> (HSIP). Semakan Audit terhadap sejarah penyenggaraan berjadual (PPM) di CMIS bagi tempoh tahun 2011 sehingga bulan Ogos 2013 mendapati PPM bagi 113 peralatan di HTF, HTAR dan HWKK tidak dilaksanakan antara 12 hingga 32 bulan. Bagaimanapun sejumlah RM1.68 juta yuran penyenggaraan masih dibayar kepada pihak konsesi bagi tempoh PPM tidak dilaksanakan dan tiada bukti denda dikenakan. Semakan lanjut mendapati, jadual PPM aset tersebut tidak disediakan bagi tempoh satu hingga 3 tahun.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 8 Januari 2014 Dan 13 Februari 2014</p> <p>Antara faktor-faktor yang menyumbang kepada PPM tidak dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan adalah seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Modul Pelupusan Aset adalah berasingan dari <i>Modul Asset Register</i>. Setiap aset yang telah dilupuskan harus dikemaskinikan secara manual ke dalam <i>Asset Register</i>. Berkemungkinan data ini tidak dikemas kini pada kadar segera menyebabkan penyenggaraan masih dijadualkan;</li> <li>• Sesetengah peralatan telah dikeluarkan daripada jadual penyenggaraan kerana peralatan tersebut tidak dijumpai. Selagi SNF tidak dikeluarkan bagi aset yang tidak dijumpai/hilang, <i>work order</i> penyenggaraan akan dijana secara automatik oleh sistem. Oleh itu, status penyenggaraan bagi aset tersebut tidak dapat dilaksanakan. Sekiranya, aset tersebut dijumpai semula, penyenggaraan akan dijalankan; dan</li> <li>• Penjadualan semula PPM telah dibuat.</li> </ul> <p>Mengikut <i>Deduction Formula Guideline</i>, sebarang pemotongan yuran hanya boleh dilakukan bagi bulan yang berkenaan dan pemotongan bagi bulan atau tahun yang sebelumnya tidak dapat dilakukan. Sehubungan itu pihak Kementerian akan melaksanakan penambahbaikan <i>Deduction Formula</i></p>	<p>Pembangunan sistem CMIS yang baru bagi Perjanjian Konsesi yang akan datang akan mengambil kira ciri-ciri tapisan kemasukan data penyenggaraan ke dalam CMIS untuk memastikan ketepatan data.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Guideline</i> akan dilakukan secara menyeluruh bagi mengatasi masalah ini. Selain itu, pihak Kementerian telah menubuhkan Jawatankuasa Siasatan Dalaman bagi menyiasat perkara ini dan dijangka selesai pada hujung bulan Februari 2014.</p> <p>Pada pendapat Audit, Kementerian perlu memastikan yuran peralatan yang tidak disenggara dikutip semula dan denda dikenakan bagi tempoh peralatan tersebut tidak disenggara. Selain itu, data CMIS perlu disemak semula bagi memastikan ketepatannya.</p>	
12.5.4.3.a	<p><b>Pelupusan Aset - Pelupusan Aset Belum Dilaksanakan</b></p> <p>Semakan Audit di HWKK, HTAR, MKAJB dan HTF mendapati, sebanyak 61 peralatan yang rosak/tidak digunakan disimpan di stor pelupusan dan di unit berkaitan. Bagaimanapun, 16 daripadanya masih dibayar bulannya. Berdasarkan tarikh penyenggaraan terakhir/Tarikh <i>Beyond Economic Repair</i> (BER)/Tarikh mula tidak digunakan, sehingga 31 Ogos 2013 sejumlah RM2.56 juta masih dibayar kepada syarikat konsesi dan sebanyak 39 peralatan tidak dapat dipastikan status yuran penyenggaraannya kerana tidak tersenarai dalam VO yang diluluskan. Selain itu, yuran bagi 2 peralatan telah dihentikan pembayaran dan telah ditolak daripada yuran bulanan. Manakala jumlah yuran yang masih dibayar bagi 4 baki peralatan tidak dapat ditentukan kerana tiada maklumat tarikh mula peralatan tersebut tidak digunakan. Pihak Audit juga tidak dapat mengesahkan sama ada Sijil Perakuan Pelupusan (PEP) dikeluarkan bagi kesemua peralatan berkenaan kerana tiada dokumen berkaitan dikemukakan untuk semakan.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 8 Januari 2014 Dan 13 Februari 2014</p> <p>Pihak HTF telah melakukan pelupusan bagi semua aset yang terlibat kecuali 2 aset (010002038 dan 0100002497) kerana terdapat perubahan pengesyoran pelupusan. Pihak HTF juga telah melupuskan MRI secara pindahan kepada Universiti Malaysia Perlis dan SNF telah dikeluarkan pada 5 Julai 2011 bagi menghentikan yuran perkhidmatan. Di HTAR, semua peralatan berada di stor pelupusan dan menunggu Lembaga Pemeriksaan Pelupusan dan peralatan yang masih digunakan di simpan dalam bilik <i>Neonatal Intensive Care Unit</i>. Pihak MKAJB telah mengambil tindakan bekerjasama dengan pihak konsesi untuk menyediakan dokumen pelupusan dengan kadar segera. Kementerian juga akan memastikan tindakan pelupusan diurus secara teratur dan berkala supaya aset-aset yang telah rosak/BER diproses secara lebih sistematik dan aset-aset</p>	<p>Sehingga Januari 2014, KKM telah mengambil tindakan untuk mengeluarkan sijil PEP dalam masa tiga bulan selepas permohonan lengkap diterima seperti yang dinyatakan di dalam Prosedur Pengeluaran Sijil PEP. Pihak HTF dan HTAR telah melakukan pelupusan terhadap peralatan yang dimaksudkan manakala pihak MKAJB sedang dalam peringkat pemeriksaan fizikal aset bagi tujuan permohonan KEW.PA 16. Semua peralatan yang belum dihentikan yuran perkhidmatannya akan dimasukkan di dalam tempoh VO P2.12.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>tidak terbiar di lokasi dengan begitu lama.</p> <p>Pada pendapat Audit, pihak Kementerian perlu memastikan Sijil PEP dikeluarkan dengan segera bagi peralatan yang rosak dan tidak ekonomi untuk dibaiki atau tidak diperlukan/digunakan. Ini bagi memastikan SNF dapat dikeluarkan untuk menghentikan penyenggaraan dan pembayaran yuran dengan segera bagi mengelak berlakunya pembaziran wang Kerajaan.</p>	
<p><b>12.5.4.3.b</b></p>	<p><b>Penempatan Peralatan Untuk Pelupusan</b></p> <p>Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 telah menetapkan, aset boleh dilupuskan sekiranya tidak ekonomi dibaiki; rosak dan tidak boleh digunakan serta tidak lagi diperlukan oleh Jabatan. Semakan Audit di HWKK mendapati sebanyak 6 peralatan bernilai RM1.54 juta yang hendak dilupuskan telah ditempatkan di luar bangunan kerana ruang penyimpanan peralatan yang terhad. Pihak Audit tidak dapat memastikan sama ada semua peralatan tersebut telah memperolehi Sijil Tidak Ekonomi Dibaiki atau masih menunggu Sijil PEP kerana maklumat berkaitan tidak dikemukakan. Semakan lanjut terhadap tarikh terakhir PPM dilaksanakan mendapati yuran bagi peralatan 915002667 masih dibayar sejumlah RM685 sebulan dan dari bulan Januari 2011 sehingga Ogos 2013 berjumlah RM21,927 telah dibayar. Manakala, jumlah yuran bagi 5 peralatan tidak dapat ditentukan kerana tiada maklumat mengenai yuran dikenakan atau dihentikan bagi peralatan tersebut.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 8 Januari 2014 Dan 13 Februari 2014</p> <p>Pihak HWKK terpaksa menempatkan enam peralatan yang hendak dilupuskan di luar bangunan kerana ruang penyimpanan peralatan yang terhad. Walau bagaimanapun, peralatan-peralatan berkenaan sentiasa dipantau untuk mengelakkannya daripada hilang. Pihak Hospital akan bekerjasama dengan pihak konsesi bagi mempercepatkan proses pelupusan peralatan-peralatan ini. Pihak hospital sedang dalam proses mengemukakan permohonan bagi pembaharuan sijil PEP, KEW.PA-16 sebelum proses pelupusan dilaksanakan.</p> <p>Pada pendapat Audit, Kementerian hendaklah mengambil tindakan segera untuk memastikan peralatan yang rosak dan terbiar dilupuskan dengan sewajarnya bagi mengelakkan kesesakan ruang dan penurunan nilai yang berterusan. Selain itu, pihak Kementerian juga perlu memastikan pembayaran yuran bagi peralatan yang hendak dilupuskan tersebut dihentikan dengan segera.</p>	<p>Maklumbalas adalah sama seperti di perenggan 12.5.4.3.b</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
12.5.4.3.c.i	<p><b>Pelupusan Melebihi Tempoh Ditetapkan</b></p> <p>Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, Perakuan Pelupusan (KEW.PA-16) hendaklah diperolehi sebelum proses pelupusan dilaksanakan. Nilai aset yang dinyatakan dalam Perakuan Pelupusan hanya sah dalam tempoh setahun. Sekiranya pelupusan tidak dapat dilaksanakan dalam tempoh tersebut, aset hendaklah dinilai semula mengikut nilai semasa. Semakan Audit terhadap Senarai Barang Yang Terdapat Dalam Stor Pelupusan di HTAR mendapati perkara berikut:-</p> <p>Sebanyak 51 peralatan yang bernilai RM2.80 juta telah dikeluarkan Sijil KEW.PA-16 sejak tahun 2010. Bagaimanapun, sehingga tarikh pengauditan, peralatan tersebut masih belum dilupuskan. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan tarikh Sijil KEW.PA-16 dikeluarkan kerana dokumen berkaitan tidak dikemukakan semasa pengauditan dijalankan.</p>	<p>Sijil PEP bagi ke semua 51 peralatan tersebut telah dikeluarkan dan peralatan tersebut telah dilupuskan pada 14 September 2013 berikutan pihak JKR telah mengarahkan pihak HTAR, Klang untuk mengosongkan kawasan tapak projek pembinaan Kompleks Obstetrik - Fasa 2 sebelum atau pada 20 September 2013 yang melibatkan 2 (dua) buah Stor Peralatan Pelupusan.</p>
12.5.4.3.c.ii	<p>Pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada 51 peralatan berada di stor kerana keadaan ruang stor yang sesak, tidak tersusun dan bercampur aduk dengan pelbagai jenis aset menyebabkan pemeriksaan Audit tidak dapat dijalankan.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 8 Januari 2014 Dan 13 Februari 2014</p> <p>Hasil semakan mendapati, pihak HTAR tidak dapat mengesahkan Perakuan Pelupusan (KEW.PA-16) bagi 51 peralatan yang dibangkitkan tersebut dan berkemungkinan ia tidak diterima oleh pihak hospital. Permohonan untuk mendapatkan KEW.PA-16 yang baru bagi peralatan-peralatan tersebut telah dibuat. Pihak HTAR akan menyemak dalam CMIS secara berkala bagi mengenal pasti aset-aset yang perlu dilupuskan. Tindakan untuk melupuskan 51 peralatan berkenaan akan diambil serta-merta setelah KEW.PA-16 diperolehi.</p>	
12.5.4.4.a	<p><b>Kehilangan Aset/Asset Not Found (V4L)</b></p> <p>Sebanyak 482 peralatan yang bernilai RM2.58 juta di HTAR dan HTF telah dikategorikan sebagai V4L atau peralatan tiada di lokasi. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan status peralatan tersebut kerana tiada daftar diselenggara bagi memantau peralatan V4L. Semakan Audit selanjutnya mendapati, di HTAR sehingga 31 Ogos 2013 sejumlah RM9,346 yuran masih dibayar bagi 27 peralatan V4L dan baki 405 peralatan tidak dapat disahkan</p>	<p>Penghentian yuran perkhidmatan bagi peralatan V4L akan dimasukkan ke dalam tempoh VO P2.12 dan KKM juga telah mengarahkan supaya syarikat konsesi mengemaskinikan maklumat peralatan V4L seperti keputusan mesyuarat bersama syarikat konsesi pada 19 Februari 2014.</p> <p>Selain itu, KKM telah mengeluarkan Garis Panduan Pemeriksaan dan Verifikasi</p>



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>status yurannya. Manakala yuran bagi semua peralatan V4L di HTF telah dihentikan. Selain itu, didapati daftar pergerakan harta modal KEW.PA-6 tidak diselenggara dengan sempurna di semua lokasi yang dilawati menyebabkan peralatan sukar untuk dikesan dan sebahagian peralatan tidak dijumpai sejak tahun 1998.</p>	<p>Aset kepada pihak hospital dan syarikat konsesi supaya melakukan pemeriksaan dan verifikasi aset di hospital atau institusi masing-masing untuk menentukan ketepatan maklumat aset di dalam daftar dan sistem CMIS serta mengemaskini senarai induk peralatan bagi memudahkan pemantauan dibuat.</p>
<p><b>12.5.4.4.b</b></p>	<p>Semakan lanjut terhadap 27 peralatan V4L yang masih dibayar di HTAR mendapati Notis Untuk Mula/Tamat Perkhidmatan (SNF) telah dikeluarkan bagi 13 peralatan. Bagaimanapun, bayaran yuran bagi peralatan tersebut masih diteruskan dan jumlah yuran lebih dibayar bagi peralatan berkenaan dalam tempoh antara 8 hingga 38 bulan ialah RM4, 497. Manakala pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada SNF telah dikeluarkan untuk 14 peralatan V4L kerana tiada salinan SNF dikemukakan untuk semakan. Berdasarkan sejarah penyenggaraan di CMIS, penyenggaraan terakhir dilaksanakan bagi 14 peralatan tersebut di antara bulan Jun 2006 hingga Disember 2012 melibatkan yuran lebih dibayar berjumlah RM4,849.</p>	
<p><b>12.5.4.4.c</b></p>	<p>Pekeliling Perbendaharaan Bil. 13 Tahun 2008 menyatakan Ketua Jabatan hendaklah menyediakan Laporan Awal bagi kehilangan yang berlaku di Jabatan di bawah kawalannya. Bagi kehilangan yang melibatkan seseorang Ketua Jabatan, Laporan Awal hendaklah disediakan oleh pegawai atasannya di peringkat Kementerian/Ibu Pejabat secepat mungkin iaitu tidak lewat daripada 5 hari bekerja. Laporan Awal dan Laporan Polis hendaklah dikemukakan kepada Pegawai Pengawal di Kementerian/Jabatan di mana berlakunya kehilangan dan kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan. Salinan Laporan Awal hendaklah dihantar kepada Akauntan Negara dan Ketua Audit Negara atau wakil tempatan Ketua Audit Negara. Semakan Audit mendapati tiada Laporan Awal dan Laporan Polis dibuat terhadap kehilangan 37 peralatan BEMS bagi HTF. Manakala di HTAR hanya satu laporan polis telah dibuat bagi peralatan 007018617 dan tiada bukti Laporan Awal dan Laporan Polis dibuat bagi baki 444 peralatan yang hilang.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 8 Januari 2014 dan 13 Februari 2014</p> <p>Pihak Hospital telah mengambil tindakan melakukan pencarian terhadap aset yang telah diisytiharkan hilang (V4L). Pencarian dokumen pelupusan juga disemak disebabkan aset berusia terlalu lama. Walau bagaimanapun banyak dokumen telah musnah akibat banjir dan Laporan Polis akan dibuat sekiranya usaha untuk mencari tidak berhasil. Di HTF hasil dari pencarian 31 aset telah</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>dijumpai dan selebihnya masih dalam proses pencarian. Manakala sebanyak 218 peralatan di HTAR telah dikenal pasti tiada di lokasi dan laporan polis telah dibuat, 218 peralatan telah dilupuskan, 3 peralatan telah dipindah keluar serta 6 peralatan telah dijumpai dan masih digunakan.</p> <p>Pada pendapat Audit, pihak Kementerian perlu membuat Laporan Awal dan Laporan Polis setelah peralatan yang dilaporkan sebagai V4L tidak dapat dikesan selepas tempoh 30 hari seperti yang telah ditetapkan. Selain itu, pihak Kementerian juga perlu memastikan SNF dikeluarkan bagi peralatan yang terlibat untuk menghentikan pembayaran yuran peralatan tersebut. Pihak Kementerian hendaklah menyelenggara daftar bagi peralatan V4L dan seterusnya sentiasa mengemas kini senarai induk peralatan bagi memudahkan pemantauan dibuat.</p>	

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 1 TAHUN 2013**

**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**Perenggan 13 : Pengurusan Sajian Makanan Secara *Inhouse* Di Hospital**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
13.5.1.2	<p><b>Kes Kontaminasi Makanan</b></p> <p>Mengikut <i>National Indicator Approach</i> (NIA) mulai tahun 2011 hingga 2012, Kementerian telah menyasarkan bilangan kes kontaminasi/pencemaran makanan pada tahap sifar. Bagaimanapun mulai tahun 2013, NIA bagi kes kontaminasi makanan telah diubah kepada bilangan kes berbanding jumlah hidangan iaitu tidak melebihi 5% dan bagi tahun 2013, petunjuk prestasi kes kontaminasi makanan adalah memuaskan kerana NIA semua PTJ yang dilawati kurang daripada 5%. Bagaimanapun, pertukaran kaedah pengiraan NIA pada tahun 2013 berdasarkan peratus kes kontaminasi makanan adalah kurang tepat kerana apabila bilangan hidangan bertambah, peratus tersebut berkurangan walaupun bilangan kes pada sesuatu tahun meningkat.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 18 Disember 2013 Dan 14 Februari 2014</p> <p>Berdasarkan maklum balas Kementerian, indikator NIA yang lama sukar dicapai, tidak realistik dan tidak memberi gambaran sebenar terhadap pencapaian perkhidmatan sajian dan dietetik. Selain itu, Kementerian telah mengedarkan surat makluman kepada semua Ketua Jabatan/Unit Sajian dan Dietetik di semua hospital di mana mulai Januari 2014, format pengumpulan data bagi kes kontaminasi fizikal makanan perlu mempunyai ruang bilangan kes kontaminasi fizikal, jumlah hidangan yang disediakan dan pencapaian peratusan standard.</p> <p>Pada pendapat Audit, pertukaran kaedah pengiraan NIA berdasarkan peratus kes kontaminasi makanan sahaja tidak boleh dijadikan petunjuk prestasi utama kerana kontaminasi makanan adalah sesuatu yang serius dan kaedah semasa tidak menunjukkan bilangan sebenar kes tersebut pada sesuatu tahun.</p>	<p>KKM telah mengedarkan surat makluman kepada semua Ketua Jabatan / Unit Sajian &amp; Dietetik di semua hospital seluruh negara di mana mulai Januari 2014, format pengumpulan data bagi kes kontaminasi fizikal makanan perlu mempunyai ruang bilangan kes kontaminasi fizikal, jumlah hidangan yang disediakan dan pencapaian peratusan standard. Kedua-dua indikator iaitu bilangan sebenar kes kontaminasi serta peratus kes kontaminasi dengan bilangan hidangan yang disediakan ini akan digunakan bagi memantau pencapaian Perkhidmatan Dietetik &amp; Sajian sebagaimana yang dicadangkan oleh pihak Audit Negara.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>13.5.1.4</b></p>	<p><b>Pengagihan Hidangan Diet Pesakit Ke Wad</b></p> <p>Mengikut piagam pelanggan Jabatan, waktu hidangan makan tengah hari bagi 3 PTJ iaitu HSA, HKL dan HUK adalah pada pukul 11.30 pagi hingga 12.00 tengah hari manakala di HSAH, adalah pada pukul 11.15 pagi hingga 11.45 pagi. Semakan Audit mendapati PPK yang ditugaskan mengambil hidangan telah mematuhi waktu hidangan yang ditetapkan kecuali di HSAH. Pihak Audit dimaklumkan oleh pihak HSAH bahawa lif berhampiran dapur hospital itu biasanya diguna pakai oleh pihak konsesi untuk mengangkut barang pada waktu tengah hari.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 18 Disember 2013 Dan 14 Februari 2014</p> <p>Berdasarkan maklum balas Kementerian, di HSAH kesesakan lif berlaku kerana pertembungan jadual pengambilan hidangan makan tengah hari dengan jadual penghantaran linen bersih. Justeru itu, waktu jadual penghantaran linen bersih telah ditukarkan selepas waktu pengambilan hidangan berakhir.</p>	<p>Maklumbalas adalah seperti di perenggan 13.5.1.4</p>
<p><b>13.5.2</b></p>	<p><b>Kekosongan Perjawatan</b></p> <p>Skim perjawatan di Jabatan Sajian Dan Dietetik setiap PTJ secara umumnya dianggotai oleh Pegawai Dietetik (Gred U41, U44, U48, U52 dan U54), Pegawai Penyediaan Makanan (Gred C41), Penolong Pegawai Penyediaan Makanan (Gred C27, C32 dan C38), Pembantu Penyediaan Makanan (N17 dan N1) dan Pembantu Tadbir Gred N17. Semakan Audit mendapati antara 3 (4.2%) hingga 5 (3.2%) kekosongan jawatan di HSA dan HKL. Bagaimanapun, tiada pelantikan baru dibuat bagi jawatan Penolong Pegawai Penyediaan Makanan (Penyelia) dan Pembantu Penyediaan Makanan (Tukang Masak) di kebanyakan PTJ. Kekosongan jawatan ini adalah sangat kritikal berikutan perkhidmatan sajian makanan mula beroperasi seawal jam 6.30 pagi sehingga lewat jam 7.00 malam. Selain itu, Pembantu Penyediaan Makanan tersebut juga terlibat dalam urusan penerimaan, penyimpanan bahan makanan, penghidangan dan pencucian kelengkapan dapur. Semakan lanjut Audit mendapati tiada norma khusus ditetapkan oleh Kementerian bagi skim jawatan Pembantu Penyediaan Makanan. Analisis perbandingan yang dibuat oleh Audit menunjukkan nisbah jawatan Pembantu Penyediaan Makanan kepada nisbah bilangan katil adalah antara 1 : 20 hingga 1 : 25, manakala nisbah Pembantu Penyediaan Makanan berbanding bilangan pesakit adalah antara 1 : 105 hingga 1 : 6,123. Analisis Audit mendapati HKL mengalami beban tugas yang paling tinggi. Masalah anggota tidak mencukupi ini mengakibatkan kualiti perkhidmatan tidak dapat dipertingkatkan dan pemantauan aktiviti seperti perolehan, penentuan skala</p>	<p>Semua jawatan kosong telah diisi di HKL dan HSA pada akhir bulan November 2013. Selain itu, permohonan pertambahan jawatan melalui ABM 2014 telah dibuat oleh HSAH sebanyak 40 jawatan (Gred N17/N22, C27/C32, U41, U44 dan U48) dan HKL sebanyak 44 jawatan (Gred U41, U44 dan U48) selaras dengan peningkatan beban kerja.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>porsi makanan, dan proses uji rasa makanan tidak dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.</p> <p>Pada pendapat Audit, jawatan kosong sedia ada perlu diisi dengan segera bagi meningkatkan keberkesanan aktiviti perkhidmatan sajian makanan. Selain itu, Kementerian perlu mengkaji semula bilangan jawatan Pembantu Penyediaan Makanan yang perlu ditempatkan di sesebuah hospital untuk disesuaikan dengan beban kerja sedia ada.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 18 Disember 2013 Dan 14 Februari 2014</p> <p>Berdasarkan maklum balas Kementerian, selaras dengan peningkatan beban kerja, permohonan pertambahan jawatan melalui ABM 2014 telah dibuat oleh HSAH sebanyak 40 jawatan (Gred N17/N22, C27/C32, U41, U44 dan U48) dan HKL, sebanyak 44 jawatan (Gred U41, U44 dan U48). Bagi tempoh jangka pendek, kekosongan jawatan ini diisi melalui perpindahan secara pentadbiran dan pengambilan pekerja sambilan.</p>	
13.5.3.1	<p><b>Pengurusan Kontrak Bekalan Makanan - Pengujian Sampel Bahan Makanan</b></p> <p>Mengikut syarat kontrak, Kontraktor hendaklah mengemukakan contoh bahan makanan yang dibekalkan untuk diuji tanpa apa-apa bayaran apabila diminta oleh Kerajaan. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013, ujian yang dijalankan ke atas sampel makanan di semua PTJ yang dilawati adalah sebanyak 1 hingga 2 kali sahaja berdasarkan keperluan ke atas ujian tersebut seperti sekiranya berlaku kes keracunan makanan. Ketiadaan kaedah pengujian sampel yang berkesan menyukarkan PTJ untuk mengesan sama ada kandungan bahan makanan yang dibekalkan selaras dengan Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985. Semakan ke atas keputusan penghantaran ujian sampel bahan makanan terhadap 4 hospital yang dilawati bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013 mendapati keputusan bagi 2 sampel masing-masing di HSAH dan HKL adalah tidak mematuhi kehendak Akta Makanan 1983 serta kehendak kontrak.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 18 Disember 2013 Dan 14 Februari 2014</p> <p>Berdasarkan maklum balas Kementerian, Mesyuarat Pengurusan Perkhidmatan Dietetik dan Sajian Kebangsaan Kementerian Kesihatan Malaysia bertarikh</p>	Maklumbalas adalah seperti di perenggan 13.5.3.1

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>29 November 2013 menetapkan pengesahan sampel beras akan dilakukan setiap kali penghantaran, pengesahan bahan makanan bermasak (6 hingga 8 sampel makanan) dilakukan 4 kali setahun mengikut keperluan Akreditasi MSQH serta pengesahan bahan-bahan lain (6 hingga 8 sampel makanan) dilaksanakan 2 kali setahun mengikut keperluan Good Manufacturing Practices. Di samping itu, Kementerian mengesyorkan agar analisis makanan dilaksanakan terhadap 13 item terlibat di bawah kontrak pusat/panel oleh Perbendaharaan terlebih dahulu sebelum kontrak dimuktamadkan serta surat pengesahan dikeluarkan bagi menyatakan semua produk tersebut mencapai standard dalam Akta Makanan 1983 dan kehendak kontrak. Pegawai yang mempunyai kepakaran dalam bidang ini boleh dilantik terutamanya pegawai dari Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian.</p> <p>Pada pendapat Audit, pihak Kementerian hendaklah memastikan langkah-langkah yang telah diambil dilaksanakan dengan berkesan bagi memastikan makanan yang dihidangkan adalah selamat serta kandungannya tidak membahayakan kesihatan pesakit.</p>	
13.5.3.2.a	<p><b>Spesifikasi Bahan Makanan - Berat Ayam</b></p> <p>Mengikut kontrak, semua ayam daging hidup dan ayam potong sembilan yang dibekalkan masing-masing hendaklah antara 1.5kg hingga 2.0kg dan 1.3kg hingga 2.0kg. Mengikut kontrak yang ditetapkan, setiap pesanan bagi ayam potong sembilan hendaklah diisi di dalam satu bungkusan yang tidak melebihi 10kg untuk setiap bungkusan plastik. Setiap bungkusan hendaklah mengandungi 90% daripada 9 bahagian ayam yang terdiri daripada 2 ketul kepak, 2 ketul peha, 2 ketul <i>drumstick</i> dan 3 ketul bahagian dada dan 10% lagi bolehlah terdiri daripada mana-mana bahagian ayam di atas untuk tujuan menggenapkan timbangan dalam pesanan. Semakan Audit mendapati bekalan ayam potong 9 yang dibekalkan pada 23 Julai 2013 oleh (Pertubuhan Peladang Kebangsaan) NAFAS kepada pihak HKL melebihi 4kg iaitu 14kg bagi setiap bungkusan ayam berbanding 10kg mengikut kontrak. Ini boleh memberi kesan terhadap standard suhu yang ditetapkan sebelum ia dibekalkan. Semakan lanjut Audit mendapati pihak HKL tidak membuat kiraan bilangan ketul ayam mengikut bahagian ayam seperti ditetapkan. Tanpa membuat kiraan bahagian ayam yang ditetapkan, adalah dikhuatiri pembekal akan mengambil kesempatan dengan membekalkan bahagian ayam yang mudah diperolehi di pasaran serta kecil saiznya.</p>	<p>Bagi memenuhi spesifikasi berat ayam yang telah ditetapkan di dalam kontrak pembekalan ayam, pihak HKL telah memastikan berat setiap bungkusan ayam yang diterima adalah 10kg dan membuat kiraan bilangan ketul mengikut bahagian ayam di dalam <i>master sheet</i>. Bagi suhu ayam yang sepatutnya dikekalkan pada suhu tertentu, pihak HKL telah memastikan proses <i>thawing</i> dilambatkan di premis pembekal, kemudahan pengangkutan pembekal dilengkapi dengan sistem penyejukbeku serta memperuntukkan waktu khusus untuk pembekal melaksanakan <i>unloading</i> di dapur. Bagi isu roti pula, pembekal roti kepada HSA dan HKL telah melabelkan semua maklumat yang diperlukan pada bungkusan roti sama ada dengan menggunakan <i>sticker</i> atau bungkusan roti baru bercetak. HKL juga telah mengemukakan aduan roti berkualiti rendah kepada Perbendaharaan pada 4 Disember 2013.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
13.5.3.2.b	<p><b>Suhu Ayam</b></p> <p>Mengikut kontrak, suhu ayam daging hidup/bersih segar yang dibekalkan hendaklah tidak melebihi 5°Celsius (C) sebelum ia dibekukan atau disejukkan. Semakan Audit mendapati 104kg ayam daging hidup/bersih segar yang dibekalkan oleh NAFAS kepada pihak HSAH pada 5 Jun 2013 bersuhu 31°C. Perkara ini berlaku kerana pembekal tidak menggunakan kenderaan bertutup yang dilengkapi kemudahan sejuk beku bagi memelihara kualiti ayam ketika dalam perjalanan ke HSAH. Semakan lanjut Audit mendapati 394.75kg (14kg bagi setiap bungkusan) bekalan ayam potong 9 yang dibekalkan oleh NAFAS kepada pihak HKL pada 23 Julai 2013 juga tidak menepati suhu yang ditetapkan dalam kontrak iaitu 9.6°C.</p>	
13.5.3.2.c	<p><b>Maklumat Label Pada Bungkusan Roti</b></p> <p>Mengikut spesifikasi kontrak, setiap bungkusan roti perlu mempunyai maklumat seperti nama produk, berat bersih (dalam kg), logo halal, nama dan alamat pengilang serta label Hak Kerajaan Malaysia. Selain itu, tekstur roti mestilah lembut, gebu dan tidak berlubang. Di samping itu mengikut spesifikasi kontrak, bekalan yang ditolak kerana rendah mutu dan diganti selepas jam 5.00 petang atau gagal diganti pada hari penyerahan, akan dikenakan denda sebanyak 10% ke atas nilai bekalan yang berkenaan. Semakan Audit mendapati bungkusan roti <i>wholemeal</i> yang dibekalkan kepada pihak HSA dan HKL tidak mempunyai maklumat berat bersih (dalam kg). Pihak Audit juga mendapati bungkusan roti <i>wholemeal</i> yang dibekalkan kepada pihak HKL tidak mempunyai maklumat seperti nama produk, nutrisi pemakanan, logo halal, nama serta alamat pengilang dan Hak Kerajaan Malaysia. Selain itu, roti prapek yang dibekalkan juga didapati berlubang serta mempunyai tekstur kasar. Semakan Audit mendapati pada 25 Julai 2013, aduan telah dikemukakan kepada pembekal tetapi sehingga kini tiada maklum balas diterima. Di samping itu berdasarkan lawatan Audit terhadap premis pembekal terlibat pada 25 Julai 2013, kualiti pengeluaran roti yang dibekalkan masih tidak berubah kerana didapati berlubang dan mempunyai tekstur kasar.</p> <p>Pada pendapat Audit, Kementerian hendaklah sentiasa memastikan bungkusan roti dilabelkan dengan maklumat berkaitan yang lengkap dan suhu serta kuantiti bekalan ayam mengikut spesifikasi yang ditetapkan bagi menjamin kualiti bahan makanan dibekalkan.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 18 Disember 2013 Dan 14 Februari 2014</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Berdasarkan maklum balas Kementerian, kaedah pesanan ayam di HKL adalah mengikut keping/ketul berdasarkan bilangan pesakit yang mana setiap bungkusan mengandungi 100 keping/ketul ayam. Kaedah ini dilihat lebih tepat berbanding 10kg setiap bungkusan seperti yang ditetapkan dalam kontrak kerana setiap kepingan ayam tidak mempunyai timbangan berat yang <i>standard</i>. Justeru itu, HKL telah memastikan berat setiap bungkusan ayam yang diterima adalah 10kg. Selain itu, HKL turut membuat kiraan bilangan ketul mengikut bahagian ayam di dalam <i>master sheet</i>. Bagi suhu ayam yang sepatutnya dapat dikekalkan, pihak HKL telah memastikan proses <i>thawing</i> dilambatkan di premis pembekal, kemudahan pengangkutan pembekal dilengkapi dengan sistem penyejuk beku serta memperuntukkan waktu khusus untuk pembekal melaksanakan <i>unloading</i> di dapur. Sementara itu, pembekal roti kepada HSA telah melabelkan berat bersih pada bungkusan roti dengan menggunakan <i>sticker</i> bagi jangka masa pendek manakala untuk jangka masa panjang, bungkusan roti baru bercetak berat bersih akan digunakan. Di HKL pula, pembekal roti telah menggunakan <i>sticker</i> baru mulai 29 Julai 2013. Selain itu, HKL telah mengemukakan maklum balas berhubung aduan roti berkualiti rendah kepada Perbendaharaan pada 4 Disember 2013.</p>	
13.5.3.3	<p><b>Perbandingan Harga Kontrak Baru Dengan Harga Pasaran</b></p> <p>Penentuan harga bahan makanan yang dikemukakan oleh petender bagi bahan makanan basah dan kering seperti ikan, roti, sayur, buah-buahan dan sebagainya akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Penilaian Harga yang dilantik di setiap PTJ dilawati. Bagi bahan makanan yang mempunyai siling harga ditetapkan oleh Kementerian Perdagangan, Koperasi dan Kepenggunaan, Jawatankuasa tersebut akan membuat perbandingan antara siling harga dengan harga tawaran petender. Manakala bagi bahan makanan yang tiada siling harga, Jawatankuasa itu akan membuat perbandingan berdasarkan harga paling munasabah petender berbanding harga tawaran oleh petender lain. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati harga beberapa item dalam kontrak seperti ikan adalah tidak munasabah kerana harganya lebih tinggi berbanding harga pasaran antara 34.38% hingga 100%.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 18 Disember 2013 Dan 14 Februari 2014</p> <p>Berdasarkan maklum balas Kementerian, harga ikan yang dinyatakan dalam kontrak di HSA dan HKL telah mengambil kira kos pengangkutan dan kenaikan harga ikan di pasaran.</p> <p>Pada pendapat Audit, harga bahan makanan basah yang dikenakan oleh pembekal</p>	<p>Harga bahan makanan yang dinyatakan di dalam kontrak telah mengambilkira spesifikasi yang telah ditetapkan, kos pengangkutan serta kenaikan harga bahan makanan tersebut di pasaran. Walau bagaimanapun KKM bersetuju dengan pemerhatian Audit Negara dan sentiasa mengamalkan prinsip <i>value for money</i> serta dasar penjimatan dalam semua urusan perolehan yang dilaksanakan.</p>



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	adalah tinggi berbanding harga pasaran. Keadaan ini menyebabkan Kerajaan tidak mendapat <i>value for money</i> kerana terpaksa membayar harga lebih mahal berbanding harga pasaran.	
13.5.4.1	<p><b>Pengurusan Perolehan - Pecah Kecil Bekalan Makanan Bagi Mengelakkan Pelawaan Tender Dan Sebut Harga</b></p> <p>Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009, Agensi dilarang memecahkecilkan perolehan tahunan bagi mengelakkan pelawaan sebut harga/ tender. Semakan Audit mendapati nilai item dipecahkecilkan untuk mengelakkan pelawaan sebut harga bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013 adalah berjumlah RM0.42 juta. Semakan lanjut Audit mendapati nilai item susu dipecahkecilkan untuk mengelakkan tender bagi tempoh tahun 2012 hingga 2013 adalah berjumlah RM3.88 juta.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 18 Disember 2013 Dan 14 Februari 2014</p> <p>Berdasarkan maklum balas Kementerian, PTJ beranggapan item susu sebagai item berasingan kerana jenis dan kandungan susu berbeza mengikut diagnosis pesakit serta dianggap sebagai <i>medical food</i> yang digunakan sebagai salah satu mekanisme rawatan kepada pesakit. Justeru itu, PTJ telah mengemukakan surat permohonan penjelasan pecah kecil bekalan makanan bagi mengelakkan pelawaan tender dan sebut harga kepada Perbendaharaan pada 3 Disember 2013 (HSAH) dan 4 Disember 2013 (HKL). Di samping itu, bengkel pemurnian spesifikasi produk susu telah diadakan pada 6 dan 7 Februari 2014 serta hasil daripada perbincangan bengkel tersebut akan dikemukakan untuk pertimbangan Perbendaharaan. Selain itu, HKL turut mengemukakan surat penjelasan berhubung klasifikasi item kicap, sos cili dan sos tomato kepada Perbendaharaan pada 20 November 2013 kerana fungsi item kicap, sos cili dan sos tomato berbeza-beza dalam masakan serta berlainan kandungannya. PTJ telah bersetuju bahawa item-item tersebut akan dipelawa bersekali mengikut tatacara perolehan ditetapkan.</p> <p>Pada pendapat Audit, item seperti susu, kicap, sos cili dan sos tomato ditafsirkan sebagai satu jenis item kerana boleh diperolehi daripada punca bekalan yang sama. Sehubungan itu, perancangan perolehan perlu diperbaiki dengan menyediakan anggaran kuantiti diperlukan pada setiap tahun bagi membolehkan proses sebut harga/tender dilaksanakan.</p>	<p>Bagi isu pecahkecil perolehan susu, KKM berpendapat bahawa item susu adalah item berasingan kerana jenis dan kandungan susu berbeza mengikut diagnosis pesakit serta dianggap sebagai <i>medical food</i> yang digunakan sebagai salah satu mekanisme rawatan kepada pesakit. Justeru itu, bengkel pemurnian spesifikasi produk susu telah diadakan pada 6 dan 7 Februari 2014 serta hasil daripada perbincangan bengkel tersebut akan dikemukakan ke pihak Perbendaharaan Malaysia bagi mendapatkan pengecualian khas ke atas perkara ini.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>13.5.4.2</b></p>	<p><b>Pembelian Di Luar Kontrak</b></p> <p>Mengikut Pekeliling Kontrak Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2012 yang berkuatkuasa mulai 18 Julai 2012, Agensi Kerajaan hendaklah memperoleh item yang dinyatakan dalam kontrak di kalangan syarikat panel pembekal yang dilantik sahaja. Agensi juga tidak dibenarkan memperolehi daripada punca lain tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Kementerian Kewangan. Semakan Audit mendapati HSAH, HSA dan HKL membuat pembelian di luar kontrak pusat bagi item mihun. Pihak Audit dimaklumkan oleh pihak HKL bahawa pembelian bihun dibuat di luar kontrak kerana kontrak telah dimeterai terlebih dahulu sebelum Pekeliling Kontrak Pusat dikeluarkan. Bagaimanapun, pihak HKL tidak membuat permohonan pengecualian secara bertulis daripada Kementerian Kewangan. Nilai keseluruhan item bekalan makanan yang dibuat di luar kontrak adalah berjumlah RM0.18 juta.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 18 Disember 2013 Dan 14 Februari 2014</p> <p>Berdasarkan maklum balas Kementerian, HSAH, HSA dan HKL telah mengemukakan surat permohonan kelulusan pembelian bihun di luar kontrak pusat kepada Perbendaharaan masing-masing bertarikh 19 November 2013, 20 November 2013 dan 2 Disember 2013.</p> <p>Pada pendapat Audit, semua perolehan di luar kontrak pusat perlu mendapat kebenaran bertulis daripada Kementerian Kewangan terlebih dahulu.</p>	<p>Maklumbalas adalah seperti di perenggan 13.5.4.2</p>
<p><b>13.5.5</b></p>	<p><b>Perancangan Menu Tidak Teratur</b></p> <p>Mengikut Manual Diet Hospital 2006, menu-menu perlu dirancang untuk kegunaan wad kelas 1, 2, 3 dan kanak-kanak. Selain itu, prinsip makanan seimbang perlu diamalkan dalam perancangan menu bagi diet normal. Manakala bagi menu untuk diet terapeutik pula, ia ditentukan dengan mengambil kira modifikasi nutrien yang bersesuaian dengan rawatan diperlukan. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a. tinjauan kajian kepuasan pelanggan yang dibuat di 4 PTJ yang dilawati melibatkan 200 responden mendapati 86 responden (43%) berpendapat menu yang disediakan tidak dipelbagaikan pada setiap waktu hidangan. Antara komen yang diberi oleh responden adalah jenis ikan yang sama dimasak dan jenis masakan tidak dipelbagaikan;</li> </ol>	<p>Bagi mengelakkan pembekal mengambil kesempatan dengan membekalkan jenis ikan yang berharga rendah dan mudah diperolehi di pasaran, perkara tersebut telah dinyatakan dengan jelas dalam dokumen kontrak tempatan serta ianya dipantau dengan menggunakan Borang Pesanan Makanan. Di samping itu juga, semua PTJ terlibat telah memastikan buah-buahan disenaraikan dalam menu tahun 2014 adalah sama dengan buah-buahan dinyatakan dalam kontrak. Penyeragaman kandungan menu dan kitaran menu juga akan dimasukkan dalam skop penambahbaikan Manual Diet Hospital yang dijangka akan siap pada penghujung tahun ini.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>b. maklumat jenis ikan dimasak tidak dinyatakan dalam menu tahun 2013 di semua PTJ yang dilawati kecuali HSAH. Keadaan ini dikhuatiri boleh menyebabkan pembekal mengambil kesempatan dengan membekalkan jenis ikan yang berharga rendah dan mudah diperolehi di pasaran. Tambahan pula, jenis ikan yang perlu dibekalkan oleh pembekal tidak dinyatakan dalam kontrak secara jelas di semua PTJ kecuali HKL. HKL telah meletakkan klausa berhubung pembekal yang dilantik tidak boleh membekalkan jenis ikan yang sama melebihi 2 kali seminggu dalam spesifikasi kontrak;</p> <p>c. menu utama waktu makan tengah hari dan makan malam tahun 2013 di HUK hanya mempunyai 1 jenis protein diet sahaja iaitu ayam. Manakala di HSAH, HSA dan HKL, menu waktu makan tengah hari dan makan malam mempunyai 2 jenis protein diet iaitu ikan dan ayam. Keadaan ini mengakibatkan jenis hidangan diet yang disediakan kepada pesakit tidak mempunyai kepelbagaian sumber protein;</p> <p>d. beberapa item buah-buahan yang dinyatakan dalam kontrak di HSAH (buah lai dan pear), HSA (buah epal, lai dan pear) dan HUK (buah anggur, mangga, kiwi, naga, plum, lai dan pear) tidak pernah disenaraikan dalam menu tahun 2013. Sebaliknya, pesakit kerap dihidangkan dengan jenis buah-buahan yang sama pada setiap pusingan menu atau set menu. Keadaan ini menyebabkan pesakit berasa jemu kerana kerap memakan jenis buah-buahan yang sama. Manakala di HKL, jenis buah-buahan yang disenaraikan dalam menu tahun 2013 adalah berbeza setiap hari; dan</p> <p>e. ketidakseragaman dari segi kitaran menu di HKL dan HUK iaitu 9 hari sekali. Manakala di HSAH dan HSA, kitaran menu adalah 2 minggu sekali. Selain itu, penetapan hidangan buah mengikut kelas wad dan waktu hidangan berbeza-beza di PTJ yang dilawati. Sebagai contoh, kelas wad 3 dan kanak-kanak di HSAH serta kelas wad 2 dan 3 di HSA tidak mendapat hidangan buah pada waktu malam berbanding di HKL dan HUK. Manakala pesakit kelas wad 2 di HSAH, HKL dan HUK mendapat buah pada waktu malam berbanding di HSA.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 18 Disember 2013 Dan 14 Februari 2014</p> <p>Berdasarkan maklum balas Kementerian, jenis ikan yang dihidangkan dalam setiap menu adalah tidak penting kerana mempunyai kandungan makro nutrient hampir sama. Jika pembekal mengambil kesempatan membekalkan jenis ikan yang sama, ia boleh dipantau menerusi Borang Pesanan Makanan. Selain itu, PTJ terlibat akan</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>memastikan buah-buahan disenaraikan dalam menu tahun 2014 adalah sama dengan buah-buahan dinyatakan dalam kontrak.</p> <p>Pada pendapat Audit, klausa berhubung kepelbagaian jenis bahan makanan basah yang dibekalkan seperti ikan dan buah-buahan perlu dinyatakan dengan jelas dalam kontrak. Keadaan ini penting bagi mengelakkan pembekal mengambil kesempatan dengan membekalkan jenis bahan makanan basah yang sama berturut-turut serta pesakit dapat menikmati makanan berkhasiat yang tidak menjemukan. Selain itu, pengagihan buah-buahan kepada pesakit mengikut kelas wad perlu diseragamkan bagi memastikan prinsip makanan seimbang dapat dipatuhi dalam setiap perancangan menu yang dibuat.</p>	
13.5.6.1	<p><b>Pemesanan - Borang Pesanan Harian Kepada Pembekal Tidak Lengkap</b></p> <p>Borang pesanan harian digunakan untuk membuat pesanan harian kepada pembekal dan dapat menentukan bahan makanan yang dibekalkan adalah berdasarkan kuantiti dipesan dan mengikut masa ditetapkan. Justeru itu, maklumat penting yang perlu direkodkan dalam borang pesanan tersebut adalah seperti masa penerimaan bahan makanan basah/kering, masa penggantian dibuat, kuantiti penerimaan dan penggantian. Semakan Audit mendapati semua PTJ yang dilawati tidak mencatat maklumat tersebut dalam borang pesanan harian yang bernilai RM2.43 juta.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 18 Disember 2013 Dan 14 Februari 2014</p> <p>Berdasarkan maklum balas Kementerian, HSAH, HKL dan HUK telah memantau masa penerimaan bahan makanan basah/kering menerusi <i>punch card</i>. Penggunaan <i>punch card</i> lebih sesuai berbanding borang pesanan harian kerana ia sukar dipinda. Bagi maklumat masa penggantian bekalan, ia akan direkodkan dalam Buku Penerimaan, Penolakan dan Penggantian.</p> <p>Pada pendapat Audit, penggunaan punch card oleh pembekal perlu dipantau bagi memastikan masa penyerahan/penggantian bekalan yang dilaksanakan oleh pembekal mengikut tempoh ditetapkan dan seterusnya denda dapat dikenakan.</p>	Maklumbalas adalah seperti di perenggan 13.5.6.1

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
13.5.6.2	<p><b>Perubahan Bilangan Pesakit Tidak Dimaklumkan</b></p> <p>Mengikut Manual Diet Hospital 2006, jika pesakit baru dimasukkan ke wad selepas pesanan diet telah dibuat, pihak wad dikehendaki memaklumkan kepada Jabatan Sajian dan Dietetik melalui telefon dengan secepat mungkin dan diikuti dengan borang pesanan diet tambahan. Semakan Audit mendapati pesanan tambahan di wad HSA dan HKL tidak dimaklumkan secara bertulis kepada Jabatan Sajian dan Dietetik. Selain itu, pihak Audit juga mendapati maklumat discaj pesakit tidak dimaklumkan secara bertulis kepada Jabatan Sajian dan Dietetik kerana tiada polisi berkaitan dinyatakan. Berdasarkan maklumat bilangan pesakit pada setiap waktu hidangan yang disediakan oleh PTJ terlibat mendapati wujud perbezaan jumlah pesakit yang berpunca daripada pertambahan dan pengurangan (discaj) pesakit iaitu melibatkan pertambahan seramai 107 pesakit dan pengurangan 207 pesakit. Kegagalan memaklumkan pertambahan dan pengurangan pesakit menyebabkan berlaku pembaziran makanan selepas waktu hidangan.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 18 Disember 2013 Dan 14 Februari 2014</p> <p>Berdasarkan maklum balas Kementerian, HSA pada 13 November 2013 dan HKL pada 4 Disember 2013 telah mengeluarkan memo peringatan kepada pihak wad agar menggunakan borang ditetapkan bagi membuat pesanan tambahan dan discaj pesanan.</p> <p>Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap pertambahan dan pengurangan pesakit perlu dilaksanakan dengan teratur bagi memastikan pesanan diet dapat dibuat dengan tepat dan mengelakkan pembaziran.</p>	Maklumbalas adalah seperti di perenggan 13.5.6.2
13.5.7.1	<p><b>Pra-penyediaan Hidangan - Skala Porsi Hidangan Tidak Mengikut Peraturan</b></p> <p>Mengikut Manual Diet Hospital 2006, skala porsi adalah saiz atau berat (gram) bagi satu hidangan untuk seorang pesakit. Skala porsi adalah sama bagi semua kelas tetapi jenis makanan akan berbeza mengikut menu. Selain itu, skala porsi hidangan bagi golongan kanak-kanak adalah separuh daripada golongan dewasa. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:-</p> <p>a. Skala porsi buah-buahan, ayam dan ikan bagi golongan dewasa di semua PTJ yang dilawati tidak mengikut skala porsi yang ditetapkan menyebabkan berlakunya lebihan dan kurangan skala porsi antara 10 hingga 70 gram. Pihak Audit dimaklumkan oleh pihak HSA dan HKL bahawa pelaksanaan dasar</p>	KKM telah pun melantik ahli jawatankuasa teknikal pada bulan Februari 2014 bagi meminda dan menambahbaik Manual Diet Hospital yang bertujuan bagi menyeragamkan proses kerja di semua dapur hospital di seluruh negara seterusnya dapat meningkatkan lagi mutu perkhidmatan Dietetik & Sajian di Kementerian ini. Satu bengkel akan diadakan pada awal bulan April 2014 dan manual baru dijangka akan siap pada penghujung tahun ini.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>penjimatan yang diamalkan menyebabkan saiz/berat buah dan ikan kurang daripada skala porsi ditetapkan. Bagaimanapun, semakan lanjut mendapati tiada polisi yang membenarkan pengecualian tersebut.</p> <p>b. Berdasarkan perakuan Pembantu Penyediaan Makanan di HSAH dan HUK, skala porsi hidangan buah bagi golongan kanak-kanak adalah sama dengan skala porsi hidangan untuk golongan dewasa. Sebagai contoh, skala porsi buah tembikai susu untuk golongan dewasa dan kanak-kanak di HSAH adalah antara 110 hingga 140 gram. Manakala skala porsi buah tembikai untuk golongan dewasa dan kanak-kanak di HUK adalah antara 130 hingga 180 gram.</p> <p>c. Skala porsi hidangan tembikai susu bagi golongan kanak-kanak di dapur Pediatrik HKL melebihi skala porsi untuk golongan dewasa di dapur utama HKL iaitu antara 6 hingga 26 gram.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 18 Disember 2013 Dan 14 Februari 2014</p> <p>Berdasarkan maklum balas Kementerian, penetapan skala porsi yang bersesuaian dan seragam bagi golongan dewasa dan kanak-kanak akan dikaji semula. Buat masa ini, HKL berpendapat skala porsi hidangan yang dibuat telah mengambil kira faktor penjimatan kerana kos bahan makanan di pasaran semakin meningkat. Skala porsi bagi kanak-kanak tidak dipantau kerana kekurangan anggota penyeliaan, bilangan troli tidak mencukupi serta saiz hidangan dipotong sama dengan saiz untuk golongan dewasa bagi mempercepatkan proses pemotongan. Selain itu, Kementerian sedang mengkaji semula Manual Diet Hospital 2006 bagi menyeragamkan proses penyediaan makanan di dapur hospital dari permulaan iaitu penerimaan bahan mentah sehingga makanan diberikan kepada pesakit.</p> <p>Pada pendapat Audit, HKL perlu mematuhi skala porsi yang telah ditetapkan bagi golongan dewasa dan kanak-kanak. Pada masa yang sama, kajian semula berhubung penetapan skala porsi yang sesuai dan seragam perlu dipercepatkan bagi membolehkan dasar penjimatan dilaksanakan.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>13.5.7.2</b></p>	<p><b>Pembungkusan Bahan Makanan</b></p> <p>Mengikut <i>Guidelines Hospital Catering</i> 2010, bahan makanan yang disimpan perlu dibungkus dengan <i>food grade materials</i> atau plastik pembungkusan. Manakala berdasarkan <i>Standard Operating Procedure</i> (SOP) Kawalan Penyimpanan Sejuk HUK, semua bahan makanan mentah/bermasak mesti dibungkus dengan <i>cling film</i>/plastik dan diletakkan dalam bekas bertutup bagi mengelakkan berlakunya <i>freezer burn</i>. Semakan Audit mendapati bahan makanan seperti tauhu, ikan serta sayur di HSAH, HKL dan HUK dibiarkan terdedah tanpa dibungkus dengan <i>food grade materials</i> atau plastik pembungkusan makanan. Keadaan ini boleh menyebabkan bahan makanan yang disimpan menjadi kurang segar dan berkhasiat.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 18 Disember 2013 Dan 14 Februari 2014</p> <p>Berdasarkan maklum balas Kementerian, bahan makanan mentah tidak dibungkus dengan <i>cling film</i>/plastik dan diletakkan dalam bekas tertutup kerana ia terus digunakan dan kekurangan bekas makanan bertutup.</p> <p>Pada pendapat Audit, penggunaan <i>food grade materials</i> atau plastik pembungkusan makanan yang teratur adalah amalan terbaik kerana dapat mengekalkan kesegaran dan khasiat bahan makanan yang disimpan.</p>	<p>KKM telah mengambil tindakan serta-merta dengan membungkus dan meletakkan di dalam bekas bertutup di dalam <i>freezer</i> dan <i>chiller</i> bagi mengekalkan kesegaran dan khasiat bahan makanan yang disimpan.</p>
<p><b>13.5.8.1</b></p>	<p><b>Penghidangan Diet - Proses Uji Rasa Makanan Sebelum Penghidangan</b></p> <p>Mengikut <i>Manual Diet Hospital</i> 2006, uji rasa makanan bermasak perlu dilaksanakan untuk menentukan mutu makanan dan merekodkan maklumat berkaitan di dalam borang uji rasa. Semakan Audit mendapati semua hospital yang dilawati tidak mengadakan proses uji rasa makanan dengan teratur.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 18 Disember 2013 Dan 14 Februari 2014</p> <p>Berdasarkan maklum balas Kementerian, proses uji rasa makanan perlu dilaksanakan bagi menentukan mutu makanan. Selain itu, proses tersebut perlu direkodkan dalam borang uji rasa sebagai bukti ia dilaksanakan. Bagaimanapun dalam <i>Manual Diet Hospital</i> 2006, tidak dinyatakan kekerapan proses uji rasa dilaksanakan. Selain itu, Kementerian sedang mengkaji semula <i>Manual Diet Hospital</i> 2006 bagi menyeragamkan proses penyediaan makanan di dapur hospital dari</p>	<p>Maklumbalas adalah seperti di perenggan 13.5.8.1</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>permulaan iaitu penerimaan bahan mentah sehingga makanan diberikan</p> <p>Pada pendapat Audit, proses uji rasa makanan perlu dilaksanakan pada setiap waktu hidangan bagi memastikan diet yang disediakan mengikut piawai ditetapkan.</p>	
13.5.8.2	<p><b>Kemudahan Pengangkutan Hidangan Diet Kurang Sesuai</b></p> <p>Mengikut <i>Guidelines Hospital Catering</i> 2010, semua troli makanan dan kenderaan yang membawa makanan perlu bersih dan dilengkapi dengan kemudahan penyimpanan yang bersesuaian. Selain itu, kenderaan berkenaan tidak boleh digunakan untuk membawa item selain daripada makanan. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>bekas makanan terpaksa disusun secara bertindan kerana kapasiti troli di HUK tidak dapat menampung bilangan bekas makanan;</li> <li>di Wad IPR 4 dan IPR 5, HKL didapati van penumpang digunakan untuk membawa makanan dari dapur utama ke wad masing-masing dan pelapik kotak telah digunakan untuk mengalask bekas makanan; dan</li> <li>satu unit <i>non-heated</i> troli makanan di Wad Hematologi bernilai RM18,612 dan 2 unit <i>non-heated</i> troli makanan di Wad Pusat Bersalin Kelas 2 dan 3, HSA bernilai RM37,224 tidak sesuai digunakan untuk membawa makanan terus ke bilik pesakit kerana saiz yang besar.</li> </ol> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 18 Disember 2013 Dan 14 Februari 2014</p> <p>Berdasarkan maklum balas Kementerian, Wad UN2A HKL telah mengecat semula <i>trolis dressing</i> yang berkarat tersebut. HUK telah mengemukakan surat tindakan memperbaiki troli sedia ada kepada pihak konsesi pada 24 September 2013 dan pihak konsesi telah memperbaikinya. Selain itu, IPR HKL telah menggantikan pelapik kotak dengan pelapik baru untuk mengalask bekas makanan serta telah membuat permohonan mendapatkan van khusus membawa hidangan diet kepada Bahagian Khidmat Pengurusan, Kementerian pada 13 Februari 2012. Di samping itu, HSA telah memindahkan 2 troli tidak digunakan di Wad Hematologi dan Pusat Bersalin ke wad-wad yang memerlukan.</p> <p>Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap pengendalian diet perlu dipertingkatkan bagi memastikan ia dilaksanakan dengan teratur dan mengelakkan kualiti diet terjejas.</p>	<p>Troli yang rosak telahpun diperbaiki dan ianya telah mula digunakan di HUK pada penghujung tahun 2013 bagi menggantikan troli yang digunakan sebelum ini. IPR HKL pula telah menggantikan pelapik kotak dengan pelapik baru untuk mengalask bekas makanan sementara menunggu kelulusan bagi mendapatkan van khusus membawa hidangan diet tersebut. Manakala itu, HSA telah memindahkan troli-troli berkenaan ke wad-wad yang memerlukan berdasarkan kepada kesesuaian penggunaannya.</p>



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
13.5.8.3.a	<p><b>Kemudahan <i>Baine Marie/Heated Cabinet</i> Dan <i>Heated Trolley</i> Tidak Mencukupi</b></p> <p>HKL tidak mempunyai kemudahan <i>baine marie/heated cabinet</i>. Manakala, HUK hanya mempunyai 2 unit <i>baine marie/heated cabinet</i> tetapi 1 daripadanya tidak boleh digunakan sejak bulan Februari 2013 kerana kerosakan <i>plug</i>. Sebanyak 169 daripada 193 unit troli yang dimiliki oleh PTJ terlibat adalah <i>non-heated</i>. Selain itu di HSAH didapati 1 unit <i>heated trolley</i> tidak dilengkapi dengan <i>cold compartment</i> untuk membawa makanan sejuk seperti ais krim yang perlu dikekalkan pada suhu antara 0°C hingga 4°C. Pemeriksaan mendapati kekurangan peralatan berkaitan menyebabkan makanan tidak berada pada suhu sepatutnya apabila dihidangkan kepada pesakit.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 18 Disember 2013 Dan 14 Februari 2014</p> <p>Berdasarkan maklum balas Kementerian, memandangkan kos seunit <i>baine marie/heated cabinet</i> dan <i>heated trolley</i> adalah sangat tinggi, kaedah lebih ekonomik akan dikaji semula bagi memastikan makanan yang dihidangkan terjamin kualiti dan tahap kebersihannya.</p> <p>Pada pendapat Audit, ketiadaan dan kekurangan kemudahan <i>baine marie/heated cabinet</i> dan <i>heated trolley</i> menyebabkan makanan tidak berada pada suhu yang sepatutnya serta boleh menjejaskan kualitinya.</p>	Maklumbalas adalah seperti di perenggan 13.5.8.3
13.5.8.4	<p><b>Tiada Penyeliaan Jururawat Semasa Penyerahan Hidangan</b></p> <p>Mengikut Manual Diet Hospital 2006, PPK perlu menyerahkan <i>tray</i> makanan kepada pesakit dengan penyeliaan oleh jururawat sama ada menerusi sistem penghidangan pukal (<i>bulk system</i>) atau sistem penghidangan berpusat (<i>centralized plating</i>) bagi memastikan tidak berlaku kesilapan penghidangan. Semasa pemeriksaan Audit mendapati proses penyerahan hidangan diet oleh PPK kepada pesakit tidak diselia oleh jururawat di HSAH dan HUK kerana bebanan tugas sedia ada dan bilangan jururawat yang tidak mencukupi di HUK.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 18 Disember 2013 Dan 14 Februari 2014</p> <p>Berdasarkan maklum balas Kementerian, HSAH, HUK dan HKL telah mengeluarkan memo peringatan kepada jururawat di wad agar mematuhi prosedur penyeliaan</p>	Maklumbalas adalah seperti di perenggan 13.5.8.4

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>penghidangan yang bermula di pantri hingga penyerahan diet kepada pesakit. Selain itu, HSAH telah membuat pengagihan semula tugas jururawat agar pemantauan terhadap agihan diet dapat dilaksanakan.</p> <p>Pada pendapat Audit, penyeliaan oleh jururawat semasa penyerahan hidangan diet adalah penting bagi memastikan hidangan diserahkan mengikut keperluan perubatan pesakit.</p>	
<p><b>13.5.8.5.a</b></p>	<p><b>Penyerahan Hidangan Diet Kepada Pesakit - Tahap Kebersihan Hidangan Makanan</b></p> <p>Mengikut <i>Guidelines Hospital Catering</i> 2010, hidangan diet perlu ditutup dengan penutup makanan yang bersesuaian bagi makanan panas atau dibungkus bagi makanan sejuk sebelum dihidangkan kepada pesakit. Tinjauan Audit di wad LND Kelas 1, HSA dan wad KK6, HKL mendapati hidangan makanan tidak dibungkus terlebih dahulu sebelum dihidangkan kepada pesakit.</p>	<p>Maklumbalas adalah seperti di perenggan 13.5.8.5</p>
<p><b>13.5.8.5.b</b></p>	<p><b>Makanan Dihidangkan Dalam Bekas Makanan Polistirena</b></p> <p>Penggunaan <i>tray</i> makanan yang sesuai perlu dititikberatkan bagi mengekalkan rasa, tekstur dan suhu makanan. Lawatan Audit ke Wad Ambulatory, HUK pada 28 Ogos 2013 mendapati 8 daripada 24 pesakit telah dibekalkan dengan bekas makanan polistirena. Pihak HUK memaklumkan bahawa hanya pesakit yang memakan hidangan melebihi 1 jenis diet terapeutic menggunakan bekas polistirena kerana kekurangan peruntukan untuk membeli tray makanan.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 18 Disember 2013 Dan 14 Februari 2014</p> <p>Berdasarkan maklum balas Kementerian, HKL telah membekalkan <i>cling film</i> untuk menutup makanan sebelum dihidangkan di Wad KK6. Manakala HSA telah memastikan Wad LND Kelas 1 menghidangkan makanan dalam bekas tertutup. HUK juga telah menghidangkan makanan dalam <i>disposable microwave container</i> 3 <i>compartment</i> sebagai ganti kepada bekas polistirena kepada pesakit di Wad <i>Ambulatory</i>.</p> <p>Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap tahap kebersihan semasa penghidangan makanan kepada pesakit perlu diberi perhatian serius bagi mengelakkan berlaku kes keracunan makanan.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
13.5.9	<p><b>Pencucian Di Pantri Wad Tidak Mengikuti Garis Panduan</b></p> <p>Mengikuti <i>Guidelines Hospital Catering 2010</i>, semua sisa makanan hendaklah dibuang terlebih dahulu ke dalam tong sampah yang disediakan sebelum proses pencucian dijalankan. Bekas makanan pula hendaklah dibasuh menggunakan air sejuk untuk menghilangkan sisa makanan yang masih ada pada bekas tersebut. Selepas itu, ia perlu direndamkan ke dalam air suam sebelum dibasuh menggunakan air sabun bagi menghilangkan semua kotoran. Bekas makanan yang selesai dicuci perlu dilap dengan kain bersih sebelum dikeringkan. Semakan Audit mendapati pihak wad di HSA, HKL dan HUK tidak merendamkan bekas makanan yang telah digunakan oleh pesakit dengan air suam terlebih dahulu sebelum dicuci dengan air sabun. Pihak Audit dimaklumkan oleh pihak HKL bahawa kegagalan pihak konsesi menyediakan saluran air panas di Wad KK6, IPR 4, IPR 5 dan UN2A menyebabkan proses rendaman bekas makanan ke dalam air suam tidak dapat dilaksanakan. Bagaimanapun pihak Audit mendapati wad IPR 4, HKL menggunakan <i>boiler</i> yang disediakan oleh pihak konsesi untuk mendapatkan bekalan air panas bagi tujuan membilas bekas makanan. Semakan lanjut Audit juga mendapati ruang untuk mengeringkan bekas makanan dan kelengkapan hidangan amat terhad di wad HUK. Keadaan ini melambatkan proses pengeringan bekas makanan dan kelengkapan hidangan.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 18 Disember 2013 Dan 14 Februari 2014</p> <p>Berdasarkan maklum balas Kementerian, HSA dan HKL telah mengeluarkan Prosedur Standard Pencucian Bekas Hidangan kepada pihak wad bagi memastikan ia dilaksanakan secara seragam serta dipatuhi. Selain itu, pemantauan oleh Ketua Jururawat/pegawai dilantik akan dibuat semasa PPK melaksanakan proses pencucian dan pengeringan bekas hidangan di pantri. Pihak IPR HKL telah membuat permohonan pertambahan kain <i>tea towel</i> untuk mengelap <i>tray</i> makanan kepada pihak konsesi pada 15 November 2013. HUK pula menetapkan bahawa proses pencucian dan pengendalian bekas hidangan akan dilaksanakan di Jabatan Sajian dan Dietetik.</p> <p>Pada pendapat Audit, penyeliaan terhadap tugas pencucian bekas makanan perlu dipertingkatkan bagi memastikan kebersihan kelengkapan hidangan terjamin dan mengelakkan kualiti penghidangan diet terjejas.</p>	<p>Prosedur <i>Standard</i> Pencucian Bekas Hidangan kepada pihak wad telah dikeluarkan oleh KKM bagi memastikan ia dilaksanakan secara seragam serta dipatuhi. Selain itu, pemantauan oleh Ketua Jururawat / pegawai dilantik akan dibuat semasa PPK melaksanakan proses pencucian dan pengeringan bekas hidangan di pantri. Manakala itu, IPR HKL juga telah menerima pertambahan kain <i>tea towel</i> untuk mengelap <i>tray</i> makanan kepada pihak konsesi pada bulan November 2013. HUK pula telah menetapkan bahawa proses pencucian dan pengendalian bekas hidangan akan dilaksanakan di Jabatan Sajian dan Dietetik.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
13.5.10	<p><b>Kebocoran Paip Air Di Pantri Wad</b></p> <p>Mengikut <i>Guidelines Hospital Catering 2010</i>, pemeriksaan secara berkala perlu dilaksanakan terhadap sinki dan saluran paip air bagi memastikan tiada kebocoran dan pembaikan perlu dibuat dengan segera. Selain itu, saluran sisa makanan juga perlu disenggara bagi memastikan ia berfungsi dengan sempurna. Semakan Audit mendapati berlaku kebocoran saluran paip air di pantri wad HSA dan HKL yang boleh menyebabkan kawasan pantri menjadi licin dan seterusnya mengundang bahaya.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 18 Disember 2013 Dan 14 Februari 2014</p> <p>Berdasarkan maklum balas Kementerian, kebocoran paip di Wad KK6 dan Wad UN2A telah diperbaiki. HSA turut mendapatkan pengesahan daripada pihak konsesi berhubung kebocoran paip di pantri Wad LND Kelas 1 pada 15 November 2013. Pihak konsesi menerusi surat bertarikh 21 November 2013 telah membuat pemeriksaan berkaitan kebocoran paip air di wad tersebut.</p> <p>Pada pendapat Audit, penyenggaraan saluran paip air di pantri wad perlu dipertingkatkan lagi bagi tujuan keselamatan Pembantu Perawatan Kesihatan dan mengelakkan pembiakan mikroorganisma.</p>	Maklumbalas adalah seperti di perenggan 13.5.10
13.5.11.1	<p><b>Pengurusan Aset - Penggunaan Aset</b></p> <p>Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, semua aset Kerajaan hendaklah digunakan dan dikendalikan dengan cekap, mahir dan teratur bagi tujuan mengurangkan pembaziran dan menjimatkan kos. Semakan Audit mendapati sampel aset di 3 PTJ yang dilawati bernilai RM0.13 juta tidak digunakan.</p>	Semua PTJ telah melakukan pemeriksaan aset dalam tempoh 18 November 2013 sehingga 1 Disember 2013. Pemeriksaan ini akan dilaksanakan setiap tahun mengikut tatacara pengurusan aset yang telah ditetapkan. Semua aset yang tidak digunakan telah digunakan atau ditawarkan kepada hospital lain yang memerlukannya.
13.5.11.2	<p><b>Pemeriksaan Aset</b></p> <p>Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, pemeriksaan aset hendaklah dilaksanakan sekurang-kurangnya satu (1) kali setahun yang antara lainnya bertujuan untuk mengetahui keadaan dan prestasinya serta memastikan setiap aset berada di lokasi sama seperti yang tercatat dalam daftar. Semakan Audit mendapati pemeriksaan aset tahunan bagi tahun 2011 dan 2012 tidak dijalankan bagi semua sampel aset di PTJ yang dilawati. Nilai keseluruhan aset yang tidak dijalankan pemeriksaan adalah bernilai RM1.22 juta.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 18 Disember 2013 Dan 14 Februari 2014</p> <p>Berdasarkan maklum balas Kementerian, HSAH telah menawarkan peralatan tidak digunakan kepada hospital lain yang berminat seperti 1 unit <i>coconut milk extractor</i>, 1 unit <i>chilli grinder</i>, 2 unit <i>tilting kettle</i> 23 liter dan sebagainya pada 26 November 2013. HUK turut membuat permohonan pelupusan bagi 9 unit <i>dispenser for plate heated</i> (100 <i>plates/unit</i>) yang tidak digunakan lagi pada 18 November 2013. Manakala HKL telah mula menggunakan <i>vegetable processor</i> untuk proses pra-penyediaan bagi hidangan sayur mulai Oktober 2013. Selepas lawatan Audit, semua PTJ dilawati telah membuat pemeriksaan terhadap aset 100% dalam tempoh 18 November 2013 sehingga 1 Disember 2013.</p> <p>Pada pendapat Audit, PTJ perlu memastikan pemeriksaan tahunan terhadap semua aset dijalankan bagi mengenal pasti tahap sebenar prestasi aset terlibat. Selain itu, PTJ perlu memastikan semua aset yang dibeli perlu digunakan pada tahap optimum.</p>	
13.5.12.1	<p><b>Pemantauan Terhadap Premis Pembekal Dan Laporan Pembekalan Bahan Makanan - Pemantauan Premis Pembekal</b></p> <p>Bagi memastikan makanan dibekalkan oleh pembekal berkualiti dan selamat digunakan, lawatan ke premis pembekal perlu dibuat secara berkala. Semakan Audit mendapati pihak HSAH tidak pernah mengadakan lawatan ke kilang pembekal bahan makanan sepanjang tahun 2011 dan 2012. Ketiadaan program lawatan ke kilang pembekal bahan makanan secara berkala menyebabkan pemantauan terhadap kebersihan dan keselamatan pemprosesan makanan sukar dilaksanakan. Sebagai contoh, berdasarkan lawatan Audit ke kilang ayam Miri Sarawak (30 Ogos 2013) dan kilang roti di Gombak Setia, Kuala Lumpur (25 Julai 2013), mendapati kebersihan pengendalian makanan kurang dititikberatkan oleh pihak kilang. Keadaan ini berlaku disebabkan ketiadaan peraturan khusus berkaitan lawatan ke premis pembekal.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 18 Disember 2013 Dan 14 Februari 2014</p> <p>Berdasarkan maklum balas Kementerian, HSA dan HKL telah membuat lawatan ke premis pembekal telur ayam pada bulan November dan Disember 2013. Manakala HSAH dan HUK telah membuat lawatan ke premis pembekal telur ayam pada bulan Januari dan Februari 2014.</p>	<p>Semua PTJ telah melakukan lawatan ke beberapa premis pembekal sebelum dan selepas audit ini dijalankan. Pemantauan Premis Pembekal ini juga akan dimasukkan sebagai salah satu skop penambahbaikan Manual Diet Hospital bagi menyeragamkan prosedur ini di seluruh negara.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap operasi pemprosesan bahan makanan di kilang pembekal perlu dipertingkatkan lagi dengan mewujudkan peraturan berkaitan pemeriksaan terhadap premis pembekal dan mengadakan lawatan secara berkala.</p>	
<p><b>13.5.12.2</b></p>	<p><b>Pemantauan Bekalan Bahan Makanan</b></p> <p>Mengikut kontrak bekalan beras, telur ayam dan roti ke seluruh Semenanjung Malaysia, pembekal perlu mengemukakan laporan pembekalan seperti nama pembekal, jenis bahan makanan dan kuantiti bekalan kepada pihak BP&amp;P, Kementerian pada setiap bulan untuk pemantauan. Manakala bagi kontrak bekalan ayam, pembekal hendaklah menghantar laporan pembekalan berkenaan kepada pihak BP&amp;P setiap 3 bulan. Semakan Audit mendapati pihak BP&amp;P, Kementerian tidak pernah menjalankan pemantauan terhadap pembekal berhubung keperluan penyediaan laporan berkenaan sepanjang tahun 2011, 2012 dan 2013 (sehingga tarikh pengauditan). Semakan lanjut Audit turut mendapati pihak BP&amp;P tidak menyatukan laporan pembekalan sedia ada dalam satu fail. Keadaan ini boleh menyukarkan pihak BP&amp;P untuk memastikan pesanan yang dibuat oleh PTJ tidak melebihi nilai kontrak ditetapkan.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 18 Disember 2013 Dan 14 Februari 2014</p> <p>Berdasarkan maklum balas Kementerian, PTJ ada menghantar laporan kelewatan bekalan kepada BP&amp;P. Selain itu, PTJ turut mengemukakan laporan secara berkala berkaitan prestasi pembekal (seperti roti dan beras) kepada BP&amp;P. BP&amp;P menganggap tindakan tersebut sebagai langkah-langkah pemantauan yang dilaksanakan oleh PTJ terlibat.</p> <p>Pada pendapat Audit, BP&amp;P hendaklah memastikan pembekal terlibat mematuhi syarat kontrak dengan mengemukakan laporan seperti ditetapkan. Selain itu, BP&amp;P perlu menyatukan semua laporan pembekalan daripada pembekal yang dilantik bagi memastikan pesanan yang dibuat tidak melebihi nilai kontrak ditetapkan.</p>	<p>Semua PTJ yang terlibat telahpun mengemukakan laporan mengenai perolehan bekalan bahan makanan kepada Bahagian Perolehan dan Penswastan dan tindakan pemantauan telah dilaksanakan.</p>

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 1 TAHUN 2013**

**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**Perenggan 14 : Pengurusan Klinik 1Malaysia**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<b>14.5.2.3.a</b>	<p><b>Mengurangkan Masa Menunggu Pesakit</b></p> <p>Rasional penubuhan K1M adalah bagi mengurangkan beban pesakit yang terpaksa menunggu lama untuk mendapat rawatan perubatan ringan di Klinik Kesihatan (KK). Kajian khas masa menunggu (masa tiba di klinik dan masa mula konsultasi) di K1M telah dibuat di peringkat Jabatan di WP Kuala Lumpur dan Kelantan semasa kajian Penilaian <i>Outcome</i> Projek RMKe-10. Berdasarkan kajian yang dibuat di Kelantan, purata masa menunggu untuk merawat kes-kes ringan di KK ialah 30 minit berbanding 6 minit di K1M.</p>	<p>Kelulusan untuk membangunkan applikasi berasaskan web <i>Hi-Data (Health Intergrated Data Application)</i> telah diperolehi daripada JPICT, KKM pada 18 Februari 2014. Dengan kelulusan ini, applikasi <i>Hi-Data</i> akan dilaksanakan di semua K1M selewat-lewatnya penghujung tahun 2014.</p> <p>Selain itu, KKM turut bercadang untuk melaksanakan kajian secara menyeluruh pada tahun 2014 dengan kerjasama Institut Penyelidikan Sistem Kesihatan yang turut melibatkan kajian mengenai masa menunggu di K1M.</p>
<b>14.5.2.3.b</b>	<p>Semakan Audit terhadap laporan dalam Sistem <i>Hi-Data</i> K1M (yang disediakan berdasarkan laporan masa menunggu) mendapati purata masa menunggu di 6 daripada 25 K1M yang dilawati pada bulan September 2013 adalah antara 2 hingga 32 minit. Manakala tiada laporan masa menunggu disediakan untuk 19 K1M yang dilawati.</p>	
<b>14.5.2.3.c</b>	<p>Tanpa laporan masa menunggu, pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada objektif mengurangkan beban pesakit dari segi masa menunggu tercapai atau sebaliknya untuk 19 K1M yang tidak menyediakan laporan tersebut. Walaupun maklumat keseluruhan masa menunggu daripada K1M yang dilawati tidak diperolehi, berdasarkan maklum balas soal selidik yang diterima daripada pelanggan K1M, sebanyak 90.4% pengunjung berpuas hati dengan tempoh masa menunggu di K1M.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 22 Januari 2014 Dan 13 Februari 2014.</p> <p>Penggunaan applikasi <i>Hi-Data</i> masih belum digunakan di K1M seluruh Malaysia. Sebagai langkah penambahbaikan, KKM sedang membangunkan applikasi sistem pengumpulan data bagi kegunaan K1M dan dijangka siap pada penghujung tahun 2014. KKM akan memantau masa menunggu di K1M melalui kajian secara berkala sementara menunggu sistem pengumpulan data menyeluruh dibangunkan. Kajian</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Keberkesanan Pelaksanaan K1M telah dirancang dan akan dilaksanakan pada tahun 2014 dengan kerjasama Institut Penyelidikan Sistem Kesihatan yang mana skop kajian merangkumi masa menunggu di K1M.</p> <p>Pada pendapat Audit, prestasi pencapaian K1M adalah baik kerana menunjukkan peningkatan dari segi bilangan klinik, kedatangan pesakit dan masa menunggu yang pendek berbanding dengan Klinik Kesihatan. Bagaimanapun, laporan masa menunggu perlu disediakan di K1M bagi memastikan matlamat mengurangkan masa menunggu pesakit tercapai.</p>	
<p><b>14.5.3.2.a</b></p>	<p><b>Perkhidmatan Kesihatan Ibu Dan Anak - Perkhidmatan KIA Di Tingkat Satu Bangunan Kedai</b></p> <p>Lawatan Audit ke K1M Bintawa dan K1M Samarindah di Sarawak mendapati perkhidmatan KIA terletak di tingkat satu bangunan kedai yang disewa. Pihak Audit mendapati penempatan perkhidmatan ini tidak sesuai dan boleh membahayakan ibu mengandung dan kanak-kanak kerana perlu melalui tangga tinggi dan curam.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 22 Januari 2014 Dan 13 Februari 2014</p> <p>KKM mengambil maklum mengenai penempatan perkhidmatan KIA tidak sesuai dan boleh membahayakan ibu mengandung dan kanak-kanak. Untuk makluman, pada masa ini, tiada tingkat bawah yang kosong yang berdekatan dengan K1M tersebut yang boleh disewa untuk perkhidmatan KIA berkenaan. KKM bersama JKN Sarawak akan sentiasa berusaha mengenalpasti lokasi di tingkat bawah yang sesuai untuk menjalankan perkhidmatan KIA di K1M Bintawa dan K1M Samarindah.</p>	<p>Maklum Balas KKM adalah sama seperti di perenggan 14.5.3.2.a</p>
<p><b>14.5.3.3</b></p>	<p><b>Perkhidmatan Pegawai Perubatan</b></p> <p>Surat edaran Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia bertarikh 29 September 2011, menetapkan pegawai perubatan akan ditempatkan bagi K1M yang mempunyai beban kerja melebihi 100 orang pesakit sehari. Memandangkan tiada jawatan baru Pegawai Perubatan diwujudkan, perjawatan Pegawai Perubatan yang belum diisi di peringkat negeri diarahkan diguna pakai di K1M. Sehingga akhir tahun 2013, terdapat 26 K1M yang telah menempatkan Pegawai Perubatan.</p> <p>Pada pendapat Audit, tindakan menaik taraf K1M ke KK, menambah skop perkhidmatan KIA serta penempatan pegawai perubatan dapat mempertingkatkan dan memartabatkan kualiti dan taraf perkhidmatan kesihatan yang diberikan kepada</p>	<p>KKM telah memastikan bahawa setiap lokasi baru K1M yang dipilih adalah bersesuaian dan memberi manfaat kepada pesakit dan penduduk sekitar yang ramai. Selain itu, penyediaan perkhidmatan KIA di K1M akan diperluaskan secara berperingkat seperti mana arahan yang pernah dikeluarkan oleh KKM pada bulan September 2012. Di samping itu, semua Pegawai Kesihatan Daerah turut dimaklumkan agar lokasi yang sesuai dan selamat untuk pesakit disediakan dan dipatuhi.</p>



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>rakyat. Bagaimanapun, KKM harus memastikan penempatan Unit KIA tidak mendatangkan risiko keselamatan kepada golongan ibu dan anak.</p>	
<p><b>14.5.4.1.a</b></p>	<p><b>Kriteria Pemilihan Kawasan Operasi K1M - Penempatan K1M di Kawasan Kurang Kepadatan Penduduk</b></p> <p>K1M Pulau Tuba, Langkawi terletak 3 batu (jarak laut) dari Pekan Kuah dan jauh daripada kawasan perumahan dan perkampungan. Pengangkutan utama ke K1M tersebut adalah melalui bot, teksi dan kenderaan persendirian. Selain itu, pulau ini mempunyai sebuah klinik desa yang terletak hanya 2 km daripada lokasi K1M. Purata kedatangan pesakit ke K1M Pulau Tuba pada tahun 2013 hanya 8 orang sehari.</p>	<p>Maklum Balas KKM adalah sama seperti di perenggan 14.5.4.1.c</p>
<p><b>14.5.4.1.b</b></p>	<p>Lawatan Audit ke lokasi K1M Sungai Burong, Tanjung Karang, Selangor mendapati kedudukan klinik ini kurang sesuai kerana ianya terletak di luar kawasan penempatan. Kedudukannya yang jauh iaitu kira-kira 7 km dari jalan besar Tanjung Karang menghala ke Sabak Bernam dan tiada kemudahan pengangkutan awam kecuali teksi. Mengikut data kehadiran pesakit bulan Januari hingga Disember 2013, purata kedatangan pesakit ke klinik tersebut adalah rendah iaitu 10 orang sehari.</p>	
<p><b>14.5.4.1.c</b></p>	<p>Kesan daripada pemilihan lokasi yang tidak berpandukan kriteria yang ditetapkan menyebabkan kedua-dua K1M menerima bilangan kedatangan pesakit yang rendah.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 22 Januari 2014 Dan 13 Februari 2014</p> <p>Pemilihan untuk membangunkan K1M Pulau Tuba, Kedah adalah mengambil kira kesulitan penduduk untuk mendapatkan rawatan di KK Kuah di Pulau Langkawi. Sekiranya terdapat kes-kes yang memerlukan rawatan, penduduk Pulau Tuba terpaksa menyewa bot ke Pulau Langkawi dengan kadar sewa yang agak mahal. Selain itu, bot berkenaan juga tidak beroperasi pada waktu malam dan akan menyukarkan penduduk setempat sekiranya memerlukan rawatan pada waktu tersebut. Manakala bagi K1M Sg. Burong, Selangor, surat kelulusan dari KKM telah diperolehi untuk membuka K1M di Sg. Burong dan lokasi ini dipilih atas permintaan Ahli Parlimen kawasan berkenaan.</p> <p>Disebabkan purata kedatangan pesakit ke K1M Sg. Burong agak rendah, pihak JKN Selangor telah mencadangkan supaya waktu perkhidmatan dikurangkan kepada 8 pagi hingga 5 petang bagi menjimatkan penggunaan sumber manusia dan kos pembayaran gaji dan elaun lebih masa anggota bertugas. Pihak JKN akan</p>	<p>KKM telah memastikan bahawa setiap lokasi baru K1M yang dipilih adalah bersesuaian dan memberi manfaat kepada pesakit dan penduduk sekitar yang ramai.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>berbincang dengan Ahli Parlimen kawasan berkenaan bagi mendapatkan persetujuan beliau untuk mengurangkan tempoh masa beroperasi K1M Sg. Burong sebelum ianya dilaksanakan.</p> <p>Pada pendapat Audit, pemilihan lokasi K1M Pulau Tuba dan K1M Sg. Burong tidak mematuhi syarat yang ditetapkan oleh KKM. Selain itu penempatan K1M Pulau Tuba yang berdekatan dengan Klinik Desa menyebabkan kemudahan dan perkhidmatan K1M tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya.</p>	
14.5.5.1	<p><b>Perjawatan K1M</b></p> <p>Adalah menjadi tanggungjawab Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan untuk memastikan perjawatan yang disediakan mencukupi dan sebarang kekosongan jawatan diisi dengan segera. Berpandukan Manual Polisi Operasi K1M, perjawatan tetap di K1M terdiri daripada seorang Penolong Pegawai Perubatan U32 atau U29 yang mempunyai pengalaman kerja melebihi 5 tahun; seorang Jururawat Terlatih (U29) yang mempunyai pengalaman melebihi 5 tahun; dan seorang Pembantu Perawatan Kesihatan (U3/U12). Manakala jadual kerja anggota yang bertugas di K1M terdiri daripada 2 opsyen.</p>	Maklum Balas KKM adalah sama seperti di perenggan 14.5.5.4
14.5.5.2	Berdasarkan Manual Operasi K1M, bilangan jawatan yang optimum untuk semua K1M yang beroperasi pada 31 Disember 2013 adalah sebanyak 1,524 orang (berdasarkan keseluruhan 254 K1M dan 6 kakitangan setiap K1M). Bagaimanapun, pihak Audit mendapati sehingga 31 Disember 2013, bilangan jawatan yang diluluskan adalah sebanyak 1,366 manakala pengisiannya adalah sebanyak 1,439.	
14.5.5.3	Semakan lanjut Audit mendapati akibat ketiadaan/kekurangan perjawatan tetap, kakitangan daripada KK atau parent klinik dan Pejabat Kesihatan Bahagian/Daerah berdekatan dipinjamkan ke K1M berkaitan dan terpaksa bertugas lebih masa.	
14.5.5.4	<p>Selain itu, kakitangan yang ditempatkan di K1M tidak mencukupi dan menimbulkan kesulitan terutamanya apabila terdapat kakitangan yang bercuti. Ini menyebabkan tuntutan elaun kerja lebih masa terpaksa dibuat dan tuntutan yang terlibat bagi tempoh 2011 hingga 2013 adalah berjumlah RM1.39 juta.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 22 Januari 2014 Dan 13 Februari 2014</p> <p>K1M yang belum mempunyai jawatan merupakan K1M yang beroperasi tahun 2013 dan jawatan akan diberi keutamaan dalam ABM 2014. Pengisian jawatan K1M diberi</p>	Sehingga 20 Februari 2014, semua perjawatan untuk jururawat (JT) di 254 K1M telah diisi (508 perjawatan). Bagi jawatan Penolong Pegawai Perubatan dan Pembantu Perawatan dan Kesihatan, 444 perjawatan telah diberi dn diisi manakala 64 lagi perjawatan telah diberi dalam ABM 2014. Keutamaan pengisian jawatan untuk K1M adalah tanggungjawab semua pengarah negeri.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>keutamaan oleh pihak Jabatan Kesihatan Negeri dengan pengagihan semula PPP, JT dan PPK dari fasiliti kesihatan yang lain. Penjadualan tugas kakitangan K1M termasuk mengatur kelepasan cuti umum dan cuti gantian bagi mereka yang bekerja pada cuti umum akan dapat mengurangkan bayaran lebih masa.</p> <p>Pada pendapat Audit, kekurangan kakitangan di K1M menyebabkan opsyen jadual bertugas seperti yang ditetapkan tidak dapat dilaksanakan dan mengakibatkan pembayaran elaun lebih masa. Selain itu, kebajikan kakitangan juga terjejas kerana terpaksa bekerja lebih masa yang boleh mengakibatkan keletihan dan terdedah kepada <i>medical error</i>.</p>	
14.5.6.1	<p><b>Perjanjian Sewaan Premis Klinik 1Malaysia - Perjanjian Sewaan Belum Ditandatangani</b></p> <p>Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 2011 mengenai Penyewaan Premis Bukan Milik Kerajaan Persekutuan menghendaki satu salinan surat perjanjian penyewaan ruang pejabat yang telah lengkap ditandatangani dikemukakan kepada Urus Setia Jawatankuasa Ruang Pejabat (JRP) di Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak dalam tempoh 3 bulan dari tarikh surat kelulusan untuk semakan dan rekod. Semakan Audit terhadap status perjanjian penyewaan ruang pejabat mendapati 5 kes perjanjian masih belum ditandatangani atau dimuktamadkan di Sarawak walaupun sewaan bulanan telah dibayar kepada pemilik premis. Sehingga akhir bulan Disember 2013, kelewatan memuktamadkan perjanjian sewaan premis adalah di antara 12 hingga 26 bulan.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 22 Januari 2014 Dan 13 Februari 2014</p> <p>Bagi perjanjian yang mempunyai terma-terma yang tidak dipersetujui sama ada oleh pihak Kerajaan atau pemilik bangunan tidak dapat diselesaikan dalam tempoh masa 3 bulan. Sehubungan itu, KKM telah menasihati semua PTJ supaya memaklumkan pemilik bangunan untuk mengguna pakai '<i>standard agreement</i>' yang disediakan oleh Peguam Negara. Walau bagaimanapun, masih terdapat ramai pemilik bangunan yang enggan menggunakan '<i>standard agreement</i>' tersebut. KKM akan berusaha bekerjasama dengan pemilik bangunan untuk mempercepatkan urusan memuktamadkan perjanjian berkenaan.</p>	Maklum Balas KKM adalah sama seperti di perenggan 14.5.6.1

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
14.5.6.2	<p><b>Perjanjian Kontrak Sewaan Ditandatangani Oleh Pegawai Yang Tidak Diberi Kuasa</b></p> <p>Seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 [Akta 120] menghendaki semua kontrak bagi pihak Kerajaan dibuat secara bertulis, atas nama Kerajaan Malaysia dan ditandatangani oleh Menteri atau oleh mana-mana pegawai awam yang diberi kuasa dengan sewajarnya secara bertulis oleh Menteri. Semakan Audit mendapati perjanjian sewaan K1M Gadek, Melaka yang dimeterai pada 27 November 2012 ditandatangani oleh Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan) yang tidak diberi kuasa oleh Menteri Kesihatan.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 22 Januari 2014 Dan 13 Februari 2014</p> <p>KKM mengambil maklum bahawa penurunan kuasa bagi menandatangani perjanjian kontrak sewaan K1M diberi kepada Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri atau Pegawai Kesihatan Daerah. Perjanjian sewaan K1M Gadek telah ditandatangani oleh Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan) pada masa itu kerana beliau menanggung kerja Pengarah Kesihatan Negeri bermula dari 18 November 2012 hingga 14 Disember 2012. JKN Melaka telah terlepas pandang mengenai perkara ini di mana pegawai yang menanggung kerja tidak dibenarkan menandatangani kontrak.</p> <p>Pada pendapat Audit, perjanjian sewaan antara KKM dan pemilik premis perlu dibuat dengan segera bagi melindungi kepentingan Kerajaan. Selain itu, KKM hendaklah memastikan semua perjanjian ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa.</p>	<p>Maklum Balas KKM adalah sama seperti di perenggan 14.5.6.2</p> <p>KKM telah memastikan supaya perjanjian sewaan dibuat dengan segera dan Perjanjian Kontrak Sewaan ditandatangani Oleh Pegawai Diberi Kuasa.</p>
14.5.7.1.a	<p><b>Kepuasan Kakitangan Dan Pesakit - Kepuasan Kakitangan Dan Pesakit</b></p> <p>Sejumlah 109 borang soal selidik berhubung kepuasan kakitangan terhadap tahap pengurusan (beban kerja, jadual bertugas dan penempatan), perkhidmatan (rawatan yang disediakan dan peralatan perubatan) dan ruang klinik (lokasi dan keselesaan) K1M telah diedarkan di 25 K1M yang dilawati. Berdasarkan maklum balas yang diterima, 58.4% berpuas hati dengan sistem pengurusan di K1M dan hanya 19.6% tidak berpuas hati, 62% berpuas hati dengan sistem perkhidmatan yang disediakan seperti peralatan perubatan mencukupi dan berfungsi dengan baik dan digunakan manakala 60.5% berpuas hati dengan ruang klinik.</p>	<p>Maklum Balas KKM adalah sama seperti di perenggan 14.5.7.1</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
14.5.7.1.b	Selain itu, maklum balas yang diterima daripada kakitangan menjelaskan beberapa masalah yang dihadapi seperti keselamatan di kaunter pendaftaran tidak terjamin, jadual kerja yang tidak fleksibel dan terlalu lama (12 jam), sukar mencari pengganti dan kemudahan terhad kepada kakitangan.	
14.5.7.1.c	Antara cadangan yang dikemukakan ialah mengkaji semula waktu bekerja, ruang klinik dan kemudahan yang lebih luas dan perjawatan K1M dapat diperkemaskan.	
14.5.7.2.a	<p><b>Pesakit</b></p> <p>Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada borang soal selidik yang telah diedarkan kepada 229 pesakit, sebanyak 31.3% yang mendapatkan rawatan di K1M adalah berumur dalam lingkungan 30 - 39 tahun dan 36.7% berpendapatan antara RM1,000 hingga RM2,000. Sebanyak 45.8% pesakit memilih klinik ini kerana berdekatan dengan rumah dan kos rawatan yang murah. Manakala 90.4% berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan seperti waktu perkhidmatan, tempoh menunggu, rawatan yang diberikan dan layanan oleh staf K1M. Sebanyak 82.4% pula berpuas hati dengan lokasi dan kemudahan yang disediakan.</p>	Maklum Balas KKM adalah sama seperti di perenggan 14.5.7.2.b
14.5.7.2.b	<p>Bagi meningkatkan lagi mutu perkhidmatan K1M, cadangan yang dikemukakan oleh pesakit dan ahli keluarga adalah ruang menunggu yang lebih selesa, pemeriksaan kesihatan seperti kolesterol, kencing manis dan darah tinggi disediakan K1M.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 22 Januari 2014 Dan 13 Februari 2014</p> <p>KKM melalui Institut Penyelidikan Sistem Kesihatan telah menjalankan satu kajian kepuasan pelanggan pada tahun 2010. Kajian Penilaian <i>Outcome</i> K1M juga telah dijalankan di Kelantan dan WP Kuala Lumpur pada tahun 2013. Hasil kajian mendapati 93% pelanggan berpuas hati dengan perkhidmatan K1M yang disediakan di Kelantan manakala di WP Kuala Lumpur menunjukkan 99% pelanggan berpuas hati dengan perkhidmatan K1M yang disediakan. KKM merancang satu Kajian Keberkesanan Pelaksanaan K1M dilaksanakan pada tahun 2014 dengan kerjasama Institut Penyelidikan Sistem Kesihatan. Kajian ini akan meliputi tahap kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan K1M. KKM akan mengambil kira penemuan dalam Kajian Kepuasan Pelanggan bagi kakitangan dan pesakit yang telah dilaksanakan oleh pihak Audit untuk memperbaiki perkhidmatan yang telah disediakan di K1M.</p> <p>Pihak Audit berpendapat maklum balas yang diterima daripada pesakit dan</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	kakitangan K1M adalah positif terhadap mutu dan kualiti perkhidmatan yang disediakan. Bagaimanapun, KKM perlu mengambil perhatian terhadap cadangan yang dikemukakan untuk menambah baik perkhidmatan pada masa hadapan.	
14.5.8.1	<p><b>Mekanisme Pemantauan</b></p> <p>Pemantauan secara tetap dan berkala perlu dilakukan bagi memastikan perkhidmatan berkualiti disediakan dan <i>medical error</i> dapat dicegah. Manual Polisi K1M telah menetapkan lawatan Audit Teknikal secara berkala setiap minggu dibuat oleh Pakar Perubatan Keluarga, Pegawai Perubatan, Pegawai Farmasi daripada Klinik Kesihatan atau Pejabat Kesihatan Daerah berhampiran. Aspek penting yang diaudit merangkumi pengurusan kemudahan kesihatan, kaunter pendaftaran, tempat saringan, bilik rawatan/prosedur dan kecemasan, penjagaan rangkaian sejuk dan promosi kesihatan.</p>	Maklum Balas KKM adalah sama seperti di perenggan 14.5.8.2
14.5.8.2	<p>Semakan Audit mendapati lawatan Audit Teknikal tidak dijalankan secara menyeluruh, iaitu secara mingguan ke semua K1M yang dipilih sebagai sampel pihak Audit. Daripada 25 K1M, lawatan Audit Teknikal hanya dijalankan di 3 K1M sejak beroperasi seperti berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Pegawai Farmasi telah membuat lawatan penyeliaan ke K1M Bandar Puteri Jaya, Kedah pada bulan Mac 2012; dan</li> <li>b. Audit Teknikal telah dilaksanakan oleh JKN Sarawak di K1M Bintawa dan K1M Demak Laut pada bulan September 2013.</li> </ol> <p>Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 22 Januari 2014 Dan 13 Februari 2014</p> <p>Lawatan Audit teknikal tidak dapat dijalankan setiap minggu disebabkan bebanan kerja yang lain yang terpaksa diuruskan. Penyeliaan Audit teknikal K1M di Negeri Selangor akan dijalankan oleh Pegawai Perubatan, Penyelia Penolong Pegawai Perubatan, Penyelia Jururawat, Pegawai Farmasi dan Ketua Kerani Kewangan/Pentadbiran dari semasa ke semasa mengikut jadual penyeliaan yang telah ditetapkan. Pihak JKN Sarawak juga telah menyediakan jadual penyeliaan audit teknikal K1M. KKM akan memastikan pemantauan penyeliaan K1M dilaksanakan seperti yang ditetapkan di Manual Polisi Operasi K1M.</p> <p>Pada pendapat Audit, mekanisme Audit Teknikal yang diwujudkan di K1M hendaklah dilaksanakan supaya sebarang kelemahan dalam pengurusan K1M boleh diperbaiki</p>	Kajian semula lawatan pemantauan sedang diteliti dan akan diputuskan selewat-lewatnya April 2014. Mekanisme dan senarai semak pemantauan akan disediakan bersama.

<b>Perenggan</b>	<b>Penemuan Audit</b>	<b>Status Terkini</b>
	dari semasa ke semasa. Bagaimanapun, sekiranya lawatan Audit Teknikal secara mingguan sukar dicapai, penetapan lawatan mingguan perlu dikaji semula.	

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 1 TAHUN 2013**

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

**Perenggan 15 : Pengurusan Perolehan Peralatan Pembelajaran Di Pusat Latihan Teknologi Tinggi Dan Institut Latihan Perindustrian**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<b>15.5.1.1.a</b>	<p><b>Prestasi Perolehan - Pencapaian Fizikal</b></p> <p>Pihak Audit mendapati pembekalan peralatan melibatkan 6 kontrak di 4 ADTEC (2 kontrak berasingan ditandatangani bagi pembekalan peralatan di ADTEC Taiping dan ADTEC Jerantut) tidak dapat diselesaikan mengikut tempoh kontrak asal. Kesemua kontraktor ini telah diluluskan satu [<i>Extension of Time</i> (EOT)] melibatkan tempoh antara 62 hingga 138 hari. Bagaimanapun, pembekalan masih tidak dapat diselesaikan sehingga tarikh akhir lanjutan masa. Setakat 31 Disember 2013, hanya kontrak pembekalan peralatan di ADTEC Taiping (JTM/KONTRAK/RT/ADTEC TAIPING/2011) telah dapat diselesaikan, namun JTM telah mengenakan denda <i>Liquidated Ascertained Damages</i> (LAD) berjumlah RM21,527 terhadap kontraktor atas kegagalannya menyelesaikan pembekalan peralatan dalam tempoh EOT. Pembekalan peralatan bagi 5 kontrak lain di 4 ADTEC pula masih belum diselesaikan dengan peratusan pembekalan antara 75.6% hingga 99.4% walaupun telah melepasi tempoh lanjutan masa yang diluluskan. Kesemua 5 kontrak tersebut adalah dalam tempoh LAD, namun amaun LAD belum dimuktamadkan kerana pembekalan peralatan yang masih belum selesai setakat 31 Disember 2013. Bagi ILP Marang, prestasi pembekalan peralatan hanya mencapai 56.5% setakat 31 Disember 2013 walaupun tempoh kontrak asal telah berakhir pada 4 November 2013. Adalah didapati kontraktor telah diluluskan satu EOT iaitu sehingga 4 Februari 2014.</p>	<p>Prestasi pembekalan peralatan sehingga 15 Februari 2014:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. ILP Marang - 93%</li> <li>2. ADTEC Taiping – SST1: 100%; SST 2: 98%</li> <li>3. ADTEC Bintulu – 93%</li> <li>4. ADTEC Kemaman – 99%</li> <li>5. ADTEC Jerantut – Pembekal (HDZ) 76%; Pembekal (Isolectra) 88%.</li> </ol> <p>Kesemua pembekalan akan diselesaikan pada 30 Mei 2014.</p> <p>* Bagi ítem yang lewat dibekalkan melewati tempoh lanjutan masa yang diberikan akan dikenakan LAD.</p> <p>Nilai LAD yang dikenakan sehingga 15 Februari 2014:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. ILP Marang – Tiada LAD dikenakan</li> <li>2. ADTEC Taiping – RM22,601.99</li> <li>3. ADTEC Bintulu – RM188.32</li> <li>4. ADTEC Kemaman – RM2,404.21</li> <li>5. ADTEC Jerantut – RM7, 443.62 (Pembekal HDZ).</li> </ol>
<b>15.5.1.1.b.i</b>	<p>Didapati 6 daripada 7 kontrak perolehan peralatan tidak mempunyai jadual perbatuan di dalam kontrak. Hanya Kontrak Pembekalan Peralatan oleh SMG Machinery Sdn. Bhd. bagi ADTEC Taiping (JTM/KONTRAK/RT/ADTEC TAIPING/2011) yang mempunyai jadual perbatuan. Ketiadaan jadual perbatuan ini menyebabkan pemantauan yang berkesan tidak dapat dilaksanakan oleh pihak yang terlibat dalam kontrak. Pihak yang memantau penghantaran pembekalan juga tidak dapat menentukan sama ada pembekalan telah dibuat mengikut tempoh yang ditetapkan atau berlaku kelewatan berbanding jadual.</p>	<p>Untuk tujuan penambahbaikan, carta perbatuan telah dibincangkan dalam setiap mesyuarat tapak semasa dan memastikan carta perbatuan adalah sebahagian daripada dokumen kontrak pada masa akan datang.</p>



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
15.5.1.1.b.ii	<p>Pihak Audit mendapati tempoh kuat kuasa kontrak adalah selama satu tahun iaitu dari Tarikh Kuat Kuasa perjanjian sehingga Tarikh Luput Perjanjian. Selanjutnya pihak Audit telah membandingkan Tarikh Kuat Kuasa Perjanjian dengan tarikh peralatan mula dibekalkan oleh kontraktor. Berdasarkan perbandingan tersebut, didapati kontraktor mengambil masa antara 2 hingga 7 bulan untuk memulakan penghantaran peralatan dari Tarikh Kuat Kuasa Kontrak. Memandangkan bilangan peralatan yang perlu dibekalkan adalah antara 83 hingga 1,608 item, kelewatan memulakan penghantaran peralatan telah menjejaskan tempoh penghantaran secara keseluruhannya.</p>	<p>- Tiada maklumbalas tambahan -</p>
15.5.1.1.c	<p>Kelewatan pembekalan peralatan ini telah menjejaskan proses pengambilan pelajar di ADTEC dan ILP di mana setakat bulan Disember 2013, hanya ADTEC Taiping yang telah memulakan operasinya. Manakala pengambilan pelajar di 3 ADTEC dan satu ILP masih belum dimulakan walaupun institusi telah disiapkan antara bulan Ogos 2010 hingga Disember 2011.</p> <p>Maklum Balas Kontraktor Yang Diterima Pada 25 November 2013</p> <p>Kelewatan memulakan pembekalan antaranya disebabkan pihak pembiaya kewangan kontraktor telah lewat mengeluarkan <i>Letter of Credit</i> (ADTEC Taiping, Kemaman dan Jerantut) yang menyebabkan perolehan peralatan tidak dapat dimulakan oleh kontraktor. Selain itu, kesemua kontraktor terlibat dalam kerja-kerja penyediaan tapak (termasuk kerja-kerja tambahan) bagi menyesuaikan keadaan bengkel dengan peralatan yang akan dibekalkan. Bagi ADTEC Bintulu, kelewatan juga disebabkan perkara seperti berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. kerja-kerja penyediaan tapak termasuklah pelantikan konsultan dan penyiapan <i>as-built drawing</i>;</li> <li>ii. pihak kontraktor mengambil masa untuk menyemak semula spesifikasi peralatan satu persatu untuk memastikan ianya memenuhi spesifikasi kontrak; dan</li> <li>iii. faktor pengangkutan bagi membekalkan peralatan ke Bintulu yang memakan masa.</li> </ol> <p>Maklum Balas JTM Yang Diterima Pada 25 November 2013</p> <p>Mesyuarat pemantauan perolehan peralatan telah diadakan pada setiap bulan, dan bagi kes-kes tertentu diadakan 2 kali sebulan untuk memantau proses penerimaan peralatan dan menyelesaikan isu-isu berbangkit. Bagaimanapun, terdapat kelewatan</p>	<p><i>Enrolmen</i> pelajar sehingga Januari 2014 seperti berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. ILP Marang – 159 pelajar (SKM-27, KV-100, VTO-32)</li> <li>2. ADTEC Bintulu – 172 pelajar (6 bidang)</li> <li>3. ADTEC Jerantut – 37 pelajar (3 bidang)</li> <li>4. ADTEC Kemaman – 193 pelajar (5 bidang-143 &amp; KV-50)</li> <li>5. ADTEC Taiping – 464 pelajar (7 bidang)</li> </ol> <p>Aktiviti latihan (Tahun 2012–2013)</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. ILP Marang <ul style="list-style-type: none"> <li>– Kursus 1 Malaysia (Hospitaliti-30)</li> <li>– Kursus Induksi Pegawai Baru KSM</li> <li>– Kursus <i>In-house</i> (Setiausaha Pejabat, Pegawai Psikologi dan Penyelia Asrama)</li> </ul> </li> <li>2. ADTEC Bintulu <ul style="list-style-type: none"> <li>– BOS (NIOSH dan CIAST)</li> </ul> </li> <li>3. ADTEC Jerantut <ul style="list-style-type: none"> <li>– Kursus Pengurusan (457 peserta)</li> <li>– Kursus Teknikal (165 peserta)</li> <li>– Program Komuniti (16 program – 7,268 peserta)</li> </ul> </li> <li>4. ADTEC Kemaman <ul style="list-style-type: none"> <li>– Kursus 1 Malaysia (Bidang ICT – 30)</li> <li>– Pembangunan Kurikulum &amp; Bahan Pembelajaran (2 sesi)</li> <li>– Kursus <i>In-house</i> (Bidang Selenggaraan)</li> <li>– Kursus Induksi Pegawai Baru KSM</li> <li>– Kursus Jangka Pendek (Bidang Scaffolding)</li> </ul> </li> </ol>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>yang disebabkan oleh: -</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. pertukaran spesifikasi, jenama dan model serta pembetulan negara pembuat seperti yang dibenarkan dalam kontrak;</li> <li>ii. kelewatan urusan pembekalan oleh pihak Multimodal Transport Operator (MTO) bagi ADTEC Jerantut dan ILP Marang;</li> <li>iii. perubahan Layout Foot Print; dan</li> <li>iv. penyediaan keperluan tambahan untuk tujuan instalasi mengikut keperluan peralatan.</li> </ol> <p>Untuk tujuan penambahbaikan, carta perbatuan akan dijadikan sebahagian daripada dokumen kontrak pada masa akan datang.</p> <p>Pada pendapat Audit, proses pembekalan peralatan pembelajaran di 4 ADTEC dan satu ILP adalah kurang cekap kerana pembekalan tidak dapat disempurnakan dalam tempoh asal kontrak/lanjutan masa yang diluluskan. Sungguhpun pemantauan yang berterusan dijalankan oleh pihak JTM, namun kelewatan masih berlaku yang berpunca daripada faktor-faktor tertentu di pihak Kerajaan, kontraktor dan MTO.</p>	<p>5. ADTEC Taiping</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kursus Pengurusan</li> <li>- Kursus Induksi Pegawai Baru KSM</li> <li>- Kursus Teknikal</li> <li>- Kursus Jangka Pendek (Bidang Pembuatan bersama Industri)</li> <li>- Program Komuniti (10,000 peserta)</li> </ul> <p>Dalam Mesyuarat Penyelarasan Jabatan pada 17 Februari 2014 telah bersetuju dengan cadangan penambahbaikan dalam mentadbir kontrak perolehan peralatan dan perolehan perkhidmatan logistik (MTO).</p>
15.5.1.2	<p><b>Pencapaian Kewangan</b></p> <p>Setakat 31 Disember 2013, perbelanjaan bagi pembekalan peralatan di 4 ADTEC dan satu ILP telah mencapai RM234.34 juta (80.3%) berbanding RM291.97 juta yang diperuntukkan. Ini menunjukkan masih terdapat baki berjumlah RM57.63 juta (19.7%) yang belum dibelanjakan iaitu bagi pembekalan peralatan yang tidak dapat disempurnakan pada tahun 2013.</p> <p>Pada pendapat Audit, kelewatan pembekalan peralatan menyebabkan peruntukan kewangan bagi tujuan tersebut tidak dapat dibelanjakan semaksimumnya. Sehubungan itu, JTM perlu mendapatkan semula peruntukan bagi tahun berikutnya untuk membiayai baki bayaran pembekalan peralatan di 4 ADTEC dan satu ILP ini.</p>	<p>Sehingga 15 Februari 2014, perbelanjaan bagi pembekalan peralatan di 4 ADTEC dan satu ILP telah mencapai RM252.52 juta (86%).</p> <p>Berikut adalah status perbelanjaan bagi setiap institut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. ADTEC Taiping – RM75,555,566.13</li> <li>2. ADTEC Bintulu – RM58,690,637.22</li> <li>3. ADTEC Kemaman – RM59,438,420.65</li> <li>4. ADTEC Jerantut – RM33,012,105.44</li> <li>5. ILP Marang – RM25,818,335.64</li> </ol> <p>Peruntukan pembangunan 2014 berjumlah RM51.05 juta adalah mencukupi untuk membiayai baki bayaran pembekalan peralatan sebanyak RM45.6 juta.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
15.5.2.1.a	<p><b>Kerja-kerja Tambahan - Kerja-kerja Tambahan Yang Berkaitan Dengan Pemasangan Peralatan</b></p> <p>Didapati Ketua Pengarah JTM telah meluluskan 87 kerja-kerja tambahan yang berkaitan dengan pemasangan peralatan bernilai RM3.45 juta di ADTEC Taiping, ADTEC Kemaman dan ADTEC Jerantut. Kerja-kerja ini telah dilaksanakan oleh pembekal yang sama dilantik untuk membekalkan peralatan pembelajaran di institusi tersebut. Bagaimanapun setakat 31 Disember 2013, bayaran terhadap kerja-kerja tambahan tersebut masih belum dibuat. Mengikut penjelasan JTM, pembayarannya akan dibuat dengan menggunakan peruntukan pembangunan di bawah kod projek ADTEC/ILP yang terlibat. Bagi ADTEC Bintulu dan ILP Marang, tiada senarai atau maklumat berhubung kerja tambahan telah dikemukakan kepada pihak Audit.</p>	<p>Sehingga 14 Februari 2014 bayaran terhadap kerja-kerja tambahan telah dibuat.</p>
15.5.2.1.b	<p>Kerja-kerja tambahan ini dilaksanakan bagi membolehkan peralatan pembelajaran yang dibekalkan di ADTEC tersebut dipasang dengan sempurna. Sebahagian kerja-kerja tambahan ini terpaksa dilaksanakan disebabkan kelemahan dalam reka bentuk bangunan yang mengakibatkan peralatan tidak dapat dibawa masuk atau tidak dapat dipasang. Selanjutnya pihak Audit mendapati kelewatan memulakan proses perolehan peralatan pembelajaran merupakan antara faktor berlakunya ketidakselarasan antara keadaan bengkel dengan peralatan. Adalah didapati Kementerian Kewangan telah melantik pembekal bagi membekalkan peralatan pembelajaran di 4 ADTEC dan satu ILP tersebut pada tahun 2007 dan 2008. Namun demikian, rundingan harga bagi perolehan peralatan pembelajaran lewat dimulakan oleh Kementerian. Ini menyebabkan peralatan pembelajaran masih belum dibekalkan sehingga akhir tahun 2011 walaupun ADTEC Taiping telah disiapkan pada 13 Ogos 2009; Kemaman pada 30 Ogos 2010; Bintulu pada 30 Disember 2010 dan Jerantut pada 28 Disember 2011. Kontrak pembekalan peralatan pembelajaran yang paling awal hanya berkuat kuasa mulai bulan Disember 2011 iaitu bagi ADTEC Taiping di mana tarikh sebenar peralatan mula dibekalkan ialah pada bulan Februari 2012. Jarak masa yang lama dari tarikh bangunan disiapkan dengan tarikh peralatan pembelajaran dibekalkan iaitu antara 299 hingga 1,080 hari merupakan antara faktor kerja-kerja tambahan diperlukan. Ini kerana pembinaan bangunan institusi adalah berdasarkan kepada spesifikasi yang ditetapkan pada tahun 2007 dan 2008. Memandangkan spesifikasi peralatan pembelajaran telah dikaji semula pada tahun 2011 bagi menyesuaikan dengan keperluan semasa, maka pelaksanaan kerja-kerja tambahan tidak dapat dielakkan bagi menyesuaikan keadaan bengkel dengan peralatan pembelajaran.</p> <p>Pada pendapat Audit, kerja-kerja tambahan yang berkaitan dengan pemasangan peralatan pembelajaran adalah selaras dengan syarat kontrak. Bagaimanapun, bagi mengelakkan kelemahan yang sama berlaku di masa hadapan, pihak KSM/JTM</p>	<p>Jabatan akan membuat penyelarasan perolehan peralatan pembelajaran dengan kemajuan kerja pembinaan bangunan mencapai 60%.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	disyorkan supaya menyelaraskan perolehan peralatan pembelajaran dengan kemajuan kerja pembinaan bangunan.	
15.5.2.2	<p><b>Kerja-kerja Tambahan Yang Tidak Berkaitan Dengan Pemasangan Peralatan</b></p> <p>Didapati Ketua Pengarah JTM juga ada meluluskan kerja-kerja tambahan di ADTEC Jerantut bernilai RM1.38 juta yang tidak berkaitan dengan pemasangan peralatan atau kontrak pembekalan peralatan. Kerja-kerja ini sepatutnya dilaksanakan semasa pembinaan institut tersebut di mana kontrak pembinaannya telah dilaksanakan secara Tender Terhad di bawah kendalian Jabatan Kerja Raya. Bagaimanapun setakat 31 Disember 2013, bayaran terhadap kerja-kerja tambahan ini masih belum dibuat. Mengikut penjelasan JTM, pembayarannya akan dibuat dengan menggunakan peruntukan pembangunan di bawah kod projek ADTEC Jerantut.</p> <p>Pada pendapat Audit, KSM/JTM sepatutnya mengarahkan kontraktor pembinaan bangunan ADTEC untuk membaik pulih kerja-kerja yang tidak berkualiti dalam tempoh Tanggungan Kecacatan.</p> <p>Maklum Balas JTM Yang Diterima Pada 13 Disember 2013</p> <p>Kerja naik taraf lantai di ADTEC Jerantut ini adalah termasuk di dalam skop kerja pembinaan tetapi kontraktor bangunan telah gagal menyediakan dan melengkapkan permukaan lantai bengkel dengan baik dan sempurna. Jika dibuat perbandingan, didapati keadaan bengkel di ADTEC Taiping adalah jauh lebih baik daripada ADTEC Jerantut. Oleh itu, JTM telah mengambil inisiatif dan bersetuju supaya keseragaman suasana bekerja di bengkel dilaksanakan. Dengan itu, kerja naik taraf bengkel berkaitan di ADTEC Jerantut telah setuju dilaksanakan bagi memastikan kelancaran operasi peralatan dari segi keselamatan persekitaran bekerja. Projek pembinaan ADTEC Jerantut adalah di bawah pengurusan dan kawal selia JKR sepenuhnya. Peringatan berkaitan kualiti kerja telah kerap kali dibangkitkan di dalam setiap mesyuarat pemantauan projek oleh pihak JTM. Walaupun sebahagian kerja-kerja kecacatan dilaksanakan tetapi ianya tidak mencapai tahap kualiti yang memuaskan. Manakala pembinaan rumah sampah adalah perlu kerana rumah sampah sedia ada tidak sesuai untuk pembuangan bahan latihan dan penempatan sementara chemical waste. Selain itu, lokasinya tidak sesuai kerana kesukaran laluan keluar masuk kenderaan.</p>	- Tiada maklumbalas tambahan-

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
15.5.3.1	<p><b>Harga Anggaran Jabatan</b></p> <p>Perancangan perolehan merupakan aspek yang paling asas dan penting dalam pengurusan perolehan Kerajaan. Perancangan perolehan yang baik boleh mengawal kos dan menangani masalah dalam melaksanakan sesuatu perolehan. Mengikut Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 26 Mac 2008, kajian pasaran hendaklah dibuat sebelum sesuatu rundingan harga dijalankan dan trend harga pembelian dalam urusan perolehan hendaklah diambil kira serta dijadikan sebagai panduan. Pelantikan kontraktor bagi pembekalan peralatan telah dibuat oleh MOF antara bulan April 2007 hingga Januari 2008, namun proses rundingan harga dengan kontraktor hanya bermula pada tahun 2011. Selaras dengan itu, pihak Audit mendapati anggaran harga yang ditetapkan antara tahun 2007 hingga 2008 telah dikaji semula sebelum dan semasa proses rundingan harga dijalankan. Adalah didapati pihak KSM/JTM telah mengadakan 3 bengkel antara bulan Februari hingga April 2011 untuk mengkaji harga dan spesifikasi peralatan melalui kaedah <i>Value Management</i> (VM) sebelum memulakan proses rundingan harga. Tujuan bengkel adalah untuk mengkaji dan mengenal pasti anggaran harga dan keperluan spesifikasi peralatan bagi memastikan ia relevan dengan pasaran semasa.</p>	- Tiada maklum balas tambahan -
15.5.3.2	<p>Berdasarkan minit mesyuarat Jawatankuasa Rundingan Harga (JKRH), pihak Audit mendapati asas yang diguna pakai dalam proses rundingan harga adalah mana-mana item yang harga tawaran kontraktor lebih rendah daripada harga anggaran jabatan atau lebih tinggi pada kadar 5%, 10% dan sehingga 15% jika dibandingkan dengan harga anggaran jabatan, maka harga tawaran kontraktor akan diterima sebagai harga yang telah dipersetujui. Bagi mana-mana peralatan yang tidak dapat dipersetujui kerana harga tawaran kontraktor yang agak tinggi berbanding harga anggaran jabatan, pihak kontraktor telah diminta untuk mengkaji semula harga tawaran dan mengemukakan tawaran balas untuk disemak dan diteliti oleh JKRH.</p>	
15.5.3.3	<p>Sepanjang proses rundingan harga dijalankan, pihak Audit mendapati JTM juga telah mengadakan 4 sesi semakan spesifikasi dan harga bagi item-item peralatan yang mempunyai perbezaan harga yang ketara dengan harga tawaran pembekal. Sesi semakan ini telah diadakan antara bulan September 2011 hingga Februari 2012 bagi 4 ADTEC yang diaudit. Tujuan sesi ini diadakan adalah untuk menyemak semula harga anggaran JKRH dan harga tawaran pembekal.</p>	
15.5.3.4	<p>Bagi menilai keberkesanan kaedah penetapan harga anggaran jabatan yang digunakan oleh JTM, pihak Audit telah menjalankan analisis dengan membandingkan harga anggaran jabatan yang menjadi asas kepada Jawatankuasa Rundingan Harga dengan harga yang telah dimuktamadkan dalam kontrak. Tujuan analisis adalah untuk menentukan peratusan perbezaan antara kedua-dua harga</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>tersebut. Analisis ini hanya dapat dijalankan terhadap 3 ADTEC iaitu Kemaman, Bintulu dan Jerantut. Analisis bagi ADTEC Taiping dan ILP Marang tidak dapat dibuat kerana maklumat yang lengkap tidak dikemukakan kepada pihak Audit. Keseluruhan item yang dibuat analisis adalah 3,864 (74.3%) item berbanding 5,198 item dalam kontrak. Hasil analisis menunjukkan penetapan harga kontrak bagi 3,220 item (83.3%) adalah lebih rendah atau sekurang-kurangnya tidak melebihi 30% daripada harga anggaran jabatan. Bagaimanapun, masih terdapat 644 item (16.7%) di ADTEC Kemaman dan Jerantut yang harga kontraknya adalah lebih tinggi daripada harga anggaran jabatan pada kadar melebihi 30% hingga melebihi 100%. Daripada 644 item tersebut, harga kontrak bagi 62 item (9.6%) di ADTEC Kemaman adalah melebihi 150% daripada harga anggaran jabatan dengan kos kontrak berjumlah RM3.4 juta. Bagi harga kontrak yang melebihi harga anggaran jabatan pada kadar melebihi 30% di ADTEC Jerantut dan ADTEC Kemaman, pihak Audit mendapati penetapan harga tersebut telah disokong dengan justifikasi tertentu. Antara justifikasinya ialah perubahan tukaran wang asing, terutama Yen Jepun dan Euro yang sangat cepat; peralatan memerlukan aksesori; kos bagi aksesori yang diperlukan mahal; harga tawaran JKRH terlalu rendah dan tidak mencukupi untuk menampung kos pembelian dan penghantaran peralatan; kontraktor telah menurunkan harga sehingga lebih daripada 50% dan JKRH mengambil kira konsep harga seimbang.</p> <p>Pada pendapat Audit, proses penetapan anggaran harga jabatan secara amnya adalah baik memandangkan penetapan harga kontrak bagi 83.3% item adalah lebih rendah atau tidak melebihi 30% daripada harga anggaran jabatan. Bagaimanapun, proses ini masih boleh ditambah baik lagi di masa hadapan dengan mewujudkan pangkalan data yang menyimpan maklumat spesifikasi dan harga semua peralatan pembelajaran bagi institusi-institusi di bawah JTM. Dengan adanya pangkalan data tersebut, JTM akan dapat menentukan harga anggaran yang lebih tepat dan munasabah bagi mengelakkan penetapan harga kontrak yang lebih tinggi daripada harga anggaran jabatan.</p> <p>Maklum Balas JTM Yang Diterima Pada 13 Disember 2013</p> <p>Semasa rundingan harga dilaksanakan, JKRH telah memutuskan untuk membuat semakan semula harga anggaran bagi baki item yang masih belum dirunding kerana JKRH berpendapat bahawa ada kemungkinan penjana harga anggaran asal dihasilkan dari sumber yang tidak tepat. Harga anggaran JKRH telah dibuat semakan sebanyak 4 kali semasa proses rundingan harga dilaksanakan. Dalam perkara ini, JTM melalui JKRH telah berusaha sebaik mungkin untuk mengawal kenaikan harga tawaran pembekal agar tidak melepasi paras 30% daripada harga anggaran jabatan.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>15.5.5.1.c</b></p>	<p><b>Analisis Terhadap Harga Kontrak - Harga Asal JKRH, Harga Tawaran Pembekal Dan Harga Kontrak</b></p> <p>Semakan Audit terhadap minit Mesyuarat Rundingan Harga bagi kelima-lima institut baru mendapati sebanyak 5,198 (71.2%) peralatan telah dimuktamadkan, manakala 2,105 (28.8%) peralatan tidak dapat dipersetujui dan digugurkan daripada perolehan peralatan secara rundingan terus. Daripada 37 bidang kursus di 5 institut baru tersebut, hanya 25 (67.6%) kursus telah dibuat pembekalan peralatan.</p> <p>Pada pendapat Audit, JTM/KSM (tertakluk kepada peruntukan kewangan yang diterimanya) perlu mempercepatkan perolehan baki peralatan pembelajaran yang masih belum dibekalkan. Ini bagi memastikan proses pembelajaran di institusi terlibat tidak terjejas.</p> <p>Maklum Balas JTM Yang Diterima Pada 25 November 2013</p> <p>Secara umumnya, proses pembelajaran sedikit terganggu sekiranya pembekalan tidak mencapai 100%. Jabatan mengambil maklum perkara ini dan telah membuat perolehan semula secara tender terbuka bagi peralatan ICT, pusat sumber dan peralatan bagi kursus-kursus berkaitan seperti automotif, dan penyenggaraan mekanikal. Bagi memastikan proses pembelajaran berjalan dengan lancar, institut yang berkaitan mengambil langkah bekerjasama dengan institut yang berdekatan atau melalui kaedah penyewaan. Bagi urusan perolehan secara tender, jabatan sentiasa memastikan bahawa siling peruntukan yang diluluskan oleh EPU akan sentiasa dipatuhi.</p>	<p>Perolehan baki peralatan pembelajaran yang telah dilaksanakan tender tahun 2013 dan dalam proses pembekalan:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. ADTEC Taiping – 3 tender (Bidang Mekatronik, Mikroelektronik &amp; Polimer; Bidang Seramik &amp; Pengaturcaraan dan Bidang Komposit &amp; Jaminan Mutu)</li> <li>2. ADTEC Kemaman – 2 tender (Bidang Penyelenggaraan Mekanikal &amp; Automotif dan Peralatan ICT)</li> <li>3. ADTEC Bintulu – 2 tender (Peralatan ICT dan Item yang tidak dipersetujui)</li> <li>4. ADTEC Jerantut - 1 tender (Peralatan ICT)</li> <li>5. Peralatan Pusat Sumber bagi 4 ADTEC telah dilaksanakan secara <i>e-Bidding</i> pada tahun 2013.</li> </ol>
<p><b>15.5.5.2.a</b></p>	<p><b>Perbandingan Peralatan Antara Institusi</b></p> <p>Analisis Audit telah dibuat terhadap peralatan bagi kursus yang sama di ADTEC yang berbeza. Analisis ini meliputi kursus Teknologi Elektrik Kuasa dan Teknologi Penyejuk beku Dan Penyaman Udara di ADTEC Kemaman dan ADTEC Bintulu; Teknologi Mekatronik di ADTEC Taiping dan ADTEC Bintulu; Teknologi Bahan Termaju (Polimer) di ADTEC Taiping dan ADTEC Jerantut serta Teknologi Kimpalan di ADTEC Kemaman, ADTEC Bintulu dan ADTEC Jerantut. Hasil analisis mendapati peralatan bagi kursus yang sama telah dibekalkan dengan jenama, model, spesifikasi dan harga yang berbeza serta negara pembuat yang berbeza.</p>	<p>- Tiada maklumbalas tambahan –</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
15.5.5.2.b	<p>Semakan selanjutnya mendapati terdapat 2 jawatankuasa telah diwujudkan iaitu Jawatankuasa Spesifikasi dan Jawatankuasa Rundingan Harga. Jawatankuasa Spesifikasi bertanggungjawab membincangkan spesifikasi peralatan manakala Jawatankuasa Rundingan Harga bertanggungjawab merundingkan harga dengan pihak kontraktor berdasarkan spesifikasi peralatan yang telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Spesifikasi. Keanggotaan Jawatankuasa Spesifikasi adalah di kalangan pegawai JTM serta pensyarah daripada ADTEC/ILP yang mempunyai kepakaran dalam bidang-bidang tertentu. Bagi 4 ADTEC yang diaudit, didapati terdapat 4 Jawatankuasa Spesifikasi telah ditubuhkan di peringkat Kementerian di mana pengerusi dan ahli yang berbeza telah dilantik dalam setiap jawatankuasa. Manakala Jawatankuasa Rundingan Harga pula mempunyai 7 anggota tetap yang merundingkan harga dengan kesemua kontraktor yang terlibat dalam pembekalan peralatan di 4 ADTEC ini.</p> <p>Pada pendapat Audit, perbezaan jenama, model, spesifikasi dan harga bagi peralatan untuk kursus yang sama tidak akan berlaku sekiranya JTM mewujudkan pangkalan data yang menyimpan maklumat lengkap mengenai peralatan pembelajaran bagi institusi di bawahnya. Sekiranya satu sistem data berpusat diwujudkan, maklumat jenama, model, spesifikasi dan harga bagi peralatan yang telah dipersetujui di peringkat Jawatankuasa Spesifikasi dan Jawatankuasa Rundingan Harga boleh dijadikan rujukan untuk proses perolehan berikutnya. Ia juga dapat mewujudkan keseragaman dalam penentuan jenama, model, spesifikasi dan harga peralatan.</p> <p>Maklum Balas JTM Yang Diterima Pada 25 November 2013</p> <p>Jabatan mengambil maklum dan memberi perhatian untuk mewujudkan pangkalan data secara berpusat. Perkara ini akan diberi keutamaan dan perwujudan pangkalan data sedang dirancang. Jabatan menyasarkan agar data-data yang sedia ada dapat disemak semula dalam tempoh 6 bulan pertama melalui Jawatankuasa Kepakaran mengikut bidang kursus. Jabatan akan membangunkan pangkalan data bagi mengumpul data-data maklumat untuk peralatan utama terlebih dahulu dan mengikut bidang kursus yang ditawarkan di ILJTM dari tahap 1 hingga tahap 5.</p>	



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
15.5.6.3.a	<p><b>Penggunaan Peralatan Dan Latihan</b></p> <p>Lawatan Audit ke 4 ADTEC mendapati peralatan yang dibekalkan telah disertakan dengan manual penggunaan. Selain itu, latihan berkaitan cara penggunaan peralatan tersebut juga telah dimasukkan di dalam kontrak. Penilaian Audit terhadap aspek penggunaan peralatan tidak dapat dilakukan secara menyeluruh memandangkan hanya ADTEC Taiping yang telah memulakan operasi pembelajaran (sejak tahun 2012) semasa lawatan Audit. Pihak Audit telah mengedarkan borang soal selidik kepada 72 responden yang merupakan pensyarah di 4 ADTEC yang dilawati untuk mendapatkan maklum balas berhubung penggunaan peralatan dan latihan. Secara umumnya, sebahagian besar responden berpuas hati dengan peralatan yang dibekalkan serta latihan yang diterima untuk mengendalikannya kecuali bagi 2 kes seperti berikut:-</p> <p>Seramai 8 (11.1%) responden memaklumkan peralatan yang dibekalkan tidak mencukupi untuk sesi pembelajaran; dan</p>	<p>Peruntukan tahun 2014 adalah sebanyak RM1.3 juta bagi melaksanakan kursus peningkatan kemahiran pensyarah:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Crash Program – 19 kursus ( 239 pensyarah)</li> <li>2. Latihan sangkutan industri – 64 pensyarah</li> <li>3. <i>In house training</i> – 20 kursus ( 264 pensyarah)</li> </ol>
15.5.6.3.b	<p>Seramai 9 (12.5%) responden menyatakan mereka tidak diberi latihan untuk mengendalikan peralatan yang dibekalkan.</p> <p>Pada pendapat Audit, latihan yang secukupnya perlu diberikan kepada Pensyarah di ADTEC/ILP supaya peralatan pembelajaran dapat dikendalikan dengan cekap.</p> <p>Maklum Balas JTM Yang Diterima Pada 23 Januari 2014</p> <p>Jabatan mengambil maklum perkara ini bahawa perolehan peralatan tidak lengkap kerana terdapat item yang tidak ditawarkan dan dikeluarkan daripada kontrak. Bagaimanapun item-item tersebut telah dibuat perolehan mengikut peraturan semasa dengan mengambil kira siling peruntukan yang diluluskan. Bagi teknologi baru, Jabatan sedang merancang dan melaksanakan kursus peningkatan kemahiran Pensyarah secara jangka pendek, jangka panjang, latihan sangkutan industri <i>dan in house training</i>. Sesi latihan dalam tempoh pembekalan hanya pendedahan awal dalam mengoperasi peralatan yang diterima.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
15.5.7.1	<p><b>Pentadbiran Kontrak - Menandatangani Kontrak</b></p> <p>Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menghendaki kontrak ditandatangani dalam tempoh 4 bulan dari tarikh SST dikeluarkan. Semakan Audit mendapati 3 kontrak telah lewat ditandatangani antara 148 hingga 186 hari dari tarikh yang sepatutnya.</p> <p>Maklum Balas JTM Yang Diterima Pada 25 November 2013</p> <p>Secara umumnya, kelewatan kontrak ditandatangani adalah disebabkan oleh:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Pihak Penasihat Undang-undang KSM memerlukan masa untuk menyemak dengan teliti supaya setiap klausa dalam draf kontrak mematuhi dan menjamin kepentingan pihak Kerajaan.</li> <li>ii. Pihak pembekal memerlukan masa untuk melengkapkan keseluruhan kontrak dengan menyediakan jadual spesifikasi teknikal, katalog asal, pelan perancangan perbatuan, pelan layout, jadual latihan dan lampiran-lampiran yang berkaitan.</li> <li>iii. Kelewatan penyediaan Bon Pelaksanaan oleh pembekal sepertimana keperluan kontrak.</li> </ol>	- Tiada maklumbalas tambahan –
15.5.7.2.a	<p><b>Bon Pelaksanaan</b></p> <p>Arahan Perbendaharaan 176.2 menghendaki pembekal bagi perolehan bernilai melebihi RM500, 000 mengemukakan Bon Pelaksanaan sebanyak 5% daripada nilai kontrak. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 (SPP 5/2007) pula menetapkan Bon Pelaksanaan dikemukakan dalam tempoh 14 hari dari tarikh SST. Semakan Audit mendapati kontraktor bagi 5 institut yang diaudit telah menyerahkan Bon Pelaksanaan berdasarkan kadar yang ditetapkan. Bagaimanapun, didapati 4 kontraktor bagi 5 kontrak telah lewat menyerahkan Bon Pelaksanaan antara 57 hingga 131 hari dari tarikh yang sepatutnya.</p>	- Tiada maklumbalas tambahan –
15.5.7.2.b	<p>Path 1 Technology Sdn. Bhd. (PTSB) paling lewat menyerahkan Bon Pelaksanaan iaitu sehingga 131 hari dari tarikh akhir bon sepatutnya dikemukakan. PTSB sepatutnya mengemukakan Bon Pelaksanaan selewat-lewatnya pada 16 November 2012, namun ia mengalami masalah untuk mendapatkan Bon Pelaksanaan daripada pihak bank. PTSB hanya dapat menyerahkan Bon Pelaksanaan pada 27 Mac 2013. Semakan selanjutnya mendapati JTM pada</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>28 Mac 2013 telah mengemukakan kepada KSM kertas perakuan isu kegagalan PTSB mengemukakan Bon Pelaksanaan untuk diangkat dalam Mesyuarat Lembaga Perolehan A Kementerian. Pada 29 Mac 2013, Lembaga Perolehan A KSM telah bersetuju untuk membatalkan pelaksanaan perolehan oleh PTSB kerana melanggar syarat penyerahan Bon Pelaksanaan. Lanjutan daripada keputusan tersebut, KSM telah mengemukakan permohonan kepada MOF untuk melaksanakan perolehan peralatan secara tender terbuka. Bagaimanapun, MOF dalam surat bertarikh 6 Mei 2013 telah memaklumkan permohonan KSM untuk melaksanakan perolehan peralatan secara tender terbuka tidak dapat dipertimbangkan dan KSM diarahkan untuk meneruskan perolehan peralatan dengan syarikat PTSB bagi mengelakkan kelewatan pembekalan peralatan kerana tempoh proses tender semula yang mungkin mengambil masa dan bagi memastikan proses pembelajaran di ILP Marang, Terengganu tidak terjejas. KSM juga telah diberikan pengecualian khas oleh MOF daripada Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 iaitu mengemukakan bon pelaksanaan dalam tempoh 14 hari dari tarikh SST.</p> <p>Maklum Balas JTM Yang Diterima Pada 25 November 2013</p> <p>Bagi kes Bon Pelaksanaan pembekal ILP Marang, KSM/JTM telah mematuhi arahan MOF supaya kontraktor diberi pengecualian daripada mematuhi SPP Bil. 5/2007. Secara umumnya kelewatan penyediaan Bon Pelaksanaan adalah di bawah urusan di antara pihak pembekal dan pembiaya kewangan (Bank). Dalam tempoh kelewatan ini, pihak JTM sentiasa memaklumkan akan keperluan penyerahan Bon Pelaksanaan dalam kadar segera.</p> <p>Pada pendapat Audit, pentadbiran kontrak adalah kurang memuaskan antaranya disebabkan kegagalan kontraktor yang dilantik memenuhi obligasinya dalam tempoh ditetapkan. Sehubungan itu, pihak terlibat disyorkan supaya mengambil perhatian yang serius berhubung pengurusan dan pentadbiran kontrak bagi menjaga kepentingan Kerajaan dan melicinkan urusan yang berhubung kait dengan pelaksanaan sesuatu perolehan.</p>	

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 1 TAHUN 2013**

**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**Perenggan 16 : Pengurusan Perolehan Peralatan Perubatan Angkatan Tentera Malaysia**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
16.5.1.1.a	<p><b>Pencapaian Kewangan</b></p> <p>Bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012, BPK serta HAT yang diaudit telah memohon peruntukan mengurus berjumlah RM165.99 juta untuk menampung perolehan peralatan bagi aktiviti perkhidmatan kesihatan. Namun begitu, hanya sejumlah RM24.48 juta (14.7%) telah diluluskan. Bagi menampung kekurangan dalam peruntukan mengurus ini, Bahagian Pembangunan Kementerian telah meluluskan peruntukan pembangunan berjumlah RM50 juta untuk tempoh 2 tahun khusus untuk perolehan peralatan di HAT Tuanku Mizan. Selain itu, pihak Audit mendapati Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) telah memperuntukkan sejumlah RM19.90 juta pada tahun 2010 untuk perolehan peralatan HAT Wilayah Kota Kinabalu. BPK juga telah menerima peruntukan berjumlah RM2.71 juta daripada Tentera Darat (TD) pada tahun 2012. Oleh itu, keseluruhan peruntukan yang diterima untuk perolehan peralatan perubatan bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 adalah berjumlah RM97.09 juta. Kementerian telah membelanjakan sejumlah RM96.62 juta (99.5%) daripada keseluruhan peruntukan yang diterima.</p>	<p>Pihak Kementerian merancang untuk menggunakan teguran dan pemerhatian yang dikeluarkan pihak Audit ini sebagai asas yang akan menyokong permohonan peruntukan kepada Kementerian Kewangan bagi mendapatkan peruntukan tambahan tahun 2014 dan juga untuk tahun-tahun yang akan datang. Ini bagi memastikan peruntukan yang diperoleh adalah benar-benar mencukupi dan memenuhi keperluan pengoperasian HAT.</p>
16.5.1.1.b	<p>Semakan Audit selanjutnya mendapati permohonan peruntukan mengurus bagi tujuan perolehan peralatan perubatan telah dikemukakan kepada Kementerian dengan justifikasi keperluan bersama-sama dengan Anggaran Perbelanjaan Mengurus (ABM). Bagaimanapun, pihak Audit mendapati kelulusan yang diberikan hanya 14.7% daripada jumlah yang dimohon. Analisis Audit mendapati peruntukan perbelanjaan mengurus yang diluluskan untuk HAT Terendak dan HAT Lumut masing-masingnya hanya 1.8% dan 2.7% daripada jumlah yang dimohon. Kedua-dua HAT ini juga tidak ada menerima peruntukan dari sumber-sumber lain. Bagi aktiviti BPK peruntukan mengurus yang diluluskan hanya 3% daripada yang dimohon. Sungguhpun aktiviti ini ada menerima peruntukan berjumlah RM2.71 juta daripada TD, namun peruntukan keseluruhan yang diterima berjumlah RM3.78 juta masih tidak mencukupi untuk memenuhi keperluannya yang berjumlah RM35.92 juta.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
16.5.1.1.c	<p>Analisis Audit juga telah dibuat terhadap 1,323 jenis peralatan perubatan bernilai RM56.66 juta yang diperoleh daripada senarai induk buku penyenggaraan peralatan perubatan di HAT Lumut dan HAT Terendak. Hasil analisis menunjukkan kedua-dua HAT ini menggunakan 764 (57.8%) peralatan bernilai RM41.35 juta yang berusia kurang dari 10 tahun, 227 (17.1%) peralatan bernilai RM6.22 juta yang berusia antara 10 hingga 15 tahun dan bakinya sebanyak 332 (25.1%) peralatan yang berusia melebihi 15 tahun. Kajian <i>Estimated Useful Lives of Depreciable Hospital Assets</i> yang dijalankan oleh <i>American Hospital Association</i> berkaitan dengan jangka hayat aset hospital, antara lain menyatakan bahawa jangka hayat peralatan perubatan hospital secara purata adalah 10 tahun bergantung kepada jenis dan kadar sensitiviti peralatan tersebut. Jika hasil kajian tersebut diambil kira, kedua-dua HAT ini beroperasi dengan 559 (42.2%) peralatan yang telah melepasi jangka hayat aset hospital.</p> <p>Pada pendapat Audit, pencapaian kewangan secara umumnya adalah baik kerana perbelanjaan telah mencapai sehingga 99.5% daripada peruntukan yang diterima. Bagaimanapun, kekurangan peruntukan yang diluluskan berbanding yang dimohon bagi BPK, HAT Terendak dan HAT Lumut boleh menjejaskan perancangan untuk menggantikan peralatan yang telah uzur dan melengkapkan peralatan hospital ke tahap kesiapsiagaan. Sehubungan itu, Kementerian Pertahanan dan Kementerian Kewangan perlu memberi perhatian sewajarnya terhadap program kesihatan ATM dengan mempertimbangkan dan meluluskan peruntukan kewangan yang secukupnya untuk tujuan perolehan dan penggantian peralatan perubatan.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Pertahanan Yang Diterima Pada 31 Disember 2013</p> <p>Kementerian Pertahanan sentiasa memberi perhatian yang serius terhadap keperluan program kesihatan ATM. Oleh yang demikian, pihak Kementerian memohon agar Kementerian Kewangan dapat mempertimbangkan dengan serius permohonan perolehan dan penyenggaraan alat perubatan yang dimajukan setiap tahun melalui ABM. Keperluan optimum Kementerian adalah RM40 juta setahun meliputi keperluan 4 buah PTJ Kesihatan, namun hanya RM2.03 juta dan RM10 juta telah diluluskan untuk BPK dan HAT bagi ABM tahun 2013 dan 2014 ke atas OS35000.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Pertahanan Yang Diterima Pada 14 Februari 2014</p> <p>Kementerian ingin memohon pertimbangan pihak Kementerian Kewangan agar peruntukan untuk membeli BPPB dan ubat-ubatan di bawah OS27000 dipertimbang</p>	<p>Berdasarkan pandangan pihak Audit, Kementerian melalui Bahagian Perkhidmatan Kesihatan ATM telah memutuskan bermula pada tahun 2014 ini, rujukan berdasarkan kajian <i>Estimated Useful Lives of Depreciable Hospital Assets</i> yang dijalankan oleh American Hospital Association akan dijadikan garis panduan terbaru Sistem Logistik Perubatan yang diguna pakai oleh semua unit di bawah Perkhidmatan Kesihatan Angkatan Tentera.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>sebaiknya setiap tahun. Adalah diharapkan Kementerian Kewangan dapat mempertimbangkan sebanyak RM110 juta setahun bagi Dasar Sedia Ada (DSA) tahun 2014.</p>	
<p><b>16.5.1.2.a</b></p>	<p><b>Prestasi Fizikal</b></p> <p>Bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012, sejumlah RM96.62 juta telah dibelanjakan untuk tujuan perolehan peralatan perubatan. Daripada jumlah tersebut, perolehan bernilai RM5.70 juta (5.9%) telah dilaksanakan secara rundingan terus; sejumlah RM28.33 juta (29.3%) secara tender dan sejumlah RM10.73 juta (11.1%) secara sebut harga. Selebihnya yang berjumlah RM51.86 juta (53.7%) telah dilaksanakan secara pembelian terus oleh BPK dan HAT masing-masing (kecuali HAT Wilayah Kota Kinabalu yang diletakkan di bawah BPK). Bagaimanapun, maklumat lengkap berhubung bilangan dan perolehan secara pembelian terus mengikut tahun pembelian (2010 hingga 2012) tidak dapat dikemukakan kepada pihak Audit.</p>	<p>Pihak Kementerian melalui Bahagian Perkhidmatan Kesihatan ATM sedang menyusun kembali maklumat berhubung perolehan secara pembelian terus yang dilaksanakan bermula pada 2010 hingga 2012. Penyusunan maklumat ini dijangka selesai pada pertengahan Mac 2014.</p>
<p><b>16.5.2.1.</b></p>	<p><b>Kontrak Lewat Ditandatangani</b></p> <p>Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, perjanjian kontrak hendaklah ditandatangani selepas semua syarat dipersetujui oleh kedua-dua pihak dan selewat-lewatnya dalam tempoh 4 bulan daripada tarikh SST dikeluarkan. Semakan Audit mendapati 11 kontrak yang dibuat perolehan secara tender bernilai RM34.68 juta bagi membekalkan 17 peralatan perubatan telah lewat ditandatangani antara 20 hingga 145 hari.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Pertahanan Yang Diterima Pada 31 Disember 2013 dan 14 Februari 2014</p> <p>Pihak kementerian memandang serius akan isu kelewatan menandatangani dokumen kontrak. Namun begitu, pihak kementerian berdepan dengan masalah daripada pihak syarikat yang gagal menyerahkan Jaminan Bank (BG) pada masa yang ditetapkan. Selain itu, setiap draf dokumen kontrak perlu disemak oleh Bahagian Undang-undang sebelum dijilid dan ditandatangani. Pihak kementerian juga telah mengambil tindakan penambahbaikan dengan menyediakan draf kontrak sebelum mesyuarat rundingan kontrak dijalankan. Pihak syarikat juga digesa untuk menyegerakan penyerahan BG dan memberikan justifikasi sekiranya gagal menyerahkan BG dalam masa yang ditetapkan.</p>	<p>Bermula pada tahun 2014, pihak Kementerian telah mengambil tindakan penambahbaikan terhadap kelewatan dalam proses menandatangani dokumen kontrak seperti berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Bahagian Perolehan dengan kerjasama Bahagian Undang-Undang telah menyediakan draf kontrak yang <i>standard</i> untuk semua jenis kontrak bermasa;</li> <li>ii. Draft kontrak dikemukakan lebih awal kepada pihak syarikat yang berjaya bagi tujuan penelitian sebelum dibincangkan di dalam mesyuarat rundingan kontrak;</li> <li>iii. Pewujudan draf kontrak yang <i>standard</i> dapat memudahkan pihak Bahagian Undang-Undang untuk melakukan semakan dalam masa yang singkat; dan</li> <li>iv. Pihak kontraktor juga dipanggil untuk menandatangani kontrak di Kementerian bagi menjimatkan masa proses menandatangani kontrak.</li> </ol>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
16.5.2.2.	<p><b>Bon Pelaksanaan</b></p> <p>Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, Bon Pelaksanaan hendaklah dikemukakan dalam tempoh 14 hari dari tarikh SST dan jika petender yang berjaya tidak mengembalikan Bon Pelaksanaan dalam tempoh yang ditetapkan, kegagalan ini hendaklah dimaklumkan kepada Lembaga Perolehan untuk memilih petender lain dalam tempoh sah laku tender. Semakan Audit terhadap 17 kontrak bernilai RM33.78 juta mendapati 7 kontrak bernilai RM27.39 juta dengan Bon Pelaksanaan bernilai RM1.35 juta telah lewat dikemukakan kepada Kementerian antara 11 hingga 163 hari. Semakan Audit selanjutnya terhadap 22 sebut harga bernilai RM6.06 juta mendapati 4 sebut harga bernilai RM1.44 juta dengan Bon Pelaksanaan bernilai RM43,475 telah lewat dikemukakan kepada Kementerian antara 8 hingga 44 hari. Kelewatan mengemukakan Bon Pelaksanaan ini boleh melambatkan lagi proses menandatangani kontrak.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Pertahanan Yang Diterima Pada 31 Disember 2013</p> <p>Pihak Kementerian sering berdepan dengan masalah kelewatan penyerahan bon pelaksanaan oleh pihak syarikat. Sering kali alasan yang diberikan adalah karenah pihak bank yang sukar untuk meluluskan permohonan syarikat menyediakan bon terutamanya kepada syarikat-syarikat kecil yang biasanya tidak memiliki fasiliti dengan bank terbabit. Bagi memastikan perkara ini tidak lagi berlaku, peringatan dan amaran kepada pihak syarikat telah diberikan sewaktu mesyuarat rundingan kontrak. Pihak syarikat juga diarahkan untuk memberikan surat justifikasi ataupun surat pengesahan pihak bank jika berlaku kelewatan penyerahan bon.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Pertahanan Yang Diterima Pada 14 Februari 2014</p> <p>Pihak Kementerian akan mengambil tindakan yang tegas dengan mengeluarkan surat amaran bertempoh kepada syarikat supaya mengemukakan bon pelaksanaan dalam tempoh tambahan 7 hari daripada tarikh akhir tempoh 14 hari yang diberikan. Sekiranya syarikat gagal mengemukakan sebarang maklum balas dalam tempoh tersebut, tawaran kepada syarikat akan dibatalkan.</p> <p>Pada pendapat Audit, pentadbiran kontrak masih perlu dipertingkatkan khususnya dalam aspek menandatangani kontrak dan mengemukakan Bon Pelaksanaan. Sehubungan itu, Kementerian disyorkan supaya mengambil perhatian yang serius berhubung pengurusan dan pentadbiran kontrak bagi menjaga kepentingan Kerajaan dan melicinkan urusan yang berhubung kait dengan pelaksanaan sesuatu perolehan.</p>	<p>Maklum balas bertarikh 14 Februari 2014 adalah yang terkini dilaporkan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
16.5.3.1.a	<p><b>Perolehan BPPB Di HAT Tuanku Mizan Tidak Mematuhi Peraturan Kewangan</b></p> <p>Penghantaran BPPB melalui 92 Nota Hantaran telah dilakukan secara terus daripada pembekal kepada Jabatan Bedah tanpa melibatkan Stor Perubatan sepertimana yang ditetapkan. Penerimaan peralatan ini telah ditandatangani oleh Pegawai Penyelia dan pegawai lain di Dewan Bedah. Semakan Audit mendapati tidak ada bukti pegawai tersebut diberi kuasa untuk menerima peralatan yang dibekalkan dan menandatangani dokumen penerimaan.</p>	<p>Bermula tahun 2014, staf di Jabatan Bedah tidak lagi dibenarkan menerima bekalan secara terus daripada pembekal tanpa melalui Stor Perubatan. Semua penerimaan akan dibuat oleh pegawai di Stor Perubatan yang telah diberi kuasa untuk menerima bekalan.</p>
16.5.3.1.b	<p>Memandangkan proses perolehan yang tidak mengikut prosedur ditetapkan, pihak Audit mendapati 92 Nota Hantaran yang dikemukakan oleh pembekal tidak mempunyai nombor Pesanan Kerajaan. Mengikut penjelasan pegawai terlibat di HAT Tuanku Mizan, permohonan perolehan BPPB tersebut hanya dibuat melalui panggilan telefon dengan alasan keperluan mendesak. Ketiadaan nombor Pesanan Kerajaan ini menyukarkan semakan silang terhadap pembayaran yang dibuat oleh Unit Belanjawan. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat memastikan sama ada bekalan tersebut telah dibuat bayaran, malah tidak diketahui kos yang terlibat dan lokasi penyimpanan peralatan tersebut.</p>	<p>Kesemua 92 Nota Hantaran yang dibangkitkan pihak audit telah dikenal pasti. Hasil semakan mendapati 70 daripada 92 Nota Hantaran mempunyai nombor rujukan dan tarikh pesanan Kerajaan. Walau bagaimanapun, baki 22 Nota Hantaran tidak mempunyai pesanan kerajaan kerana 20 daripadanya merupakan sampel BPPB yang diberikan secara percuma oleh pihak syarikat, 1 Nota Hantaran untuk BPPB yang ditukar ganti akibat tamat tarikh luput dan 1 Nota Hantaran pertukaran BPPB atas keperluan dan permintaan pakar.</p> <p>Semua 70 Nota Hantaran yang mempunyai pesanan kerajaan telah dibuat pembayaran. Salinan Nota Hantaran yang dilaporkan pihak Audit sebenarnya adalah salinan pendua untuk simpanan Jabatan Bedah. Salinan asal telah dimajukan kepada Jabatan Farmasi untuk diproses pembayarannya di Unit Belanjawan HAT Tuanku Mizan. Untuk makluman, salinan lengkap baucer bayaran, pesanan kerajaan, invoice dan nota hantaran disimpan di Unit Belanjawan, HAT Tuanku Mizan.</p>
16.5.3.1.c	<p>Semakan lanjut mendapati Kad Stok (BAT L 20) tidak disediakan di Jabatan Bedah menyebabkan jumlah dan bilangan BPPB dalam simpanan tidak dapat ditentukan. Selain itu, kaedah stok minimum tidak dapat dilaksanakan. Pihak Audit dimaklumkan oleh Pegawai Penyelia Dewan Bedah bahawa keperluan khusus pakar perubatan hanya dibuat secara lisan menyebabkan justifikasi keperluan BPPB tidak disediakan. Pihak Audit juga dimaklumkan kuantiti BPPB yang telah dibekalkan ini kemudiannya akan dimasukkan ke dalam permohonan keperluan untuk kelulusan JKPT apabila JKPT mengadakan mesyuarat.</p>	<p>Pihak Kementerian melalui Bahagian Perkhidmatan Kesihatan ATM telah melaksanakan penambahbaikan bermula tahun 2014 bahawa setiap permohonan keperluan khusus pakar perubatan hendaklah dikemukakan bersama-sama justifikasi keperluan yang akan disediakan oleh setiap jabatan terlibat. Setiap jabatan juga perlu menyediakan Rancangan Perolehan bagi BPPB secara tahunan.</p>



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
16.5.3.2.	<p><b>Peminjaman BPPB</b></p> <p>Semakan Audit mendapati Borang Permohonan Pinjaman Peralatan dan Ubat-ubatan sepertimana yang ditetapkan tidak digunakan di HAT Tuanku Mizan. Sebaliknya pelaksanaan pinjaman peralatan telah melibatkan syarikat swasta, namun tidak dapat dipastikan sama ada kaedah pemulangan atau pembayaran dilaksanakan. Selain itu, peraturan berkaitan dengan proses peminjaman peralatan daripada pihak swasta tidak terdapat dalam mana-mana peraturan kewangan yang berkuat kuasa.</p>	<p>Berlanjutan daripada teguran audit ini, pihak Kementerian melalui Bahagian Perkhidmatan Kesihatan ATM dengan serta merta tidak membenarkan lagi sebarang perolehan kecemasan yang dilakukan secara <i>'forward committal'</i>. Semua perolehan akan mengikut prosedur semasa di mana asas pembelian diletakkan mengikut kemampuan. Sekiranya terdapat keperluan mendesak disebabkan kecemasan, prosedur kewangan di bawah Arahan Perbendaharaan 55 akan digunakan.</p>
16.5.3.3.	<p><b>Borang Permohonan Perolehan</b></p> <p>Jabatan Pengguna perlu mengemukakan Borang Permohonan Perolehan yang menyatakan justifikasi keperluan peralatan kepada JKPT. Semakan Audit terhadap Borang Permohonan Keperluan yang telah dikemukakan oleh Jabatan Pengguna kepada JKPT di HAT Tuanku Mizan mendapati tiada ruang disediakan dalam borang tersebut untuk menunjukkan baki semasa stok dalam simpanan.</p> <p>Pada pendapat Audit, Kementerian dan HAT Tuanku Mizan perlu memastikan setiap perolehan dan penerimaan BPPB dibuat mengikut prosedur kewangan dan kawalan dalaman yang berkuat kuasa. Ini bagi mengelakkan berlakunya stok berlebihan dan pembaziran akibat stok tamat tempoh. Selain itu, ruangan baki semasa stok dalam simpanan perlu dinyatakan di dalam Borang Permohonan Perolehan sebagai panduan kepada JKPT untuk meluluskan permohonan.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Pertahanan Yang Diterima Pada 31 Disember 2013</p> <p>Bagi proses terimaan, ianya dilakukan di Unit Stor tetapi disemak oleh pegawai atau penyelia di Jabatan Pengguna kerana pengguna mempunyai kemahiran dan mengenal peralatan yang dimohon untuk dibeli. Terdapat juga item yang perlu dipinjam daripada syarikat luar kerana keperluan mendesak, namun perkara ini telah dihentikan. Sekiranya terdapat keperluan mendesak dan kecemasan, prosedur kewangan di bawah Arahan Perbendaharaan 55 akan dipatuhi. Mesyuarat Jawatankuasa Pra Pembelian Terus dilakukan sebelum permohonan dibawa ke Jawatankuasa Pembelian Terus. Semua permohonan dari jabatan akan ditapis dan kelulusan diberikan setelah pengguna menjelaskan justifikasi keperluan dan baki simpanan sedia ada tetapi perbincangan dan minit mesyuarat Jawatankuasa Pra Pembelian Terus tidak disediakan. Manakala minit bagi mesyuarat Jawatankuasa Pembelian Terus ada disediakan dan direkodkan. Selain itu, pewujudan ruang yang menunjukkan baki stok sedia ada dan <i>Amount of Monthly Issued Rate</i> (AMIR) di</p>	<p>Bagi tujuan penambahbaikan, bermula tahun 2014, semua HAT akan menggunakan format baucer Inden Bestari untuk membuat permohonan perolehan mereka selaras dengan penubuhan Markas Bekalan Farmaseutikal dan Kesihatan Angkatan Tentera (BERKAT). Pengenalan baucer ini diharap dapat menambah baik proses permohonan perolehan memandangkan ianya dilengkapi dengan ruangan melaporkan baki stok dan perkiraan <i>average monthly issue rate</i> (AMIR) untuk mengira keperluan sebenar sepeppgal (untuk tempoh 4 bulan).</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>dalam borang permohonan kelulusan perolehan terus juga telah dilaksanakan.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Pertahanan Yang Diterima Pada 14 Februari 2014</p> <p>Sejak HAT Tuanku Mizan (HATTM) memulakan pengoperasiannya, HATTM tidak mempunyai sebuah Unit Perolehan yang khusus dan fokus dalam menguruskan segala aspek perolehan peralatan dan bekalan kerana perjawatan yang sedia ada berdasarkan kelulusan JPA adalah terhad serta tidak mengikut norma perjawatan Kementerian Kesihatan Malaysia. Memandangkan banyak item BPPB digunakan oleh 7 disiplin kepakaran di Jabatan Bedah, sistem perolehan di HATTM dilaksanakan secara pusat di Jabatan Farmasi. Walau bagaimanapun, banyak kesilapan pembelian telah berlaku memandangkan barang yang diperlukan adalah amat spesifik dan memerlukan kepakaran staf Jabatan Bedah untuk menentukannya. Bagi mengelakkan kesilapan yang sama berulang, staf Jabatan Bedah dibenarkan membuat tinjauan harga dan spesifikasi sebelum dikemukakan kepada Jabatan Farmasi untuk diurus perolehannya. Staf di Jabatan Bedah tidak lagi dibenarkan menerima bekalan secara terus daripada pembekal tanpa melibatkan Stor Perubatan. Semua penerimaan akan dibuat oleh pegawai di Stor Perubatan yang telah diberi kuasa untuk menerima bekalan.</p> <p>Terdapat kes kecemasan yang berlaku di luar jangka di HAT yang menyebabkan sesuatu ubat atau BPPB terpaksa diperoleh secara <i>'forward committal'</i> memandangkan tiada peruntukan pada waktu tersebut. Perkara ini dibuat dengan pembekal yang mempunyai kontrak dengan Kementerian. Pembayaran dibuat setelah HAT menerima peruntukan tambahan/baru. Kementerian melalui BPK tidak lagi membenarkan sebarang perolehan kecemasan yang dilakukan secara <i>'forward committal'</i>. Semua perolehan akan mengikut prosedur semasa di mana asas pembelian diletakkan mengikut kemampuan. Oleh yang demikian, pemakaian prosedur baru menggunakan RP dan Inden Bestari diperkenalkan. Sekiranya terdapat keperluan mendesak dan kecemasan, prosedur kewangan di bawah Arahan Perbendaharaan 55 akan dipatuhi. Proses mesyuarat Jawatankuasa Pra Pembelian Terus dan Jawatankuasa Pembelian Terus telah ditambah baik di mana minit mesyuarat akan disediakan secara rasmi. Kementerian melalui BPK telah mengeluarkan arahan bahawa justifikasi keperluan akan disediakan oleh setiap jabatan dalam bentuk penjelasan objektif/subjektif bagi memohon pembekalan peralatan perubatan dan dalam bentuk Rancangan Perolehan bagi BPPB. Rekod sejarah penggunaan bermasa dan semakan stok terkini pula menjadi asas kepada permohonan Inden Bestari yang diwujudkan oleh Markas BERKAT yang menunjukkan baki stok sedia ada dan <i>Amount of Monthly Issued Rate</i> (AMIR). Pihak Kementerian melalui BPK, ATM telah mengambil satu langkah penambahbaikan</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>holistik bagi menguruskan kelemahan yang wujud di dalam pengurusan peralatan perubatan hospital ATM. ATM kini sedang dalam proses penjenamaan semula perkhidmatan kesihatannya dengan mewujudkan Sistem Logistik Perubatan (<i>Medical Logistic System – MLS</i>) yang efektif dan efisien. Melalui inisiatif ini, Unit Logistik 93 Depot Perubatan &amp; Pergigian Angkatan Tentera yang bertaraf Stor Bestari di Wangsa Maju telah di naik taraf menjadi sebuah Markas Bekalan Farmaseutikal dan Kesihatan Angkatan Tentera (Markas BERKAT).</p>	
<p><b>16.5.4.1.a</b></p>	<p><b>Sijil Pengujian Dan Pentauliahan Serta Sijil Latihan Akhir Tidak Bertarikh</b></p> <p>Semakan Audit terhadap baucar bayaran mendapati Sijil Pengujian dan Pentauliahan serta Sijil Latihan Akhir bagi peralatan <i>Regenerative Medicine System</i> dan <i>Thermo Scientific Cryostar NX70</i> yang dibekalkan di Jabatan Patologi, HAT Tuanku Mizan tidak dinyatakan tarikh pelaksanaannya. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada pengujian dan pentauliahan serta latihan kepada pegawai telah dijalankan sepertimana yang ditetapkan. Semakan selanjutnya mendapati senarai kehadiran peserta latihan tidak ditandatangani oleh peserta. Selain itu, sebahagian peralatan yang dibekalkan masih lagi dalam bungkusan asal semasa lawatan Audit dijalankan. Bagaimanapun, pembayaran penuh berjumlah RM7.01 juta iaitu RM6.86 juta untuk <i>Regenerative Medicine System</i> dan RM0.15 juta untuk <i>Thermo Scientific Cryostar NX70</i> telah dibuat kepada pembekal.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Pertahanan Yang Diterima Pada 31 Disember 2013 Dan 14 Februari 2014</p> <p>Perolehan peralatan <i>Regenerative Medicine System</i> dan <i>Thermo Scientific Cryostar NX70</i> berlaku pada hujung bulan Disember 2012 di mana proses pembayaran untuk peralatan ini terpaksa disegerakan bagi mengelak pembayaran di bawah AP58a. Pengujian dan Pentauliahan serta Latihan Akhir telah dilakukan dalam keadaan tergesa-gesa sehingga dokumentasinya tidak sempurna ketika dimajukan untuk proses pembayaran. Bagaimanapun Kementerian akur dengan kesilapan tersebut dan HAT Tuanku Mizan tidak akan mengulanginya. Jabatan Makmal Perubatan HAT Tuanku Mizan telah mengadakan Pengujian dan Pentauliahan serta Latihan Akhir kepada pengguna buat kali kedua pada 10 Disember 2013 bagi memastikan kebolegunaan peralatan tersebut. Pihak Kementerian bersetuju dan akur dengan teguran yang dibangkitkan pihak Audit. Oleh itu untuk semua proses pembelian akan datang, Kementerian akan memastikan setiap pembayaran peralatan teknikal disertakan sijil pengujian dan pentauliahan tanpa gagal. Satu perenggan berkaitan keperluan Sijil Pengujian dan Pentauliahan juga akan dimasukkan dalam Surat Tawaran kepada pembekal.</p>	<p>Bagi mengatasi kelemahan ini, pihak Kementerian melalui Bahagian Perkhidmatan Kesihatan ATM telah mewajibkan setiap pembayaran peralatan teknikal disertakan sijil pengujian dan pentauliahan. Bermula tahun 2014 juga, satu perenggan berkaitan keperluan Sijil Pengujian dan Pentauliahan diwajibkan untuk dimasukkan ke dalam Surat Tawaran kepada pembekal.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pada pendapat Audit, Kementerian sepatutnya memastikan dokumen sokongan bagi menuntut pembayaran oleh pembekal lengkap dan sempurna sebelum pembayaran dilakukan. Satu jawatan kuasa siasatan perlu ditubuhkan bagi menyasat dan menentukan sama ada wujud <i>improper payments</i> seterusnya mengambil tindakan surcaj mengikut Akta Acara Kewangan.</p>	
<p><b>16.5.5.1.a</b></p>	<p><b>Penerimaan Peralatan Di HAT Wilayah Kota Kinabalu</b></p> <p>Berdasarkan kepada senarai yang diperoleh daripada BPK, perolehan 547 peralatan perubatan bernilai RM19.90 juta telah dibuat dan dihantar ke HAT Wilayah Kota Kinabalu bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012. Bagaimanapun semasa lawatan Audit dijalankan, senarai peralatan, dokumen penghantaran dan dokumen penerimaan peralatan perubatan oleh HAT Wilayah Kota Kinabalu tidak dapat dikemukakan untuk pengauditan. Berdasarkan senarai perolehan peralatan perubatan yang disediakan oleh BPK, pihak Audit telah melakukan pengesahan fizikal terhadap 235 (43.0%) peralatan perubatan bernilai RM14.84 juta (74.6%) untuk memastikan kewujudan dan kegunaannya. Kesemua 235 aset tersebut telah dapat disahkan kewujudannya, namun pihak Audit mendapati masih ada peralatan yang diterima dari tahun 2010 tidak ditempatkan di jabatan masing-masing tetapi disimpan di stor hospital. Keadaan ini berlaku kerana pegawai baru yang ditempatkan di HAT Wilayah Kota Kinabalu menghadapi kesukaran untuk mengenal pasti penempatan dan jabatan pengguna yang sebenar bagi peralatan terlibat kerana ketiadaan maklumat awal.</p>	<p>Pihak Kementerian melalui Bahagian Perkhidmatan Kesihatan ATM telah melaksanakan perlantikan pegawai penerima pada Disember 2013 yang lalu. Pegawai Aset HAT Kota Kinabalu telah membuat penerimaan peralatan serta merekodkan kesemua peralatan mengikut keperluan seperti yang dinyatakan di dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007. KEW.PA-2 dan KEW.PA-7 HAT Wilayah Kota Kinabalu telah selesai dilengkapkan.</p>
<p><b>16.5.5.1.b</b></p>	<p>Daripada 547 peralatan perubatan yang telah dibuat perolehan antara tahun 2010 hingga 2012, semakan Audit hanya dapat mengesahkan pengujian dan pentauliahan terhadap 3 (0.5%) peralatan sahaja iaitu <i>Dental Chair</i>, <i>Hyperbaric Chamber</i> dan <i>Machine X-ray</i> yang bernilai RM7.12 juta. Manakala bagi peralatan perubatan yang lain, pengesahan tidak dapat dilakukan kerana Sijil Pengujian dan Pentauliahan tiada dalam simpanan HAT Wilayah Kota Kinabalu.</p>	
<p><b>16.5.5.1.c</b></p>	<p>Pihak Audit juga dimaklumkan ketika lawatan Audit bahawa keselamatan peralatan perubatan tidak dapat dipastikan kerana sebahagian bangunan hospital ini telah digunakan sementara waktu sebagai tempat kediaman anggota bujang ketika kediaman mereka dalam proses pembaikan. Selain itu, pihak Audit mendapati Senarai Aset Di Lokasi (KEW.PA-7) tidak disediakan manakala Daftar Harta Modal (KEW.PA-2) sedang disediakan semasa lawatan Audit pada bulan Ogos 2013. Kebanyakan ruangan dalam KEW.PA-2 tidak dapat diisi kerana ketiadaan dokumen asas mengenai peralatan perubatan yang telah dibekalkan.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Maklum Balas Kementerian Pertahanan Yang Diterima Pada 31 Disember 2013 dan 14 Februari 2014</p> <p>Kementerian bersetuju bahawa setiap penerimaan peralatan perlu direkodkan oleh pegawai penerima yang dilantik dan pelantikan pegawai penerima telah pun dibuat oleh Kementerian. Pegawai Aset HAT Wilayah Kota Kinabalu telah membuat penerimaan peralatan serta merekodkan kesemua peralatan mengikut keperluan seperti dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007. KEW.PA-2 dan KEW.PA-7 HAT Wilayah Kota Kinabalu telah selesai dan dilengkapkan setelah usaha dibuat untuk mendapatkan dokumen peralatan perubatan di Bahagian Perolehan Kementerian.</p> <p>Pada pendapat Audit, proses pengujian dan pentauliahan hendaklah dijalankan terhadap peralatan yang dibekalkan bagi memastikan ia berfungsi dan memenuhi spesifikasi ditetapkan, mengemas kini rekod aset dan menempatkan aset-aset di lokasi yang sepatutnya.</p>	
<p><b>16.5.6.1.a</b></p>	<p><b>Borang BAT L Tidak Digunakan Bagi Mengurus BPPB</b></p> <p>Lawatan Audit di Jabatan Bedah, HAT Tuanku Mizan pada 11 September 2013 mendapati tiada rekod BAT L disediakan bagi merekodkan penerimaan, penyimpanan, pengeluaran dan penggunaan BPPB sedia ada. Kad Stok iaitu BAT L 20 juga tidak diselenggarakan. Tanpa rekod BAT L, Jabatan Bedah menghadapi masalah untuk menentukan baki stok peralatan dan keadaan ini boleh menyebabkan pemesanan dan perolehan BPPB melebihi keperluan sebenar. Berdasarkan pemeriksaan fizikal yang dijalankan pada bulan September 2013, pihak Audit mendapati banyak BPPB yang belum digunakan dan masih disimpan di dalam kotak. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat menentukan bilangan dan kuantiti sebenar peralatan serta kos perolehannya kerana ketiadaan rekod dalam simpanan Jabatan Bedah.</p>	<p>Pihak Kementerian dengan serta merta telah menyediakan BAT L 20 sejurus selepas pengauditan dilaksanakan. Salinan BAT L 20 setiap butiran item telah dikemukakan kepada pihak Audit melalui maklum balas pada 14 Februari 2014.</p> <p>Bagi lain-lain perkara yang dibangkitkan, maklum balas bertarikh 14 Februari 2014 adalah yang terkini dilaporkan.</p>
<p><b>16.5.6.1.b</b></p>	<p><b>BPPB Telah Tamat Tempoh</b></p> <p>Setiap BPPB mempunyai tarikh tamat tempoh yang telah ditetapkan oleh pengeluar. Semakan Audit di Hospital Tuanku Mizan mendapati 17 jenis peralatan pakai buang telah melepasi tarikh tamat tempoh penggunaannya. Selain itu, pihak Audit juga mendapati 10 jenis BPPB akan tamat tempoh sebelum bulan Jun 2014 tetapi masih mempunyai baki stok yang banyak dan dikhuatiri akan tamat tempoh sebelum habis digunakan.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
16.5.6.1.c	<p><b>Wad Perubatan Tidak Beroperasi</b></p> <p>HAT Tuanku Mizan mula beroperasi pada tahun 2009 dengan 13 wad telah diwujudkan. Bagaimanapun semasa lawatan Audit pada bulan Februari 2013, didapati wad <i>Burn and Nuclear Biological and Chemical</i> dan wad <i>Female Multi (ENT/Dental/Ophthalmology)</i> masih tidak beroperasi. Wad yang tidak beroperasi ini menyebabkan peralatan seperti katil, tilam dan <i>Central Monitoring System</i> bagi memantau pesakit tidak digunakan. Selain itu, terdapat lekapan dan lengkapan yang ditempatkan di ruang jururawat telah rosak.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Pertahanan Yang Diterima Pada 31 Disember 2013</p> <p>Kementerian akur bahawa peralatan seperti katil, tilam dan <i>Central Monitoring System</i> bagi memantau pesakit tidak digunakan kerana perjawatan yang terhad diluluskan oleh Agensi Pusat. HAT Tuanku Mizan cuba untuk memaksimumkan penggunaan peralatan tersebut berdasarkan kepada perjawatan staf sedia ada yang hanya diluluskan oleh JPA pada tahap 50% (Fasa 1) daripada permohonan yang diperakui Kementerian Pertahanan pada tahun 2009. Sebagai langkah jangka panjang, satu kertas cadangan penstrukturan semula perjawatan untuk Fasa 2 hospital ini akan dimajukan ke BPK pada bulan Februari 2014.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Pertahanan Yang Diterima Pada 14 Februari 2014</p> <p>Jabatan Bedah HATTM tidak mempunyai ruang stor yang mencukupi untuk menyimpan semua keperluan bekalan perubatan pakai buangnya. Justeru itu, ruang bilik di Jabatan <i>Day-Care</i> yang kini belum boleh dibuka untuk pesakit digunakan sebagai stor sementara. Sejumlah 468 BPPB disimpan dan dibahagikan kepada 7 kumpulan mengikut stor iaitu <i>buis, uro, gynae, bedah am, CSSD, sutures</i> dan <i>orthopedik</i>. Kesemua BAT L 20 kini telah dikemas kini dan dipantau oleh Ketua Stor BPPB yang telah dilantik. Tindakan pemulangan ubat-ubatan yang telah tamat tempoh ke Jabatan Farmasi telah dilaksanakan untuk tujuan pelupusan. Sebahagian bekalan lain yang juga telah tamat tempoh akan terus digunakan memandangkan ianya masih boleh digunakan kerana ianya bukan terdiri daripada peralatan kritikal yang perlu disteril.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
16.5.6.2.a	<p><b>Penggunaan Peralatan Perubatan Di HAT Wilayah Kota Kinabalu</b></p> <p>HAT Wilayah Kota Kinabalu sebelum ini dikenali sebagai Pusat Perubatan dan Pergigian Angkatan Tentera (PPGAT) Teluk Sepanggar yang berfungsi sebagai klinik tentera, klinik keluarga, rawatan ibu hamil dan pergigian yang beroperasi di kuarters pegawai (C001 dan C002). Mulai tahun 2008, PPGAT Teluk Sepanggar telah berpindah ke bangunan baru yang telah siap pembinaannya pada tahun 2007. Bagaimanapun, penggunaannya ketika itu hanya melibatkan sebahagian kecil ruang lantai (<i>Ground Floor</i>) bangunan kerana ketiadaan perjawatan hospital dan ia diuruskan oleh perjawatan PPGAT Teluk Sepanggar serta dibantu oleh satu unit daripada TLDM. HAT Wilayah Kota Kinabalu ditubuhkan secara rasmi melalui perintah penubuhan bertarikh 7 Januari 2013. Mengikut cadangan dan perancangan oleh MK ATM dan BPK, kekuatan anggota dan pegawai untuk hospital ini adalah seramai 430 jawatan, namun hanya 103 (23.9%) jawatan telah diluluskan. Setakat tarikh lawatan Audit pada bulan Ogos 2013, hanya 43 (41.7%) jawatan telah diisi manakala bakinya yang melibatkan 60 (58.3%) jawatan masih lagi kosong.</p>	Maklum balas bertarikh 31 Disember 2013 adalah yang terkini dilaporkan.
16.5.6.2.b	<p>Perolehan peralatan perubatan untuk kegunaan hospital ini telah dibuat pada tahun 2007, 2010 dan 2011. Semasa lawatan Audit, sebahagian besar hospital telah beroperasi (walaupun menghadapi kekangan dari aspek perjawatan) kecuali Dewan Bedah, Jabatan Fisiologi dan Wad Lelaki yang masih belum beroperasi. Selanjutnya pihak Audit mendapati kesan daripada masalah perjawatan yang belum diisi sepenuhnya, sebahagian peralatan masih belum digunakan setakat tarikh lawatan Audit pada bulan Ogos 2013.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Pertahanan Yang Diterima Pada 31 Disember 2013</p> <p>Kementerian akur bahawa setiap peralatan yang telah dibekalkan wajar digunakan agar perkhidmatan kepada golongan sasaran dapat diberikan. Sebab utama terdapat peralatan yang belum digunakan ialah kelewatan perjawatan HAT Wilayah Kota Kinabalu yang hanya diluluskan oleh Agensi Pusat pada bulan Januari 2013 iaitu 2 tahun selepas peralatan dibeli pada tahun 2011, di samping masalah kekurangan pakar untuk mengisi kekosongan yang wujud. Justeru banyak aset yang tidak digunakan setelah diterima, terutamanya peralatan untuk kegunaan Pakar seperti di Klinik Pergigian dan Dewan Bedah. Namun usaha sedang giat dibuat untuk menentukan kebolehgunaan peralatan-peralatan tersebut dengan permohonan HAT Wilayah Kota Kinabalu untuk diuji/tauliah semula. Selain itu, masalah ketiadaan pakar dan anggota; kurang bersesuaian dan memerlukan penyenggaraan sivil dan elektrik yang besar dan kekurangan peruntukan senggaraan merupakan penyebab Dewan Bedah, Jabatan Fisiologi dan Wad Lelaki masih tidak dapat beroperasi di</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>HAT Wilayah Kota Kinabalu.</p> <p>Pada pendapat Audit, HAT Tuanku Mizan perlu meningkatkan sistem pengurusan inventories dengan mengemas kini rekod BAT L dan menentukan tahap keperluan sebenar. Pembaziran boleh berlaku akibat membeli tanpa perancangan serta secara berlebihan menyebabkan sehingga hampir tarikh luput bekalan tersebut tidak digunakan. Kementerian juga perlu berusaha untuk mendapatkan perjawatan tambahan (ikhtisas dan awam) di setiap hospital supaya perkhidmatan yang disediakan dapat dipertingkatkan lagi. Bagi HAT Wilayah Kota Kinabalu, langkah proaktif perlu diambil bagi memastikan perjawatan yang telah diluluskan diisi sepenuhnya. Ini bagi memastikan peralatan yang telah dibekalkan dapat digunakan secara optimum.</p>	
<p><b>16.5.7.1.a</b></p>	<p><b>Penyimpanan BPPB Di HAT Tuanku Mizan</b></p> <p>Lawatan Audit di HAT Tuanku Mizan pada 11 September 2013 mendapati BPPB ditempatkan di beberapa lokasi bukan stor seperti di Bilik Kaunseling, Bilik Pegawai Perubatan, Bilik Utiliti Bersih, Bilik Utiliti Kotor, Bilik Rehat, Bilik Prosedur, Bilik Stor Peralatan, Stor Unit CSSD, Stor Unit ICU, Dewan Bedah, Bilik Porter, Bilik Urodinamik dan Stor Dewan Bedah. Selain itu, pihak Audit mendapati kawalan terhadap BPPB ini tidak memuaskan kerana rekod inventori (Borang BAT L 20) bagi merekodkan pengeluaran dan penerimaan bekalan ini tidak diselenggarakan. Ini boleh mendedahkan risiko kehilangan dan penyalahgunaan.</p>	<p>Pihak Kementerian dengan serta merta telah menyediakan BAT L 20 sejurus selepas pengauditan dilaksanakan. Salinan BAT L 20 setiap butiran item telah dikemukakan kepada pihak Audit melalui maklum balas pada 14 Februari 2014.</p>
<p><b>16.5.7.1.b</b></p>	<p>Pihak Audit telah menjalankan lawatan susulan pada 18 September 2013 dan mendapati pihak HAT Tuanku Mizan telah memindahkan BPPB ini dari pelbagai lokasi ke stor sementara dalam kawasan Dewan Bedah. Lokasi yang dijadikan stor sementara ini dicadang untuk dijadikan bilik pembedahan <i>sterile</i>. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati stor sementara ini tidak mempunyai lampu dan bersuhu panas serta diletakkan di atas lantai yang boleh mengakibatkan kerosakan pada BPPB.</p> <p>Pada pendapat Audit, pihak Jabatan Bedah, HAT Tuanku Mizan perlu menyediakan senarai BPPB yang sentiasa digunakan sahaja disimpan di stor jabatan. Kaedah Masuk Dulu Keluar Dulu (FIFO) digunakan dalam penerimaan dan pengeluaran BPPB bagi memastikan dan menjamin BPPB yang hampir tamat tempoh digunakan terlebih dahulu. Selain itu HAT Tuanku Mizan perlu menyediakan kursus berkaitan pengurusan stor kepada pegawai di setiap jabatan agar pengurusan stor di jabatan adalah mengikut prosedur pengurusan stor yang ditetapkan.</p> <p>Maklum Balas HAT Tuanku Mizan Yang Diterima Pada 9 Disember 2013</p>	<p>4 buah stor sementara telah diwujudkan dan peralatan telah disusun dengan sebaiknya sejak Januari 2014 yang lalu. Bukti pelaksanaan telah dikemukakan kepada pihak Audit pada 14 Februari 2014.</p>



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>BPPB ditempatkan di beberapa lokasi bagi menampung keperluan penyimpanan peralatan tersebut. Bagi memastikan keselamatan BPPB tersebut, ia diletakkan di bilik berkunci yang tidak digunakan. Perkara ini terpaksa dilakukan memandangkan stor sedia ada kecil dan tidak mampu untuk menyimpan BPPB tersebut. Bagi menambah baik perkara ini, bilik-bilik tersebut akan ditukar kepada 4 stor sementara secara pentadbiran dan BPPB dari lokasi sementara telah pun dialihkan ke stor ini kerana lokasi penyimpanan sementara tidak bersesuaian. BPPB tersebut akan dijadikan sebagai stor unit dan pengurusannya akan dilakukan mengikut prosedur pengurusan stor. Peralatan tersebut memerlukan ruangan yang besar untuk tujuan penyimpanan kerana proses sebut harga bagi perolehan BPPB hanya dilakukan beberapa siri mengikut kedudukan kewangan PTJ. Bagaimanapun proses sebut harga bagi BPPB telah dicadangkan untuk dilakukan sekali dalam tempoh 3 bulan. Bagi memastikan perkara ini tidak berulang, kursus pengurusan stor untuk semua staf terlibat akan dilaksanakan. Selain itu, pasukan dalam proses menyediakan rolling cabinet bagi memaksimumkan ruangan stor sedia ada.</p>	
<p><b>16.5.8.</b></p>	<p><b>Penyenggaraan Peralatan</b></p> <p>Penyenggaraan bagi peralatan perubatan Kementerian Pertahanan dilakukan oleh sebuah syarikat konsesi yang telah dilantik oleh Kementerian sejak tahun 2003 dan telah diperbaharui beberapa kali sehingga tamat pada 24 Januari 2012. Selepas tarikh tersebut, penyenggaraan peralatan hospital dibuat oleh pembekal bagi peralatan yang masih di dalam tempoh jaminan. Bagi peralatan yang memerlukan pembaikan atau telah tamat tempoh jaminan tetapi memerlukan penyenggaraan berkala, HAT melantik sama ada pembekal yang sama atau syarikat lain untuk melaksanakan kerja pembaikan/penyenggaraan. HAT Terendak dan Lumut telah membelanjakan peruntukan sedia ada berjumlah RM3.02 juta bagi menampung kos penyenggaraan peralatan perubatan bagi tempoh tahun 2012 hingga April 2013. Namun sehingga tarikh lawatan Audit, pihak Kementerian masih belum menandatangani kontrak dengan mana-mana syarikat bagi tujuan menyenggara dan membuat pembaikan peralatan perubatan di hospital ATM.</p> <p>Pada pendapat Audit, kontrak penyenggaraan peralatan perubatan perlu disegerakan bagi membolehkan penyenggaraan dilakukan mengikut jadual dan pembaikan peralatan dibuat dengan segera. Ini akan dapat menjamin peralatan perubatan HAT sentiasa dalam keadaan yang baik.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Pertahanan Yang Diterima Pada 31 Disember 2013 dan 14 Februari 2014</p>	<p>Maklum balas bertarikh 14 Februari 2014 adalah yang terkini dilaporkan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Kementerian telah memuktamadkan tender penyenggaraan peralatan perubatan dan satu kontrak telah diwujudkan dengan Syarikat Chulia pada 10 Disember 2013 di mana kontrak ini berkuat kuasa selama 3 tahun bermula pada 1 Februari 2014.	
16.5.9.1.	<p><b>Makmal Patologi</b></p> <p>Semakan Audit mendapati makmal HAT Wilayah Kota Kinabalu tidak disediakan dengan lekapan dan lengkapan (<i>Fixture and Fitting</i>) yang bersesuaian. Didapati peralatan diletakkan di atas meja pejabat dan meja <i>banquette</i> yang diperbuat daripada serbuk kayu dimampatkan yang tidak sesuai untuk kegunaan di makmal. Selain itu, saluran singki juga telah disediakan untuk binaan meja makmal khusus tetapi disebabkan makmal tidak dibekalkan dengan meja dan singki yang bersesuaian, saluran tersebut terdedah dan boleh membahayakan pekerja makmal.</p>	Maklum balas bertarikh 14 Februari 2014 adalah yang terkini dilaporkan.
16.5.9.2.	<p><b>Makmal Pergigian</b></p> <p>Semakan Audit di makmal pergigian mendapati peralatan diletakkan di atas <i>table top</i> yang rendah dan tidak bersesuaian untuk menempatkan peralatan makmal. Manakala penyedut udara (<i>exhaust fan</i>) tidak dapat digunakan kerana dipasang di tempat yang tiada punca kuasa elektrik.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Pertahanan Yang Diterima Pada 31 Disember 2013 dan 14 Februari 2014</p> <p>Kementerian akur dengan teguran bahawa HAT Wilayah Kota Kinabalu tidak disediakan dengan lekapan dan lengkapan yang bersesuaian di Makmal Patologi. Satu rancangan peningkatan lekapan dan lengkapan telah dimasukkan dalam rancangan kerja senggaraan tahun 2014. Permohonan telah dibuat kepada Pakar Patologi HAT Lumut untuk datang menilai dan memberikan khidmat nasihat bagi peningkatan perkhidmatan makmal perubatan kerana HAT Wilayah Kota Kinabalu tiada kepakaran tersebut. Peruntukan juga telah dimohon untuk pembelian peralatan baru. Rancangan peningkatan lekapan dan lengkapan untuk Makmal Pergigian juga telah dimasukkan dalam rancangan kerja senggaraan tahun 2014.</p>	Maklum balas bertarikh 14 Februari 2014 adalah yang terkini dilaporkan.
16.5.10.	<p><b>Kerosakan Peralatan Disebabkan Bekalan Elektrik Tidak Stabil</b></p> <p>HAT Terendak mula beroperasi pada tahun 1970 dan merupakan bahagian yang terakhir menerima bekalan elektrik daripada grid elektrik utama yang disalurkan ke Kem Terendak. Akibat daripada bekalan elektrik yang diterima tidak stabil, sebahagian peralatan kolam Hydroterapi di Jabatan Fisioterapi telah mengalami</p>	Maklum balas bertarikh 14 Februari 2014 adalah yang terkini dilaporkan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>kerusakan. Kesan daripada itu, kandungan klorin di dalam air berlebihan menyebabkan pelantar <i>stainless steel</i> berkarat. Pihak JKR telah diminta untuk menilai keperluan dan masalah yang dihadapi di HAT Terendak ini. Hasil penilaian yang dilakukan, HAT Terendak telah disarankan oleh pihak JKR agar membina pencawang elektrik tambahan, memasang jana kuasa tunggu sedia yang baru dan menggantikan kabel bawah tanah dengan kos keseluruhan dianggarkan berjumlah RM1.96 juta.</p> <p>Pada pendapat Audit, Kementerian hendaklah mengambil tindakan sewajarnya mengikut syor pihak JKR bagi meningkatkan keupayaan tenaga elektrik di HAT Terendak.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Pertahanan Yang Diterima Pada 31 Disember 2013</p> <p>Kementerian akur tentang keperluan untuk mewujudkan pencawang elektrik tambahan dan memasang jana kuasa tunggu sedia yang baru serta menggantikan kabel bawah tanah yang telah dicadangkan oleh pihak JKR dengan kos RM1.96 juta agar HAT Terendak dapat beroperasi tanpa sebarang gangguan elektrik. Memandangkan peruntukan ini di bawah OS32000, MK ATM - BPKP akan dilantik sebagai pengurus proses. HAT Terendak telah mendapatkan spesifikasi kerja dan anggaran kos daripada JKR. Seterusnya BPK telah memajukan permohonan HAT Terendak kepada MK ATM untuk tindakan selanjutnya.</p>	

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 1 TAHUN 2013**

**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

**Jabatan Sukarelawan Malaysia**

**Perenggan 17 : Pengurusan Anggota Pasukan Sukarelawan Malaysia**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
17.5.3.2.a	<p><b>Sistem MyRELA</b></p> <p>Sistem MyRELA dibangunkan pada bulan Januari 2012 dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat KDN dan MAMPU. MyRELA dibangunkan melalui Fasa I dan II. Fasa I mengandungi modul Mengurus Keanggotaan Ahli Biasa, Mengurus Keanggotaan Ahli Kehormat dan Menyelenggara Platun. Fasa I siap dibangunkan pada akhir tahun 2012. Sistem ini membolehkan IPRM, PRN, PRD dan Pusat Latihan RELA melakukan proses yang melibatkan modul di atas. Semakan Audit mendapati sistem MyRELA telah berjaya dilaksanakan di Ibu Pejabat dan semua pejabat RELA.</p>	<p>Pembangunan Sistem MyRELA yang dibangunkan oleh Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat, Kementerian Dalam Negeri melibatkan dua fasa.</p> <p>Fasa I Sistem MyRELA yang melibatkan Modul Keanggotaan Ahli Biasa, Keanggotaan Ahli Kehormat dan Menyelenggara Platun telah siap dan sudah mula digunakan pada 1 Januari 2013.</p>
17.5.3.2.b	<p>Fasa II Sistem MyRELA mengandungi modul Mengendalikan Kursus, Mengurus Penugasan, Mengendalikan Aduan Berkaitan Ahli, Pembekalan Uniform (Logistik) Dan Penyelenggaraan Senjata Api. Semakan Audit mendapati Fasa II telah mula dibangunkan dengan modul Mengendalikan Kursus dan Mengurus Penugasan pada bulan Julai 2013.</p> <p>Pada pendapat Audit, apabila sesuatu sistem perkomputeran dibangunkan dan telah ditauliahkan, setiap modul yang terdapat di dalam sistem berkenaan seharusnya diguna pakai supaya objektif pembangunan modul berkenaan dapat dicapai. Selain itu, pembangunan modul untuk mengurus penugasan di bawah MyRELA Fasa II seharusnya diberi perhatian utama oleh pihak RELA. Dengan pelaksanaan modul penugasan, maklumat berkenaan anggota RELA yang bertugas sama ada dalam operasi dan kemasyarakatan dapat dikunci masuk ke dalam sistem MyRELA. Laporan penugasan harian/bulanan yang dijana akan dapat meningkatkan pemantauan operasi yang dijalankan oleh anggota RELA dan menentukan status anggota yang aktif.</p> <p>Maklum Balas Ibu Pejabat RELA Yang Diterima Pada 6 Februari 2014</p>	<p>Fasa II Sistem MyRELA yang melibatkan Modul Latihan telah siap dibangunkan dan latihan penggunaan sistem kepada pegawai RELA sedang dilaksanakan. Penggunaan sepenuhnya akan bermula pada Mac 2014 di semua Pejabat RELA seluruh negara.</p> <p>Fasa II Sistem MyRELA yang lain iaitu Modul Penugasan, Aduan Berkaitan Ahli, Pembekalan Uniform dan Penyelenggaraan Senjata Api dikaji semula memandangkan terdapat perubahan terhadap <i>Standard Operating Procedure</i> (SOP) modul tersebut.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Fasa II pembangunan sistem MyRELA sedang dibangunkan oleh Bahagian IT, KDN akan dilaksanakan secara berperingkat mengikut modul. Modul Latihan yang merupakan salah satu modul di dalam Fasa II sistem MyRELA sudah disiapkan dan dijangka akan mula digunakan pada pertengahan bulan Februari 2014.	
<b>17.5.4.2.c</b>	<p><b>Latihan Kepada Anggota RELA</b></p> <p>Daripada 448 kursus yang dirancang bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013 hanya 216 (48.2%) kursus yang telah berjaya dilaksanakan. Ini menunjukkan lebih separuh (51.8%) kursus yang dirancang tidak dapat dilaksanakan. Bagaimanapun, perancangan berdasarkan takwim tahunan tidak dijadikan sasaran wajib Jabatan kerana kekangan peruntukan yang diluluskan.</p>	<p>Kursus yang dirancang berdasarkan takwim tahunan kursus/latihan Jabatan Sukarelawan Malaysia tidak dapat dijalankan sepenuhnya disebabkan oleh peruntukan yang telah diluluskan untuk kursus tidak mencukupi untuk menampung kos pengendalian kursus yang telah dirancang.</p> <p>Bagi tahun 2014, pihak RELA merancang untuk mengendalikan Kursus Pengenalan RELA kepada 50,000 anggota di seluruh negara. Untuk mengurangkan masalah peruntukan kewangan, pihak RELA telah mengambil inisiatif mengadakan Kursus Pengenalan di semua 156 daerah.</p>
<b>17.5.4.2.e</b>	Dari tahun 2011 hingga bulan September 2013, seramai 31,171 anggota telah menghadiri kursus di 4 PLRW dan di RELA Negeri Sarawak berbanding dengan jumlah anggota baru bagi 4 PRN yang dilawati adalah seramai 445,104 anggota. Dengan ini, masih terdapat ramai anggota yang belum menghadiri kursus.	Sehingga bulan Disember 2013, keanggotaan RELA direkodkan berjumlah 2.81 juta orang. Dengan hanya 4 Pusat Latihan yang ada dan kapasiti 250 orang bagi setiap kali kursus, kajian telah dibuat hanya dalam tahun 2035 dijangka semuanya dapat dilatih. Kekangan kewangan juga kritikal untuk membina pusat latihan tambahan dan tidak dapat dibuat kerana peruntukan pembangunan RELA dalam RMK-10 adalah RM'0'.
<b>17.5.4.3.b</b>	<p><b>Taklimat Pengenalan RELA</b></p> <p>Semakan Audit di Pejabat RELA Negeri yang dilawati mendapati ramai anggota RELA yang belum menghadiri Sesi Taklimat Pengenalan RELA.</p>	Bermula pada 1 Januari 2014, semua anggota RELA yang terlibat dalam penugasan adalah dipilih daripada anggota RELA yang telah menghadiri sekurang-kurangnya Kursus Pengenalan RELA.
<b>17.5.4.3.c</b>	Dari tahun 2011 hingga bulan September 2013, sebanyak 445,104 anggota baru telah berdaftar di PRN Sarawak, Kelantan, Selangor dan Perak. PRN Selangor mempunyai bilangan anggota baru berdaftar paling ramai iaitu 201,810 anggota diikuti oleh Perak (160,841 anggota), Sarawak (61,267 anggota) dan Kelantan (21,186 anggota). Daripada jumlah keseluruhan anggota baru seramai 445,104 hanya 46,470 (10.4%) anggota telah diberi Sesi Taklimat Pengenalan RELA. Ini menunjukkan masih ramai anggota yang baru berdaftar belum diberi Sesi Taklimat Pengenalan RELA. Daripada bilangan anggota yang belum diberi Sesi Taklimat Pengenalan RELA, pihak Audit tidak dapat memastikan sama ada mereka telah diberi tugas ataupun belum memandangkan tiada daftar diselenggara bagi merekodkan Sesi Taklimat Pengenalan RELA/kursus yang dihadiri oleh setiap	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>anggota tersebut dan maklumat berkaitan anggota yang telah diberi penugasan juga tidak dikunci masuk dalam sistem pengkomputeran.</p>	
<p><b>17.5.4.3.d</b></p>	<p>Analisis Audit menunjukkan bagi PRD Kuching Selatan bilangan anggota yang telah menghadiri Sesi Taklimat Pengenalan RELA bagi tempoh tersebut adalah seramai 240 (8.5%) daripada 2,840 anggota baru, PRD Kota Bharu 106 (4.8%) daripada 2,200 anggota baru, PRD Klang 400 (1.6%) daripada 25,519 anggota baru, PRD Kuala Selangor 965 (234.8%) daripada 411 anggota baru dan PRD Kinta Utara 1,600 (8.2%) daripada 19,508 anggota baru. PRD Kuala Selangor mencatatkan bilangan anggota yang menghadiri Sesi Taklimat Pengenalan RELA melebihi daripada bilangan anggota yang berdaftar bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013 tersebut. Ini kerana ianya melibatkan anggota yang berdaftar sebelum tahun 2011.</p> <p>Pada pendapat Audit, bagi memastikan semua anggota RELA yang telah diluluskan pendaftaran dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan baik dan berkesan, pihak RELA perlu menambah bilangan Sesi Taklimat Pengenalan RELA kepada anggota RELA yang baru berdaftar sebelum mereka diberi tugas. Ia bertujuan bagi memberi kefahaman yang menyeluruh kepada seseorang anggota baru tentang fungsi dan peranan RELA dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat. Ia seterusnya menaikkan imej RELA sebagai sebuah Jabatan yang mempunyai anggota berkebolehan, cekap, amanah dan berkemampuan tinggi dalam menjalankan tugas. Daftar maklumat bagi anggota yang telah diberi latihan juga perlu diselenggarakan dan keperluan maklumat ini perlu diambil kira dalam pembangunan Fasa II sistem MyRELA supaya pemantauan terhadap status latihan/taklimat pengenalan kepada anggota dapat dilaksanakan dengan berkesan. Selain itu, bagi membolehkan latihan dan taklimat dapat diadakan, peruntukan yang mencukupi perlu disediakan oleh Kementerian/RELA.</p> <p>Maklum Balas Ibu Pejabat RELA Yang Diterima Pada 6 Februari 2014</p> <p>Nama Sesi Taklimat Pengenalan RELA ditukarkan kepada Kursus Pengenalan RELA yang akan berkuat kuasa pada 1 Januari 2014. Kursus Pengenalan RELA merupakan kursus yang dijalankan khas untuk anggota RELA yang baru dan memberi kefahaman asas mengenai peranan, fungsi dan tanggungjawab pasukan RELA. Kursus ini akan dilaksanakan di 156 daerah yang melibatkan 50,000 anggota RELA sepanjang tahun 2014. Rekod maklumat latihan/kursus bagi anggota akan dimasukkan ke dalam sistem MyRELA selepas pelaksanaan Fasa II selesai. Pengurusan Tertinggi RELA sentiasa mengambil perhatian terhadap latihan kepada anggota RELA bagi melahirkan anggota RELA yang berkebolehan, cekap, amanah dan berkemampuan tinggi dalam melaksanakan tugas.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
17.5.5.2.a	<p><b>Penugasan Dan Operasi RELA - Pengurusan Penugasan</b></p> <p>Semakan Audit mendapati penugasan tetap (operasi) yang dijalankan di negeri dan daerah telah memperolehi surat kelulusan seperti yang dinyatakan dalam Arahan Tetap Ketua Pengarah RELA. Mengikut maklum balas Ibu Pejabat RELA, secara purata seramai 4,265 anggota RELA terlibat dengan penugasan operasi sehari. Antara penugasan operasi yang dijalankan oleh anggota adalah seperti omnipresence sekolah, kawalan keselamatan setempat, operasi bersama PDRM, stesen minyak, kawalan depoh dan bangunan seperti Kompleks KDN, Jabatan Pendaftaran Negara dan Jabatan Imigresen Malaysia. Bagaimanapun, pihak RELA tidak dapat mengemukakan statistik secara keseluruhan bagi penugasan yang telah dilaksanakan bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013 kerana sistem perkomputeran sedia ada belum berkeupayaan untuk menjana laporan berkenaan.</p>	<p>Fasa II Sistem MyRELA yang melibatkan Modul Penugasan sedang dikaji semula memandangkan terdapat perubahan terhadap <i>Standard Operating Procedure</i> (SOP) penugasan anggota.</p> <p>Bahagian Operasi telah menyeragamkan borang permohonan, surat kelulusan dan arahan penugasan bagi kegunaan peringkat negeri dan daerah. Format borang permohonan, kelulusan dan arahan penugasan yang telah diseragamkan telah dihantar ke semua Pengarah RELA Negeri pada 20 Disember 2013 dan berkuatkuasa serta merta. Semua Pengarah RELA Negeri sentiasa membuat pemantauan dan naziran di lokasi penugasan.</p>
17.5.5.2.b	<p><b>Tiada Arahan Penugasan</b></p> <p>Semakan Audit di PRN Selangor dan PRD Klang mendapati tiada arahan penugasan dikeluarkan kepada anggota untuk tugas yang perlu dilaksanakan. Arahan penugasan seharusnya dikeluarkan kepada setiap anggota yang diarahkan untuk bertugas demi menjaga kepentingan mereka. Tanpa arahan bertugas daripada pegawai yang bertanggungjawab, anggota berkenaan mengalami kesukaran membuat tuntutan insurans sekiranya anggota tersebut terbabit dengan kemalangan.</p> <p>Pada pendapat Audit, pihak RELA sepatutnya mewujudkan pangkalan data bagi mengenal pasti anggota yang telah menjalankan penugasan tetap (operasi) dan penugasan kemasyarakatan supaya status anggota sama ada aktif atau tidak dapat dikenal pasti. Laporan mingguan dan bulanan seperti yang ditetapkan dalam peraturan perlu disediakan mengikut jadual supaya statistik keseluruhan perkhidmatan yang telah diberikan oleh anggota RELA dapat dipantau. Selain itu, surat kelulusan dan surat arahan penugasan yang seragam hendaklah disediakan untuk digunakan di semua PRN/PRD.</p> <p>Maklum Balas Ibu Pejabat RELA Yang Diterima Pada 6 Februari 2014</p> <p>Maklumat berkenaan anggota RELA yang bertugas sama ada dalam operasi dan kemasyarakatan merupakan salah satu komponen di dalam Modul Penugasan yang masih lagi dalam kerja pembangunan Fasa II sistem MyRELA.</p> <p>Bahagian Operasi telah menyeragamkan borang permohonan, surat kelulusan dan arahan penugasan bagi kegunaan peringkat negeri dan daerah. Format borang</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	permohonan, kelulusan dan arahan penugasan yang telah diseragamkan telah dihantar ke semua Pengarah RELA Negeri pada 20 Disember 2013.	
<b>17.5.6.2.a</b>	<p><b>Pengurusan Bayaran Elaun Kepada Anggota</b></p> <p>PRD yang dilawati tidak menyatakan kadar bayaran elaun yang sepatutnya dibayar kepada anggota semasa meluluskan permohonan perkhidmatan RELA. Selain itu, PRD Kinta Utara telah menetapkan syarat-syarat lain seperti elaun makan anggota dan cara pembayaran elaun bagi tugas kawalan keselamatan yang dilaksanakan oleh anggota RELA melalui surat dan sebut harga.</p>	Kadar bayaran elaun penugasan anggota adalah berdasarkan kepada surat edaran kenaikan kadar elaun rujukan JPA SARAAN(S)63/155/7 Jld.3(24) bertarikh 4 Julai 2012.
<b>17.5.6.2.b</b>	IPRM dengan kerjasama Bahagian Akaun KDN dan Affin Bank telah melaksanakan kaedah pembayaran elaun kepada anggota dengan mengkreditkan elaun ke akaun anggota. Ini merupakan <i>trial run</i> yang dijalankan bersama-sama Pejabat RELA Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Semua maklumat anggota seperti nama, nombor kad pengenalan, nombor ahli dan nombor akaun bank anggota akan dimuat naik ke dalam sistem Affin Bank. Bank ini akan mengkreditkan elaun tersebut ke dalam akaun anggota. Bagi anggota yang tidak mempunyai akaun bank, bayaran elaun akan dibuat secara tunai. Kaedah ini mula digunakan sepenuhnya untuk bayaran elaun bagi negeri yang diuruskan oleh IPRM mulai bulan April 2013.	Pelaksanaan pembayaran elaun anggota yang bertugas di seluruh Malaysia telah menggunakan <i>Electronic Fund Transfer</i> (EFT) melalui PTJ masing-masing berdasarkan surat arahan AK/KDN:03/9/51(51) bertarikh 24 September 2013 oleh Ketua Akauntan, Kementerian Dalam Negeri. Pihak Ibu Pejabat RELA telah mengarahkan Pengarah RELA Negeri dan Komandan Pusat Latihan RELA melalui surat rujukan RELA99/265/3 Klt.4(42) bertarikh 30 September 2013 untuk menggunakan EFT.
<b>17.5.6.2.c</b>	Setiap tuntutan elaun penugasan anggota RELA akan dikemukakan oleh Pegawai RELA Daerah kepada Pengarah RELA Negeri. PRN pula akan mengemukakan tuntutan tersebut kepada IPRM. Cek bagi bayaran elaun tersebut akan dihantar kepada PRN untuk diagihkan kepada anggota RELA melalui Pegawai RELA Daerah. Semakan Audit di PRN Selangor, Perak dan Kelantan mendapati pihak PRN akan menunaikan cek berkenaan di bank untuk dikreditkan ke dalam akaun anggota. Bagi anggota RELA yang tidak mempunyai akaun bank, elaun akan dibayar secara tunai. Pihak Pengarah RELA Negeri akan membawa baki wang ke PRN untuk diserahkan kepada Pegawai RELA Daerah. Pegawai RELA Daerah pula akan mengagihkannya kepada anggota RELA. Semakan Audit di 4 pejabat PRN yang dilawati mendapati cek bernilai RM41.68 juta telah ditunaikan sebanyak 1,263 kali dalam tempoh tahun 2011 hingga bulan September 2013.	
<b>17.5.6.2.d</b>	<p>Semakan Audit selanjutnya mendapati pihak Pengarah RELA Negeri akan membawa balik baki wang yang tidak dikreditkan ke dalam akaun anggota ke pejabat tanpa kawalan anggota keselamatan seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM) atau syarikat kawalan keselamatan.</p> <p>Pada pendapat Audit, pihak RELA hendaklah memaklumkan kadar elaun yang telah ditetapkan kepada orang awam yang memohon untuk mendapatkan perkhidmatan</p>	



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>kawalan keselamatan. Perkhidmatan yang diberikan dan kadar bayaran elaun yang perlu dibayar juga boleh dipamerkan dalam portal Jabatan. Pihak RELA juga perlu menimbangkan perkhidmatan keselamatan bagi mengiring pegawai yang membawa balik wang dari bank dan elaun yang tidak dapat diagihkan disimpan di dalam peti besi di pejabat PRN/PRD atau di balai polis yang berdekatan. Selain itu, pihak RELA hendaklah menggalakkan setiap anggota RELA mempunyai akaun bank bagi memudahkan pembayaran elaun khususnya mereka yang menjalankan penugasan secara tetap.</p> <p>Maklum Balas Ibu Pejabat RELA Yang Diterima Pada 6 Februari 2014</p> <p>Pihak pengurusan tertinggi RELA telah mengeluarkan surat arahan berkenaan pengurusan wang tunai dari bank untuk urusan bayaran kepada semua Pengarah RELA Negeri dan Komandan Pusat Latihan RELA pada 26 Jun 2008. Arahan tersebut jelas menerangkan prosedur mengurus pengambilan wang tunai di bank. Kandungan surat arahan berkenaan antaranya menetapkan pengurusan wang tunai dari bank untuk urusan bayaran hendaklah diuruskan dengan mengambil langkah-langkah keselamatan yang secukupnya iaitu sekurang-kurangnya 2 orang pegawai menguruskan pengambilan wang tunai di bank; sediakan pegawai pengiring yang memiliki senjata api; wang tunai hendaklah diselesaikan bayaran segera pada hari yang sama wang diambil dari bank; Pengarah RELA Negeri atau Komandan hendaklah memantau urusan pembayaran dan memastikan pelaksanaan dan tindakan dibuat dengan teratur.</p> <p>Hasil daripada teguran Audit, pihak RELA telah mengeluarkan surat arahan kepada semua negeri supaya pembayaran elaun RELA mematuhi kadar elaun yang ditetapkan oleh JPA bertarikh 4 Julai 2012.</p> <p>Bermula pada tahun 2013, sebagai langkah penambahbaikan pengurusan pembayaran elaun kepada anggota, pihak RELA telah meningkatkan penggunaan kaedah pembayaran secara <i>Electronic Fund Transfer</i> (EFT) elaun anggota yang terlibat dengan penugasan. Walaubagaimanapun, bagi kes-kes tertentu seperti anggota RELA yang tinggal di kawasan pedalaman dan tidak mempunyai kemudahan bank, pihak RELA terpaksa membuat pembayaran secara tunai. Namun demikian, pembayaran elaun ini akan mengikut peraturan kewangan yang telah ditetapkan.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
17.5.7.1.a	<p><b>Pembekalan Pakaian Seragam</b></p> <p>Semakan Audit mendapati pengurusan perolehan pakaian seragam adalah teratur kecuali bagi 2 kontrak melibatkan pembekalan 150,000 <i>combat boot</i> di bawah tender KDN/PL 93/2012-PA. Tender bagi pembekalan 150,000 unit kasut (<i>combat boot</i>) telah dibuka pada 9 Julai 2012 sehingga 30 Julai 2012. Terdapat 12 syarikat mengemukakan tawaran dan 8 daripadanya adalah syarikat yang disenaraikan di bawah Kontrak Panel. Mengikut Pekeliling Kontrak Perbendaharaan berkenaan Kontrak Pusat Sistem Panel Bagi Perolehan Kasut Kulit yang berkuat kuasa, bagi had nilai perolehan melebihi RM500, 000 setahun atau dalam satu kontrak, kaedah perolehan adalah melalui sebut harga di kalangan syarikat panel pembekal dan pihak berkuasa yang meluluskan adalah Lembaga Perolehan Agensi.</p>	<p>Kementerian Dalam Negeri telah menubuhkan Jawatankuasa Siasatan di bawah Arahan Perbendaharaan (AP)59 bagi Perolehan Pembekalan 150,000 unit <i>combat boot</i> untuk RELA berjumlah RM17,227,000.00. Jawatankuasa Siasatan telah menjalankan siasatan yang pertama pada 19 Februari 2013.</p>
17.5.7.1.b	<p>Jawatan kuasa Penilaian yang dilantik bagi penilaian tender terbuka ini telah meluluskan dan mengesyorkan 5 petender. Manakala Jawatankuasa Penilaian Harga pula mengesyorkan agar petender yang menawarkan harga terendah dan munasabah serta lulus penilaian teknikal dipertimbangkan oleh Lembaga Perolehan B, KDN. Setelah mengambil kira syor dan perakuan Jawatankuasa Penilaian Teknikal, harga terendah yang ditawarkan petender adalah RM16.20 juta (RM108.00 sepasang) dan tertinggi RM19.67 juta (RM131.10 sepasang). Bagaimanapun, disebabkan petender harga yang terendah menghantar 2 sampel untuk satu tender yang sama dengan nama syarikat yang sama adalah tidak adil dan wajar, maka urus setia Lembaga Perolehan B, KDN mencadangkan supaya petender berkenaan tidak dipertimbangkan untuk pembekalan <i>combat boot</i> RELA. Dengan itu, urus setia telah mencadangkan agar tawaran kedua terendah iaitu RM115 sepasang dan ketiga terendah RM120 sepasang dipertimbangkan oleh Lembaga Perolehan. Urus setia juga mengesyorkan supaya mesyuarat penyelarasan harga perlu diadakan bagi menyelaraskan harga ke paras termurah iaitu RM115 sepasang.</p>	
17.5.7.1.c	<p>Semakan Audit mendapati Lembaga Perolehan B, KDN yang bersidang pada 6 Disember 2012 telah membuat keputusan agar tawaran Syarikat Mariwasa Kraftangan Sdn. Bhd. (petender kedua terendah - RM115 sepasang) dan SUPB Industries Sdn. Bhd. (petender dengan harga tawaran tertinggi - RM131.10 sepasang) bernilai RM17,250,000 diperakukan. Manakala Lembaga Perolehan B, KDN yang bersidang pada 13 Disember 2012 pula telah bersetuju dengan syor urus setia Lembaga Perolehan supaya pembekalan <i>combat boot</i> ditawarkan kepada kedua-dua syarikat tersebut di atas dengan nilai kontrak RM8,613,500 (RM123.05 sepasang) bagi tempoh satu tahun. Dalam Kertas Maklum Balas Lembaga Perolehan B, KDN yang bersidang pada 13 Disember 2012, perenggan 2.2.3 ada menyatakan bahawa Syarikat Mariwasa Kraftangan Sdn. Bhd. memaklumkan bahawa pembekalan bagi 150,000 pasang boleh dilaksanakan selawat-lewatnya</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	pada 28 Februari 2013 dengan harga RM115 sepasang. Berdasarkan semakan ke atas dokumen yang dikemukakan untuk pengesahan Audit, harga RM123.05 sepasang adalah harga purata RM115 sepasang yang ditawarkan oleh Syarikat Mariwasa Kraftangan Sdn. Bhd. dan harga RM131.10 sepasang yang ditawarkan oleh SUPB Industries Sdn. Bhd.	
17.5.7.1.d	Surat setuju terima bagi kedua-dua syarikat yang berjaya telah dikeluarkan pada 14 Disember 2012. Perjanjian kontrak telah dihantar kepada Syarikat Mariwasa Kraftangan Sdn. Bhd. dan SUPB Industries Sdn. Bhd. masing-masing pada 18 Mac 2013. Kedua-dua syarikat telah mengembalikan dokumen kontrak pada 2 April 2013 dan 29 Mac 2013 serta bon pelaksanaan juga telah disempurnakan. Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 (Tatacara Pengurusan Perolehan Kerajaan Secara Tender) kontrak hendaklah ditandatangani dalam tempoh 4 bulan selepas Surat Setuju Terima dikeluarkan. Bagaimanapun, dokumen perjanjian hanya dikemukakan kepada Setiausaha Bahagian Perolehan pada 30 Oktober 2013 untuk ditandatangani. Semakan Audit mendapati dokumen perjanjian telah ditandatangani tetapi tarikh ditandatangani tidak dinyatakan dan belum dimatikan setem sehingga 4 November 2013 sedangkan pembekalan telah diterima dan bayaran penuh telah dibuat.	
17.5.7.1.e	Pihak KDN telah mengemukakan permohonan rayuan kepada Perbendaharaan Malaysia melalui surat bertarikh 14 Februari 2013 dan 16 Mei 2013 bagi pembekalan 150,000 unit <i>combat boot</i> boleh dilakukan di luar Kontrak Panel. Bagaimanapun, Perbendaharaan Malaysia telah menolak permohonan tersebut melalui surat bertarikh 26 Mac 2013 dan 31 Julai 2013 kerana perolehan dibuat bukan dari Kontrak Panel. Namun, pembayaran ke atas bekalan oleh Syarikat Mariwasa Kraftangan Sdn. Bhd. tetap diteruskan pada 12 Mac 2013 dan selesai dibayar pada 16 April 2013. Manakala pembayaran pembekalan kepada Syarikat SUPB Industries Sdn. Bhd. telah dibuat pada 21 Februari 2013 dan selesai dibayar pada 15 Mei 2013. Semakan Audit selanjutnya mendapati pembayaran dilakukan menggunakan peruntukan semasa RELA dan bukan diurus di bawah Arahan Perbendaharaan 59 seperti yang diarahkan oleh Perbendaharaan Malaysia.	
17.5.7.1.f	<p>Semakan Audit mendapati penghantaran <i>combat boot</i> oleh Syarikat Mariwasa Kraftangan Sdn. Bhd. telah dilaksanakan pada bulan Februari dan Mac 2013. Manakala penghantaran <i>combat boot</i> oleh Syarikat SUPB Industries Sdn. Bhd. telah dilaksanakan pada akhir bulan Disember 2012 hingga bulan Mac 2013.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan perolehan bagi 150,000 <i>combat boot</i> adalah tidak teratur dan tidak menjaga kepentingan Kerajaan serta tidak mendapat <i>best value for money</i>. Tindakan tegas perlu diambil terhadap pegawai yang bertanggungjawab</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>kerana ketidakpatuhan kepada peraturan kewangan dan mengakibatkan Kerajaan terpaksa membayar lebih daripada yang sepatutnya.</p> <p>Maklum Balas Ibu Pejabat RELA Yang Diterima Pada 29 Januari 2014</p> <p>Tender yang dibuka pada 9 Julai 2012 dan ditutup pada 30 Julai 2012 telah diiklankan di surat khabar Utusan Malaysia dan secara atas talian melalui sistem ePerolehan. Taraf petender telah diklasifikasikan sebagai Panel (Pembuat) menggunakan kod bidang 020899. Bagaimanapun, berdasarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 2008 yang menyarankan agar tender dilaksanakan melalui sistem ePerolehan, sistem didapati tidak dapat menyenarai pendek petender bertaraf panel pembuat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah sistem panel barangan berasaskan kulit (Pekeliling Kontrak Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 2013). Seharusnya nama syarikat diteliti atau diasingkan mengikut senarai syarikat panel.</p> <p>Perkara ini hanya disedari selepas pemeriksaan Audit Dalam. Dengan itu, rayuan hanya dikemukakan setelah Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan, setelah pembekalan dibuat dan setelah pembayaran disempurnakan.</p> <p>Harga yang dicadangkan oleh Urus Setia seperti dalam Kertas Taklimat Tender pada 6 Disember 2012 adalah menerima harga termurah iaitu RM115.00 sepasang. Mesyuarat Lembaga Perolehan B berpandangan jika syarikat tidak bersetuju untuk menerima harga termurah, maka harga purata RM123.05 sepasang akan digunakan.</p> <p>Berdasarkan mesyuarat niat yang diadakan pada 11 Disember 2012, Mariwasa Kraftangan Sdn.Bhd. bersetuju dengan harga RM115.00 sepasang jika pembekalan adalah 150,000 pasang, namun pembekalan adalah 70,000 pasang. Syarikat SUPB Industries Sdn. Bhd. tidak bersetuju dengan harga yang lebih rendah maka harga RM123.05 sepasang digunakan bagi menyelaraskan harga (<i>Win-Win Situation</i>) kepada kedua-dua syarikat dengan mengambil kira harga yang berbeza kerana pengurangan kuantiti, kos kerja lebih masa, kos bahan mentah dan lain-lain kos yang terlibat kerana penghantaran perlu dilaksanakan secara berperingkat dalam tempoh 17 hari dari tarikh Surat Setuju Terima dikeluarkan pada 14 Disember 2012 iaitu penghantaran sebelum 31 Disember 2012 atau selewat-lewatnya pada atau 28 Februari 2013.</p> <p>Atas alasan faktor “urgency” dan kerana kehilangan kapasiti dari 150,000 pasang kepada 70,000 pasang, maka kontrak ini diberikan kepada 2 syarikat. Pihak RELA mempunyai keperluan yang sangat mendesak dan kekangan masa yang sangat</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>kritikal untuk membuat persediaan bagi menghadapi Pilihanraya Umum ke-13 yang akan diadakan dalam jangka waktu ketika itu.</p> <p>Lembaga Perolehan B telah memperakukan untuk diberi kepada 2 syarikat bagi menjamin barang boleh disiapkan sekiranya berlaku insiden yang tidak diingini jika salah satu syarikat menarik diri dari pembekalan. Mariwasa Kraftangan Sdn. Bhd, boleh membuat pembekalan sebanyak 150,000 pasang selewat-lewatnya pada 28 Februari 2013 namun dengan harga RM115.00 sepasang.</p> <p>Dengan itu, mesyuarat surat niat yang diadakan pada 11 Disember 2012 dibuat dengan tujuan untuk menyelaraskan harga dan pembekalan. Tempoh penyerahan oleh syarikat seperti mana dalam dokumen tender adalah 90 hari (3 bulan).</p> <p>Ini bermakna harga purata RM123.05 sepasang yang telah diperakukan oleh Lembaga Perolehan B adalah memadai/munasabah setelah mengambil kira pengurangan kuantiti dan tempoh penyerahan/ penghantaran yang lebih pendek daripada 90 hari. Syarikat hanya diberikan jangka waktu yang amat singkat iaitu 17 hari dari tarikh SST dikeluarkan untuk membuat pembekalan sebanyak 70,000 pasang kepada RELA.</p> <p>Disebabkan kekangan masa maka harga diselaraskan agar sama bagi kedua-dua syarikat supaya tiada pertikaian di masa hadapan dengan jaminan barang yang diperlukan akan sampai dalam masa terdekat. Tempoh penyerahan oleh syarikat seperti mana dalam dokumen tender adalah 8-12 minggu (3 bulan).</p> <p>Permohonan pengecualian telah dihantar pada 14 Februari 2013 tetapi ditolak oleh Kementerian Kewangan. Rayuan permohonan kelulusan pengecualian perolehan telah dimohon semula kepada Kementerian Kewangan pada 16 Mei 2013 dan ditolak. Pembayaran untuk penghantaran juga telah selesai dibuat secara berperingkat.</p> <p>Ketika permohonan kelulusan pengecualian perolehan sedang dimohon kepada Kementerian Kewangan, pembayaran untuk penghantaran pertama telah selesai. Pembayaran kepada Mariwasa Kraftangan Sdn. Bhd. telah dilakukan secara berperingkat iaitu pada 13 Mac 2013, 29 Mac 2013, 3 April 2013 dan 17 April 2013. Pembayaran kepada SUPB Industries Sdn. Bhd. telah dilakukan secara berperingkat iaitu pada 21 Februari 2013, 27 Februari 2013, 13 Mac 2013, 19 Mac 2013, 29 Mac 2013, 11 April 2013 dan 15 Mei 2013.</p> <p>Perkara ini telah dimaklumkan kepada Bahagian Kewangan, Kementerian Dalam Negeri yang bertanggungjawab menguruskan penubuhan Jawatankuasa Penyiasat</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	dan Jawatankuasa Penyiasat sedang dalam pelantikan/penubuhan.	
17.5.7.2.b	<p><b>Pengagihan Kelengkapan Pakaian Seragam</b></p> <p>Semakan Audit di IPRM mendapati tiada prosedur pengagihan pakaian seragam anggota RELA kepada PRN/PRD mengikut anggota yang telah berdaftar. Kesan daripada tiada prosedur pengagihan ini, berlakunya lambakan pakaian seragam di PRN/PRD serta mengakibatkan tatacara penyimpanan stok pakaian seragam di dalam stor/tempat penyimpanan tidak kemas dan teratur. Terdapat stok pakaian seragam tidak disusun mengikut jenis, diletak di atas lantai, tidak dilabel dan diletakkan di lokasi yang tidak sesuai. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan jumlah pakaian seragam dan baki fizikal yang dihantar dan disimpan di PRN kerana tiada rekod penerimaan dan penyimpanan diselenggarakan.</p>	<p>Pengagihan pakaian seragam anggota RELA ke setiap negeri adalah berdasarkan jumlah keperluan dan keanggotaan ahli RELA di setiap negeri dan Pusat Latihan RELA mengikut format yang telah ditetapkan oleh Ibu Pejabat RELA Malaysia. Pakaian seragam yang telah diterima oleh Pejabat RELA Negeri pula akan diagihkan oleh Pengarah RELA Negeri kepada Pejabat RELA daerah juga mengikut keperluan dan jumlah keanggotaan ahli RELA di daerah tersebut.</p> <p>Semua Pejabat RELA Negeri dan Daerah juga telah mengemaskini rekod stok di Pejabat masing-masing.</p>
17.5.7.3	<p><b>Pegawai Stor Tidak Dilantik Secara Bertulis</b></p> <p>Kesemua pegawai stor di peringkat PRN/PRD yang dilawati tidak diberi surat lantikan secara bertulis kecuali pegawai stor di PRN Kelantan. Tanggungjawab menguruskan stor dinyatakan di dalam Senarai Tugas yang terdapat dalam Fail Meja. Semakan Audit mendapati pegawai yang bertanggungjawab tidak mahir dan tidak terlatih dengan peraturan berkaitan dengan tatacara pengurusan stor yang ditetapkan dalam Pekeliling berkenaan. Perkara ini telah memberi kesan terhadap aspek susun atur, pelabelan stok, penyelenggaraan rekod dan keselamatan stor.</p> <p>Maklum Balas RELA Negeri Perak Yang Diterima Pada 6 Februari 2014</p> <p>Pelabelan stok gagal dibuat oleh PRD Kinta Utara, pihak PRD akan membuat penambahbaikan dari segi pelabelan stok bagi mewujudkan sistem penyimpan stok yang lebih sistematik. Berkenaan ruang penyimpanan yang tidak mencukupi, diakui sememangnya ruang pejabat PRD Kinta Utara agak kecil bagi memuatkan kesemua kelengkapan pejabat dan dijadikan ruang penyimpanan pakaian seragam. Stok baru pakaian yang sampai terpaksa disimpan dalam keadaan berlapis-lapis bagi meminimalkan ruang untuk memuatkan stok yang sedia ada. Dalam keadaan tersebut, pelabelan agak sukar dilakukan yang seterusnya menyebabkan baki fizikal tidak dapat disahkan. Bagaimanapun, segala teguran dari pihak Audit akan diambil sebagai teguran positif dan pihak PRD Kinta Utara akan membuat penambahbaikan sistem tempat penyimpanan pakaian seragam dari semasa ke semasa.</p>	<p>Semua pegawai stor telah dilantik secara bertulis. Pegawai stor yang terlibat juga telah mengikut kursus pengurusan stor. Sebanyak 5 siri kursus telah dilaksanakan sepanjang tahun 2013 iaitu:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Siri 1 - The Emperor Hotel, Melaka pada 20 Mei 2013;</li> <li>ii. Siri 2 - Hotel B-Suite, Pulau Pinang pada 4 Jun 2013;</li> <li>iii. Siri 3 - The Klagan Kota Kinabalu, Sabah pada 18 Ogos 2013;</li> <li>iv. Siri 4 - Felda Residence, Kuala Terengganu, Terengganu pada 9 September 2013; dan</li> <li>v. Siri 5 - RH Hotel, Sibul Sarawak pada 23 September 2013</li> </ol>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
17.5.7.4	<p><b>Dokumen Stor Tidak Mengikut Format Yang Ditetapkan</b></p> <p>Semakan Audit juga mendapati PRN/PRD belum menggunakan dokumen stor seperti yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009. Antaranya adalah penggunaan Borang Terimaan Barang-Barang (Kew.PS-1), Kad kawalan Stok (Kew.PS-3), Kad Petak (Kew.PS-4), Borang Pesanan dan Pengeluaran Stok (Kew.PS-10) dan Borang Permohonan Stok (Kew.PS-11).</p> <p>Maklum Balas RELA Negeri Perak Yang Diterima Pada 6 Februari 2014</p> <p>PRD Kinta Utara telah mula menggunakan Borang Terimaan (KEW.PS-1) dan pelabelan stok menggunakan Kad Petak (KEW.PS-4).</p>	<p>Semua Pejabat RELA telah menggunakan Borang Terimaan Barang-Barang (Kew.PS-1), Kad kawalan Stok (Kew.PS-3), Kad Petak (Kew.PS-4), Borang Pesanan dan Pengeluaran Stok (Kew.PS-10) dan Borang Permohonan Stok (Kew.PS-11).</p>
17.5.7.5.a.i	<p><b>Kaedah Penyimpanan Yang Tidak Bersistematik</b></p> <p>Selain mempunyai ruang stor yang mencukupi, kaedah penyimpanan dan susun atur stok yang baik juga memainkan peranan penting dalam memastikan aktiviti pengurusan stor berjalan dengan lancar, selamat, mudah dan menjimatkan masa. Pemeriksaan Audit terhadap pengurusan stor di PRN/PRD yang dilawati mendapati perkara seperti berikut:-</p> <p>Pihak Audit tidak dapat mengesahkan baki fizikal seperti yang direkodkan oleh pegawai stor disebabkan susun atur stok yang diterima tidak sistematik, sukar untuk menjalankan verifikasi stok dan stor tidak kemas. Maklumat terperinci adalah seperti berikut:-</p> <p>Di PRN Sarawak semakan terhadap KEW.PS-12 (Senarai Pembungkusan) yang bertarikh 2 Mei 2013 didapati sebanyak 4,000 pakaian seragam telah dikeluarkan kepada 2 Ahli Kehormat. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan penerimaan pakaian seragam tersebut kerana dokumen pengesahan penerimaan tidak dapat dikemukakan. Mengikut maklum balas Ibu Pejabat RELA, bukti penerimaan sebanyak 4,000 pakaian seragam oleh 2 ahli kehormat telah dikemukakan yang mana pakaian seragam tersebut diagihkan kepada anggota RELA kawasan Miri dan Lawas.</p> <p>Pada pendapat Audit, selain daripada surat pengesahan penerimaan pakaian seragam oleh ahli kehormat, senarai pengesahan penerimaan pakaian seragam oleh anggota RELA juga perlu disediakan dan disahkan bagi memastikan bahawa pakaian seragam RELA dibekalkan kepada anggota yang sah.</p>	<p>Pihak RELA Negeri Sarawak sedang berusaha mendapatkan senarai penerima pakaian yang telah diagihkan oleh 2 orang Ahli Kehormat terlibat.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Maklum Balas RELA Negeri Perak Yang Diterima Pada 6 Februari 2014</p> <p>Pihak RELA bersetuju dengan teguran Audit berkenaan kaedah pengagihan pakaian seragam ini dan akan mematuhi teguran ini pada masa hadapan.</p>	<p>Pematuhan kepada teguran audit telah dibuat.</p>
17.5.7.5.a.ii	<p>Di PRN Sarawak dan PRD Kuching Selatan didapati ruang stor yang terhad dan keadaan stor tidak teratur. Di PRN Sarawak, ruang stor adalah terhad untuk menempatkan stok pakaian seragam dan aksesori. Oleh itu, PRN Sarawak telah menyewa rumah kedai di Tabuan Jaya, Kuching dengan kos RM49, 950 untuk tempoh 4 bulan bermula 9 April 2013 hingga 9 Ogos 2013. Bagaimanapun, PRN Sarawak telah membuat penambahbaikan di mana stok pakaian seragam dan aksesori telah disusun semula. Di PRD Kuching Selatan, stor penyimpanan barang tidak teratur dan tidak diurus dengan. Dengan keadaan dan susunan stor berkenaan, pemeriksaan fizikal untuk mengesahkan baki fizikal tidak dapat dijalankan.</p>	<p>Kebanyakan Pejabat RELA tidak mempunyai ruang untuk dijadikan stor penyimpanan bekalan logistik. Ini disebabkan oleh ruang Pejabat RELA yang sedia ada terutama Pejabat RELA Daerah mempunyai ruang yang terhad. Pihak RELA juga sentiasa berusaha untuk mendapatkan ruang untuk dijadikan stor.</p>
17.5.7.5.a.iii	<p>Di PRN Kelantan dan PRD Kota Bharu pula didapati stok pakaian seragam dan aksesori ditempatkan di PRD Tumpat dalam satu bilik khas. Keadaan tempat penyimpanan tersebut adalah padat dan tidak teratur sehingga menyukarkan pengeluaran stok. Pemeriksaan fizikal untuk mengesahkan baki fizikal juga tidak dapat dilaksanakan.</p>	
17.5.7.5.a.iv	<p>Di PRN Selangor stok pakaian seragam dan aksesori disimpan di rumah kedai yang dipinjamkan oleh salah seorang anggota RELA untuk dijadikan tempat penyimpanan sementara. Manakala di stor PRD Klang dan Kuala Selangor keadaan stor adalah padat dan tidak teratur. Pemeriksaan fizikal tidak dapat dijalankan dengan keadaan dan susunan stor berkenaan.</p>	<p>Rekod telah dikemaskini.</p>
17.5.7.5.a.v	<p>Stor PRN Perak yang ditempatkan di PRD Lenggong teratur dan tersusun. Namun begitu, ruang penyimpanan sangat terhad dan menyebabkan sebahagian stok pakaian seragam disimpan di bawah tangga. Di PRD Kinta Utara pula didapati stor adalah teratur. Pemeriksaan fizikal mendapati 52 helai seluar dan 9 helai baju berada dalam simpanan. Bagaimanapun, baki berkenaan tidak dapat disahkan kerana tiada rekod diselenggarakan.</p>	<p>PRD Kinta Utara telah mengemaskini baki stok.</p>
17.5.7.5.b	<p>Pemeriksaan Audit juga mendapati masih terdapat baki stok lama pakaian seragam yang tidak diagihkan kepada anggota.</p> <p>Pada pendapat Audit, pihak IPRM perlu memastikan jumlah sebenar pakaian seragam yang diperlukan oleh anggota bagi mengelakkan stok berlebihan dan</p>	<p>Semua stok lama pakaian anggota di stor Ibu Pejabat RELA Malaysia (IPRM) telah diagihkan kepada semua Pejabat RELA Negeri dan Pusat Latihan RELA.</p>



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>menyebabkan stor menjadi sesak dan tidak terurus. Selain itu, arahan pengagihan hendaklah jelas dengan mengagihkan pakaian seragam yang lengkap kepada setiap anggota RELA. Pegawai Stor juga hendaklah diberi latihan mengenai tatacara pengurusan stor.</p> <p>Maklum Balas RELA Negeri Perak Yang Diterima Pada 6 Februari 2014</p> <p>Bekalan pakaian daripada Ibu Pejabat RELA Malaysia yang dikeluarkan tidak sistematik dari segi tarikh pengeluaran. Kesilapan dari pihak kami adalah terlepas pandang terhadap tahun pengeluaran bekalan pakaian tersebut. Sebagai penambahbaikan kami akan memastikan stok yang lama diagihkan dahulu kepada anggota mengikut turutan tarikh pengeluaran.</p> <p>Maklum Balas Ibu Pejabat RELA Yang Diterima Pada 6 Februari 2014</p> <p>Pihak RELA menyedari akan kelemahan pengurusan stor RELA. Bagi memastikan perkara ini diperbaiki dan dibuat penambahbaikan, kursus pengurusan stor kepada pegawai yang bertanggungjawab menguruskan stor telah diadakan. Kursus ini telah diadakan sebanyak 5 siri mengikut zon oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia.</p> <p>Pengagihan stok pakaian adalah secara berperingkat dan mengikut program yang dilaksanakan. Pihak RELA telah membuat permohonan untuk menyewa ruang stor penyimpanan kelengkapan pakaian seragam bagi stor RELA Negeri Perak tetapi tidak diluluskan oleh Kementerian Kewangan.</p>	
17.5.8.1	<p><b>Pengurusan Insurans Anggota RELA</b></p> <p>Sehingga bulan September 2013, KDN telah menandatangani 3 kontrak perlindungan insurans anggota RELA.</p>	<p>Sehingga 20 Februari 2014 sebanyak 79 kes daripada 120 kes tuntutan insuran tertunggak telah diselesaikan. Oleh yang demikian status terkini kes tuntutan yang tertunggak adalah 41 kes masih dalam tindakan siasatan.</p>
17.5.8.2	<p>Bagi perlindungan insurans dengan Syarikat Takaful Malaysia Berhad, insurans ini melibatkan perlindungan 24 jam yang disebabkan oleh keganasan, kemalangan luaran dan yang tidak dapat dilihat yang menjadi satu-satunya dan secara langsung menyebabkan kematian atau ketidakupayaan dan manfaat tambahan. Manakala perlindungan insurans dengan MAA Takaful Berhad adalah tertakluk kepada perlindungan kemalangan diri kepada anggota yang sedang bertugas.</p>	<p>Pengemaskinian maklumat tuntutan sentiasa dilaksanakan bagi memastikan syarikat insurans menyelesaikan masalah kes tuntutan insurans yang tertunggak. Perbincangan dua hala antara syarikat-syarikat insurans yang berkaitan dengan pihak RELA juga sentiasa dilakukan bagi memastikan terdapat perkembangan terhadap proses pembayaran insurans yang tertunggak.</p>
17.5.8.3	<p>Semakan Audit mendapati setelah kontrak KDN/PL/RELA/1/2011 tamat tempohnya pada 31 Mac 2012, tiada perjanjian baru dibuat dengan mana-mana syarikat insurans. Dalam tempoh ini, segala tuntutan dan bayaran berkaitan kemalangan</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>anggota RELA diuruskan dengan menggunakan peruntukan Kementerian Dalam Negeri. Sebanyak 106 kes anggota meninggal dunia dan 159 kes perbelanjaan perubatan berjumlah RM1.64 juta telah dibayar bagi tempoh 1 April 2012 hingga 4 September 2012.</p>	
<p><b>17.5.8.4</b></p>	<p>Bagi tempoh tahun 2011 hingga bulan September 2013, sejumlah RM7.37 juta pampasan insurans telah dibayar kepada anggota.</p>	
<p><b>17.5.8.5</b></p>	<p>Semakan Audit selanjutnya mendapati sebanyak 120 kes tuntutan yang belum selesai iaitu 29, 55 dan 36 kes bagi tahun 2011, 2012 dan 2013 (setakat bulan September 2013) masih dalam proses penyemakan syarikat insurans.</p>	
<p><b>17.5.8.6</b></p>	<p>Mengikut Cawangan Hal Ehwal Pasukan, Bahagian Pembangunan Pasukan dan Penyelidikan IPRM, sebab kes tuntutan belum selesai adalah seperti berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. dokumen sokongan yang dikemukakan adalah tidak lengkap;</li> <li>ii. anggota mengalami kesukaran melengkapkan dokumen sokongan;</li> <li>iii. kes masih dalam siasatan dan perlu dikenal pasti oleh pihak insurans;</li> <li>iv. kes telah menerima surat tawaran dan menunggu cek dari pihak insurans; dan</li> <li>v. kes yang telah lama ditolak dan dibuka semula bagi mengenal pasti masalah.</li> </ol> <p>Maklum Balas Ibu Pejabat RELA Yang Diterima Pada 6 Februari 2014</p> <p>Pengemaskinian maklumat tuntutan sentiasa dilaksanakan bagi memastikan syarikat insurans menyelesaikan masalah kes tuntutan insurans yang tertunggak. Perbincangan dua hala antara syarikat-syarikat insurans yang berkaitan dengan pihak RELA juga sentiasa dilakukan bagi memastikan terdapat perkembangan terhadap proses pembayaran insurans yang tertunggak.</p> <p>Pada pendapat Audit, pihak pengurusan RELA hendaklah sentiasa memantau perkembangan tuntutan insurans khususnya kes tuntutan yang telah melebihi satu tahun dengan syarikat insurans berkaitan supaya kebajikan anggota RELA terjamin.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
17.5.9.2	<p><b>Jawatankuasa Penyiasatan Salah Laku Anggota RELA (JPSAR) Tidak Ditubuhkan</b></p> <p>Semakan Audit mendapati JPSAR tidak ditubuhkan di peringkat IPRM untuk menyiasat sesuatu aduan berkenaan salah laku anggota. Dengan ini segala pengurusan aduan dan siasatan yang telah diuruskan di peringkat IPRM dan PRN tanpa pemantauan jawatankuasa yang telah ditetapkan.</p>	<p>Unit Integriti telah ditubuhkan secara pentadbiran pada 2 Februari 2014. Unit ini mengambil alih semua kes salah laku anggota RELA untuk siasatan dan tindakan segera.</p>
17.5.9.3.a.iv	<p><b>Aduan Di Peringkat IPRM Dan PRN - Peringkat IPRM</b></p> <p>Analisis juga mendapati sebanyak 200 (90.5%) aduan telah diselesaikan dalam tempoh 15 hari, manakala sebanyak 21 (9.5%) aduan telah diselesaikan lebih daripada 15 hari. Tempoh aduan yang diselesaikan melebihi 15 hari ini adalah tidak mematuhi Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 1 Tahun 2001. Daripada 21 aduan yang telah diselesaikan melebihi 15 hari, pihak Audit mendapati 3 aduan telah diselesaikan lebih daripada 30 hari. Mengikut perkara 6, Arahan Tetap Ketua Pengarah RELA Bil. 01/2013 ATKP/GEN/01/13 (Garis Panduan Prosedur Penyiasatan Salah Laku Anggota Pasukan Sukarelawan Malaysia) pengurusan aduan melebihi tempoh 30 hari adalah dibenarkan. Bagaimanapun, lanjutan tempoh masa tersebut perlu mendapat kelulusan Ketua Pengarah. Semakan Audit selanjutnya mendapati tiada kelulusan lanjutan tempoh masa diberikan oleh Ketua Pengarah berhubung dengan 3 aduan tersebut.</p>	
17.5.9.3.b.iii	<p><b>Peringkat PRN</b></p> <p>Semakan Audit di 4 PRN yang dilawati mendapati Daftar Aduan tidak diselenggarakan. Sehubungan itu, bilangan aduan bagi tempoh tahun 2011 hingga bulan September 2013 tidak dapat ditentukan. Bagaimanapun, Daftar Aduan disediakan selepas dicadangkan oleh pihak Audit tetapi diselenggarakan dengan tidak lengkap dan kemas kini.</p>	
17.5.9.3.b.iv	<p>Semakan Audit selanjutnya terhadap fail aduan mendapati sebanyak 6 aduan di PRN Sarawak, PRN Selangor dan PRN Perak masing-masing diselenggarakan dengan tidak lengkap dan kemas kini. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan tarikh aduan diterima, pegawai yang bertanggungjawab menjalankan siasatan, tempoh siasatan dijalankan dan status siasatan sama ada telah selesai, sedang dijalankan atau belum diambil tindakan kerana tiada maklumat direkodkan. Selain itu, sebanyak 2 pengurusan aduan di PRN Sarawak tidak mematuhi pekeliling dan arahan yang telah ditetapkan. Aduan tersebut telah diselesaikan melebihi tempoh 15 hari.</p> <p>Pada pendapat Audit, IPRM hendaklah menubuhkan JPSAR bagi menyiasat sesuatu</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>aduan berkenaan salah laku anggota dan sentiasa memantau pengurusan aduan yang menggunakan iSPAAA serta aduan secara manual di PRN supaya mematuhi pekeliling dan arahan yang telah ditetapkan. PRN juga hendaklah menyelenggara Daftar Aduan bagi merekodkan aduan secara lengkap dan kemas kini.</p> <p>Maklum Balas Ibu Pejabat RELA Yang Diterima Pada 6 Februari 2014</p> <p>Memang terdapat kelemahan dari segi pengurusan aduan di IPRM dan PRN, sebagai penambahbaikan satu jawatankuasa siasatan akan ditubuhkan di peringkat IPRM. Setiap kes akan ditubuhkan jawatankuasa siasatan dan pelantikan akan dibuat berdasarkan kes. Penambahbaikan yang akan dilakukan adalah mewujudkan JPSAR; kemas kini buku daftar aduan dan mewujudkan Unit Integriti.</p> <p>Pihak pengurusan RELA telah menubuhkan secara pentadbiran Unit Integriti di Ibu Pejabat RELA, Putrajaya. Unit ini dianggotai enam (6) orang kakitangan RELA yang akan melaksanakan tugas berkaitan pengurusan aduan, keutuhan tadbir urus, pematuhan terhadap dasar dan peraturan serta pengurusan tatatertib RELA. JPSAR yang diwujudkan akan diletakan di bawah unit ini.</p>	

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 1 TAHUN 2013**

**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

**Jabatan Penjara Malaysia**

**Perenggan 18 : Pengurusan Perolehan Peralatan Dan Mesin Roti**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
18.5.1.2.b	<p><b>Prestasi Fizikal</b></p> <p>Semakan Audit terhadap invoice dan nota penghantaran daripada pihak pembekal di Penjara Sungai Udang mendapati perolehan peralatan <i>bun divider</i> merupakan barangan <i>reconditioned</i> iaitu barangan terpakai berharga RM161, 000. Semakan Audit di Penjara Pusat Kajang pula mendapati harga baru bagi peralatan <i>bun divider</i> berharga RM184, 950. Perbezaan harga di antara peralatan <i>reconditioned</i> dan baru adalah berjumlah RM23, 950. Pihak Audit berpendapat peralatan <i>reconditioned</i> ini walaupun mempunyai harga yang lebih rendah namun dari segi kualiti, ia tidak dapat dipastikan dan spesifikasi peralatan <i>reconditioned</i> tersebut tidak dinyatakan dalam perjanjian.</p> <p>Pada pendapat Audit, perolehan peralatan <i>reconditioned</i> ini bertentangan dengan spesifikasi dalam perjanjian dan tidak menjamin kepentingan Kerajaan walaupun dengan harga yang lebih murah.</p> <p>Maklum Balas Jabatan Penjara Malaysia Yang Diterima Pada 4 Februari 2014</p> <p>Pembekalan mesin roti <i>Continuous Automatic Bun Divider &amp; Rounder Model DDR5PN</i> seperti yang dinyatakan di dalam spesifikasi mesin bengkel Penjara Sungai Udang telah diperjelas oleh pihak pembekal semasa pertemuan pihak pembekal dengan Jawatankuasa Teknikal Sebut Harga serta urusan setia pada 17 Disember 2012 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama Penjara Sungai Udang. Ketika pertemuan dan perbincangan tersebut pihak pembekal telah menjelaskan dengan terperinci spesifikasi peralatan tersebut. Jawatankuasa Teknikal telah mengambil kira daripada spesifikasi kapasiti mesin, kualiti dan penghasilan produk seperti yang telah dijelaskan oleh pihak pembekal.</p> <p>Pihak pembekal telah membuat perbandingan mesin roti <i>fully reconditioned</i> yang</p>	<p>Pihak pembekal telah bersetuju melanjutkan tempoh jaminan daripada 6 bulan kepada setahun (sama seperti mesin baru).</p> <p>Mesin boleh beroperasi dengan baik untuk mengeluarkan roti mengikut keperluan semasa jabatan.</p> <p>Kapasiti pengeluarannya boleh dipertingkatkan lagi bagi memenuhi keperluan tambahan pada masa hadapan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>diimport dari Itali dengan mesin pengeluaran tempatan yang melibatkan kos pembelian yang lebih murah berdasarkan prinsip “<i>Value for Money</i>” dan menjurus kepada penjimatan kewangan Kerajaan. Jawatankuasa Sebut Harga telah memilih peralatan <i>reconditioned</i> ini oleh sebab yang dinyatakan di atas dan keputusan tersebut tidak dipinda dalam syarat kontrak kerana mereka terlepas pandang pada syarat-syarat yang termaktub dalam kontrak. Pihak pembekal telah bersetuju melanjutkan tempoh jaminan daripada 6 bulan kepada setahun (sama seperti mesin baru). Mesin ini juga telah didapati berfungsi dengan baik daripada tarikh pengujian 27 Disember 2013 sehingga hari ini. Ia telah dapat digunakan dalam proses menghasilkan roti bun tanpa sebarang masalah. Bagaimanapun, surat teguran telah dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan dan Perolehan IPPM kepada Penjara Sungai Udang mengenai perkara ini.</p>	
<p><b>18.5.1.2.c</b></p>	<p>Semakan Audit selanjutnya mendapati beberapa perolehan yang dilakukan di Penjara Sungai Udang, Penjara Wanita Kajang dan Penjara Pusat Kajang tidak mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan. Pemeriksaan Audit di Penjara Sungai Udang mendapati perolehan <i>waffle baker</i> oleh pembekal tidak mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan. Pihak pembekal yang sepatutnya membekalkan 5 unit <i>waffle baker</i> dalam bentuk <i>single</i> telah membekalkan 2 unit <i>waffle baker</i> dalam bentuk <i>double</i>. Manakala pemeriksaan Audit di Penjara Pusat Kajang dan Penjara Wanita Kajang pula mendapati <i>chiller</i> yang sepatutnya dibekalkan mengikut spesifikasi yang ditetapkan adalah 3 unit <i>chiller</i> 4 pintu namun yang dibekalkan adalah 6 unit <i>chiller</i> 2 pintu. Bagaimanapun, harga yang dibayar oleh pihak Institusi Penjara adalah berdasarkan harga mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan bukan berdasarkan harga sebenar peralatan yang diterima.</p> <p>Pada pendapat Audit, pihak JPM perlu memastikan setiap perolehan yang dibekalkan mematuhi spesifikasi seperti mana yang telah ditetapkan. Sekiranya terdapat perubahan pembekalan mengikut spesifikasi yang ditetapkan, perkara ini perlu mendapat kelulusan dan pelarasan harga dibuat sekiranya perlu.</p> <p>Maklum Balas Jabatan Penjara Malaysia Yang Diterima Pada 4 Februari 2014</p> <p>Penukaran item <i>Waffle Baker Single</i> kepada <i>Double</i> telah dimaklumkan oleh pembekal kepada unit perolehan Penjara Sungai Udang. Permohonan menukar spesifikasi item adalah kerana ketiadaan stok dan pembekal memberi cadangan ianya ditukarkan kepada <i>Waffle Baker Double</i> yang mana penggunaan dan keupayaan barangan adalah sama dan setara. Di dalam spesifikasi yang ditetapkan oleh Jabatan ada menyatakan 4D/Dc (atau yang bersamaan). Berdasarkan spesifikasi yang dikeluarkan oleh institusi ini, keperluan <i>chiller</i> 4 pintu adalah</p>	<p>Harga yang dibayar adalah harga yang telah dipersetujui berdasarkan rundingan harga dengan pihak pembekal. Pelarasan harga telah dilakukan dan pihak jabatan bersetuju dengan tawaran harga asal kerana tidak melibatkan kos tambahan kepada pihak kerajaan.</p> <p>Bayaran telah disempurnakan berdasarkan penyelarasan harga yang dipersetujui. Item-item ini telah digunakan dan dapat berfungsi sebagaimana yang dikehendaki.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>sebanyak 3 unit. Anggaran bagi 3 unit <i>chiller</i> 4 pintu ialah RM28, 500 (RM9, 500 seunit). Bagaimanapun, pembekal telah membekalkan 6 unit <i>chiller</i> 2 pintu sebagai gantian kepada 3 unit <i>chiller</i> 4 pintu. Nilai bagi 6 unit <i>chiller</i> 2 pintu adalah bersamaan dengan 3 unit <i>chiller</i> 4 pintu. (Nilai satu unit <i>chiller</i> 2 pintu ialah RM4, 750 x 6 unit = RM28, 500). Penjara Pusat Kajang telah bersetuju menerima <i>chiller</i> 2 pintu dengan jumlah 6 unit berdasarkan tiada penambahan peruntukan dikenakan setelah rundingan semula dibuat dengan pihak pembekal. Pihak pembekal memberitahu bahawa <i>chiller</i> 4 pintu tiada dalam pasaran dan pembekal telah menggantikan dengan <i>chiller</i> 2 pintu dan perkara ini telah dimaklumkan dengan pihak Vokasional dan Industri, IPPM.</p>	
<p><b>18.5.1.2.d</b></p>	<p>Pemeriksaan Audit pada bulan Mei 2013 ke 5 Institusi Penjara mendapati peralatan dan mesin roti serta peralatan tambahan yang telah dibeli dan diterima pada bulan Disember 2012 masih belum digunakan kerana lokasi penempatan sebenar peralatan dan mesin tersebut masih belum disediakan. Sehingga tarikh lawatan Audit, didapati peralatan dan mesin tersebut ditempatkan sementara di pelbagai lokasi seperti di stor utama, tempat parkir kenderaan, pejabat perusahaan dan bengkel pastri. Antara peralatan dan mesin yang dibeli tetapi masih belum digunakan semasa pemeriksaan Audit.</p> <p>Pada pendapat Audit, perancangan yang teliti terhadap keperluan perolehan sesuatu peralatan dan mesin boleh mengurangkan risiko berlakunya pembaziran akibat tidak digunakan. Selain itu, sekiranya tempoh jaminan peralatan telah luput, maka peralatan berkenaan tidak akan dilindungi atau dijamin kualiti/penggunaan apabila dipasang, diuji dan ditauliah.</p> <p>Maklum Balas Jabatan Penjara Malaysia Yang Diterima Pada 4 Februari 2014</p> <p>Penempatan mesin ini dibuat di lokasi seperti di stor utama, tempat parkir kenderaan, pejabat perusahaan dan di bilik pastri adalah kerana ruang penyimpanan di institusi penjara yang terhad. Bagaimanapun, tindakan telah diambil di mana beberapa buah mesin telah ditempatkan di Stor Pusat IPPM yang lebih luas dan kanvas yang usang dan koyak telah ditukar dengan yang baharu bagi memastikan peralatan berada di dalam keadaan baik. Pihak pembekal telah memberi jaminan pemasangan, pengujian dan pentauliahkan akan dilakukan setelah bengkel beroperasi. Penggunaan mesin tersebut masih belum digunakan kerana JPM belum mendapat peruntukan pembaikan dan pengubahsuaian bengkel. Walau bagaimanapun, kepentingan Kerajaan tetap dijaga di mana pembekal telah memberi pengakuan akan mentauliahkan mesin setelah pemasangan dilakukan tanpa melibatkan sebarang kos dan jangka masa jaminan bermula selepas pemasangan dan pentauliahkan.</p>	<p>Peruntukan yang diterima pada bulan November 2012 hanya untuk pembelian peralatan dan mesin, walau bagaimanapun peruntukan penambahbaikan hanya disalurkan pada Januari 2013. Mesin tersebut masih belum digunakan kerana JPM belum mendapat peruntukan pembaikan dan pengubahsuaian bengkel. Walau bagaimanapun kepentingan kerajaan tetap dijaga di mana pembekal telah memberi pengakuan akan mentauliahkan mesin setelah pemasangan dilakukan tanpa melibatkan sebarang kos dan jangka masa jaminan bermula selepas pemasangan dan pentauliahkan.</p> <p>Bengkel tersebut telah disiapkan dan peralatan serta mesin berkaitan telah ditauliahkan pada 27/12/2013 dengan tempoh jaminan selama setahun. Pada masa sekarang mesin ini telah berjaya mengeluarkan sebanyak 380 kg roti putih dan 10,000 ketul roti bun sehari bagi keperluan roti Penjara Pusat Kajang, Penjara Wanita Kajang, Penjara Sungai Buloh, Penjara Seremban dan Penjara Jelebu yang berjumlah 12,531 orang banduan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
18.5.1.2.e	<p>Lawatan susulan pihak Audit pada 2 Januari 2014 mendapati semua komponen peralatan dan mesin roti di 5 Institusi Penjara yang terlibat telah dipindahkan dan dipasang di bengkel roti di Penjara Pusat Kajang. Pada pemerhatian Audit kesemua peralatan dan mesin roti boleh beroperasi.</p> <p>Pada pendapat Audit, semasa pemeriksaan Audit dijalankan objektif perolehan tidak tercapai kerana peralatan dan mesin roti yang dibeli oleh Institusi Penjara yang terlibat tidak dipasang dan digunakan di satu bengkel bagi membolehkan peralatan dan mesin roti tersebut berfungsi untuk pengeluaran roti. Bagaimanapun, semasa lawatan Audit yang kedua pada 2 Januari 2014 didapati peralatan dan mesin roti telah dipasang di Penjara Pusat Kajang, telah mula beroperasi dan roti telah berjaya dihasilkan.</p>	Mesin-mesin telah ditauliahkan pada 27 Disember 2013 dan mula beroperasi dengan jayanya pada 2 Januari 2014 dan telah mencapai objektif penubuhannya.
18.5.2.1.a	<p><b>Kelemahan Dalam Perancangan Perolehan</b></p> <p>Bahagian Kewangan, KDN telah mengagihkan waran peruntukan berjumlah RM1.20 juta kepada 5 Institusi Penjara untuk perolehan peralatan dan mesin membuat roti. Semakan Audit mendapati tujuan perolehan peralatan dan mesin roti bukan untuk kegunaan kelima-lima institusi yang dilawati kerana tidak wujud sebarang bengkel pastr/roti di Institusi Penjara yang dilawati melainkan Penjara Wanita Kajang, Penjara Sungai Udang dan Penjara Bentong. Manakala pengubahsuaian perlu dilakukan di Penjara Wanita Kajang, Penjara Sungai Udang dan Penjara Bentong kerana perolehan peralatan dan mesin yang tidak sesuai dengan keadaan bengkel pastr/roti yang sedia ada. Selain itu, peralatan dan mesin yang dibekalkan kepada setiap Institusi Penjara tersebut tidak membolehkan 5 Institusi Penjara tersebut beroperasi sendiri untuk mengeluarkan roti.</p>	Perubahan perancangan berlaku setelah pihak jabatan menyedari sekiranya Bengkel Roti Fasa 1 hanya diwujudkan di Penjara Kajang akan mendatangkan masalah logistik. Masalah penghantaran roti akan berlaku kerana jarak institusi pengeluar (Penjara Kajang) dengan institusi penjara yang perlu dibekalkan roti adalah terlalu jauh iaitu sehingga ke SHG Telok Mas, Melaka di sebelah Selatan dan Penjara Bentong, Pahang di sebelah Timur. Selain daripada itu, jumlah banduan yang terlibat adalah lebih kurang 15,000 orang, sekiranya berlaku masalah pengeluaran di bengkel ini akan menjejaskan bekalan roti kepada 15,000 orang banduan. Sehubungan dengan itu, dengan kelulusan pihak NKRA KDN untuk mewujudkan industri sokongan pengeluaran roti Zon Tengah dan persetujuan pihak kementerian maka waran peruntukan kepada 5 buah institusi penjara yang terlibat telah dikeluarkan oleh kementerian.
18.5.2.1.b	Merujuk Program Sara Diri Industri Roti Fasa 1, hanya satu projek perintis di Penjara Pusat Kajang yang dijangka akan memulakan operasi pada bulan September 2013. Projek ini akan diteruskan pada tahun 2014 dan tahun 2015 di 4 institusi penjara lain mengikut zon sekiranya projek perintis ini memperoleh kejayaan. Sehubungan dengan itu, adalah jelas bahawa dalam perancangan sememangnya tiada bengkel roti akan diwujudkan di 4 institusi penjara yang diaudit selain daripada Penjara Pusat Kajang.	Disebabkan kekangan peruntukan (peruntukan yang diperlukan RM4.013) berbanding dengan yang diluluskan sebanyak (RM1.95), perbincangan semula telah dilakukan dan keputusan diambil untuk mewujudkan bengkel di Penjara Kajang sahaja. Bengkel ini akan membekalkan roti kepada Penjara Kajang, Penjara Wanita, Penjara Sungai Buloh, Penjara Seremban dan Penjara Jelebu.
18.5.2.1.c	Semakan Audit terhadap Minit Mesyuarat NKRA yang diadakan pada 6 November 2012 pula mendapati pihak IPPM telah dimaklumkan lebih awal bahawa perolehan peralatan dan mesin roti yang dilakukan oleh semua 5 Institusi Penjara terlibat akan dihantar ke Penjara Pusat Kajang bertujuan untuk kegunaan Penjara Pusat Kajang. Namun demikian waran peruntukan tetap dikeluarkan kepada kesemua Institusi Penjara tersebut pada 6 November 2012 iaitu pada hari yang	Jabatan Penjara terpaksa mengubah perancangan kerana peruntukan kewangan daripada perancangan asal sebanyak RM 4.013 juta diperlukan untuk inisiatif NKRA <i>Industrial Prison</i> tetapi dalam mesyuarat NKRA yang diadakan pada 22/12/2012 pihak jabatan dimaklumkan hanya RM 1.95 juta sahaja diluluskan. Sehubungan dengan itu, bagi melaksanakan <i>Inisiatif</i>



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>sama mesyuarat tersebut diadakan bagi tujuan perolehan peralatan dan mesin. Kesemua 5 Institusi Penjara tersebut telah diarahkan untuk membuat perolehan walaupun pihak IPPM telah mengetahui bahawa peralatan dan mesin tersebut bukan untuk kegunaan 5 Institusi Penjara tersebut.</p>	<p><i>Industrial Prison GTP 2.0</i> tanpa gagal untuk membekalkan roti, pihak jabatan telah memohon kepada KDN pada 24/12/2012 untuk menempatkan mesin dan peralatan tersebut di Penjara Kajang. Kelulusan telah diperolehi pada 28/12/2012. Ini menyebabkan pengubahsuaian tidak dilakukan di institusi-institusi lain yang terlibat kecuali di Penjara Kajang.</p>
<p><b>18.5.2.1.d</b></p>	<p>Bagaimanapun, semakan Audit selanjutnya mendapati perbezaan minit mesyuarat NKRA yang diterima oleh pihak Audit daripada Bahagian NKRA, KDN bertarikh 6 November 2012 yang telah diadakan di IPPM dengan minit mesyuarat bagi mesyuarat yang sama yang diterima oleh pihak Penjara Seremban dan Penjara Bentong.</p> <p>Pada pendapat Audit, KDN/JPM sepatutnya merancang perolehan dengan rapi dan teratur bagi memastikan perolehan dikendalikan dengan berhemat dan menguntungkan Kerajaan tanpa mengalami pembaziran dari segi nilai wang dan masa. Selain itu, Ketua Jabatan hendaklah memastikan sebarang tindakan di luar peraturan mendapat kebenaran khas atau pengecualian daripada Kementerian Kewangan.</p> <p>Maklum Balas Jabatan Penjara Malaysia Yang Diterima Pada 1 Oktober 2013 Dan 4 Februari 2014</p> <p>Jabatan Penjara Malaysia telah menerima waran peruntukan berjumlah RM1.20 juta daripada KDN pada 7 November 2012 bagi kelima-lima buah institusi penjara (PTJ) tersebut. Jumlah waran yang dikeluarkan serta diterima oleh PTJ adalah di bawah RM500, 000. Sehubungan dengan itu, perolehan peralatan dan mesin ini tidak memerlukan dibuat tender memandangkan waran yang diluluskan tersebut adalah di bawah RM500, 000 bagi setiap institusi. Minit mesyuarat bertarikh 6 November 2012 yang telah disemak oleh pihak Audit merupakan draf minit mesyuarat yang belum disahkan selepas mesyuarat diadakan. Setelah disemak oleh Pengerusi untuk ditandatangani didapati terdapat kekeliruan pemahaman terhadap maksud sebenar pada perenggan 2.2 dan perenggan 2.4 menyebabkan minit mesyuarat tersebut telah dipinda dan dengan persetujuan Pengerusi serta disemak dan ditandatangani oleh pencatat minit dan Pengerusi sendiri. Untuk makluman Audit, minit mesyuarat tidak diedarkan kepada Bahagian NKRA KDN memandangkan tiada wakil dari Bahagian NKRA KDN ketika mesyuarat ini diadakan.</p> <p>Jabatan Penjara Malaysia tidak menjalankan pengubahsuaian di Penjara Wanita Kajang dan Penjara Sungai Udang memandangkan kelulusan untuk menempatkan peralatan dan mesin roti di Penjara Kajang telah diperolehi. Pihak KDN melalui surat bertarikh 28 Disember 2012 telah meluluskan permohonan penempatan semula</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>mesin tersebut. Dengan usaha sebegini, Inisiatif Industrial Prison GTP 2.0 dapat dilaksanakan tanpa gagal. Sehubungan itu, jelas Jabatan Penjara Malaysia tiada niat untuk memecah kecilkan projek ini, ianya terjadi disebabkan kekangan peruntukan. Pihak Jabatan akur dengan teguran yang diberikan oleh pihak Audit dan akan memastikan pada masa akan datang segala peraturan serta prosedur yang ditetapkan dipatuhi.</p>	
<p><b>18.5.2.2.b</b></p>	<p><b>Pengurusan Pembayaran</b></p> <p>Semakan Audit mendapati pihak pembekal telah menghantar kesemua peralatan dan mesin ke 5 Institusi Penjara yang telah ditetapkan. Oleh kerana bengkel roti masih belum dibina atau diubah suai, maka pihak pembekal tidak dapat memasang dan seterusnya menguji dan mentauliahkan peralatan dan mesin tersebut.</p>	<p>Jabatan telah mengarahkan pegawai Vokasional institusi untuk membuat pemeriksaan mesin tersebut sebelum diterima oleh institusi dan telah diperiksa oleh pegawai Vokasional dan Industri institusi.</p> <p>Pembayaran dilakukan setelah pembekal bersetuju:-</p>
<p><b>18.5.2.2.c</b></p>	<p>Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menyatakan perolehan yang melibatkan aspek teknikal perlu disemak dan disahkan oleh pegawai yang berkelayakan dan bertauliah. Pemeriksaan Audit mendapati perolehan peralatan dan mesin membuat roti bagi 5 Institusi Penjara tersebut melibatkan aspek teknikal. Namun demikian, pemeriksaan ke atas peralatan dan mesin tersebut tidak dilakukan oleh pegawai yang berkelayakan dan bertauliah. Pihak Audit mendapati tiada wakil daripada Bahagian Vokasional Dan Industri yang hadir bagi mengesahkan peralatan dan mesin yang diterima telah mematuhi dan mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan. Semakan Audit selanjutnya mendapati penerimaan dan pemeriksaan peralatan dan mesin roti hanya dilakukan oleh pegawai penerima aset yang tidak mempunyai kemahiran daripada aspek teknikal.</p>	<p>i. Melanjutkan tempoh Bon jaminan sehingga 31.12.2014;</p> <p>ii. Memberi jaminan bahawa pemasangan, pengujian dan pentauliahkan dilakukan tanpa melibatkan sebarang kos tambahan selepas bengkel untuk menempatkan mesin ini disiapkan;</p> <p>iii. Memindahkan mesin tanpa sebarang kos tambahan; dan</p> <p>iv. Pihak Jabatan telah menubuhkan lembaga penyiasat untuk mengenalpasti kelemahan supaya tindakan sewajarnya dapat diambil.</p>
<p><b>18.5.2.2.d</b></p>	<p>Berdasarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 20 Tahun 1980 menyatakan sesuatu pembayaran itu adalah <i>improper</i> jika pembayaran itu dibuat dengan tidak sewajar sama ada dari segi bertentangan dengan undang-undang, peraturan atau tidak mengikut syarat-syarat, kaedah atau amalan lazim yang ditetapkan bagi sesuatu pembayaran. Semakan Audit mendapati bayaran penuh telah dibuat kepada pembekal oleh ke semua 5 Institusi Penjara tersebut walaupun tiada bukti yang menunjukkan laporan pelaksanaan dikemukakan oleh pembekal kepada pihak Institusi Penjara sebelum pembayaran dilakukan seperti yang disyaratkan dalam perjanjian.</p> <p>Pada pendapat Audit, wakil daripada Bahagian Vokasional Dan Industri hendaklah memastikan bahawa peralatan dan mesin roti yang diterima telah mematuhi spesifikasi yang telah ditetapkan, semua komponen peralatan dan mesin hendaklah dipasang, diuji dan ditauliah terlebih dahulu sebelum pembayaran penuh dilakukan bagi menjamin kepentingan Kerajaan seperti mana yang dinyatakan di dalam</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>kontrak. Pembayaran yang telah dilakukan sebelum semua syarat dalam kontrak dipatuhi adalah merupakan bayaran yang tidak teratur.</p> <p>Maklum Balas Jabatan Penjara Malaysia Yang Diterima Pada 1 Oktober 2013 Dan 4 Februari 2014</p> <p>Pemeriksaan aset oleh pegawai teknikal tidak dibuat oleh pegawai yang bertauliah adalah diakui. Kelemahan dalam perkara ini amatlah dikesali dan pihak pengurusan Jabatan Penjara Malaysia akan memastikan ia tidak akan berulang lagi pada masa hadapan. Pemeriksaan dan pengujian mesin roti telah dijalankan pada 26 hingga 31 Disember 2013 oleh pihak pembekal bersama wakil Bahagian Dasar dan Kepenjaran IPPM, Penjara Kajang dan Seksyen Vokasional dan Industri IPPM.</p> <p>Pembayaran penuh dibuat memandangkan peruntukan diterima dalam tempoh yang singkat iaitu pada 7 November 2012 lebih kurang 8 minggu sebelum berakhirnya tahun 2012 dan bagi mengelakkan pembayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a). Perakuan daripada pembekal melalui surat jaminan menyatakan pembekal akan melaksanakan pemasangan, pentauliahan dan ujian setelah bengkel mula beroperasi dan pembekal bersetuju memindahkan mesin tanpa sebarang kos tambahan.</p>	
18.5.3.2	<p><b>Perjanjian Kontrak Perolehan</b></p> <p>Arahan Perbendaharaan 176 menghendaki kontrak formal ditandatangani bagi perolehan bekalan. Di samping itu juga, Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan kontrak perlu ditandatangani dalam tempoh 4 bulan daripada tarikh Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan. Semakan Audit mendapati di Penjara Sungai Udang, SST telah dikeluarkan kepada syarikat pembekal pada 13 Disember 2012 dan sehingga tarikh pengauditan dijalankan iaitu pada 16 Mei 2013, pihak pembekal masih belum menandatangani perjanjian berhubung dengan pembekalan peralatan dan mesin tersebut. Bagaimanapun, pada 8 Januari 2014, pihak Penjara Sungai Udang telah mengemukakan perjanjian pembekalan peralatan dan mesin roti yang ditandatangani pada 26 November 2012 iaitu 16 hari sebelum SST dikeluarkan bagi tarikh tempoh kontrak berkuat kuasa pada 26 November 2012 hingga 30 Julai 2013.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan kontrak bagi perolehan peralatan dan mesin roti adalah kurang memuaskan di mana berlaku kelewatan dalam menandatangani kontrak.</p>	<p>Terdapat "Ralat" pada tarikh tempoh kontrak iaitu daripada 26 November 2012 hingga 30 Julai 2013 kepada 26 Disember 2012 hingga 30 Julai 2013.</p> <p>Semua kontrak telah ditandatangani dan bengkel telah mula beroperasi pada 2 Januari 2014.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Maklum Balas Jabatan Penjara Malaysia Yang Diterima Pada 4 Februari 2014</p> <p>Terdapat "Ralat" pada tarikh tempoh kontrak iaitu daripada 26 November 2012 hingga 30 Julai 2013 kepada 26 Disember 2012 hingga 30 Julai 2013.</p>	
<p><b>18.5.3.1</b></p>	<p><b>Penerimaan Peralatan Dan Mesin</b></p> <p>Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menyatakan pegawai penerima hendaklah memeriksa dan mengesahkan setiap aset yang diterima terlebih dahulu sebelum penerimaan dibuat. Semakan Audit di Penjara Sungai Udang mendapati perakuan penerimaan peralatan dan mesin yang dibeli ada dibuat oleh Pembantu Tadbir (N17) pada nota penghantaran dan invois pembayaran. Namun, semasa semakan fizikal yang dijalankan pada bulan Mei 2013 mendapati peralatan dan mesin yang dibeli masih belum dibuka daripada kotak pembungkusan. Ini jelas menunjukkan bahawa pegawai penerima hanya mengesahkan penerimaan barangan tanpa membuat pemeriksaan dan ujian terlebih dahulu ke atas peralatan dan mesin yang diterima.</p>	<p>Arahan telah dikeluarkan mengarahkan pegawai Vokasional institusi untuk membuat pemeriksaan mesin tersebut sebelum diterima oleh institusi.</p> <p>Penyelarasan terhadap item yang dibekalkan dan bayaran balik ke atas item tidak dapat dibekalkan telah dibuat dan disempurnakan.</p>
<p><b>18.5.3.2</b></p>	<p>Penjara Sungai Udang telah membuat beberapa perolehan tambahan peralatan dan mesin roti melalui pembelian terus. Pemeriksaan fizikal Audit mendapati perolehan satu unit <i>Standard Type K Donut Depositor</i> berharga RM612.50 tiada dalam simpanan pihak Penjara Sungai Udang. Pihak Audit dimaklumkan bahawa aset tersebut telah dikembalikan semula kepada pembekal kerana terdapat kerosakan pada peralatan tersebut sewaktu proses penerimaan. Semakan Audit selanjutnya mendapati tiada sebarang dokumen yang boleh mengesahkan bahawa aset tersebut telah dikembalikan kepada pihak pembekal. Sehingga tarikh pengauditan dijalankan, peralatan tersebut masih belum dikembalikan/diganti oleh pihak pembekal. Selain itu, pihak Audit mendapati perolehan 5 unit <i>cone baker</i> berharga RM6,000 juga tidak dapat dikemukakan kepada pihak Audit untuk tujuan pengesahan.</p> <p>Pada pendapat Audit, pegawai penerima hendaklah membuat pemeriksaan dan memastikan peralatan dan mesin roti yang diterima telah mematuhi spesifikasi yang telah ditetapkan sebelum pengesahan pengakuan untuk pembayaran. Di samping itu, Institusi Penjara terlibat hendaklah mengambil tindakan segera untuk mendapatkan baki peralatan yang masih belum dibekalkan atau penggantian bagi peralatan yang rosak daripada pembekal berkenaan.</p> <p>Maklum Balas Jabatan Penjara Malaysia Yang Diterima Pada 1 Oktober 2013 Dan 4 Februari 2014</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pihak Penjara Sungai Udang mengakui peralatan dan mesin tersebut tidak diperiksa oleh pegawai yang bertauliah daripada aspek teknikal. Bagaimanapun, peralatan dan mesin telah dibuka dan diperiksa oleh pegawai yang berkemahiran tentang teknikal pada 3 Julai 2013 dan didapati bekalan peralatan telah dibekalkan dengan cukup dan mematuhi spesifikasi permintaan. Institusi berjanji akan melaksanakan pemeriksaan seperti mana teguran Audit terhadap peralatan pada masa akan datang.</p> <p>Satu Unit <i>Standard Type K Donut Depositor</i> telah ditolak kerana didapati item tersebut mengalami sedikit kerosakan dan ia telah dikembalikan kepada pembekal untuk diganti dengan yang baharu. Sebagai pegawai penerima, diakui kesilapan berlaku apabila penolakan peralatan itu kepada pembekal tidak dibuat secara bertulis. Teguran telah diterima semasa lawatan pegawai Audit dan pegawai berkenaan berjanji beliau akan lebih berhati-hati semasa melakukan urusan penerimaan. Surat peringatan juga telah dihantar kepada pembekal supaya melaksanakan penukaran item tersebut dengan kadar segera. Jika pihak pembekal tidak dapat menyelesaikan masalah ini, pembekal diminta untuk mengembalikan semula wang kerajaan atas harga item tersebut dan secara automatik penghantaran item tersebut terbatal. Institusi telah menerima pembayaran semula bagi peralatan tersebut yang tidak dapat dibekalkan pada 13 September 2013.</p> <p>Tiga unit peralatan <i>Cone Baker</i> yang diterima tidak ditemui semasa lawatan Audit kerana berlaku sedikit kekeliruan pada ketika itu. Sebenarnya 3 unit daripada item tersebut disimpan dalam keadaan baik dan disusun bersama-sama peralatan komputer di dalam stor. Pembekal tidak dapat membekal seperti yang diminta iaitu 5 unit pada ketika itu kerana ketiadaan stok, pembekal memaklumkan kepada pegawai perolehan bahawa syarikat akan melaksanakan baki penghantaran dengan segera apabila stok telah ada. Pembekal dinasihatkan supaya mengembalikan wang kerajaan atas harga 2 unit item tersebut jika ketiadaan stok pada tempoh yang dijanjikan. Pembekal telah membuat pembayaran semula melalui cek bertarikh 12 September 2013.</p>	
18.5.4.1	<p><b>Penyimpanan Peralatan Dan Mesin - Penjara Wanita Kajang</b></p> <p>a. Pemeriksaan Audit di Penjara Wanita Kajang mendapati peralatan dan mesin membuat roti disimpan di dalam kawasan Stor Pusat, Penjara Pusat Kajang. Namun demikian, kaedah penyimpanan yang dilakukan tidak bersesuaian kerana tempat penyimpanan tersebut hanya ditutupi dengan kanvas dan boleh dimasuki air ketika hujan.</p>	<p>Semua peralatan telah dipasang dan didapati berfungsi dengan baik sehingga hari ini dengan tempoh jaminan masih berkuatkuasa sehingga 31 Disember 2014.</p> <p>Peralatan yang berkarat telah dibersihkan dan semuanya berada di dalam keadaan baik dan boleh digunakan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>b. Pemeriksaan lanjut di Penjara Wanita Kajang juga mendapati bahawa <i>chiller</i> yang dibeli disimpan di tempat yang tidak bersesuaian. <i>Chiller</i> merupakan peralatan elektrik dan mudah rosak jika terdedah kepada keadaan cuaca hujan dan panas. Selain itu, terdapat juga peralatan lain yang disimpan di dalam kawasan Stor Pusat, Penjara Pusat Kajang seperti rak dan <i>tray</i> roti.</p> <p>c. Terdapat peralatan dan mesin roti yang disimpan telah dicemari air dan berkarat. Pihak Audit mendapati perkara ini berlaku disebabkan tempat penyimpanan peralatan tersebut tidak sesuai dan masalah ruang penyimpanan yang terhad. Barangan seperti <i>tray</i> roti yang telah rosak akibat kesan karat tidak boleh digunakan lagi kerana peralatan tersebut akan digunakan untuk membuat roti dan ini akan menjejaskan kesihatan. Di samping itu, peralatan yang rosak ini berkemungkinan besar tidak akan diganti semula oleh pihak pembekal kerana kerosakan peralatan tersebut adalah disebabkan oleh kecuaiannya pihak Institusi Penjara.</p>	
18.5.4.2	<p><b>Penjara Seremban</b></p> <p>Pemeriksaan Audit di Penjara Seremban pula mendapati peralatan dan mesin disimpan di kawasan luar bengkel perusahaan dan terdedah kepada cuaca panas dan hujan. Perkara ini boleh menyebabkan kerosakan ke atas peralatan tersebut.</p>	
18.5.4.3	<p><b>Penjara Bentong</b></p> <p>a. Pemeriksaan yang dijalankan di Penjara Bentong mendapati peralatan dan mesin roti disimpan di 2 kawasan iaitu di dalam Stor Utama Penjara Bentong dan juga di kawasan parkir bas. Pihak Audit mendapati peralatan yang diletakkan di kawasan parkir bas adalah tidak bersesuaian walaupun ia telah ditutupi dengan kanvas di mana kanvas yang menutupi peralatan tersebut telah koyak dan dimasuki air.</p> <p>b. Namun demikian, pihak Penjara Bentong telah mengambil tindakan segera dengan memastikan semua peralatan yang disimpan di parkir bas telah ditutup dengan sempurna bagi memastikan peralatan tersebut terus terpelihara dengan baik.</p> <p>c. Terdapat peralatan dan mesin yang disimpan telah dicemari air dan berkarat. Pihak Audit mendapati perkara ini berlaku disebabkan tempat penyimpanan peralatan tersebut tidak sesuai dan masalah ruang penyimpanan yang terhad.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pada pendapat Audit, penyimpanan peralatan dan mesin adalah kurang memuaskan kerana tempat penyimpanan yang disediakan adalah kurang bersesuaian di mana terdedah kepada hujan dan panas.</p> <p>Maklum Balas Jabatan Penjara Malaysia Yang Diterima Pada 4 Februari 2014</p> <p>Institusi Penjara yang terlibat telah mengambil tindakan di mana mesin dan peralatan tersebut diubah tempat penyimpanan ke tempat yang lebih sesuai. Bagi Penjara Wanita Kajang, mesin tersebut telah ditempatkan di Stor Pusat, IPPM sementara rak roti telah disimpan di Stor Penjara Wanita Kajang. Kain kanvas yang terkoyak di Penjara Bentong telah diganti dengan kanvas yang baharu. Manakala peralatan yang berkarat telah diambil tindakan segera dengan dicuci, dibersihkan dan disimpan di tempat yang tidak dimasuki air.</p>	





**(PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN  
PERSEKUTUAN)**



**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 1 TAHUN 2013**

**KEMENTERIAN KEWANGAN**

**Perenggan 20 : Cradle Fund Sdn. Bhd**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>20.5.1.3.b</b></p>	<p><b>Prestasi Aliran Tunai</b></p> <p>Sepanjang tempoh tahun 2010 hingga 2012, CFSB tidak mampu menjana aliran tunai dari aktiviti operasinya kerana syarikat ini tidak mempunyai apa-apa pendapatan. Sebaliknya, geran yang diterima oleh CFSB telah digunakan untuk aktiviti operasi, pelaburan dalam dana amanah dan pembelian aset.</p> <p>Maklum Balas CFSB Yang Diterima Pada 24 Januari 2014</p> <p>CFSB hanya menjalankan tugasnya sebagai pengurus dana Kerajaan dalam bentuk geran bagi membangunkan usahawan dan produk berinovasi negara.</p>	<p>Mandat asal CFSB adalah bagi menjalankan tugas sebagai pengurus dana kerajaan yang tidak berasaskan keuntungan (<i>non-profit organisation</i>) dimana kos operasi CFSB juga dibiayai melalui geran kerajaan. Namun begitu kami ada menjalankan program-program lain yang membantu usahawan berasaskan teknologi.</p> <p>Bagaimanapun, kami menjalankan aktiviti yang menjana pendapatan seperti CGP, program D-code (<i>Startup Malaysia</i>) dimana program-program tersebut telah diputuskan didalam mesyuarat ahli lembaga pengarah bahawa CFSB akan mendapat fi pengurusan bagi menjalankan aktiviti tersebut. Perkara ini juga sudah dipersetujui bersama pengurus program-program tersebut.</p> <p>Kami juga telah mendapat kelulusan bagi menjalankan program modal teroka yang akan menjana pendapatan dan keuntungan kepada CFSB. Produk ini akan diuruskan oleh Cradle Seed Venture Pte Ltd (dalam proses mendapatkan kelulusan tertentu dari pihak Kementerian Kewangan). Melalui CSV, CFSB dapat menjadi pemegang ekuiti, menjana pendapatan dan keuntungan melalui pelaburan modal teroka.</p> <p>Untuk penambahbaikan, kami akan mendapatkan mandat bertulis dari Kementerian Kewangan dalam jangkamasa terdekat.</p>
<p><b>20.5.2.1.a</b></p>	<p><b>Cradle Investment Programme</b></p> <p>Berdasarkan data yang diselenggarakan oleh Unit Akaun dan Penyata Kewangan yang diaudit tahun 2012, CFSB telah menerima geran CIP berjumlah RM140 juta daripada Kementerian Kewangan setakat 31 Disember 2012. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM40.16 juta (28.7%) telah dibelanjakan untuk penerima geran yang telah diluluskan (<i>disbursement</i>) manakala sejumlah RM47.28 juta (33.8%) pula adalah merupakan perbelanjaan pentadbiran CFSB. Dengan mengambil kira jumlah perbelanjaan keseluruhan, geran CIP masih berbaki RM52.56 juta</p>	<p>Penyata kewangan CFSB hanya merekodkan jumlah yang telah dibayar dan tidak merekodkan jumlah amaun yang diluluskan, yang telah <i>komited</i> kepada penerima geran CIP, dan akan dibayar berdasarkan <i>milestone</i> yang dicapai oleh penerima tersebut. Kami sedang dalam proses mengubah polisi rekod perakaunan kami supaya memberi gambaran sebenar aktiviti pelaburan CFSB. Dengan itu jumlah yang diluluskan kepada penerima geran akan dinyatakan kedalam Penyata Kewangan kami. Setakat bulan Disember 2012 jumlah keseluruhan yang telah diluluskan berjumlah RM70.7 juta, manakala jumlah yang belum dibayar sepenuhnya</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	(37.5%) setakat 31 Disember 2012.	<p>(<i>committed &amp; yet to be disbursed</i>) berjumlah RM30.6 juta (21.9%). Oleh itu baki geran sebanyak RM52.56 juta yang dinyatakan adalah tidak tepat kerana tidak mengambilkira jumlah tersebut.</p> <p>Penyata kewangan CFSB hanya merekodkan jumlah yang telah dibayar dan tidak merekodkan jumlah amaun yang diluluskan, yang telah <i>komited</i> kepada penerima geran CIP, dan akan dibayar berdasarkan <i>milestone</i> yang dicapai oleh penerima tersebut. Kami sedang dalam proses menambahbaik proses merekodkan jumlah yang diluluskan kedalam Penyata Kewangan kami. Setakat bulan Disember 2012 jumlah yang telah diluluskan dan belum dibayar sepenuhnya (<i>committed amount</i>) berjumlah RM30.6 juta (21.9%). Oleh itu baki geran sebanyak RM52.56 juta yang dinyatakan adalah tidak tepat kerana tidak mengambil kira jumlah tersebut.</p> <p>Proses bayaran geran kepada penerima geran CIP <i>Catalyst</i> dan CIP500 (<i>disbursement</i>) dilakukan melalui cara pembayaran balik (<i>reimbursement</i>) dimana penerima geran akan menuntut perbelanjaan sebenar mereka mengikut amaun dan <i>milestone</i> yang telah ditetapkan di dalam perjanjian antara CFSB dan penerima geran. Selagi penerima geran tidak menuntut pembayaran atau menepati syarat-syarat bagi mereka mendapatkan bayaran tuntutan, pembayaran tidak akan dibuat.</p> <p>Perlu dijelaskan bahawa pembayaran balik juga dilakukan berdasarkan '<i>milestone</i>' dimana penerima harus mencapai '<i>deliverables</i>' yang dipersetujui dan tidak dibuat secara 'lump sum' di awal projek. Ini adalah bagi memastikan penerima geran menggunakan wang geran secara terkawal dan tidak tersasar dari perancangan mereka. Keberkesanan proses begini dapat dilihat dari kemajuan dan kejayaan penerima-penerima geran CIP di mana kadar pengkomersilan mencapai 58% walaupun mereka berada pada tahap pra-awal atau '<i>start-up</i>'.</p>
20.5.2.1.b	Data yang diselenggarakan di Unit Akaun tidak mempunyai pecahan mengikut status projek geran yang telah diluluskan. Bagi tujuan menilai status pelaksanaan projek geran setakat 31 Disember 2012, pihak Audit telah mendapatkan Laporan Pecahan Pelaburan CIP yang diselenggarakan oleh Unit Perbelanjaan ( <i>Disbursement</i> ). Bagaimanapun, pihak Audit mendapati jumlah <i>disbursement</i> seperti di dalam Laporan Pecahan Pelaburan CIP berjumlah RM40.53 juta adalah berbeza dengan jumlah yang dilaporkan dalam Penyata Kewangan Yang Diaudit pada tahun 2012 yang berjumlah RM40.16 juta. Sebab-sebab perbezaan sedang dikenal pasti oleh pihak CFSB. Pada pendapat Audit, perbezaan antara 2 data ini menimbulkan keraguan terhadap ketepatan dan reliability data yang diselenggarakan oleh CFSB.	<p>Data status projek yang telah diluluskan adalah di bawah seliaan Unit '<i>Disbursement &amp; Monitoring</i>' seperti di dalam Laporan Pecahan Pelaburan. Unit Akaun hanya merekod pembayaran kepada penerima geran. Berdasarkan pemeriksaan kami terdapat penyelarasan audit (<i>audit adjustment</i>) berjumlah RM300,779.10 pada tahun 2012 untuk cek yang tidak ditunai oleh penerima geran. Jumlah tersebut akan dimasukkan semula selepas cek-cek tersebut dikeluarkan semula (<i>reissuance</i>) kepada penerima geran. Terdapat juga kaedah perakaunan yang kurang tepat digunakan bagi merekodkan pembayaran balik (atas sebab pembatalan geran) dari penerima geran dimana amaun itu ditolak dari amaun <i>disbursement</i> menyebabkan amaun <i>disbursement</i> di dalam rekod Unit Akaun berkurangan dari amaun yang direkodkan didalam Laporan Pecahan Pelaburan CIP.</p> <p>Data <i>disbursement</i> disemak oleh unit pelaburan dan unit kewangan pada setiap</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>bulan.</p> <p>Kami sedia maklum perkara tersebut dan sedang dalam proses menambahbaik proses rekod perakaunan kami.</p> <p>Untuk tindakan penambahbaikan, kami telah menemui 3 firma konsultan untuk merangka kaedah perakaunan dan aliran proses yang terbaik untuk tujuan tersebut. Kami jangka aktiviti konsultansi akan bermula pada pertengahan bulan April 2014, setelah pengauditan kewangan tahunan CFSB bagi tahun berakhir 2013 selesai. Tarikh jangka siap adalah pada bulan Jun 2014.</p>
20.5.2.1.c	<p>CIP Catalyst mula diperkenalkan pada tahun 2003. Pada awal pelaksanaannya, amaun maksimum geran adalah RM50,000. Namun dengan kelulusan Kementerian Kewangan, amaun maksimum geran telah ditingkatkan kepada RM150,000 mulai tahun 2008. CIP 500 pula telah diluluskan pelaksanaannya oleh Kementerian Kewangan pada 13 Julai 2009 dan kelulusan pertama yang diberikan adalah pada 31 Mei 2010. Sejak CIP diperkenalkan sehingga 31 Disember 2012, sebanyak 574 projek melibatkan amaun geran berjumlah RM90.16 juta telah diluluskan. Daripada jumlah yang diluluskan, sejumlah RM40.53 juta (44.9%) telah dibelanjakan. Sebanyak 282 projek telah siap, 153 projek masih dalam pelaksanaan dan 139 projek telah dibatalkan.</p>	<p>Sehingga 31 Disember 2013, kelulusan CIP berjumlah sebanyak 629 projek yang bernilai RM106.69 juta.</p>
20.5.2.1.d	<p>Sepanjang tempoh tahun 2010 hingga bulan Mei 2013, sejumlah 1,788 permohonan CIP telah diterima melibatkan amaun geran berjumlah RM447.88 juta iaitu 1,264 permohonan bagi CIP Catalyst dan 524 permohonan bagi CIP 500. Sebanyak 224 (12.5%) permohonan telah diluluskan dengan nilai pelaburan berjumlah RM69.56 juta (15.5%). Adalah didapati purata permohonan yang diterima setahun adalah 336 bagi CIP Catalyst dan 121 permohonan bagi CIP 500 (purata permohonan bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012). Bagaimanapun, jumlah permohonan yang diluluskan didapati semakin menurun iaitu daripada 55 permohonan pada tahun 2010 kepada hanya 21 permohonan pada tahun 2012 bagi CIP Catalyst iaitu penurunan sebanyak 34 (61.8%) permohonan. Bagi CIP 500, pihak Audit mendapati jumlah permohonan yang diluluskan pada tahun 2011 meningkat kepada 40 berbanding 33 permohonan pada tahun 2010. Bagaimanapun, kelulusan pada tahun 2012 menurun kepada hanya 18 permohonan iaitu penurunan sehingga 55%. Prestasi kelulusan bagi tahun 2013 tidak dianalisis kerana data yang diperolehi hanya setakat bulan Mei 2013.</p>	<p>Pecapaian harus diukur berdasarkan KPI dan amaun yang telah diperuntukkan, untuk setiap produk pembiayaan.</p> <p>Amaun yang telah diperuntukkan bagi tahun 2011 adalah RM23.0 juta dimana RM3 juta bagi CIP Catalyst dan RM20 juta bagi CIP500.</p> <p>Pada tahun 2012, amaun yang diperuntukkan adalah sebanyak RM10.4 juta, dimana RM2.4 juta diperuntukkan bagi CIP Catalyst dan RM8.0 juta diperuntukkan bagi CIP500.</p> <p>Bagi tahun 2013 amaun yang diperuntukkan adalah sama seperti 2012.</p> <p>Oleh kerana peruntukan bagi pembiayaan geran menurun dari tahun ke tahun jumlah permohonan yang dapat diluluskan juga menurun sejajar dengan peuntukkan yang diberikan. Namun begitu bagi tahun 2012 dan 2013 setelah menilai semula kemampuan CFSB dari segi kedudukan kewangan syarikat, dan jumlah permohonan yang berkualiti, pihak pengurusan telah meluluskan bagi penambahan jumlah permohonan yang diluluskan. Sejumlah RM8.35 juta telah diperuntukkan untuk</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																																			
	<p>Maklum Balas CFSB Yang Diterima Pada 24 Januari dan 14 Februari 2014</p> <p>Jumlah permohonan yang diluluskan menurun dari tahun 2010 ke 2012 disebabkan oleh peruntukan yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan padatahun 2012 semakin berkurangan berbanding dengan tahun 2010. Berdasarkan pemeriksaan kami terdapat penyelarasan audit (auditadjustment) berjumlah RM300,779.10 pada tahun 2012 untuk cek yang tidak ditunai oleh penerima geran. Jumlah tersebut akan dimasukkan semula selepas cek-cek tersebut dikeluarkan semula (<i>reissuance</i>) kepada penerima geran.</p> <p>Pada pendapat Audit, prestasi CIP adalah kurang memuaskan kerana walaupun geran berjumlah RM140 jutatelah disalurkan, namun hanya RM40.16 juta (mengikut data Penyata Kewangan yang diaudit tahun 2012) atau 28.7% telah dibelanjakan (<i>disbursement</i>) untuk penerima geran. Selain itu, bilangan projek yang diluluskan sepanjang tahun 2010 hingga 2012 juga menunjukkan trend yang semakin menurun. Walaupun peruntukan tahunan dari Kementerian Kewangan menurun, adalah didapati baki peruntukan yang tidak dibelanjakan oleh CFSB setakat 31 Disember 2012 adalah berjumlah RM52.56 juta(37.5%) daripada jumlah geran yang disalurkan oleh Kementerian Kewangan.</p>	<p>menambah bilangan kelulusan untuk tahun 2012 dan 2013 dari rezab yang tidak digunakan dari penjimatan kos operasi dan idea dan projek yang telah ditamatkan.</p> <p>Bagi tahun 2013 terdapat peningkatan ketara dari segi permohonan dan permohonan diluluskan. Peningkatan kelulusan sebanyak 43% bagi permohonan bagi program CIP Catalyst dan sebanyak 39% bagi program CIP500.</p> <table border="1" data-bbox="1167 451 2056 683"> <thead> <tr> <th></th> <th>Pencapaian 2012</th> <th>Pencapaian 2013</th> <th>Varians</th> <th>peningkatan%</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>CIP 150</td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>Permohonan</td> <td>337</td> <td>661</td> <td>324</td> <td>96%</td> </tr> <tr> <td>Kelulusan</td> <td>21</td> <td>30</td> <td>9</td> <td>43%</td> </tr> <tr> <td>CIP 500</td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>Permohonan</td> <td>98</td> <td>405</td> <td>307</td> <td>313%</td> </tr> <tr> <td>Kelulusan</td> <td>18</td> <td>25</td> <td>7</td> <td>39%</td> </tr> </tbody> </table> <p>Kami berpendapat adalah tidak adil membuat kesimpulan tentang prestasi CIP hanya berdasarkan pencapaian permohonan dan kelulusan yang dicapai dari segi “nombor” sahaja. Walaupun kami faham bahawa pada dasarnya KPI CIP yang formal adalah jumlah permohonan dan kelulusan geran, status pencapaian CIP juga perlu diukur dari segi kadar pengkomersilan, bilangan usahawan yang dibangunkan, tambah-nilai atau “<i>value-add</i>” yang telah diberi kepada usahawan, dan juga bilangan inovasi yang dicipta oleh penerima-penerima CIP. Oleh itu pada pendapat kami, kenyataan bahawa pencapaian CIP kurang memuaskan adalah kurang tepat.</p> <p>Sekali lagi kami ingin menyatakan, penyata kewangan CFSB hanya merekodkan jumlah yang telah dibayar dan tidak merekodkan jumlah amaun yang diluluskan, yang telah komited kepada penerima geran CIP, dan akan dibayar berdasarkan <i>milestone</i> yang dicapai oleh penerima tersebut. Kami sedang dalam proses mengubah polisi rekod perakaunan kami supaya memberi gambaran sebenar aktiviti pelaburan CFSB. Dengan itu jumlah yang diluluskan kepada penerima geran akan dinyatakan kedalam Penyata Kewangan kami. Setakat bulan Disember 2012 jumlah keseluruhan yang telah diluluskan berjumlah RM70.7 juta, manakala jumlah yang belum dibayar sepenuhnya (<i>committed &amp; yet to be disbursed</i>) berjumlah RM30.6 juta (21.9%). Oleh itu baki geran sebanyak RM52.56 juta yang dinyatakan adalah tidak tepat kerana tidak mengambil kira jumlah tersebut.</p> <p>Kami telah menambah baik proses permohonan kami bermula dari awal tahun 2013. Kami telah memperkenalkan proses ‘<i>pitching</i>’ dimana usahawan dapat membenteng cadangan mereka secara bersemuka dengan jawatan kuasa penilaian. Proses ini</p>		Pencapaian 2012	Pencapaian 2013	Varians	peningkatan%	CIP 150					Permohonan	337	661	324	96%	Kelulusan	21	30	9	43%	CIP 500					Permohonan	98	405	307	313%	Kelulusan	18	25	7	39%
	Pencapaian 2012	Pencapaian 2013	Varians	peningkatan%																																	
CIP 150																																					
Permohonan	337	661	324	96%																																	
Kelulusan	21	30	9	43%																																	
CIP 500																																					
Permohonan	98	405	307	313%																																	
Kelulusan	18	25	7	39%																																	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>telah berjaya meningkatkan jumlah permohonan dan secara tidak langsung kualiti permohonan.</p> <p>Kami juga telah meningkatkan jumlah permohonan yang diluluskan sebanyak 39%-43%. Peningkatan jumlah permohonan yang diluluskan ini adalah berdasarkan baki peruntukan yang tidak dibelanjakan. Baki peruntukan ini adalah terdiri dari jumlah projek yang dibatalkan atau yang tidak digunakan sepenuhnya.</p> <p>Kami akan menilai baki peruntukan yang tidak digunakan dari masa ke semasa dan menambah bilangan kelulusan berdasarkan lebih yang ada. Namun, kami tidak akan berkompromi dari segi kualiti idea dan cadangan perniagaan.</p>
<p><b>20.5.2.3</b></p>	<p><b>Perbelanjaan Pentadbiran</b></p> <p>CFSB menetapkan sasaran perbelanjaan pentadbiran (termasuk susut nilai) semasa penyediaan bajet tahunan syarikat. Bajet tahunan ini diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan disemak semula jika perlu. Semakan Audit mendapati bajet perbelanjaan pentadbiran tahun 2011 meningkat sejumlah RM1.25 juta (21.4%) berbanding tahun 2010. Manakala bajet bagi tahun 2012 meningkat sejumlah RM2.51 juta (35.4%) berbanding tahun 2011. Semakan Audit mendapati peratusan kenaikan jumlah bajet tahunan bagi perbelanjaan pentadbiran adalah tidak konsisten. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat menentukan asas kenaikan kerana kertas bajet yang disediakan oleh CFSB tidak menyatakan dengan jelas mengenai perkara tersebut. Perbandingan perbelanjaan sebenar berbanding bajet mendapati CFSB telah berbelanja di dalam had bajet yang diluluskan.</p> <p>Maklum Balas CFSB Yang Diterima Pada 24 Januari 2014</p> <p>Perbelanjaan meningkat dari tahun 2010 ke tahun 2012 disebabkan oleh pertambahan kakitangan, peningkatan bayaran fi kepada pengarah, sewa pejabat dan perbelanjaan promosi.</p> <p>Pada pendapat Audit, justifikasi peningkatan bajet perbelanjaan pentadbiran sepatutnya disediakan semasa pembentangan bajet kepada Lembaga Pengarah untuk membantu proses membuat keputusan.</p>	<p>Justifikasi peningkatan bajet bagi item besar ada dibentangkan kepada ahli lembaga pengarah secara berasingan dari pembentangan bajet keseluruhan.</p> <p>Penambahan kos staf ada dibentangkan ketika penilaian kenaikan gaji staf setiap tahun dan penambahan staf ada dibentangkan melalui kelulusan carta organisasi. (BOD no 04/2010 bertarikh 3 September 2010). Walaupun kelulusan telah dibuat pada penghujung 2010 implementasi peningkatan staff dijalankan secara berperingkat mengikut keperluan sehingga kini). Contoh: Kos gaji terdapat peningkatan sebanyak RM363, 524 (15%) dari tahun 2011 ke 2012. Jumlah ini adalah termasuk penambahan kakitangan. Insurans peningkatan sebanyak 57% berjumlah RM42, 846.</p> <p>Penambahan ruang kerja dan kos renovasi juga ada dibentangkan kepada ALP secara berasingan. (BOD 01/2010 bertarikh 23 Ogos 2010 dan BOD 04/2011 bertarikh 3 Ogos 2011). Penambahan kos sewaan sebanyak RM97, 809, peningkatan sebanyak 27%.</p> <p>Penambahan fi pengarah adalah selaras dengan Garis Panduan Berkaitan Bayaran Elaun Lembaga Pengarah Syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan yang berkuatkuasa 1 Januari 2012. Penambahan sebanyak RM175, 340, peningkatan sebanyak 40%.</p> <p>Sila rujuk Maklum Balas Terhadap Pemerhatian Audit yang telah diberikan pada 24 Januari 2014.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
20.5.2.5.e	<p><b>Tahap Keuasan Dan Pendapat Golongan Sasar Mengenai Cradle Investment Programme</b></p> <p>Walaupun responden secara umumnya berpendapat CIP adalah baik, namun terdapat proses dan prosedur yang masih perlu ditambah baik seperti berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. CFSB perlu mempercepatkan proses tuntutan. Proses sedia ada terlalu lambat sehingga mengambil masa selama 3 bulan;</li> <li>ii. CFSB perlu lebih memberi sokongan dan tunjuk ajar kepada <i>start up companies</i> di samping membuat kawalan ketat terhadap proses <i>disbursement</i>;</li> <li>iii. CFSB perlu lebih fleksibel dalam perubahan projek selagi ia menyumbang kepada pencapaian objektif projek;</li> <li>iv. Program <i>Coach and Grow</i> perlu selari dengan permulaan projek CIP 500 untuk membantu dan memantau perkembangan projek; dan</li> <li>v. CFSB perlu melakukan penyelarasan dalam jenis perbelanjaan yang boleh dituntut serta memberi bantuan dan tunjuk ajar kepada syarikat mengenai tuntutan yang dibenarkan.</li> </ol>	<p>Pembayaran geran bergantung kepada dokumen tuntutan pembayaran yang lengkap dari penerima geran. Proses <i>disbursement</i> tidak dapat diluluskan dalam tempoh 25 yang ditetapkan sekiranya terdapat dokumen yang tidak lengkap.</p> <p>Kami ada menjalankan program-program bagi memperkasakan usahawan antaranya aktiviti '<i>Competency Building</i>', khidmat <i>Ideas Bank</i> dimana usahawan diberikan sokongan dalam bentuk jalinan dan rangkaian rakan strategik CFSB.</p> <p>CFSB ada membenarkan perubahan projek dilakukan melalui proses '<i>change request</i>' dan mengikut keperluan bisnes usahawan.</p> <p>Program CGP adalah program berasingan dari program pelaburan Cradle. Peserta program CGP bukanlah hanya terdiri dari penerima geran CIP bahkan ia juga merangkumi penerima dana bantuan kerajaan dari agensi agensi kerajaan yang lain. Selain itu, kami sedang merangka program pembangunan dan tambah nilai khusus untuk penerima geran CIP.</p> <p>Setiap perbelanjaan yang boleh dituntut sudah sedia ada diselaraskan dan setiap penerima geran sudah diterangkan cara penggunaan geran sebelum permohonan mereka diluluskan dan mereka juga sudah pun diberi tunjuk ajar cara proses tuntutan yang dibenarkan melalui sesi "<i>standard briefing</i>" yang diadakan sebelum mereka menandatangani perjanjian geran.</p>
20.5.2.6	<p><b>Pencapaian Key Performance Indicator</b></p> <p>Pengurusan CFSB telah mewujudkan 5 <i>Key Performance Indicator</i> (KPI) sebagai mekanisme pengukuran prestasi program CIP Catalyst dan CIP 500. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a. penetapan KPI CFSB tidak merangkumi semua aktiviti syarikat. CFSB mempunyai 2 unit utama iaitu Unit Penilaian Pelaburan (<i>evaluation</i>) serta Unit Perbelanjaan dan Pemantauan (<i>disbursement and monitoring</i>). Selain itu, terdapat unit sokongan seperti pemasaran dan komunikasi, pengkomersialan dan usahasama, kewangan serta pengurusan korporat. Bagaimanapun, KPI yang disediakan hanya menilai prestasi Unit Penilaian Pelaburan iaitu melibatkan bilangan permohonan dan kelulusan CIP serta Unit Pengkomersialan yang melibatkanperatus pengkomersialan projek yang telah siap;</li> </ol>	<p>Kami akan menambah baik keperluan KPI supaya lebih menyeluruh kepada unit-unit sokongan dalam CFSB. Kami akan menetapkan KPI tersebut bermula bulan Mac bagi tahun 2014 dan akan dibentangkan pada Mesyuarat Lembaga Pengarah sesi 2/2014.</p> <p>Penetapan sasaran KPI untuk tahun 2011 adalah satu anomali, kerana CFSB tidak pasti pada akhir tahun 2010, jika ada peruntukan baru di bawah RMK10 dan sekira ada, kami juga tidak dapat kepastian tentang jumlah peruntukan dan tarikh bila peruntukan tersebut akan diberikan. Atas sebab itu pada tahun 2011, KPI ditetapkan selepas peruntukan diterima dari Kementerian Kewangan pada 7 Mac 2011.</p> <p>Kenyataan Para 5.2.6.c. Adalah tidak tepat. Ia boleh di salah tafsirkan bahawa CFSB tidak mencapai KPI pada setiap tahun.</p>



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																																												
	<p>b. penetapan sasaran KPI bagi tahun 2011 hanya meliputi bilangan kelulusan CIP, namun ia tidak dibawa untuk kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah; dan</p> <p>c. Sepanjang tempoh Jun 2009 sehingga Disember 2010, CFSB berjaya mencapai antara 1 hingga 4 daripada 5 elemen KPI yang ditetapkan. Sebagai contoh bagi tempoh bulan Jun 2009 hingga Mei 2010, hanya 1 daripada 5 KPI yang ditetapkan telah dapat dicapai iaitu bilangan kelulusan CIP 500.</p> <p>Maklum Balas CFSB Yang Diterima Pada 24 Januari Serta 4 Februari Dan 14 Februari 2014</p> <p>CFSB ada menghantar laporan pencapaian KPI kepada pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi di bawah Inisiatif 8. Pada tahun 2011, CFSB tidak menetapkan KPI rasmi kerana kami tidak pasti sama ada CFSB akan menerima peruntukan baru di bawah RMKe-10. Kami akan menambah baik keperluan KPI supaya lebih menyeluruh kepada unit-unit sokongan dalam CFSB.</p> <p>Pada pendapat Audit, tanpa KPI yang menyeluruh, CFSB sukar untuk menentukan pencapaian dan keberkesanan pengurusan geran CIP.</p>	<p>Dari 5 KPI yang ditetapkan setiap tahun, KPI yang tidak tercapai dari tahun 2010 hingga 2012 adalah KPI bagi bilangan permohonan CIP Catalyst bagi tahun 2010 (333 permohonan diterima berbanding KPI 400), KPI permohonan CIP500 pada tahun 2012 (97 permohonan diterima berbanding KPI 100 permohonan) dan KPI kelulusan CIP Catalyst bagi tahun 2010 (55 kelulusan berbanding KPI 63), oleh kerana lebih kes dan biayaan disalurkan ke CIP500 pada 2010. Oleh itu, kami memohon agar ayat tersebut diperbetulkan.</p> <p>Kami juga rasa perlu dan wajar untuk ditekankan bahawa selain dari KPI yang disebut di atas, CFSB telah berjaya melebihi sasaran utama KPI yang ditetapkan bagi tempoh masa tersebut.</p> <p>Kami ingin membuat sedikit pembedaan pada Jadual 9, kerana mendapati pihak audit telah terkurang kira bagi kelulusan bagi KPI bagi June 2010 – Disember 2010 dimana 9 kelulusan tidak diambil kira. Jadi, KPI untuk tempoh tersebut sebenarnya telah dicapai.</p> <p>Kami ingin membuat penambahan kerana pihak Audit tidak mengambil kira pencapaian tahun 2013 yang terkini seperti berikut:-</p> <p style="text-align: center;"><b>Pencapaian Kpi Bagi 2012 Dan 2013</b></p> <table border="1" data-bbox="1234 895 2013 1129"> <thead> <tr> <th rowspan="2">KPI / TAHUN</th> <th colspan="2">2012</th> <th colspan="2">2013</th> </tr> <tr> <th>S</th> <th>P</th> <th>S</th> <th>P</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td><b>CIP Catalyst</b></td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>Permohonan</td> <td>200</td> <td>337</td> <td>240</td> <td>661</td> </tr> <tr> <td>Kelulusan</td> <td>20</td> <td>21</td> <td>16</td> <td>30</td> </tr> <tr> <td>% berjaya dikomersial</td> <td>57</td> <td>58</td> <td>58</td> <td>59</td> </tr> <tr> <td><b>CIP500</b></td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>Permohonan</td> <td>100</td> <td>97</td> <td>120</td> <td>405</td> </tr> <tr> <td>Kelulusan</td> <td>16</td> <td>18</td> <td>16</td> <td>25</td> </tr> </tbody> </table>	KPI / TAHUN	2012		2013		S	P	S	P	<b>CIP Catalyst</b>					Permohonan	200	337	240	661	Kelulusan	20	21	16	30	% berjaya dikomersial	57	58	58	59	<b>CIP500</b>					Permohonan	100	97	120	405	Kelulusan	16	18	16	25
KPI / TAHUN	2012			2013																																										
	S	P	S	P																																										
<b>CIP Catalyst</b>																																														
Permohonan	200	337	240	661																																										
Kelulusan	20	21	16	30																																										
% berjaya dikomersial	57	58	58	59																																										
<b>CIP500</b>																																														
Permohonan	100	97	120	405																																										
Kelulusan	16	18	16	25																																										
20.5.3.1.a	<p><b>Pengurusan Aktiviti CIP – Perancangan - Kaedah Pemberian Geran Kepada CFSB Kurang Jelas</b></p> <p>CFSB telah menerima peruntukan geran berjumlah RM85 juta melalui RMKe-9 di mana sejumlah RM49.28 juta (58%) daripadanya telah dibelanjakan. Pada penghujung RMKe-9, masih terdapat baki berjumlah RM35.72 juta (42%). Baki geran ini telah dibawa ke tahun 2011 di bawah RMKe-10 dan sejumlah RM30 juta lagi telah diluluskan. Namun didapati CFSB hanya membelanjakan sejumlah RM16.35 juta (24.9%) daripada</p>	<p>Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, Penyata kewangan CFSB hanya merekodkan jumlah yang telah dibayar dan tidak merekodkan jumlah amaun yang diluluskan. Kami sedang dalam proses menambahbaik proses merekodkan jumlah yang diluluskan ke dalam Penyata Kewangan kami. Setakat bulan Disember 2012 jumlah yang telah diluluskan dan belum dibayar sepenuhnya (<i>committed amount</i>) berjumlah RM30.6 juta (21.9%). Oleh itu baki geran sebanyak RM52.56 juta yang</p>																																												

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>keseluruhan peruntukan yang berjumlah RM65.72 juta. Bagi tahun 2012, Kementerian Kewangan telah meluluskan geran berjumlah RM25 juta walaupun masih terdapat baki geran yang belum dibelanjakan berjumlah RM49.37 juta. Sebagai perbandingan, perbelanjaan yang dilakukan CFSB pada tahun 2012 hanya berjumlah RM21.81 juta (29.3%) daripada keseluruhan peruntukan tahun 2012 yang berjumlah RM74.37 juta. Pihak Audit tidak menemui bukti yang menunjukkan penyelarasan dilakukan antara baki geran yang masih belum digunakan dengan keperluan perbelanjaan sebenar CFSB serta jumlah komitmen geran yang masih ditanggung oleh CFSB sebelum meluluskan geran tambahan pada tahun 2011 dan 2012. Setakat 31 Disember 2012, geran CIP masih berbaki RM52.56 juta walaupun telah 10 tahun diperkenalkan.</p>	<p>dinyatakan adalah tidak tepat kerana tidak mengambil kira jumlah tersebut.</p> <p>Proses '<i>disbursement</i>' juga dilakukan melalui cara pembayaran balik (<i>reimbursement</i>) dimana penerima geran akan menuntut perbelanjaan sebenar mereka mengikut amaun dan <i>milestone</i> yang telah ditetapkan didalam perjanjian antara CFSB dan penerima geran. Selagi penerima geran tidak menuntut atau menepati syarat-syarat bagi mereka mendapatkan bayaran tuntutan, pembayaran tidak akan dibuat.</p> <p>Oleh itu walaupun sesuatu projek telah diluluskan didalam RMK9 proses pembayaran projek tersebut masih dijalankan semasa RMK10.</p> <p>Pembayaran balik juga dilakukan berdasarkan '<i>milestone</i>' dan tidak dibuat secara '<i>lump sum</i>' di awal projek bagi memastikan penerima geran menggunakan wang geran secara terkawal dan tidak tersasar dari perancangan mereka.</p>
<p><b>20.5.3.1.b.i</b></p>	<p><b>Tiada Penetapan Berhubung Perbelanjaan Geran</b></p> <p>Sehingga 31 Disember 2012, CFSB telah membelanjakan sejumlah RM47.28 juta (33.8%) untuk perbelanjaan pentadbirannya berbanding keseluruhan jumlah geran yang berjumlah RM140 juta. Perbelanjaan pentadbiran ini didapati lebih tinggi berbanding amaun yang telah dibelanjakan untuk penerima geran CIP (<i>disbursement</i>) yang berjumlah RM40.16 juta (28.7%). Berdasarkan trend perbelanjaan dari tahun 2010 hingga 2012 pula, didapati perbelanjaan pentadbiran CFSB semakin meningkat iaitu daripada RM4.73 juta pada tahun 2010 menjadi RM6.29 juta pada tahun 2011 dan RM7.28 juta pada tahun 2012. Berdasarkan trend ini, pihak Audit mendapati semakin panjang tempoh geran, semakin tinggi pula perbelanjaan pentadbiran yang ditanggung oleh Kerajaan. Keadaan ini berlaku kerana tiada penetapan mengenai had maksimum jumlah geran yang boleh digunakan oleh CFSB sebagai perbelanjaan pentadbiran.</p> <p>Maklum Balas CFSB Yang Diterima Pada 24 Januari 2014</p> <p>Setakat ini tiada perjanjian dimeterai antara CFSB dan Kementerian Kewangan untuk pengurusan dan tempoh geran. Pihak CFSB akan berunding dengan Kementerian Kewangan.</p>	<p>Kami akan memastikan perbelanjaan pentadbiran dan amaun geran direkodkan secara berasingan.</p> <p>Sebagai garis panduan perbelanjaan operasi CFSB kami memperuntukkan 6-8% setahun dari jumlah keseluruhan peruntukkan RMK 10. Jumlah sebenar yang dibelanjakan adalah kurang daripada jumlah itu dan jumlah yang dibajet, setiap tahun.</p> <p>Walaupun jumlah yang diluluskan berubah setiap tahun, namun jumlah projek terkumpul pada setiap tahun bertambah. Ini adalah disebabkan purata tempoh menyiapkan projek dan tempoh pembayaran (<i>disbursement</i>) memakan masa hampir 2 tahun dan tempoh pemantauan memakan masa 3 tahun bagi memastikan penerima geran berjaya mencapai objektif geran. Oleh itu jumlah projek syarikat yang dikendalikan meningkat setiap tahun.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
20.5.3.1.b.ii	<p>Semakan Audit juga mendapati pada tahun 2013, Lembaga Pengarah CFSB telah meluluskan bajet berjumlah RM1.70 juta untuk menaja pelaksanaan <i>Junior World Economic Forum</i> (JWEF) selama 2 tahun. Di samping itu juga, CFSB telah menggunakan dana geran CIP untuk menyalurkan dana bulanan berjumlah RM1, 000 kepada <i>Cradle Recreational, Outing &amp; Sports Club</i> (CROCS). Semakan lanjut mendapati CROCS tidak berdaftar dengan Jabatan Pendaftar Pertubuhan Malaysia (ROS). Sepanjang tempoh tahun 2010 hingga bulan Ogos 2013, selain dana bulanan untuk CROCS, CFSB juga membuat perbelanjaan lain seperti group lunch, hari keluarga dan lawatan ke luar negara menggunakan dana geran CIP berjumlah RM655, 095. Pihak Audit tidak dikemukakan sebarang dokumen untuk mengesahkan bahawa kesemua perbelanjaan ini yang menggunakan peruntukan geran CIP telah dipersetujui oleh Kementerian Kewangan.</p> <p>Maklum Balas CFSB Yang Diterima Pada 24 Januari 2014</p> <p>Pelaksanaan JWEF adalah untuk membangunkan ekosistem masa akan datang bagi membangunkan usahawan muda. Perbelanjaan bagi aktiviti CROCS adalah insentif kepada kakitangan CFSB yang juga merupakan usaha "<i>staff retention</i>". Ini adalah peruntukan khas untuk meningkatkan kualiti hidup kakitangan CFSB.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 5 Februari 2014</p> <p>Bagi penyaluran geran CIP tahun 2014, pihak Kementerian akan menggariskan terma dan syarat bagi menambah baik pemantauan geran CIP ini.</p> <p>Pihak Kementerian akan mengadakan perbincangan dengan pihak CFSB berhubung perbelanjaan yang tidak melibatkan pelaksanaan geran CIP ini terutamanya berkaitan dengan CROCS dan juga perbelanjaan-perbelanjaan lain yang tidak melibatkan pelaksanaan geran secara langsung. Selain itu, pihak CFSB juga akan dinasihatkan agar perbelanjaan yang tidak terlibat secara langsung dalam pembiayaan geran CIP ini tidak boleh digunakan daripada duit geran yang diterima daripada Kementerian Kewangan.</p>	<p>Perbelanjaan CROCS adalah sebahagian perbelanjaan operasi syarikat dan telah dibentangkan dalam perbentangan bajet setiap tahun kepada Lembaga Pengarah.</p> <p>CFSB telah menjana keuntungan terkumpul sebanyak RM5.61 Juta setakat tahun 2012 dari faedah dan dividen yang diterima. Perbelanjaan yang dinyatakan oleh pihak audit tidak melebihi keuntungan yang telah dijana dan tidak menyentuh amaun geran pokok yang telah diterima daripada Kementerian Kewangan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>20.5.3.1.c</b></p>	<p><b>Geran CIP Digunakan Untuk Pelaburan Dalam Dana Amanah</b></p> <p>Setakat 31 Disember 2012, CFSB membuat pelaburan dalam 5 dana amanah berjumlah RM44.52 juta menggunakan baki geran CIP yang belum dibelanjakan. Pada tahun 2011, CFSB membuat pelaburan dalam CIMB Islamic Dali Equity Growth Fund berjumlah RM5 juta dan dikenakan bank charge for short term funding berjumlah RM305, 164 bagi pelaburan berkenaan. CFSB mengesahkan bahawa pelaburan ini mempunyai risiko kerugian jika pelaburan ini tidak mendatangkan keuntungan. Pelaburan yang dibuat oleh CFSB mendedahkan Kerajaan kepada risiko pelaburan walaupun setakat ini pelaburan berkenaan telah mencatat pulangan yang baik. CFSB juga tidak memohon kebenaran daripada Kementerian Kewangan untuk pelaburan ini.</p> <p>Maklum Balas CFSB Yang Diterima Pada 24 Januari dan 14 Februari 2014</p> <p>Kelulusan pelaburan telah diberikan oleh Ahli Lembaga Pengarah pada 23 Jun 2011. CFSB akan memastikan pelaburan dibuat dalam <i>fixed instrument</i>. Ini dapat mengurangkan risiko pelaburan.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan geran di peringkat perancangan adalah kurang memuaskan. Kelemahan dalam perancangan geran mengakibatkan geran diurus mengikut budi bicara pelaksana tanpa panduan yang jelas daripada Kementerian Kewangan. Memandangkan semua aktiviti kakitangan adalah menggunakan dana geran CIP, perbelanjaan hendaklah dilaksanakan dengan berhemat dan munasabah. Geran CIP juga bukan untuk tujuan mendapatkan hasil dari faedah pelaburan. Sehubungan itu, pihak Audit berpendapat CFSB perlu memohon kebenaran daripada Kementerian Kewangan terlebih dahulu sebelum pelaburan berisiko dibuat untuk menjamin kepentingan Kerajaan selaku pemberi geran CIP.</p>	<p>CFSB akan memastikan pelaburan dibuat dalam <i>fixed instrument</i> atau pelaburan berisiko rendah. Ini akan dapat mengurangkan risiko pelaburan oleh kerana objektif pelaburan adalah untuk pemeliharaan modal (<i>capital preservation</i>).</p> <p>Kementerian Kewangan juga menggalakkan pihak CFSB untuk menjana pendapatan supaya kos operasi dan ganjaran staf CFSB tidak bergantung sepenuhnya dari peruntukkan geran.</p> <p>Ahli Lembaga Pengarah sentiasa memantau prestasi pelaburan dan menasihati jenis-jenis instrumen pelaburan yang digunakan. Kementerian Kewangan mempunyai wakil di dalam Lembaga Pengarah yang juga menasihati CFSB bagi isu-isu pelaburan.</p> <p>CFSB akan memohon kebenaran dari Kementerian Kewangan untuk menjalankan pelaburan pada bulan Mac 2014.</p>
<p><b>20.5.3.2</b></p>	<p><b>Standard Operating Procedures (SOP) Dan Garis Panduan Dalam Pengurusan Cradle Investment Programme (CIP)</b></p> <p>Pengurusan CFSB telah menyediakan 4 garis panduan bagi memastikan pengurusan dan pelaksanaan CIP yang teratur iaitu CIP Catalyts - Evaluation Process Manual; CIP Catalyst – <i>Disbursement &amp; Mentoring Manual</i>; CIP 500 – <i>Evaluation Guidelines</i>; dan CIP 500 – <i>Disbursement &amp; Monitoring Guidelines</i>. Garis panduan ini telah disedia dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah CFSB. Semakan Audit terhadap garis panduan yang</p>	<p>Semua proses yang disebut itu masih mengikut segala prosedur yang ditetapkan CFSB cuma masih kekurangan dari segi dokumentasi disebabkan kekangan sumber dan kakitangan. Pihak CFSB akan memastikan SOP dikemaskinikan selewat-lewatnya akhir bulan Jun 2014.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>disediakan mendapati garis panduan ini tidak lengkap dengan perkara seperti berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a. CIP Catalyst – Proses semakan dan kelulusan permohonan dari Tranche 2 ke Tranche 3 hanya dinyatakan di dalam perjanjian, tiada SOP lengkap mengenai pelaksanaan proses ini;</li> <li>b. CIP 500 – Proses kerja yang perlu dilaksanakan oleh CFSB sepanjang tempoh pemantauan (<i>Monitoring Period</i>) tidak disediakan;</li> <li>c. Proses pembatalan projek – tiada SOP disediakan;</li> <li>d. Kutipan semula jumlah geran (<i>Debt Recovery Process</i>) –SOP yang lengkap masih belum disediakan;</li> <li>e. <i>Partial Completion</i> – tiada SOP disediakan; dan</li> <li>f. Pelaporan – keempat-empat SOP tidak menjelaskan keperluan penyediaan dokumen pelaporan untuk dibentangkan kepada pihak pengurusan CFSB dan Kementerian Kewangan.</li> </ol> <p>Maklum Balas CFSB Yang Diterima Pada 24 Januari 2014</p> <p>Semua proses yang diamalkan akan dikemas kini sebagai SOP.</p> <p>Pada pendapat Audit, ketiadaan SOP yang lengkap menyukarkan proses pelaksanaan dan pemantauan geran dilaksanakan. Ia juga menyebabkan pelaksanaan kerja yang tidak seragam.</p>	
20.5.3.3.a	<p><b>Aktiviti Promosi</b></p> <p>Aktiviti promosi dilaksanakan bertujuan untuk memperkenalkan CIP dan menarik minat usahawan untuk memohon CIP. Sepanjang tempoh tahun 2010 hingga 2012, sejumlah RM852,354 telah dibelanjakan untuk pelbagai aktiviti promosi seperti iklan di media massa, <i>Info Talk, Networking Session</i> (Jamuan Hari Raya dan Tahun Baru Cina) dan lain-lain. Sungguh pun perbelanjaan promosi telah meningkat daripada RM314, 107 pada tahun 2010 kepada RM324, 433 pada tahun 2012, pihak Audit mendapati bilangan permohonan CIP sebaliknya telah menurun daripada 488</p>	<p>Peningkatan permohonan bukanlah sekadar penambahbaikan aktiviti promosi, ia juga melibatkan penambahbaikan proses permohonan, untuk menggalakkan lebih permohonan. Contohnya proses '<i>pitch</i>' yang telah diperkenalkan pada tahun 2013 telah meningkatkan permohonan CIP Catalyst ke 661 permohonan dan bagi CIP500 sebanyak 405 permohonan diterima. Ia merupakan peningkatan sebanyak 96% bagi CIP Catalyst dan 313% bagi CIP500.</p> <p>Untuk menilai pencapaian aktiviti promosi, kami akan menetapkan sasaran KPI yang</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>permohonan pada tahun 2010 kepada 434 permohonan pada tahun 2012. Adalah didapati permohonan CIP Catalyst hanya tertumpu di Selangor dan Kuala Lumpur yang merangkumi 61% daripada jumlah permohonan yang diterima oleh CFSB.</p>	<p>lebih menyeluruh bagi unit Pemasaran dan Perkongsian Strategik yang dijangka selewat-lewatnya April 2014.</p>
<p><b>20.5.3.3.b</b></p>	<p><b>Kajian Keberkesanan Aktiviti Promosi Oleh CFSB</b></p> <p>Pada tahun 2011, CFSB telah melaksanakan kajian keberkesanan aktiviti promosi terhadap 92 responden yang mana 64 responden adalah penerima CIP Catalyst (Batch 61, 62, 63 dan 64) dan 28 penerima CIP 500. Hasil kajian mendapati aktiviti promosi yang dijalankan oleh CFSB hanya memberi kesan kepada 23 responden (25%) iaitu 9 responden (9.8%) mengetahui CIP melalui media massa; 12 responden (13.0%) melalui aktiviti persidangan dan pameran serta 2 responden (2.2%) melalui program Info Talk. Adalah didapati lebih ramai responden [36 responden (39.1%)] mengetahui mengenai CIP daripada kawan-kawan.</p> <p>Maklum Balas CFSB Yang Diterima Pada 24 Januari 2014</p> <p>CFSB akan mengadakan lebih banyak aktiviti bersifat mesra pelanggan yang lebih berinteraksi untuk meningkatkan jumlah dan mutu permohonan. Berdasarkan trend pembacaan oleh usahawan teknologi masa kini, promosi CFSB akan tertumpu pada <i>online publications</i>.</p> <p>Pada pendapat Audit, aktiviti promosi yang dijalankan oleh CFSB adalah kurang memuaskan. Pihak pengurusan CFSB hendaklah mengkaji semula rancangan promosi syarikat dengan memberi fokus kepada aktiviti promosi yang berkesan. Di samping itu, pengurusan CFSB juga perlu meningkatkan aktiviti promosi di negeri-negeri lain (selain Kuala Lumpur dan Selangor) supaya geran dapat diagihkan kepada lebih ramai usahawan.</p>	<p>Pihak CFSB ada menjalankan <i>roadshow</i> (aktiviti promosi) di Pulau Pinang, Johor Bahru-Johor, Ipoh-Perak, Kuala Terengganu-Terengganu, Kota Kinabalu-Sabah, Kuantan-Pahang pada tahun 2010, 2011 dan 2012.</p> <p>Aktiviti ini telah diadakan samada dengan cara kerjasama dengan rakan industri seperti: PIKOM, MDeC, IRDA, NCIA, NEF, MAVCAP</p> <p>CFSB juga membuat promosi dengan pihak universiti di seluruh Negara seperti USM, UUM, UMS, UTP, UPM, Taylor's University &amp; College, INTI International University &amp; Colleges, MMU.</p> <p>Di samping itu, CFSB juga telah mempelbagaikan promosi menerusi kolaborasi dengan persatuan-persatuan tempatan bertempat di negeri masing-masing seperti contohnya Sabah <i>Economic Development Corporation</i> (SEDC) dan <i>Software Consortium of Penang</i> (SCOPE).</p> <p>Walaupun bagaimanapun, CFSB mendapati bahawa jumlah peratus permintaan dari kawasan di luar Kuala Lumpur, Selangor &amp; Penang adalah sangat rendah disebabkan kemudahan infrastruktur teknologi yang terhad di luar bandar. Tambahan pula, kebanyakan usahawan teknologi di luar daerah telah berhijrah ke bandar seperti Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Johor Bahru bagi mendapatkan lebih kemudahan dari segi kewangan, infra struktur dan kemudahan pembangunan insan.</p> <p>CFSB akan memberi tumpuan kepada:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Disebabkan oleh <i>trend readership</i> oleh usahawan teknologi masa kini, promosi CFSB akan tertumpu kepada <i>online publications</i> seperti Digital News Asia dan Amanz. <i>Readership</i> untuk <i>online publications</i> adalah lebih menyeluruh dan boleh di akses dari mana sahaja.</li> <li>• CFSB juga telah dan akan mengadakan lebih banyak aktiviti yang bersifat mesra-pelanggan yang lebih berinteraksi untuk meningkatkan jumlah &amp; mutu permohonan. Ini akan dapat memberi pendekatan yang lebih terperinci mengenai isu-isu yang dihadapi oleh usahawan teknologi. Untuk 2014, antara</li> </ul>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		aktiviti yang telah dikenal pasti adalah lebih tertumpu kepada ' <i>nurturing</i> ' and ' <i>building business skills</i> '.
20.5.3.4.a	<p><b>Permohonan CIP - Borang Permohonan</b></p> <p>Permohonan CIP diterima secara <i>online</i> melalui laman web CFSB. Hasil soal selidik yang dijalankan oleh pihak Audit mendapati 76.4% daripada responden tidak menghadapi masalah untuk melengkapkan borang permohonan CIP. Bagaimanapun, masih terdapat beberapa kelemahan yang dibangkitkan oleh responden antaranya laman web tidak mesra pengguna; soalan terlalu banyak dan ada soalan tidak relevan; masalah memuat naik dokumen; format borang permohonan tidak fleksibel; arahan melengkapkan borang permohonan tidak jelas; dan masalah dalam menjawab soalan yang dikemukakan seperti target market dan <i>addressable market figures</i>. Selain itu, terdapat responden yang membangkitkan isu mengenai fail <i>financial projection</i> yang tidak interlinked dengan penyata aliran tunai dan lembaran imbalan menyebabkan sebarang perubahan perlu dibuat secara manual.</p>	<p>Kami telah memperkenalkan penambahbaikan proses diawal tahun 2013 dimana pemohon diberikan peluang melalui proses '<i>Pitch</i>' untuk membentangkan idea dan cadangan mereka secara lisan terus kepada panel penilai.</p> <p>Proses ini mendapat sambutan yang memberangsangkan dimana permohonan bagi CIP Catalyst dan CIP500, masing-masing meningkat secara mendadak sebanyak 96% dan 313%.</p> <p>Proses ini juga telah meningkatkan tahap kepuasan pemohon-pemohon dana CIP kerana ia lebih pantas dan lebih mesra pelanggan.</p> <p>Namun proses permohonan melalui online masih diteruskan bagi memberi akses kepada pemohon-pemohon di luar Selangor dan Kuala Lumpur.</p> <p>Kami sentiasa mengambil kira pendapat orang ramai dan sentiasa memperbaiki proses sedia ada.</p> <p>Soalan-soalan yang terdapat pada permohonan merupakan isu-isu yang perlu difikirkan oleh pemohon dalam membentuk idea, atau konsep perniagaan mereka. Ia bertujuan membantu pemohon merangka pelan perniagaan mereka secara tidak langsung, juga, jawapan-jawapan tersebut perlu untuk membolehkan penganalisa kami menilai sama ada produk, inovasi dan cadangan perniagaan mereka itu berdaya maju dan berpotensi untuk dikomersilkan.</p>
20.5.3.4.b	<p><b>Kriteria Kelulusan Permohonan</b></p> <p>i. CFSB telah menetapkan beberapa kriteria bagi menilai kelayakan individu/syarikat yang mengemukakan permohonan. CFSB akan menilai idea yang dikemukakan oleh pemohon berdasarkan kriteria yang ditetapkan. Semakan Audit terhadap 51 permohonan yang telah diluluskan pemberian geran CIP mendapati kesemua permohonan ini telah dinilai oleh CFSB dan memenuhi kriteria yang ditetapkan.</p> <p>ii. Semakan Audit mendapati sepanjang tempoh tahun 2010 hingga bulan Mei 2013, sebanyak 1,788 permohonan CIP telah diterima.</p>	<p>Pihak CFSB sentiasa memberi maklum balas terhadap setiap pemohon. Pihak pemohon mungkin tidak menerima maklum balas disebabkan oleh email yang dikirim tidak diterima.</p> <p>Pihak CFSB hanya akan memaklumkan sebab permohonan mereka ditolak jika terdapatnya permintaan dari pemohon. Ini adalah polisi yang diamalkan oleh segenap majoriti agensi-agensi modal teroka dan agensi pembiayaan.</p> <p>CFSB mempunyai liputan industri yang luas, merangkumi sektor teknologi, ICT dan bukan ICT termasuk kontent kreatif, produk konsumer, dan sebagainya</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Sebanyak 224 permohonan (12.5%) telah diluluskan manakala 1,564 permohonan (87.5%) pula ditolak. Pihak Audit telah menghantar sebanyak 15 borang soal selidik kepada pemohon yang tidak berjaya mendapat pembiayaan geran CIP untuk mendapatkan maklum balas berhubung kriteria kelulusan yang ditetapkan oleh CFSB. Hasil soal selidik adalah seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• 6 (40%) daripada 15 responden tidak dimaklumkan oleh CFSB bahawa permohonan mereka telah ditolak;</li> <li>• 7 (46.7%) daripada responden tidak mengetahui sebab permohonan mereka ditolak oleh CFSB;</li> <li>• 11 (73.3%) berpendapat syarat/kriteria yang ditetapkan oleh CFSB adalah terlalu ketat dan tidak munasabah. Berikut merupakan komen dan ulasan yang diberikan:- <ul style="list-style-type: none"> <li>- CIP terhad kepada industri tertentu sahaja;</li> <li>- keputusan dibuat berdasarkan kejayaan pelaburan berbanding ketidakpastian yang dihadapi oleh usahawan;</li> <li>- tidak ada pertimbangan diberikan kepada idea baru dan inovasi. Pegawai telah membuat keputusan sebelum mesyuarat bermula dan tidak mesra pelanggan; dan</li> <li>- pemohon tidak diberi peluang untuk membuat persembahan akhir. Permohonan telah ditolak berdasarkan keputusan seorang penilai sahaja. Penilai adalah terlalu muda dan mungkin kurang pengalaman dari segi praktikal.</li> </ul> </li> </ul> <p>Maklum Balas CFSB Yang Diterima Pada 24 Januari dan 14 Februari 2014</p> <p>CFSB sentiasa mengkaji bukan sahaja kriteria penilaian kelulusan geran, tetapi juga mekanisme penilaian setiap tahun. CFSB juga menyediakan <i>Info Talk</i> dan <i>Application Clinic</i> untuk memberi informasi tentang kriteria dan mandat CIP. Mulai tahun 2013, CFSB telah membuat penambahbaikan di mana pemohon yang memenuhi syarat asas diberi peluang untuk membuat persembahan pitch. Untuk tahun 2014, CFSB juga dalam proses menyediakan program nilai tambah di mana pemohon akan diberi peluang untuk menambah baik permohonan melalui bantuan (<i>developmental</i></p>	<p>Keputusan dibuat berdasarkan KPI yang disasarkan oleh individu/syarikat. Perkara utama yang dirujuk adalah potensi pengkomersilan dan pertumbuhan setiap individu/syarikat. Kami juga mengambil kira kesediaan para usahawan untuk melaksanakan cadangan perniagaan mereka.</p> <p>Setiap pertimbangan akan dilakukan oleh <i>Approval Committee</i> CFSB. Tiada keputusan di buat sebelum mesyuarat bermula.</p> <p>CFSB sentiasa memastikan sekurang-kurangnya dua individu terlibat di dalam penilaian setiap projek yang dibentangkan. Individu tersebut harus mempunyai latar belakang yang baik di dalam bisnes dan teknologi.</p> <p>Penilai yang muda sentiasa mendapat tunjuk ajar daripada <i>Senior Analyst</i> ketika penilaian dibuat. Setaip penolakan atau kelulusan adalah di tentukan oleh jawatankuasa dalaman dan kelulusan muktamad oleh jawatankuasa yang dianggotai oleh pakar dari industri dan juga wakil Kementerian Kewangan.</p>



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>assistance</i>). Setiap pertimbangan akan dilakukan oleh <i>Approval Committee</i> CFSB. Tiada keputusan dibuat sebelum mesyuarat bermula. CFSB sentiasa memastikan sekurang-kurangnya dua individu terlibat di dalam penilaian setiap projek yang dibentangkan. Individu tersebut harus mempunyai latar belakang yang baik di dalam perniagaan dan teknologi. Penilai yang muda sentiasa mendapat tunjuk ajar daripada Senior Analyst ketika penilaian dibuat.</p>	
<p><b>20.5.3.5.b</b></p>	<p><b>Proses Penilaian CIP</b></p> <p>Perkara 5.1, <i>Processing Time frame</i>, CIP 500 - <i>Evaluation Guidelines</i> menetapkan tempoh daripada permohonan sehingga kelulusan adalah 65 hari. Manakala Para 9.1, Section 1, CIP Catalyst - <i>Evaluation Guidelines</i> menetapkan tempoh permohonan sehingga kelulusan adalah 40 hari. Semakan Audit terhadap 61 fail (31 fail projek CIP Catalyst dan 30 fail projek CIP 500) mendapati hanya 4 permohonan (6.6%) telah diproses mengikut tempoh yang ditetapkan manakala 57 permohonan (93.4%) telah lewat diproses antara 8 hingga 1,432 hari.</p>	<p>Kelewatan dalam memproses permohonan, kelewatan secara amnya disebabkan oleh kelewatan pemohon memberi maklumbalas kepada isu dan soalan yang dikemukakan kepada mereka oleh pihak CFSB. Maklumbalas ini adalah penting bagi membolehkan CFSB membuat penilaian sama ada permohonan tersebut wajar diberi kelulusan geran. Pihak CFSB sedar bahawa kelewatan dalam memproses permohonan boleh memberi kesan kepada pelaksanaan idea/projek, tetapi kadangkala pemohon memerlukan lebih masa untuk memberikan maklumbalas, memandangkan mereka rata-ratanya terdiri dari usahawan baru. Ini juga untuk manfaat mereka, demi memberi peluang dan kesempatan untuk memperkukuhkan permohonan mereka, dan secara amnya menggalakkan pertumbuhan usahawan baru.</p> <p>CFSB sentiasa meneliti masalah pemprosesan dan penilaian permohonan. Setiap tahun, unit yang berkenaan akan cuba menambah baik masalah yang dihadapi dan akan mengambil langkah sewajarnya.</p> <p>Dengan itu, tempoh pemprosesan telah banyak diperbaiki dari tahun ke tahun. Ini jelas dari penambah baikkan tempoh pemprosesan untuk CIP500 dari purata 6 bulan bagi tahun 2010, 5 bulan bagi tahun 2011, 4 bulan bagi tahun 2012 dan hanya 2 bulan bagi tahun 2013.</p>
<p><b>20.5.3.5.c</b></p>	<p>Pihak Audit telah mengedarkan borang soal selidik kepada seramai 55 responden untuk mendapatkan maklum balas mengenai tempoh pemprosesan CIP. Berdasarkan maklum balas yang diterima, pihak Audit mendapati seramai 6 responden (10.9%) berpendapat proses permohonan CIP adalah sangat baik manakala seramai 4 responden (7.3%) berpendapat proses permohonan CIP adalah sangat tidak memuaskan.</p>	<p>Sebagai penambahan, berdasarkan maklumat dari Laporan Audit ini juga, sebanyak 15% responden berpendapat permohonan CIP adalah baik dan 38% responden berpendapat ianya memuaskan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
20.5.3.5.d	<p>Proses penilaian yang terlalu lama boleh menyebabkan pencapaian KPI CFSB terjejas. Di samping itu juga, kelewatan dalam memproses permohonan dan kelulusan boleh menyebabkan idea/projek menjadi usang (obsolete) dan tidak mampu bersaing kerana pasaran telah menjadi tepu (saturated market). Soal selidik yang diedarkan kepada penerima geran menunjukkan semua responden bersetuju bahawa kelewatan dalam memproses permohonan boleh memberi kesan kepada idea/projek yang dicadangkan. Antara kesan lain yang mungkin berlaku ialah peningkatan harga bahan mentah, pekerja terlatih meninggalkan projek dan mengganggu aliran tunai projek.</p>	<p>Pada pendapat kami, tempoh proses penilaian tidak menjejaskan pencapaian KPI CFSB berdasarkan Jadual 9, dimana sejak tahun 2010 CFSB telah mencapai sasaran KPI kelulusan yang ditetapkan. Untuk mengelak kelewatan, pemohon perlu memberi maklumbalas kepada soalan yang dikemukakan oleh Pegawai Penilai CFSB dengan secepat mungkin.</p>
20.5.3.5.e	<p>Final <i>Recommendation Meeting</i> (FRM) bertanggungjawab untuk menilai sama ada permohonan boleh dicadangkan untuk dibawa kepada SAC/ACM untuk kelulusan. FRM akan memberi komen dan cadangan terhadap permohonan yang dibentangkan dan semua komen ini perlu diambil tindakan sebelum permohonan dibawa kepada SAC/ACM. Semakan Audit tidak menemui bukti untuk mengesahkan sama ada 54 (50.5%) daripada 107 permohonan CIP 500 yang diluluskan telah melalui proses FRM. Berdasarkan minit mesyuarat FRM yang dikemukakan, pihak Audit mendapati pengurusan mesyuarat adalah tidak teratur di mana minit mesyuarat tidak disahkan dan tidak dicatatkan bilangan mesyuarat. Selain itu, ia juga tidak difailkan dengan teratur untuk rujukan dan semakan.</p> <p>Maklum Balas CFSB Yang Diterima Pada 24 Januari dan 14 Februari 2014</p> <p>Kelewatan dalam proses penilaian adalah disebabkan oleh kelewatan dalam pemohon menjawab <i>Request For Clarification</i> dan melengkapkan proses <i>due diligence</i>. CFSB akan mengkaji semula sama ada tempoh 40 hari adalah bersesuaian untuk memproses permohonan CIP Catalyst. CFSB sentiasa meneliti masalah pemprosesan dan penilaian permohonan. Setiap tahun, unit yang berkenaan akan cuba membaik pulih masalah yang dihadapi dan akan mengambil langkah yang sewajarnya. Berhubung dengan proses penilaian FRM yang dikatakan sebagai tidak teratur, CFSB akan mengambil langkah-langkah sepatutnya untuk memperbaiki sistem pemfailan bagi minit mesyuarat dan juga pengesahan minit.</p> <p>Pada pendapat Audit, proses penilaian CIP adalah kurang memuaskan kerana CFSB tidak mematuhi tempoh pemprosesan yang telah ditetapkan dalam SOP. Kelewatan dalam memproses permohonan boleh memberi kesan kepada pelaksanaan idea/projek. Di samping itu, proses penilaian</p>	<p>Seperti yang dijelaskan, kelewatan tersebut secara amnya disebabkan oleh kelewatan pemohon memberi maklumbalas kepada isu dan soalan yang dikemukakan kepada mereka oleh pihak CFSB. Maklumbalas ini adalah penting bagi membolehkan CFSB membuat penilaian sama ada permohonan tersebut wajar diberi kelulusan geran. Ianya juga memberi peluang pemohon untuk memperbaiki perancangan perniagaan dan cadangan mereka, atau memperkukuhkan dan membuat pembaikan berdasarkan komen dan soalan yang dibuat oleh CFSB. Pihak CFSB sedar bahawa kelewatan dalam memproses permohonan boleh memberi kesan kepada pelaksanaan idea/projek, tetapi kadangkala pemohon memerlukan lebih masa untuk memberikan maklumbalas, memandangkan mereka rata-ratanya terdiri dari usahawan baru. Ini juga untuk manfaat mereka, demi memberi peluang dan kesempatan untuk memperkukuhkan permohonan mereka, dan secara amnya menggalakkan pertumbuhan usahawan baru.</p> <p>CFSB sentiasa meneliti masalah pemprosesan dan penilaian permohonan. Setiap tahun, unit yang berkenaan akan cuba menambah baik masalah yang dihadapi dan akan mengambil langkah sewajarnya.</p> <p>Dengan itu, tempoh pemprosesan telah banyak diperbaiki dari tahun ke tahun. Ini jelas dari penambah baikkan tempoh pemprosesan dari purata 6 bulan bagi tahun 2010, 5 bulan bagi tahun 2011, 4 bulan bagi tahun 2012 dan hanya 2 bulan bagi tahun 2013. Sejak tahun 2013, kami juga telah memperkenalkan proses "<i>Pitching</i>" dimana pemohon membuat pembentangan cadangan bisnes atau produk mereka kepada panel penilai CFSB secara bersemuka dan mendapat maklum balas terus dari panel ini. Proses ini mempermudah pemohon untuk memperbaiki cadangan projek mereka dan mendapat respon terus dari CFSB dengan segera.</p> <p>Berhubung dengan proses penilaian FRM yang dikatakan sebagai tidak teratur, sebelum ini minit mesyuarat FRM dibuat melalui edaran <i>soft copy</i> melalui e-mel. CFSB telah mengambil langkah-langkah sepatutnya untuk memperbaiki sistem</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	FRM yang tidak teratur boleh menyebabkan kelulusan diberi kepada projek yang tidak berdaya maju/tidak boleh bersaing.	penyimpanan minit iaitu secara hard copy dan mengatur sistem pengesahan minit dan perfailan bagi minit mesyuarat, bermula 2014.
20.5.3.6.a	<p><b>Kelulusan CIP - Letter of Approval (LOA) Berbeza Dengan Kelulusan Seed Approval Committee</b></p> <p><i>Seed Approval Committee</i> (SAC) ditubuhkan untuk menilai dan membuat keputusan sama ada permohonan boleh diluluskan berserta amaun pelaburan untuk projek berkenaan. Jawatankuasa SAC dianggotai oleh pegawai CFSB dan juga pihak luar iaitu wakil daripada Kementerian Kewangan, industri dan Malaysia Venture Capital Management Berhad. Selepas SAC bermesyuarat dan membuat keputusan, CFSB akan mengeluarkan Surat Tawaran/<i>Letter Of Approval</i> (LOA) kepada pemohon yang berjaya yang mengandungi maklumat jumlah pelaburan yang telah diluluskan dan maklumat mengenai kontrak yang perlu ditandatangani oleh pemohon. Semakan Audit mendapati amaun pelaburan yang ditawarkan dalam LOA bagi 9 projek adalah berbeza dengan amaun kelulusan SAC. Selain itu, amaun kelulusan SAC bagi satu projek tidak dinyatakan di dalam minit mesyuarat, yang mana ia boleh menyebabkan amaun projek dalam LOA dipersoalkan. Adalah didapati 6 projek telah ditawarkan amaun pelaburan lebih tinggi berbanding amaun kelulusan iaitu perbezaan antara RM1, 105 hingga RM27, 500.</p> <p>Maklum Balas CFSB Yang Diterima Pada 24 Januari 2014</p> <p>CFSB mengambil perhatian ke atas perkara ini dan akan mengemukakan di dalam mesyuarat SAC jika terdapat sebarang perubahan dalam amaun kelulusan.</p> <p>Pada pendapat Audit, proses kelulusan adalah kurang teratur kerana CFSB tidak mematuhi kelulusan yang diputuskan dalam mesyuarat SAC.</p>	<p>Berdasarkan amalan semasa, jumlah yang tertera pada minit mesyuarat SAC adalah jumlah semasa pembentangan permohonan untuk kelulusan. (iaitu seperti "<i>Term Sheet</i>"). Bagaimanapun, jumlah LOA adalah yang dikemaskini selepas perbincangan akhir dengan penerima geran, tentang perbelanjaan terperinci projek berkaitan. Seterusnya, laporan semua projek yang diluluskan dibentangkan pada setiap kali mesyuarat SAC yang berikutnya, termasuk jumlah kelulusan yang dikemaskini.</p> <p>Sebagai penambahbaikan, SOP akan dikemaskinikan dimana, sekiranya terdapat perbezaan amaun geran ianya akan ditangani seperti berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sekiranya amaun kurang dari SAC – perlu mendapat kelulusan dari COO atau CEO dan;</li> <li>2. Sekiranya amaun lebih dari SAC- perlu mendapat kelulusan dari SAC</li> </ol>
20.5.3.7.b	<p><b>Pengurusan Mentor</b></p> <p>Bank Mentor menetapkan peranan dan tanggungjawab mentor adalah berhubung dengan apa cara sekali pun dengan penerima geran sekurang-kurangnya seminggu sekali. Mentor juga perlu melengkapkan Laporan Kemajuan Mentor dalam <i>Grant Management System</i> (GMS) di samping memberikan panduan dan membantu penerima geran bagi memastikan semua <i>deliverables</i> dapat diserahkan serta jadual perbatuan dipatuhi. Ini</p>	<p>CFSB masih di dalam proses untuk menaiktaraf pengurusan mentor.</p> <p>Setiap mentor akan dinilai berdasarkan <i>value added</i> setiap individu.</p> <p>CFSB akan memastikan setiap usahawan mendapat bimbingan daripada mentor yg dipilih. Jika pihak usahawan tidak mendapat sebarang tunjuk ajar dan pengajaran dari</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>bermakna mentor perlu berjumpa dengan penerima geran sebanyak 48 kali (12 bulan x 4 minggu) setahun. Mentor juga perlu menyediakan Laporan Mesyuarat Mingguan di dalam Sistem GMS. Semakan Audit terhadap pengurusan mentor mendapati perkara seperti berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. setakat 31 Julai 2013, 5 daripada 22 projek yang disemak tidak mempunyai mentor. Daripada 5 projek tersebut, sebanyak 4 projek masih dalam proses dan satu projek telah siap;</li> <li>ii. tiada mekanisme untuk menentukan mentor telah melaksanakan tugas-tugasnya dengan sempurna sebelum bayaran penuh dibuat kepada mereka; dan</li> <li>iii. Berdasarkan Laporan Mesyuarat Mingguan, pihak Audit mendapati bagi 13 daripada 17 projek yang mempunyai mentor, perjumpaan dengan penerima geran telah diadakan antara satu hingga 97 kali sepanjang tempoh projek. Dengan mengambil kira kekerapan perjumpaan sekurang-kurangnya seminggu sekali, pihak Audit mendapati perjumpaan mentor dengan penerima geran bagi 11 projek tidak mematuhi kekerapan yang ditetapkan. Selain itu, perjumpaan dengan mentor tidak pernah diadakan bagi 4 projek di mana satu daripada projek tersebut telah siap.</li> </ol>	<p>mentor, tiada bayaran akan dibuat untuk mentor tersebut.</p> <p>Berdasarkan kajian kami tidak semua mentor dapat memenuhi keperluan laporan yang telah dikehendaki, kerana mentor lazimnya adalah usahawan atau profesional yang amat sibuk. Namun, <i>value-add</i> yang diberikan kepada usahawan, memberi kesan yang positif.</p> <p>Tidak semua kes telah diberi mentor, oleh kerana kekurangan kepakaran dalam bidang spesifik atau mentor yang dikenal pasti tidak dapat memberi komitmen yang secukupnya.</p> <p>CFSB akan menyelaraskan kekerapan serta cara Laporan Mentor dibuat.</p> <p>Garis panduan penglibatan mentor akan dikaji semula supaya lebih menepati realiti pementoran.</p>
<p><b>20.5.3.7.c</b></p>	<p>Pihak Audit telah mengedarkan borang soal selidik kepada 50 mentor CFSB dan 16 responden (32%) telah mengembalikan borang soal selidik. Hasil soal selidik menunjukkan:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. 4 mentor (25%) tidak pernah log masuk ke dalam Sistem GMS;</li> <li>ii. 3 mentor (18.8%) tidak mengetahui bahawa mereka perlu menyediakan Laporan Mesyuarat Mingguan di dalam Sistem GMS; dan</li> <li>iii. 11 mentor (68.8%) menyatakan perjumpaan dengan penerima geran adalah antara 1 hingga 20 kali sepanjang tempoh projek. Hanya 3 mentor (18.8%) berjumpa dengan penerima geran melebihi 40 kali.</li> </ol>	<p>Dalam Proses Pembayaran kepada mentor sedia ada, pembayaran kepada mentor hanya dilakukan setelah mendapat maklumbalas dari pihak penerima geran. Mentor tidak akan dibayar sekiranya penerima geran tidak berpuas hati dengan tahap khidmat yang diberikan mentor.</p> <p>Dari kajian kami terdapat mentor yang menghadapi kesukaran untuk mengisi laporan mesyuarat mingguan secara <i>online</i>, kerana mentor yang dipilih kebiasaannya adalah pakar dalam sesuatu bidang dan tidak semestinya mempunyai kemahiran IT atau mempunyai akses kepada sistem <i>online</i>.</p>
<p><b>20.5.3.7.d</b></p>	<p>Pihak Audit turut mengedarkan borang soal selidik kepada penerima geran untuk mendapatkan pandangan mereka mengenai program mentor ini. Sebanyak 20 responden telah mengembalikan borang soal selidik. Hasil adalah seperti berikut:-</p>	<p>Bermula dari Mac 2014, surat pelantikan mentor akan dikeluarkan di mana tugas dan tanggungjawab mentor akan dinyatakan. Mekanisme <i>check and balance</i> tugas mentor akan diwujudkan dan kekerapan perjumpaan mentor dengan usahawan akan dikaji semula.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>i. 6 projek (30%) tidak mempunyai mentor;</p> <p>ii. penerima geran tidak mempunyai masalah untuk menghubungi mentor;</p> <p>iii. 13 (86.7%) daripada 15 penerima geran berpendapat program mentor perlu diteruskan;</p> <p>iv. 10 (71.4%) daripada 14 penerima geran berpendapat mentor telah membantu pelaksanaan idea dengan baik; dan</p> <p>v. Secara purata, 57.1% penerima geran menyatakan perjumpaan dengan mentor adalah antara 1 hingga 20 kali di sepanjang tempoh projek. Hanya 28.6% penerima geran berjumpa dengan mentor melebihi 40 kali.</p> <p>Maklum Balas CFSB Yang Diterima Pada 24 Januari 2014</p> <p>Pada masa akan datang, surat pelantikan mentor akan dikeluarkan di mana tugas dan tanggungjawab mentor akan dinyatakan. Mekanisme <i>check and balance</i> tugas mentor akan diwujudkan dan kekerapan perjumpaan mentor dengan usahawan akan dikaji semula.</p> <p>Pada pendapat Audit, program mentor adalah baik, namun pengurusannya perlu dipertingkatkan dengan setiap mentor dimaklumkan dengan jelas tugas dan tanggungjawab mereka. Dari aspek pembayaran pula, CFSB perlu mewujudkan mekanisme <i>check and balance</i> bagi memastikan hanya mentor yang telah menjalankan tugas dibayar yuran mentor. Selain itu, kekerapan perjumpaan dengan penerima geran perlu dikaji semula memandangkan pematuhan kepada peraturan sedia ada adalah sangat minimum.</p>	
20.5.3.8.a	<p><b>Pengurusan Pembayaran Kepada Penerima Geran (<i>Disburs ement</i>) - Tuntutan Lewat Diproses</b></p> <p>i. Daripada 99 sampel bayaran CIP 500, hanya 14 bayaran (14.1%) telah diproses dalam tempoh 10 hari manakala tempoh pemprosesan bagi 82 bayaran (82.8%) adalah antara 12 hingga 166 hari. Baki 3 tuntutan tidak dapat ditentukan tempoh pemprosesannya kerana dokumen tuntutan tidak di cop tarikh terima. Pengiraan tempoh bayaran dibuat dari tarikh terima tuntutan kerana CFSB tidak merekodkan butiran</p>	<p>Berdasarkan kajian dan nasihat konsultan PWC, tempoh pemprosesan tuntutan bayaran sebenarnya telah dilanjutkan kepada 25 hari bekerja bagi setiap tuntutan yang lengkap. Kami sedang mengemaskin dokumen SOP untuk ini.</p> <p>Kebanyakan penerima geran mengemukakan tuntutan yang mempunyai dokumen yang tidak mencukupi untuk diproses dan kami perlu meminta dokumen tambahan</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>dokumen yang tidak lengkap dan tarikh dokumen yang lengkap diterima daripada penerima geran.</p> <p>ii. Semakan Audit terhadap 118 sampel bayaran CIP Catalyst mendapati tuntutan yang dikemukakan oleh penerima geran tidak bertarikh dan dokumen tuntutan juga tidak di cop tarikh terima oleh CFBS. Sehubungan itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada semua tuntutan yang diterima oleh Unit Disbursement CIP Catalyst telah diproses dalam tempoh yang munasabah.</p> <p>iii. Kelewatan dalam memproses bayaran boleh menyebabkan pelaksanaan projek terganggu. Pihak Audit telah mengedar borang soal selidik kepada penerima geran untuk mendapatkan maklum balas mengenai tempoh pemprosesan tuntutan dan kesan yang dialami sekiranya tuntutan lewat diterima. Seramai 40 responden telah mengembalikan soal selidik dan hasilnya menunjukkan hanya 2 penerima geran (5%) berpendapat tempoh pemprosesan tuntutan oleh CFBS adalah sangat baik manakala 5 penerima geran pula berpendapat tempoh pemprosesan tuntutan adalah sangat tidak memuaskan. Selanjutnya, seramai 97.9% responden bersetuju kelewatan menerima tuntutan boleh memberi kesan kepada projek sama ada dari aspek pelaksanaan, masalah kewangan dan lain-lain. Hanya 2.1% responden berpendapat tiada kesan jika tuntutan lewat diterima.</p> <p>Maklum Balas CFBS Yang Diterima Pada 24 Januari 2014</p> <p>Untuk penambahbaikan, CIP Catalyst akan menggunakan kaedah cop tarikh terima dokumen. CFBS akan menyatakan status lengkap sebagai tambahan kepada dokumen yang diperlukan untuk proses tuntutan dan mengemas kini SOP berkaitan.</p>	<p>beberapa kali sehingga tuntutan tersebut lengkap. Oleh itu, tuntutan akan dilihat sebagai lewat diproses berdasarkan tarikh terawal yang dicop, iaitu tarikh mula tuntutan dihantar.</p> <p>Untuk menyelaraskan perkara ini, kami akan mengecop tarikh pada setiap dokumen tuntutan yang diterima, termasuk dokumen tambahan yang diterima seterusnya. Sebagai panduan, pada tarikh terakhir penerimaan tuntutan yang lengkap, dokumen akan dicop tarikh dan status "LENGKAP".</p> <p>CIP Catalyst akan mengaplikasi kaedah cop tarikh pada dokumen serahan sebagaimana yang diamalkan di dalam CIP500.</p>
20.5.3.8.b	<p><b>Pengesahan Tuntutan Dan Kelulusan Bayaran Tidak Teratur</b></p> <p>i. Sebanyak 4 bayaran berjumlah RM141, 428 telah dibuat tanpa kelulusan pegawai yang diberi kuasa. Semakan terhadap Disbursement Approval Paper (DAP) mendapati ruang kelulusan tidak ditandatangani tetapi baucar bayaran dan cek telah diluluskan.</p> <p>ii. Sebanyak 10 DAP/cek berjumlah RM769, 671 telah ditandatangani</p>	<p>Perkara ini berlaku apabila salah seorang penandatanganan berada diluar kawasan. Cek dikeluarkan terlebih dahulu dan baucar bayaran akan ditandatangani setelah penandatanganan kembali bertugas.</p> <p>Tarikh Perjanjian yang ditulis pada Perjanjian adalah berdasarkan tarikh dimana perjanjian tersebut distemkan. Proses untuk stemkan dokumen hanya dibuat selepas</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>sebelum pengesahan pihak ketiga (pembekal/vendor) dibuat. Tujuan pengesahan pihak ketiga adalah untuk membantu CFSB membuat keputusan sama ada tuntutan oleh penerima geran adalah tepat dan benar.</p> <p>iii. Sebanyak 4 baucar bayaran berjumlah RM58, 480 telah dibayar kepada penerima geran sebelum perjanjian ditandatangani. Bayaran yang dibuat sebelum perjanjian ditandatangani adalah berisiko tinggi kerana sekiranya penerima geran membuat keputusan untuk tidak meneruskan kontrak, CFSB tidak mempunyai kuasa/asas untuk menuntut bayaran yang telah dibuat.</p> <p>Maklum Balas CFSB Yang Diterima Pada 14 Februari 2014</p> <p>Perkara ini berlaku apabila salah seorang penandatangani berada di luar kawasan. Cek dikeluarkan terlebih dahulu dan baucar bayaran akan ditandatangani setelah penandatangani kembali bertugas. Tarikh Perjanjian yang ditulis pada Perjanjian adalah berdasarkan tarikh perjanjian tersebut disetemkan. Proses untuk setem dokumen hanya dibuat selepas penerima geran, CEO dan Pengerusi CFSB menandatangani Perjanjian tersebut. Baucar bayaran juga dibuat kerana penerima geran perlu menggunakan dana geran dengan segera. Oleh kerana penerima telah menandatangani perjanjian dan dana diperlukan dengan segera, baucar bayaran telah dibayar.</p> <p>Pada pendapat Audit, proses pembayaran tuntutan (<i>disbursement</i>) kepada penerima geran serta proses semakan dan kelulusan bayaran adalah kurang memuaskan. Sistem dan prosedur telah diwujudkan untuk memastikan kawalan dalam proses bayaran, namun CFSB tidak mematuhi prosedur yang ditetapkan dengan sepenuhnya. Sehubungan itu, pihak pengurusan CFSB perlu memantau prestasi pembayaran dengan lebih dekat supaya disbursement dapat dilaksanakan dengan teratur.</p>	<p>penerima geran, CEO dan Pengerusi CFSB menandatangani Perjanjian tersebut. Merujuk kepada 4 baucar yang dirujuk oleh pihak audit, Perjanjian yang melibatkan baucar bayaran ini telah ditandatangani oleh penerima geran dan dalam proses ditandatangani oleh CEO &amp; Pengerusi CFSB dan selanjutnya untuk distemkan dan ditetapkan tarikh. Baucar bayaran juga dibuat kerana penerima geran perlu menggunakan dana geran dengan segera. Oleh kerana penerima telah menandatangani perjanjian dan dana diperlukan dengan segera, baucar bayaran telah dibayar.</p> <p>Berkuatkuasa dengan serta-merta, cek tidak akan dikeluarkan selagi perjanjian tidak di stem.</p>
20.5.3.9.a	<p><b>Pemantauan Projek - Tiada Tindakan Diambil Terhadap Projek Yang Telah Tamat Tempoh</b></p> <p>Klausa 1.1, Perjanjian CIP 500 menyatakan tempoh projek adalah selama 12 bulan dari tarikh perjanjian ditandatangani dan tempoh ini boleh dilanjutkan dengan kebenaran CFSB. Manakala Klausa 1.1, Perjanjian CIP Catalyst pula menetapkan tempoh projek adalah gabungan tempoh <i>tranche</i></p>	<p>Objektif CFSB ialah untuk membangunkan usahawan teknologi dan produk teknologi berinovasi yang berdaya komersil. Penerima geran CFSB secara amnya terdiri dari usahawan baru dan idea atau syarikat pada peringkat awal.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>1 hingga 3 yang mana tempoh setiap tranche tidak melebihi 4 bulan. Semakan Audit terhadap 30 sampel projek CIP 500 dan 17 sampel projek CIP Catalyst mendapati perkara berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Setakat 30 April 2013, sebanyak 7 projek CIP 500 telah melepasi tempoh projek yang ditetapkan (12 bulan). Bagaimanapun, didapati penerima geran tidak memohon pelanjutan. CFSB juga tidak mengambil tindakan untuk menamatkan projek. Selain itu, sebanyak 7 projek CIP 500 telah melebihi tempoh pelanjutan yang dibenarkan (18 bulan) tetapi projek masih belum disiapkan. Bagaimanapun, tiada sebarang tindakan diambil oleh CFSB.</li> <li>• Setakat bulan Julai 2013, sebanyak 11 projek CIP Catalyst telah melewati tempoh projek yang ditetapkan (12 bulan), namun tiada permohonan pelanjutan tempoh dikemukakan oleh penerima geran.</li> </ul> <p>Semakan selanjutnya mendapati komitmen kewangan (baki geran yang belum diagihkan) masih tidak dibatalkan oleh CFSB bagi projek-projek yang telah melewati tempoh siap diluluskan (tempoh asal dan lanjutan). Berdasarkan analisis Audit terhadap sampel yang dipilih, komitmen yang boleh dibatalkan untuk projek terlibat adalah berjumlah RM4.36 juta yang membolehkan kelulusan diberi kepada projek lain. Di samping itu, kelewatan dalam menyiapkan projek juga boleh menyebabkan idea tidak lagi relevan atau pasaran telah dikuasai oleh pesaing.</p> <p>Maklum Balas CFSB Yang Diterima Pada 24 Januari 2014</p> <p>Pada masa akan datang CFSB akan lebih kerap mengadakan tindakan susulan agar penerima geran menghantar surat permohonan lanjutan masa lebih awal dan mengikut masa yang ditetapkan. Setakat 31.12.2013, daripada 14 projek CIP 500 yang terlibat, 6 projek telah siap, 6 projek dalam proses penamatan dan 2 projek masih dalam proses.</p>	<p>Pembiayaan geran CIP Catalyst ialah untuk membangunkan prototaip dan bukti konsep yang sah (<i>proof of concept</i>). Antara faktor kelewatan projek ialah kesukaran teknikal seperti prototaip gagal berfungsi dan perlu diperbaiki. Tempoh tambahan diperlukan oleh usahawan untuk mengenalpasti kelemahan dan memperbaiki kekurangan supaya prototaip yang sempurna dan mempunyai potensi komersil dapat dihasilkan.</p> <p>Setiap projek dipantau dari masa ke masa dan dibincang di dalam mesyuarat untuk tindakan lanjutan. Penjelasan yang munasabah oleh usahawan dan disokong bukti akan dipertimbangkan untuk diberi lanjutan tempoh geran. Kebenaran lanjutan tersebut dinilai kes demi kes.</p> <p>Sebagai langkah pembaikan, satu proses baru akan diperkenalkan di mana setiap permintaan masa tambahan perlu dihantar secara bertulis kepada Cradle. Proses ini akan dimasukkan ke dalam SOP CIP Catalyst.</p> <p>Pada dasarnya, dalam perjanjian CIP500, tempoh geran adalah 12 bulan dan tempoh lanjutan yang dibenarkan adalah selama 6 bulan. Penerima geran yang terdiri dari syarikat yang baru beroperasi dan kurang daripada 3 tahun dalam perniagaan, mungkin menghadapi masalah menembusi pasaran, kitaran jualan (<i>sales cycle</i>) produk yang melebihi jangkaan, atau yang memerlukan lebih tumpuan terhadap aktiviti pemasaran dan sebagainya. Untuk membantu usahawan tersebut, CFSB menilai merit setiap projek dan memberi lanjutan tempoh berdasarkan keperluan penerima geran tersebut.</p> <p>Terdapat penerima geran yang telah menghantar surat untuk memohon lanjutan untuk tempoh projek mereka, dan ada surat permohonan lanjutan yang lewat daripada tarikh tamat projek. Pada dasarnya, CFSB telah berhubung melalui telefon, email dan perbincangan bagi mengingatkan mereka tentang tarikh akhir projek mereka dan supaya mereka menghantar permohonan untuk lanjutan projek.</p> <p>Sebagai langkah seterusnya, CFSB akan pastikan di masa akan datang, tindakan susulan yang lebih kerap dilakukan agar penerima geran menghantar surat permohonan lebih awal dan mengikut masa yang ditetapkan.</p>
20.5.3.9.b.ii	<p><b>Kutipan Balik Amaun Geran</b></p> <p>Semakan Audit terhadap proses kutipan balik geran yang dilaksanakan oleh <i>Debt Recovery Unit</i> (DRU) mendapati perkara berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• CFSB tidak memantau kutipan balik amaun geran daripada penerima</li> </ul>	<p>Daripada 14 projek CIP500 yang disenaraikan, 6 projek telah disahkan siap, 6 projek dalam proses untuk ditamatkan dan 2 projek masih dalam progress.</p>



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>geran;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• CFSB tidak mempunyai rekod amaun yang perlu dituntut daripada penerima geran. Jumlah tunggakan kutipan balik geran yang perlu dituntut daripada penerima geran tidak direkodkan sebagai penghutang di dalam penyata kewangan CFSB. Sebaliknya, CFSB hanya merekodkan bayaran balik geran apabila jumlah berkenaan diterima daripada penerima geran. Amalan ini adalah tidak selari dengan polisi perakaunan syarikat yang menggunakan asas akruan;</li> <li>• Setakat 30 September 2013, CFSB telah menerima bayaran balik geran berjumlah RM516, 971. Berdasarkan pengiraan Audit, setakat 30 September 2013, baki tertunggak kutipan balik geran adalah berjumlah RM1.29 juta.</li> </ul>	
20.5.3.9.b.iii	Prestasi kutipan balik amaun geran tidak dilaporkan di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah bagi tujuan pemantauan.	Kami ambil maklum perkara ini dan akan melaporkan prestasi kutipan balik amaun geran di dalam mesyuarat ALP.
20.5.3.9.b.iv	<p>Kelemahan ini berlaku antaranya adalah disebabkan prosedur yang lengkap berkaitan proses kutipan balik geran tidak disediakan oleh CFSB. Kelemahan ini telah dibangkitkan di dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2008 di mana maklum balas CFSB pada 29 Mei 2009 menyatakan bahawa CFSB sedang dalam proses menyediakan SOP untuk <i>Debt Recovery Unit</i> (DRU). Bagaimanapun sehingga 30 September 2013, SOP berkaitan masih belum disediakan.</p> <p>Maklum Balas CFSB Yang Diterima Pada 24 Januari 2014</p> <p>Setakat 31 Disember 2013, sejumlah RM908, 000 jumlah hutang yang perlu dibayar balik oleh penerima geran CIP Catalyst. Daripada jumlah berkenaan, sejumlah RM163, 350 telah berjaya dikutip semula dan baki RM744, 650 masih tertunggak.</p>	SOP untuk DRU sedang dikemaskini dan akan siap pada bulan April 2014.
20.5.3.9.c	<p><b>Laporan Kewangan Tidak Dikemukakan Kepada CFSB</b></p> <p>Klausa 6.4, Perjanjian CIP 500 menetapkan syarikat (penerima geran) perlu mengemukakan <i>monthly management accounts</i> dan <i>yearly audited account</i> sepanjang tempoh 12 bulan selepas tarikh perjanjian. Selain itu, syarikat juga perlu mengemukakan <i>quarterly management accounts</i> dan <i>yearly</i></p>	<p>Peringatan dihantar melalui email kepada penerima geran.</p> <p>Kami ambil maklum bahawa setiap syarikat penerima geran hendaklah mengemukakan laporan kewangan bulanan kepada CFSB dan pihak kami telah</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>audited account</i> sepanjang tempoh 18 bulan selepas tempoh <i>disbursement</i> tamat. Daripada 30 sampel projek CIP 500 yang disemak, pihak Audit mendapati 25 syarikat (83.3%) tidak pernah mengemukakan <i>monthly management accounts</i>; dan baki 5 syarikat (16.7%) ada mengemukakan <i>management account</i>, namun tidak lengkap untuk tempoh 12 bulan. Semakan Audit juga mendapati satu syarikat telah tamat tempoh <i>disbursement</i> tetapi tidak mengemukakan <i>quarterly management account</i>; dan sebanyak 23 syarikat tidak mengemukakan <i>yearly audited account</i>. Berdasarkan fail yang disemak, tiada sebarang peringatan dihantar oleh CFSB kepada penerima geran yang gagal mengemukakan laporan kewangan yang berkaitan. CFSB juga tidak menyediakan sebarang laporan berkaitan maklumat kewangan yang dikemukakan oleh penerima geran. Akibat kelemahan pemantauan ini, wujud risiko CFSB terlepas pandang syarikat yang telah berjaya mencapai <i>success trigger point</i> untuk tujuan kutipan bayaran balik sebanyak 50% daripada jumlah geran diterima. Di samping itu, kesan pelaburan yang dibuat oleh CFSB di dalam projek berkaitan tidak dapat diukur dengan tepat.</p> <p>Maklum Balas CFSB Yang Diterima Pada 24 Januari 2014</p> <p>Tindakan susulan yang berterusan akan dijalankan dan SOP akan dikemas kini agar prosedur pemantauan dapat dilaksanakan dengan berkesan.</p> <p>Pada pendapat Audit, pemantauan projek oleh CFSB adalah kurang memuaskan. <i>Disbursement &amp; Monitoring Guidelines</i> boleh ditambah baik dengan memasukkan prosedur pemantauan yang berkesan. Prestasi pemantauan projek juga boleh dilaporkan di dalam mesyuarat supaya pihak pengurusan CFSB dapat memantaunya dengan lebih dekat.</p>	<p>menghantar peringatan kepada penerima geran melalui email.</p> <p>Walaupun bagaimanapun, terdapat beberapa syarikat telah mengemukakan laporan kewangan tahunan di mana merangkumi tahunan operasi syarikat.</p> <p>Terdapat beberapa isu dalam perkara ini di antaranya adalah kekangan syarikat penerima geran dan tumpuan serta fokus CFSB adalah untuk memproses tuntutan dan membangunkan syarikat penerima geran di samping kekurangan tenaga kerja dalam melaksanakan proses ini.</p> <p>Tindakan susulan yang berterusan akan dijalankan dan SOP akan dikemaskini agar prosedur pemantauan dapat dilakukan dengan berkesan.</p>
20.5.3.10	<p><b><i>Kos Due Diligence</i></b></p> <p>Para 2.11, <i>Letter of Approval</i> (LOA) CIP 500 menyatakan bahawa semua pihak yang terlibat hendaklah menanggung kos dan perbelanjaan masing-masing (termasuk yuran guaman). Sekiranya syarikat enggan meneruskan projek atau menerima pembiayaan CFSB selepas menandatangani <i>Funding Term Sheet</i>, Syarikat hendaklah membayar balik kos perundangan bagi <i>due diligence</i> yang telah dijalankan oleh CFSB terhadap syarikat dalam masa 14 hari dari tarikh tuntutan CFSB. Semakan Audit terhadap rekod perakaunan CFSB mendapati sepanjang tempoh tahun 2010 hingga bulan September 2013, CFSB telah membelanjakan sejumlah RM468,650</p>	<p>Kenyataan “Akibat kelemahan ini, rekod <i>disbursement</i> yang disediakan oleh CFSB tidak tepat dan menyebabkan kerugian wang geran berjumlah RM468, 650” adalah salah kerana CFSB atau kerajaan tidak mengalami apa-apa kerugian dan hanya perlu memperbetulkan rekod perakaunan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>untuk kos <i>due diligence</i>. Jumlah ini merupakan pendahuluan yang sepatutnya dituntut semula daripada pemohon/penerima geran tetapi ia telah direkodkan sebagai perbelanjaan CFSB. Akibat kelemahan ini, rekod disbursement yang disediakan oleh CFSB tidak tepat dan menyebabkan CFSB berhadapan risiko tidak dapat mengenal pasti jumlah sebenar yang perlu dibayar balik oleh syarikat yang enggan meneruskan projek.</p> <p>Maklum Balas CFSB Yang Diterima Pada 24 Januari 2014</p> <p>Kos due diligence berjumlah RM40, 000 adalah bagi permohonan yang tidak diluluskan di mana semasa batch pertama CIP 500, proses <i>due diligence</i> dibuat sebelum projek diluluskan. Perkara ini tidak berlaku lagi kerana pada masa ini proses <i>due diligence</i> hanya dibuat selepas permohonan diluluskan.</p>	
20.5.4.1.a	<p><b>Perancangan Dan Pemantauan Geran - Terma Dan Syarat Geran</b></p> <p>Pemberian geran hendaklah disokong dengan terma dan syarat geran yang menjelaskan objektif geran, penggunaan geran dan kaedah pemantauan geran. Semakan Audit mendapati semua geran yang diterima tidak mempunyai terma dan syarat yang jelas daripada Kementerian Kewangan. Akibat ketiadaan terma dan syarat geran yang jelas, beberapa kelemahan berikut telah dikenal pasti:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Semua geran yang diterima dimasukkan ke dalam satu akaun bank yang sama dengan geran CIP. CFSB hanya mempunyai satu akaun bank dan ini menyebabkan baki geran sukar dikenal pasti pada setiap masa. Pada pendapat Audit, jika hanya satu akaun bank dibuka, CFSB perlu menyenggara rekod perakaunan setiap geran mengikut jenis geran kerana setiap geran mempunyai objektif dan tempoh yang berbeza. Pengasingan akaun juga memudahkan pemantauan dilakukan;</li> <li>ii. lebih geran berjumlah RM1.32 juta untuk <i>Asian Business Angel Forum</i> (ABAF) bagi tahun 2012 tidak dikembalikan kepada Kementerian Kewangan;</li> <li>iii. lebih geran ABAF berjumlah RM90,492 telah digunakan untuk membiayai perbelanjaan <i>Malaysia Business Angel Network</i> (MBAN), namun tiada permohonan bertulis dikemukakan kepada Kementerian</li> </ol>	<p>Kami telah mendapat kelulusan Lembaga Pengarah CFSB untuk membuka akaun yang berasingan untuk setiap geran yang diterima dari Kerajaan dan CFSB akan membuka akaun tersebut selewat-lewatnya pada bulan April 2014.</p> <p>Kami tidak menerima arahan untuk mengembalikan jumlah tersebut, CFSB akan berbincang dengan pihak Kementerian Kewangan berkenaan perkara tersebut.</p> <p>Pada pemahaman kami geran yang diberikan untuk ABAF bagi tahun 2012 merupakan tajaan yang diberikan oleh pihak Kementerian Kewangan. CFSB tidak perlu mengembalikan lebih geran. CFSB telah memperoleh mandat daripada kerajaan untuk mengguna lebih geran tersebut untuk pembangunan mandate <i>Angel Investment</i>.</p> <p>Tatacara Laporan Prestasi geran juga akan dibincangkan dengan pihak Kementerian.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Kewangan untuk kelulusan; dan</p> <p>iv. penghantaran laporan prestasi perbelanjaan geran kepada Kementerian Kewangan tidak teratur kerana terdapat geran yang tidak pernah dikemukakan laporan perbelanjaan. Di samping itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan penghantaran kesemua laporan kerana dokumen berkenaan tidak difailkan dengan teratur.</p>	
20.5.4.1.b	<p><b>Panduan Pengurusan Geran</b></p> <p>Bagi memastikan geran yang diterima daripada Kementerian Kewangan diuruskan dengan teratur dan sistematik, garis panduan yang lengkap hendaklah disediakan. Garis panduan berkenaan perlu untuk dijadikan panduan kepada semua pihak yang mengurus, memantau dan melaksanakan projek seperti ditetapkan dalam objektif geran. Semakan Audit mendapati CFSB tidak mempunyai garis panduan/SOP berkaitan pengurusan geran yang diterima daripada Kerajaan.</p>	<p>Sebelum kami mendapatkan <i>drawdown</i> dari pihak kementerian, pihak CFSB ada berunding dengan pihak Kementerian Kewangan bagi menetapkan perbelanjaan yang dibenarkan bagi tahun-tahun terlibat.</p> <p>Sebagai langkah penambahbaikan, CFSB akan berbincang dengan pihak Kementerian berkenaan perkara tersebut.</p>
20.5.4.1.c	<p><b>Tiada Penetapan Impak Selepas Pelaksanaan Geran</b></p> <p>Pemberian geran adalah bagi menyokong sesuatu inisiatif yang selari dengan rancangan Kerajaan untuk membangunkan negara dan juga pelan strategik CFSB. Sehubungan itu, pemberian geran sepatutnya memberi impak kepada negara dan rakyat. Semakan Audit mendapati, impak daripada pelaksanaan geran tidak ditetapkan. Tanpa penetapan impak, adalah sukar untuk menilai prestasi dan keberkesanan geran berkenaan.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan geran di peringkat perancangan dan pemantauan adalah kurang memuaskan. Kelemahan dalam perancangan geran mengakibatkan geran diurus mengikut budi bicara pelaksana tanpa panduan yang jelas.</p>	<p>Penetapan impak selepas pelaksanaan geran ada dibuat walaupun tidak secara menyeluruh.</p> <p>Antara KPI yang kami pantau termasuk kadar permohonan, kelulusan dan pengkomersilan. Kadar pengkomersilan adalah impak selepas geran diberikan dimana selepas sesuatu produk dihasilkan, kami memantau sama ada produk tersebut dapat dipasarkan atau tidak dan bukanlah hanya sekadar menghasilkan sesuatu produk baru semata-mata.</p> <p>Kami juga telah memulakan pemantauan (<i>tracking</i>) projek-projek yang telah siap selama 3 tahun selepas produk berjaya dihasilkan. Ini adalah kerana objektif CFSB bukanlah semata-mata membangunkan produk malah matlamat utamanya adalah menambah bilangan produk berasaskan teknologi dan pembangunan usahwan teknologi yang berdaya saing.</p>
20.5.4.2.a	<p><b>Pengurusan Geran ABAF - Kelemahan Dalam Pengurusan Terimaan ABAF</b></p> <p>Seksyen 167(1A), Akta Syarikat 1965 menyatakan tiap-tiap syarikat dan pengarah hendaklah menyebabkan kemasukan yang sempurna dibuat dalam rekod akaun dan lain-lain rekod dalam masa enam puluh hari</p>	<p>Jumlah kehadiran sebenar ABAF adalah 366 peserta pada acara utama dan 156 peserta lagi menghadiri acara sampingan di persidangan tersebut.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>daripada tamatnya transaksi yang mana ia berkait. Semakan Audit terhadap dokumen invoice dan resit bagi penganjuran ABAF mendapati perkara berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. sebanyak 26 invoice berjumlah RM283,423 yang dikeluarkan kepada peserta tidak direkodkan ke dalam sistem perakaunan dan Penyata Kewangan CFSB;</li> <li>ii. penyesuaian antara invoice dan terimaan tidak dibuat dan tiada rekod berkaitan disenggarakan;</li> <li>iii. sebanyak 9 resit/terimaan berjumlah RM21,660 tidak dimasukkan ke akaun CFSB;</li> <li>iv. sebanyak 5 terimaan berjumlah RM23,675 tidak dikeluarkan resit; dan</li> <li>v. tiada kawalan dalaman semasa pengeluaran resit di mana resit tidak mempunyai nombor siri.</li> </ol> <p>Maklum Balas CFSB Yang Diterima Pada 11 Oktober 2013 Dan 24 Januari 2014</p> <p>Invoice tidak direkodkan ke dalam sistem perakaunan kerana tidak semua peserta hadir pada hari berkenaan dan hanya invoice yang berbayar sahaja akan direkodkan sebagai transaksi akaun. Penyesuaian antara invoice dan resit tidak dibuat kerana invoice dikeluarkan atas permintaan sekretariat ABAF dan transaksi hanya akan dimasukkan ke dalam akaun selepas mendapat bayaran daripada peserta. Bagi terimaan berjumlah RM21, 660 yang tidak dimasukkan ke akaun CFSB, transaksi ini adalah melalui kad kredit dan perlu dirujuk dengan pengurus majlis yang dilantik oleh CFSB. Resit tidak dikeluarkan pula adalah kerana ketinggalan. Resit tidak mempunyai nombor siri kerana ia dikeluarkan secara manual dan tidak menggunakan mana-mana sistem. CFSB akan menubuhkan jawatankuasa menyiasat perkara ini. Hasil siasatan awal terdapat kelemahan dari segi pengurusan acara ABAF. Juga terdapat kelemahan komunikasi antara pihak CFSB dan syarikat pengurus acara.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan terimaan bagi penganjuran ABAF adalah tidak memuaskan. CFSB sepatutnya merekodkan semua invoice ke dalam sistem perakaunan untuk tujuan penyesuaian rekod dan kawalan dalaman. Pembatalan invoice perlu dibuat dengan kelulusan pegawai bertanggungjawab selepas peserta disahkan tidak hadir. CFSB bertanggungjawab untuk memastikan terimaan berjumlah RM21, 660 yang tidak dimasukkan ke akaun CFSB dituntut daripada pihak terlibat dan</p>	<p>Pihak kami telah memulakan inkuiri awal, namun sebuah jawatankuasa inkuiri dipengerusikan oleh seorang ALP bebas, akan ditubuhkan. Laporan siasatan ini akan dikemukakan kepada ALP dan pihak Kementerian Kewangan. Inkuiri tersebut dijangka akan selesai pada bulan Mei 2014.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>tindakan segera diambil untuk mengenal pasti punca perkara ini berlaku. Walaupun resit dikeluarkan secara manual, kawalan dalaman yang secukupnya perlu diwujudkan untuk mengelakkan penyelewengan. Tindakan yang sewajarnya perlu diambil ke atas pegawai yang terbukti dengan sengaja cuai dalam melaksanakan tugas.</p>	
<p><b>20.5.4.2.b</b></p>	<p><b>Kelemahan Dalam Pengurusan Perbelanjaan ABAF</b></p> <p>Semakan Audit terhadap item perbelanjaan ABAF mendapati perkara seperti berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Perolehan pengurus majlis (<i>event manager</i>) berjumlah RM243,099 dan perolehan 510 unit RUVO tablet bernilai RM250,000 dibuat secara pembelian terus kerana tiada proses sebut harga/kaedah lain dilaksanakan bagi mendapatkan harga terbaik;</li> <li>ii. Wujud lebihan bayaran berjumlah RM117,789 kerana bayaran pakej persidangan dan Gala <i>Dinner</i> adalah untuk 500 orang sedangkan jumlah kehadiran sebenar adalah seramai 366 orang. CFSB tidak menyimpan senarai lengkap peserta yang hadir. Sehubungan itu, pihak Audit telah membuat pengiraan berdasarkan jumlah peserta persidangan, tetamu kehormat, <i>speakers</i> dan semua kakitangan CFSB.</li> <li>iii. Bayaran penginapan hotel untuk 280 unit berjumlah RM123, 424 tidak disokong dengan senarai nama penghuni bilik. Harga seunit bilik adalah RM440.80.</li> <li>iv. Baucar Bayaran kepada agensi pelancongan berjumlah RM50, 406 tidak disokong dengan invois. Selepas teguran Audit, CFSB telah mengemukakan salinan invois berjumlah RM44,085 dan baki berjumlah RM6,321 masih belum dikemukakan untuk semakan.</li> </ol> <p>Maklum Balas CFSB Yang Diterima Pada 11 Oktober 2013 dan 24 Januari 2014</p> <p>Bayaran untuk 500 peserta dibuat kerana tempahan adalah untuk 500 dan tidak mengambil kira bilangan peserta yang hadir. Ini adalah kekurangan yang tidak dapat dielakkan. CFSB telah berunding dengan pihak hotel untuk membatalkan sebilangan tempahan bilik, bagaimanapun tidak dilayan</p>	<p>Untuk menguruskan pelaksanaan ABAF, CFSB telah melantik pengurus majlis (<i>event management company</i>) yang sepatutnya menguruskan keseluruhan acara tersebut.</p> <p>Pihak kami telah memulakan inkuiri awal, namun sebuah jawatankuasa inkuiri dipengerusikan oleh seorang ALP bebas, akan ditubuhkan. Laporan siasatan ini akan dikemukakan kepada ALP dan pihak Kementerian Kewangan.</p> <p>Inkuiri tersebut dijangka akan selesai pada bulan Mei 2014.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>kerana tempahan bilik dibuat secara pakej.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan perbelanjaan ABAF adalah kurang memuaskan. CFSB sepatutnya merancang perolehan dengan lebih baik supaya setiap perbelanjaan memberi best <i>value for money</i> dan teratur. Bagi bayaran pakej persidangan kepada hotel, CFSB sepatutnya boleh mengenal pasti anggaran bilangan peserta yang akan hadir lebih awal dan membuat tempahan menggunakan anggaran berkenaan supaya tidak berlaku lebihan yang terlalu banyak. Di samping itu, CFSB juga perlu memastikan semua bayaran yang dibuat disokong dengan bukti bahawa perbelanjaan/perkhidmatan telah benar-benar dilaksanakan atau diterima.</p>	
20.5.4.2.c	<p><b>Pembelian RUVO Tablet</b></p> <p>CFSB membuat perolehan RUVO tablet yang bernilai RM500 seunit untuk kegunaan semasa persidangan bagi menggantikan folder peserta. Setiap peserta dibekalkan seunit RUVO tablet semasa pendaftaran yang telah dilengkapi dengan salinan nota persidangan. Semakan Audit terhadap perolehan dan pengagihan RUVO tablet mendapati daripada 510 unit RUVO tablet yang diterima, sebanyak 281 unit telah diagihkan kepada peserta persidangan; 80 unit diberikan kepada tetamu kehormat, <i>speakers</i> dan kakitangan CFSB; 67 unit dijual kepada kakitangan dan 17 unit didapati rosak. Manakala baki sebanyak 65 unit lagi yang melibatkan kos perolehan berjumlah RM32, 500 tidak dapat dikesan.</p> <p>Maklum Balas CFSB Yang Diterima Pada 24 Januari 2014</p> <p>Baki RUVO tablet dijual pada harga RM350 seunit disebabkan susut nilai teknologi.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan pembelian dan agihan tablet adalah kurang memuaskan. CFSB bukan sahaja gagal mencapai tujuan asal pembelian tablet iaitu untuk kegunaan peserta malahan telah gagal menyelenggarakan rekod lengkap berkaitan agihannya. Kualiti tablet juga kurang memuaskan kerana semua stok yang masih disimpan di dalam stor telah rosak dan tidak boleh digunakan.</p>	<p>Dari baki 65 unit itu, sebanyak 20 unit telah dipulangkan kepada pembekal untuk dibaiki, 25 diberi kepada pihak media sebagai token, 15 diberi kepada dif kehormat dan hanya baki 5 unit tidak dapat dikesan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
20.5.5.1.a	<p><b>Pematuhan Terhadap Peraturan Pengurusan Dan Kewangan Syarikat - Tadbir Urus Korporat - Pelantikan Pengerusi Bukan Eksekutif</b></p> <p>Pengerusi Bukan Eksekutif CFSB telah dilantik oleh Kementerian Kewangan mulai 1 April 2007. Berdasarkan semakan Audit, adalah didapati beliau turut menjalankan peranan eksekutif seperti menandatangani cek dan baucar bayaran, meluluskan tuntutan perjalanan, meluluskan pendahuluan tunai, menandatangani dan meluluskan pesanan pembelian serta meluluskan <i>Disbursement Approval Paper</i> (DAP). Penglibatan beliau dalam urusan operasi harian syarikat antaranya disebabkan Pengerusi mendapat kelulusan secara tidak langsung melalui <i>Operational Discretionary Authority Limits</i> yang diluluskan di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah pada 19 April 2012 (Para 6.3) dan 7 April 2011 (Para 9.3) serta <i>New Structure of Authorised Cheque Signatories</i> yang diluluskan di dalam Para 10.3 Mesyuarat Lembaga Pengarah pada 7 April 2011. Peranan Pengerusi Bukan Eksekutif di dalam urusan operasi harian syarikat adalah melangkaui fungsi sebenarnya iaitu sebagai <i>oversight of management</i>. Apabila Pengerusi terlibat dalam urusan eksekutif, ia akan menyebabkan komposisi dan peranan Ahli Lembaga Pengarah bebas di dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah tidak seimbang.</p> <p>Maklum Balas CFSB Yang Diterima Pada 24 Januari dan 14 Februari 2014</p> <p>CFSB kekurangan Senior Management. Pengerusi Bukan Eksekutif CFSB hanya menjalankan peranan eksekutif ketika ketiadaan <i>Senior Management</i>. Peranan eksekutif yang dijalankan hanyalah meluluskan menandatangani cek dan baucar bayaran, meluluskan tuntutan perjalanan, meluluskan pendahuluan tunai, menandatangani dan meluluskan pesanan pembelian serta meluluskan <i>Disbursement Approval Paper</i> (DAP). Penglibatan Pengerusi dalam operasi harian syarikat adalah pada tahap minimum kerana kekurangan pegawai.</p> <p>Pada pendapat Audit, CFSB boleh mengguna pakai <i>Malaysian Code on Corporate Governance 2012</i> (Cadangan 3.4) yang mana Pengerusi mestilah seorang Ahli Bukan Eksekutif Lembaga untuk memastikan Pengerusi dapat menjalankan tugas dan peranannya dengan bebas.</p>	<p>CFSB kekurangan <i>Senior Management</i>. Pengerusi Bukan Eksekutif CFSB hanya menjalankan peranan eksekutif ketika ketiadaan <i>Senior Management</i>. Peranan eksekutif yang dijalankan hanyalah meluluskan menandatangani cek dan baucar bayaran, meluluskan tuntutan perjalanan, meluluskan pendahuluan tunai, menandatangani dan meluluskan pesanan pembelian serta meluluskan <i>Disbursement Approval Paper</i>.</p> <p>Penglibatan beliau adalah di tahap yang paling minima.</p>



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
20.5.5.1.b	<p><b>Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan Serta Unit Audit Dalam Tidak Ditubuhkan</b></p> <p>Tujuan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan ditubuhkan di dalam syarikat Kerajaan adalah untuk memastikan kawalan dalaman dan kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham dapat dipelihara sepenuhnya. Unit Audit Dalam pula berfungsi sebagai mekanisme kawalan dalaman yang bertindak membantu pihak pengurusan untuk mencapai objektif syarikat yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati CFSB tidak menubuhkan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan. CFSB juga tidak mempunyai Unit Audit Dalam dan tidak mempunyai pelan pelaksanaan Audit Dalaman. Pada tahun 2011, CFSB telah melantik <i>Price Waterhouse Coopers</i> (PWC) untuk menilai proses <i>disbursement</i> CIP 500 dengan yuran perkhidmatan berjumlah RM214, 917. Pengauditan oleh PWC menyenaraikan 8 kelemahan dalam urusan bayaran CIP 500 dan telah mencadangkan 7 tindakan penambahbaikan. Pada 18 Julai 2012, pengurusan CFSB telah memaklumkan Ahli Lembaga Pengarah bahawa tindakan penambahbaikan telah diambil terhadap semua isu yang dibangkitkan oleh PWC. Bagaimanapun, semakan Audit setakat 30 September 2013 mendapati isu yang dibangkitkan masih berlaku dan tindakan penambahbaikan yang dilaporkan kepada Ahli Lembaga Pengarah masih belum dilaksanakan. Perkara yang sama berlaku terhadap penemuan Audit di dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2008 yang membangkitkan kelemahan dalam urusan kutipan balik geran. Berdasarkan maklum balas pada 29 Mei 2009, CFSB menyatakan sedang dalam proses menyediakan <i>Standard Operating Procedures</i> (SOP) untuk <i>Debt Recovery Unit</i> (DRU). Bagaimanapun sehingga 30 September 2013, tiada SOP berkaitan disediakan.</p> <p>Maklum Balas CFSB Yang Diterima Pada 27 Ogos 2013 dan 24 Januari 2014</p> <p>Pada masa lalu CFSB tidak merancang untuk menubuhkan Jawatankuasa Audit dan Unit Audit Dalam tetapi akan menimbang semula perkara ini bersama Pengurusan Kanan CFSB. Pengurusan CFSB sedang dalam proses penubuhan Unit Audit Dalam atau melantik pihak luar bagi menjalankan fungsi tersebut.</p> <p>Pada pendapat Audit, CFSB perlu mewujudkan Unit Audit Dalam atau melantik pihak luar bagi menjalankan fungsi berkenaan. Selain itu, Jawatankuasa Audit perlu ditubuhkan secepat mungkin agar mekanisme <i>check and balance</i> dapat dilaksanakan dan semua isu Audit yang</p>	<p>Di dalam mesyuarat ALP no 01/2014 bertarikh 10 Februari 2014, ALP telah memutuskan untuk menubuhkan jawatan kuasa audit dalaman yang akan di perkerusi oleh salah seorang ALP bebas.</p> <p>Tindakan pembaikan yang dicadangkan oleh PWC sebenarnya telah dilaksanakan dan diguna pakai dalam proses cara kerja pembayaran geran (<i>Disbursement Operations Process</i>) untuk CIP500. Pihak CFSB perlu mengemaskini proses tersebut dalam dokumen SOP secara keseluruhannya. SOP terkini akan dikemukakan kepada Kementerian Kewangan pada 24 Februari 2014.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	dibangkitkan dapat dipantau dengan berkesan.	
20.5.5.2.a	<p><b>Pengurusan Kewangan Syarikat - Garis Panduan Dan <i>Standard Operating Procedures</i> Kewangan</b></p> <p>Ketua Eksekutif bertanggungjawab menggubal dan merancang sistem pengurusan dan peraturan yang berkesan dan dipersetujui oleh Lembaga Pengarah. Antara lain, sistem dan peraturan tersebut hendaklah membolehkan Lembaga Pengarah mengesan perkara yang berkaitan dengan pengurusan kewangan CFSB seperti kawalan perbelanjaan; kecukupan punca wang tunai bagi menjalankan rancangannya; pelaburan jangka pendek dan jangka panjang; pengurusan pinjaman; pengurusan aset; tanggungan jangka pendek dan jangka panjang, termasuk tanggungan luar jangka; akaun-akaun syarikat dan pencapaian syarikat. Semakan Audit mendapati CFSB tidak mempunyai garis panduan atau <i>Standard Operating Procedures</i> (SOP) yang berkaitan dengan pengurusan kewangan syarikat. Semua proses kerja di laksana berdasarkan amalan atau carta aliran yang tidak diluluskan oleh pihak pengurusan CFSB mahupun Lembaga Pengarah. Ketiadaan garis panduan dan SOP ini mengakibatkan berlaku kelemahan dalam pengurusan perolehan, pembayaran, terimaan dan pengurusan aset syarikat.</p> <p>Maklum Balas CFSB Yang Diterima Pada 24 Januari 2014</p> <p>CFSB masih dalam proses menyiapkan SOP dan akan mematuhi SOP tersebut bermula tahun 2014. CFSB telah menemui 3 firma perunding untuk menambah baik proses pengurusan kewangan.</p>	<p>CFSB masih dalam proses menyiapkan SOP dan akan mematuhi SOP tersebut bermula Jun 2014. CFSB telah menemui 3 firma perunding untuk menambah baik prosedur perolehan, pembayaran, terimaan dan pengurusan aset syarikat berdasarkan peranan CFSB sebagai pengurus dana geran kerajaan dan tertakluk dibawah Akta Syarikat 1965.</p>
20.5.5.2.b	<p><b>Pengurusan Perolehan</b></p> <p>Semakan Audit mendapati proses perolehan adalah berdasarkan kepada Carta Aliran Kerja bagi perolehan aset dan pembelian alat tulis, item pantri dan perkhidmatan lain. Carta Aliran Kerja berkenaan menggariskan kaedah perolehan secara terus iaitu hanya dengan mendapatkan 3 sebut harga dari pembekal. Bagaimanapun, Carta Aliran Kerja ini tidak diluluskan oleh mana-mana pihak sama ada oleh pengurusan CFSB atau Lembaga Pengarah. Semakan Audit terhadap 7 sampel perolehan mendapati kaedah yang digunakan adalah secara pembelian terus dan tender tertutup.</p> <p>Maklum Balas CFSB Yang Diterima Pada 24 Januari 2014</p>	<p>CFSB masih dalam proses menyiapkan SOP dan akan mematuhi SOP tersebut bermula Jun 2014. CFSB telah menemui 3 firma perunding untuk menambah baik prosedur perolehan, pembayaran, terimaan dan pengurusan aset syarikat berdasarkan peranan CFSB sebagai pengurus dana geran kerajaan dan tertakluk di bawah Akta Syarikat 1965.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>CFSB akan membaik pulih sistem kawalan dalaman dengan memastikan pengurusan perolehan mempunyai polisi dan garis panduan yang jelas serta mendapat kelulusan daripada Lembaga Pengarah.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan perolehan CFSB adalah kurang memuaskan. Pihak pengurusan CFSB perlu mengambil tindakan supaya perkara ini tidak berulang dengan mewujudkan polisi perolehan agar dapat dijadikan panduan kepada kakitangan yang terlibat dengan perolehan. Di samping itu, pihak pengurusan juga harus memastikan serah tugas mestilah dilakukan dengan sempurna supaya pegawai baru yang menggantikan pegawai yang telah berhenti dapat menyambung tugas dengan sempurna. Dokumen berkaitan urusan syarikat mestilah difailkan dan disimpan di tempat yang selamat bagi mengelakkan kehilangan dan memudahkan rujukan.</p>	
20.5.5.2.c.i	<p><b>Pengurusan Perbelanjaan - Pengurusan Baucar Bayaran</b></p> <p>Semakan Audit terhadap 1,203 baucar bayaran berjumlah RM10.07 juta bagi tempoh tahun 2011 sehingga Ogos 2013 mendapati berlaku kelemahan dalam menguruskan baucar bayaran. Kelemahan ini berlaku kerana ketiadaan polisi dan prosedur yang lengkap di dalam mengurus dan mengawal urusan kewangan CFSB.</p> <p>Maklum Balas CFSB Yang Diterima Pada 24 Januari 2014</p> <p>CFSB akan meningkatkan lagi garis panduan dalam proses meluluskan baucar bayaran. Bermula tahun 2014, CFSB tidak akan mengeluarkan sebarang cek tunai bagi memperbaiki kawalan dalaman CFSB.</p> <p>Pengurusan CFSB perlu mengambil langkah segera dalam menangani perkara ini. SOP yang lengkap hendaklah disediakan bagi menggantikan semua amalan sebelum ini. SOP berkenaan hendaklah mengambil kira kawalan dalaman yang diperlukan bagi setiap pembayaran untuk memastikan bayaran dibuat terhadap perkhidmatan/bekalan/kerja yang telah benar-benar dilaksanakan sahaja. Di samping itu juga, kawalan dalaman dalam meluluskan baucar bayaran perlu dipatuhi untuk mengelakkan berlaku salah guna kuasa dan penyelewengan. Pengeluaran cek tunai hendaklah diberhentikan/ dikurangkan kerana kaedah ini didapati tidak mempunyai kawalan yang diperlukan.</p>	<p>Kami telah memulakan proses penambahbaikan SOP Kewangan dan perkara-perkara yang membabitkan kewangan dan akan mematuhi SOP tersebut bermula Jun 2014. CFSB telah menemui 3 firma perunding untuk menambah baik prosedur perolehan, pembayaran, terimaan dan pengurusan aset syarikat berdasarkan peranan CFSB sebagai pengurus dana geran kerajaan dan tertakluk dibawah Akta Syarikat 1965.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
20.5.5.2.c.ii	<p><b>Pengurusan Tunai Runcit</b></p> <p>Berdasarkan kepada Para 5.5 <i>Petty Cash Expenses, Operational Discretionary Authority Limit</i> (ODAL) CSFB, pembayaran tunai runcit yang tidak melebihi amaun RM1,000 hendaklah diluluskan oleh Ketua Pegawai Operasi. Manakala bagi pembayaran tunai runcit yang tidak melebihi RM200 boleh diluluskan oleh Ketua Pegawai Kewangan dan Naib Presiden Operasi. Antara pembayaran yang dibuat dengan menggunakan tunai runcit adalah tuntutan perjalanan, tuntutan <i>subsistence allowance</i>, item pantri, <i>stamping</i>, surat khabar, buku, makanan dan minuman mesyuarat, hadiah hari jadi dan lain-lain. Bagi memastikan pengurusan tunai runcit dijalankan dengan baik, semakan Audit telah dibuat terhadap transaksi tunai runcit bagi tempoh tahun 2011 sehingga bulan Ogos 2013.</p> <p>Maklum Balas CFSB Yang Diterima Pada 24 Januari 2014</p> <p>Bermula tahun 2014, setiap pembelian hendaklah disertakan dengan resit yang sah. CFSB juga akan mengemas kini SOP dengan memastikan Ketua Unit dan Ketua Pegawai Kewangan memberi kelulusan sebelum pembelian dibuat.</p>	
20.5.5.2.c.iii	<p><b>Pengurusan Pendahuluan Tunai</b></p> <p>Para 6.12 <i>Staff Loans and Advances, Operational Discretionary Authority Limit</i> (ODAL) CSFB, menetapkan kuasa dan had kelulusan bagi pinjaman dan pendahuluan tunai yang diperuntukkan kepada kakitangan CFSB. Namun begitu, polisi dan prosedur pendahuluan tunai berhubung kaedah-kaedah pembayaran, pengisytiharan perbelanjaan sebenar serta pembayaran balik lebihan tidak disediakan oleh CFSB bagi memastikan ketelusan dan kecekapan urusan kewangan. Semakan Audit terhadap 138 pembayaran pendahuluan diri berjumlah RM209,450 sepanjang tempoh tahun 2011 sehingga bulan Ogos 2013 mendapati beberapa perkara berikut. (Rujuk jadual 20.28 di dalam buku Laporan Ketua Audit 1/2013)</p> <p>Maklum Balas CFSB Yang Diterima Pada 24 Januari 2014</p> <p>CFSB akan merekodkan pendahuluan tunai sebagai hutang daripada kakitangan. Perbelanjaan sebenar akan direkod selepas pengisytiharan dibuat oleh kakitangan berserta resit perbelanjaan. <i>Tracking list</i> akan</p>	<p>CFSB akan merekodkan pendahuluan tunai sebagai hutang daripada kakitangan. Perbelanjaan sebenar akan direkod selepas pengisytiharan dibuat oleh kakitangan berserta resit perbelanjaan. <i>Tracking list</i> akan disediakan untuk memastikan setiap pendahuluan dilampirkan bersama bukti pembelian.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>disediakan untuk memastikan setiap pendahuluan dilampirkan bersama bukti pembelian.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan pendahuluan tunai CFSB adalah kurang memuaskan. Tiada kawalan dan pemantauan dibuat terhadap pendahuluan yang diluluskan kepada kakitangan. Polisi dan Prosedur yang lengkap berhubung pendahuluan diri hendaklah disediakan oleh CFSB bagi memastikan ketelusan dan kecekapan di dalam urusan kewangan syarikat.</p>	
20.5.5.2.c.iv	<p><b>Pengurusan Bil Telefon Bimbit</b></p> <p>Para 7.4 Skim Perkhidmatan CFSB menggariskan kelayakan elaun telefon bimbit untuk kegunaan urusan rasmi kakitangan CFSB. Semua tuntutan perlu disertakan dengan bil telefon asal dan diluluskan oleh Ketua Bahagian. Seramai 37 kakitangan CFSB telah diperuntukkan dengan pakej bulanan Blackberry CELCOM yang disertakan dengan telefon bimbit walaupun mereka hanya layak diberikan talian telefon sahaja. Semua talian ini didaftarkan di bawah nama CFSB dan kontrak telah ditandatangani antara CFSB dan Syarikat CELCOM bagi tempoh 2 tahun. Pembayaran dibuat terus kepada CELCOM apabila bil diterima.</p> <p>Maklum Balas CFSB Yang Diterima Pada 24 Januari 2014</p> <p>Pihak pengurusan telah meminta kakitangan untuk membuat pengakuan bertulis bahawa bil dan nombor telefon tersebut adalah kepunyaan kakitangan tersebut dan digunakan untuk tujuan rasmi kerja.</p>	<p>Pakej bulanan Blackberry Celcom termasuk pemberian telefon bimbit Blackberry Curve yang diberi secara percuma. Oleh itu, kakitangan yang cumalayak diberi talian telefon sahaja juga menerima telefon.</p> <p>CFSB akan menilai semula kontrak Blackberry Celcom setelah tamat tempoh kontrak.</p>
20.5.5.2.c.v	<p><b>Pembayaran Bagi Pembangunan <i>Grant Management System</i></b></p> <p>CFSB membelanjakan RM389, 730 untuk pembangunan <i>Grant Management System</i> (GMS) CIP 500. Selain kos pembangunan sistem, CFSB juga membayar sejumlah RM355,874 sepanjang tempoh tahun 2010 hingga bulan Ogos 2013 bagi kos penyelenggaraan sistem. Semakan Audit mendapati tiada laporan <i>User Acceptance Test</i> untuk menyokong pembayaran <i>Project Management Services</i> bernilai RM45,000 dan GMS CIP 500 tidak mempunyai modul laporan walaupun perkara ini dinyatakan di dalam <i>Quotation</i>. Bagi bayaran penyelenggaraan sistem, tiada pengesahan mengenai jenis perkhidmatan yang dilaksanakan. Kelemahan ini berlaku antaranya disebabkan tiada kontrak dimeterai antara CFSB dan pembekal untuk menjelaskan skop perkhidmatan dan tanggungjawab pembekal.</p>	<p><i>User Acceptance Test</i> ada dilakukan namun pihak kami perlu mengemaskini rekod dan dokumentasi yang telah dilakukan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>20.5.5.2.c.vi</b></p>	<p><b>Pengurusan Tuntutan Perjalanan</b></p> <p>Carta Aliran Kerja bagi memproses tuntutan perjalanan bulanan telah disediakan oleh Unit Kewangan CFSB, namun didapati tempoh akhir tuntutan perlu dikemukakan tidak dinyatakan di dalam carta aliran berkenaan. Berdasarkan temu bual dengan pegawai bertanggungjawab dan maklum balas pada 17 Julai 2013, tarikh akhir mengemukakan tuntutan perjalanan mengikut amalan CFSB adalah 10 hari bulan dalam bulan berikutnya. Semakan Audit ke atas 174 baucar bayaran berjumlah RM141,038 mendapati tuntutan perjalanan lewat dikemukakan antara 8 hingga 306 hari. Perkara ini berlaku kerana telah menjadi amalan di CFSB untuk mengumpul tuntutan perjalanan selama beberapa bulan sebelum dikemukakan kepada Unit Kewangan untuk bayaran. Amalan ini menyebabkan tiada kawalan dalam bayaran tuntutan perjalanan dan mewujudkan risiko pembayaran dua kali kerana tiada semakan dibuat untuk memastikan tuntutan berkenaan telah dibuat sebelum ini. Semakan Audit juga mendapati semua Tuntutan Perjalanan berkenaan tidak di cop tarikh terima.</p> <p>Maklum Balas CFSB Yang Diterima Pada 24 Januari 2014</p> <p>Mulai tahun 2014, CFSB akan mengemas kini SOP dengan memastikan tarikh akhir setiap tuntutan perjalanan bulanan dibuat pada 7 hari bulan pada bulan berikutnya dan pembayaran akan dibuat pada 15 hari bulan. Setiap tuntutan atau resit yang bertarikh melebihi 3 bulan dari tarikh tuntutan tidak akan dibayar oleh pihak CFSB. CFSB akan memastikan setiap tuntutan perjalanan akan dicap tarikh terima.</p>	<p>Mulai tahun 2014, CFSB telah menguatkuasa SOP terkini dengan memastikan tarikh akhir setiap tuntutan perjalanan bulanan dibuat pada 7 hari bulan pada bulan berikutnya dan pembayaran akan dibuat pada 15 hari bulan. Setiap tuntutan atau resit yang bertarikh melebihi 3 bulan dari tarikh tuntutan tidak akan dibayar oleh pihak CFSB. CFSB akan memastikan setiap tuntutan perjalanan akan dicap tarikh terima.</p>
<p><b>20.5.5.2.d</b></p>	<p><b>Pembayaran Bonus Terlebih Bayar</b></p> <p>Bayaran bonus yang telah dipersetujui oleh Lembaga Pengarah hendaklah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk kelulusan. Semakan Audit mendapati CFSB telah mendapat kelulusan bayaran bonus pada kadar satu bulan gaji daripada Kementerian Kewangan bagi tahun 2010 dan 2011. Bagaimanapun, bayaran bonus yang dibuat oleh CFSB adalah melebihi kadar yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan. Ini menyebabkan lebihan bayaran berjumlah RM154, 929.</p> <p>Maklum Balas CFSB Yang Diterima Pada 24 Januari 2014</p>	<p>CFSB telah melaporkan jumlah pembayaran bonus kepada pegawai di Kementerian Kewangan. Pihak Kementerian Kewangan juga tahu akan asas kiraan bonus yang diberikan kepada staf CFSB. Pemahaman pembayaran bonus bukanlah hanya berdasarkan intepretasi surat kelulusan dari pihak Kementerian Kewangan semata-mata.</p> <p>CFSB akan memastikan setiap perbincangan bersama pegawai akan diminitkan untuk tujuan rujukan dan bukti di dalam hasil perbincangan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Berdasarkan kelulusan dari Kementerian Kewangan, pihak pengurusan membuat interpretasi bahawa bayaran bonus minima atau purata adalah sebanyak 1 bulan dan akan ditambah dengan bonus prestasi berdasarkan prestasi kakitangan tersebut. Untuk mengelakkan salah interpretasi, pihak CFSB telah mula mendapatkan panduan jelas daripada Kementerian Kewangan untuk pembayaran bonus tahun 2012, jumlah pembayaran bonus kakitangan dibentangkan untuk kelulusan Kementerian Kewangan sebelum pembayaran dibuat.</p>	
<p><b>20.5.5.2.e.i</b></p>	<p><b>Pengurusan Aset - Aset Rosak Tidak Dihapus Kira Dari Rekod Perakaunan</b></p> <p>Aset yang telah rosak dan tidak mempunyai manfaat hendaklah dilupuskan dan dihapus kira daripada rekod perakaunan bagi menunjukkan rekod aset yang tepat dan kemas kini. Pemeriksaan fizikal Audit pada 3 Oktober 2013 mendapati 23 unit komputer riba disimpan di bilik stor CFSB di mana 9 unit didapati telah rosak tetapi sebahagian komponennya diguna semula sebagai alat ganti. Bagaimanapun, semakan lanjut terhadap daftar aset CFSB mendapati 9 unit komputer riba ini tidak dihapus kira daripada rekod perakaunan menyebabkan maklumat aset di dalam Penyata Kewangan CFSB terlebih nyata pada kos sejumlah RM56, 969. Nilai buku komputer riba adalah RM1.00 setiap unit.</p> <p>Maklum Balas CFSB Yang Diterima Pada 24 Januari 2014</p> <p>CFSB akan membaik pulih sistem kawalan dalaman dengan memastikan pengurusan aset mempunyai polisi dan garis panduan yang jelas serta mendapat kelulusan dari pihak Pengurusan CFSB atau/dan Lembaga Pengarah. Polisi dan garis panduan perakaunan juga akan dikemas kini dan diguna pakai untuk merekod transaksi pembelian aset, pengiraan susut nilai aset dan pelupusan aset.</p> <p>Aset yang dilupuskan perlu dihapus kira daripada rekod perakaunan supaya Penyata Kewangan CFSB menunjukkan kedudukan aset yang tepat dan kemas kini.</p>	<p>CFSB telah mula mengenalpasti dan mengemaskini rekod aset sejak tahun 2013. Aset-aset rosak dan tidak boleh diguna pakai sudahpun dikenal pasti dan akan dihapus kira dari dalam rekod perakaunan bermula Laporan Kewangan syarikat bagi tahun berakhir 31 Disember 2013.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
20.5.5.2.e.ii	<p><b>Pelabelan Aset</b></p> <p>Aset yang direkodkan di dalam daftar syarikat perlulah dilabel dengan nombor aset agar aset tersebut mudah dikenal pasti dan mengelak kehilangan aset. Pemeriksaan fizikal aset pada 4 Oktober 2013 mendapati semua aset CFSB tidak dilabel. Perkara ini telah ditegur oleh juruaudit luar melalui surat pengurusan semasa pengauditan penyata kewangan bagi tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2011. Namun, tiada tindakan diambil oleh CFSB.</p> <p>Maklum Balas CFSB Yang Diterima Pada 24 Januari 2014</p> <p>CFSB akan bertindak menjalankan pelabelan aset dengan kadar segera.</p>	<p>CFSB telahpun memulakan pelabelan aset dan dijangka siap sepenuhnya pada bulan Jun 2014.</p>



**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 1 TAHUN 2013**

**KEMENTERIAN KEWANGAN**

**Perenggan 21 : Malaysia Technology Development Corporation Sdn. Bhd**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
21.5.1.1.	<p><b>Analisis Pendapatan, Perbelanjaan Dan Untung Rugi</b></p> <p>Analisis Audit mendapati berlaku peningkatan pendapatan pada tahun 2011 berjumlah RM4.68 juta (29.3%) berbanding dengan tahun 2010 tetapi menurun sejumlah RM2.5 juta (12.1%) pada tahun 2012 berbanding dengan tahun 2011. Secara keseluruhannya margin keuntungan kasar bagi ketiga-tiga tahun adalah pada kadar 13.3% sehingga 39.9%.</p> <p>Maklum Balas MTDC Yang Diterima Pada 24 Januari 2014</p> <p>Faktor utama yang menyumbang kepada penurunan keuntungan kasar pada tahun 2012 ialah jumlah peruntukan dana yang diterima daripada pihak Kerajaan adalah lebih rendah berbanding dengan tahun sebelumnya. Apabila peruntukan berkurangan, yuran pengurusan juga turut berkurangan. Bagi setiap peruntukan yang diterima, caj pengurusan yang dibenarkan oleh pihak Kerajaan ialah 3% atau 3.5% bergantung kepada jenis dana.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan atasan MTDC hendaklah mewujudkan mekanisma yang berkesan bagi meningkatkan bilangan penerima supaya caj pengurusan (pendapatan) dapat juga dipertingkatkan. Selain itu, MTDC hendaklah mengamalkan best management practises bagi mengurangkan/mengekalkan perbelanjaan operasinya bagi membolehkan keuntungan bersih sebelum cukai dipertingkatkan. Dari penelitian Audit adalah didapati kos operasi meningkat secara berterusan bagi tiga tahun berturut-turut. Juga diperhatikan, walaupun pendapatan meningkat pada tahun 2011 berbanding dengan tahun 2010 tetapi MTDC masih mengalami kerugian operasi pada tahun 2011.</p>	<p>Penglibatan MTDC di dalam aktiviti pelaburan adalah selaras dengan tujuan asal penubuhan syarikat iaitu untuk mengalakkan pengkomersilan hasil Penyelidikan dan Pembangunan (P&amp;P) tempatan melalui mekanisma pelaburan Modal Teroka. Mekanisma Modal Teroka digunakan adalah kerana syarikat yang ingin mengkomersilkan sesuatu konsep, idea atau P&amp;P tidak dapat memenuhi kriteria pinjaman.</p> <p>Ini disebabkan syarikat tersebut berisiko tinggi, tidak mempunyai rekod prestasi dan tidak dapat memberi cagaran. Oleh itu, MTDC telah berfungsi untuk memenuhi jurang pembiayaan dengan membuat pelaburan Modal Teroka untuk membiayai pengkomersilan hasil P&amp;P. Ini selari dengan aspirasi kerajaan untuk meningkatkan daya saing syarikat-syarikat Malaysia yang berteraskan teknologi.</p> <p>Pelaburan Modal Teroka MTDC di dalam syarikat-syarikat penerima pelaburan kebanyakannya masih diperingkat awal. Adalah menjadi norma industri Modal Teroka bahawa nilai pelaburan akan menghadapi rosot nilai ketara pada peringkat awal pelaburan terutamanya di dalam syarikat-syarikat berteknologi. Rosot nilai ini adalah ciri semulajadi sementara di dalam pelaburan Modal Teroka sebelum sesuatu pelaburan dapat menjana nilai secara amnya di antara 5 hingga 10 tahun. Kejayaan sesuatu dana Modal Teroka akan diukur pada masa dana tersebut ditutup.</p> <p>Sebagaimana yang dimaklumkan, caj pengurusan geran, selain bergantung kepada bilangan penerima geran, juga bergantung kepada geran yang diperuntukkan kepada MTDC untuk diurus.</p> <p>Sementara itu, peningkatan kos operasi setiap tahun adalah disebabkan peruntukan rosot nilai. Kerugian operasi pada tahun 2011 juga adalah disebabkan peruntukan rosot nilai yang tinggi.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																				
		<p>Untuk mengurangkan rosot nilai, MTDC telah menyediakan khidmat nasihat dan nilai tambah untuk memastikan kejayaan syarikat pelaburannya seperti yang dijelaskan di perenggan 21.5.2.1.g.</p> <p>Untuk meningkat bilangan penerima geran, MTDC telah mengambil inisiatif untuk meningkatkan kesedaran golongan sasaran terhadap kewujudan geran, senarai promosi telah dijadualkan sepanjang tahun 2014. Ini akan meningkatkan jumlah permohonan dan seterusnya penerima geran.</p>																				
21.5.1.2.	<p><b>Analisis Nisbah</b></p> <p>Bagi menilai prestasi kewangan MTDC, analisis nisbah semasa, margin keuntungan bersih, nisbah pulangan ke atas aset dan nisbah pulangan ke atas ekuiti telah dijalankan berdasarkan butiran yang ditunjukkan pada Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2010 hingga 2012.</p> <p>Maklum Balas MTDC Yang Diterima Pada 24 Januari 2014</p> <p>MTDC telah diamanahkan oleh Kerajaan untuk menubuhkan dana Modal Teroka Non-ICT dan membuat pelaburan bersama di dalam dana (MLSCF). Pembiayaan dana Modal Teroka Non-ICT dalam bentuk pinjaman sememangnya bertentangan dengan norma pelaburan dan ini menyebabkan MTDC mempunyai liabiliti yang tinggi serta menyebabkan penurunan aset semasa syarikat. Dana ini dibiayai dalam bentuk Pinjaman Mudah Kerajaan. Sementara itu, peruntukan rosot nilai pelaburan sepanjang tempoh juga menyebabkan analisis nisbah MTDC kurang memuaskan.</p> <p>Pada pendapat Audit, konsep pengurusan portfolio pelaburan yang berkesan boleh memberi pulangan pelaburan yang baik. Selain itu, pihak MTDC hendaklah memperkemaskan <i>Standard Operating Procedure</i> (SOP) untuk mengelak/mengurangkan risiko kerugian dalam pelaburan. Perkara ini seterusnya dapat mengelakkan peruntukan rosot nilai pelaburan yang tinggi.</p>	<p>Semenjak tahun 2012, MTDC tidak lagi membuat sebarang pelaburan baru tetapi hanya membuat pelaburan susulan di dalam syarikat-syarikat sedia ada.</p> <p>MTDC telah menggunakan MFRS dalam penyediaan Akaun Beraudit Syarikat semenjak Tahun Berakhir 31 Disember 2010. MFRS 139 menghendaki nilai saksama setiap pelaburan dinilai pada setiap akhir tahun.</p> <p>Sebarang perubahan nilai harus dimasukkan terus ke akaun rezab AFS.</p> <p>Walau bagaimanapun, pelaburan yang menunjukkan penurunan nilai wajar yang ketara dan berpanjangan harus diperuntukkan rosot nilai.</p> <p>MTDC berpendapat bahawa portfolio pelaburan MTDC haruslah dinilai dari kedua-dua sudut iaitu peruntukan rosot nilai dan perubahan dalam nilai saksama seperti yang diringkaskan di dalam jadual di bawah:-</p> <table border="1" data-bbox="1267 1007 2000 1236"> <thead> <tr> <th colspan="2">Butiran</th> <th>2010 (RM Juta)</th> <th>2011 (RM Juta)</th> <th>2012 (RM Juta)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Peruntukan Rosot Nilai</td> <td></td> <td>(101.76)</td> <td>(24.78)</td> <td>(34.22)</td> </tr> <tr> <td>Perubahan Dalam Nilai Saksama</td> <td></td> <td>47.26</td> <td>(25.77)</td> <td>60.19</td> </tr> <tr> <td>Perubahan Nilai Saksama Bersih</td> <td></td> <td>(54.50)</td> <td>(50.55)</td> <td>25.97</td> </tr> </tbody> </table> <p>Sebagai langkah mengurangkan risiko pelaburan ini, MTDC menyediakan khidmat nilai tambah dan nasihat seperti diterangkan dengan lebih lanjut di perenggan 21.5.2.1.g.</p>	Butiran		2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	Peruntukan Rosot Nilai		(101.76)	(24.78)	(34.22)	Perubahan Dalam Nilai Saksama		47.26	(25.77)	60.19	Perubahan Nilai Saksama Bersih		(54.50)	(50.55)	25.97
Butiran		2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)																		
Peruntukan Rosot Nilai		(101.76)	(24.78)	(34.22)																		
Perubahan Dalam Nilai Saksama		47.26	(25.77)	60.19																		
Perubahan Nilai Saksama Bersih		(54.50)	(50.55)	25.97																		

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>21.5.1.3.</b></p>	<p><b>Aliran Tunai</b></p> <p>Secara keseluruhannya, didapati aliran tunai MTDC semakin menurun bagi tempoh 3 tahun berturut-turut. Analisis Audit juga mendapati MTDC tidak dapat menjana aliran tunai daripada aktiviti operasi syarikat. Pada tahun 2010, MTDC telah mendapat pinjaman daripada Kerajaan yang antaranya menjadi penyumbang kepada kenaikan aliran tunai syarikat.</p> <p>Maklum Balas MTDC Yang Diterima Pada 24 Januari 2014</p> <p>Penurunan aliran tunai syarikat adalah disebabkan oleh penambahan pelaburan di dalam beberapa syarikat berteknologi. Sementara itu, pelaburan yang dibuat pada tahun-tahun terdahulu belum dicairkan. Pada tahun 2010, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan pinjaman jangka panjang sejumlah RM68.4 juta kepada MTDC sebagai sebahagian daripada pinjaman di bawah dana <i>Non-ICT</i> untuk tujuan pelaburan di dalam syarikat berteknologi. Ia bukannya digunakan untuk menampung kekurangan aliran tunai MTDC. Tambahan pinjaman ini telah menyebabkan aliran tunai masuk bersih daripada aktiviti pembiayaan berjumlah RM66.45 juta.</p>	<p>Aliran tunai MTDC dari aktiviti pelaburan seperti faedah dan keuntungan dari simpanan tetap, dividen dan pelupusan pelaburan telah dapat menampung defisit dari aktiviti operasi.</p>
<p><b>21.5.2.1.g</b></p>	<p><b>Prestasi Aktiviti</b></p> <p>Pada tahun 2003, MTDC telah mendapat satu pinjaman mudah berjumlah RM33.40 juta daripada Kementerian Kewangan dengan kos pembiayaan 4% setahun bagi membiayai modal kerja. Selain itu pada tahun 2004 hingga 2010, MTDC telah mendapat 5 pinjaman mudah berjumlah RM690.09 juta daripada Kementerian Kewangan dengan bayaran balik dalam tempoh 10 tahun sekali gus tanpa sebarang kos pembiayaan. Analisis Audit selanjutnya mendapati peningkatan peruntukan rosot nilai pelaburan yang di antara RM24.78 juta hingga RM101.76 juta menunjukkan bahawa tahap pulangan terhadap pelaburan adalah amat rendah. Keadaan ini boleh menjejaskan kestabilan kewangan MTDC dalam tempoh jangka panjang.</p> <p>Maklum Balas MTDC Yang Diterima Pada 24 Januari 2014</p> <p>Penglibatan MTDC di dalam aktiviti pelaburan adalah selaras dengan tujuan asal penubuhan syarikat iaitu mengkomersilkan Penyelidikan dan Pembangunan tempatan melalui mekanisma pelaburan Modal Teroka. Mekanisma Modal Teroka digunakan adalah kerana syarikat yang ingin</p>	<p>Sebagai langkah mengurangkan risiko pelaburan, MTDC telah menyediakan khidmat nilai tambah dan nasihat untuk:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Membantu meningkatkan daya-saing syarikat pelaburan;</li> <li>b) Membantu syarikat mendapatkan pelaburan tambahan dari institusi lain; dan</li> <li>c) Menggalakkan kerjasama dengan organisasi berkaitan dalam aspek teknikal atau pasaran.</li> </ul> <p>Di samping itu, MTDC juga meletakkan wakil-wakil di kalangan kakitangan berpengalaman sebagai ahli lembaga pengarah atau wakil pemerhati di dalam setiap syarikat pelaburan bagi memantau Tadbir Urus Korporat dan prestasi syarikat dari masa ke semasa.</p> <p>Sehingga Januari 2014, jumlah kakitangan MTDC yang menjadi ahli lembaga pengarah syarikat pelaburan ialah seramai 6 orang. Laporan kemajuan syarikat-syarikat pelaburan ini dibentangkan di setiap mesyuarat Lembaga Pengarah MTDC.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>mengkomersilkan sesuatu konsep, idea atau R&amp;D tidak dapat memenuhi kriteria pinjaman. Ini disebabkan syarikat tersebut berisiko tinggi, tidak mempunyai rekod prestasi dan tidak dapat memberi cagaran. Lumrahnya, syarikat-syarikat awal tiada akses kepada pinjaman bank kerana ketiadaan rekod kewangan yang baik atau aset untuk dibuat cagaran. Syarikat-syarikat ini juga lazimnya, tidak mempunyai kecairan wang tunai yang baik. Ini menambah lagi kesukaran bagi mereka untuk meyakinkan pihak bank. Oleh itu, MTDC telah berfungsi untuk memenuhi jurang pembiayaan ini membuat pelaburan Modal Teroka untuk membiayai pengkomersialan Penyelidikan dan Pembangunan berteknologi.</p> <p>Pada pendapat Audit, MTDC perlu mewujudkan mekanisma pengurusan risiko yang komprehensif dalam menguruskan pelaburan dalam syarikat-syarikat berteknologi tinggi. Ia bagi mengelakkan MTDC terdedah kepada kerugian dalam tempoh jangka panjang memandangkan sumber utama dana pelaburan yang keseluruhannya adalah terdiri dari sumber pinjaman.</p>	<p>MTDC juga telah melantik Juruaudit Luar untuk mengkaji pengurusan kewangan dan operasi syarikat pelaburan dari masa ke semasa.</p>
<p><b>21.5.2.2.b</b></p>	<p><b>Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI)</b></p> <p>Pada tahun 2012, sebanyak 6 (46.15%) daripada 13 sasaran tidak dapat dicapai. Bagaimanapun 7 (41.2%) sasaran tidak berjaya dicapai dan sebanyak 4 (23.5%) sasaran adalah tidak berkaitan. Semakan Audit mendapati tiada bukti jelas yang menunjukkan ketidakcapaian KPI dibincang dengan teliti dan dibuat keputusan mengenainya.</p> <p>Maklum Balas MTDC Yang Diterima Pada 24 Januari 2014</p> <p>Status pencapaian KPI untuk tahun 2012 telah dibincangkan dengan teliti di dalam dua mesyuarat pada 11 dan 12 April 2013 dan dihadiri oleh Ketua Bahagian/Jabatan/Unit atau wakil. Sehubungan dengan ini, setiap Bahagian/Jabatan/Unit yang tidak mencapai sasaran KPI telah mengemukakan justifikasi berhubung ketidakcapaian KPI tersebut. Faktor-faktor yang menyumbang kepada ketidakcapaian KPI dan strategi yang dikenal pasti bagi meningkatkan tahap prestasi tersebut antaranya adalah seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Yuran pengurusan dana yang rendah, tahap kelulusan yang rendah dari jangkaan, aktiviti pembiayaan yang dipohon di luar skop, nilai syarikat yang perolehi khidmat perundingan MTDC tidak dapat direkodkan. Ini adalah kerana projek masih dalam pelaksanaan dan</li> </ul>	<p>MTDC akan meningkatkan kekerapan pembentangan laporan KPI kepada Lembaga Pengarah. Pembentangan akan dilakukan pada setiap suku tahunan mulai dari Mesyuarat Lembaga Pengarah yang dijadualkan pada Mei 2014.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>terdapat program yang tidak dapat dilaksanakan kerana tiada persetujuan dengan pemberi geran.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Terdapat juga kertas kerja penilaian tidak dapat dibentangkan kepada Jawatankuasa dalam tempoh yang ditetapkan kerana kekurangan dokumen tambahan.</li> </ul> <p>Pada pendapat Audit, tahap pencapaian KPI MTDC adalah rendah dan pemantauan yang lebih terperinci perlu dilakukan di peringkat Lembaga Pengarah dengan menetapkan strategi perniagaan untuk meningkatkan pencapaian KPI.</p>	
21.5.2.3.a	<p><b>Prestasi Pengurusan Geran</b></p> <p>MTDC telah menetapkan sasaran bagi geran tahunan mengikut jenis geran TAF, CRDF, BSF dan BGF. Analisis Audit terhadap sasaran dan pencapaian geran yang diluluskan oleh MTDC mendapati pencapaian sasaran geran adalah antara 0% hingga 215.4% bagi tempoh tahun 2011 hingga bulan September 2013.</p>	<p>Sehingga 31 Disember 2013, pencapaian sasaran geran adalah antara 41.7% hingga 215.4%.</p>
21.5.2.3.b	<p>MTDC bertindak sebagai pengurus dana bagi CRDF, TAF, BGF dan BSF. Bagi tahun 2011, geran yang diluluskan adalah berjumlah RM130.07 juta (98.2%) berbanding sasaran sejumlah RM132.4 juta. Pada tahun 2012 dan 2013, jumlah pencapaian geran yang diluluskan telah menurun masing-masing kepada RM82.98 juta dan RM50.42 juta. Penurunan jumlah geran yang diluluskan berbanding sasaran masing-masing ialah 62.4% dan 47.1%.</p> <p>Maklum Balas MTDC Yang Diterima Pada 24 Januari 2014</p> <p>Tahap kelulusan TAF adalah rendah kerana, syarikat pemohon tidak memenuhi skop pembiayaan kerana ingin menggunakan dana untuk pembelian mesin dan bukan perolehan teknologi dan syarikat yang ingin membuat perolehan teknologi pula tidak menepati kriteria kelulusan. Melalui perbincangan dengan pihak industri, skop pembiayaan telah dikembangkan untuk meliputi kos perolehan peralatan dan mesin. Di samping itu juga, siling dana ditingkatkan daripada RM2.0 juta kepada RM4.0 juta.</p> <p>Kelulusan BSF adalah rendah kerana kualiti kertas kerja permohonan tidak memenuhi garis panduan yang ditetapkan oleh BSF; kebanyakan projek dicadangkan masih di peringkat pra-pengkomersilan; ketidaktentuan pasaran</p>	<p>Sehingga 31 Disember 2013, penurunan jumlah geran yang diluluskan berbanding sasaran masing-masing bagi tahun 2012 dan 2013 ialah 62.4% dan 56.5%.</p> <p>Penilaian ke atas kejayaan sesuatu program geran seharusnya didasarkan kepada prestasi penerima geran dan bukanlah kepada jumlah atau peratusan kelulusan geran.</p> <p>Sehingga 31 Disember 2013, keseluruhan peruntukan TAF telah diluluskan. JKK di dalam Mesyuarat Bil.7/13 yang diadakan pada 24 Disember 2013 telah bersetuju untuk tidak menerima sebarang permohonan baru.</p> <p>Bagi memastikan permohonan lain-lain geran/dana yang diterima berkualiti dan memenuhi kriteria yang ditetapkan, pada Januari 2014, MTDC telah merangka program-program promosi yang akan dijalankan sepanjang tahun 2014 bermula Januari sehingga Disember 2014.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>bagi produk yang akan dikomersilkan; model perniagaan yang tidak meyakinkan dan tidak mempunyai kemampuan pembayaran balik dana.</p> <p>Kelulusan BGF adalah rendah kerana kebanyakan pemohon dana BGF tidak menepati kriteria permohonan dan kriteria penilaian. Antara sebab-sebab pemohon gagal untuk melepasi kriteria ini disebabkan tidak dapat menyediakan dokumen-dokumen penting untuk dinilai seperti penyata kira-kira tahun semasa dan sebelumnya, serta maklumat berkenaan kebaharuan (<i>novelty</i>), daya maju (<i>viability</i>), keberuntungan (<i>profitability</i>), kelestarian teknologi (<i>technology sustainability</i>) dan model perniagaan yang baik.</p>	
21.5.2.3.c	<p>Disamping itu, MTDC juga menerima dana RAIDAH, INNO dan TEKNO daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang masing-masing berjumlah RM12.40 juta, RM11.45 juta dan RM46.90 juta. Bagaimanapun semakan Audit mendapati pihak MTDC hanya bertindak sebagai pemegang sementara dan akan membuat pembayaran atas arahan MOSTI. Sehingga bulan September 2013 baki ketiga-tiga dana berkenaan adalah masing-masing berjumlah RM1.27 juta (10.2%), RM2.05 juta (17.9%) dan RM20.15 juta (43.0%). Selain itu pihak MTDC juga menerima geran bagi tujuan khusus iaitu dana TDC untuk penyenggaraan inkubator, dana MVF untuk menjalankan kajian pasaran dan dana KLVC untuk menganjurkan simposium berkaitan bidang teknologi. Sehingga bulan September 2013, baki ketiga-tiga dana berkenaan adalah masing-masing berjumlah RM1.80 juta, RM17.44 juta dan RM577. Semakan Audit mendapati baki dana berkenaan disimpan dalam akaun semasa dan akaun simpanan tetap MTDC.</p>	<p>Setiap dana disimpan di dalam akaun bank yang berasingan untuk memudahkan pengurusan dana tersebut.</p>
21.5.2.3.d	<p>MTDC juga telah menetapkan sasaran untuk pengeluaran wang geran yang diluluskan pada setiap tahun untuk geran TAF, CRDF, BSF dan BGF. Analisis terhadap sasaran dan pencapaian geran yang dikeluarkan mendapati peratus pengeluaran geran berbanding sasaran yang ditetapkan masih kurang memuaskan iaitu antara 0% hingga 120.7% daripada jumlah yang disasarkan. Bagi tahun 2010, pengeluaran geran berjumlah RM39.34 juta (86.5%) berbanding sasarannya iaitu RM45.50 juta. Manakala bagi tahun 2011, tiada pengeluaran geran TAF dibuat.</p> <p>Maklum Balas MTDC Yang Diterima Pada 24 Januari 2014</p> <p>Pengeluaran dana TAF dan CRDF adalah rendah kerana pembayaran dibuat adalah secara padanan ataupun pembayaran balik (<i>reimbursement</i>), yang memberi kesan kepada prestasi perbelanjaan dana kerana pihak syarikat</p>	<p>MTDC hanya menyalurkan geran kepada penerima geran setelah mereka memenuhi syarat-syarat yang termaktub di dalam perjanjian geran bagi mengelakkan risiko penyalahgunaan geran.</p> <p>Selain daripada pembayaran geran secara pembayaran balik atau padanan, bayaran pendahuluan juga diperkenalkan di bawah geran TAF dan CRDF untuk kes-kes tertentu atas permintaan dan keperluan syarikat.</p> <p>Untuk dana BGF, MTDC pada bulan Mac 2013 telah menghantar cadangan kepada Kementerian Kewangan untuk membenarkan syarikat penerima dana mendapat dana peringkat geran dan ekuiti secara serentak di samping pilihan untuk mendapatkan pembiayaan ekuiti penuh (tanpa geran). Kaedah ini dapat membantu mempercepatkan lagi penyaluran dana kepada syarikat penerima dana.</p> <p>Bagi mempercepatkan penyaluran dana BSF, MTDC pada tahun 2013 telah</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>akan membuat tuntutan secara berperingkat, mengikut keupayaan kewangan masing-masing. Selain itu, pembayaran dana CRDF dan TAF adalah dalam bentuk agihan sepanjang tempoh dua tahun pelaksanaan projek dan bukannya dalam bentuk pembayaran penuh sekaligus.</p> <p>Pengeluaran dana BSF adalah rendah antaranya kerana berlaku kelewatan pelaksanaan projek oleh syarikat kerana tidak memenuhi batu penanda (<i>milestone</i>) yang telah dipersetujui di antara MTDC dan syarikat penerima dan masalah pelaksanaan projek seperti kelewatan dalam urusan pembelian peralatan dan proses penyediaan fasiliti pengilangan. Terdapat juga syarikat pemohon tidak dapat menyelesaikan isu <i>due diligence</i>.</p> <p>Pengeluaran dana BGF adalah rendah kerana proses pengeluaran BGF terbahagi kepada dua fasa iaitu fasa geran dan ekuiti. Syarikat dapat mengeluarkan geran pada masa lapan bulan pertama berjumlah maksima RM1.0 juta sahaja. Pengeluaran peruntukan ekuiti akan dibuat hanya selepas syarikat berjaya di peringkat geran. Ini menyebabkan pengeluaran adalah kecil berbanding jumlah yang diluluskan. Selain itu berlaku kelewatan pelaksanaan projek oleh syarikat kerana tidak memenuhi batu penanda yang telah dipersetujui di antara MTDC dan syarikat penerima.</p> <p>Pada pendapat Audit, objektif geran dan hasrat Kerajaan yang ingin membantu dan menggalakkan penggunaan teknologi oleh syarikat-syarikat tempatan akan terjejas apabila geran tidak disalurkan sepenuhnya.</p>	<p>menyediakan Perkhidmatan Nilai Tambah bagi membantu syarikat mencapai sasaran <i>milestone</i> mengikut tempoh masa yang telah termaktub di dalam perjanjian dana.</p> <p>MTDC juga telah melantik firma-firma Juruaudit Luar dan Guaman untuk membantu syarikat penerima dana memperkemaskan pengurusan dan tadbir urus korporat supaya proses pembayaran dapat berjalan lancar.</p>
21.5.3.1.a	<p><b>Penyediaan Perancangan Kertas Kerja Geran Kepada Kementerian Kewangan Tidak Lengkap</b></p> <p>Semakan Audit terhadap kertas kerja perancangan geran bagi 4 geran utama mendapati kertas kerja perancangan geran telah disediakan dan dibincangkan di beberapa peringkat perbincangan dengan Kementerian berkaitan sebelum ianya diluluskan untuk dilaksanakan. Bagaimanapun tiada analisa faktor dan risiko yang menyumbang terhadap keberkesanan pencapaian geran.</p> <p>Kegagalan penyediaan kertas kerja dengan tidak mengambil kira elemen-elemen penting perancangan di antaranya boleh memberi kesan terhadap bilangan permohonan yang diterima seterusnya memberi kesan terhadap bilangan permohonan yang hendak diluluskan dan pembayaran geran. Analisis Audit selanjutnya mendapati peruntukan belum guna adalah tinggi di antara RM7.10 juta sehingga RM92.28 juta (66.8% hingga 92.3%).</p>	<p>Analisa faktor dan risiko adalah perkara utama yang diambil kira apabila MTDC membuat sesuatu cadangan program baru kepada Kerajaan.</p> <p>Penerima dana BGF merupakan syarikat penerima geran Kerajaan yang telah berjaya di dalam projek masing-masing.</p> <p>Dana BSF pula terbuka kepada syarikat bersaiz kecil dan sederhana berteraskan teknologi. Oleh yang demikian, kajian terhadap prestasi kejayaan geran yang terdahulu tidak berkaitan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Maklum Balas MTDC Yang Diterima Pada 24 Januari 2014</p> <p>Pada penghujung RMKe-8, berdasarkan pemantauan prestasi penerima-penerima geran CRDF di bawah RMKe-7 dan RMKe-8, MTDC mendapati bahawa kebanyakan projek gagal mendapat pembiayaan dari instusi kewangan komersil untuk aktiviti pengkomersilan. Berdasarkan pemerhatian tersebut, kertas kerja geran CRDF dan TAF RMKe-9 telah mencadangkan agar CRDF membiayai aktiviti pengkomersilan manakala aktiviti pra-pengkomersilan diambil alih oleh suatu dana baru yang diuruskan oleh (MOSTI). Kertas kerja ini telah dibentangkan dan diterima oleh Unit Perancang Ekonomi.</p> <p>Pada pendapat Audit, penyediaan kertas kerja yang tidak dirancang dengan baik dengan tidak mengambil kira elemen-elemen penting perancangan geran boleh menjadi punca kepada peratusan penerima geran yang rendah. Manakala bagi geran BSF dan BGF kejayaan geran adalah berkait rapat dengan kejayaan pencapaian penerima geran sebelum ini. Oleh itu kajian terhadap prestasi kejayaan geran yang terdahulu adalah penting bagi memastikan objektif geran dicapai.</p>	
21.5.3.2.a	<p><b>Tiada Kajian Awal Bagi Penentuan Kriteria Permohonan Geran</b></p> <p>Dalam merancang keberkesanan program geran, adalah penting bagi MTDC menjalankan kajian ke atas maklum balas terhadap sasaran penerima geran terdahulu. Kajian ini boleh membantu MTDC bagi mendapatkan maklumat penerima geran sebelum menetapkan kriteria permohonan. Prestasi sasaran penerima geran hendaklah dikaji supaya kriteria dan syarat permohonan dapat diklasifikasikan secara komprehensif sekaligus membolehkan MTDC menentukan kriteria kelulusan permohonan.</p>	<p>Analisa faktor dan risiko adalah perkara utama yang diambil kira apabila MTDC membuat cadangan program baru kepada Kerajaan.</p> <p>MTDC melalui pengalaman bersama syarikat-syarikat berasaskan teknologi yang mendapat pembiayaan CRDF/ TAF mendapati terdapat keperluan untuk pembiayaan syarikat-syarikat baru (pra-CRDF/TAF) dan di peringkat pertumbuhan pasca geran. Pemerhatian ini seterusnya dibentangkan kepada agensi pusat dalam bentuk kertas polisi untuk cadangan pembiayaan.</p> <p>Kriteria permohonan seterusnya ditetapkan di peringkat Jawatankuasa Teknikal (JKT) dan Jawatankuasa Kelulusan (JKK) dana yang dianggotai oleh wakil-wakil Kerajaan dan industri di mana cadangan kriteria penilaian dibentang dan dibincangkan dengan teliti.</p>



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																																																			
21.5.3.2.c	Semakan Audit mendapati tiada maklumat atau kajian dikumpul daripada penerima geran yang disasarkan berkaitan dengan maklumbalas terhadap kriteria bagi mengetahui tahap kelayakan kompetensi pemohon. Semakan juga mendapati peratusan permohonan yang gagal adalah amat tinggi iaitu diantara 13.0% hingga 93.3%.	<p>MTDC sebagai pengurus dana dan geran, sentiasa memastikan pra-syarat asas penilaian geran dan dana dibuat secara menyeluruh (dari aspek dokumentasi lengkap, jenis syarikat, kumpulan sasaran iaitu SME, dan struktur pegangan saham syarikat).</p> <p>Ini untuk memastikan hanya pemohon yang layak diberi kelulusan geran dan mendapat faedah daripada program yang disediakan oleh pihak Kerajaan.</p>																																																			
21.5.3.2.d	<p>Semakan Audit selanjutnya mendapati beberapa kriteria utama yang menyumbang kepada kegagalan permohonan dan butirannya adalah seperti dijadual berikut:-</p> <p style="text-align: center;"><b>Jadual 21.17</b> <b>Peratusan Kriteria Utama Yang Menjadi</b> <b>Punca Penolakan Permohonan Geran</b> <b>Bagi Tempoh Tahun 2011 Hingga Bulan September 2013</b></p> <table border="1" data-bbox="338 730 1151 1353"> <thead> <tr> <th rowspan="2">Kriteria</th> <th colspan="3">Peratusan Penolakan</th> </tr> <tr> <th>2011</th> <th>2012</th> <th>2013 *</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td colspan="4"><b>CRDF</b></td> </tr> <tr> <td>Penyelidikan dan Pembangunan (R&amp;D) telah siap dan signifikan</td> <td>75%</td> <td>100%</td> <td>67%</td> </tr> <tr> <td>Harta Intelek</td> <td>25%</td> <td>0%</td> <td>33%</td> </tr> <tr> <td colspan="4"><b>TAF</b></td> </tr> <tr> <td>i. Dokumen lengkap</td> <td>75%</td> <td>100%</td> <td>60%</td> </tr> <tr> <td>ii. Memenuhi Prasyarat dana</td> <td>25%</td> <td>0</td> <td>40%</td> </tr> <tr> <td colspan="4"><b>BSF</b></td> </tr> <tr> <td>Projek dalam kategori pengkomersilan teknologi dan aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan (R&amp;D) telah siap.</td> <td>15.4</td> <td>30.7</td> <td>33.3</td> </tr> <tr> <td>Memenuhi kriteria kelayakan teknologi dan keperluan pasaran.</td> <td>84.6</td> <td>69.3</td> <td>66.7</td> </tr> <tr> <td colspan="4"><b>BGF</b></td> </tr> <tr> <td>Penerima geran daripada MTDC atau mana-mana agensi kerajaan.</td> <td>33%</td> <td>-</td> <td>-</td> </tr> </tbody> </table>	Kriteria	Peratusan Penolakan			2011	2012	2013 *	<b>CRDF</b>				Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) telah siap dan signifikan	75%	100%	67%	Harta Intelek	25%	0%	33%	<b>TAF</b>				i. Dokumen lengkap	75%	100%	60%	ii. Memenuhi Prasyarat dana	25%	0	40%	<b>BSF</b>				Projek dalam kategori pengkomersilan teknologi dan aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) telah siap.	15.4	30.7	33.3	Memenuhi kriteria kelayakan teknologi dan keperluan pasaran.	84.6	69.3	66.7	<b>BGF</b>				Penerima geran daripada MTDC atau mana-mana agensi kerajaan.	33%	-	-	<p>Untuk memberi penerangan yang lebih jelas berhubung kriteria kelayakan asas/pa-syarat geran dan dana, pihak MTDC pada Januari 2014 telah menyenaraikan program-program promosi yang akan berlangsung sepanjang tahun antara Januari hingga Disember 2014.</p>
Kriteria	Peratusan Penolakan																																																				
	2011	2012	2013 *																																																		
<b>CRDF</b>																																																					
Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) telah siap dan signifikan	75%	100%	67%																																																		
Harta Intelek	25%	0%	33%																																																		
<b>TAF</b>																																																					
i. Dokumen lengkap	75%	100%	60%																																																		
ii. Memenuhi Prasyarat dana	25%	0	40%																																																		
<b>BSF</b>																																																					
Projek dalam kategori pengkomersilan teknologi dan aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) telah siap.	15.4	30.7	33.3																																																		
Memenuhi kriteria kelayakan teknologi dan keperluan pasaran.	84.6	69.3	66.7																																																		
<b>BGF</b>																																																					
Penerima geran daripada MTDC atau mana-mana agensi kerajaan.	33%	-	-																																																		

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																															
	<table border="1" data-bbox="344 261 1151 325"> <tr> <td>Pegangan saham pelabur institusi tidak melebihi 25% pada tarikh permohonan.</td> <td>67%</td> <td>-</td> <td>-</td> </tr> </table> <p>Nota : (*) - Tahun 2013 Adalah Setakat Bulan September 2013</p> <p>Maklum Balas MTDC Yang Diterima Pada 24 Januari 2014</p> <p>Peratus penolakan yang tinggi menunjukkan bahawa pemohon tidak memahami prosedur permohonan dana. Untuk mengatasi masalah ini, pihak MTDC telah menjalankan pelbagai promosi dana serta menyediakan kaunter-kaunter pertanyaan di pameran-pameran yang disertai oleh MTDC bagi menjelaskan kepada golongan sasaran secara terperinci berhubung prasyarat untuk memohon pembiayaan dana yang diuruskan oleh MTDC.</p>	Pegangan saham pelabur institusi tidak melebihi 25% pada tarikh permohonan.	67%	-	-																												
Pegangan saham pelabur institusi tidak melebihi 25% pada tarikh permohonan.	67%	-	-																														
21.5.3.3.b	<p><b>Kriteria Penilaian Permohonan</b></p> <p>Analisa Audit seterusnya mendapati 18.9% hingga 90.3% syarikat yang lulus permohonan telah gagal dalam proses peringkat penilaian.</p>	<p>MTDC sebagai pengurus geran dan dana, sentiasa memastikan penilaian ke atas permohonan dibuat secara menyeluruh (dari aspek pengurusan, teknologi, pasaran dan pelan/model perniagaan). Ini untuk memastikan hanya pemohon yang layak diberi kelulusan geran dan mendapat faedah daripada program yang disediakan oleh pihak Kerajaan.</p>																															
21.5.3.3.c	<p>Semakan Audit selanjutnya mendapati antara faktor utama penolakan permohonan adalah disebabkan oleh penetapan kriteria penilaian yang ketat. Di antara kriteria utama yang menyebabkan berlakunya penolakan terhadap proses penilaian adalah seperti di jadual berikut:-</p> <p style="text-align: center;"><b>Jadual 21.20</b> <b>Kriteria Utama Yang Menyumbang Kepada Penolakan Penilaian Permohonan</b></p> <table border="1" data-bbox="344 1139 1151 1382"> <thead> <tr> <th rowspan="2">Kriteria</th> <th colspan="3">Peratusan Penolakan</th> </tr> <tr> <th>2011</th> <th>2012</th> <th>2013</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td><b>CRDF</b></td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>Penyelidikan dan pembangunan (R&amp;D) telah siap dan signifikan</td> <td>85.71</td> <td>76.92</td> <td>80</td> </tr> <tr> <td>Perbandingan teknologi dengan teknologi sedia ada</td> <td>14.29</td> <td>0</td> <td>10</td> </tr> <tr> <td>Harta Intelek</td> <td>0</td> <td>23.08</td> <td>10</td> </tr> <tr> <td><b>TAF</b></td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>Harta Intelek</td> <td>0</td> <td>0</td> <td>0</td> </tr> </tbody> </table>	Kriteria	Peratusan Penolakan			2011	2012	2013	<b>CRDF</b>				Penyelidikan dan pembangunan (R&D) telah siap dan signifikan	85.71	76.92	80	Perbandingan teknologi dengan teknologi sedia ada	14.29	0	10	Harta Intelek	0	23.08	10	<b>TAF</b>				Harta Intelek	0	0	0	<p>Setiap program geran dan dana yang diperkenalkan oleh pihak Kerajaan mempunyai objektif, matlamat, kumpulan sasar dan kriteria penilaian/kelulusan yang berbeza mengikut kesesuaian geran dan dana.</p> <p>Kegagalan permohonan bukanlah disebabkan oleh kriteria yang ketat tetapi tidak memenuhi atau menepati kriteria kelayakan yang telah ditetapkan.</p> <p>Sebagai contoh, pemohon ingin menjalankan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (P&amp;P) dengan menggunakan geran pengkomersilan (CRDF) atau tidak pernah menjalankan sebarang aktiviti P&amp;P tetapi ingin menjalankan projek pengkomersilan.</p> <p>Walau bagaimanapun, pihak MTDC telah membuat beberapa penambahbaikan dari masa ke semasa mengikut keperluan dan maklum balas yang diterima daripada pemohon.</p> <p>Untuk memberi penerangan yang lebih jelas berhubung kriteria kelayakan asas/prasyarat geran dan dana, pihak MTDC pada Januari 2014 telah menyenaraikan</p>
Kriteria	Peratusan Penolakan																																
	2011	2012	2013																														
<b>CRDF</b>																																	
Penyelidikan dan pembangunan (R&D) telah siap dan signifikan	85.71	76.92	80																														
Perbandingan teknologi dengan teknologi sedia ada	14.29	0	10																														
Harta Intelek	0	23.08	10																														
<b>TAF</b>																																	
Harta Intelek	0	0	0																														

Perenggan	Penemuan Audit				Status Terkini
	Teknologi yang telah terbukti (teknikal dan pasaran) di negara asal	0	0	33.3 3	program-program promosi yang akan berlangsung sepanjang tahun antara Januari hingga Disember 2014.
	Syarikat tidak menjalankan aktiviti pembuatan/pengeluaran	0	0	66.6 7	
	<b>BSF</b>				
	Kemampuan bayaran balik	-	15.4	-	
	Potensi pasaran	3.8	23.1	33.3	
	Model perniagaan yang jelas	50.0	38.4	33.3	
	Teknologi terkini dan berdaya saing	46.2	23.1	33.3	
	<b>BGF</b>				
	<i>Novelty</i>	-	50%	14%	
	<i>Profitability</i>	-	25%	7%	
	<i>All The Above</i>	-	25%	79%	
	<p>Maklum Balas MTDC Yang Diterima Pada 24 Januari 2014</p> <p>Suatu kajian terhadap kriteria penilaian dana CRDF/TAF akan dilakukan setiap kali semasa kertas kerja cadangan untuk program dana di bawah Rancangan Malaysia yang baharu dirangka. Antara perubahan dari RMKe-8 ke RMKe-9 adalah anjakan fasa pembiayaan dari pra-pengkomersilan ke pengkomersilan untuk semua program CRDF; program CRDF dipecahkan kepada empat sub-program. Manakala pada RMKe-10, perubahan yang berlaku adalah CRDF 1 untuk Kajian Pasaran/Kebolehpayaan tidak lagi ditawarkan; dan TAF-2 tidak lagi ditawarkan.</p> <p>Untuk geran BSF, tiada kajian susulan dibuat selepas dana dilancarkan pada tahun 2011 oleh kerana kriteria-kriteria yang digunapakai masih selari dengan aspirasi Kerajaan.</p> <p>Manakala berdasarkan permohonan BGF yang diterima, didapati bahawa syarikat-syarikat pemohon telahpun memasuki fasa kitaran perniagaan dimana sokongan yang diperlukan adalah berbeza dengan model pembiayaan sedia ada. Sehubungan itu, pada 20 Mac 2013, MTDC telah mengemukakan permohonan untuk membuat pindaan terhadap model pembiayaan BGF. Antaranya syarikat yang diluluskan dibenarkan mendapat penyaluran dana secara Geran dan Pembiayaan Ekuiti secara serentak; dan syarikat yang diluluskan permohonan dibenarkan untuk mendapat penyaluran dana secara Pembiayaan Ekuiti sepenuhnya (sehingga maksimum RM4.0 juta) tanpa perlu melalui tempoh Geran.</p>				

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pada pendapat Audit, pihak MTDC hendaklah mengumpul dan mengkaji maklum balas daripada kumpulan sasar penerima geran agar penetapan kriteria dalam proses permohonan dan penilaian dapat ditambah baik. Selain itu, MTDC juga perlu meningkatkan tahap kesedaran kepada golongan sasaran penerima geran supaya kriteria yang ditetapkan oleh MTDC difahami sepenuhnya oleh pemohon geran bagi membantu syarikat tempatan meningkatkan tahap keupayaan teknologi mereka.</p>	
<p><b>21.5.3.4.b.i</b></p>	<p><b>Sasaran Promosi Tahunan Tidak Ditetapkan</b></p> <p>Proses kelulusan bajet hanya berdasarkan anggaran keseluruhan tanpa disertakan butiran terperinci. Ini memberi kesan terhadap perancangan aktiviti promosi seperti tidak menyatakan kumpulan sasar dan kaedah pemilihan media promosi.</p>	<p>Bermula pada tahun 2012, program promosi dijalankan setelah kertas kerja yang terperinci disediakan dan diluluskan oleh pihak pengurusan.</p> <p>Untuk tahun 2014, MTDC telah menyenaraikan program promosi dan bengkel yang akan dilaksanakan secara:-</p>
<p><b>21.5.3.4.b.ii</b></p>	<p>Tiada kertas kerja perancangan promosi tahunan disediakan di mana pelaksanaan aktiviti promosi adalah secara <i>ad-hoc</i>. Antara program promosi yang dilaksanakan oleh MTDC adalah berbentuk jamuan dan majlis makan. Ini menyebabkan aktiviti promosi yang dijalankan adalah lebih tertumpu kepada kumpulan tertentu dan tidak dapat disebarkan kepada kumpulan yang lebih menyeluruh.</p> <p>Maklum Balas MTDC Yang Diterima Pada 24 Januari 2014</p> <p>Walaupun tiada kertas kerja perancangan terperinci berkaitan promosi tahunan, cadangan anggaran bajet menggunakan <i>trend</i> kos promosi tahun terdahulu. Setiap aktiviti promosi tidak dilaksanakan secara <i>ad hoc</i> bahkan untuk setiap aktiviti promosi, suatu kertas cadangan akan dikemukakan kepada pengurusan MTDC untuk pertimbangan dan kelulusan terlebih dahulu.</p> <p>Lokasi sasaran utama untuk kegiatan promosi adalah di bandar-bandar serta kawasan perindustrian kerana di situlah kebanyakan syarikat berteknologi berada. Program promosi yang dilaksanakan oleh MTDC secara individu memberi tumpuan kepada syarikat-syarikat yang sedia ada di dalam ekosistemnya (penerima geran, penerima dana, syarikat pelaburan dan penyewa di Pusat Teknologi). Walaupun kebanyakan kegiatan promosi MTDC dilihat berupa jamuan dan majlis makan, ia dianjurkan sebagai salah satu khidmat nilai tambah kerana majlis-majlis tersebut adalah pelantar utama bagi syarikat-syarikat ini menjalinkan rangkaian perniagaan. Pada</p>	<p>a) Promosi bulanan untuk setiap dana bermula pada bulan Januari sehingga Disember 2014;</p> <p>b) Promosi khusus untuk institusi-institusi penyelidikan dan universiti-universiti tempatan bagi zon utara, tengah, selatan dan timur termasuk Sabah dan Sarawak;</p> <p>c) Promosi secara bersama dengan kementerian dan agensi Kerajaan yang berkaitan (dalam bentuk penerangan berhubung geran dan pameran); dan</p> <p>d) Promosi Khas bersempena dengan majlis korporat yang dianjurkan oleh MTDC di mana ianya memberi tumpuan kepada syarikat-syarikat di dalam ekosistem MTDC untuk mendapatkan maklumat berhubung lain-lain program pembiayaan yang terdapat di MTDC.</p> <p>Program promosi akan ditambahbaik pada tahun 2014 di mana kajian keberkesanan program akan dijalankan selepas setiap aktiviti dijalankan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>kebiasaannya pada setiap aktiviti ini (termasuk jamuan makan), MTDC akan menyediakan galeri pameran produk serta peluang pitching serta perkongsian pengalaman untuk para penerima geran.</p> <p>Pada pendapat Audit, aktiviti promosi yang dijalankan adalah perlu disertakan kertas kerja yang terperinci. Selain itu MTDC juga perlu secara berterusan mengkaji aktiviti promosi yang telah dijalankan supaya proses penambahbaikan dapat dilakukan untuk memberi kesedaran serta membantu pembangunan teknologi kepada syarikat-syarikat yang berpotensi.</p>	
<p><b>21.5.3.5.b</b></p>	<p><b>Peratus Pegangan Pelaburan Tidak Mengikut Portfolio Pelaburan</b></p> <p>Semakan Audit mendapati pengurusan MTDC tidak menetapkan polisi portfolio pelaburan dengan jelas. Risiko bagi pelaburan adalah dinilai berdasarkan tempoh penglibatan syarikat di dalam sesuatu perniagaan.</p>	<p>MTDC mempunyai polisi berhubung portfolio pelaburan yang jelas. Risiko bagi pelaburan adalah dinilai berdasarkan status syarikat semasa pelaburan pertama dibuat dan bukanlah tempoh penglibatan syarikat di dalam sesuatu perniagaan.</p>
<p><b>21.5.3.5.c</b></p>	<p>Semakan Audit selanjutnya mendapati jumlah pelaburan MTDC di dalam syarikat yang dikategorikan sebagai <i>early stage</i> pada kadar 69.58% bagi tahun 2011, 70.75% bagi tahun 2012 dan 72.84% bagi tahun 2013 adalah suatu kadar peratusan pelaburan yang tinggi di mana ia boleh mendedahkan MTDC kepada risiko kerugian.</p>	<p>Pelaburan MTDC di dalam syarikat yang dikategorikan sebagai <i>early stage</i> adalah selaras dengan objektif penubuhan MTDC.</p> <p>Syarikat pada tahap ini tidak dapat memenuhi kriteria pinjaman yang ditetapkan oleh institusi kewangan komersil kerana berisiko tinggi.</p> <p>Oleh itu, MTDC telah berfungsi untuk memenuhi jurang pembiayaan ini melalui pelaburan Modal Teroka dan maklum tentang risiko yang bakal ditanggung.</p>
<p><b>21.5.3.5.d</b></p>	<p>Portfolio pelaburan yang tinggi bagi <i>early stage</i> mengakibatkan peningkatan peruntukan pengurangan pelaburan yang berpunca daripada rosot nilai pelaburan terkumpul yang berjumlah RM66.14 juta dan RM89.48 juta bagi tahun 2011 dan 2012 masing-masing. Kemerostan prestasi kewangan pelaburan memberi kesan signifikan ke atas prestasi kewangan MTDC secara keseluruhan. Ini adalah kerana polisi pelaburan MTDC tidak menetapkan had tertentu peratusan jumlah pelaburan yang boleh dibuat mengikut tahap peringkat pelaburan yang bersesuaian sebagai kawalan.</p> <p>Maklum Balas MTDC Yang Diterima Pada 24 Januari 2014</p> <p>Syarikat baru berasaskan teknologi mempunyai potensi komersil yang baik namun menghadapi kesukaran mendapat pembiayaan dari institusi kewangan komersil kerana ia dianggap pelaburan berisiko tinggi. Sesuai dengan mandat yang diberikan kepadanya, MTDC mengambil inisiatif</p>	<p>Semenjak tahun 2012, MTDC tidak lagi melabur di dalam syarikat-syarikat baru, sebaliknya penambahan pelaburan adalah di dalam syarikat-syarikat sedia ada.</p> <p>Justifikasi pelaburan yang tinggi di dalam syarikat-syarikat <i>Early Stage</i> adalah:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Institusi pelaburan di Malaysia sama ada syarikat modal teroka atau bank komersil cenderung untuk membuat pelaburan di dalam syarikat yang berada di peringkat <i>mezzanine</i> kerana kadar risikonya yang sederhana.</li> <li>MTDC ditubuhkan dengan objektif menggalakkan kemajuan syarikat berasaskan teknologi melalui pelbagai perkhidmatannya (seperti modal teroka, geran, dana, khidmat nilai tambah dan pusat teknologi).</li> <li>Syarikat baru berasaskan teknologi mempunyai potensi komersil yang baik namun menghadapi kesukaran mendapat pembiayaan dari institusi kewangan komersil kerana ia dianggap pelaburan berisiko tinggi.</li> </ol>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>membayai syarikat <i>early stage</i> yang dinilai sebagai mempunyai potensi komersil yang tinggi. MTDC akan terus membuat pelaburan di dalam syarikat yang dinilai sebagai berpotensi, sama ada ia syarikat <i>early stage</i> atau tidak. Sebagai langkah mengurangkan risiko pelaburan ini, MTDC akan menyediakan khidmat nilai tambah dan nasihat untuk membantu meningkatkan daya-saing syarikat pelaburan; membantu syarikat mendapatkan pelaburan tambahan dari institusi lain; dan menggalakkan perkongsian dengan institusi-institusi berkaitan untuk aspek teknikal atau pasaran.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan pelaburan MTDC masih mempunyai ruang untuk ditambah baik, di mana MTDC perlu menetapkan polisi had pelaburan bagi ketiga-tiga tahap portfolio. Ini bagi memastikan pengurusan risiko pelaburan yang berkesan dapat dilaksanakan dan seterusnya mengurangkan risiko kerugian terutamanya bagi pelaburan di <i>early stage</i>.</p>	<p>d) Sesuai dengan mandat yang diberikan kepadanya, MTDC mengambil inisiatif membiayai syarikat <i>early stage</i> yang dinilai sebagai mempunyai potensi komersil yang tinggi.</p> <p>Sebagai langkah mengurangkan risiko pelaburan ini, MTDC menyediakan khidmat nilai tambah dan nasihat untuk membantu meningkatkan daya-saing syarikat pelaburan; membantu syarikat mendapatkan pelaburan tambahan dari institusi lain; dan menggalakkan perkongsian dengan institusi-institusi berkaitan dalam aspek teknikal atau pasaran.</p> <p>Seperti di jelaskan di atas, oleh kerana MTDC tidak lagi akan membuat pelaburan di dalam syarikat yang baru, maka polisi untuk menetapkan had pelaburan adalah tidak berkaitan.</p>
21.5.3.6.c	<p><b>Kelemahan Pengurusan Penyewaan Inkubator</b></p> <p>Semakan terhadap rekod mendapati penggunaan ruang sewa inkubator MTDC adalah rendah iaitu antara 19.8% hingga 59.2% pada tahun 2011 di FRIM dan UKM. Bagaimanapun ruangan yang telah disewa di UPM adalah sangat baik iaitu 95.5% pada tahun 2011. Pada tahun 2012 hingga Jun 2013 berlaku pengurangan peratusan ruangan yang disewa di UPM. Di dapati peratus ruang yang disewa telah menurun secara berterusan iaitu daripada 75.0% pada tahun 2011 kepada 59.2% pada tahun 2012 dan seterusnya kepada 54.5% pada tahun 2013. Ini mengakibatkan ruangan yang ada tidak digunakan sepenuhnya.</p>	<p>Pengurangan peratus ruangan yang disewa adalah disebabkan oleh beberapa penyewa utama di UPM yang menyewa dengan ruang yang besar telah keluar secara berperingkat bermula pada 2012.</p> <p>Walaupun MTDC mendapat penyewa baru, dengan jumlah yang lebih ramai, ruang yang di sewa adalah kecil bersesuaian dengan status syarikat bertaraf syarikat baru.</p> <p>Tahun 2013 merekodkan 100 bilangan penyewa lebih dari sasaran yang ditetapkan iaitu 92 penyewa.</p>
21.5.3.6.d	<p>Semakan Audit mendapati pada bulan Jun 2013 sejumlah RM4.92 juta tunggakan sewa belum dapat dikutip. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM4.70 juta (95.3%) adalah tunggakan sewa yang melebihi 3 bulan. Antara faktor berlakunya tunggakan adalah kerana pemberian kelonggaran dalam pembayaran sewa mengikut masa yang sepatutnya.</p>	<p>Pada 31 Januari 2014, jumlah tunggakan sewa telah menurun dari RM4.92 juta kepada RM3.47 juta.</p> <p>Bersesuaian dengan mandat yang diberikan oleh pihak Kerajaan, MTDC berperanan sebagai pengalok kepada pertumbuhan syarikat berteraskan teknologi.</p> <p>Pusat teknologi dibangunkan untuk menyediakan kemudahan prasarana yang lengkap kepada syarikat tersebut di mana kebanyakan mereka bertaraf syarikat baru.</p> <p>Syarikat ini ada ketikanya tidak mampu untuk menjelaskan sewa tetapi diberi peluang oleh MTDC berdasarkan kepada potensi perniagaan. Rekod MTDC</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		menunjukkan syarikat akan membuat bayaran apabila keadaan kewangannya telah pulih.
<p><b>21.5.3.6.e</b></p>	<p>Tiada polisi terperinci diwujudkan untuk pemberian kelonggaran tunggakan sewa yang menyebabkan ianya sukar dipantau dengan berkesan oleh pihak MTDC. Selain itu ketiadaan <i>database</i> yang lengkap dan kemaskini menyukarkan MTDC membuat perancangan bagi mencari penyewa apabila tempoh kontrak penyewa lama hampir tamat. Ini telah memberi kesan terhadap penurunan pendapatan sewaan tahunan.</p> <p>Maklum Balas MTDC Yang Diterima Pada 24 Januari 2014</p> <p>Status terkini Pusat Teknologi UKM-MTDC pada Januari 2014 adalah penggunaan ruang sewa pada tahap optimum di mana semua ruang inkubator sudah dipenuhi.</p> <p>Masalah tunggakan sewa yang dihadapi oleh syarikat-syarikat peringkat awal ini mempunyai pelbagai punca dan sebab. Selari dengan tuntutan sewa, MTDC berusaha mengenal pasti punca dan sebab masalah dan memberikan bantuan mencari penyelesaian secara wajar. Sebagai langkah untuk mengurangkan tunggakan sewaan ruang inkubator MTDC telah mengeluarkan surat-surat peringatan dan <i>Letter of Demand</i> (LoD) seperti mana yang termaktub di dalam SOP. Selain itu, MTDC juga telah mengadakan perjumpaan dengan syarikat terbabit untuk memahami isu-isu dibelakang masalah tunggakan sewa dan menjadualkan semula pembayaran dengan pantauan Jabatan Perundangan dan Kewangan; dan mesyuarat bulanan bersama Jabatan Perundangan dan Kewangan untuk mengemaskinikan maklumat tentang kutipan sewaan dan tindakan undang-undang ke atas syarikat-syarikat yang dilangsungkan setiap bulan bagi menghalusi setiap kes yang bermasalah serta memberi bantuan penyelesaian isu jika boleh dan bersesuaian.</p> <p>MTDC telahpun mengambil langkah proaktif dengan membangunkan <i>database</i> yang komprehensif di mana ianya dijangka siap pada Jun 2014.</p> <p>MTDC juga akan mengambil strategi sepertimana berikut bagi meningkatkan tahap penyewaan ruang, antaranya bekerjasama dengan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), universiti, institusi penyelidikan dan agensi-agensi lain seperti MDeC dan Malaysian Biotech Corp untuk mempromosikan ruang inkubator; menawarkan pakej bayaran sewa yang menarik dengan memberi</p>	<p>MTDC pada bulan Jun 2013 telah menyusun strategi berikut untuk mengoptimumkan pengisian ruang sewa inkubator:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a) Bekerjasama dengan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), universiti, institusi penyelidikan dan agensi-agensi lain untuk mempromosikan ruang inkubator.</li> <li>b) Menawarkan pakej bayaran sewa yang menarik dengan memberi diskaun untuk pembayaran sewa sekali gus (<i>advanced payment</i>) sebanyak 6 bulan, 12 bulan dan 24 bulan.</li> <li>c) Menawarkan kadar sewa khas untuk 6 bulan pertama yang ditawarkan kepada penyewa baru terutamanya bagi Universiti penaung (<i>Host Universities/Research Institution</i>) iaitu UPM, UKM, UTM, UiTM dan FRIM.</li> <li>d) Mengadakan pameran dan seminar untuk mempromosi pusat inkubator MTDC.</li> <li>e) Melantik agensi hartanah untuk mencari penyewa yang berpotensi.</li> </ol> <p>Strategi di atas telah membantu MTDC mencapai perkara-perkara berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a) Merekodkan 100 bilangan penyewa dari sasaran 92 penyewa pada tahun 2013.</li> <li>b) Kadar sewa khas yang ditawarkan telah menarik minat beberapa buah syarikat untuk membayar secara awal dengan kutipan sewa berjumlah RM1.35 juta.</li> </ol> <p>MTDC akan meneruskan strategi di atas dan memantau keberkesanannya sehingga 31 Disember 2014.</p> <p>Sistem '<i>database</i>' yang lengkap telah dibangunkan oleh MTDC pada bulan April 2013 untuk tujuan pemantauan dan perancangan pengurusan penyewaan inkubator yang lebih efektif dan sistematik dan ianya akan sentiasa ditambahbaik dan dikemaskini secara bulanan.</p> <p>MTDC akan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah untuk mewujudkan polisi terperinci yang pemberian kelonggaran tunggakan sewa bagi kes-kes tertentu. Cadangan ini akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah MTDC pada bulan Mei 2014.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>diskaun untuk pembayaran sewa sekali gus (<i>advanced payment</i>) sebanyak 6 bulan, 12 bulan dan 24 bulan dan menawarkan kadar sewa khas untuk 6 bulan pertama yang ditawarkan kepada penyewa baru terutamanya bagi Universiti penaung (<i>Host Universities/Research Institution</i>) iaitu UPM, UKM, UTM, UiTM dan FRIM.</p> <p>Pada pendapat Audit, penyediaan ruang inkubator dapat membantu syarikat-syarikat tempatan mengurangkan kos operasi syarikat. Namun, pengurusan penyewaan inkubator perlu ditambah baik supaya ruang sewaan inkubator dapat dicapai ditahap yang optimum. Disamping itu pihak MTDC perlu menyediakan satu sistem database yang lengkap dan data yang sentiasa dikemaskini bagi memudahkan pemantauan dan membantu MTDC merancang pengurusan penyewaan inkubator.</p>	
<p><b>21.5.3.7.c.i</b></p>	<p><b>Akaun Geran Tidak Dinyatakan Dalam Penyata Kewangan Beraudit Syarikat</b></p> <p>Setakat bulan September 2013 baki simpanan tetap yang berjumlah RM368.49 juta dan baki akaun semasa yang berjumlah RM45.32 juta tidak dinyatakan di dalam akaun beraudit MTDC.</p>	<p>Untuk memperakukan geran yang diuruskan oleh MTDC sebagai tanggungan, MTDC juga harus memperakukan dana geran yang diterima sebagai aset.</p> <p>Walau bagaimanapun, kawalan terhadap dana tersebut adalah di luar kawalan MTDC. Memperakukan aset yang mana MTDC tidak mempunyai kawalan terhadap aset tersebut adalah tidak seiring dengan <i>'The Conceptual Framework for Financial Reporting'</i> (<i>'Framework'</i>) yang dikeluarkan oleh Malaysian Accounting Standard Board ('MASB') telah mendefinisikan aset sebagai <i>"An asset is a resource controlled by the entity as a result of past events and from which future economic benefits are expected to flow to the entity."</i></p>
<p><b>21.5.3.7.c.ii</b></p>	<p>Pihak MTDC hanya melaporkan perkara ini di dalam nota kepada akaun yang berkaitan. Pihak MTDC berpandangan penerimaan geran yang akan disalurkan kepada pemohon geran tidak perlu diiktiraf sebagai aset syarikat dan hanya perlu diiktiraf sekiranya ia membawa faedah pada masa akan datang. Amalan perakaunan ini telah diguna pakai bagi tahun 2012 dan tahun sebelumnya.</p>	<p>Pada tahun berakhir 31 Disember 2012, MTDC telah memasukkan nota tentang jumlah Geran Kerajaan yang diuruskan di dalam Akaun Beraudit Syarikat.</p> <p>Sebagai langkah kawalan tambahan, MTDC sedang dalam proses melantik Firma Audit Luaran/Swasta untuk menjalankan audit secara menyeluruh ke atas Akaun Geran dari tahun 2005 sehingga tahun 2010.</p> <p>Audit menyeluruh ke atas Akaun Geran dijangka siap pada bulan Jun 2014.</p>
<p><b>21.5.3.7.c.iii</b></p>	<p>Seterusnya, tiada pemeriksaan oleh firma audit swasta bagi memberi gambaran saksama berkaitan penyediaan, perekodan dan status kewangan geran. Semakan terhadap laporan Audit Dalam mendapati, tiada bukti pemeriksaan dalaman ada dijalankan bagi memantau aktiviti geran.</p> <p>Maklum Balas MTDC Yang Diterima Pada 24 Januari 2014</p> <p>MTDC telah dipertanggungjawabkan untuk mengurus dana CRDF dan TAF semenjak dari tahun 1997. Sepanjang tempoh tersebut, MTDC telah diaudit oleh 3 firma audit iaitu Ernst &amp; Young, KPMG dan Baker Tilly Monteiro Heng.</p> <p>Kesemua firma audit tersebut telah bersetuju dengan praktis dan polisi MTDC</p>	<p>Pada tahun berakhir 31 Disember 2012, MTDC telah memasukkan nota tentang jumlah Geran Kerajaan yang diuruskan di dalam Akaun Beraudit Syarikat.</p> <p>Sebagai langkah kawalan tambahan, MTDC sedang dalam proses melantik Firma Audit Luaran/Swasta untuk menjalankan audit secara menyeluruh ke atas Akaun Geran dari tahun 2005 sehingga tahun 2010.</p> <p>Audit menyeluruh ke atas Akaun Geran dijangka siap pada bulan Jun 2014.</p>



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>untuk tidak menyatakan Akaun Geran di dalam Penyata Kewangan Beraudit Syarikat. Dana yang disalurkan melalui MTDC adalah untuk diagihkan kepada syarikat yang berkelayakan dalam bentuk geran dan bukannya untuk kegunaan MTDC. Sebagai pengurus dana, MTDC tidak mempunyai mandat ke atas penggunaan dana yang diperuntukkan. Kawalan penggunaan dana adalah di bawah bidang kuasa Jawatankuasa Kelulusan yang dilantik oleh Kerajaan.</p> <p>Sebagai langkah kawalan, pihak Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) telah menjalankan audit pada tahun 1999 hingga tahun 2004. MOSTI pula telah menjalankan audit berkaitan geran pada tahun 2013. Firma Audit yang dilantik untuk menjalankan Audit Dalaman MTDC juga telah mengaudit pengurusan dana oleh MTDC.</p> <p>Di samping itu, MTDC juga mengemukakan Laporan Kemajuan Dana secara berkala kepada MOSTI dan Kementerian Kewangan (MOF) juga kepada Jawatankuasa Kelulusan. Sebagai langkah kawalan tambahan, MTDC sedang dalam proses melantik Firma Audit Luaran/Swasta untuk menjalankan audit secara menyeluruh ke atas Akaun Geran dari tahun 2005 sehingga tahun 2010.</p> <p>Pada pendapat Audit, antara kesan amalan ini ialah akaun beraudit syarikat tidak memberi gambaran sebenar tanggungan MTDC. Pihak MTDC sewajarnya memperakaunkan semua nilai geran yang diterima daripada pihak Kerajaan untuk meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti dalam pengurusan dana wang Kerajaan.</p>	
21.5.3.8.b.i	<p><b>Pemantauan Penggunaan Wang Faedah Simpanan Tetap</b></p> <p>Pada tahun 2012, MTDC telah merekodkan pendapatan faedah simpanan tetap berjumlah RM13.51 juta berbanding tahun 2011 berjumlah RM5.93 juta. Semakan Audit terhadap penggunaan wang faedah simpanan tetap mendapati perkara berikut:-</p> <p>Pada tahun 2011, tiada butiran disertakan bagi peruntukan yang diluluskan berjumlah RM5.96 juta.</p>	<p>Perbelanjaan RM3.42 juta adalah untuk menjalankan aktiviti promosi geran/dana dan setiap aktiviti yang dijalankan mempunyai butiran terperinci.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
21.5.3.8.b.ii	<p>Semakan selanjutnya juga mendapati, pencapaian sebenar aktiviti perbelanjaan yang menggunakan faedah simpanan tetap juga adalah tidak mencapai bajet yang disasarkan.</p> <p>Maklum Balas MTDC Yang Diterima Pada 24 Januari 2014</p> <p>Kelulusan telah diterima untuk penggunaan wang faedah simpanan tetap berjumlah RM5.96 juta. Dengan itu, perbelanjaan berjumlah RM3.42 juta adalah berdasarkan kelulusan tersebut.</p>	<p>Perbelanjaan tidak mencapai bajet yang disasarkan adalah inisiatif MTDC yang sentiasa mengamalkan polisi perbelanjaan berhemah.</p>
21.5.3.9.b.i	<p><b>Kelemahan Pengurusan Geran - Tempoh Penilaian Permohonan Yang Lama</b></p> <p>Semakan Audit terhadap 75 senarai permohonan geran CRDF/TAF mendapati 61 daripadanya mengambil tempoh kelulusan diantara 51 hingga 706 hari. Manakala semakan terhadap 3 sampel BSF mendapati 2 permohonan telah mengambil tempoh kelulusan di antara 51 hingga 52 hari. Laporan KPI syarikat juga telah menunjukkan tahap ketidakcapaian KPI bagi proses penilaian permohonan bagi tahun 2012 adalah 11.6% berbanding sasaran. Antara punca tempoh yang panjang adalah disebabkan oleh dokumen permohonan yang tidak lengkap, kesukaran menghubungi pemohon dan kelewatan jawatankuasa untuk bermesyuarat. Ini boleh menyebabkan pencapaian sasaran permohonan geran sukar dicapai.</p> <p>Maklum Balas MTDC Yang Diterima Pada 24 Januari 2014</p> <p>Tempoh piagam pelanggan penilaian permohonan adalah 45 hari bekerja yang bermula dari tarikh dokumen lengkap permohonan diterima. Melalui semakan MTDC, penilaian terhadap permohonan syarikat-syarikat yang dinyatakan adalah tidak melebihi 45 hari berkerja, selaras dengan piagam pelanggan MTDC.</p> <p>Tempoh piagam pelanggan penilaian pembayaran BSF adalah 21 hari bekerja. Tempoh ini bermula dari tarikh kelulusan Jawatankuasa Teknikal BSF dan bukanlah tarikh penghantaran permohonan. Kelewatan pembayaran berpunca dari ketidakupayaan syarikat menyelesaikan isu <i>due diligence</i>.</p> <p>Tempoh piagam pelanggan untuk pembayaran BGF adalah 14 hari bekerja bermula dari tarikh ke semua prasyarat pembayaran dipenuhi. Antara sebab</p>	<p>Tempoh piagam pelanggan penilaian permohonan adalah bermula dari penerimaan dokumen lengkap sehingga permohonan dibentangkan kepada JKT untuk penilaian dan bukannya dari tarikh permohonan diterima.</p> <p>Tempoh piagam pelanggan penilaian permohonan bagi program CRDF/TAF dan BSF adalah 45 hari bekerja yang bermula dari tarikh dokumen lengkap permohonan diterima.</p> <p>Semakan MTDC mendapati bahawa:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a) Penilaian yang dibuat ke atas 61 permohonan CRDF tersebut adalah di dalam tempoh piagam pelanggan iaitu 1 – 44 hari bekerja.</li> <li>b) Penilaian yang dibuat ke atas 3 permohonan BSF tersebut adalah di dalam tempoh piagam pelanggan iaitu 1 hingga 18 hari bekerja.</li> </ol>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>kelewatan pembayaran geran BGF adalah (i) kelewatan syarikat dalam memberi kebenaran untuk memulakan proses <i>due diligence</i>; dan (ii) kegagalan syarikat dalam melengkapkan pra-syarat pembayaran sebelum menandatangani perjanjian geran dan ekuiti.</p> <p>Antara langkah-langkah mengatasi kelewatan penilaian permohonan dana adalah menjadualkan tarikh mesyuarat untuk sepanjang tahun pada permulaan tahun sebagai notis awal kepada ahli mesyuarat; memberi tempoh masa tertentu kepada syarikat pemohon untuk menyerahkan maklumat tambahan yang diminta. Sekiranya tempoh masa ini dilangkaui, permohonan akan dipulangkan. Permohonan boleh dihantar semula apabila dokumen tambahan telah sedia dan memperkemaskan SOP.</p>	
21.5.3.9.b.ii	<p><b>Kelemahan Proses Pembayaran</b></p> <p>Sepanjang tempoh tahun 2011 hingga 2013, MTDC telah meluluskan geran berjumlah RM212.99 juta. Daripada jumlah yang diluluskan ini, hanya sejumlah RM76.8 juta (36.1%) telah dibuat bayaran.</p>	<p>Sepanjang tempoh tahun 2011 hingga Disember 2013, MTDC telah meluluskan geran berjumlah RM273.51 juta.</p> <p>Daripada jumlah yang diluluskan ini, geran berjumlah RM117.9 juta (43.1%) telah dibuat bayaran.</p> <p>Mekanisma pembayaran dana CRDF dan TAF adalah secara padanan atau pembayaran balik selepas tuntutan pembayaran dibuat oleh syarikat.</p> <p>Pembayaran dana dibuat sepanjang tempoh 2 tahun implementasi projek. Semakan semula MTDC mendapati bahawa tiada kelewatan sepertimana yang dilaporkan.</p>
21.5.3.9.c.i	<p>Satu syarikat yang bayaran pertamanya berjumlah RM4,500 telah dibuat namun baki sejumlah RM1.99 juta tidak dibayar kepada syarikat tersebut. Ini kerana syarikat tidak dapat dihubungi bagi peringkat kedua pembayaran.</p>	<p>Pembayaran RM4, 500 adalah pembayaran Pelaksanaan Perjanjian Dana. Bagaimanapun, baki dana berjumlah RM1.99 juta tidak dibayar kerana projek tidak dilaksanakan. Oleh yang demikian, tawaran geran telah ditarik balik pada Mesyuarat Jawatankuasa Kelulusan AC Bil 10/12 yang diadakan pada 7 November 2012.</p>
21.5.3.9.c.ii	<p>Pembayaran terhadap 2 syarikat lewat dikeluarkan di antara 6 hingga 11 bulan dengan pembayaran pertama sejumlah RM0.80 juta dan RM0.53 juta.</p>	<p>Prosedur pembayaran dana CRDF dan TAF menetapkan bahawa pembayaran hanya boleh dibuat setelah tuntutan pembayaran diterima dan projek mencapai <i>milestones</i> yang ditetapkan.</p> <p>Pembayaran dana dibuat sepanjang tempoh 2 tahun implementasi projek.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
21.5.3.9. c.iii	Permohonan pembayaran daripada satu syarikat belum dijelaskan setelah 5 bulan permohonan dikemukakan.	<p>Pembayaran dana kepada syarikat ini dibuat dalam bentuk bayaran pendahuluan kepada akaun khas selaras dengan keputusan JKK selepas 1 hari permohonan tuntutan dana yang lengkap diterima.</p> <p>Tempoh 5 bulan yang dinyatakan dikira dari tarikh permohonan penilaian dana diterima. Piagam Pelanggan pembayaran dana adalah selama 45 hari bekerja mula dari tarikh permohonan tuntutan dana yang lengkap diterima dan bukanlah dari tarikh permohonan penilaian dana diterima.</p>
21.5.3.9. c.iv	Bayaran berjumlah RM1.99 juta telah dibuat kepada 3 syarikat penerima geran walaupun tanpa sebarang dokumen sokongan.	<p>Pembayaran dana kepada 3 syarikat ini dibuat dalam bentuk bayaran pendahuluan kepada akaun khas selaras dengan keputusan JKK dan ianya tidak memerlukan dokumen sokongan.</p> <p>Dokumen sokongan hanya diperlukan ketika.</p> <p>Proses pengeluaran dari akaun khas. Selain dari itu ianya juga memerlukan kelulusan daripada MTDC terlebih dahulu memandangkan salah satu penandatangani adalah wakil daripada MTDC.</p>
21.5.3.9.c.v	Semakan selanjutnya terhadap 12 projek CRDF mendapati pembayaran lewat dibuat kepada penerima geran di antara 7 hingga 16 bulan.	<p>Mengikut semakan MTDC, pembayaran dana kepada 12 syarikat ini dibuat dalam tempoh 1 hingga 24 hari dari tarikh permohonan tuntutan dana yang lengkap diterima.</p> <p>Tempoh 7 hingga 16 bulan yang dinyatakan dikira dari tarikh permohonan penilaian dana diterima dan bukannya dari tarikh permohonan tuntutan dana yang lengkap diterima.</p>
21.5.3.9. c.vi	<p>Pembayaran terhadap 3 geran BSF adalah diantara tempoh 127 hingga 275 hari setelah kelulusan diperoleh.</p> <p>Maklum Balas MTDC Yang Diterima Pada 24 Januari 2014</p> <p>Tempoh piagam pelanggan penilaian pembayaran adalah 21 hari bekerja. Tempoh ini bermula dari tarikh kelulusan Jawatan kuasa Teknikal BSF dan bukanlah tarikh penghantaran permohonan. Kelewatan pembayaran berpunca dari ketidakupayaan syarikat menyelesaikan isu <i>due diligence</i>. Antara kelewatan pembayaran geran BGF adalah disebabkan oleh (i) kelewatan syarikat dalam memberi kebenaran untuk memulakan proses <i>due diligence</i>; dan (ii) kegagalan syarikat dalam melengkapkan pra-syarat pembayaran sebelum menandatangani perjanjian geran dan ekuiti.</p>	<p>Mengikut semakan MTDC, pembayaran dana kepada 3 syarikat BSF ini dibuat dalam tempoh 1 hingga 18 hari dari tarikh permohonan tuntutan dana yang lengkap diterima.</p> <p>Jumlah dana BSF yang telah diluluskan berjumlah RM65.19 juta.</p> <p>Daripada jumlah yang diluluskan ini, geran berjumlah RM33.9 juta (52%) telah dibuat bayaran.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>i. Pembayaran RM4,500 adalah pembayaran Perlaksanaan Perjanjian Dana. Bagaimanapun, dana yang telah diluluskan kepada pihak syarikat telah ditarik balik pada Mesyuarat Jawatankuasa Kelulusan AC Bil 10/12 yang diadakan pada 7 November 2012. Oleh yang demikian, tiada lanjutan pembayaran dana dibuat kepada pihak syarikat.</p> <p>ii. Pembayaran dana boleh tertangguh apabila keadaan-keadaan seperti proses <i>due-diligence</i> belum tamat; kegagalan syarikat mencapai sasaran perbatuan; dan terdapat keraguan di dalam permohonan.</p> <p>iii. Bayaran yang dimaksudkan mungkin melibat bayaran pendahuluan dana yang dilaksanakan melalui akaun khas. Pengeluaran wang oleh syarikat daripada akaun khas tersebut perlu mendapat kelulusan MTDC terlebih dahulu memandangkan salah satu tandatangan pada cek memerlukan wakil dari MTDC. Kaedah pembayaran tersebut adalah berdasarkan kelulusan yang dibuat oleh Jawatan kuasa Teknikal dan Kelulusan.</p> <p>Pada pendapat Audit ini memberi kesan terhadap penurunan prestasi pembayaran geran. Analisis selanjutnya terhadap pencapaian geran BSF mendapati sejumlah RM65 juta telah diluluskan tetapi hanya RM25 juta telah dapat dibayar kepada penerima geran yang melibatkan sebanyak 16 pemohon yang berjaya.</p>	
21.5.4.1.a	<p><b>Tadbir Urus Korporat - Ahli Lembaga Pengarah</b></p> <p>Bilangan keahlian Lembaga Pengarah MTDC adalah seramai 10 orang bagi tahun 2011 dan 2012. Manakala pada tahun 2013 adalah seramai 9 orang. Antara objektif mesyuarat Lembaga Pengarah MTDC adalah bagi membincangkan perkara yang berkaitan dengan prestasi kewangan, pengurusan geran dan khidmat sokongan serta merupakan tugas fidusiar sebagai seseorang Lembaga Pengarah. Analisis kehadiran Ahli Lembaga Pengarah dalam mesyuarat Lembaga Pengarah bagi tahun 2011 hingga 2013 adalah rendah iaitu antara 0% hingga 100%.</p>	<p>Untuk memastikan kehadiran Ahli Lembaga Pengarah dalam mesyuarat Lembaga Pengarah, MTDC telah menyediakan jadual mesyuarat Lembaga Pengarah untuk tahun 2014.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Semakan Audit mendapati secara umumnya bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013, Ahli Lembaga Pengarah MTDC telah menghadiri 1 hingga 5 kursus namun terdapat 2 hingga 3 Ahli Lembaga Pengarah yang tidak menghadiri sebarang kursus.	
21.5.4.1.b.ii	<p><b>Mesyuarat Dan Jawatankuasa</b></p> <p>Semakan Audit mendapati sepanjang tempoh tahun 2011 hingga 2013, MTDC telah mengadakan mesyuarat 4 hingga 9 kali dan ianya mematuhi peraturan yang ditetapkan.</p>	
21.5.4.1.b.iii	<p><b>Jawatankuasa Pencalonan dan Saraan</b></p> <p>Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013 kehadiran mesyuarat adalah 100% dan mengadakan mesyuarat mengikut keperluan syarikat seperti yang ditetapkan.</p>	
21.5.4.1.b.iv	<p><b>Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan</b></p> <p>MTDC telah melantik Aftaas Corporate Advisory Services Sdn. Bhd. (Aftaas) sebagai satu badan yang melaksanakan tanggungjawab Unit Audit Dalamnya. Antara aspek pengauditan yang dijalankan oleh Unit Audit Dalam adalah antaranya pengauditan pengurusan kewangan, pengurusan sumber manusia, pengurusan perolehan dan pengurusan aktiviti. Semakan Audit mendapati ke semua tugas Audit Dalam MTDC telah dirancang secara tahunan. Sepanjang tahun 2011 hingga tahun 2013, sebanyak 31 tugas telah di rancang. Laporan Audit Dalam akan disediakan oleh pihak juruaudit dan dibentangkan dalam Jawatankuasa Audit sebanyak 4 kali setahun untuk dibincangkan. Berdasarkan semakan Audit terhadap Laporan Audit yang disediakan oleh Aftaas sepanjang tahun 2011 hingga Julai 2013 mendapati 8 daripada 31 tugas yang dirancang tidak dilaksanakan. Manakala 4 lagi akan dilaksanakan pada penghujung tahun 2013.</p> <p>Sepanjang tempoh tahun 2011 hingga 2013, Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan telah bermesyuarat mengikut kekerapan ditetapkan dan kehadiran ahli Jawatankuasa Audit bagi tahun 2011 hingga 2012 adalah antara 75% hingga 100%. Pada tahun 2013, minit mesyuarat Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan belum dapat dikemukakan.</p> <p>Maklum Balas MTDC Yang Diterima Pada 24 Januari 2014</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Ke semua 31 tugas telah dilaksanakan dan ini telah direkodkan di dalam minit Mesyuarat <i>Board Audit &amp; Risk Management Committee</i>.</p> <p>Pada pendapat Audit, amalan tadbir urus yang baik perlu diperkemas dari peringkat Lembaga Pengarah ke semua peringkat jawatankuasa. Ini meliputi kehadiran ahli dan pelaksanaan mesyuarat.</p>	
21.5.4.2.a	<p><b>Pengurusan Kewangan Syarikat - Pengeluaran <i>Purchase Order</i> Selepas Invois Diterima</b></p> <p>Semakan Audit terhadap 145 baucar bayaran mendapati 11 <i>Purchase Order</i> yang berjumlah RM575,081 telah dikeluarkan selepas invois diterima di antara 5 hingga 24 hari. Ini adalah disebabkan kelemahan pemantauan terhadap SOP yang digunapakai. Pembayaran tanpa PO seharusnya hanya boleh dilakukan bagi kes yang memerlukan keperluan mendesak sahaja. Ini boleh memberi kesan terhadap bajet bagi keperluan semasa sekiranya MTDC mempunyai masalah aliran tunai kelak.</p> <p>Maklum Balas MTDC Yang Diterima Pada 24 Januari 2014</p> <p><i>Purchase Order</i> dikeluarkan selepas invois diterima adalah bagi pembelian barangan atau perkhidmatan yang memerlukan keperluan mendesak. Pihak Pengurusan telah meningkatkan prosedur di mana setiap pembelian barangan dan perkhidmatan segera perlu mendapat kelulusan Ketua Jabatan Pentadbiran dan Perolehan terlebih dahulu samada melalui email ataupun memo dalaman.</p>	<p>MTDC telah memastikan <i>Purchase Order</i> dikeluarkan sebelum sesuatu pembelian atau servis dibuat.</p>





**(AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN)**




**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN  
DAN PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI BAGI SIRI 1 TAHUN 2013**


UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS



Perenggan 2 : Pengurusan Pembinaan Kampus Sultan Azlan Shah

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
2.4.2.1.a	<p><b>Kualiti Pembinaan – <i>Cooling Tower</i> Tidak Praktikal Untuk Digunakan</b></p> <p>Mengikut kontrak <i>design and build</i>, kontraktor dan perunding struktur DNP Consult Sdn. Berhad serta perunding <i>Mechanical &amp; Engineering</i> BI Consulting Engineering Sdn. Berhad bertanggungjawab memastikan reka bentuk semua spesifikasi bangunan adalah praktikal dilaksanakan dan dapat digunakan. Lawatan Audit pada 7 November 2013 mendapati <i>Plant House</i> 1 mempunyai 2 <i>cooling tower</i> saiz besar dan 2 <i>cooling tower</i> saiz kecil bagi membekalkan sistem penghawa dingin ke 10 blok Bangunan Akademik dan 1 blok ICT. UPSI memaklumkan <i>cooling tower</i> saiz besar tidak digunakan kerana ia akan menyebabkan air dengan isi padu 330 meter padu sehari mengalir keluar dari <i>cooling tower</i> saiz kecil selepas <i>chiller</i> ditutup pada waktu petang. Oleh itu, pihak UPSI hanya menggunakan 2 set <i>cooling tower</i> saiz kecil untuk mengelakkan pembaziran air. Kontraktor memaklumkan <i>cooling tower</i> terpaksa dipasang di atas <i>beam</i> untuk mengatasi gegaran yang boleh memberi impak kepada struktur bangunan apabila ia beroperasi. Kedudukan pemasangannya yang tidak sama ketinggian dengan <i>cooling tower</i> saiz kecil telah menyebabkan air mengalir dari <i>cooling tower</i> saiz besar ke <i>cooling tower</i> saiz kecil dan melimpah ke lantai.</p>	<p><b><u>Cadangan Tajuk : <i>Cooling Tower</i> Besar Belum Digunakan</u></b></p> <p><b>Penjelasan/Ulasan JKR</b></p> <p>i. Kedua-dua <i>cooling tower</i> berkongsi paip <i>return &amp; supply</i>. Oleh itu kedua-dua <i>cooling tower</i> perlu dipasang pada aras yang sama untuk mengelakkan aliran balik air disebabkan faktor graviti (<i>backflow of water by gravity</i>).</p> <p>ii. Terdapat perbezaan aras antara <i>cooling tower</i> besar dan <i>cooling tower</i> kecil. Masalah ini timbul disebabkan terdapat tambahan <i>transfer beam</i> setinggi 200mm yang terpaksa dibuat sewaktu pembinaan untuk menyesuaikan dengan saiz dan konfigurasi <i>cooling tower</i> yang sampai di tapak.</p> <p>iii. Oleh itu apabila sistem dihentikan, air daripada basin <i>cooling tower</i> yang lebih tinggi (<i>cooling tower</i> besar) akan mengalir ke basin <i>cooling tower</i> kecil dan menyebabkan air melimpah.</p> <p>iv. Pemasangan sebanyak 6 injap bermotor sebelum ini telah dibuat tetapi didapati belum sempurna.</p> <p><b>Tindakan Penambahbaikan Oleh Kontraktor</b></p> <p>Daripada (3) tiga <i>plant house</i> yang mempunyai sistem <i>cooling tower</i>, hanya <i>plant house</i> 1 sahaja yang mempunyai masalah perbezaan ketinggian dan ia boleh diselesaikan seperti berikut:-</p> <p>i. Menambah sebanyak 8 bilangan injap bermotor pada <i>return pipe</i></p>
2.4.2.1.b	<p>Semakan lanjut mendapati pihak UPSI telah membuat aduan kepada JKR Cawangan Pendidikan &amp; Pengajian Tinggi melalui surat bertarikh 4 April 2012 berkaitan pembaziran air yang dianggarkan RM300 sehari jika <i>cooling tower</i> saiz besar digunakan. Pihak kontraktor telah memasang <i>motorized valve</i> bagi mengawal limpahan air tersebut bagaimanapun ia masih gagal berfungsi sehingga tarikh lawatan Audit.</p> <p>Pada pendapat Audit, cara pemasangan <i>cooling tower</i> saiz besar yang tidak praktikal adalah satu pembaziran kerana tidak dapat digunakan oleh UPSI. Perunding telah gagal memastikan reka bentuk pemasangan <i>cooling tower</i> boleh berfungsi dengan baik sebelum diserahkan kepada UPSI. JKR juga tidak memantau pemasangan <i>cooling tower</i> untuk memastikan ia boleh digunakan dengan berkesan.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Maklum Balas Daripada UPSI dan KKR Diterima Pada 30 Januari 2014.</p> <p>JKR Cawangan Pendidikan dan Pengajian Tinggi memaklumkan terdapat perbezaan aras antara <i>cooling tower</i> besar dan <i>cooling tower</i> kecil. Masalah ini timbul disebabkan terdapat tambahan <i>transfer beam</i> setinggi 200mm yang terpaksa dibuat sewaktu pembinaan untuk menyesuaikan dengan saiz dan konfigurasi <i>cooling tower</i> yang sampai di tapak. Walau bagaimanapun, kontraktor akan mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Menilai keadaan sedia ada oleh pakar dan memberi saranan pada 9 Januari 2014.</li> <li>ii. Menyediakan lukisan bagi kerja pembaikan injap dan pendawaian untuk kelulusan perunding yang dijangka siap pada 5 Februari 2014.</li> <li>iii. Melakukan kerja pendawaian dan mengkoordinasi kerja kawalan automatik ke panel kawalan dan dijangka siap pada 22 Februari 2014.</li> <li>iv. Menambah sebanyak 8 injap bermotor pada <i>return pipe cooling tower</i> besar pada 1 Mac 2014 dan mengujinya pada 10 Mac 2014.</li> </ol>	<p><i>cooling tower</i> besar.</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>ii. Menjalankan kerja pendawaian kawalan dan kuasa untuk mengawal pembukaan injap tersebut secara automatik apabila <i>cooling tower</i> besar ditutup/buka.</li> </ol> <p>Tindakan di atas adalah yang paling praktikal dan berkesan serta tidak akan menjejaskan fungsi dan prestasi keseluruhan sistem hawa dingin ini.</p> <p><b>Tarikh/Tempoh Jangkaan Selesai Tindakan (Jika Berkaitan)</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Kerja-kerja penilaian keadaan sedia ada oleh pakar telah selesai dilaksanakan pada 9 Januari 2014</li> <li>ii. Kerja-kerja penyediaan lukisan bagi kerja-kerja pembaikan injap telah selesai dilaksanakan pada 5 Februari 2014</li> <li>iii. Kerja-kerja pendawaian sistem kawalan masih dalam pelaksanaan dan dijangka disiap pada 22 Februari 2014.</li> </ol>  <ol style="list-style-type: none"> <li>iv. Kerja-kerja penambahan 8 injap bermotor sedang dilaksanakan dan dijangka disiapkan sepenuhnya termasuk pengujian pada 10 Mac 2014.</li> </ol>


Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
2.4.2.2	<p><b>Pemasangan <i>Public Address System</i> Tidak Praktikal</b></p> <p>Berdasarkan <i>need statement</i> UPSI, semua bilik mesyuarat hendaklah dilengkapi dengan <i>Public Address System</i> (PA) yang bersesuaian. Sehubungan itu, perunding dan JKR Cawangan Pendidikan &amp; Pengajian Tinggi perlu memastikan pemasangan dan spesifikasi peralatan adalah bersesuaian dan praktikal dengan keluasan bilik mesyuarat. Lawatan Audit pada 9 Oktober 2013 dan 12 November 2013 ke 4 bilik mesyuarat mendapati bilangan mikrofon adalah tidak praktikal dengan keluasan bilik dan meja mesyuarat yang bersaiz kecil. Ini disebabkan masalah komunikasi di antara pihak yang terlibat dan ketiadaan perancangan yang terperinci. Misalnya, pemasangan 20 unit mikrofon di bilik mesyuarat bersaiz 33 meter persegi dengan 14 kapasiti kerusi.</p> <p>Berdasarkan maklum balas yang diterima, PA System akan dipindahkan ke 4 bilik lain. Walau bagaimanapun, semakan audit mendapati kapasiti 3 daripada 4 bilik yang dicadangkan adalah tidak sesuai kerana saiz bilik yang kecil untuk diletakkan 20 unit mikrofon.</p> <p>Selain itu, UPSI perlu menanggung kos bagi memindahkan PA System tersebut yang dianggarkan berjumlah RM35,000.</p> <p>Pada pendapat Audit, perincian reka bentuk adalah tanggungjawab perunding dan khidmat nasihat hendaklah diberikan oleh JKR Cawangan Pendidikan &amp; Pengajian Tinggi sebagai Pengarah Projek. Perolehan peralatan yang tidak praktikal dengan keluasan bilik dan meja yang kecil adalah satu pembaziran.</p> <p>Maklum Balas Daripada UPSI dan KKR Diterima Pada 30 Januari 2014.</p> <p>JKR Cawangan Pendidikan &amp; Pengajian Tinggi memaklumkan tindakan memindahkan PA System ke 4 bilik lain yang memerlukannya dijangka siap pada 28 Februari 2014.</p>	<p><b><u>Cadangan tajuk : Pemasangan <i>Public Address System</i> Tidak Praktikal mengikut keluasan bilik.</u></b></p> <p><b>Penjelasan/Ulasan JKR</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Ini adalah projek Reka &amp; Bina di mana terdapat interaksi di antara <i>designer</i> dan <i>client/end-user</i> sebelum kontrak dimuktamadkan.</li> <li>'<i>Needs Statement</i>' UPSI muka surat ELV3/8 Appendix ELV to <i>Electrical Works Brief</i> Vol 1/9 menyatakan perlu disediakan <i>Audio Conference System</i> bagi '<i>Meeting Room</i>'.</li> <li>Set minima bagi sistem ini ialah 20 unit dan oleh itu, tidak kira berapa saiz bilik, unit minima bagi sistem ini ialah 20 unit.</li> </ol> <p>Ini bukan pembaziran kerana unit yang lebih boleh digunakan alat ganti (<i>spare</i>) untuk senggaraan disebabkan:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Sistem ini dapat digunakan sekitar 10 ke 15 tahun.</li> <li>Dalam jangkamasa tersebut, lazimnya model ini nanti sudah tiada dalam pasaran (<i>obsolete</i>).</li> <li>Oleh itu alat ganti sangat penting agar tiada pembaziran di masa hadapan sekiranya terdapat unit yang rosak</li> </ol> <p><b>Tindakan Penambahbaikan Oleh UPSI</b></p> <p>Pihak UPSI akan mengambil tindakan penambahbaikan seperti dibawah:-</p> <p>Memindahkan ke bilik lain yang memerlukan:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Bilik Mesyuarat JPPHB, KSAS (kapasiti 20 unit, keluasan 67.32m<sup>2</sup>)</li> <li>Bilik Mesyuarat ROTU (kapasiti 16 unit, keluasan 51.47m<sup>2</sup>)</li> <li>Bilik Mesyuarat Jabatan Matematik (kapasiti 20 unit, keluasan 96.29m<sup>2</sup>)</li> <li>Bilik Mesyuarat NCDRC</li> </ol>


Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>(kapasiti 16 unit, keluasan 47.00m<sup>2</sup>)</p> <p><b>Tarikh/Tempoh Jangkaan Selesai Tindakan</b></p> <p>Tindakan yang telah diambil oleh pihak UPSI ialah memindahkan PA sistem ke bilik lain yang lebih luas dan memerlukan:-</p> <p>(e) Bilik Mesyuarat JPPHB, KSAS (kapasiti 21 unit, keluasan 67.32m<sup>2</sup> ) Siap pada 15 Februari 2014.</p>  <p>(f) Bilik Mesyuarat ROTU (kapasiti 16 unit, keluasan 51.47m<sup>2</sup> iaitu lebih 18m<sup>2</sup> dari bilik asal) Walau bagaimanapun pihak UPSI akan mengenal pasti lokasi baru.</p>


Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>(g) Bilik Mesyuarat Jabatan Matematik (kapasiti 20 unit, keluasan 96.29m<sup>2</sup>) Siap pada 16 Februari 2014. Pihak UPSI berpandangan bilik mesyuarat ini sesuai untuk diletakkan mikrofon bagi tujuan mesyuarat dan seminar.</p>  <p>(h) Bilik Mesyuarat NCDRC (kapasiti 16 unit, keluasan 47.00m<sup>2</sup>) Pihak UPSI telah menukar ke lokasi lain iaitu dewan serbaguna NCDRC. Kerja dijangka siap pada 28 Februari 2014.</p> 


Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
2.4.2.3.a	<p><b>Kualiti Kerja Pembinaan Tidak Memuaskan - Kerosakan Dinding Disebabkan Kondensasi</b></p> <p>Lawatan Audit pada 7 November 2013 mendapati berlaku kondensasi di dinding jenis <i>gypsum dry wall</i> di Blok 4, 7, 8 dan 10. Kegagalan mengawal perbezaan suhu antara bilik yang berhawa dingin dan ruang laluan yang tidak berhawa dingin menyebabkan dinding lembap, menggelembung dan berkulat. Besi pada bucu dinding juga didapati berkarat. Semakan Audit terhadap Rekod Aduan Kecacatan daripada UPSI mendapati aduan berkaitan perkara ini telah dibuat seawal bulan Mac 2012 sebaik sahaja bangunan diduduki. Walaupun rekod menunjukkan pihak kontraktor telah memperbaiki kecacatan di Blok 4, namun dinding masih lembap, manakala tindakan pembetulan masih belum diambil terhadap blok-blok lain. Kerosakan dinding yang serius memberi persekitaran yang tidak sihat kepada pengguna.</p> <p>Pada pendapat Audit, pihak perunding telah gagal memberi khidmat nasihat yang sewajarnya kepada kontraktor terhadap keperluan pengawalan suhu sehingga menyebabkan kondensasi berlaku dan merosakkan dinding bangunan.</p> <p>Maklum Balas Daripada UPSI dan KKR Diterima Pada 30 Januari 2014.</p> <p>JKR Cawangan Pendidikan &amp; Pengajian Tinggi memaklumkan bahawa reka bentuk asal adalah bagi memenuhi keperluan BOMBA untuk diadakan pengudaraan semulajadi dan <i>moisture resistance dry wall</i> dipasang. Kontraktor akan menukar bahan dinding <i>moisture resistance dry wall</i> asal kepada <i>normal gypsum dry wall</i> yang boleh menampung perbezaan suhu dan dijangka siap pada 28 Februari 2014. Kerja mengganti <i>frame</i> dinding <i>dry wall</i> dan kerja mengecat semula dinding dijangka siap pada 11 Mac 2014.</p>	<p><b>Penjelasan/Ulasan JKR</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Rekabentuk asal adalah bagi memenuhi keperluan BOMBA untuk diadakan pengudaraan semula jadi dan <i>Moisture resistance dry wall</i> dipasang.</li> <li>Bukaan tersebut menyebabkan tempias hujan dan mengakibatkan laluan &amp; dinding koridor basah.</li> <li>Rekabentuk semula menggunakan 'tingkap kaca boleh laras' dipasang di bahagian bukaan tersebut menyebabkan kondensasi berlaku.</li> <li><i>Expansion joint</i> yang gagal berfungsi dengan baik membuatkan resapan air berlaku ke dinding dan menyebabkan <i>framing</i> berkarat dan dinding berkulat.</li> </ol> <p><b>Tindakan Penambahbaikan Oleh Kontraktor</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Menukar bahan dinding <i>moisture resistance dry wall</i> asal kepada <i>normal gypsum dry wall</i> yang boleh menampung perbezaan suhu.</li> <li>Membaik pulih <i>expansion joint</i></li> <li>Mengganti <i>frame</i> dinding <i>dry wall</i> setelah semua kerja baik-pulih <i>expansion joint</i> disiapkan</li> <li>Mengecat semula dinding</li> </ol> <p><b>Tarikh/Tempoh Jangkaan Selesai Tindakan</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Kerja-kerja membaik pulih <i>Expansion Joint</i> di Blok 4,7,8 dan 10 tingkat 2 &amp; 3 dalam tindakan dan dijangka siap pada 3 Mac 2014.</li> <li>Kerja-kerja penggantian <i>dry wall</i> dan mengecat semula dinding di blok 7 tingkat 1 &amp; 2 dan blok 10 tingkat 2 &amp; 3 dalam tindakan dan dijangka siap pada 28 Feb 2014.</li> <li>Kerja-kerja menggantikan <i>frame</i> dinding <i>dry wall</i> dan mengecat semula</li> </ol>




Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		dinding di blok 4 dan blok 8 tingkat 2&3 dalam tindakan dan dijangka siap pada 11 Mac 2014.
2.4.2.3.b	<p><b>Resapan Air Di <i>Plaster Ceiling</i></b></p> <p>Lawatan Audit pada 11 November 2013 di Masjid KSAS mendapati siling di bahagian tepi bangunan masjid telah jatuh kerana mengalami resapan air. Penggunaan bahan <i>plaster ceiling</i> didapati tidak sesuai di bahagian tepi bangunan yang terdedah kepada hujan.</p> <p>Pada pendapat Audit, kontraktor telah memilih bahan binaan yang tidak sesuai. Perkara sedemikian tidak sepatutnya berlaku kerana perunding dan JKR Cawangan Pendidikan &amp; Pengajian Tinggi bertanggungjawab memastikan bahan binaan adalah sesuai, tempoh hayatnya munasabah dan <i>cost effective</i> sebelum penggantian semula.</p> <p>Maklum Balas Daripada UPSI dan KKR Diterima Pada 30 Januari 2014.</p> <p>JKR Cawangan Pendidikan &amp; Pengajian Tinggi memaklumkan bahawa skop kerja terlibat adalah berhubung kait dengan <i>fascia board</i>. Pembinaan adalah menepati reka bentuk asal iaitu menggunakan <i>cemboard</i> untuk <i>fascia</i> luaran dan <i>moisture resistance ceiling board</i> untuk <i>intermediate fascia</i>. Kerosakan telah diambil tindakan dan siap pada 28 Januari 2014.</p>	<p><b>Penjelasan/Ulasan JKR</b></p> <p>Skop kerja terlibat adalah berhubung kait dengan <i>fascia board</i>. Pembinaan adalah menepati reka bentuk asal iaitu:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a. menggunakan <i>cemboard</i> untuk <i>fascia</i> luaran dan</li> <li>b. <i>moisture resistance ceiling board</i> untuk <i>intermediate fascia</i> (rujuk lukisan perunding arkitek).</li> </ol> <p>Oleh yang demikian, isu pemilihan bahan binaan yang tidak sesuai adalah tidak berbangkit.</p> <p><b>Tarikh/Tempoh Jangkaan Selesai Tindakan (Jika Berkaitan)</b></p> <p>Kerja-kerja membaikpulih <i>fascia</i> asal yang rosak telah selesai dilaksanakan oleh kontraktor pada 30 Jan 2014.</p> 

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		
2.4.2.3.c.i	<p><b>Water Proofing Tidak Berfungsi</b></p> <p>Mengikut perenggan 23.3 <i>Need Statement for architectural work requirements</i> dalam Dokumen Kontrak, dek bumbung yang rata dan curam serta terdedah kepada hujan hendaklah disediakan dengan <i>water proofing membranes</i> yang diluluskan oleh JKR Cawangan Pendidikan &amp; Pengajian Tinggi.</p> <p>Semakan Audit terhadap aduan kerosakan oleh pihak UPSI mendapati sebahagian besar kecacatan adalah disebabkan air meresap ke dalam bangunan kerana <i>water proofing</i> yang digunakan tidak berfungsi. Lawatan Audit pada 9 Oktober 2013 ke <i>Plant House 1</i> mendapati terdapat kesan resapan air di bahagian dalam bangunan. Resapan air tersebut adalah dari bumbung <i>Plant House 1</i> yang menempatkan tangki air dan <i>cooling tower</i>. Resapan air yang berterusan ke dalam bangunan telah menyebabkan pembentukan stalaktit pada bahagian dalam <i>Plant House 1</i>.</p> <p>Maklum Balas Daripada UPSI dan KKR Diterima Pada 30 Januari 2014.</p> <p>JKR Cawangan Pendidikan &amp; Pengajian Tinggi memaklumkan tindakan penambahbaikan yang dibuat oleh kontraktor di <i>Plant House 1</i> yang dijangka siap pada 30 Januari 2014 adalah seperti berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Kerja meratakan tapak konkrit mengikut <i>gradient</i> ke <i>scupper drain</i> sedia ada.</li> <li>ii. Menyapu 2 lapisan <i>water proofing</i> jenis <i>acrylic coating Pentens T-200</i> yang tahan UV di atas lapisan lepa.</li> </ol>	<p><b>Penjelasan/Ulasan JKR</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Rekabentuk asal telah menggunakan <i>water proofing</i> yang diluluskan untuk bumbung rata konkrit.</li> <li>ii. Langkah awal telah diambil dengan menggunakan kaedah <i>PU injection</i> untuk mengelakkan resapan air. Walau bagaimanapun resapan air masih berlaku dan menimbulkan <i>stalactites</i>.</li> <li>iii. Air bertakung di kawasan bumbung rata menyebabkan resapan air ke dalam bahagian bangunan.</li> </ol> <p><b>Tindakan Penambahbaikan Oleh Kontraktor</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Bagi mengelakkan air bertakung, kerja-kerja meratakan tapak konkrit mengikut <i>gradient</i> ke <i>scupper drain</i> sedia ada.</li> <li>ii. Menyapu 2 lapisan <i>water proofing</i> jenis <i>acrylic coating Pentens T-200</i> yang tahan UV di atas lapisan lepa.</li> <li>iii. Membuat <i>PU Grouting Injection (Expandable Injection System)</i> menggunakan Pentens PU-300 pada bahagian bawah papak (<i>slab</i>) bumbung konkrit.</li> </ol>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>iii. Membuat PU <i>Grouting Injection</i> menggunakan Pentens PU-300 pada bahagian bawah papak bumbung konkrit.</p>	<p><b>Tarikh/Tempoh Jangkaan Selesai Tindakan</b></p> <p>i) Kerja meratakan tapak konkrit mengikut <i>gradient</i> ke <i>scupper drain</i> sedia ada selesai dilaksanakan pada 30 Jan 2014.</p>  <p>ii. Kerja-kerja menyapu 2 lapisan <i>water proofing</i> jenis <i>acrylic coating</i> Pentens T-200. Telah siap dilaksanakan pada 12 Februari.</p> 

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>iii. Membuat PU <i>Grouting Injection</i> menggunakan Pentens PU-300 pada bahagian bawah papak bumbung konkrit. Selesai dilaksanakan pada 30 Jan 2014.</p> 
2.4.2.3.c.ii	<p>Lawatan Audit pada 11 November 2013 ke Blok 3, Aras 3, Makmal 8 juga mendapati air meresap dari bumbung yang menempatkan tangki air. Air meresap masuk melalui <i>expansion joint</i> kerana pemasangan <i>sealant</i> tidak sempurna.</p> <p>Maklum Balas Daripada UPSI dan KKRDiterima Pada 30 Januari 2014.</p> <p>JKR Cawangan Pendidikan &amp; Pengajian Tinggi memaklumkan kaedah pemasangan <i>sealant</i> asal menggunakan Thioflex 600 Fosroc telah dijalankan sebagaimana diluluskan. Air meresap masuk kerana terdapat <i>latent defect</i> pada kerja <i>water proofing</i>.</p>	<p><b>Penjelasan/Ulasan JKR</b></p> <p>Kaedah pemasangan <i>sealant</i> asal menggunakan Thioflex 600 Fosroc sebagaimana diluluskan. Air meresap masuk kerana terdapatnya <i>latent defect</i> pada kerja <i>water proofing</i>.</p> <p><b>Tarikh/Tempoh Jangkaan Selesai Tindakan</b></p> <p>Kerja-kerja pemasangan <i>sealant</i> dan pemasangan siling oleh pihak kontraktor telah selesai pada 12 Februari 2014.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		
<p><b>2.4.2.3.c.iii</b></p>	<p>Selain itu, lawatan Audit pada 9 Oktober 2013 ke Blok 10, Aras Tanah mendapati air hujan meresap melalui <i>expansion joint</i> hingga menyebabkan kerosakan pada siling.</p> <p>Pada pendapat Audit, kesempurnaan <i>water proofing</i> dan penggunaan <i>sealant</i> bagi <i>expansion joint</i> tidak diperiksa dengan teliti oleh pihak perunding sehingga menyebabkan kecacatan bangunan.</p> <p>Maklum Balas Daripada UPSI dan KKR Diterima Pada 30 Januari 2014.</p> <p>JKR Cawangan Pendidikan &amp; Pengajian Tinggi memaklumkan tindakan penambahbaikan untuk membaik pulih <i>expansion joint</i> yang melibatkan pemasangan semula <i>sealant</i> dengan <i>capping</i> oleh pihak kontraktor dijangka siap pada 3 Mac 2014 dan mengganti siling yang rosak dijangka siap pada 10 Mac 2014.</p>	<p><b>Penjelasan/Ulasan JKR</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Kaedah pemasangan <i>sealant</i> asal menggunakan Thioflex 600 Fosroc sebagaimana diluluskan.</li> <li>Maklum balas dari pihak perunding ialah mereka telah mengadakan pemeriksaan sewaktu pemasangan <i>sealant</i> dan ianya didapati bertepatan dan mematuhi spesifikasi reka bentuk.</li> <li>Kekerapan hujan lebat menyebabkan air meresap melalui <i>expansion joint</i> sehingga menyebabkan kerosakan pada siling disebabkan oleh berlakunya <i>latent defect</i> pada kerja-kerja pemasangan <i>sealant</i> tersebut.</li> </ol> <p><b>Tindakan Penambahbaikan Oleh Kontraktor</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Membaik pulih (<i>treatment</i>) <i>expansion joint</i> yang melibatkan pemasangan semula <i>sealant</i> dengan <i>capping</i>.</li> </ol> <p><b>Tarikh/Tempoh Jangkaan Selesai</b></p> <p>Kerja-kerja membuat semula <i>expansion joint</i> oleh kontraktor sedang dilaksanakan dan dijangka siap pada 3 Mac 2014 dan bagi kerja-kerja penggantian siling dijangka siap pada 10 Mac 2014.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>2.4.2.3.d.i</b></p>	<p><b>Spesifikasi JKR Cawangan Pendidikan &amp; Pengajian Tinggi Tidak Dipatuhi</b></p> <p>Spesifikasi JKR Cawangan Pendidikan &amp; Pengajian Tinggi L-S1, Seksyen 9.6 dan <i>Personal Protection Equipment (PPE) 1994</i> Peraturan 34(1) menetapkan bahawa setiap sambungan antara <i>trunking</i> perlu dibumikan dengan berkesan bagi tujuan keselamatan. Semakan Audit mendapati <i>copper bridge</i> tidak dipasang pada setiap sambungan antara <i>trunking</i> di Bilik Chiller, <i>Plant House 1</i>.</p> <p>Maklum Balas Daripada UPSI dan KKR Diterima Pada 30 Januari 2014.</p> <p>JKR Cawangan Pendidikan &amp; Pengajian Tinggi memaklumkan bahawa <i>trunking</i> di <i>plant house</i> telah siap dipasang pada 9 Januari 2014 oleh kontraktor.</p>	<p><b>Penjelasan/Ulasan JKR</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Keseluruhan kerja-kerja elektrik adalah mematuhi spesifikasi JKR. <i>Copper bridge</i> telah dipasang di keseluruhan kampus mengikut spesifikasi kontrak kecuali di <i>Plant House 1</i>.</li> <li>ii. Kerja pemasangan <i>trunking</i> di Dewan Besar adalah di bawah UPSI.</li> </ul> <p><b>Tindakan Penambahbaikan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kerja pemasangan <i>Trunking</i> di <i>Plant house 1</i> telah siap sepenuhnya dipasang pada 9 Jan 2014 oleh pihak kontraktor.</li> <li>ii. Kerja pemasangan <i>trunking</i> di Dewan Besar telah siap sepenuhnya pada 27 Jan 2014 oleh pihak UPSI.</li> </ul> <p><b>Tarikh/Tempoh Jangkaan Selesai</b></p> <p>Kerja-kerja telah siap dilaksanakan pada 9 Januari 2014.</p>
<p><b>2.4.2.3.d.ii</b></p>	<p>PPE 1994 Peraturan 34(1) menetapkan keperluan pemasangan kabel bumi ke pintu papan agihan adalah bagi tujuan keselamatan. Spesifikasi JKR L-S1 (April 1999) Seksyen 3.0 dan PPE 1994, Peraturan 19(1b) menetapkan lukisan litar skematik perlu dilekatkan di bahagian dalam pintu papan agihan. Semakan Audit mendapati lukisan litar skematik di Bilik Utiliti 1, Dewan Besar tidak dilekatkan di bahagian dalam pintu papan agihan untuk rujukan bagi memudahkan kerja penyenggaraan.</p> <p>Maklum Balas Daripada UPSI dan KKR Diterima Pada 30 Januari 2014.</p> <p>JKR Cawangan Pendidikan &amp; Pengajian Tinggi memaklumkan bahawa tindakan telah diambil iaitu lukisan litar skematik yang tertinggal telah selesai dipasang semula pada 9 Januari 2014.</p>	<p><b>Penjelasan/Ulasan JKR</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Papan agihan sepertimana reka bentuk asal telah dipasang dengan kabel bumi dan mematuhi seperti mana spesifikasi JKR.</li> <li>ii. Kabel bumi yang tidak dipasang ke pintu papan agihan Bilik Suis Aras 1, Dewan Besar bukan di bawah skop kontrak.</li> <li>iii. Lukisan litar skematik telah dipasang tetapi telah tertinggal selepas penyerahan kepada UPSI.</li> </ul> <p><b>Tindakan Penambahbaikan Oleh Kontraktor</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Lukisan litar skematik telah selesai dipasang semula pada 9 Januari 2014.</li> </ul> <p><b>Tarikh/Tempoh Jangkaan Selesai</b></p> <p>Kerja-kerja telah siap dilaksanakan pada 9 Januari 2014.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
2.4.2.3.d.iii	<p>Spesifikasi JKR L-S1 (April 1999) Seksyen 9.6 menetapkan keperluan pemasangan <i>fire barrier</i> untuk mengelakkan kebakaran daripada merebak ke bahagian lain. Semakan Audit mendapati tiada pemasangan <i>fire barrier</i> pada laluan <i>trunking</i> di Bilik Utiliti 1, Dewan Besar.</p> <p>Maklum Balas Daripada UPSI dan KKR Diterima Pada 30 Januari 2014.</p> <p>JKR Cawangan Pendidikan &amp; Pengajian Tinggi memaklumkan bahawa pemasangan <i>fire barrier</i> seperti mana spesifikasi JKR telah siap pada 2 Januari 2014.</p>	<p><b>Penjelasan/Ulasan JKR</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Spesifikasi telah mematuhi sepertimana spesifikasi JKR.</li> <li>ii. Verifikasi sepertimana spesifikasi asal dilaksanakan pada bahagian laluan <i>trunking</i> yang lain</li> </ul> <p><b>Tindakan Penambahbaikan oleh Kontraktor</b></p> <p>Memasang <i>fire barrier</i> sepertimana spesifikasi JKR</p> <p><b>Tarikh/Tempoh Jangkaan Selesai Tindakan</b></p> <p>Kerja-kerja telah siap dilaksanakan pada 2 Januari 2014.</p>
2.4.2.3.d.iv	<p>Spesifikasi JKR L-S1 (April 1999) Seksyen 15.0 dan PPE 1994 Peraturan 19, 37(a), 38, 39 dan 40 menetapkan bahawa Notis DILARANG MASUK, BAHAYA dan DILARANG MEROKOK perlu dilekatkan pada setiap pintu bilik suis. Semakan Audit ke Bilik Suis di Blok 4 mendapati notis yang dipamerkan tidak lengkap.</p> <p>Maklum Balas Daripada UPSI dan KKR Diterima Pada 30 Januari 2014.</p> <p>JKR Cawangan Pendidikan &amp; Pengajian Tinggi memaklumkan notis DILARANG MASUK dan DILARANG MEROKOK telah siap dipasang pada 9 Januari 2014.</p>	<p><b>Penjelasan/Ulasan JKR</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Notis BAHAYA telah sedia dipasang.</li> <li>ii. Hanya notis DILARANG MASUK &amp; DILARANG MEROKOK yang tidak dipasang.</li> </ul> <p><b>Tindakan Penambahbaikan Oleh Kontraktor</b></p> <p>Memasang notis DILARANG MASUK &amp; DILARANG MEROKOK</p> <p><b>Tarikh/Tempoh Jangkaan Selesai Tindakan (Jika Berkaitan)</b></p> <p>Kerja-kerja telah siap dilaksanakan pada 9 Januari 2014.</p>
2.4.2.3.d.v	<p>Spesifikasi JKR L-S1 – Section13 <i>Earthing</i> menetapkan pemasangan Air Terminal adalah untuk memastikan arus daripada penebat petir dibumikan terus ke bumi melalui pengalir <i>copper tape</i> dan <i>down conductor</i>. Semakan Audit mendapati Air Terminal tidak dipasang pada bumbung bangunan di Plant House 1 dan bumbung masjid.</p> <p>Pada pendapat Audit, kontraktor gagal mematuhi spesifikasi JKR berkaitan keselamatan bangunan. Perunding dan Pengarah Projek pula tidak menjalankan pemantauan dengan berkesan dan ini boleh menjejaskan keselamatan pengguna. Memandangkan kerja pemasangan air terminal tidak dibuat oleh kontraktor, maka harga muktamad kontrak perlu dilaras.</p>	<p><b>Penjelasan/Ulasan JKR</b></p> <p>Reka bentuk sistem perlindungan kilat adalah jenis '<i>structural earthing</i>' dimana '<i>air termination network</i>' terdiri dari <i>metal roof</i> dan semua struktur logam disambung kepada <i>down conductor</i>. LS 9-tidak mewajibkan air terminal dipasang.</p> <p><b>Tindakan Penambahbaikan Oleh Kontraktor</b></p> <p>Tidak diperlukan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Maklum Balas Daripada UPSI dan KKR Diterima Pada 30 Januari 2014.</p> <p>JKR Cawangan Pendidikan &amp; Pengajian Tinggi memaklumkan bahawa reka bentuk sistem perlindungan kilat adalah jenis '<i>structural earthing</i>' di mana '<i>air termination network</i>' terdiri daripada <i>metal roof</i> dan semua struktur logam disambung kepada <i>down conductor</i>. Lukisan tidak mewajibkan air terminal dipasang.</p>	<p><b>Tarikh/Tempoh Jangkaan Selesai Tindakan (Jika Berkaitan).</b></p> <p>Tidak memerlukan penambahbaikan berdasarkan ulasan JKR.</p>
<p><b>2.4.3.1.a</b></p>	<p><b>Sistem Mekanikal Yang Diserahkan Tidak Lengkap Dan Tanpa <i>Operating Manual</i> – <i>Building Automation System</i></b></p> <p>Bangunan KSAS dilengkapi dengan <i>Building Automation System</i> (BAS) bernilai RM2.93 juta yang ditempatkan di Bilik Kawalan ICT. Sistem ini adalah untuk memantau dan mengawal sistem mekanikal. Semakan Audit mendapati pihak UPSI tidak dapat menggunakan sistem BAS sepenuhnya kerana kontraktor hanya membekalkan <i>Operating Manual</i> pada 13 Januari 2014 walaupun sistem ini telah diserahkan kepada UPSI pada 31 Januari 2012 iaitu pada tarikh CPC. Lawatan Audit pada 9 Oktober 2013 mendapati monitor kawalan bagi sistem BAS tidak berfungsi (<i>offline</i>) bagi modul berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. <i>Fire alarm</i> di setiap blok</li> <li>ii. <i>Chiller</i> di <i>Plant House 7</i></li> <li>iii. Sistem hawa dingin jenis VRF di bangunan Pusat Pelajar</li> <li>iv. <i>Air Handling Unit</i> (AHU) di Panggung Percubaan</li> <li>v. <i>Air Handling Unit</i> (AHU)/<i>Fan Coil Unit</i> (FCU) di Dewan Besar</li> <li>vi. <i>Air Handling Unit</i> (AHU) di Dewan Kuliah Pusat</li> </ul> <p>Maklum Balas Daripada UPSI dan KKR Diterima Pada 30 Januari 2014.</p> <p>JKR Cawangan Pendidikan &amp; Pengajian Tinggi memaklumkan bahawa:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. BAS telah beroperasi dan digunakan oleh UPSI selepas tarikh CPC dengan menggunakan maklumat asas semasa latihan pada 15 November 2011.</li> <li>ii. Latihan kepada kakitangan teknikal UPSI telah dijalankan pada 15 November 2011 adalah mencukupi untuk UPSI mengguna pakai sistem BAS.</li> <li>iii. Kesemua modul monitor kawalan bagi modul sistem BAS telah berfungsi KECUALI <i>fire alarm</i> di setiap blok masih <i>offline</i> kerana kerja pendawaian pada</li> </ul>	<p><b>Penjelasan/Ulasan JKR</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Sistem BAS telah beroperasi dan digunakan oleh UPSI selepas tarikh CPC dengan menggunakan maklumat asas (<i>handouts</i>) yang telah dikemukakan semasa latihan pada 15/11/11.</li> <li>ii. Latihan yang diberikan dan nota (<i>handouts</i>) adalah mencukupi untuk UPSI mengguna pakai sistem BAS.</li> <li>iii. Latihan kepada kakitangan teknikal UPSI telah dijalankan pada 15 November 2011.</li> <li>iv. Dokumen <i>Operating Manual</i> telah diserahkan kepada UPSI pada 13 Januari 2014 seperti surat no.ruj: KSSB/UPSI/P2/JPPHB/111-(14) bertarikh 9 Jan 2014.</li> <li>v. Sistem BAS telah dibangunkan sepenuhnya sewaktu serahan CPC. Walaupun begitu, secara amnya apabila terdapat masalah pada <i>networking</i> ICT, monitor BAS akan menunjukkan <i>offline</i>.</li> <li>vi. Kesemua modul monitor kawalan bagi modul sistem BAS telah berfungsi KECUALI <i>fire alarm</i> di setiap blok masih <i>offline</i> kerana kerja-kerja pendawaian pada <i>fire alarm</i> panel belum disambungkan ke sistem BAS.</li> <li>vii. Kerja pendawaian bagi mendapatkan isyarat daripada <i>fire alarm</i> panel tidak disambung sebagai langkah perlindungan semasa <i>fire alarm</i> panel menghadapi masalah disambar kilat.</li> </ul>



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>fire alarm</i> panel belum disambungkan ke sistem BAS. Kerja pendawaian kepada <i>communication port</i> pada <i>fire alarm</i> panel dijangka siap pada 31 Januari 2014.</p>	<p>viii. Sistem BAS yang bergantung kepada <i>network</i> ICT bagi <i>plant house</i> no.7, Pusat Pelajar, Panggung Percubaan, Dewan Besar kerosakan komponen sistem BAS di Dewan Kuliah Pusat telah siap dibaiki pada 10 Januari 2014.</p> <p><b>Tindakan Penambahbaikan Oleh Kontraktor</b></p> <p>Penyambungan semula pendawaian kepada <i>communication port</i> pada <i>fire alarm</i> panel oleh kontraktor dan dijangka siap pada 31 Januari 2014.</p> <p>Akhir sekali <i>testing &amp; commissioning</i> akan dijalankan untuk memastikan sistem keseluruhan berfungsi seperti reka bentuk asal.</p> <p><b>Tarikh/Tempoh Jangkaan Selesai Tindakan (Jika Berkaitan).</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Sistem BAS telah beroperasi dan <i>Operating manual</i> telah diterima oleh UPSI pada 13 Januari 2014.</li> <li>ii. Latihan kepada kaki tangan teknikal UPSI telah dijalankan pada 15 November 2011.</li> <li>iii. Kerja-kerja penyambungan pendawaian di <i>fire alarm</i> panel masih dalam pelaksanaan oleh kontraktor. Walaubagaimanapun mengikut keperluan kontrak JKR kerja-kerja membaiki kecacatan projek perlu disiapkan selewat-lewatnya 31 Mei 2014 (pada/sebelum tempoh akhir <i>Certificate Making Good Defect</i> (CMDG) dikeluarkan).</li> </ul>
<p><b>2.4.3.1.b</b></p>	<p>Semakan Audit juga mendapati paparan di skrin monitor bilik kawalan BAS berwarna merah (<i>trip</i>) yang menunjukkan indikator 2 daripada 6 pam air rosak. Bagaimanapun, pengesahan di lokasi <i>Plant House</i> 1 menunjukkan semua 6 pam air beroperasi dengan baik.</p> <p>Maklum Balas Daripada UPSI dan KKR Diterima Pada 30 Januari 2014.</p> <p>JKR Cawangan Pendidikan &amp; Pengajian Tinggi memaklumkan keadaan ini berlaku kerana terdapat komponen sistem BAS yang rosak sedang dibaiki dan <i>setup</i> semula dan jangka siap pada 28 Februari 2014.</p>	<p><b>Penjelasan/Ulasan JKR</b></p> <p>Keadaan ini berlaku kerana terdapat komponen sistem BAS yang rosak.</p> <p><b>Tindakan Penambahbaikan Oleh Kontraktor</b></p> <p>Komponen sistem BAS yang rosak sedang dibaiki dan <i>setup</i> semula dan dijangka siap pada 28 Februari 2014.</p> <p><b>Tarikh/Tempoh Jangkaan Selesai Tindakan (Jika Berkaitan).</b></p> <p>Kerosakan pada komponen sistem BAS yang rosak dalam tindakan pelaksanaan oleh pihak kontraktor dan dijangka siap pada 28 Februari 2014.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>2.4.3.1.c</b></p>	<p>Selain itu, <i>fire alarm</i> sentiasa berbunyi di setiap blok. Minit Mesyuarat DLP No. 7 bertarikh 30 Mei 2012 ada merekodkan masalah <i>fire alarm</i> yang sentiasa berbunyi. Semasa lawatan Audit bunyi daripada <i>fire alarm</i> di setiap blok masih tidak dapat dimatikan oleh kontraktor.</p> <p>Maklum Balas Daripada UPSI dan KKR Diterima Pada 30 Januari 2014.</p> <p>JKR Cawangan Pendidikan &amp; Pengajian Tinggi memaklumkan bahawa sistem BAS hanya menunjukkan notifikasi sahaja pada panel pemantauan dan tiada kaitan dengan bunyi <i>buzzer</i>. Bunyi <i>buzzer</i> berpunca daripada <i>fire alarm</i> panel yang dapat mengesan sesuatu <i>trigger factor</i> atau <i>fault</i>. Oleh kerana kesemua <i>fire alarm</i> panel diletakkan dalam <i>networking</i> yang sama, apa-apa jua masalah akan menyebabkan bunyi <i>buzzer</i> pada semua <i>fire alarm</i> panel. Kerja mengenal pasti <i>fault detector</i> oleh kontraktor dijangka selesai pada 28 Februari 2014.</p>	<p><b>Penjelasan/Ulasan JKR</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Sistem BAS hanya menunjukkan notifikasi sahaja pada panel pemantauan. Ia tidak berkaitan dengan bunyi <i>buzzer</i>.</li> <li>ii. Bunyi <i>buzzer</i> berpunca dari pada <i>fire alarm</i> panel yang dapat mengesan sesuatu <i>trigger factor</i> atau <i>faults</i>.</li> <li>iii. Oleh kerana kesemua <i>fire alarm</i> panel diletakkan dalam <i>networking</i> yang sama, apa-apa jua masalah akan menyebabkan bunyi <i>buzzer</i> pada semua <i>fire alarm</i> panel.</li> </ul> <p><b>Tindakan Penambahbaikan Oleh Kontraktor</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mengenalpasti <i>faulty detectors</i>.</li> </ul> <p><b>Tarikh/Tempoh Jangkaan Selesai Tindakan (Jika Berkaitan)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>iv. Kerja-kerja mengenalpasti <i>faulty detectors</i> oleh kontraktor dijangka selesai pada 28 Februari 2014.</li> </ul>
<p><b>2.4.3.2.b</b></p>	<p><b><i>Supervisory Control And Data Acquisition</i></b></p> <p>Lawatan Audit pada 9 Oktober 2013 mendapati sistem SCADA tidak berfungsi sepenuhnya kerana tidak dapat mengawal sistem elektrik di beberapa lokasi seperti lampu koridor bangunan Pusat Pelajar dari Bilik Kawalan Pusat ICT.</p> <p>Pada pendapat Audit, perolehan sistem BAS dan SCADA bernilai RM3.61 juta tidak dapat dimanfaatkan secara menyeluruh kerana sistem tidak berfungsi sepenuhnya.</p> <p>Maklum Balas Daripada UPSI dan KKR Diterima Pada 30 Januari 2014.</p> <p>JKR Cawangan Pendidikan &amp; Pengajian Tinggi memaklumkan bahawa sistem SCADA telah berfungsi sepenuhnya dan <i>testing and commissioning</i> (T&amp;C) telah dilaksanakan sebelum CPC dikeluarkan.</p> <p>Terdapat masalah <i>networking</i> pada sistem ICT yang menghubungkan Pusat Pelajar menyebabkan sistem SCADA tidak berfungsi bagi kawalan lampu koridor blok tersebut. JKR Cawangan Pendidikan &amp; Pengajian Tinggi memaklumkan kerja membaik pulih sambungan ICT antara bilik kawalan dan Pusat Pelajar telah selesai</p>	<p><b>Penjelasan/Ulasan JKR</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Sistem SCADA telah berfungsi sepenuhnya dan <i>testing and commissioning</i> (T&amp;C) telah dilaksanakan sebelum CPC dikeluarkan.</li> <li>ii. Kawalan lampu di Panggung Percubaan tidak termasuk dalam skop sistem SCADA. Ini adalah kerana bangunan ini adalah <i>event based</i> dan beroperasi secara berasingan daripada lain-lain blok.</li> <li>iii. Walau bagaimanapun, terdapat masalah <i>networking</i> pada sistem ICT yang menghubungkan Pusat Pelajar menyebabkan sistem SCADA tidak berfungsi bagi kawalan lampu koridor blok tersebut.</li> </ul> <p><b>Tindakan Penambahbaikan Oleh Kontraktor</b></p> <p>Kerja-kerja membaik pulih sambungan ICT antara bilik kawalan dan Pusat Pelajar telah selesai dilaksanakan pada 10 Januari 2014.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	dilaksanakan pada 10 Januari 2014.	<b>Tarikh/Tempoh Jangkaan Selesai Tindakan</b>  Sistem <i>networking</i> ini telah beroperasi pada 10 Januari 2014.
2.4.4	<p><b>Sijil Layak Menduduki Belum Diperolehi</b></p> <p>Mengikut klausa 42.0 dokumen kontrak Pakej Bangunan, menetapkan “<i>The contractor shall be responsible to apply and obtain the Certificate of Fitness for the whole project before the Project Director decides the whole of the works is practically completed</i>”. Semakan Audit mendapati Pakej Bangunan telah mendapat <i>Certificate of Practical Completion</i> (CPC) daripada Pengarah Projek pada 31 Januari 2012. Pihak Audit mendapati setakat 31 Disember 2013 <i>Certificate of Fitness</i> masih belum dikeluarkan walaupun bangunan KSAS telah diduduki mulai bulan Februari 2012. Kelewatan ini adalah disebabkan kelulusan belum diperolehi daripada Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia. Ini kerana pihak perunding tidak menyediakan laluan kecemasan di Bangunan Pusat Pelajar.</p> <p>Pada pendapat Audit, pihak kontraktor dan perunding gagal mematuhi kriteria seperti yang dikehendaki oleh Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia dan ini boleh membahayakan keselamatan pengguna.</p> <p>Maklum Balas Daripada UPSI dan KKR Diterima Pada 30 Januari 2014.</p> <p>JKR Cawangan Pendidikan &amp; Pengajian Tinggi memaklumkan bahawa pada 21 Januari 2014 pihak bomba telah mengadakan lawatan pemeriksaan mengikut zon dan dijangka selesai pada 31 Mei 2014 sebelum tempoh akhir <i>Certificate Making Good Defect</i> (CMGD) dikeluarkan.</p>	<p><b>Penjelasan/Ulasan JKR</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Pembinaan keseluruhan bangunan telah siap dilaksanakan mengikut pelan kelulusan BOMBA yang asal.</li> <li>ii. Untuk tujuan keselamatan bagi bangunan pusat pelajar sahaja, cadangan rekabentuk tambahan bagi laluan kecemasan diadakan di dalam bangunan. Disebabkan masalah teknikal cadangan tersebut tidak dapat dijalankan.</li> <li>iii. Oleh itu cadangan alternatif perlu dibuat dan mendapat kelulusan BOMBA.</li> <li>iv. Permohonan CCC mengikut zon CCC perlu dikemukakan supaya masalah di Pusat Pelajar diasingkan dari bahagian lain kerana kerja di Pusat Pelajar memerlukan masa yang lebih.</li> </ol> <p><b>Tindakan Penambahbaikan oleh Kontraktor</b></p> <p>Mendapatkan persetujuan dan kelulusan BOMBA untuk pemecahan zon bagi tujuan pengeluaran CCC. Pada dasarnya hasil daripada lawatan yang telah dibuat oleh pihak UPSI dan kontraktor ke Ibu Pejabat Bomba &amp; Penyelamat Malaysia di Putrajaya pada 7 Januari 2014, pihak BOMBA telah bersetuju untuk meluluskan CCC mengikut zon.</p> <p>Tindakan telah dilakukan dengan mendapatkan kelulusan BOMBA untuk cadangan baru di Pusat Pelajar dengan membina tangga luar dan cadangan reka bentuk disediakan oleh perunding.</p> <p>Dokumen sokongan disertakan bagi tindakan yang telah dibuat:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Mendapatkan persetujuan UPSI berkaitan cadangan baru – diperolehi pada 20/12/2013.</li> <li>ii. Mendapatkan persetujuan secara dasar tentang Pengemukaan CCC</li> </ol>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>mengikut zon oleh <i>Prinsipal Submitting Person</i> (PSP) sepertimana persetujuan pihak BOMBA - diperolehi pada 7 Januari 2014.</p> <p>iii. Menulis surat memohon pemeriksaan BOMBA mengikut pecahan zon dijalankan –10 Jan 2014.</p> <p>iv. Melakukan interaksi dengan pihak BOMBA dengan penghantaran lukisan cadangan baru Pusat Pelajar – 13 Jan 2014.</p> <p>21 Januari 2014 pihak bomba telah mengadakan lawatan pemeriksaan mengikut zon. (Zon 1 dan Zon 2)</p> <p><b>Tarikh/Tempoh Jangkaan Selesai Tindakan</b></p> <p>Kelulusan bomba telah diperolehi bagi blok-blok Dewan Besar, Panggung Percubaan, Pusat Komputer, Dewan Kuliah Pusat, Surau dan Pusat Islam, Kafeteria Pusat Pelajar, Kafeteria Pusat Islam, Kafeteria Dewan Besar dan Rotu.</p> <p>Masalah dijangka selesai pada 31 Mei 2014 (pada / sebelum tempoh akhir <i>Certificate Making Good Defect</i> (CMGD) dikeluarkan).</p>
2.4.5.2	<p><b>Kecacatan Yang Belum Dibaiki Oleh Kontraktor</b></p> <p>Semakan Audit mendapati kontraktor lewat mengambil tindakan terhadap aduan kerosakan oleh UPSI. UPSI telah membelanjakan sejumlah RM9,770 bagi membaiki siling roboh akibat tempas hujan, cat rosak akibat air masuk melalui retakan dinding, plaster siling jatuh dan rosak, siling berkulat dan kebocoran papak serta bumbung. Kelewatan melaksanakan kerja pembaikan oleh kontraktor boleh membahayakan pengguna kerana ia mengakibatkan siling roboh dan dinding retak. Analisis Audit mendapati tarikh aduan seawal bulan Ogos 2012 sehingga bulan Mei 2013 belum diambil tindakan oleh kontraktor menyebabkan UPSI terpaksa bertindak membaiki kerosakan kerana keperluan segera pihak pengguna.</p> <p>Pada pendapat Audit, kelewatan pembaikan oleh kontraktor terhadap aduan kerosakan adalah tidak wajar kerana membahayakan pengguna. UPSI telah menanggung kos untuk pembaikan kerana keperluan segera pihak pengguna.</p> <p>Maklum Balas Daripada UPSI dan KKR Diterima Pada 30 Januari 2014.</p> <p>JKR Cawangan Pendidikan &amp; Pengajian Tinggi memaklumkan pemeriksaan bertarih</p>	<p><b>Penjelasan/Ulasan JKR</b></p> <p>Lawatan pemeriksaan pada 9 Januari 2014, mendapati 58 kecacatan masih dalam tindakan pembaikan oleh pihak kontraktor.</p> <p><b>Tindakan Penambahbaikan oleh Kontraktor</b></p> <p>Kontraktor sedang dalam proses mengambil tindakan memperbaiki kecacatan.</p> <p><b>Tarikh/Tempoh Jangkaan Selesai Tindakan</b></p> <p>Kerja-kerja bagi pembaikan kecacatan masih dalam pelaksanaan tindakan kontraktor. Walau bagaimanapun mengikut keperluan kontrak JKR kerja-kerja membaiki kecacatan projek perlu disiapkan selewat-lewatnya 31 Mei 2014 (pada/sebelum tempoh akhir <i>Certificate Making Good Defect</i> (CMDG) dikeluarkan).</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>9 Januari 2014 menunjukkan baki 58 kecacatan masih dalam tindakan pembaikan oleh kontraktor. Kesemua kerja membaiki kecacatan akan disediakan sepenuhnya oleh kontraktor dalam masa 3 bulan 28 hari selepas tamat tempoh <i>Defect Liability Period</i> pada 31 Mei 2014.</p>	
<p><b>2.4.7.1</b></p>	<p><b>Pemantauan</b></p> <p>Pemantauan perlu dilakukan secara berterusan bagi memastikan kerja yang dilaksanakan mengikut skop dan spesifikasi kerja serta disediakan dalam masa yang ditetapkan. Mesyuarat Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) perlu diadakan setiap bulan selepas serahan bangunan kepada UPSI iaitu mulai 1 Februari 2012 dan tamat pada 31 Januari 2014.</p>	<p><b>Penjelasan/Ulasan JKR</b></p> <p>Mesyuarat berkala telah diadakan pada setiap bulan. Mesyuarat Pemantauan DLP No. 30 diadakan pada 14 Mac 2013.</p>
<p><b>2.4.7.2</b></p>	<p>Semakan Audit mendapati pemantauan terhadap pembinaan projek pembinaan KSAS adalah tidak memuaskan. Peranan JKR Cawangan Pendidikan &amp; Pengajian Tinggi sebagai Pengarah Projek untuk memantau projek adalah tidak memuaskan. Perunding pula tidak memainkan peranan yang sepatutnya sehingga berlaku ketidakpatuhan kepada spesifikasi kontrak dan JKR. Kekerapan mesyuarat DLP mulai tahun 2013 hanya dibuat 3 bulan sekali. Sehingga 31 Disember 2013, masih terdapat 58 kecacatan yang belum dibaiki walaupun tempoh DLP akan tamat pada 31 Januari 2014.</p> <p>Maklum Balas Daripada UPSI dan KKR Diterima Pada 30 Januari 2014.</p> <p>JKR Cawangan Pendidikan &amp; Pengajian Tinggi memaklumkan mesyuarat berkala telah diadakan setiap bulan. Mesyuarat Pemantauan DLP No. 30 telah diadakan pada 14 Mac 2013.</p>	

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN  
DAN PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI BAGI SIRI 1 TAHUN 2013**

**PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL**

**Perenggan 3 : Pengurusan Sistem Pinjaman / Pembiayaan Pendidikan**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<b>3.4.1.1</b>	<p><b>Prestasi Pelaksanaan ELMAS Dan ELMAS-i</b></p> <p>Secara keseluruhannya, ELMAS dan ELMAS-i berintegrasi dengan <i>Online Receipting</i>, <i>Permohonan Online</i> dan <i>Century Financials</i>.</p>	<p>Penambahbaikan modul-modul penguatkuasaan kutipan balik dalam ELMAS-i sedang dalam pembangunan. Ianya dilakukan secara berperingkat-peringkat bermula Oktober 2013 sehingga Jun 2014.</p> <p>Kini Modul Notis Arahan Bayaran dan Modul Penyelesaian Awal di Fasa Akhir pembangunan dan dijangka siap dibangunkan pada akhir Febuari 2014.</p> <p><b>Status Tindakan : Dalam proses</b></p>
<b>3.4.1.2</b>	<p>PTPTN juga membangunkan sistem berasingan iaitu Sistem e-UPKB (Pengurusan Kutipan Balik) secara dalaman untuk memenuhi proses yang berkaitan dengan pinjaman. Sistem ini telah digunakan sejak tahun 2003 untuk menguruskan penguatkuasaan dan kutipan balik pinjaman. Antara proses pinjaman yang dilaksanakan melalui e-UPKB adalah meliputi pemantauan kutipan baki, pemantauan peminjam senarai hitam, pengecualian bayaran balik dan penangguhan bayaran balik pinjaman. Bagaimanapun, sistem ini tidak berintegrasi dengan sistem utama iaitu ELMAS dan ELMAS-i dan tidak mempunyai sokongan penyenggaraan.</p>	
<b>3.4.1.3</b>	<p>PTPTN telah mengambil kira fungsi e-UPKB dalam pembangunan ELMAS-i bagi mengatasi masalah tersebut. Bagaimanapun, modul tersebut masih belum selesai dibangunkan dan Sistem e-UPKB masih digunakan sehingga kini.</p> <p>Pada pendapat Audit, pembangunan fungsi Sistem e-UPKB dalam ELMAS-i adalah baik dan perlu dipercepatkan bagi memastikan kelancaran proses pinjaman pendidikan dan pembiayaan PTPTN.</p> <p>Maklum Balas Daripada PTPTN Diterima Pada 28 Januari 2014.</p> <p>PTPTN memaklumkan Sistem e-UPKB masih diguna pakai oleh PTPTN untuk memantau bayaran balik pinjaman/pembiayaan peminjam sementara modul penguatkuasaan ditambah baik dalam ELMAS-i sepenuhnya. Pembangunan ELMAS-i telah siap berdasarkan skop asal merangkumi Modul Penstrukturan Bayaran Balik Pembiayaan dan Modul Penjadualan Bayaran Balik Pembiayaan. PTPTN sedang menambahbaik 5 modul yang dijangka siap sepenuhnya pada Jun 2014 berikutan penstrukturan semula operasinya. Sistem e-UPKB tidak akan diguna pakai lagi apabila kesemua modul-modul penambahbaikan siap dibangunkan.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>3.4.2.2</b></p>	<p><b>Kawalan Capaian Logikal</b></p> <p>Semakan Audit mendapati modul pewujudan Pengenalan Pengguna dan Kata laluan yang dibangunkan sendiri oleh PTPTN adalah terlalu ringkas dan tidak mempunyai ciri-ciri keselamatan yang sepatutnya. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Skrin tidak mempunyai tempoh masa capaian dibenarkan, tarikh ID diwujudkan dan tarikh tamat. Tanpa ciri tersebut, had tempoh capaian bagi pembekal yang membangunkan sistem, pihak ketiga yang menyenggara sistem, kakitangan kontrak dan kakitangan sambilan tidak dapat ditetapkan dan dihadkan tempoh capaian mereka.</li> <li>Katalaluan perlu di input sendiri secara manual oleh pengguna di hadapan pegawai IT yang dipertanggungjawabkan mewujudkan ID pengguna tersebut. Sistem tidak menyediakan katalaluan am secara automatik bagi kemasukan kali pertama.</li> <li>Sistem yang dibangunkan juga tidak membenarkan pengguna menukar katalaluannya sendiri pada kali pertama masuk ke sistem dan kemas kini katalaluan dari semasa ke semasa.</li> <li>Pengguna yang terlupa katalaluan hendaklah memberi katalaluan baru kepada pegawai di Jabatan Teknologi Maklumat untuk dikemaskini ke dalam sistem. Katalaluan baru ini dikemukakan sama ada melalui telefon ataupun emel. Oleh itu, tiada jaminan kerahsiaan katalaluan.</li> <li>Status bagi pengguna yang telah berhenti diletakkan sebagai Hapus dan maklumat mereka tidak disimpan dalam Arkib untuk rujukan pada masa akan datang terutamanya jika berlaku insiden salah guna kuasa.</li> <li>Tiada Borang Permohonan Akses/Capaian ke sistem yang mempunyai ciri kawalan dalaman seperti Kumpulan Pengguna, skrin yang hendak diberi akses, Tandatangan Pengesahan dan Kelulusan sebelum ID Pengguna disediakan.</li> </ol>	<p>Penambahbaikan Modul Pengenalan Pengguna (<i>User ID</i>) dan Katalaluan (<i>Password</i>) telah bermula pada Februari 2014. Penambahbaikan modul ini mengambil kira Fasa Kajian Penambahbaikan Modul, Cadangan Kelulusan kepada Jawatankuasa ICT PTPTN dan Fasa Pembangunan Modul. Penambahbaikan modul ini dijangka selesai pada Disember 2014.</p> <p><b>Status Tindakan : Dalam proses</b></p>
<p><b>3.4.2.3</b></p>	<p>Pembahagian kumpulan pengguna dalam sistem adalah terlalu am dan tidak mengambil kira tugas dan tanggungjawab pegawai. Lawatan ke pejabat cawangan menunjukkan kesemua pengguna dapat masuk ke skrin yang sama dan tugas dalam skrin input juga adalah sama. Pengguna dibezakan dengan tugas kerja dan tanggungjawab yang ditetapkan secara manual dan tiada kawalan dalaman melalui sistem.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>3.4.2.3</b></p>	<p>Dasar Keselamatan ICT PTPTN telah menyatakan panjang katalaluan mestilah sekurang-kurangnya 12 aksara dengan gabungan aksara, angka dan aksara khusus. Semakan Audit juga mendapati saiz katalaluan yang ditetapkan adalah tidak mencapai 12 aksara dan tidak mempunyai gabungan aksara, angka dan aksara khusus.</p> <p>Pada pendapat Audit, sistem yang dibangunkan bagi pewujudan Pengenalan Pengguna adalah lemah dan tiada elemen keselamatan.</p> <p>Maklum Balas Daripada PTPTN Diterima Pada 28 Januari 2014.</p> <p>PTPTN mengambil maklum teguran Audit Negara berkenaan kriteria yang perlu ada dalam modul Pengenalan Pengguna dan Katalaluan yang lebih baik dan terjamin keselamatannya. PTPTN sedang mengkaji penambahbaikan Modul Pewujudan Pengenalan Pengguna dan Katalaluan sama ada boleh dilaksanakan secara <i>in-house</i>. Sekiranya berlaku kekangan terhadap kepakaran sedia ada, PTPTN akan menggunakan khidmat vendor untuk penambahbaikan tersebut. Kajian dan penambahbaikan modul ini dijangka selesai pada bulan Disember 2014. Di samping itu juga, PTPTN telah menyediakan Borang Permohonan Akses/Capaian Sistem Aplikasi selaras dengan syor audit.</p>	
<p><b>3.4.3.1.c.i</b></p>	<p><b>Pengurusan Perjanjian ICT - Perjanjian Penyewaan Komputer Peribadi Dan Komputer Riba</b></p> <p>Senarai Semak Peralatan ICT bagi Pejabat PTPTN menunjukkan sebanyak 104 unit komputer peribadi sewaan yang diterima disimpan dalam stor.</p>	<p>Semakan semula PTPTN berdasarkan rekod komputer peribadi mendapati bahawa 104 unit komputer peribadi sewaan telah dirancang untuk kegunaan berikut iaitu 87 unit komputer peribadi dipasang untuk kegunaan <i>Back-office Batch Processing</i> di Pejabat Cawangan PTPTN (PPN/PPC) dan 17 unit sebagai komputer bagi tujuan cetakan Kad Pendeposit SSPN di semua kaunter PTPTN (Ibu Pejabat dan PPN).</p> <p>Komputer peribadi tersebut telah diagihkan kepada pegawai-pegawai di Pejabat Cawangan PTPTN (PPN/PPC) pada awal penubuhan PPN/PPC bagi memastikan kelancaran operasi. Kini kesemua 104 komputer telah dipasang untuk kegunaan <i>Back-office Batch Processing</i> dan kegunaan cetakan Kad Pendeposit SSPN di semua kaunter PTPTN (Ibu Pejabat dan PPN).</p> <p><b>Status Tindakan : Selesai</b></p>



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
3.4.3.1.c.ii	<p>Lawatan Audit pada bulan April dan Mei 2013 di 4 cawangan PTPTN iaitu di Pejabat PTPTN Negeri (PPN) Perak, PPN Pahang, PPN Negeri Sembilan dan PPN Sarawak juga mendapati pegawai hanya menggunakan komputer riba sewaan untuk menjalankan tugas harian. Pemeriksaan Audit mendapati sebanyak 49 unit komputer peribadi dan komputer riba yang baru disewa tidak diguna dan disimpan dalam stor kerana mengikut Mesyuarat Pengurusan Aset ICT pada 13 Mac 2013, setiap pegawai di cawangan PTPTN dibekalkan dengan sebuah komputer peribadi untuk kegunaan di pejabat dan komputer riba untuk kegunaan mobile. Selain itu, terdapat 7 unit komputer peribadi milik PTPTN di PPN Negeri Sembilan yang masih boleh dipakai juga disimpan dalam stor.</p>	<p>Semakan semula PTPTN mendapati bahawa 49 komputer peribadi dan riba sewaan yang terdapat di 4 cawangan PTPTN iaitu Pejabat PTPTN Negeri (PPN) Perak, PPN Pahang, PPN Negeri Sembilan dan PPN Sarawak adalah untuk kegunaan pegawai menjalankan tugas luar (promosi) bagi komputer riba dan untuk menjalankan tugas <i>Back-office Batch Processing</i> serta pengoperasian di pejabat cawangan bagi komputer peribadi. Agihan dan pemasangan telah dibuat oleh PTPTN termasuk 49 komputer peribadi dan riba sewaan tersebut.</p> <p>Dengan semakan dan agihan semula tersebut hanya 87 orang Pegawai Penyelia di Pejabat Cawangan PTPTN (PPN/PPC) sahaja yang akan mempunyai dua unit komputer iaitu sebuah komputer peribadi untuk menjalankan tugas <i>Back-office Batch Processing</i> di pejabat manakala sebuah komputer riba untuk tugas promosi luar pejabat.</p> <p><b>Status Tindakan : Selesai</b></p>
3.4.3.1.c.iii	<p>Perjanjian sewaan komputer peribadi tidak menetapkan klausa berkaitan pemulangan dan pengiraan semula penyewaan komputer. Perjanjian tersebut tidak mengambil kira penjadualan semula tempoh pinjaman dan pemulangan perkakasan sekiranya tidak diperlukan. Ini telah menyukarkan PTPTN untuk memulangkan komputer peribadi yang tidak digunakan. Analisis Audit mendapati sekiranya lebih komputer peribadi yang tidak digunakan dipulangkan kepada pembekal, PTPTN dapat menjimatkan sejumlah RM101,400 kos sewaan bagi tempoh sewaan selama 13 bulan daripada tarikh terimaan komputer riba iaitu pada 18 Disember 2012 sehingga 31 Disember 2013.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan perolehan komputer adalah kurang memuaskan kerana PTPTN tidak mempunyai perancangan teliti bagi perolehan komputer. PTPTN perlu mengkaji semula sama ada pengagihan 2 komputer (komputer peribadi dan komputer riba) kepada seorang pegawai adalah memadai dan praktikal. Seorang pegawai sepatutnya diagihkan dengan sebuah komputer riba sahaja yang boleh digunakan semasa berada di pejabat dan tugas luar pejabat. Ini dapat menjimatkan kos sewaan komputer peribadi sejumlah RM1.40 juta bagi tempoh 3 tahun.</p> <p>Maklum Balas Daripada PTPTN Diterima Pada 28 Januari 2014.</p> <p>104 unit komputer peribadi sewaan tersebut juga telah dipasang semula secara berperingkat-peringkat iaitu 87 unit komputer peribadi dipasang untuk kegunaan</p>	<p>PTPTN telah mengadakan perbincangan dengan pembekal Innovative Swift Sdn. Bhd. pada 27 Disember 2013. Mesyuarat telah bersetuju untuk menangguhkan sewaan komputer riba sebanyak 600 unit bagi Fasa 3 dan Fasa 4 bermula bulan April 2015 hingga April 2018.</p> <p>PTPTN juga telah membuat Perjanjian Tambahan dengan pembekal Innovative Swift Sdn. Bhd membolehkan PTPTN membuat pindaan, tambahan atau perubahan sewaan komputer mengikut keperluan PTPTN secara bertulis kepada pihak pembekal. Perjanjian Tambahan tersebut telah dimuktamadkan pada 23 Januari 2014.</p> <p><b>Status Tindakan : Selesai</b></p> <p>PTPTN telah mengambil perhatian saranan Audit Negara dan kajian semula pengagihan 2 komputer (komputer peribadi dan komputer riba) kepada semua pegawai di Pejabat Cawangan PTPTN (PPN/PPC) telah dibuat. Kini hanya 87 orang Pegawai Penyelia diberikan 2 komputer (komputer peribadi dan komputer riba) kerana perlu melakukan tugas <i>Back-office Batch Processing</i> di pejabat dan juga perlu terlibat dengan aktiviti promosi di luar pejabat.</p> <p>PTPTN juga telah membuat Perjanjian Tambahan dengan pembekal</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Back-office Batch Processing</i> di Pejabat Cawangan PTPTN (PPN/PPC) dan 17 unit sebagai komputer bagi tujuan cetakan Kad Pendeposit SSPN di semua kaunter PTPTN (Ibu Pejabat dan PPN).</p> <p>PTPTN telah mengadakan perbincangan dengan pembekal Innovative Swift Sdn. Bhd. pada 27 Disember 2013 dan bersetuju untuk menangguhkan sewaan komputer riba sebanyak 600 unit bagi Fasa 3 dan Fasa 4 bermula bulan April 2015 hingga April 2018 seperti dalam Perjanjian Tambahan tersebut. PTPTN juga telah mengambil kira syor audit dalam perjanjian tambahan tersebut di mana klausa pindaan di Para 7 Perjanjian Tambahan membolehkan PTPTN membuat pindaan, tambahan atau perubahan sewaan komputer mengikut keperluan PTPTN secara bertulis kepada pihak pembekal. Perjanjian Tambahan tersebut telah dimuktamadkan pada 23 Januari 2014.</p>	<p>membolehkan PTPTN membuat pindaan, tambahan atau perubahan sewaan komputer mengikut keperluan PTPTN secara bertulis kepada pihak pembekal.</p> <p><b>Status Tindakan : Selesai</b></p>
<p><b>3.4.3.1.a</b></p>	<p><b>Tiada Perjanjian Tahap Perkhidmatan</b></p> <p>Perjanjian Tahap Perkhidmatan atau <i>Service Level Agreement</i> (SLA) perlu disediakan bagi setiap kontrak perkhidmatan yang dilaksanakan oleh pihak ketiga. Ini adalah untuk memastikan kepentingan agensi terpelihara dan penggunaan wang Kerajaan mempunyai nilai tambah. Antara perkara yang perlu diambil kira dalam penyediaan SLA adalah definisi dan deskripsi perkhidmatan, waktu bekerja yang dipersetujui, <i>service availability</i>, <i>percentage availability</i>, jumlah insiden atau <i>failures</i> yang dibenarkan serta masa <i>down time</i> bagi setiap insiden yang dibenarkan. Selain itu, melalui perjanjian ini juga masa yang dibenarkan diambil oleh pihak ketiga untuk menyelesaikan sesuatu masalah berdasarkan kategori keutamaan dapat ditetapkan. Dengan cara ini, agensi tidak perlu kluatir akan perhubungan dalam talian dengan pengguna.</p>	<p>PTPTN dan Telekom Malaysia Berhad telah bersetuju untuk menamatkan Perjanjian Perkhidmatan Rangkaian Talian (<i>Leased Line</i>) bersama Telekom Malaysia Berhad dan Perjanjian Direct Access TM Net Sdn. Berhad untuk digantikan dengan produk baru Metro-Ethernet (Metro-E) Telekom Malaysia yang mempunyai <i>Service Level Guarantee</i> (SLG).</p> <p>Pihak Telekom Malaysia Berhad memaklumkan bahawa tiada <i>Service Level Agreement</i> (SLA) di dalam Perjanjian Metro-Ethernet kerana SLG telah digunapakai untuk memberi jaminan mutu perkhidmatan kepada PTPTN.</p> <p>Perjanjian Metro-E Telekom Malaysia Berhad (PTPTN/TELEKOM BIL.1/2014) telah dimuktamadkan pada 28 Januari 2014 untuk tempoh perkhidmatan selama 1 Tahun (Januari 2014 – Disember 2014).</p>
<p><b>3.4.3.1.b</b></p>	<p>Semakan Audit mendapati PTPTN tidak menyediakan perjanjian SLA bagi menjamin tahap perkhidmatan rangkaian <i>Wide Area Network</i> (WAN) yang diperoleh daripada Telekom Malaysia Berhad dan TMNet Sdn. Berhad.</p>	<p><b>Status Tindakan : Selesai</b></p>
<p><b>3.4.3.3.a</b></p>	<p><b>Tiada Perjanjian Jaminan Perkhidmatan</b></p> <p>Agensi hendaklah menyedia Perjanjian Jaminan Perkhidmatan atau <i>Service Level Guarantee</i> (SLG) untuk menetapkan pengiraan penalti bagi setiap insiden atau perkhidmatan yang tidak mencapai tahap perkhidmatan seperti yang dipersetujui dan pembekal tidak dapat mempertikaikan penalti/tuntutan yang dikenakan. Dengan cara ini, wang dan kepentingan Kerajaan dapat dijamin.</p>	<p>PTPTN telah menamatkan Perjanjian Perkhidmatan Rangkaian Talian (<i>Leased Line</i>) bersama Telekom Malaysia Berhad dan Perjanjian Direct Access TM Net Sdn. Berhad untuk digantikan dengan produk <i>Metro-Ethernet</i> (Metro-E) Telekom Malaysia Berhad. Perjanjian Metro-E telah diambil kira <i>Service Level Guarantee</i> (SLG) sebagai jaminan mutu perkhidmatan produk tersebut kepada PTPTN seperti yang disyorkan oleh Jabatan Audit Negara.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>3.4.3.3.b</b></p>	<p>Semakan Audit mendapati PTPTN tidak menyediakan SLG bagi perolehan perkhidmatan daripada Telekom Malaysia Berhad dan TMNet Sdn. Berhad bagi menjamin pembayaran balik atau pengiraan denda dengan terperinci jika berlaku ketidakpuasan perkhidmatan.</p> <p>Pada pendapat Audit, Perjanjian Tahap Perkhidmatan Dan Jaminan Perkhidmatan perlu diberi keutamaan supaya kepentingan PTPTN dan Kerajaan sentiasa dilindungi.</p> <p>Maklum Balas Daripada PTPTN Diterima Pada 28 Januari 2014.</p> <p>PTPTN memaklumkan pihaknya dan Telekom Malaysia Berhad telah bersetuju untuk menamatkan Perjanjian Perkhidmatan Rangkaian Talian (<i>Leased Line</i>) bersama Telekom Malaysia Berhad dan Perjanjian Direct Access TM Net Sdn. Berhad untuk digantikan dengan produk Metro-Ethernet Telekom Malaysia yang mempunyai <i>Service Level Guarantee</i> (SLG). PTPTN telah mengeluarkan Surat Setuju Terima kepada Telekom Malaysia Berhad bagi tempoh 1 Januari 2014 sehingga 31 Disember 2014. Pihak Telekom Malaysia Berhad memaklumkan bahawa tiada <i>Service Level Agreement</i> (SLA) di dalam Perjanjian Metro-Ethernet kerana SLG diguna pakai untuk memberi jaminan mutu perkhidmatan kepada PTPTN seperti yang disyorkan oleh Jabatan Audit Negara. Perjanjian Metro-E Telekom Malaysia Berhad (PTPTN/TELEKOM BIL.1/2014) telah dimuktamadkan pada 28 Januari 2014 untuk tempoh perkhidmatan selama 1 Tahun (Januari 2014 – Disember 2014).</p>	<p>Perjanjian Metro-E Telekom Malaysia Berhad (PTPTN/TELEKOM BIL.1/2014) telah dimuktamadkan pada 28 Januari 2014 untuk tempoh perkhidmatan selama 1 Tahun (Januari 2014 – Disember 2014).</p> <p><b>Status Tindakan : Selesai</b></p>
<p><b>3.4.4.1</b></p>	<p><b>Rekod Bertindan</b></p> <p>Mengikut amalan PTPTN, bagi setiap pinjaman yang diberi hanya satu perjanjian akan dimeterai dan diberi satu sahaja nombor perjanjian. Oleh itu, setiap satu nombor perjanjian akan mempunyai hanya satu nombor pinjaman. Bagaimanapun, analisis Audit mendapati sebanyak 921 rekod di dalam jadual pinjaman menunjukkan terdapat lebih daripada satu nombor pinjaman bagi setiap nombor perjanjian iaitu antara 2 hingga 7 rekod.</p> <p>Pada pendapat Audit, sistem sepatutnya mengesan dan menghalang input bagi nombor perjanjian yang bertindih. Memandangkan Nombor Perjanjian adalah nombor yang sah dari segi perundangan dan tidak berubah, maka PTPTN hendaklah mengekalkan hanya nombor perjanjian yang aktif sahaja dalam <i>Master file</i> manakala maklumat yang berkaitan nombor perjanjian yang berstatus tidak aktif hendaklah disimpan dalam arkib. Sehubungan itu, PTPTN hendaklah melaksanakan data <i>cleansing</i> bagi rekod yang bertindan untuk meningkatkan integriti data.</p>	<p>Satu Nombor Kad Pengenalan (No. K/P) atau seorang peminjam PTPTN boleh mempunyai banyak data pinjaman/pembiayaan. Ini disebabkan sistem ELMAS/ELMAS-<i>i</i> menjana nombor pinjaman/pembiayaan baru peminjam PTPTN berdasarkan kes-kes peminjam.</p> <p>Namun begitu, hanya satu Nombor Perjanjian dan satu Nombor Pinjaman yang aktif pada satu-satu masa digunakan oleh PTPTN. Sekiranya terdapat sebarang perubahan terhadap maklumat pinjaman, satu Nombor Pinjaman baru akan dijana tetapi Nombor Perjanjian tidak akan berubah.</p> <p>PTPTN menguna pakai kaedah ini bagi tujuan merekod <i>history</i> sistem dimana Nombor Pinjaman lama disimpan sebagai <i>audit trail</i> dan hanya satu Nombor Pinjaman aktif sahaja akan dirujuk bagi tujuan pemantauan rekod pinjaman/pembiayaan pelajar.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Maklum Balas Daripada PTPTN Diterima Pada 28 Januari 2014.</p> <p>PTPTN memaklumkan bahawa satu Nombor Kad Pengenalan (No. K/P) atau seorang peminjam PTPTN boleh mempunyai banyak data pinjaman/pembiayaan kerana sistem ELMAS/ELMAS-i menjana nombor pinjaman/pembiayaan baru bagi peminjam PTPTN yang berkenaan berdasarkan kes-kes peminjam.</p> <p>Bagaimanapun, hanya satu Nombor Perjanjian dan satu Nombor Pinjaman yang aktif pada satu-satu masa diguna pakai oleh PTPTN. Berdasarkan sampel audit di Jadual 3.7 juga dapat dilihat bahawa hanya terdapat satu Nombor Pinjaman yang berstatus aktif bagi satu Nombor Perjanjian. Sekiranya terdapat sebarang perubahan terhadap maklumat pinjaman, satu Nombor Pinjaman baru akan dijana tetapi Nombor Perjanjian tidak akan berubah. PTPTN mengguna pakai kaedah ini bagi tujuan merekodkan <i>history</i> sistem di mana Nombor Pinjaman lama disimpan sebagai audit trail dan hanya satu Nombor Pinjaman aktif sahaja akan dirujuk bagi tujuan pemantauan rekod pinjaman/pembiayaan pelajar.</p>	<p><b>Status Tindakan : Selesai</b></p>
<p><b>3.4.4.1.a</b></p>	<p><b>Rekod Tidak Munasabah</b></p> <p>Maklumat pendapatan ibu bapa/penjaga adalah penting bagi menentukan kelayakan kadar setiap pinjaman/pembiayaan pendidikan. Analisis lanjut mendapati sebanyak 384 rekod pendapatan yang diisi adalah tidak munasabah berbanding jenis pekerjaan yang dinyatakan.</p>	<p>Data maklumat pendapatan Ibu Bapa/Penjaga dan Bandar bagi alamat permohonan bergantung sepenuhnya kepada maklumat (<i>input</i>) daripada setiap pemohon yang membuat permohonan pinjaman/pembiayaan PTPTN.</p> <p>Namun begitu, dalam usaha PTPTN menambah baik Permohonan Pembiayaan PTPTN agar <i>input</i> peminjam yang tepat diperolehi, PTPTN telah berbincang dengan agensi Kerajaan seperti Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Jabatan Imigresen, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan sebagainya untuk bekerjasama dalam perkongsian maklumat untuk Permohonan Pembiayaan PTPTN melalui penggunaan data <i>MyIdentity</i>. Dengan data <i>MyIdentity</i>, PTPTN mampu memperoleh data semasa pelajar mula memohon pembiayaan PTPTN.</p>
<p><b>3.4.4.1.b</b></p>	<p>Maklumat bandar adalah penting untuk pengesahan alamat surat-menyurat peminjam manakala maklumat pekerjaan bertujuan mengesahkan pendapatan ibu bapa/penjaga. Semakan Audit mendapati tiada kawalan input dalam mengisi medan 'bandar' dan 'pekerjaan' kerana sistem tidak dapat menapis maklumat berkaitan dan pengguna bebas memasukkan sebarang butiran walaupun tidak munasabah.</p> <p>Pada pendapat Audit, PTPTN perlu meningkatkan kawalan input dengan mewujudkan medan dengan pilihan input (<i>drop down</i>) bagi maklumat bandar dan pekerjaan di dalam sistem bagi memastikan maklumat yang diisi adalah tepat dan berkaitan.</p> <p>Maklum Balas Daripada PTPTN Diterima Pada 28 Januari 2014.</p> <p>Bagi menambahbaik Permohonan Pembiayaan PTPTN agar input peminjam yang</p>	<p><b>Status Tindakan : Dalam proses</b></p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>tepat diperoleh, PTPTN telah berbincang dengan agensi Kerajaan seperti Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Jabatan Imigresen, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan sebagainya untuk bekerjasama dalam perkongsian maklumat untuk Permohonan Pembiayaan PTPTN melalui penggunaan data <i>MyIdentity</i>. Dengan data <i>MyIdentity</i>, PTPTN mampu memperoleh data semasa pelajar mula memohon pembiayaan PTPTN.</p> <p>PTPTN akan melakukan data <i>cleansing</i> maklumat pinjaman dalam <i>Master File</i> agar data-data yang tidak diguna pakai disimpan di arkib (<i>archive</i>). Aktiviti Data <i>cleansing</i> tersebut dijangka siap sepenuhnya pada Jun 2014.</p>	
<p><b>3.4.4.1</b></p>	<p><b>Latihan Simulasi Pemulihan Bencana</b></p> <p>Garis Panduan Pengurusan Keselamatan ICT Sektor Awam Malaysia (MyMIS) telah menggariskan langkah pemulihan bencana yang perlu diambil kira oleh setiap agensi di dalam penyediaan pelan yang komprehensif. Agensi juga perlu memastikan pelan pemulihan bencana diuji dan latihan simulasi pemulihan bencana dilaksanakan secara berkala sekurang-kurangnya sekali setahun.</p>	<p>PTPTN mengambil maklum dan akan melakukan simulasi pemulihan bencana seperti yang disyorkan audit. Simulasi Pemulihan Bencana dijangka akan dilakukan pada Mac 2014.</p> <p><b>Status Tindakan : Dalam proses</b></p>
<p><b>3.4.4.2</b></p>	<p>Semakan Audit mendapati PTPTN telah mempunyai sebuah pelan dan pusat pemulihan bencana yang lengkap. Bagaimanapun, latihan simulasi pemulihan bencana tidak pernah dilaksanakan sejak PTPTN ditubuhkan.</p> <p>Pada pendapat Audit, latihan simulasi pemulihan bencana secara berkala adalah penting bagi memastikan pegawai dan kakitangan bersedia menghadapi sebarang kemungkinan ancaman bencana.</p> <p>Maklum Balas Daripada PTPTN Diterima Pada 28 Januari 2014.</p> <p>PTPTN mengambil maklum dan akan melakukan simulasi pemulihan bencana seperti yang disyorkan audit. Simulasi Pemulihan Bencana dijangka akan dilakukan pada Mac 2014.</p>	

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN  
DAN PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI BAGI SIRI 1 TAHUN 2013**

**MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN**

**Perenggan 4 : Pengurusan Bekalan Makanan Di Institusi Pendidikan Dan Perlindungan**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
4.4.1.2	<p><b>Bekalan Bahan Mentah Bermasak Tidak Mengikut Spesifikasi Perjanjian</b></p> <p>Lawatan Audit di Kompleks Darul Kifayah mendapati bekalan bahan mentah bermasak tidak mengikut spesifikasi dalam perjanjian. Sebagai contoh, ikan yang dibekalkan adalah kurang segar iaitu mendak, berbau busuk dan bermata merah serta buah-buahan yang dibekalkan dalam keadaan layu dan kurang segar namun tetap disajikan.</p>	<p>Pemeriksaan berkala terhadap mutu makanan yang disediakan oleh pembekal telah dijalankan oleh penyelia-penyelia yang dilantik sebanyak 2 kali seminggu. Laporan Pemantauan secara bulanan akan disediakan dan dilampirkan bersama dengan tuntutan bayaran bagi mengesahkan pembekalan yang dibuat mengikut spesifikasi yang ditetapkan dalam kontrak.</p> <p>MAIWP juga sedang di dalam proses membuat pembelian 2 buah <i>Chiller</i> bagi memastikan bahan mentah yang disimpan tidak mudah rosak dan kurang segar. Ini kerana <i>chiller</i> sedia ada telah rosak.</p>
4.4.1.3	<p>Selain itu, lawatan Audit ke SMISTA mendapati keadaan yang sama juga berlaku dan tidak ada perjanjian pembekalan makanan disediakan untuk menetapkan spesifikasi bekalan makanan.</p>	<p>Mesyuarat MAIWP Kali Ke-126 Bil. 4/2013 pada 17 Disember 2013 telah meluluskan permohonan rundingan terus dengan Kembara Cekal bagi pembekalan makanan SMISTA bagi tahun 2014. Surat tawaran pembekalan telah dikeluarkan kepada pembekal pada 31 Disember 2013 dan draf kontrak pembekalan sedang disediakan dan dijangka siap pada 26 Februari 2014.</p>
4.4.1.4	<p>Syarat perjanjian juga menetapkan jika bekalan makanan tidak mengikut spesifikasi, denda 10% hendaklah dikenakan. Bagaimanapun, MAIWP tidak mengambil tindakan denda terhadap kontraktor yang membekalkan makanan yang kurang berkualiti.</p> <p>Pada pendapat Audit, pemantauan berkala terhadap bekalan bahan mentah adalah penting untuk memastikan bekalan bahan mentah yang diterima dalam keadaan segar, berkualiti dan mengikut spesifikasi supaya tidak memudaratkan kesihatan.</p> <p>Maklum Balas Daripada MAIWP Diterima Pada 23 Disember 2013.</p> <p>MAIWP memaklumkan pemeriksaan mengejut akan dilaksanakan dari semasa ke</p>	<p>MAIWP telah membuat 2 kali perjumpaan dengan pihak pembekal bagi membincangkan isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara iaitu pada 13 Disember 2013 dan 6 Januari 2014. Pihak pembekal telah mengambil maklum isu yang dibangkitkan dan berjanji akan memastikan pembekalan dibuat mengikut spesifikasi yang ditetapkan. MAIWP akan memastikan denda 10% dikenakan sekiranya kontraktor gagal membekalkan makanan yang berkualiti seperti yang ditetapkan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>semasa oleh Pengetua bagi memastikan Pegawai Penyelia membuat pemeriksaan kualiti bekalan makanan agar makanan yang dibekalkan oleh pembekal bersih dan berkhasiat. MAIWP akan mengkaji semula kualiti bekalan makanan dan sekiranya masih tidak mengikut spesifikasi perjanjian, penalti akan dikenakan dan kontrak perkhidmatan boleh ditamatkan.</p>	
<p><b>4.4.2.2</b></p>	<p><b>Perbezaan Pesanan Sajian Berbanding Bilangan Sebenar Penghuni Asrama</b></p> <p>Semakan Audit mendapati MAIWP telah membuat bayaran berjumlah RM2.84 juta kepada Kembara Cekal Enterprise bagi 1.26 juta pesanan sajian sejak tahun 2011 sehingga bulan Ogos 2013 di Kompleks Darul Kifayah. Bagaimanapun, mengikut perkiraan Audit, jumlah sebenar pesanan yang sepatutnya dibuat berdasarkan bilangan sebenar penghuni asrama adalah 1.15 juta sajian berjumlah RM2.65 juta dengan perbezaan sebanyak 113,978 berjumlah RM0.19 juta. Pihak Audit dimaklumkan jumlah pesanan bekalan makanan ditambah melebihi bilangan penghuni asrama supaya mereka mendapat bekalan makanan yang mencukupi.</p> <p>Pada pendapat Audit, MAIWP perlu memastikan penyediaan sajian bekalan makanan bermasak adalah mencukupi bagi memenuhi keperluan pelajar dan penghuni asrama.</p> <p>Maklum Balas Daripada MAIWP Diterima Pada 23 Disember 2013.</p> <p>MAIWP memaklumkan Kompleks Darul Kifayah sering mendapat aduan bekalan makanan tidak mencukupi. Oleh itu, pengurusan Kompleks Darul Kifayah memutuskan agar jumlah pesanan bekalan makanan ditambah melebihi bilangan penghuni asrama supaya mereka mendapat bekalan makanan yang mencukupi.</p>	<p>Jawatankuasa Siasatan Dalaman MAIWP bagi tujuan mengambil tindakan tatatertib, pendakwaan jenayah atau surcaj berhubung ketidakaturan yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Terhadap Pengurusan Bekalan Makanan di Institusi Perlindungan dan Pendidikan MAIWP telah ditubuhkan pada 23 Disember 2013. Susulan daripada siasatan yang dijalankan, satu laporan telah dikemukakan kepada Pegawai Eksekutif MAIWP pada 30 Januari 2014.</p> <p>Darul Kifayah juga dijangka akan mengemukakan permohonan pembesaran spesifikasi makanan di Darul Kifayah dengan anggaran kos RM69,300 kepada Mesyuarat MAIWP yang akan bersidang pada 27 Februari 2014 bagi menampung kekurangan makanan pelajar di Darul Kifayah.</p> <p>Sekiranya permohonan ini diluluskan, satu perjanjian tambahan akan disediakan.</p>
<p><b>4.4.3.1</b></p>	<p><b>Tiada Perjanjian Tambahan Bekalan Makanan Antara Pembekal Dengan MAIWP</b></p> <p>MAIWP telah melantik Kembara Cekal Enterprise untuk membekalkan makanan kepada pelajar SMISTA yang ditempatkan bersama pelajar Sekolah Menengah Agama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (SMA MAIWP) di Bangunan Asrama Kompleks SMA MAIWP. Pembekalan makanan ke SMISTA bermula pada 1 September 2013. Bagaimanapun, sehingga bulan Disember 2013, MAIWP masih belum menyediakan dokumen perjanjian tambahan dengan pembekal.</p>	<p>Jawatankuasa Siasatan Dalaman MAIWP bagi tujuan mengambil tindakan tatatertib, pendakwaan jenayah atau surcaj berhubung ketidakaturan yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Terhadap Pengurusan Bekalan Makanan di Institusi Perlindungan dan Pendidikan MAIWP telah ditubuhkan pada 23 Disember 2013. Susulan daripada siasatan yang dijalankan, satu laporan telah dikemukakan kepada Pegawai Eksekutif MAIWP pada 30 Januari 2014.</p> <p>Mesyuarat MAIWP Kali Ke-126 Bil. 4/2013 pada 17 Disember 2013 telah meluluskan permohonan rundingan terus dengan Kembara Cekal bagi</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini								
<p><b>4.4.3.2</b></p>	<p>Garis Panduan Permohonan Perolehan Secara Rundingan Terus menetapkan setiap perolehan yang dilaksanakan tanpa tender perlu mendapatkan kelulusan dari Lembaga Perolehan MAIWP. Semakan lanjut mendapati pelantikan Kembara Cekal Enterprise sebagai pembekal makanan bermasak bagi pelajar SMISTA tidak mematuhi Garis Panduan Permohonan Perolehan Secara Rundingan Terus kerana dibuat tanpa kelulusan Lembaga Perolehan MAIWP. Pelantikan ini telah dibuat melalui Mesyuarat Penyelaras Perindahan SMISTA ke Bangunan SMA MAIWP pada 31 Mei 2013. Ini menyebabkan tiada rundingan harga dibincangkan oleh Jawatan Kuasa Rundingan Harga bagi mendapat <i>best value for money</i>.</p> <p>Pada pendapat Audit, kegagalan MAIWP menyediakan dokumen perjanjian tambahan dengan pembekal menyebabkan kepentingan MAIWP tidak dilindungi dari segi perundangan sekiranya berlaku ketidakpatuhan perkhidmatan bekalan makanan. Selain itu, perolehan bekalan makanan yang tidak mengikut garis panduan perolehan menyebabkan MAIWP tidak mendapat <i>best value for money</i>.</p> <p>Maklum Balas Daripada MAIWP Diterima Pada 23 Disember 2013.</p> <p>MAIWP memaklumkan melalui Mesyuarat MAIWP pada 17 Disember 2013 telah meluluskan pelantikan Kembara Cekal Enterprise bagi pembekalan makanan SMISTA bagi tahun 2014.</p>	<p>pembekalan makanan SMISTA bagi tahun 2014. Surat tawaran pembekalan telah dikeluarkan kepada pembekal pada 31 Disember 2013 dan kontrak pembekalan sedang disediakan dan dijangka kontrak ditandatangani pada 3 Mac 2014.</p>								
<p><b>4.4.4.2</b></p>	<p><b>Soal Selidik Perkhidmatan Bekalan Makanan Pada Tahap Sederhana</b></p> <p>Semakan Audit mendapati kepuasan pelajar dan penghuni asrama terhadap prestasi perkhidmatan pembekal makanan bermasak di Institusi Pendidikan dan Perlindungan MAIWP menunjukkan 71 atau 54.6% daripada 130 soal selidik pada tahap sederhana dan ke bawah. Antara perkara yang tidak memuaskan hati pelajar dan penghuni asrama adalah makanan yang disajikan kurang menyelerakan, persekitaran dewan makan yang kurang bersih dan tidak ceria.</p> <p>Pada pendapat Audit, penilaian berkala terhadap perkhidmatan penyediaan bekalan makanan dapat menjamin kualiti makanan, berhasiat dan sihat serta memenuhi kepuasan pelajar dan penghuni asrama.</p> <p>Maklum Balas Daripada MAIWP Diterima Pada 23 Disember 2013.</p> <p>MAIWP memaklumkan edaran soal selidik akan dilaksanakan setiap 6 bulan kepada pelajar dan penghuni asrama untuk menilai sama ada kualiti bekalan makanan yang</p>	<p>Kedudukan pengedaran soal selidik bagi tahun 2014 kepada pelajar dan penghuni asrama bagi menilai kualiti bekalan makanan oleh pembekal adalah seperti berikut:-</p> <p style="text-align: center;"><b>Jadual 1</b></p> <table border="1" data-bbox="1267 1147 2080 1337"> <thead> <tr> <th data-bbox="1267 1147 1346 1257">BIL.</th> <th data-bbox="1346 1147 1516 1257">NAMA INSTITUSI</th> <th data-bbox="1516 1147 1733 1257">PERANCANGAN PENYEDIAAN SOAL SELIDIK</th> <th data-bbox="1733 1147 2080 1257">CATATAN</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="1267 1257 1346 1337">1.</td> <td data-bbox="1346 1257 1516 1337">Darul Kifayah</td> <td data-bbox="1516 1257 1733 1337">April dan Oktober 2014</td> <td data-bbox="1733 1257 2080 1337">Tarikh tamat kontrak sedia ada adalah pada bulan September</td> </tr> </tbody> </table>	BIL.	NAMA INSTITUSI	PERANCANGAN PENYEDIAAN SOAL SELIDIK	CATATAN	1.	Darul Kifayah	April dan Oktober 2014	Tarikh tamat kontrak sedia ada adalah pada bulan September
BIL.	NAMA INSTITUSI	PERANCANGAN PENYEDIAAN SOAL SELIDIK	CATATAN							
1.	Darul Kifayah	April dan Oktober 2014	Tarikh tamat kontrak sedia ada adalah pada bulan September							



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini			
	disediakan oleh pembekal mengikut spesifikasi perjanjian.	2.	Dar Assaadah	Januari, April, Jun dan Oktober 2014	Ringkasan Soal Selidik Januari telah disediakan.
		3.	Dar Assakinah	Januari dan Jun 2014	Ringkasan Soal Selidik bagi bulan Januari sedang disediakan.
		4.	SMISTA	Mac dan Ogos 2014	Mengambil kira tempoh penggal persekolahan
<b>4.4.5.1</b>	<p><b>Pemantauan</b></p> <p>Pemantauan yang berkesan perlu dilakukan terhadap pengurusan bekalan makanan oleh MAIWP bagi memastikan objektif yang ditetapkan tercapai. Oleh itu, pemantauan perlu dilaksanakan bermula daripada proses tawaran tender sehingga kontrak bekalan tamat. Unit Perolehan, Bahagian Kewangan MAIWP dan pihak pengurusan di Institusi Pendidikan dan Perlindungan MAIWP bertanggungjawab memantau pengurusan bekalan makanan.</p>				
<b>4.4.5.2</b>	Semakan Audit mendapati mekanisme pemantauan tidak dilaksanakan oleh MAIWP. Laporan Prestasi Pembekal tidak disediakan di Kompleks Darul Kifayah, Dar Assaadah dan Dar Assakinah. Ini menyebabkan berlakunya kelemahan prestasi pembekalan makanan seperti bekalan bahan mentah yang tidak berkualiti dan penyajian makanan yang kurang memuaskan.	Mulai Januari 2014, semua Pusat Pendidikan dan Perlindungan MAIWP telah menyediakan Laporan Bulanan dan Laporan Prestasi Pembekal sebelum pembayaran dibuat.			
<b>4.4.5.3</b>	<p>Semakan lanjut mendapati Penyelia Asrama di Kompleks Darul Kifayah, SMISTA dan Dar Assakinah tidak menjalankan pemantauan secara berkala terhadap penyediaan makanan bermasak. Ini menyebabkan bekalan makanan tidak menepati spesifikasi seperti yang ditetapkan dalam perjanjian. Penyelia Asrama juga tidak diberi latihan secara khusus berkaitan pengurusan bekalan makanan.</p> <p>Pada pendapat Audit, mekanisme pemantauan yang lebih berkesan terhadap pengurusan bekalan makanan bermasak hendaklah dibuat oleh MAIWP bagi menjamin kualiti penyediaan makanan.</p> <p>Maklum Balas Daripada MAIWP Diterima Pada 23 Disember 2013.</p> <p>MAIWP memaklumkan pemantauan terhadap pengurusan bekalan makanan bermasak di Institusi Pendidikan Dan Perlindungan MAIWP akan dibuat dengan</p>	<p>MAIWP telah menyediakan Garis Panduan Pengurusan Bekalan Makanan sebagai panduan kepada semua Pusat Pendidikan dan Perlindungan MAIWP menjalankan pemantauan terhadap pengurusan bekalan makanan di institusi masing-masing.</p> <p>Oleh itu, Laporan Pemantauan Harian, Bulanan dan Laporan Prestasi Pembekal telah disediakan dan berdasarkan laporan-laporan tersebut denda akan dikenakan kepada pembekal sekiranya tidak mematuhi spesifikasi yang ditetapkan di dalam kontrak.</p> <p>Soal selidik juga telah dan akan dibuat sebagaimana yang dirancang pada Jadual 1.</p>			

<b>Perenggan</b>	<b>Penemuan Audit</b>	<b>Status Terkini</b>
	lebih berkesan. Antaranya penyeliaan secara berkala oleh penyelia yang dilantik dan pelaksanaan garis panduan pengurusan bekalan makanan di semua institusi secara komprehensif.	

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN  
DAN PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI BAGI SIRI 1 TAHUN 2013**

**PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA**

**Perenggan 7 : Pengurusan Perolehan**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
7.4	<p>Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei sehingga Ogos 2013 mendapati pengurusan perolehan di PIDM memerlukan beberapa penambahbaikan terhadap proses perolehan dan juga penyelenggaraan rekod. Antara penemuan Audit adalah seperti berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Empat <i>Supplemental Letters</i> dikeluarkan untuk meminda skop kerja dan juga melanjutkan tempoh masa siap kerja. Pindaan dan tambahan kerja telah menyebabkan kos asal projek meningkat 99.6% daripada kontrak asal yang berjumlah RM2.34 juta. Peningkatan sejumlah RM2.33 juta menjadikan kos projek berjumlah RM4.67 juta dan tarikh siap projek dilanjutkan dari 30 April 2012 kepada 31 Mac 2014 iaitu selama 700 hari. Walau bagaimanapun, peningkatan perbelanjaan ini masih di dalam bajet yang diluluskan.</li> <li>ii. Projek lewat disiapkan antara 28 hingga 85 hari daripada tarikh yang telah ditetapkan dalam perjanjian disebabkan PIDM mengubah spesifikasi dan skop kerja kontrak. Tiada kelulusan secara rasmi bagi lanjutan tempoh masa tersebut.</li> <li>iii. Ketidakteraturan dalam proses tender terhadap pengurusan perolehan di mana 3 atau 43% Perjanjian Kerahsiaan daripada 7 yang dipilih sebagai sampel tidak dimatikan setem.</li> <li>iv. Senarai semak proses tender tidak diwujudkan sebagai rujukan dan panduan untuk semua bahagian. Selain itu, pengemaskinian semua fail projek bagi perolehan tender tidak dilakukan secara seragam.</li> </ol>	<p>PIDM berpendapat bahawa pemerhatian-pemerhatian yang dinyatakan di dalam Laporan ini patut dimansuhkan dan tidak dilaporkan.</p> <p>Sifat serta kepentingan pemerhatian-pemerhatian yang dilaporkan serta maklum balas kami ke atas Laporan ini mengesahkan bahawa proses perolehan dan kontrak PIDM serta kawalan dalam yang berkenaan adalah kukuh dan menyeluruh. Ia juga mengesahkan bahawa kami telah mematuhi proses, polisi dan prosedur yang lalu yang wujud pada masa pengendalian tender bagi kontrak-kontrak yang dipersoalkan.</p> <p>Juga harus dimaklumkan bahawa PIDM telah menyemak semula proses perolehannya, terutama berkenaan proses tender dan dengan itu mewujudkan prosedur formal berkenaan proses tender pada Ogos 2012. Oleh itu, pemerhatian yang menyatakan bahawa proses perolehan PIDM memerlukan penambahbaikan telah ditangani melalui tindakan-tindakan yang telah dilaksanakan.</p>
7.4.2.1	<p><b><i>Supplemental Letter</i></b></p> <p><i>Supplemental Letter</i> bertujuan menambah atau meminda skop kerja yang telah dipersetujui daripada perjanjian asal. Semakan Audit terhadap Projek <i>Eveready 2</i> mengenai penyediaan garis panduan, polisi dan prosedur bagi menangani intervensi dan kegagalan institusi kewangan mendapati 4 <i>Supplemental Letter</i> dikeluarkan</p>	<p>Pemerhatian audit ini mengusulkan bahawa terdapat kos tambahan dan kelewatan penyelesaian kontrak bagi projek <i>Eveready 2</i> ini, yang mana ianya tidak tepat.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>untuk meminda skop kerja dan juga melanjutkan tempoh masa kerja. Pindaan dan tambahan kerja terhadap kontrak tersebut telah menyebabkan kos asal projek meningkat 99.6% daripada kontrak asal yang berjumlah RM2.34 juta. Peningkatan sejumlah RM2.33 juta menjadikan kos projek berjumlah RM4.67 juta dan tarikh siap projek dilanjutkan dari 30 April 2012 kepada 31 Mac 2014 iaitu selama 700 hari. Walau bagaimanapun, peningkatan perbelanjaan ini masih di dalam bajet yang diluluskan.</p>	<p>PIDM telah memaklumkan kepada pihak Audit di dalam maklum balas PIDM yang dikemukakan pada 22 Januari 2014 dan pada 5 Februari 2014 bahawa skop kerja dan cara projek ini dibangunkan perlu mengambil kira kerumitannya dan juga fakta kekurangan pengetahuan serta pengalaman sedia ada di Malaysia dalam menangani resolusi kegagalan sesebuah institusi kewangan ahli. Skop perjanjian, bajet-bajet dan masa untuk menyempurnakan projek sebegini memerlukan pindaan dan penyesuaian yang berterusan, semasa kerja-kerja dijalankan. <i>Supplemental Letters</i> yang dinyatakan oleh pihak Audit telah dikeluarkan bagi mendokumen perjalanan pelaksanaan kerja semasa projek dijalankan, dan oleh itu, pantauan dan kawalan yang wajar telah dibuat. <i>Supplemental Letters</i> ini adalah merupakan kontrak baru yang menambahkan skop kerja bagi menangani keperluan-keperluan baru PIDM.</p>
<p><b>7.4.2.2</b></p>	<p>Surat tersebut dikeluarkan dalam tempoh 1 tahun 7 bulan dari tarikh surat lantikan ditandatangani pada 17 Jun 2011 dan pindaan skop kerja dan tarikh lanjutan masa adalah seperti di jadual berikut:-</p> <p>Pada pendapat Audit, sesuatu projek yang dirancang dengan teliti dapat meminimalkan kos dan projek boleh siap dalam tempoh yang ditetapkan.</p> <p>Maklum Balas Daripada PIDM Diterima Pada 5 Februari 2014.</p> <p>PIDM memaklumkan skop kerja dan cara kerja ini dibangunkan perlu mengambil kira kerumitannya dan juga atas sebab kekurangan pengetahuan serta pengalaman sedia ada dalam menangani resolusi kegagalan. Pada kebiasaannya, skop perjanjian, bajet dan masa untuk menyempurnakan projek ini memerlukan pindaan dan penyesuaian semasa kerja-kerja dijalankan. <i>Supplemental Letters</i> yang dinyatakan oleh pihak Audit telah dikeluarkan bagi mendokumen perjalanan pelaksanaan kerja semasa projek dijalankan dan oleh itu pantauan dan kawalan yang wajar telah dibuat. Oleh sebab sifat projek tersebut, kos keseluruhan projek hanya akan dapat ditentukan selepas kerja perintisan jalan yang terperinci telah diselesaikan di antara pihak konsultan dan pasukan intervensi dan resolusi kegagalan PIDM mengenai skop kerja terperinci yang perlu bagi pembangunan polisi dan prosedur intervensi dan resolusi kegagalan. Amalan ini serta pengeluaran <i>Supplemental Letters</i> adalah sebahagian daripada mekanisme kawalan yang telah kami laksanakan bagi mengurus hasil dan kesediaan sumber bagi projek ini.</p>	<p>PIDM juga telah memaklumkan bahawa sama seperti perlantikan EY bagi Projek <i>Eveready 1</i>, surat pelantikan untuk Projek <i>Eveready 2</i> dilaksanakan secara 'masa-kos' (dengan pengurangan sebanyak 55% dari kadar piawai EY serta mendapat input dari aras rakan kongsi). Oleh kerana projek ini adalah projek berbilang tahun, pelan kerja tahunan telah dibangunkan dan bajet-bajet berkenaan telah dibuat dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah sebagai sebahagian daripada Pelan Korporat tahunan PIDM.</p> <p>Seperti yang dinyatakan di atas, oleh sebab sifat projek tersebut, kos keseluruhan projek hanya akan dapat ditentukan selepas kerja perintisan jalan yang terperinci telah diselesaikan di antara pihak konsultan dan pasukan intervensi dan resolusi kegagalan PIDM mengenai skop kerja terperinci yang perlu bagi pembangunan polisi dan prosedur intervensi dan resolusi kegagalan. Amalan ini serta pengeluaran <i>Supplemental Letters</i> adalah sebahagian daripada mekanisme kawalan yang telah kami laksanakan bagi mengurus hasil dan kesediaan sumber bagi projek ini.</p> <p>Projek ini telah disempurnakan pada 24 Januari 2014, pada kos keseluruhan yang lebih rendah daripada bajet yang diluluskan dan lebih awal dari tarikh akhir yang ditetapkan iaitu 31 Mac 2014.</p> <p>PIDM tidak bersetuju dengan pemerhatian audit ini yang mengandaikan bahawa terdapat perbelanjaan berlebihan dan kelewatan penyelesaian projek, yang mana ianya tidak tepat. Pemerhatian audit ini tidak wajar dan PIDM telah mengesyorkan supaya ianya dimansuhkan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
7.4.3.1	<p><b>Projek Lewat Disiapkan</b></p> <p>Perjanjian menetapkan projek hendaklah disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dan sekiranya gagal PIDM boleh mengambil tindakan ganti rugi terhadap kontraktor. Perjanjian Projek Penambahbaikan Sistem Pengurusan Kewangan menetapkan kontraktor perlu membayar ganti rugi sekiranya gagal mencapai setiap tarikh di <i>Major Milestones</i> dalam tempoh 14 hari daripada tarikh yang telah ditetapkan. Perjanjian Projek Kontrak <i>Turnkey</i> Bagi Sistem Pembayaran pula menetapkan PIDM akan mengenakan ganti rugi sebanyak 1% daripada harga projek bagi setiap minggu lewat dan pro rata mengikut hari bagi seminggu tertakluk kepada maksimum 10 minggu sekiranya kontraktor gagal menyiapkan projek mengikut tarikh yang telah ditetapkan.</p>	<p>PIDM menyatakan lanjutan tempoh masa bagi projek-projek berkenaan adalah akibat keputusan pihak Pengurusan PIDM, dan ini telah diluluskan dan diminit di dalam mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Projek bagi projek-projek berkenaan, dan oleh itu, tiada caj penalti yang boleh dikenakan ke atas kontraktor-kontraktor berkenaan. Pengerusi bagi projek-projek ini adalah seorang pegawai berkuasa (Ketua Pegawai Operasi) yang bertindak menurut had kuasa perolehan yang diluluskan. Oleh yang demikian, kelulusan lanjutan tempoh masa telah diberi.</p>
7.4.3.2	<p>Semakan Audit mendapati kedua-dua projek ini telah lewat disiapkan antara 28 hingga 85 hari daripada tarikh yang telah ditetapkan dalam perjanjian. Ini disebabkan PIDM mengubah spesifikasi dan skop kerja kontrak. Semakan lanjut mendapati kelulusan secara rasmi bagi lanjutan tempoh masa kedua-dua projek ini tidak disediakan.</p> <p>Pada pendapat Audit, amalan baik mengenai prosedur pengurusan perolehan seperti mendapat kelulusan bagi setiap lanjutan masa perlu dipatuhi untuk menjaga kepentingan PIDM.</p> <p>Maklum Balas Daripada PIDM Diterima Pada 5 Februari 2014.</p> <p>PIDM menyatakan lanjutan tempoh masa bagi projek-projek berkenaan adalah akibat keputusan pihak pengurusan PIDM dan ini telah diluluskan dan diminit di dalam mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Projek bagi projek-projek berkenaan. Pengerusi bagi projek-projek ini adalah seorang pegawai berkuasa (Ketua Pegawai Operasi) yang bertindak menurut had kuasa perolehan yang diluluskan. Oleh yang demikian, kelulusan lanjutan tempoh masa telah diberi.</p>	<p>Berdasarkan maklum balas dan ulasan yang dikemukakan, pemerhatian audit ini tidak wajar dan PIDM telah mengesyorkan supaya ianya dimansuhkan.</p>
7.4.4.1	<p><b>Perolehan Secara Tender - Salinan Perjanjian Kerahsiaan</b></p> <p>Perjanjian Kerahsiaan adalah kontrak perundangan yang menggariskan kerahsiaan bahan, pengetahuan atau maklumat untuk menjaga kepentingan dan kerahsiaan maklumat. Perjanjian Kerahsiaan tersebut ditandatangani semasa pengambilan dokumen tender. Setiap Perjanjian Kerahsiaan yang disediakan perlu dimatikan setem bagi mengesahkan perjanjian tersebut boleh diterima pakai mengikut kehendak undang-undang. Semakan Audit mendapati 3 atau 43% daripada 7</p>	<p>PIDM menyatakan bahawa 3 Perjanjian Kerahsiaan yang dipersoalkan adalah berkaitan dengan proses pengambilan dokumen tender oleh prospek pembida, dan bukan berkenaan kontrak sebenar yang dimuktamadkan. Klausula kerahsiaan dimasukkan di dalam setiap kontrak yang dimeterai dengan pembida yang berjaya, dan ke semua kontrak tersebut dimatikan setem. Perjanjian-perjanjian Kerahsiaan yang</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Perjanjian Kerahsiaan yang dipilih sebagai sampel audit tidak dimatikan setem.</p> <p>Pada pendapat Audit, Perjanjian Kerahsiaan hendaklah disediakan dan dimatikan setem bagi mengesahkan perjanjian tersebut disediakan mengikut undang-undang. Ianya bertujuan memastikan maklumat sulit PIDM adalah dilindungi dan tidak disebarluaskan kepada pihak luar.</p> <p>Maklum Balas Daripada PIDM Diterima Pada 5 Februari 2014.</p> <p>PIDM menyatakan bahawa 3 Perjanjian Kerahsiaan yang dipersoalkan adalah berkaitan dengan proses pengambilan dokumen tender oleh prospek pembida dan bukan berkenaan kontrak sebenar yang dimuktamadkan. Klausula kerahsiaan dimasukkan di dalam setiap kontrak yang dimeterai dengan pembida yang berjaya, dan kesemua kontrak tersebut dimatikan setem. Perjanjian-perjanjian Kerahsiaan yang dipersoalkan ini tidak mempunyai nilai kontrak pada masa pengeluaran dokumen tender kepada prospek pembida. Jika dokumen-dokumen tersebut dimatikan setem, PIDM perlu membayar suatu fi nominal berjumlah RM30 (RM10 bagi setiap perjanjian).</p>	<p>dipersoalkan ini tidak mempunyai nilai kontrak pada masa pengeluaran dokumen tender kepada prospek pembida. Jika dokumen-dokumen tersebut dimatikan setem, PIDM perlu membayar suatu fi nominal berjumlah RM30 (RM10 bagi setiap perjanjian).</p> <p>PIDM telah mengemukakan maklum balas terperinci pada 22 Januari 2014 dan pada 5 Februari 2014 yang menghuraikan bahawa soal kerahsiaan timbul di dua peringkat:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Peringkat pertama ialah apabila prospek pembida mengambil dokumen tender. Sebagai langkah berjaga-jaga, PIDM mempunyai pilihan untuk melaksanakan perjanjian kerahsiaan pada peringkat ini sekiranya terdapat maklumat sulit yang mungkin didedahkan, sebelum suatu kontrak dimuktamadkan. PIDM bersetuju bahawa apabila perjanjian kerahsiaan dimeterai, ia haruslah dicop setem.</li> <li>• Peringkat kedua ialah apabila pembida yang berjaya menandatangani kontrak dengan Perbadanan – dalam kes ini peruntukan kerahsiaan dimasukkan di dalam semua kontrak antara pembida berjaya dan PIDM.</li> </ul> <p>Ketiga-tiga perjanjian kerahsiaan yang dipersoalkan adalah berkaitan dengan dokumen tender peringkat pertama seperti dinyatakan di atas (ketika pengambilan dokumen tender).</p> <p>PIDM ingin menyatakan sekali lagi bahawa peruntukan kerahsiaan dimasukkan di dalam setiap kontrak, yang mana kesemuanya dimatikan setem. Ke semua kontrak ini membuat rujukan kepada seksyen 24 Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (“Akta PIDM”).</p> <p>Berdasarkan maklum balas dan ulasan yang dikemukakan, pemerhatian audit ini tidak wajar dan PIDM telah mengesyorkan supaya ianya dimansuhkan.</p>
7.4.5.2	<p><b>Pemantauan</b></p> <p>Semakan Audit mendapati mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Projek, Jawatankuasa Penilaian dan Jawatan Kuasa Pemilihan telah dilaksanakan mengikut peraturan yang ditetapkan. Minit mesyuarat yang disediakan adalah memuaskan. Bagaimanapun, senarai semak proses tender didapati tidak diwujudkan sebagai rujukan dan panduan semua bahagian. Pengemaskinian semua fail projek bagi</p>	<p>PIDM memantau pematuhan terhadap prosedurnya berkenaan perolehan secara tender dan ini boleh dipastikan dengan sebab tiada wujudnya kelemahan ketara atau material yang dilaporkan di dalam Laporan ini. PIDM telah melaksanakan suatu prosedur formal bagi proses tender pada Ogos 2012, sebagai sebahagian daripada usaha kami untuk</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>perolehan tender tidak dilakukan secara seragam. Penyelenggaraan fail projek masih kurang memuaskan dan boleh dipertingkatkan lagi.</p> <p>Pada pendapat Audit, PIDM perlu memantau prosedur perolehan tender dan memastikan proses perolehan tender dilakukan secara seragam.</p> <p>Maklum Balas Daripada PIDM Diterima Pada 5 Februari 2014.</p> <p>PIDM memantau pematuhan terhadap prosedurnya berkenaan perolehan secara tender dan ini boleh dipastikan dengan sebab tiada wujudnya kelemahan ketara atau material yang dilaporkan di dalam Laporan ini. PIDM telah melaksanakan suatu prosedur formal bagi proses tender pada Ogos 2012, sebagai sebahagian daripada usaha kami untuk mempertingkatkan serta mendokumentasikan amalan kami berkenaan perolehan secara tender.</p>	<p>mempertingkatkan serta mendokumentasikan amalan kami berkenaan perolehan secara tender, dan ini tidak diambil kira oleh pihak Audit.</p> <p>Berdasarkan maklum balas serta ulasan yang dikemukakan, pelaporan pemerhatian audit ini tidak wajar dan PIDM telah mengesyorkan supaya ianya dimansuhkan.</p>





**(SYARIKAT SUBSIDIARI BADAN BERKANUN  
PERSEKUTUAN)**



**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN  
DAN PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI BAGI SIRI 1 TAHUN 2013**

**PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH**

**Perenggan 9 : Pengurusan RISDA Fleet Sdn. Berhad**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
9.4.1.2.a	<p><b>Nisbah Kewangan - Nisbah Semasa</b></p> <p>Nisbah semasa adalah ukuran yang digunakan bagi menilai kekukuhan kewangan syarikat. Nisbah ini menunjukkan kemampuan syarikat menjelaskan hutang jangka pendek dengan membandingkan aset semasa dan liabiliti semasa. Nisbah semasa pada kadar 2:1 dan ke atas menunjukkan syarikat mempunyai kecairan yang tinggi dan berupaya menampung liabiliti semasanya. Nisbah semasa bagi tahun kewangan 2008 sehingga 2012 adalah pada tahap kurang memuaskan iaitu kurang daripada 1. Ini menunjukkan syarikat sangat bergantung kepada pinjaman luar untuk menguruskan operasinya.</p>	<p>RISDA FLEET (RFSB) telah mencatatkan keuntungan selepas cukai tahun 2013 (sebelum Audit) sebanyak RM2, 846,718 dan telah berjaya mencatatkan keuntungan terkumpul sebanyak RM1, 728,877.</p> <p>Nisbah semasa telah dapat ditingkatkan kepada 1.44 dan pulangan atas aset ditingkatkan kepada 17%.</p>
9.4.1.2.b	<p><b>Margin Untung Bersih</b></p> <p>Margin untung bersih menunjukkan keupayaan syarikat untuk menjana keuntungan bagi pendapatan yang diperoleh. Margin untung bersih RISDA Fleet menunjukkan peningkatan dari 0.4% pada tahun 2008 kepada 1.6% pada tahun 2009. Pada tahun 2010 dan 2011, RISDA Fleet mengalami kerugian berjumlah RM0.50 juta dan RM3.38 juta menyebabkan margin untung bersih adalah negatif. Keuntungan yang dicatatkan pada tahun 2012 menyebabkan RISDA Fleet memperoleh margin untung bersih sebanyak 2.7%.</p>	
9.4.1.2.c	<p><b>Pulangan Atas Ekuiti</b></p> <p>Pulangan atas ekuiti bertujuan untuk mengukur pulangan ke atas modal syarikat iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi pelaburan yang telah dibuat. Pada umumnya, semakin tinggi peratusan pulangan atas ekuiti menunjukkan prestasi syarikat semakin baik kerana ia menggambarkan syarikat berupaya menghasilkan keuntungan yang tinggi kepada pemegang saham. Pulangan terhadap pemegang ekuiti RISDA Fleet adalah tidak menentu iaitu hanya berupaya menghasilkan keuntungan kepada pemegang saham pada tahun 2008 sehingga 2009 dengan pulangan atas ekuiti syarikat adalah 33% dan 100% serta 213.3% pada tahun 2012. Pada tahun 2010 dan 2011, RISDA Fleet mengalami kerugian mengakibatkan peratus pulangan ke atas ekuiti adalah negatif.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>9.4.1.2.d</b></p>	<p><b>Pulangan Atas Aset</b></p> <p>Pulangan ke atas aset bertujuan untuk mengukur pulangan yang diperoleh oleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Keupayaan pengurusan menggunakan aset yang dimiliki untuk menjana pendapatan operasi di mana semakin tinggi nisbah semakin baik keupayaan untuk menjana pendapatan. Pulangan ke atas aset RISDA Fleet pada tahun 2009 meningkat kepada 2.1% berbanding 0.7% pada tahun 2008. Pada tahun 2010 dan 2011, RISDA Fleet mengalami kerugian mengakibatkan peratus pulangan ke atas aset adalah negatif. Pada tahun 2012, RISDA Fleet mencatat pulangan atas aset sebanyak 3.9%.</p> <p>Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan RISDA Fleet bagi 2 tahun iaitu 2010 dan 2011 adalah kurang memuaskan di mana syarikat mengalami kerugian selepas cukai dan kerugian terkumpul bagi kedua-dua tahun tersebut telah melebihi modal saham. Ini secara langsung telah menjejaskan nisbah kewangan seperti pulangan atas ekuiti dan pulangan atas aset. Nisbah semasa pada tahun 2008 sehingga 2012 juga kurang daripada 1.</p> <p>Maklum Balas Daripada RISDA Fleet Diterima Pada 29 Januari 2014.</p> <p>RISDA Fleet memaklumkan syarikat telah menerbitkan Saham Keutamaan Boleh Tebus (Redeemable Convertible Cumulative Preference Share) sejumlah RM3 juta dan dijual kepada RISDA Holdings Sdn. Berhad. Dengan tambahan modal tersebut, modal kerja dapat ditingkatkan dan operasi dapat berjalan dengan baik. RISDA Fleet juga akan menumpukan kepada pelanggan yang terjamin pembayarannya dan fokus kepada Syarikat Milikan RISDA (SMR) dan RISDA. Berdasarkan akaun pengurusan RISDA Fleet bagi tahun 2013, keuntungan selepas cukai adalah berjumlah RM2.85 juta dan syarikat berjaya mencatatkan keuntungan terkumpul. Ini secara langsung telah menambah baik nisbah kewangan.</p>	
<p><b>9.4.2.2.a</b></p>	<p><b>Lesen Pengendali Bagi Perkhidmatan Pengangkutan</b></p> <p>Merujuk kepada Seksyen 16 dan 51 Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 (Akta 715), pengendali kenderaan barangan boleh mengendalikan atau mengadakan suatu perkhidmatan kenderaan barangan dengan memegang Lesen Pengendali. Semakan Audit mendapati, RISDA Fleet mempunyai 3 jenis lori yang dikategorikan sebagai Lori Rigid, Lori Treler dan Lori Tanker iaitu milik RISDA Fleet sendiri serta milik NARSCO dan SHDC yang diserahkan kepada pengurusan RISDA Fleet.</p>	<p>Pengurusan RFSB telah menerima semua Lesen Pengendali lori SHDC daripada SPAD pada 27 Januari 2014.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																								
<p><b>9.4.2.2.b</b></p>	<p>Semakan lanjut mendapati Lesen Pengendali atas nama RISDA Fleet (sebanyak 55 lori) dan NARSCO (sebanyak 55 lori) telah diperolehi. Bagaimanapun, Lesen Pengendali bagi 47 lori atas nama SHDC masih belum diluluskan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) walaupun perkhidmatan pengangkutan telah dijalankan dan tempoh yang ditetapkan oleh SPAD untuk penukaran lesen sedia ada kepada Lesen Pengendali telah tamat pada 30 September 2012.</p> <p>Pada pendapat Audit, lori yang beroperasi tanpa Lesen Pengendali tidak mematuhi akta yang ditetapkan dan boleh menjejaskan kualiti perkhidmatan yang diberikan.</p> <p>Maklum Balas Daripada RISDA Fleet Diterima Pada 29 Januari 2014.</p> <p>RISDA Fleet memaklumkan telah menerima Lesen Pengendali atas nama SHDC telah diterima daripada SPAD pada 27 Januari 2014.</p>																									
<p><b>9.4.2.3.c</b></p>	<p><b>Bilangan Lori Tidak Mencukupi</b></p> <p>Semakan Audit mendapati RISDA Fleet kekurangan sebanyak 18 lori berbanding keperluan yang ditetapkan iaitu 137 lori pelbagai muatan. Kekurangan lori yang paling kritikal adalah di Sabah dan Sarawak iaitu hanya 6 lori atau 19.4% berbanding 31 lori yang diperlukan. Bagaimanapun bilangan lori telah melebihi keperluan di negeri Kelantan, Melaka, Pahang dan Terengganu. Kekurangan lori disebabkan oleh perkara berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kekurangan modal kerana memerlukan peruntukan kewangan yang besar;</li> <li>ii. Lori sedia ada telah uzur dan tidak lagi ekonomik untuk digunakan; dan</li> <li>iii. Kebanyakan lori sedia ada berskala kecil dan tidak berkeupayaan membawa muatan yang lebih. Lori tangki sedia ada berkapasiti 28mt sedangkan kapasiti yang diperlukan adalah lebih 40mt.</li> </ul>	<p>Pengurusan telah mengambil tindakan untuk mengatasi masalah kekurangan lori dengan membeli 10 buah lori rigid baru (BDM 5 tan) yang telah diterima pada 23 Januari 2014 daripada pihak pembekal bagi memenuhi keperluan di pejabat cawangan dengan pengagihan seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="1406 922 1939 1158"> <thead> <tr> <th>BIL</th> <th>PEJABAT CAWANGAN</th> <th>UNIT</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td> <td>Sabah</td> <td>3</td> </tr> <tr> <td>2</td> <td>Sarawak</td> <td>2</td> </tr> <tr> <td>3</td> <td>Johor</td> <td>1</td> </tr> <tr> <td>4</td> <td>Kelantan</td> <td>1</td> </tr> <tr> <td>5</td> <td>Kedah/Perlis/P.Pinang</td> <td>1</td> </tr> <tr> <td>6</td> <td>Pahang</td> <td>1</td> </tr> <tr> <td>7</td> <td>Negeri Sembilan</td> <td>1</td> </tr> </tbody> </table>	BIL	PEJABAT CAWANGAN	UNIT	1	Sabah	3	2	Sarawak	2	3	Johor	1	4	Kelantan	1	5	Kedah/Perlis/P.Pinang	1	6	Pahang	1	7	Negeri Sembilan	1
BIL	PEJABAT CAWANGAN	UNIT																								
1	Sabah	3																								
2	Sarawak	2																								
3	Johor	1																								
4	Kelantan	1																								
5	Kedah/Perlis/P.Pinang	1																								
6	Pahang	1																								
7	Negeri Sembilan	1																								
<p><b>9.4.2.3.d</b></p>	<p>Semakan Audit selanjutnya terhadap analisa penggunaan lori bagi tahun 2012 mendapati purata penggunaan lori sedia ada hanya mencapai 59%. Antara punca penggunaan lori yang rendah adalah kerana keadaan lori yang telah uzur dan berskala kecil.</p>	<p>Kekurangan sebanyak 8 buah lori lagi telah ditampung oleh lori Koperasi Pekebun Kecil sejak 15 Ogos 2013.</p>																								
<p><b>9.4.2.3.e</b></p>	<p>Analisis Audit terhadap usia lori RISDA Fleet mendapati 4 lori atau 2.5% daripada 157 lori adalah berusia lebih 30 tahun, manakala 55 lori atau 35% berusia antara 21 hingga 30 tahun, 34 lori atau 21.7% berusia antara 10 hingga 20 tahun dan 64 lori atau 40.8% berusia kurang daripada 10 tahun. Ke semua 4 lori yang berusia lebih 30 tahun tidak boleh digunakan dan telah dilupuskan/cadangan untuk dilupuskan. Bagi</p>	<p>Mesyuarat Lembaga Pengarah RFSB Kali Ke 5/2013 pada 19 Disember 2013 telah meluluskan pelupusan lori sebanyak 32 buah daripada 38 buah yang tidak boleh digunakan melalui jualan secara tender. Pelupusan 6 buah lori lagi telah dikemukakan kepada JKR pada</p>																								

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>lori berusia antara 21 hingga 30 tahun, 17 lori atau 30.9% lori tidak boleh digunakan manakala bagi lori berusia antara 10 hingga 20 tahun, 14 lori atau 41.2% tidak boleh digunakan. Selain itu, sebanyak 3 lori berusia kurang daripada 10 tahun didapati rosak. Ini menjadikan jumlah keseluruhan lori yang tidak boleh digunakan disebabkan rosak dan telah dilupuskan/cadangan untuk dilupuskan adalah sebanyak 38 lori.</p>	<p>18 September 2013 untuk penilaian sebelum tindakan pelupusan dilaksanakan.</p> <p>RFSB memaklumkan sejumlah RM1 juta daripada suntikan modal berjumlah RM3 juta diperuntukkan untuk membeli lori rigid. Sebanyak 10 lori rigid telah diterima pada 23 Januari 2014.</p>
<p><b>9.4.2.3.f</b></p>	<p>RISDA Fleet telah melantik panel pengangkutan bagi menjalankan perkhidmatan pengangkutan untuk menampung kekurangan lori. Setakat bulan Februari 2013, terdapat 37 syarikat pengangkutan yang berdaftar dengan RISDA Fleet sebagai panel pengangkutan.</p> <p>Pada pendapat Audit, kekurangan lori adalah kritikal kerana hanya 40.8% lori yang berusia kurang daripada 10 tahun masih ekonomik digunakan. Sementara lori yang selebihnya telah berusia antara 10 tahun hingga melebihi 30 tahun yang mana kurang selamat dari aspek fizikal dan boleh menyebabkan pencemaran alam sekitar.</p> <p>Maklum Balas Daripada RISDA Fleet Diterima Pada 29 Januari 2014.</p> <p>RISDA Fleet memaklumkan 10 lori rigid telah dibeli dan diterima pada 23 Januari 2014 bagi memenuhi keperluan di pejabat cawangan. Selain itu, kekurangan 8 lori telah ditampung oleh lori Koperasi Pekebun Kecil melalui Bantuan Pembangunan Koperasi yang dilantik sebagai penal/vendor. Sebanyak 30 lori yang tidak boleh digunakan telah diluluskan untuk pelupusan melalui jualan secara tender dan baki 6 lori akan dilupuskan setelah mendapat surat penilaian oleh Jabatan Kerja Raya.</p>	
<p><b>9.4.2.4.b</b></p>	<p><b>Kelewatan Penghantaran Baja Ke Stor Pusat RISDA</b></p> <p>Semakan Audit terhadap 10 penghantaran baja dari kilang ke Stor Pusat RISDA mendapati ada kelewatan dalam penghantaran baja iaitu antara 5 hingga 64 hari daripada tarikh penerimaan LO.</p>	<p>Mesyuarat Interaktif Bekalan Input Pertanian Bil. 3/2013 telah diadakan pada 14 November 2013, di Ibu Pejabat RISDA melibatkan Bahagian Input Pertanian RISDA (BBIP), RISDA FLEET (RFSB), RISDA BAJA (RBSB) dan RISDA SEMAIAN (RSSB) bertujuan untuk memperkemaskan proses penghantaran dan pengangkutan baja supaya lebih cekap.</p>
<p><b>9.4.2.4.c</b></p>	<p>Pihak Audit dimaklumkan kelewatan tersebut antaranya berpunca daripada LO dikeluarkan awal walaupun baja tersebut belum siap diproses di kilang dan Stor Pusat RISDA belum bersedia untuk menerima tambahan stok baja kerana masalah ruang yang terhad dan <i>pallet</i> yang tidak mencukupi.</p>	<p>Dalam mesyuarat tersebut, RISDA telah mengarahkan supaya Sistem Pemantauan Baja (SPB) yang dibangunkan oleh Bahagian Teknologi Maklumat RISDA (BTM) digunakan sepenuhnya serta-merta oleh pihak-pihak yang terlibat dalam pembekalan baja pekebun kecil seperti syarikat pembekal, syarikat pengangkutan dan Pusat Tanggungjawab RISDA</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
9.4.2.4.d	Lawatan Audit ke Stor Pusat RISDA di Pelabuhan Klang dan Kapar pada 2 April 2013 mendapati, keadaan stor yang penuh dengan stok baja dan baja diletakkan di atas lantai kerana kekurangan <i>pallet</i> .	(PRN/PRD) supaya semua pihak terlibat dapat memantau bersama prestasi bekalan baja dan mengambil tindakan untuk mengelakkan berlaku kelewatan. Dalam masa yang sama juga pihak RISDA telah menambah bilangan pallet sebanyak 300 unit pada 30 Mei 2013 bagi memenuhi penerimaan stok. Bagi mengatasi masalah ruang, tindakan pindahan stok antara Stor Pusat RISDA (SPUR) telah dilaksanakan mulai 14 November 2013.
9.4.2.4.e	<p>Mengikut perjanjian dan Arahan Ketua Pengarah RISDA, penalti akan dikenakan kepada RISDA Fleet sekiranya berlaku kelewatan penghantaran baja, benih dan juga MSM serta gagal atau cuai dalam memastikan keselamatan, jenis, kuantiti dan kualiti benih, baja dan MSM berkenaan. Semakan Audit mendapati, pada tahun 2012 RISDA Fleet telah membayar sejumlah RM217, 965 kepada RISDA untuk denda.</p> <p>Pada pendapat Audit, prestasi penghantaran dan pengangkutan baja adalah tidak memuaskan kerana kelewatan penghantaran baja boleh menyebabkan proses pembajaan oleh pekebun kecil akan terjejas.</p> <p>Maklum Balas Daripada RISDA Fleet Diterima Pada 29 Januari 2014.</p> <p>RISDA Fleet memaklumkan Mesyuarat Interaktif Bekalan Input Pertanian pada 14 November 2013 melibatkan RISDA, RISDA Fleet, RISDA Baja Sdn. Berhad dan RISDA Semaian Dan Landskap Sdn. Berhad telah memutuskan Sistem Pemantauan Baja dimantapkan penggunaan oleh syarikat pembekal, syarikat pengangkut dan pusat tanggungjawab RISDA supaya prestasi bekalan baja dapat dipantau. Selain itu, RISDA telah menambah bilangan <i>pallet</i> sebanyak 300 unit pada 30 Mei 2013 bagi memenuhi penerimaan stok dan pindahan stok antara Stor Pusat RISDA. Bagi mengatasi masalah denda lewat, RISDA Fleet mengambil langkah memasukkan elemen <i>Estimated Time Arrival</i> bagi setiap penghantaran seperti mana di dalam perjanjian ke dalam SOP.</p> <p>Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pengurusan perkhidmatan pengangkutan adalah memuaskan. Pengurusan perkhidmatan pengangkutan wajar dipertingkatkan dengan menyediakan bilangan lori yang mencukupi supaya tidak wujudnya kelewatan dalam penghantaran baja kepada stor dan pekebun kecil serta mendapatkan faedah yang maksimum daripada keistimewaan yang diberikan oleh RISDA bagi perkhidmatan pengangkutan.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
9.4.3.2.a	<p><b>Tadbir Urus Korporat Dan Pengurusan Kewangan</b></p> <p>RISDA Fleet mengeluarkan resit rasmi melalui sistem berkomputer APLUS yang dibangunkan sebagai akuan terimaan dan direkodkan dalam buku tunai. Bagaimanapun, nombor siri resit yang dijana melalui sistem tidak berturutan. Masalah ini dihadapi sejak sistem berkomputer APLUS dibuat penambahbaikan pada bulan Mei 2012 dengan menjana resit secara berpusat melalui sistem yang dibangunkan.</p>	<p>Nombor siri resit telah dijana secara berturutan melalui sistem APLUS mulai 1 Oktober 2013.</p>
9.4.3.2.b	<p>Semua aset RISDA Fleet tidak mempunyai nombor pendaftaran aset dan pemeriksaan tahunan tidak dibuat dalam tahun 2010 sehingga bulan Mac 2013.</p> <p>Pada pendapat Audit, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan RISDA Fleet adalah baik. Bagaimanapun, nombor siri resit yang dijana melalui sistem berkomputer APLUS tidak berturutan dan aset tidak didaftarkan.</p> <p>Maklum Balas Daripada RISDA Fleet Diterima Pada 29 Januari 2014.</p> <p>RISDA Fleet memaklumkan pengurus rangkaian sistem perakaunan berkomputer APLUS telah dilantik pada 1 Oktober 2013 bagi memastikan peraturan berjalan dengan lancar dan dipatuhi. Pendaftaran dan pemeriksaan aset telah selesai dilaksanakan pada bulan Januari 2014 bagi semua pejabat cawangan.</p>	<p>Nombor siri resit telah dijana secara berturutan melalui sistem APLUS mulai 1 Oktober 2013.</p>



**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN  
DAN PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI BAGI SIRI 1 TAHUN 2013**

**MAJLIS AMANAH RAKYAT**

**Perenggan 10 : Pengurusan F.I.T. Center Sdn. Berhad**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<b>10.4.1.2.a</b>	<p><b>Analisis Nisbah Kewangan - Nisbah Semasa</b></p> <p>Nisbah Semasa menunjukkan kemampuan syarikat menjelaskan hutang jangka pendek dengan membandingkan aset semasa dan liabiliti semasa. Nisbah Semasa pada kadar 2:1 dan ke atas menunjukkan syarikat mempunyai kecairan yang tinggi dan berupaya menampung liabiliti semasanya. Secara keseluruhannya, Nisbah Semasa FITEC bagi tahun 2008 sehingga 2012 adalah melebihi 1:1 iaitu 2.51 kali pada tahun 2008, 2.68 kali pada tahun 2009, 1.69 kali pada tahun 2010, 3.06 kali pada tahun 2011 dan 7.64 kali pada tahun 2012. Ini menunjukkan syarikat berupaya menjelaskan liabiliti semasanya.</p>	<p>Pengurusan aset-aset yang menjana pendapatan seperti kemudahan penginapan telah menunjukkan peningkatan dimana pada tahun 2013, FITEC telah mencatat perolehan sebanyak RM150,000.</p> <p>Pada tahun 2014, syarikat telah mensasarkan pendapatan sejumlah RM10 juta terutama dalam sektor pembekalan dan penggantian perabot baru untuk Institusi Pendidikan MARA (IPMA) serta kontrak-kontrak dari Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) yang telah dimeterai pada 2 September 2013.</p>
<b>10.4.1.2.b</b>	<p><b>Margin Untung Bersih</b></p> <p>Margin Untung Bersih menunjukkan keupayaan syarikat untuk menjana keuntungan bagi pendapatan yang diperoleh. FITEC telah mengalami kerugian selepas cukai bagi 2 tahun berturut-turut iaitu 2010 dan 2011 menyebabkan Margin Untung Bersih negatif iaitu 7.8% dan 13.3%. FITEC turut mencatatkan Margin Untung Bersih positif pada 2008, 2009 dan 2012 iaitu masing-masing pada 8.9%, 0.7% dan 2.2%. Bagaimanapun, margin ini tidak menggambarkan kecekapan sebenar FITEC kerana kos pentadbiran dan pengurusan seperti gaji, utiliti dan penyenggaraan dibiayai melalui bajet tahunan yang diterima daripada MARA.</p>	
<b>10.4.1.2.c</b>	<p><b>Pulangan Atas Aset</b></p> <p>Pulangan Atas Aset mengukur pulangan bersih yang diperoleh syarikat bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Semakin tinggi peratusan Pulangan Atas Aset menunjukkan syarikat semakin cekap dan produktif dalam menggunakan aset bagi meningkatkan keuntungan. FITEC telah mencatatkan nisbah Pulangan Atas Aset yang positif pada tahun 2008, 2009 dan 2012 iaitu 19.7%, 2.1% dan 2.5%. Bagaimanapun, FITEC mencatatkan nisbah Pulangan Atas Aset yang negatif pada tahun 2010 dan 2011 iaitu 9.7% dan 7.9%. Kecekapan FITEC menggunakan asetnya perlu dipertingkatkan bagi menjana keuntungan yang berterusan pada masa hadapan.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
10.4.1.2.d	<p><b>Pulangan Atas Ekuiti</b></p> <p>Pulangan Atas Ekuiti mengukur pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang dilaburkan oleh pemegang saham. Semakin tinggi peratusan Pulangan Atas Ekuiti menunjukkan prestasi syarikat semakin baik kerana ia menggambarkan syarikat berupaya menghasilkan keuntungan yang tinggi kepada pemegang saham. Pulangan Atas Ekuiti FITEC adalah negatif pada tahun 2010 dan 2011 iaitu 21.7% dan 11.5%. Ini disebabkan oleh kerugian selepas cukai dan peningkatan jumlah saham berbayar. Bagaimanapun, Pulangan Atas Ekuiti meningkat semula kepada 2.8% pada tahun 2012.</p> <p>Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan FITEC adalah kurang memuaskan. Bagi tahun 2008 sehingga 2012, didapati tren keuntungan menunjukkan penurunan sehingga mengalami kerugian dan hanya pada tahun 2012, FITEC memperoleh keuntungan selepas cukai sejumlah RM0.16 juta. Memandangkan syarikat ini berorientasi agensi sokongan dan menjalankan aktiviti promosi untuk usahawan perabot Bumiputera, syarikat ini berupaya beroperasi dengan mendapat pembiayaan daripada geran Kerajaan.</p>	
10.4.2.1.a	<p><b>Program Latihan Tidak Mencapai Sasaran</b></p> <p>FITEC menyediakan pelbagai program latihan berkaitan teknikal, teknologi pembuatan, pengeluaran perabot, pengurusan, pemasaran dan keusahawanan untuk mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran bagi mewujudkan usahawan Bumiputera yang berdaya saing. Semakan Audit mendapati FITEC hanya mencapai sasaran bilangan latihan dan peserta pada tahun 2011 iaitu melebihi 100% daripada sasaran yang ditetapkan. FITEC tidak mencapai sasaran bilangan latihan dan peserta yang ditetapkan pada tahun 2010 dengan hanya mencapai 62.1% bilangan latihan dan 59.7% bilangan peserta serta 81.2% bilangan latihan dan 70.2% bilangan peserta pada tahun 2012.</p>	<p>FITEC menyediakan sasaran bilangan aktiviti dan peserta pada setiap awal tahun dengan jangkaan peruntukan bakal diterima. Pada bulan Disember 2013, pihak pengurusan FITEC telah membuat semakan terhadap sasaran tahunan dan peruntukan diterima untuk memastikan sasaran program latihan di FITEC tercapai.</p>
10.4.2.1.b	<p>Semakan lanjut mendapati sasaran latihan dan peserta pada setiap tahun ditetapkan berdasarkan jangkaan peruntukan yang akan diterima daripada MARA. Peruntukan yang dijangka diterima pada tahun 2010 tidak diperoleh pada tahun tersebut dan hanya diterima mulai bulan November 2011. Latihan yang dirancang hanya dapat dijalankan mulai bulan November tahun 2011 iaitu selepas peruntukan diterima daripada BPU. FITEC turut menghadapi masalah mendapatkan peserta bagi program latihan yang dijalankan kerana usahawan Bumiputera tidak mampu membayar yuran latihan yang tinggi. Ketiadaan peruntukan daripada BPU menyebabkan FITEC meletakkan kesemua kos latihan kepada usahawan.</p>	<p>Kebanyakan peserta FITEC bergantung kepada pembayaran yuran yang rendah untuk menghadiri kursus. Tanpa peruntukan MARA untuk menampung perbelanjaan kos kursus, yuran kursus adalah tinggi. Kursus adalah tidak ekonomikal untuk dilaksanakan tanpa bilangan peserta yang mencukupi.</p> <p>Selain itu, mulai tahun 2013, FITEC telah mendapatkan sokongan daripada lain-lain Agensi seperti Jabatan Penjara Malaysia dan Kementerian Pendidikan yang mempunyai peruntukan pembangunan usahawan untuk melatih usahawan/ peserta mereka.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
10.4.2.1.c	<p>Semakan Audit juga mendapati FITEC tidak menetapkan sebarang mekanisme dalam membuat penilaian terhadap kemajuan para peserta selepas menyertai latihan yang dianjurkan FITEC. Ini menyebabkan keberkesanan program latihan yang dijalankan bagi mempertingkatkan kemahiran dan pengetahuan usahawan tidak dapat dinilai.</p> <p>Pada pendapat Audit, MARA perlu menyediakan peruntukan yang mencukupi kepada FITEC bagi mempertingkatkan kapasiti latihan dan bilangan usahawan Bumiputera. Penilaian keberkesanan program latihan perlu dijalankan untuk menambah nilai atau mengubah suai program latihan selaras dengan kehendak pasaran semasa.</p> <p>Maklum Balas Daripada FITEC Pada 29 Januari 2014.</p> <p>FITEC hanya menerima peruntukan daripada Unit Perancang Ekonomi berjumlah RM1.9 juta pada tahun 2010 yang dikhaskan bagi menjalankan program yang dirangka kepada kumpulan sasar yang telah dikenal pasti. Peruntukan ini juga digunakan untuk menjalankan beberapa program latihan pada tahun 2011. Selain itu, FITEC juga menjalankan program khusus kepada tenaga pengajar sekolah teknik dan vokasional serta kolej komuniti yang dibiayai oleh Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi. FITEC akan membuat semakan semula ke atas sasaran aktiviti yang ditetapkan berdasarkan peruntukan yang diluluskan.</p>	<p>FITEC telah melaksanakan penilaian keberkesanan program latihan mulai bulan Disember 2013 kepada peserta kursus yang mengikuti kursus di FITEC.</p> <p>FITEC telah memohon peruntukan daripada pihak MARA pada bulan Januari 2014 untuk melaksanakan <i>trace study</i> kepada peserta kursus dan menilai keberkesanan program latihan.</p>
10.4.2.2.a.i	<p><b>Program Pembangunan Vendor - Program Vendor Perabot Kapal</b></p> <p>Program Vendor Perabot Kapal merupakan program bagi menyediakan usahawan Bumiputera yang mampu membekalkan perabot kapal bagi projek pembekalan perabot kepada kapal <i>Second Generation Patrol Vessel</i> (SGPV) milik Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) yang dianugerahkan oleh Kerajaan Malaysia kepada syarikat Boustead Naval Shipyard Sdn. Berhad (Boustead). Selaras dengan terma kontrak dengan Kerajaan Malaysia yang menetapkan penglibatan usahawan Bumiputera di dalam program ini, Boustead telah menamakan FITEC sebagai syarikat berpotensi untuk terlibat dengan pembekalan perabot kapal SGPV melalui perjanjian persefahaman yang ditandatangani pada bulan Ogos 2010.</p>	
10.4.2.2.a.ii	<p>Melalui perjanjian persefahaman tersebut, Boustead bertanggungjawab memberi peluang perniagaan kepada usahawan Bumiputera di dalam projek pembekalan perabot kapal SGPV selain memberi sokongan penuh ke atas pelaksanaan Program Pembangunan Vendor FITEC. FITEC pula bertanggungjawab memberi bimbingan kepada usahawan Bumiputera berkaitan aspek pembangunan reka bentuk, prototaip</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	dan produk perabot kapal yang berdaya saing. Semakan Audit mendapati FITEC telah membelanjakan peruntukan daripada MITI berjumlah RM481,823 pada tahun 2011 dan 2012 bagi melaksanakan Program Vendor Perabot Kapal.	
10.4.2.2.a.iii	Semakan Audit mendapati FITEC telah menggunakan kepakaran pereka dalaman FITEC untuk membangunkan 32 reka bentuk pelbagai perabot kapal tanpa menggunakan peruntukan yang disediakan oleh MITI. Selain itu, FITEC hanya membangunkan 10 prototaip perabot kapal berjumlah RM28,818 berbanding 20 prototaip dengan peruntukan bernilai RM150,000 seperti yang ditetapkan dalam perjanjian.	FITEC tidak menggunakan peruntukan daripada MITI kerana menggunakan kepakaran dalaman untuk kerja rekabentuk. Sehingga bulan Disember 2013, FITEC telah membangunkan 10 buah prototaip perabot kapal dan bakinya akan dibangunkan secara berperingkat sehingga tahun 2019.
10.4.2.2.a.iv	Semakan lanjut mendapati FITEC telah membelanjakan sejumlah RM449,095 atau 89.8% daripada peruntukan yang disediakan bagi tujuan latihan dan pameran di dalam dan luar negara. Perbelanjaan sejumlah RM3,910 yang direkodkan di bawah Program Latihan Vendor Dalam Negara merupakan bayaran bagi dokumentasi Memorandum Persefahaman antara FITEC dan KAEFER Schiffsasbau GmbH. Tiada sebarang permohonan dikemukakan untuk kelulusan MITI terhadap perubahan penggunaan peruntukan berbanding perjanjian yang telah ditetapkan.	FITEC telah mengadakan perbincangan dengan pihak MITI dan diberikan kebenaran bagi membuat perubahan skop pelaksanaan program. Surat kelulusan dari MITI telah diperolehi pada 28 Januari 2014.
10.4.2.2.a.v	Semakan Audit juga mendapati FITEC telah menggunakan peruntukan Program Vendor Perabot Kapal berjumlah RM167,801 bagi menyertai Pameran Perabot Antarabangsa Solone Internationale Del Mobile di Milan, Itali pada bulan April 2011. Pameran tersebut tidak berkaitan dengan Program Vendor Perabot Kapal sebaliknya memberi penekanan kepada program pembangunan dan pengeksportan perabot keluaran usahawan Bumiputera. Semakan lanjut mendapati penyertaan FITEC dalam pameran tersebut yang diadakan pada bulan April 2011 hanya diluluskan oleh ahli Lembaga Pengarah pada bulan Oktober 2012.	Perbelanjaan yang tidak berkaitan dengan Program Vendor Perabot Kapal telah diselaraskan semula manakala permohonan terhadap perubahan penggunaan peruntukan berbanding perjanjian yang ditetapkan telah diluluskan oleh MITI pada 28 Januari 2014.
10.4.2.2.a.vi	<p>Semakan Audit mendapati sehingga tarikh pengauditan dijalankan, tiada sebarang tawaran kontrak diberikan oleh Boustead kepada FITEC bagi membekalkan perabot kepada kapal SGPV milik TLDM.</p> <p>Maklum Balas Daripada FITEC Pada 29 Januari 2014.</p> <p>Perbelanjaan yang tidak berkaitan dengan Program Vendor Perabot Kapal akan diselaraskan semula manakala permohonan terhadap perubahan penggunaan peruntukan berbanding perjanjian yang ditetapkan telah diluluskan oleh MITI pada 28 Januari 2014. FITEC juga telah mengemukakan cadangan harga kontrak pada 31 Mei 2013 dan masih di peringkat penilaian oleh Boustead.</p>	FITEC telah mengemukakan cadangan harga kontrak pada 31 Mei 2013 bernilai RM57 juta dan masih di peringkat penilaian oleh Boustead.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
10.4.2.2.b.ii	<p><b>Program Vendor My Kitchen</b></p> <p>Mengikut perjanjian yang ditandatangani antara FITEC dan MITI pada 1 Disember 2010, peruntukan berjumlah RM500,000 untuk Program <i>Vendor My Kitchen</i> perlu diagihkan kepada 4 aktiviti iaitu pembangunan reka bentuk, pembangunan prototaip, program latihan berjadual dan pembangunan <i>outlet</i>. Semakan Audit mendapati FITEC telah membelanjakan kesemua daripada peruntukan yang disediakan untuk tujuan pembangunan <i>outlet</i> sahaja iaitu berjumlah RM499,931.</p>	<p>FITEC telah membelanjakan sejumlah RM499,931 untuk membangunkan 6 outlet manakala 3 aktiviti lain adalah menggunakan dana dalaman FITEC sendiri.</p>
10.4.2.2.b.iii	<p>Semakan Audit juga mendapati pembangunan reka bentuk dan prototaip dihasilkan oleh pereka dalaman FITEC dan pereka daripada MKV tanpa menggunakan peruntukan yang disediakan oleh MITI manakala program latihan berjadual telah dijalankan menggunakan peruntukan FITEC. Bagaimanapun, tiada sebarang permohonan dikemukakan untuk kelulusan MITI terhadap perubahan penggunaan peruntukan berbanding perjanjian yang telah ditetapkan.</p>	<p>FITEC telah mengadakan perbincangan dengan pihak MITI dan diberikan kebenaran bagi membuat perubahan skop pelaksanaan program. Surat kelulusan dari MITI telah diperolehi pada 28 Januari 2014.</p>
10.4.2.2.b.v	<p>Semakan Audit mendapati FITEC telah mengalami kerugian berjumlah RM2.04 juta iaitu sejumlah RM0.82 juta pada tahun 2011, RM1.01 juta pada tahun 2012 dan RM0.21 juta sehingga bulan Oktober 2013 hasil daripada operasi <i>outlet My Kitchen</i>. Analisis Audit mendapati hanya <i>outlet</i> di Batu Caves mencatatkan keuntungan manakala 7 <i>outlet</i> yang lain mengalami kerugian kerana perolehan pendapatan yang rendah tidak dapat menampung perbelanjaan yang tinggi iaitu terdiri daripada sewaan bangunan, gaji pekerja, belanja pentadbiran dan promosi.</p>	<p>Mulai tahun 2012, FITEC telah mengambil tindakan untuk menutup ke semua <i>outlet</i> tersebut secara berperingkat kecuali di FITEC, Batu Caves bagi mengelakkan kerugian lebih besar. <i>Outlet</i> di Batu Caves dijadikan sebagai <i>retail model</i> dan inkubator kepada usahawan peruncitan perabot secara gunasama.</p>
10.4.2.2.b.vi	<p>Semakan lanjut mendapati FITEC telah mengambil tindakan dengan menamatkan perkhidmatan pekerjaanya di 6 <i>outlet</i> iaitu Sungai Buloh, Rawang, Shah Alam, Puchong, Setapak dan Klang pada bulan Oktober 2012 bagi mengurangkan perbelanjaan operasi. Bagaimanapun, sewaan bangunan di 6 <i>outlet</i> tersebut masih diteruskan walaupun tidak beroperasi kerana perjanjian sewaan bangunan hanya akan tamat pada bulan Disember 2013. Ia melibatkan nilai sewaan berjumlah RM112,400 meliputi sewaan <i>outlet</i> Sungai Buloh, Rawang, Shah Alam dan Klang bagi bulan November dan Disember 2012 serta outlet Puchong dan Setapak bagi bulan November 2012 sehingga Februari 2013.</p>	<p>Pada bulan Disember 2013, FITEC telah mengambil tindakan segera dengan menamatkan penyewaan bangunan di 6 <i>outlet</i> untuk memastikan FITEC tidak terus menanggung kos operasi <i>outlet</i> berkenaan.</p>
10.4.2.2.b.vii	<p>FITEC juga mengambil tindakan menutup <i>outlet</i> di Medan MARA pada bulan Oktober 2012 dan Puchong serta Setapak pada bulan Mac 2013 bagi mengelakkan kerugian yang lebih besar. Lawatan fizikal yang telah dijalankan pada 29 Mei 2013 mendapati sampel kabinet dapur di <i>outlet</i> Puchong berjumlah RM71,541 telah dipindahkan ke <i>outlet</i> Klang manakala sampel kabinet dapur di <i>outlet</i> Setapak berjumlah RM71,541 telah ditempatkan di stor FITEC.</p>	<p>Sampel-sampel model kabinet dapur tersebut telah dipindahkan ke stor FITEC dan telah dibuka untuk jualan kepada pihak yang berminat.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
10.4.2.2.b.viii	Semakan lanjut mendapati FITEC telah menyewakan <i>outlet</i> Sungai Buloh dan Rawang kepada MKV, <i>outlet</i> Shah Alam kepada Syarikat Locomo Sdn. Berhad dan outlet Klang kepada individu persendirian. Penyewaan ini bermula pada bulan Januari 2013. Bagaimanapun, tiada sebarang perjanjian disediakan bagi menetapkan terma dan syarat sewaan di antara FITEC dan pihak tersebut. Ini disebabkan perjanjian sewaan bangunan yang dibuat dengan pemilik bangunan berkenaan tidak membenarkan FITEC menyewakan bangunan tersebut kepada pihak lain.	Mulai Januari 2013, FITEC telah membenarkan operator outlet Bumiputera meneruskan operasi di outlet tersebut tertakluk kepada bayaran pengurusan yang perlu dibayar kepada FITEC kerana menggunakan kemudahan yang telah disediakan oleh FITEC.
10.4.2.2.b.ix	Semakan Audit sehingga bulan November 2013 mendapati FITEC masih menanggung kos sewaan di <i>outlet</i> Sungai Buloh dan Rawang bagi bulan Februari hingga November 2013 berjumlah RM135,000 serta di <i>outlet</i> Shah Alam dan Klang berjumlah RM73,150 bagi bulan Januari hingga November 2013. Ini disebabkan MKV hanya menjelaskan bayaran sewa bagi bulan Januari 2013. Lawatan Audit ke outlet Sungai Buloh dan Rawang pada 27 Mei 2013 mendapati kedua-dua <i>outlet</i> tersebut telah disewakan oleh MKV kepada Syarikat Banana Kitchen Sdn. Berhad tanpa pengetahuan FITEC.	Sehingga bulan Disember 2013, FITEC telah mengambil tindakan menutup 6 <i>outlet</i> dan menjelaskan kesemua tunggakan kepada pemunya premis.
10.4.2.2.b.x	<p>Semakan lanjut mendapati tiada kajian dijalankan oleh FITEC sebelum keputusan diambil untuk membuka <i>outlet My Kitchen</i>. Perjanjian yang ditandatangani dengan MKV juga tidak menjaga kepentingan usahawan Bumiputera lain dan FITEC kerana program ini hanya melantik MKV sebagai <i>vendor</i> tunggal manakala FITEC perlu menanggung sepenuhnya kos pembangunan <i>outlet</i> dan operasi.</p> <p>Pada pendapat Audit, FITEC hendaklah melaksanakan kajian terperinci sebelum menceburi bidang perniagaan baru. FITEC juga perlu menyelesaikan segera isu tunggakan bayaran sewaan <i>outlet</i> Sungai Buloh, Rawang, Shah Alam dan Klang bagi mengelakkan kerugian yang lebih besar ditanggung FITEC.</p> <p>Maklum Balas Daripada FITEC Pada 29 Januari 2014.</p> <p>Permohonan terhadap perubahan penggunaan peruntukan berbanding perjanjian yang ditetapkan telah diluluskan oleh MITI pada 28 Januari 2014. Sampel kabinet dapur di semua <i>outlet My Kitchen</i> telah dibawa balik ke FITEC untuk dijual bagi mengurangkan kerugian. Sewaan bangunan di 6 outlet tersebut telah ditamatkan sebaik sahaja perjanjian sewaan tamat pada bulan Disember 2013. FITEC juga sedang mengutip semua tunggakan sewa bulanan manakala perjanjian eksklusif antara FITEC dan MKV telah ditamatkan secara persetujuan bersama pada 6 September 2013.</p>	FITEC telah menamatkan perjanjian eksklusif antara FITEC dan MKV secara persetujuan bersama pada 6 September 2013. Manakala bagi semua projek baru, FITEC perlu mendapatkan kelulusan dari Jawatankuasa Pelaburan MARA sebelum meneruskan cadangan berkaitan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>10.4.2.3.b</b></p>	<p><b>Laporan Pemantauan Program Pembangunan Vendor</b></p> <p>Selain daripada perjanjian tersebut, MITI melalui surat bertarikh 4 Januari 2011 mengkehendaki FITEC mengemukakan laporan pelaksanaan dan laporan kewangan setiap 3 bulan bagi tujuan pemantauan. Semakan Audit mendapati FITEC hanya mengemukakan satu laporan sepanjang program ini berjalan iaitu Laporan Kemajuan dan Program Latihan Vendor Sehingga Bulan Mac 2011 yang dikemukakan pada bulan April 2011. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan ketepatan maklumat dan angka bagi laporan perbelanjaan Program Vendor Perabot Kapal berjumlah RM54,940 sehingga bulan Mac 2011 memandangkan program tersebut hanya bermula pada bulan April 2011. Semakan lanjut mendapati laporan perbelanjaan Program <i>Vendor My Kitchen</i> berjumlah RM314,264 bagi tempoh Januari 2011 hingga Mac 2011 juga tidak dapat disahkan memandangkan perbelanjaan sebenar yang dibuat hanya berjumlah RM87,402.</p> <p>Pada pendapat Audit, laporan pemantauan yang lengkap perlu dikemukakan secara berkala mengikut perjanjian yang ditetapkan bagi memastikan objektif program yang telah ditetapkan dapat dicapai.</p> <p>Maklum Balas Daripada FITEC Pada 29 Januari 2014.</p> <p>Laporan prestasi aktiviti dan perbelanjaan di bawah Program Pembangunan Vendor MITI telah dikemukakan kepada MITI.</p>	<p>Mulai bulan Disember 2013, FITEC telah mengemukakan laporan pelaksanaan dan kewangan bagi kedua-dua program kepada MITI setiap suku tahun.</p>
<p><b>10.4.2.4.b</b></p>	<p><b>Pusat Pameran Dan Jualan Perabot Di Rumah Melaka</b></p> <p>Semakan Audit mendapati FITEC telah mengalami kerugian berjumlah RM189,641 sehingga bulan Julai 2013 walaupun FITEC telah menjalankan pelbagai kegiatan promosi melalui penghantaran risalah kepada penduduk setempat, pengiklanan melalui internet dan blog serta jualan murah. Semakan lanjut mendapati tiada kajian daya maju dijalankan oleh FITEC sebelum keputusan diambil untuk membuka Pusat Pameran dan Jualan Perabot di Rumah Melaka.</p> <p>Pada pendapat Audit, FITEC hendaklah menjalankan kajian daya maju sebelum sebarang keputusan diambil terhadap sesuatu prospek perniagaan bagi memastikan ianya berdaya saing dan boleh mendatangkan keuntungan kepada syarikat.</p> <p>Maklum Balas Daripada FITEC Pada 28 Oktober 2013.</p>	<p>Pelaksanaan operasi Rumah Melaka adalah hasil daripada perbincangan Kerajaan Negeri Melaka, MTIB dan FITEC. Oleh kerana kos operasi projek ini tinggi, maka FITEC telah mengambil tindakan menutup Pusat Pameran dan Jualan Rumah Melaka pada bulan Ogos 2013 dengan persetujuan MTIB.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>FITEC telah menutup Pusat Pameran dan Jualan Perabot di Rumah Melaka pada bulan Ogos 2013 kerana tidak berdaya saing. Penutupan tersebut adalah susulan daripada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengoperasian Pusat Promosi Perabot dan Produk Berasaskan Kayu Rumah Melaka pada 15 Julai 2013 yang bersetuju menamatkan penyewaan FITEC di Rumah Melaka.</p> <p>Pada keseluruhannya, pengurusan aktiviti FITEC adalah memuaskan dan boleh dipertingkatkan. FITEC perlu membuat perancangan serta mewujudkan mekanisma kawalan dan pemantauan terhadap pelaksanaan semua program latihan dan aktiviti perniagaannya.</p>	



**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN  
DAN PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI BAGI SIRI 1 TAHUN 2013**

**LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA**

**Perenggan 11 : Pengurusan Majuikan Forwarding Sdn. Berhad**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
11.4.1.1.a	<p><b>Analisis Trend</b></p> <p>Kedudukan kewangan MFSB bagi tahun 2008 sehingga 2012 adalah tidak memuaskan. MFSB mencatat kerugian selepas cukai bagi tempoh tahun kewangan 2008 sehingga 2012 kecuali pada tahun 2009 syarikat memperoleh keuntungan selepas cukai berjumlah RM33,812. Pada tahun 2008, MFSB telah mencatat kerugian selepas cukai berjumlah RM14,434, tahun 2010 berjumlah RM2,857, tahun 2011 berjumlah RM124,614 dan tahun 2012 berjumlah RM151,151. Sehingga 31 Disember 2012, kerugian terkumpul MFSB berjumlah RM412,250 melebihi modal saham.</p>	<p>Pihak pengurusan mengambil perhatian di atas teguran dan ulasan pihak Audit Negara berkenaan dengan prestasi kewangan syarikat.</p>
11.4.2.1	<p><b>Peningkatan Kos Tetap Operasi</b></p> <p>MFSB terpaksa menanggung kos tetap bagi menjalankan operasinya disebabkan kekangan kewangan. Kos tetap yang ditanggung oleh MFSB adalah terdiri daripada sewaan tanah dan bangunan, bayaran pinjaman dan sewaan jentera fantuzzi. Semakan Audit mendapati kos tetap operasi bulanan meningkat dari tahun 2007 sehingga 2012 iaitu daripada RM12,000 pada tahun 2007 kepada RM361,656 pada tahun 2012. Peratusan kos tetap operasi juga meningkat daripada 1.7% pada tahun 2007 kepada 28.1% pada tahun 2012 berbanding jumlah perbelanjaan. Peningkatan ini adalah disebabkan penyewaan jentera fantuzzi untuk operasi gudang yang bermula pada tahun 2009 dan bayaran tetap pinjaman oleh syarikat yang bermula pada 2011.</p>	<p>Oleh kerana tindakan untuk pengecilan operasi syarikat MFSB telah dilakukan, maka syarikat ini tidak akan menanggung sebarang kos operasi lagi kerana semua operasi perniagaan logistik syarikat telah diberhentikan.</p>
11.4.2.2	<p><b>Perjanjian Pinjaman Tidak Dikemukakan Untuk Kelulusan</b></p> <p>Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1993 menetapkan semua pinjaman yang '<i>substantial</i>' oleh syarikat subsidiari sama ada dijamin oleh Syarikat Induk dan Badan Berkanun atau tidak, perlu dibentangkan untuk kelulusan Lembaga Pengarah Syarikat Induk dan Badan Berkanun. Semakan Audit mendapati perjanjian pinjaman yang ditandatangani pada 14 Februari 2011 untuk menaik taraf gudang bernilai RM310,000 dengan kadar faedah 5% setahun bagi tempoh 5 tahun mulai Januari</p>	<p>Tindakan akan dibuat untuk mengemukakan perjanjian tersebut kepada Lembaga Pengarah Syarikat MSB untuk kelulusan. Bagaimanapun, pinjaman ini telah selesai pada akhir tahun 2013.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>2011 sehingga Disember 2015 tidak dikemukakan untuk kelulusan Lembaga Pengarah MFSB dan LKIM.</p> <p>Pada pendapat Audit, semua pinjaman yang 'substantial' oleh MFSB perlu dibentangkan untuk kelulusan Lembaga Pengarah Syarikat Induk dan Badan Berkanun.</p> <p>Maklum Balas Daripada LKIM Diterima Pada 29 Januari 2014.</p> <p>LKIM memaklumkan tindakan akan dibuat untuk mengemukakan perjanjian tersebut kepada Lembaga Pengarah Syarikat MSB untuk kelulusan. Bagaimanapun, pinjaman ini telah selesai pada akhir tahun 2013.</p>	
11.4.3.1.a	<p>Amalan tadbir urus yang baik amat penting kerana ia membantu mengukuhkan reputasi syarikat di samping meningkatkan tanggungjawab korporat. Oleh itu, amalan tadbir urus yang baik dapat memastikan kualiti dan integriti dalam organisasi tersebut. Pada keseluruhannya, tadbir urus korporat MFSB adalah tidak memuaskan.</p> <p>Tiada mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan pada tahun 2012. Pada tahun 2011, mesyuarat Lembaga Pengarah hanya diadakan sekali sahaja manakala pada tahun 2010, mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan sebanyak 2 kali. Ini adalah disebabkan semua mesyuarat Lembaga Pengarah MFSB diselaraskan oleh syarikat induk MSB. Pada tahun 2012, mesyuarat Lembaga Pengarah MFSB tidak dapat diadakan disebabkan proses pengecilan operasi yang dihadapi oleh MSB pada ketika itu dan masalah serta isu perundangan yang dihadapi oleh pihak syarikat induk MSB di samping prestasi kewangan syarikat induk MSB yang tidak memuaskan.</p>	Mesyuarat Lembaga Pengarah MFSB tidak dapat dijalankan pada tahun 2012 disebabkan oleh Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah MFSB pada ketika itu berhadapan dengan masalah perundangan yang mempunyai implikasi ke atas keputusan yang dibuat jika Mesyuarat Lembaga Pengarah MFSB diadakan.
11.4.3.1.b	MFSB tidak mempunyai pelan strategik jangka panjang serta hala tuju syarikat disebabkan masalah yang dihadapi oleh syarikat induk.	
11.4.3.2	<p>Pengurusan kewangan sesebuah syarikat yang teratur dan cekap dapat memastikan aset syarikat diurus dengan teratur, mengelak penyelewengan, memastikan ketepatan dan kesempurnaan rekod perakaunan serta membolehkan maklumat kewangan disediakan dengan segera dan boleh dipercayai. Semakan Audit mendapati pengurusan kewangan MFSB adalah memuaskan kecuali perkara berikut:-</p> <p>a. Terdapat kelewatan dalam kemasukan ke bank antara 2 hingga 18 hari.</p>	Tindakan pelupusan akan dibuat bagi 12 penghutang tidak aktif berjumlah RM109,757 tersebut. Bagi baki penghutang yang lain, pihak MFSB akan meneruskan proses pengutipan hutang seperti biasa. Di bawah <i>Strategic Reform Initiatives</i> bagi syarikat kerajaan dan subsidiari, LKIM telah diarahkan untuk melepaskan pegangan dalam MSB dan anak syarikatnya. Proses <i>divestment</i> ini disasarkan akan selesai menjelang tahun 2015. Selaras dengan arahan ini, LKIM dengan persetujuan YB Menteri Pertanian Dan Industri Asas Tani telah melaksanakan proses pengecilan syarikat MFSB dan urus tadbir syarikat MFSB kini diambilalih oleh <i>caretaker</i> yang

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>b. Penghutang MFSB sejumlah RM446,454 termasuk 12 penghutang tidak aktif yang melebihi 5 bulan berjumlah RM109,757.</p> <p>Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pengurusan MFSB adalah tidak memuaskan. MFSB mengalami kerugian selepas cukai 3 tahun berturut-turut dari tahun 2010 sehingga 2012 dan kerugian terkumpul berjumlah RM412,250 setakat 31 Disember 2012 telah melebihi modal berbayar syarikat iaitu RM100,000. Selain itu, Lembaga Pengarah MFSB juga gagal menjalankan peranan secara berkesan bagi memenuhi tugas fidusiarinya terhadap prestasi pengurusan syarikat dengan tiada mesyuarat dijalankan pada tahun 2012.</p> <p>Maklum Balas Daripada LKIM Diterima Pada 29 Januari 2014.</p> <p>LKIM memaklumkan tindakan pelupusan akan dibuat bagi 12 penghutang tidak aktif berjumlah RM109,757 tersebut. LKIM juga memaklumkan di bawah <i>Strategic Reform Initiatives</i> bagi syarikat kerajaan dan subsidiari, LKIM telah diarahkan untuk melepaskan pegangan dalam MSB dan anak syarikatnya. Proses <i>divestment</i> ini disasarkan akan selesai menjelang tahun 2015. Selaras dengan arahan ini, LKIM dengan persetujuan YB Menteri Pertanian Dan Industri Asas Tani telah melaksanakan proses pengecilan syarikat MFSB dan urus tadbir syarikat MFSB kini diambil alih oleh <i>caretaker</i> yang dilantik daripada pegawai LKIM. Operasi perniagaan logistik syarikat MFSB juga telah ditamatkan mulai 1 Oktober 2013.</p>	<p>dilantik daripada pegawai LKIM. Operasi perniagaan logistik syarikat MFSB juga telah ditamatkan mulai 1 Oktober 2013.</p>

